Penyata Rasmi

PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2021) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

Mulai Pada

26 NOVEMBER 2020
HINGGA
6 DISEMBER 2020

Disediakan oleh

PEJABAT DEWAN NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI PERTAMA, KHAMIS, 26 NOVEMBER 2020	
1.	Kehadiran.	4
2.	Doa.	8
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	8
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat.	8
5.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020.	9
6.	Penangguhan.	38
	HARI KEDUA, AHAD, 29 NOVEMBER 2020	
1.	Kehadiran.	39
2.	Doa.	43
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	43
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	43
5.	Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020.	64
6.	Penangguhan.	103
	HARI KETIGA, ISNIN, 30 NOVEMBER 2020	
1.	Kehadiran.	104
2.	Doa.	108
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	108
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	108
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020.	128
6.	Penangguhan.	171

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI KEEMPAT, SELASA, 01 DISEMBER 2020	
1.	Kehadiran.	172
2.	Doa.	176
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	176
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	176
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020.	198
6.	Penangguhan.	248
	HARI KELIMA, RABU, 02 DISEMBER 2020	
1.	Kehadiran.	249
2.	Doa.	253
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	253
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	253
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020.	273
6.	Penangguhan.	325
	HARI KEENAM, KHAMIS, 03 DISEMBER 2020	
1.	Kehadiran.	326
2.	Doa.	330
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	330
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	330
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020.	351
6.	Penangguhan.	404

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI KETUJUH, AHAD, 06 DISEMBER 2020	
1.	Kehadiran.	405
2.	Doa.	409
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	409
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	409
5.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.	430
6.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020.	430
7.	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2021.	459
8.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2020.	462
9.	Rundingan Mengenai Pengecualian Cukai Harta Rumah Kos Rendah Dan Pengurangan Cukai Harta Bagi Kategori Bangunan Perumahan Komersial Dan Perindustrian.	466
10.	Penangguhan.	479
11.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	480

~~~~~~~~~~~~~~~~ *Dewan Negeri Johor* ~~~~~~~~~~~~~~~~
~~~~~~~~~~~~~~~~

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2021)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI PERTAMA	**KHAMIS, 26 NOVEMBER 2020**	**BIL. 10 TAHUN 14**

HADIR
YB Speaker,
Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)
Datuk Haji Hasni bin Mohammad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan & Budaya
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur
Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan
Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia
Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna
Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP., SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, pagi ini kita akan memulakan Majlis Mesyuarat Ketiga Belanjawan 2021 Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-14. Persidangan kali ini akan mengambil masa selama 7 hari sehingga 6 Disember 2020.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sempena ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim pada 22 November 2020. Patik dan seluruh Ahli Dewan Negeri merafak sembah dengan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih dan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Semoga Allah SWT mengurniakan keafiatan untuk terus bersemayam di atas singgahsana takhta kerajaan Negeri Johor Darul Takzim. Semoga negeri Johor Darul Takzim juga akan terus makmur, aman di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini juga kita akan mendengar pembentangan Belanjawan 2021 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Pembentangan Belanjawan ini juga boleh diikuti melalui *live streaming* di *Facebook* rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 34 hingga 39 tahun 2020.

Bilangan 34 Tahun 2020	-	Anggaran Perbelanjaan Tambahan Ketiga Tahun 2020.
Bilangan 35 Tahun 2020	-	Laporan Jawatankuasa Belanjawan Negeri Mengenai Peranggaran Negeri Johor Tahun 2021.
Bilangan 36 Tahun 2020	-	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2021.
Bilangan 37 Tahun 2020	-	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 dan Penyata Memorandum mengenai : • Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018 Siri 3.
Bilangan 38 Tahun 2020	-	Resolusi Untuk Menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Di Bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) Bagi Tujuan Terimaan Dana Daripada Kerajaan.
Bilangan 39 Tahun 2020	-	Resolusi Untuk Menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Di Bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta

61) Bagi Tujuan Pembangunan Dan Penyelenggaraan Perumahan Negeri Johor.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2021) TAHUN 2020.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa Rundingan menurut Peraturan Tetap 15(3) supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020 dikemukakan sekarang tanpa mengikut Susunan Perkara-Perkara Mesyuarat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020 dikemukakan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020 dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2021 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan untuk tahun itu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad SAW kepada keluarga dan sahabat baginda, tabiin dan para ulama', semoga memperoleh ihsan Allah di hari pengadilan kelak.

Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah, menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim, sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiul Akhir 1442 Hijriah.

Saya mohon izin Dewan yang mulia ini untuk membentangkan peruntukan perbelanjaan kerajaan bagi Tahun 2021 atau Belanjawan Negeri Johor 2021. Belanjawan ini dirangka dalam saat paling getir dan mencabar bagi negeri Johor. Saat yang tidak pernah dilalui oleh mana-mana kerajaan Johor Moden yang terdahulu. Kita benar-benar berada dalam *a very unprecedented circumstances*, dengan izin. Bukan sahaja kita berhadapan dengan pandemik yang merbahaya tetapi nadi ekonomi kita hampir terhenti kerana penutupan sempadan dan perintah kawalan pergerakan yang bersilih ganti. Semua ini perlu berlaku dalam keadaan harga minyak global berada pada paras terendah dan iklim politik negara yang tidak stabil. Globalisasi pula *is in the state of retreat,* dengan izin akibat pintu-pintu sempadan antarabangsa majoritinya masih lagi ditutup.

Johor sangat terkesan dengan semua ini. Ekonomi kita menguncup, pengangguran kita meningkat, pelaburan baru kita berkurangan, perniagaan terpaksa menghentikan operasi, kuasa beli rakyat semakin merosot dan kutipan hasil negeri terjejas dengan teruk. Namun, tugas sebenar kerajaan negeri ialah mengurus keadaan ini dengan sebaik-baiknya dalam apa jua keadaan, walau sebesar mana pun konflik dan krisis yang tiba, tiada kerajaan yang patut tewas dan mengalah. Insya-Allah, kerajaan negeri Johor akan sedaya upaya memaparkan keupayaannya untuk menangani apa jua gelora yang menghimpit. Bagi saya, rakan-rakan EXCO dan penjawat awam negeri, apa yang Johor sedang lalui kini adalah *the real test of leadership. And i believe we will collectively overcome it*, dengan izin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada hari yang penting ini, saya ingin membentangkan Belanjawan negeri Johor bagi tahun 2021. Belanjawan yang akan menguruskan krisis dan membendung himpitan yang sedang dialami rakyat di luar Dewan ini. Sebelum itu saya ingin membuat penegasan yang sangat penting dan sepenuh jujur.

Pertama, tiada kerajaan yang mampu memberikan segalanya kepada semuanya dengan sebanyaknya tatkala berada dalam himpitan yang luar biasa waktu ini. Walaupun begitu, kerajaan ini akan cuba sedaya upayanya untuk memberikan kepada semua segala bantuan dan rangsangan yang selayaknya dalam sedikit atau sebanyaknya sesuai kemampuan kerajaan yang ada. Itulah komitmen kita.

Kedua, belanjawan ini perlaksanaan dan keberkesanannya sangat tergantung kepada tiga perkara iaitu secepat mana pandemik ini akan berakhir, sepantas mana sempadan Johor akan dibuka dan sekerap mana perintah kawalan pergerakan akan dilaksanakan pada masa hadapan.

Ketiga, belanjawan ini bukanlah pengakhiran. Ia adalah permulaan dan penerusan kepada segala usaha kita dalam membantu mereka yang terjejas. Dan, setiap kali kita membantu, *we will be better and we will overcome our weaknesses*, Insya-Allah, kerana zaman kerajaan tahu semua perkara tidak patut wujud dalam konteks semasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pentadbiran saya tidak akan berselindung dengan retorika bahawa segalanya akan menjadi baik dan segalanya akan mampu kerajaan uruskan. Pentadbiran saya akur bahawa ada perkara yang di luar kawalan kerajaan kerana itulah kita akan sentiasa bersifat realistik dan bertanggungjawab. Saya juga ingin menyeru semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, agar bersolidariti demi Johor yang sangat kita cintai. Inilah waktunya untuk kita membuktikan bahawa ideologi yang berbeza, fahaman politik yang berlainan dan pendirian kita yang pelbagai tidak akan mengatasi kecintaan kita kepada negeri Johor Darul Ta'zim.

Bahawa pada hari ini kita semua bersidang dalam semangat bermuafakat. Kita adalah rakyat Johor. Kita adalah Bangsa Johor. Atas rasa simpati dan penuh kesedaran, maka kerajaan Johor melalui *Southern Volunteers* akan menghantar bakul makanan bagi rakyat Johor dan Malaysia yang terkandas di Singapura. Usaha ini dilakukan bersama-sama Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura dan *Malaysia Singapore Association*.

Dan, dengan didorong semangat yang patriotik kepada negeri Johor Darul Takzim, kita boleh mengemukakan Belanjawan Johor 2021 ini sebagai usaha bersama demi kebajikan rakyat dan pemulihan ekonomi negeri kita.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tema Belanjawan Johor 2021 adalah "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran". Ini selari dengan keadaan semasa setiap batang tubuh rakyat Johor di luar sana. Mereka sedaya upaya berpegang kepada apa yang ada demi kelangsungan hidup hari esok yang entah siapa tahu pengakhirannya. Kita harus berterima kasih kepada

Pentadbiran yang terdahulu, yang telah mewariskan kita sumber-sumber yang mungkin tidaklah banyak tetapi mencukupi. Cukup untuk kita mengharungi ujian ini dengan yakin dan cermat. Saya yakin dan pasti kisah-kisah kemakmuran negeri Johor akan kita ulangi bersama sekali lagi. Iaitu kisah-kisah kemajuan ekonomi dan kesejahteraan rakyatnya.

Namun begitu, sekarang adalah masa untuk kita berdaya tahan, sekuat dan semampu boleh. Sekarang juga adalah masa untuk kita menumpukan sepenuh sumber yang ada bagi menata cara-cara baru untuk menggapai kemakmuran bersama, insya-Allah seusai semua musibah ini berlalu pergi nanti. Maka segala pertimbangan dalam Belanjawan 2021 dipandu oleh tiga objektif utama. Objektif-objektif ini bertujuan untuk sedikit sebanyak memberi bantuan dan pengupayaan kepada semua untuk menempuhi masa yang getir ketika ini.

1. Menjamin ketahanan dan kelangsungan ekonomi.

2. Memperkasa dan memperdaya tahan kebajikan rakyat Johor dan

3. Menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, adalah sangat sukar untuk membuat unjuran, ramalan dan membangun senario ekonomi untuk tahun 2021. Ini kerana Johor, Malaysia malah seluruh dunia terus berada dalam keadaan ketidaktentuan. Kita tidak tahu bilakah pandemik ini akan berakhir. Bilakah Malaysia akan menerima vaksin dan secepat manakah vaksinasi dapat dilaksanakan setelah ditemui kelak. Bilakah sempadan negara akan dibuka dan setakat manakah hasil boleh dikutip dalam keadaan yang tidak menentu ini. Pemulihan ekonomi global akan kekal tidak sekata dalam tempoh terdekat. Prestasi ekonomi antarabangsa tahun 2021 masih dan akan terkesan oleh lanjutan kejutan permintaan dan penawaran atau *demand and supply shock*, dengan izin.

Penutupan sempadan, kejatuhan harga komoditi, gangguan rantaian bekalan serta kelumpuhan pasaran maju. Ringkasnya, kita bukan sahaja berhadapan dengan *the new great depression* tetapi kita sedang menghadapi era *slowbalisation* iaitu era penguncupan, era kelembapan dan era penyusutan mega secara global. Bank Dunia pula meramalkan bahawa seramai 115 juta penduduk dunia dijangka terjerumus ke dalam lembah kemiskinan pada tahun 2020. Menjelang tahun 2021 pula, seramai 150 juta penduduk dunia akan terperangkap dalam kemelut kemiskinan melampau dengan pendapatan kurang daripada USD1.90 atau RM7.89 sehari.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun tidak terkecuali daripada menerima impak *cross crisis economy* ini. Kesannya, setakat September 2020 sebanyak 32,000 perusahaan kecil dan sederhana di seluruh negara telah menamatkan operasi mereka, dalam bahasa mudah mereka sudah tutup kedai. Ia dijangka akan bertambah buruk dan bakal mengakibatkan ratusan ribu rakyat hilang pekerjaan. Pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjurkan bakal menyusut sebanyak 4.5% pada tahun 2020. Ia akan kembali pulih pada tahun 2021 pada kadar 6.5% - 7.5%. Namun begitu, ada pakar ekonomi yang tidak sependapat dengan angka tersebut kerana ia adalah terlalu optimistik. Lebih-lebih lagi disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang sentiasa bersilih ganti dan *on and off* akibat usaha mengekang COVID-19. Tambahan lagi, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) telah meramalkan bahawa gelombang ketiga COVID-19 bakal melambatkan ekonomi negara hingga ke suku pertama tahun 2021.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sesungguhnya perjalanan pemulihan ekonomi negeri Johor masih lagi jauh. Kita amat terkesan dengan gelombang ketiga pandemik ini. Melalui pelaksanaan semula PKP serta sempadan negara yang masih belum dibuka sepenuhnya. Lihat sahajalah ekonomi negeri Johor pada tahun 2020, diunjurkan menyusut sebanyak 3%

hingga 5%. Ia adalah lebih teruk daripada penyusutan nasional. Ini kerana kebergantungan dinamik Johor kepada aktiviti rentas sempadan dan perdagangan antarabangsa, juga kesan limpahan daripada kemelesetan ekonomi Singapura serta momentum pertumbuhan ekonomi yang kurang memberangsangkan pada tahun 2019 yang hanya pada kadar 2.7% sahaja.

Yang amat membimbangkan, dianggarkan 5% hingga 10% PKS di negeri Johor terpaksa tutup perniagaan akibat gangguan aliran tunai. Jelasnya, penutupan sempadan negara telah mengakibatkan permintaan menjunam dan persekitaran ekonomi menjadi semakin suram. Johor harus mengakui bahawa ekonominya akan mengalami keluk pemulihan berbentuk-K. Sesetengah industri memaparkan pemulihan manakala industri lain terus jatuh merudum. Contohnya, sektor pelancongan dan sektor penerbangan merupakan sektor yang semakin terkesan pada ketika ini. Sebaliknya, sektor pertanian, sektor pembuatan, perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan kewangan dan industri ICT sedang dan akan terus memaparkan pemulihan yang ketara. Pemulihan keluk-K juga ini amat nyata dalam kalangan masyarakat. Misalnya, golongan B40, M40 dan mereka yang bekerja sendiri mahupun yang telah kehilangan mata pencarian secara langsung kualiti kehidupan mereka juga tergugat dan jurang ketidaksamarataan ekonomi akan semakin ketara. Insiden Kemiskinan Mutlak Negeri Johor ataupun *poverty incidence* yang direkodkan pada kadar 3.9% pada tahun 2019 dijangka akan meningkat sehingga kadar 6%-8% pada tahun 2020. Insiden Kemiskinan Tegar pula yang sebelum ini pada kadar 0.2%, akan meningkat sehingga 2%-2.5% pada tahun 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kadar pertumbuhan ekonomi negeri Johor bergantung kepada 5 faktor:

1. Kecekapan kita dalam mengekang gelombang pandemik baru yang berlaku di Johor.
2. Pembukaan atau penutupan berterusan sempadan antarabangsa kita.
3. Pemulihan ekonomi negara Singapura.
4. Prestasi ekonomi negara rakan dagang negeri Johor.
5. Dasar serta suntikan baru daripada kerajaan persekutuan.

Kesemua ini membentuk satu latar dan asas yang memaparkan kepentingan dan kegentingan Belanjawan 2021. Atas dasar itu, saya ingin menegaskan yang kerjasama antara agensi kerajaan, pihak swasta, pemimpin komuniti, setiap rakyat Johor malah antara ADUN-ADUN kerajaan dan pembangkang sangat diperlukan untuk membangunkan kembali ekonomi negeri. Berbekal muafakat dan kesungguhan kita bersama, saya percaya bahawa negeri Johor boleh mencapai pertumbuhan ekonomi sekitar 6.6% hingga 7.6% pada tahun 2021.

Yang Berhormat Tuan Speaker, strategi pemulihan ekonomi negeri Johor akan dipacu oleh 3 Agenda. Ketiga-tiga Agenda ini akan menjadi *catalyst* pada usaha pemulihan dan ketahanan ekonomi kita. Ianya adalah:

1. Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor atau *Johor Food Security Agenda* dengan izin.
2. *Agenda Johor Digital*.
3. Penubuhan *Johor Economic, Trade and Cultural Office* di Singapura.

Ramai yang bertanya mengapa agenda bekalan jaminan makanan, *why food security*, dengan izin. Ada apa dengan sektor pertanian tatkala landskap ekonomi global berhadapan dengan kelembapan berikutan impak COVID-19 dan G*lobal Trade War*? Di sini saya utarakan beberapa fakta berkenaan sektor pertanian dan industri makanan di Johor. Johor merupakan pengeluar terbesar beberapa produk makanan utama negara seperti ayam

pedaging pada RM284 juta iaitu 23.3% daripada pengeluaran dalam negara dan 1.638 juta metrik tan buah-buahan iaitu 35% daripada pengeluaran dalam negara.

Johor juga merupakan pengeksport utama produk pertanian ke negara-negara seperti Singapura, Hong Kong dan Timur Tengah. Ke Singapura sahaja, jumlah eksport pertanian kita mencecah RM8.17 bilion iaitu USD 2 bilion setiap tahun. Ini menandakan jika perancangan teliti dijalankan bagi menentukan *the right crops and right products* dengan izin, nilai eksport akan meningkat dengan ketara dan menjana pendapatan baru bagi negeri kita.

Johor juga bukan sahaja berada di kedudukan yang strategik malah mempunyai aset semula jadi seperti tanah yang subur serta tenaga kerja yang sedia ada. Terdapat lebih kurang 160,000 usahawan dalam sektor pertanian dan industri makanan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada wira yang tidak didendang iaitu usahawan sektor pertanian. Mereka telah menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 16.2% bersamaan dengan RM16.25 bilion. Bayangkanlah, jika segala potensi sektor pertanian dan industri makanan negeri Johor ini dapat digembleng, diperkemas dan ditambah nilai dan dipacu pula dengan *Advanced Agri Tech* dengan izin, serta kerjasama awam dan swasta ia dapat menjadi antara sumber hasil terbesar kerajaan negeri pada masa hadapan. Namun begitu, sektor ini harus diberi pendekatan yang berbeza, ia perlu diberi nafas baru yang lebih segar dan sesuai. Apakah pendekatan-pendekatan yang ditekankan dalam menjayakan agenda ini?

Pendekatan pertama, *agriculture is a game of volume*. Intervensi dalam rantaian nilai pertanian melalui penggunaan teknologi dan pengoptimuman, penggunaan aset semula jadi seperti tanah, tenaga kerja dan infrastruktur yang berkaitan dijangka dapat meningkatkan jumlah pengeluaran makanan yang berkualiti secara berfasa.

Kedua, memaksimumkan potensi negeri Johor sebagai destinasi bagi pelabur luar dan pemain industri yang strategik. Ia membolehkan kerajaan negeri mengambil peluang dalam membangunkan Projek *Catalytic* yang memberikan impak lebih besar dari segi komersial dan faedah sosioekonomi. Pelaburan dari negara Singapura, Timur Tengah dan China adalah antara potensi yang boleh diterokai.

Pendekatan-pendekatan yang ditekankan untuk menjayakan agenda ini yang ketiganya ialah:

Peluang pekerjaan baru yang bernilai tinggi terutama sekali dalam bidang pertanian moden, *agro ekologi*, agro pelancongan, *agri business marketplaces*, bio-teknologi dan industri hiliran bagi sektor makanan. Bagi agenda bekalan makanan ini beberapa langkah awal kerajaan negeri yang merangkumi :

1. Penubuhan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri yang melibatkan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan mahupun pemain industri bagi memastikan rancangan dasar Agro Makanan Negeri Johor dan strategi pelaksanaan setiap inisiatif berjalan dengan lancar.

2. Kerajaan negeri akan memberikan galakkan dalam bentuk insentif tertentu bagi mengoptimumkan penggunaan mana-mana tanah yang berada di bawah zon tanaman kekal pengeluaran makanan, zon pelaburan makanan negeri dan zon tanaman makanan bagi tujuan pemakanan. Sama ada yang telah diusahakan atau yang masih belum masih lagi diusahakan.

3. Kerajaan negeri telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada kerajaan persekutuan dengan suntikan dana tambahan secara terus sebanyak RM35 juta

melalui PENJANA. Peruntukan ini akan diterjemahkan dalam beberapa bentuk inisiatif di bawah Strategi Johor Tani. Jutaan terima kasih diucapkan kepada kerajaan persekutuan.

4. Kita akan akur bahawa penyertaan pihak swasta dan pelabur-pelabur adalah penting dalam menjadikan sektor ini moden, dinamik dan berdaya saing. Bagi tujuan ini kerajaan negeri akan bekerjasama dengan beberapa pihak sama ada agensi di peringkat persekutuan mahupun pemain industri dalam usaha untuk meningkatkan nilai komersial industri hiliran makanan dan *market access* bagi produk *made in Johor*.

Selain daripada itu, dalam usaha pengurusan tanah yang merupakan aset utama sektor ini, beberapa inisiatif akan diperkenalkan oleh kerajaan negeri. Inisiatif pengurangan 50% daripada denda ubah syarat melalui Program Pemutihan, *Approval Over Submission* (AOS) Pertanian kepada Pertanian (POKOK) akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Mac 2021. Seramai 16,857 pekebun kecil akan mendapat manfaat dengan pengurangan denda sebanyak RM8.2 juta daripada kerajaan negeri. Inisiatif ini dapat membantu pekebun yang mengusahakan tanah di bawah 10 ekar untuk memperolehi lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Pensijilan Malaysia, *Sustainable Palm Oil* (MSPO). Inisiatif ini juga terbuka bagi semua jenis pertanian dan tidak terhad kepada permohonan penukaran syarat nyata kepada kelapa sawit sahaja. Kita dapat lihat sumber ekonomi negara barat yang maju seperti Belanda bergantung sepenuhnya dengan sektor pertanian dan makanan. Mereka telah mempelopori penggunaan teknologi moden dalam pertanian dan pemasaran komersial. Dengan langkah awalan di atas, saya yakin Agenda Jaminan Bekalan Makanan ini merupakan pemangkin sumber ekonomi baru negeri Johor dengan usaha sama semua pihak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sejak pandemik COVID-19 mula menular, teknologi digital telah memberikan kemudahan kepada orang untuk terus melangsungkan kehidupan. Pandemik COVID-19 telah merevolusikan cara kita bekerja, cara kita berhubung, pergi ke sekolah dan membeli barang keperluan harian. Pandemik ini yang kita hadapi telah menjadi pemangkin terbesar untuk kerajaan negeri dan sektor swasta mentransformasikan tata kelola mereka ke arah digital. Oleh itu, kesediaan digital tidak lagi menjadi pilihan. Perubahan ke arah era pendigitalan bukan lagi satu paksaan. Ia mesti dilakukan sekarang. *Embracing the digital agenda is a must and a necessity. It is not a luxury, not even a choice*, dengan izin. Untuk itu, sudah tiba masanya untuk kerajaan negeri Johor untuk melaksanakan agenda Johor Digital. Satu agenda disokong demi meraih laba daripada manfaat yang datang bersama agenda ini. Saya berhasrat, menerusi agenda Johor Digital ini, rakyat Johor dan negeri akan memperoleh 3 tempias seperti berikut :

1. Ekonomi Johor akan lebih pesat membangun dipacu oleh ekonomi digital. Apabila ekosistem ekonomi digital sudah menjadi kebiasaan kepada semua, kerajaan negeri akan mendapat sumber hasil baru yang konsisten dan berhasil.

2. Agenda Johor Digital akan memberikan limpahan sosioekonomi kepada rakyat Johor. Bagaimana? Setiap tindakan, dasar dan polisi kerajaan sama ada di peringkat yang paling bawah hingga yang teratas akan berpandukan data. Maka rakyat sudah tidak perlu khuatir mengenai ketirisan, kronisme dan amalan pilih bulu dalam inisiatif-inisiatif kerajaan.

3. Agenda Digital Johor akan dibangunkan dengan melibatkan semua pemegang taruh, semua komuniti perniagaan dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. Tujuannya adalah untuk meningkatkan keyakinan pelabur terhadap keupayaan dan komitmen Johor, bahawa Johor mampu menyediakan infrastruktur dan untuk menarik pelaburan-pelaburan mereka.

4. Agenda Johor Digital akan memberikan tempias langsung kepada sektor modal insan Johor. Bagaimana? Lebih banyak pekerjaan yang bakal dicipta dan lebih banyak peluang untuk anak-anak Johor pulang ke negeri dan berkhidmat di sini. Sudah tentu, peluang pekerjaan akan wujud bukanlah sedikit dan tidak bergaji kecil. Saya ingin memberi jaminan bahawa dalam tahun hadapan, kita akan benar-benar boleh #LuaskanKuasaDigital. Apa caranya?

   i. Kerajaan negeri dalam perancangan untuk menjadikan kawasan Medini dan Educity di Iskandar Puteri sebagai hab digital Johor. Infrastruktur-infrastruktur yang merangsang ekonomi digital akan dibina. Inisiatif-inisiatif kepada individu dan pemain-pemain industri juga akan giat diberikan.

   ii. Menubuhkan Majlis Digital Johor yang berperanan merangka Pelan Pembangunan Strategik dan Hala tuju Digital Negeri Johor.

   iii. Merangka Pelan Induk Digital Negeri Johor yang merangkumi aspek transformasi sektor kerajaan, pemerkasaan industri dan pembudayaan dalam kalangan masyarakat menjelang 2030 dan

   iv. Digital Johor Corporation atau DJCorp akan ditubuhkan. Syarikat ini bertindak sebagai institusi pelaksana atau *delivery unit* dan penyelaras kepada agenda Johor Digital merentasi semua pemegang taruh yang terlibat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pandemik ini juga memberi pengajaran sangat besar tentang pentingnya sektor-sektor ekonomi dan betapa luar biasanya sumbangannya kepada kemajuan ekonomi dan kemakmuran Johor. Sukacita saya mengumumkan bahawa, *Johor Economic Tourism and Cultural Office* di Singapura telah mendapat persetujuan daripada kerajaan Persekutuan. JETCO, Singapura adalah merupakan entiti yang pertama seumpamanya. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kerana menyokong penuh penubuhan pejabat ini. Dengan penubuhan JETCO Singapura ini, Johor telah melangkah ke era baru dalam usaha menarik pelaburan asing ke dalam negeri. Buat masa sekarang, di awal penubuhannya, terdapat dua tugas penting utama entiti ini.

Tugas pertama, JETCO Johor adalah untuk mempromosi prospek pelaburan ke negeri Johor. Tidak kira berapa pun jumlahnya, JETCO Johor akan memudah cara semua jenis pelaburan. Tambahan lagi, penutupan sempadan menyedarkan kita, betapa rumitnya penggantungan beberapa sektor-sektor ekonomi kepada tenaga kerja rentas sempadan. Justeru, Johor akan menggunakan kesempatan ini bagi meyakinkan pemain industri dan komuniti perniagaan Singapura untuk beroperasi di Johor. Sebagai menggandakan usaha ini, fungsi INVEST Johor akan diperhebatkan. INVEST Johor akan bekerja rapat dengan JETCO di Singapura untuk menarik pelaburan terpilih, dari negara-negara seperti China, Taiwan, Jepun dan Korea. Fokus segera ialah menawarkan Johor sebagai destinasi mesra pelabur yang bernilai tinggi. Pada masa yang sama bagi menyokong usaha-usaha di atas, satu kajian secara menyeluruh akan dilaksanakan bagi menyediakan dokumen Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2020-2030 yang komprehensif dalam konteks ekonomi semasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Ekonomi sependapat, bahawa *do not let this pandemic go to waste.* Setiap krisis terutama sekali pandemik akan memberikan peluang kepada umat manusia, mereformasi, memperbetulkan dan memikir kembali strategi *survival* dan kelangsungan mereka. Maka, apakah strategi *survival* dan kelangsungan negeri Johor selepas ini? Seperti yang saya sebutkan di atas, kerajaan kita telah membentangkan 3 Impetus Ekonomi Baharu yang bakal mereformasi struktur ekonomi Johor. Namun begitu,

perjalanan yang bakal ditempa masih lagi jauh dan sokongan serta cadangan semua amatlah didambakan seadanya.

Selain daripada itu, bagi memacu pembangunan di kawasan utara Johor, kerajaan negeri amat mengalu-alukan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi pembangunan Zon Ekonomi Pagoh berkeluasan 4,000 ekar. Zon Ekonomi Pagoh akan menjadi platform bagi syarikat-syarikat gergasi untuk beroperasi dan menjadi penanda aras bagi pembangunan lestari. Antara sektor industri yang diberi tumpuan, termasuklah industri perkayuan dan perabot. Kerajaan negeri akan memberikan komitmen sepenuhnya melalui penglibatan aktif dalam Majlis Pembangunan Pagoh dan Gambir. Selanjutnya, pembangunan Taman Perindustrian Bukit Gambar seluas 110 ekar di daerah Tangkak juga merupakan projek pemangkin sebagai lanjutan daripada kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Taman perindustrian ini akan memberi limpahan kesan ekonomi yang positif kepada pertumbuhan ekonomi setempat dan utara Johor. Pembangunan ini juga akan memanfaatkan Hab Pendidikan Pagoh yang sedang dibangunkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya, izinkan saya memberikan gambaran kedudukan kewangan negeri Johor bagi tahun 2020. Pada tahun 2021, unjuran hasil negeri Johor adalah sebanyak RM1,609.07 juta. Manakala, unjuran perbelanjaan pada tahun 2021 adalah RM1,857.21 juta. Senario ini menunjukkan bahawa Belanjawan 2021 adalah belanjawan defisit iaitu sebanyak RM248.14 juta. Bagi perbelanjaan mengurus dan merangkumi caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan jumlahnya adalah RM997.21 juta dan jumlah ini terdiri daripada emolumen, RM513.69 juta dan perbelanjaan-perbelanjaan lain RM483.51 juta. Anggaran perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 pula akan diperuntukkan sebanyak RM850 juta yang akan ditampung melalui Kumpulan Wang Pembangunan. Keseluruhannya, perbelanjaan tersebut adalah bagi melaksanakan mengikut 12 Agenda Utama. Sehubungan itu, harus juga diberi perhatian bahawa kutipan hasil dan kedudukan defisit bergantung kepada kestabilan ekonomi negeri Johor. Kestabilan ekonomi ini dipandu oleh faktor-faktor berikut:

1. Kejutan ekonomi akibat gelombang pandemik baru.
2. Kecekapan perbelanjaan.
3. Keberkesanan penyampaian belanjawan ini.
4. Pembukaan semula sempadan Malaysia dan Singapura.

Strategi kewangan belanjawan 2021 adalah seperti berikut:

1. Belanjawan ini telah mengoptimumkan segala sumber yang ada pada kerajaan negeri. Ia termasuklah melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Johor dan *Government Linked Companie*s (GLCs) negeri. Pihak Berkuasa Tempatan akan memperuntukkan sebanyak RM562 juta bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif pembangunan, kebajikan dan usaha menangani COVID-19. Kerajaan negeri melalui GLC-GLC nya juga membantu dalam menjayakan inisiatif pembangunan di negeri Johor.

2. Belanjawan ini akan berpandukan konsep *counter-cyclical measures,* dengan izin. Kerajaan negeri akan menangguhkan usaha-usaha konsolidasi fiskal pada masa akan datang sehingga ekonomi negeri kembali mengembang. Ya, belanjawan ini adalah belanjawan defisit. Dalam situasi ekonomi sekarang, kita harus berbelanja lebih daripada biasa mengikut sumber yang ada dan berfokus.

Yang Berhormat Tuan Speaker, belanjawan kali ini akan memberi fokus kepada 12 Agenda Kebajikan, Keberdayaan dan Keberhasilan Utama. Kesemua 12 agenda ini, merupakan Strategi Pelaksanaan Belanjawan 2021. Pelbagai pihak dalam sektor dalam 12 agenda ini,

menerima pengagihan peruntukan, pemberian tunai, insentif cukai dan insentif bukan monetari lain demi menjayakan 3 objektif utama Belanjawan Johor 2021.

Agenda 1 adalah Agenda Johor Tani. Seiring dengan agenda bekalan makanan negeri Johor, sebagai langkah awal, sekurang-kurangnya RM51 juta akan diperuntukkan untuk mentransformasikan pertumbuhan sektor pertanian dan industri makanan. Sektor pertanian merupakan antaranya sektor industri pemacu utama negeri Johor. Saya berharap agar jabatan-jabatan berkenaan dan organisasi di peringkat akar umbi akan menjadi agen perubahan dan pemudah cara dalam pelaksanaan inisiatif yang akan dijalankan oleh kerajaan negeri seperti berikut:-

1. Program Jaminan Bekalan Makanan akan dibangunkan dengan peruntukan sebanyak RM6 juta dengan melibatkan kawasan tanaman seluas 2,168 hektar. Inisiatif ini merangkumi projek pembangunan industri pengeluaran tanaman makanan seperti padi, kelapa, tanaman agro makanan dan pertanian moden.

2. Menghargai komitmen para pesawah di kawasan Periuk Nasi Selatan dalam negeri Johor. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi Program Peningkatan Hasil Padi Di Luar Jelapang.

3. Fokus untuk meneroka pasaran baru bagi mengeksport makanan diteruskan dengan mengambil beberapa inisiatif strategik seperti berikut:

    i. Program pembangunan komoditi berkompetensi bagi memangkin penanaman *healthy natural food* yang mempunyai permintaan yang tinggi dari luar negara. Program ini diberi peruntukan sebanyak RM790,000.00. Inisiatif ini disasarkan kepada pengusaha herba, madu, kopi, rempah ratus dan cendawan.

    ii. Program Pembangunan Pertanian Lestari, dengan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk membantu para pengusaha memiliki sijil-sijil pengiktirafan seperti MyGAP, myOrganic bagi membantu penembusan pasaran yang lebih luas.

4. Bagi membangunkan usahawan tani pula, beberapa inisiatif kerajaan negeri telah dirangka antaranya:

    i. Program Pembangunan Industri Asas Tani dan Program Perintis Keusahawanan Johor dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta akan disalurkan untuk menambah baik bengkel sedia ada dan bantuan pembelian mesin dan peralatan. Program ini akan memberi manfaat kepada 190 orang usahawan tani.

    ii. Dalam usaha untuk mengembalikan minat pertanian dan memenuhi permintaan komuniti, sejumlah RM4.8 juta telah diperuntukkan melalui peruntukan PENJANA dan PBT Negeri Johor. Ia merangkumi Program Pertanian Komuniti sama ada yang berskala kecil dan berbentuk komersil.

5. Untuk usaha Industri Ternakan Daging dan Ruminan, kerajaan negeri akan melaksanakan beberapa inisiatif termasuklah:

    i. Memperuntukkan RM400,000.000 bagi Program Pengeluaran Makanan Ternakan melalui konsep *Homelot.*

    ii. Peruntukan RM2.5 juta pula untuk Pembangunan Hab Pedaging Ruminan.

iii. Menyediakan RM1 juta untuk Pembangunan Lembu tenusu, memperuntukkan RM1 juta bagi Pembangunan Unggas dan

iv. RM1 juta untuk Pembangunan Lembu Integrasi dan Pembangunan Industri Makanan.

Selain daripada itu, perlaksanaan *Agro Mix-Farm* Fasa 2 dan Fasa 3 akan diperluaskan di daerah Segamat. Dengan pertambahan keluasan 110 ekar melalui peruntukan sebanyak RM2 juta dalam tempoh 5 tahun.

Untuk menghargai syarikat-syarikat peneraju dan pengusaha dalam sektor pertanian dan agro makanan, kerajaan negeri buat pertama kalinya akan menyediakan geran sebanyak RM2 juta. Geran ini adalah untuk Program Kolaborasi Syarikat Peneraju Dan Pengusaha. RM3 juta pula adalah untuk Program Pemilikan Teknologi Mekanisasi menerusi geran bernilai RM10,000.00 bagi pengusaha kecil, Geran Padanan 50-50 dan Geran Padanan Komersial 50-50. Untuk mempertingkatkan pemasaran hasil pertanian ahli-ahli Pertubuhan Peladang kawasan, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian Kluang dan di Benut.

Sukacita dimaklumkan bahawa 58% keluasan tanaman nanas di Malaysia adalah di negeri Johor. Sehubungan itu, kerajaan negeri dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia akan meningkatkan pengeluaran nanas negara dengan peruntukan sebanyak RM19 juta oleh kerajaan persekutuan. Inisiatif ini melibatkan projek perluasan kawasan tanaman di seluruh Johor. Tumpuan bakal diberikan kepada industri nurseri benih nanas premium. Tambahan lagi, kerajaan negeri sedang mengusahakan penglibatan pelabur dari luar negara untuk terlibat dalam rantaian nilai industri nanas premium.

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, bersama-sama kita ialah Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas, Yang Berhormat Dr. Shaharuddin Jamal. Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk menjamin kelestarian habitat dan kelangsungan sumber perikanan, kerajaan negeri untuk permulaan akan mewartakan 5 kawasan sebagai zon industri perikanan negeri Johor. Zon ini adalah untuk ternakan ikan air tawar di Mawai, Kesang Laut dan Parit Keroma untuk ternakan kupang serta Kukup dan Sungai Johor untuk ikan marin. Selain itu, Projek Pembangunan Pengurusan Akuakultur Bersepadu negeri Johor akan dilaksanakan dengan melibatkan beberapa projek bersasar. Projek tersebut adalah pembangunan induk benih berkualiti, ternakan ikan air payau, ikan air tawar, ikan hiasan dan juga kerang-kerangan dengan peruntukan sebanyak RM2.9 juta. Ini juga termasuklah bantuan perkakas dan peralatan peranti pengumpulan ikan yang bernilai RM200,000.00.

Akhir sekali, pembangunan data dan jaminan keselamatan ternakan dan hasil laut akan dijalankan. Kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM360,000.00 kepada Jabatan Perikanan Negeri Johor untuk perlaksanaan inisiatif ini. Ini bertujuan untuk membangunkan profil kualiti air sungai dan pengurusan sumber secara lestari selari dengan agenda Johor Digital yang akan saya huraikan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan Johor Digital. Agenda ini merupakan agenda yang penting bagi melakar tata kelola ekonomi masa hadapan atau *the economy of the future*, dengan izin. Bagi menyokong Agenda Johor Digital, kerajaan negeri akan terus memberi tumpuan kepada perlaksanaan yang amat penting untuk kita semua.

Kerajaan negeri berbesar hati mengumumkan bahawa rakyat Johor bakal mendapat manfaat daripada perlaksanaan agenda digital seperti berikut :

1. Kerajaan negeri akan memastikan manfaat daripada pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia benar-benar dinikmati oleh rakyat Johor. Dianggarkan RM2.5 bilion akan dilaburkan bagi tujuan ini yang sebahagian besarnya melalui pelaburan langsung pemain industri dan selebihnya daripada pihak kerajaan.

2. Manfaat ini merangkumi penambahan menara komunikasi baru dan penaiktarafan alat pemancar telekomunikasi di menara sedia ada secara komersial oleh pembekal perkhidmatan. Inisiatif ini akan meningkatkan liputan 4G di seluruh negeri Johor dan menjadi asas kepada peralihan teknologi 5G.

3. Seterusnya lanjutan daripada inisiatif sebelum ini, kerajaan negeri akan melaksanakan Projek Johor Wifi 2.0 dengan peruntukan RM10 juta untuk 5 tahun. Ini bertujuan untuk meluaskan lokasi capaian Internet termasuk di kawasan luar bandar.

Bagi memperkasakan ekonomi digital di negeri Johor, kerajaan negeri sedang melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut :

1. Meningkatkan kerjasama strategik dengan pemain-pemain industri *e-Marketplace* di negara ini melalui platform e-dagang yang dikenali sebagai *Johor E-Marketplace* dengan peruntukan RM500,000.00.

2. Meningkatkan keupayaan transaksi tanpa tunai.

3. Kerajaan negeri juga menghargai usaha yang dilaksanakan oleh pihak Iskandar Investment Berhad dalam memperkasa Teknologi Dron dan Robotik dengan kos sebanyak RM5 juta.

4. Kerajaan negeri akan mengambil langkah untuk menjadikan jalur lebar sebagai utiliti ketiga selepas elektrik dan air di setiap kawasan pembangunan yang baru. Ini bagi memastikan rakyat Johor sentiasa terhubung dengan akses jalur lebar yang menyeluruh dan berkualiti.

Selain itu, kerajaan negeri akan memperkenalkan program pendidikan siber untuk pelajar Johor yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah yang celik dan bijak dalam penggunaan Internet.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor akan meneruskan perlaksanaan Projek Pendidikan Islam Digital (JPID) Fasa 2 dengan peruntukan RM8 juta bagi tempoh 5 tahun. Projek ini bakal membangunkan kandungan pembelajaran digital dalam talian yang memanfaatkan kesemua 571 buah sekolah agama kerajaan dan 2 buah sekolah menengah agama kerajaan.

Kerajaan negeri turut giat menjalinkan usaha sama strategik dengan agensi-agensi kerajaan mahupun swasta yang berkaitan bagi usaha pemerkasaan sektor keusahawanan terutamanya dalam usaha transformasi digital dan platform pemasaran usahawan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, agenda ketiga adalah Agenda Johor Niaga. Kita akui kelembapan ekonomi akibat perintah kawalan pergerakan dan penutupan sempadan telah memberi kesan kepada pelbagai sektor perniagaan. Maka inilah masanya kerajaan negeri menggandakan usaha menjana semula dan memulihkan ekosistem ekonomi demi kelangsungan perniagaan. Inisiatif-inisiatif yang bakal diambil adalah :

1. Membolehkan lebih ramai usahawan PKS mendapat pembiayaan perniagaan. Kerajaan negeri akan memperkenalkan satu skim pembiayaan PKS iaitu Johor Niaga-Bank Rakyat *SME Loan* yang akan diusahakan secara bersama dengan Bank Rakyat. Dana berjumlah RM100 juta akan disediakan kepada usahawan PKS dengan kadar faedah yang munasabah dengan syarat-syarat yang lebih longgar khususnya untuk PKS yang layak dari negeri Johor sahaja.

2. Bagi meringankan beban para penjaja dan peniaga, kerajaan negeri akan melaksanakan pengecualian bayaran lesen penjaja, lesen peniaga PKS, mikro, sewa premis dan gerai sewa, tapak pasar malam dan pasar pagi selama setahun berkuat kuasa dari 1 Januari 2021.

3. Bagi menggalakkan perniagaan kecil-kecilan bertapak, pihak Perbadanan Usahawan Johor Berhad dan PBT seluruh Johor akan menyediakan ruang dan peluang berniaga yang bersesuaian kepada peniaga kecil serta pengusaha *foodtruck*.

4. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia untuk Program Pembiayaan Sahabat Johor dalam memberi pembiayaan mikro kredit kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Pembiayaan tanpa cagaran dan tanpa penjamin akan memanfaatkan seramai 2,396 sahabat AIM yang terkesan akibat Covid-19.

5. Usaha sokongan dan latihan kepada sektor PKS juga akan dipertingkatkan melalui beberapa inisiatif. Antaranya :

    i. Geran Orang Lokal 3.0 akan digandakan daripada RM1.5 juta kepada RM3 juta bagi membantu meningkatkan produktiviti 240 pengusaha IKS.

    ii. Skim peningkatan kapasiti dan Pembangunan PKS Johor, *Johor Entrepreneurs Enhancement Programme (JEEP)* iaitu bantuan pembiayaan perbelanjaan modal akan dilaksanakan dengan peruntukan RM1 juta.

    iii. Insentif RM300,000.00 kepada PKS untuk membuka akaun semasa dan pendigitalan usahawan melalui *SME Go Digital* serta pendaftaran harta intelek.

    iv. Sejumlah RM2 juta pula akan diperuntukkan menerusi Program Pembangunan Setempat. Program ini bakal membantu petani dan pengusaha industri kecil sederhana untuk menyediakan modal, peralatan dan latihan. Program ini akan dilaksanakan oleh Perbadanan Usahawan Johor Berhad (PUJB) dan Jabatan Pertanian Negeri Johor.

Pihak Iskandar Investment Berhad (IIB) akan membangunkan hab inovasi Iskandar dalam usaha menyokong syarikat-syarikat *start up* di Johor dengan kos pembangunan sebanyak RM2 juta. Ini menunjukkan penglibatan sektor swasta dan sektor berkepentingan lain amatlah penting bagi menggugah semula komuniti PKS di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, peranan infrastruktur dan prasarana tidak boleh dinafikan. Keperluan pembangunan prasarana bukan sahaja untuk memastikan pembangunan ekonomi negeri kekal maju, namun juga demi kebaikan rakyat bagi menjalani aktiviti harian mereka. Maka agenda keempat adalah Prasarana Johor.

Dalam kesempatan ini, kerajaan negeri ingin mengambil peluang untuk berterima kasih kepada kerajaan persekutuan yang telah mengumumkan peruntukan bagi tujuan penyambungan projek-projek berimpak tinggi di negeri Johor seperti Kereta Api Berkelajuan

Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura, Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru, Sistem Transit RAPID (RTS) daripada Johor Bahru ke Woodland dan Sistem *Bus Rapid Transit*.

Bagi projek RTS, 40% daripada jumlah keseluruhan kerja berkaitan sivil dan struktur yang dianggarkan bernilai RM800 juta akan dibuka dan dianugerahkan kepada kontraktor Johor yang layak dan kompeten.

Selain daripada sektor pengangkutan, prasarana yang sangat bermanfaat untuk rakyat Johor ialah perumahan. Kerajaan negeri amat berbesar hati mengumumkan beberapa insentif bantuan perumahan yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Untuk makluman, sehingga kini terdapat sebanyak 21,479 unit perumahan mampu biaya telah siap dibina dari tahun 2014 hingga 2019. Salah satu inisiatif tersebut ialah pembinaan Rumah Mampu Biaya Johor, kerjasama syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan di daerah Kluang, Tangkak, Johor Bahru, Batu Pahat dan Pontian dengan peruntukan berjumlah RM310 juta bagi tempoh 5 tahun.

Sebagai tambahan, 4 projek Taman Perbadanan Islam akan turut dibangunkan di Johor Bahru, di Batu Pahat dan di Pontian melalui PIJ Holdings. Kerajaan negeri berhasrat untuk meningkatkan sasaran pembinaan Rumah Mampu Biaya Johor agar dapat dimiliki oleh golongan sasar iaitu B40, M40 dan anak-anak muda.

Selaras dengan itu, kerajaan negeri akan memastikan pembinaan Rumah Mampu Biaya Johor diselarikan dengan perumahan lain menerusi penambahbaikan Dasar Perumahan Rakyat negeri Johor. Kerajaan negeri juga akan memastikan tiada lagi pembinaan rumah mampu biaya yang dilaksanakan hanya pada fasa akhir sesebuah projek. Pemberian baucar kepada pembeli Rumah Mampu Biaya Johor akan diteruskan dengan peningkatan daripada RM1,000.00 kepada RM3,000.00. Baucar ini diharapkan dapat membantu menampung kos memasuki kediaman baru.

Kerajaan negeri juga komited untuk melaksanakan inisiatif pengecualian sewa bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) dan rumah sewa kerajaan bersasar sepanjang tahun 2021. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada 70% penyewa bermula daripada 1 Januari 2021. Manakala sebanyak RM10 juta diperuntukkan untuk meneruskan dan memperbanyakkan projek perumahan di bawah Skim Perumahan Makmur Johor. Dengan kerjasama PBT, kerajaan negeri akan memperkenalkan Kempen Transisi 2.0 dalam tempoh 1 tahun bermula 3 Januari 2021 untuk terus menggalakkan pemaju membina Rumah Mampu Biaya. Sebagai tambahan kepada pelaksanaan Rumah Mesra Rakyat di Johor oleh kerajaan persekutuan, kerajaan negeri juga bersetuju untuk melaksanakan pembinaan Rumah Ihsan Makmur Johor dengan peruntukan sebanyak RM20 juta daripada Tabung Amanah. Dianggarkan sebanyak 400 unit rumah akan dibina melalui inisiatif ini. Di samping itu, kerajaan negeri dengan kerjasama Maybank memperkenalkan satu Program Sewa Beli. Program ini bakal meringankan bebanan wang pendahuluan untuk pembeli-pembeli rumah. Untuk membantu penyewa-penyewa rumah pula, bantuan bayaran sewa, sewaan rumah sewa akan dilaksanakan melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM800,000.00. Bagi golongan Bumiputera, kerajaan negeri bersetuju untuk mengadakan Ekspo Hartanah Bumiputera di seluruh Johor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Selain daripada itu, dalam usaha meningkatkan tahap keterhubungan di seluruh negeri Johor sebanyak RM29 juta diperuntukkan untuk penyusunan semula jajaran Bas Muafakat Johor yang lebih holistik dan cekap. Usaha ini akan melengkapi peruntukan kerajaan persekutuan untuk memperluaskan perkhidmatan bas henti-henti di Johor Bahru.

Dari segi kemudahan jalan raya pula, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM53.4 juta bagi projek jalan dan jambatan di seluruh negeri. Antaranya :

1. Cadangan membina jalan pintas, jalan pintas Pekan Nanas dari persimpangan Jalan Pekan Nanas-Tanjung Piai-Jalan Sawah dan ke Jalan Gelang Patah-Ulu Choh.
2. Cadangan memperelokkan selekoh bahaya Jalan Muar-Labis.
3. Cadangan mengganti pembentong kekotak di Jalan Batu Pahat-Mersing.
4. Cadangan menaik taraf persimpangan Jalan Tan Swee Hoe dan Jalan Parit Besar.
5. Cadangan membina jalan alternatif dari Jalan Meta ke Jalan Sekakap daerah Mersing.
6. Menaik taraf Jalan Persimpangan Pekan Nanas hingga ke persimpangan Jalan Ulu Choh-Tanjung Kupang.

Anggaran sebanyak RM700 juta pula diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan di bawah MARRIS merangkumi jalan-jalan negeri, bandaran dan kampung.

Seterusnya kerajaan negeri amat komited untuk menjamin kualiti air bersih demi kelangsungan hidup rakyat Johor. Oleh itu, kerajaan negeri bersetuju untuk membangunkan infrastruktur pengurusan sumber air. Antaranya, kerajaan negeri dalam proses untuk menyediakan Enakmen Lembaga Pengurusan Air Johor dan berhasrat untuk menaik taraf Badan Kawal Air Negeri Johor (BAKAJ) kepada Lembaga Pengurusan Air Johor bagi memperkasakan pengurusan sumber air negeri Johor. Sehubungan itu, kerajaan negeri menerusi BAKAJ komited untuk melaksanakan projek menaik taraf baraj Sungai Johor dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta. Projek ini akan menghalang penerobosan air masin ke loji-loji rawatan air serta meningkatkan kapasiti penyimpanan air mentah yang dilepaskan dari Empangan Air Lingiu.

Bagi meningkatkan kualiti air dan mencegah pencemaran sungai, kerajaan melalui BAKAJ menyediakan peruntukan sejumlah RM1.7 juta untuk melaksanakan inisiatif berikut:

1. Pemantauan secara fizikal dan berkala terhadap sungai-sungai yang membekalkan air mentah kepada loji-loji rawatan yang menggunakan teknologi *geospatial* dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

2. Pembinaan 3 unit sistem pemantauan atas talian untuk memantau pencemaran dan kualiti air Sungai Skudai, Sungai Ulu Benut dan Sungai Muar dengan peruntukan berjumlah RM700.000.00.Selain daripada itu, dengan kerjasama IRDA projek kebolehlaksanaan Loji Rawatan Air Pintar *(Smart Water Treatment Plan)* dan penggunaan sumber air akan dilaksanakan dengan peruntukan daripada kerajaan persekutuan sebanyak RM2 juta.

Kerajaan negeri juga prihatin dengan kesan banjir terhadap hidupan rakyat Johor. Oleh itu, beberapa infrastruktur untuk pencegahan dan kawalan banjir bakal dibangunkan. Antaranya:

1. Rancangan tebatan banjir, pengorekan sungai dan muara sungai akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.

2. Peningkatan peruntukan penyelenggaraan parit dan saliran sebanyak RM40 juta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, agenda berikutnya adalah Agenda Modal Insan. Kerajaan negeri percaya bahawa modal insan adalah penggerak utama negeri Johor. Tanpa modal insan yang berkualiti, segala pelan pembangunan kita tidak akan berjalan dengan baik. Namun, begitu pandemik COVID-19 telah memperlihatkan iklim pasaran kerja yang begitu rumit. Apa sahaja isu yang timbul di dalam *labour market* ataupun modal insan kita adalah

permasalahan yang struktural sifatnya. Kerajaan negeri tetap memberi perhatian serius kepada pembangunan modal insan di Johor.

Antara usaha yang dijalankan adalah pertama, Program Latihan Kemahiran Johor untuk memenuhi kehendak pasaran industri semasa.

1. Program ini akan dilaksanakan melalui *Johor Upskilling*, *Johor Reskilling* dan pensijilan tenaga mahir.

2. Program Pembangunan Modal Insan, *Rapid Transit System* untuk membangunkan profesional dalam projek dan *rail industry* dengan jumlah sebanyak RM5 juta. Antaranya pelaksanaan *Program MRT Young Entrepreneur* yang akan diselaraskan oleh JCCD dan MRT Corp.

3. Kerajaan negeri akan menjalankan program peningkatan kemahiran serta latihan semula dan keusahawanan dalam sektor minyak dan gas kepada graduan, kontraktor tempatan dan pekerja yang telah diberhentikan.

4. IRDA akan melaksanakan program-program peningkatan kemahiran dan kemahiran semula melalui peruntukan kerajaan persekutuan seperti yang diumumkan pada Belanjawan 2021 dengan peruntukan fasa pertama sebanyak RM8 juta.

5. Bagi menyelaras inisiatif berkaitan modal insan, kerajaan negeri akan memperkasakan peranan Jawatankuasa Pemandu Modal Insan Negeri. Jawatankuasa ini akan menggariskan pelan tindakan dan menangani isu-isu berkaitan modal insan negeri Johor.

6. Program Perantis Iskandar Malaysia akan dilaksanakan oleh pihak Educity dalam pembangunan bakat berkaitan industri teknologi terkini. Selain daripada itu, satu geran padanan gaji bagi pekerja tempatan yang diberhentikan juga akan dilaksanakan. Pihak IRDA akan memperuntukkan RM8 juta bagi kedua-dua program tersebut.

7. Kerajaan negeri akan meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan khusus seperti pekerja tempatan yang terkesan. Graduan dan Orang Kelainan Upaya melalui inisiatif gerak kerja Johor seperti Gerak Kerja @Outreach, Gerak Kerja Johor @ Graduan, Gerak Kerja Johor @ OKU dan Gerak Kerja Johor @ Local.

8. Kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor akan menyalurkan bantuan peningkatan ekonomi yang meliputi peralatan bekerja dan latihan kemahiran bernilai RM1 juta.

9. Satu inisiatif ke arah Revolusi Industri 4.0 telah dirangka khas seperti dalam Pelan Induk Pembangunan Kontraktor Negeri Johor untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan kontraktor. Bagi memperkasakan kompetensi kontraktor kerajaan negeri akan melaksanakan program-program berikut:

    i. Program Peningkatan Kompetensi Kontraktor Johor.

    ii. Program Pembangunan Aplikasi Monitor Johor dan

    iii. Program Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Sistem Penarafan dan Penilaian Kontraktor Negeri Johor.

Kerajaan negeri menghargai usaha kerajaan persekutuan menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi menambah baik bekalan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura yang turut berperanan merangka Pelan Tindakan bagi membantu golongan ini. Modal insan Johor tidaklah harus dilihat dalam konteks tenaga kerja semata-mata.

Johor harus mula dari awal dalam usaha kita mendidik anak-anak Johor bukan untuk menjadi tenaga kerja mahir sahaja tetapi untuk menjadi rakyat Johor yang seimbang, yang punya sahsiah dan beridentiti murni. Atas kesedaran ini, inisiatif-inisiatif tersebut akan dijalankan.

1. Kerajaan negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim akan mengadakan Program Modul Jauhar untuk pembangunan sahsiah kanak-kanak. Ia merupakan Modul Pembelajaran Awal Kanak-Kanak Taska Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dan akan diintegrasikan dengan elemen-elemen Modul Keluarga Sakinah.

2. Kerajaan negeri melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) akan memfokus kepada penguatkuasaan pendidikan Islam yang meliputi subjek berkaitan Iqra' dan asas fardhu ain (Iqfa). Usaha ini akan memberi faedah kepada kanak-kanak berusia 5 hingga 6 tahun dan melibatkan 300 buah tadika KEMAS negeri Johor. Ia bakal disertai oleh 5,000 kanak-kanak dengan peruntukan sebanyak RM1.6 juta. Kesemua inisiatif-inisiatif di atas adalah untuk memberi keseimbangan kepada modal insan Johor agar modal insan Johor pada semua peringkat umur dapat dikenali melalui acuan Johornya tersendiri, acuan yang berkemahiran, sederhana dan beretika.

Kerajaan negeri terus beriltizam untuk menambah baik kualiti penyampaian, perkhidmatan dan usaha tadbir urus supaya lebih cekap, berintegriti dan memenuhi aspirasi rakyat. Oleh itu, Agenda Kebajikan, Keberdayaan Dan Keberhasilan Utama yang seterusnya adalah *Governance Johor*.

Yang Berhormat Tuan Speaker, transformasi *Governance Johor* dapat dilaksanakan melalui pemerkasaan penjawat awam dan inisiatif pemodenan seperti berikut:

1. Bagi meningkatkan kompetensi dan kapasiti penjawat awam, kerajaan negeri telah mewujudkan Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor, *Johor Civil Service Academy*. Badan ini akan menggabungkan Program Latihan Profesional dan Program Penyelidikan dalam satu institusi demi meningkatkan kompetensi-kompetensi perkhidmatan awam negeri Johor.

2. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan badan-badan profesional bagi membuka ruang kepada penjawat awam negeri untuk memiliki kelayakan profesional dalam bidang teknikal dan bukan teknikal seperti *insinyur (Ir.), Surveyor (Sr.)* dan akauntan bertauliah *(C.A)*.

3. Kerajaan negeri akan melaksanakan kenaikan pangkat secara *time based* berasaskan kecemerlangan untuk kali kedua. Ini bertujuan untuk memberi laluan kerjaya yang lebih baik kepada pegawai kumpulan pelaksana dalam perkhidmatan awam negeri.

4. Dalam kesempatan ini kerajaan negeri juga merafak sembah takzim dan menjunjung kasih kepada DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di atas perkenan untuk mengisytiharkan Majlis Perbandaran Pasir Gudang menjadi sebuah Bandaraya berkuat kuasa pada 22 November 2020. Dengan pemasyhuran Majlis Bandaraya Pasir Gudang ini, ia akan meningkatkan keupayaan Majlis Bandaraya Pasir Gudang dalam menguruskan pembangunan pesat di Pasir Gudang.

Kerajaan negeri juga turut berhasrat untuk melestarikan sektor ekonomi di Pasir Gudang yang berteraskan industri dan pelabuhan selain memelihara alam sekitar selaras dengan Dasar Kelestarian Negeri Johor.

5. Kerajaan negeri kini turut dalam proses meneliti cadangan untuk menaik taraf Majlis Daerah Pontian bertaraf Perbandaran. Usaha ini diharap dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

6. Selari dengan Agenda Johor Digital, pendigitalan pentadbiran urus kerajaan bakal digiatkan lagi. Inisiatif pendigitalan yang akan dilaksanakan adalah bertujuan sepertimana berikut:

   i. Pembangunan Kerangka *Analitik* Data Raya Johor dengan peruntukan RM5 juta untuk meningkatkan keupayaan mengintegrasi semua data daripada agensi-agensi kerajaan lain.

   ii. Menambah baik infrastruktur sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

   iii. Program penggalakan dan promosi perkhidmatan digital akan dilaksanakan untuk meningkatkan penggunaan aplikasi digital kerajaan secara kerap dan meluas. Program ini diperuntukkan sebanyak RM700,000.00.

   iv. Melaksanakan program pemantapan kemahiran dan pembangunan bakat penjawat awam dalam bidang IT dengan peruntukan sebanyak RM700,000.00 dan

   v. Program Digitalisasi PBT Johor akan dilaksanakan di semua 16 PBT dengan menggunakan Sistem *One Stop Centre 3.0 Plus Online.* Sistem ini akan membolehkan kesemua urusan seperti permohonan dan pengulasan, pelan pemajuan dibuat secara dalam talian.

Program pengenaan syarat tanah, F*ast Track Nil*, cadangan pelanjutan tempoh *Fast Track Nil* di pentadbiran tanah negeri ini dijangka memanfaatkan 30,858 pemilik tanah untuk membolehkan kadar cukai tanah dikenakan selaras dengan aktiviti di atasnya. Dicadangkan untuk dilanjutkan pelaksanaan di bawah Program *Fast Track Nil 2.0* dan ianya akan dimulakan pada 1 Januari 2021 hingga 31 Mac 2021.

Pengecualian daripada syarat Kebenaran Merancang dan caj pemajuan bagi tujuan pecah bahagi dan pecah sempadan bagi mendapat hak milik individu dengan tujuan bukan pembangunan. Pengecualian dari dikenakan caj pemajuan ini juga terpakai bagi permohonan pecah sempadan bagi tujuan pemberian kepada ahli keluarga.

Transformasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri akan memasuki fasa pelaksanaan setelah kajian selesai pada tahun ini. Dengan aspirasi sebagai contoh terbaik, masa depan bagi GLC, inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan termasuklah memaksimumkan pulangan pelaburan kerajaan dengan mengimbang antara keuntungan dan mandat pembangunan. Setiap GLC yang dikenal pasti akan melalui penstrukturan korporat yang lebih berdaya tahan dan efisien.

Seterusnya, bagi meraikan peranan pembangkang yang bersifat konstruktif dan mengangkat martabat institusi Wakil Rakyat, saya dengan berbesar hati akan meningkatkan peruntukan Yang Berhormat ADUN Pembangkang daripada RM50,000.00 kepada RM150,000.00. (Dewan bertepuk). Selain itu, bagi memberikan lebih pengiktirafan kepada Ketua

Pembangkang, saya mencadangkan elaun beliau dinaikkan daripada RM3,000.00 kepada RM5,000.00 dan disediakan seorang pembantu tadbir.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Agenda seterusnya ialah *Majestic Johor*. Wabak pandemik ini ibarat ngeri kepada industri pelancongan Johor. Akibat penutupan sempadan negara, di samping kelembapan ekonomi Johor, ekonomi global, sektor pelancongan adalah yang paling terjejas. Bagi sektor pelancongan, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM14 juta kepada Tourism Johor. Bagi memacu dan merancakkan semula sektor pelancongan. Pasca COVID-19, kerajaan negeri akan melaksanakan inisiatif seperti berikut:

1. Pelan Induk Pelancongan Johor 2014-2023 akan diteliti semula. Ini bagi memastikan hala tuju sektor pelancongan dapat dirancang dengan lebih tersusun dan mengikut trend semasa.

2. *Johor Tourism Interchain*, dengan peruntukan RM500,000.00 akan dibangunkan bagi mentransformasi ekonomi digital pelancongan. JTI akan menghubungkan semua pemilik produk, operator pelancongan serta penggiat industri dalam satu *platform digital market place*.

3. Baucar pelancongan, berjumlah RM1.5 juta akan merancakkan semula segmentasi penginapan serta *shopping and retail* terpilih di negeri Johor.

Seterusnya, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi membangun dan menaik taraf prasarana pelancongan di negeri Johor. Prasarana ini merangkumi kemudahan asas, pelancongan di daerah, *homestay* dan desa *stay* serta Taman Negara. Dengan itu, beberapa infrastruktur pelancongan lain akan dibangunkan dan dibaik pulih termasuklah:

1. RM450,000.00 bagi pembinaan infra dan pembangunan produk *ecotourism* di Hutan Taman Negeri Gunung Arong.

2. RM350,000.00 lagi untuk pembangunan pusat pentadbiran dan kemudahan infrastruktur di Hutan Taman Negeri Air Hitam Utara.

3. RM500,000.00 bagi pengurusan dan pembangunan trek pendaki gunung di negeri Johor.

4. RM386,000.00 untuk membangunkan trek sukan lasak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Desa Johor dan lingkungannya mempunyai potensi yang mesti dibangunkan. Tidak akan maju Johor ini jika desa serta masyarakatnya terus tertinggal dan dipinggirkan. Kerajaan negeri mesti segera meneroka keberdayaan dan keberhasilan yang boleh ditawarkan oleh masyarakat desa Johor. Alhamdulillah, melalui kesungguhan dan konsistensi kita terhadap pembangunan luar bandar, ia telah mula membawa pemerkasaan masyarakat desa. Buktinya pada tahun 2019, pendapatan bulanan penengah isi rumah luar bandar Johor adalah sebanyak RM5,352.00 jauh lebih tinggi berbanding RM3,828.00 di peringkat nasional dan hanya 21.0% lebih rendah daripada kawasan bandar.

Justeru, pada Belanjawan 2021 ini, fokus yang diberikan adalah melalui pemberdayaan ekonomi dan infrastruktur desa dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM59.2 juta. Jumlah ini merangkumi inisiatif berikut:

1. Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK), yang menekankan kepada pembangunan *in-situ* yang merangkumi komponen ekonomi, perumahan dan kemudahan asas. Peruntukan adalah RM8 juta untuk jangka masa 5 tahun.

2. Kerajaan persekutuan melalui Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), telah memperuntukkan sebanyak RM35.2 juta bagi pembangunan wilayah Johor Tenggara. Peruntukan ini adalah untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan termasuklah projek sosioekonomi, keusahawanan, infrastruktur dan pembangunan modal insan.

3. Adalah program sokongan pengukuhan keusahawanan luar bandar untuk memberikan sokongan berbentuk geran penuh kepada usahawan luar bandar.

4. Program pembangunan usahawan, produk perkhidmatan dan pemasaran. Program ini akan memberi galakan kepada pekebun kecil untuk menceburi bidang lain sebagai sumber pendapatan tambahan melalui keusahawanan. Fokus program ini adalah kepada 4 bidang utama, iaitu perkhidmatan, makanan, pembuatan dan pertanian.

5. Program pembangunan peneroka akan dilaksanakan oleh FELDA. Program ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan warga peneroka terhadap hasil pendapatan tanaman komoditi semata-mata. Sebaliknya, mereka boleh mempelbagaikan sumber pendapatan sampingan dalam pelbagai bidang.

6. Program penambahbaikan dan pemerkasaan kampung tradisi di Iskandar Malaysia yang dilaksanakan oleh IRDA dengan peruntukan RM1.5 juta. Program ini bertujuan untuk memberi pendapatan alternatif isi rumah melalui pelbagai projek sosio ekonomi tertumpu.

7. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan melaksanakan Program Pembangunan Kampung Tradisi bagi memberikan perkhidmatan sama seperti kawasan taman-taman perumahan lain di Johor.

8. Sementara projek bekalan air luar bandar melalui pembinaan Sistem Retikulasi Negeri dengan peruntukan RM7 juta. Projek ini membekalkan air boleh minum pada kuantiti yang mencukupi bagi daerah Batu Pahat, Kluang, Johor Bahru, Segamat dan Muar.

9. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar sebagai Inisiatif Ke-9 akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM7.5 juta. Antara daerah yang terlibat adalah daerah Kulai, Kota Tinggi dan Segamat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Agenda ke-9 adalah Orang Muda Johor. Di Johor ini, terdapat lebih daripada 1.5 juta orang muda yang berumur antara 14 hingga 39 tahun. Kerajaan negeri akan sentiasa memberikan keutamaan kepada anda. Kita akan sentiasa membela, menyokong dan menyerlahkan bakat-bakat terbaik orang muda Johor untuk Malaysia. Oleh itu, melalui agenda ini, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM57.3 juta untuk inisiatif-inisiatif yang dekat dengan nadi orang muda Johor.

Dalam kesempatan ini, kerajaan negeri merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas perkenan melantik Duli Yang Amat Tunku Mahkota Johor mengetuai dan memimpin semua aktiviti belia di negeri Johor. Antara inisiatif yang bakal dijalankan adalah penubuhan Tunku Mahkota Ismail Youth Centre. Kerajaan negeri menyambut baik titah Duli Yang Amat Tunku Mahkota Johor untuk mewujudkan Tunku Mahkota Ismail Youth Centre di setiap daerah. Tujuan penubuhan TMIYC ini adalah untuk melahirkan belia negeri Johor yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkebolehan dalam pelbagai aspek kehidupan selain dapat mengasah bakat kepimpinan mereka.

Selain itu, kerajaan negeri akan memperkasakan Mahasiswa Johor dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

1. Pinjaman pelajaran institut pengajian tinggi di dalam dan luar negara dengan peruntukan sebanyak RM14.7 juta.

2. Skim bantuan pendaftaran dengan peruntukan RM1.5 juta.

3. Biasiswa Kenangan Dato' On sebanyak RM300,000.00.

4. Biasiswa Sultan Ibrahim dengan peruntukan RM300,000.00.

5. Dana Didik Johor dengan peruntukan RM100,000.00.

6. Tabung Pendidikan Sarjana Permodalan Darul Takzim dengan peruntukan RM150,000.00.

7. Tabung Pendidikan Kakitangan Kumpulan Pelaksana sebanyak RM30,000.00.

8. Kursus Jangka Pendek Guru KAFA dengan jumlah RM 50,000.00.

9. Bagi Program Pembangunan Mahasiswa Johor sejumlah RM500,000.00 diperuntukkan kepada Persatuan-Persatuan Mahasiswa Johor di semua universiti awam. Selain daripada itu, RM500,000.00 juga akan diperuntukkan kepada Duta Mahasiswa Johor.

Selain daripada itu, kerajaan negeri cakna dengan perkembangan pelajar sekolah Johor. Terutama sekali aktiviti *soft skill* dan kemahiran berkomunikasi mereka. Justeru itu, sejumlah RM1 juta akan diperuntukkan bagi melaksanakan Program Pembangunan Murid Johor dan Program Penggayaan Bahasa Inggeris.

Melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor pula kerajaan negeri akan menjalankan inisiatif bantuan pakaian seragam sekolah kepada pelajar fakir dan miskin di sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan sekolah agama kerajaan Johor. Bantuan yuran sekolah kepada pelajar miskin sekolah kerajaan agama dan bantuan yuran pendaftaran di IPT dalam negara juga akan diberikan. Semua inisiatif ini berjumlah RM8.3 juta. Tambahan lagi, kerajaan negeri amat menitik berat kepada pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM pada tahun 2021. Konteks semasa menjejaskan persiapan peperiksaan bagi ramai pelajar-pelajar sekolah. Untuk itu, kerajaan negeri melalui Yayasan Pelajaran Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan mengadakan tuisyen secara percuma bagi 6 subjek kepada pelajar-pelajar tingkatan 5 dari keluarga B40.

Seramai 31,478 orang akan menerima manfaat dengan kos sebanyak RM4.5 juta. Dengan program tuisyen secara percuma ini, diharapkan pelajar-pelajar akan lebih bersedia dan akan mendapat keputusan yang cemerlang. Insya-Allah.

Seterusnya, bagi menggalakkan penglibatan belia dan aktiviti berkaitan kesukarelawanan dan kepimpinan, kerajaan negeri telah menyusun beberapa inisiatif untuk tujuan tersebut, iaitu:

1. *Southern Volunteers*, yang meliputi 10,000 penyertaan belia untuk aktiviti kesukarelawanan.

2. Program kepimpinan untuk melatih pemimpin muda Johor setaraf dengan pemimpin muda di peringkat global melalui Dewan Muda Johor dan

3. Hikmah Johor sebagai platform kepada bekas-bekas pemimpin dan tokoh-tokoh negeri Johor berkongsi pengalaman, idea dan pemikiran buat golongan belia.

4. Menaik taraf dan menjenamakan semula Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan semangat Dato' Onn (IKLAS) kepada Institut Dato' Onn sebagai sebuah agensi yang menyelaras program pembangunan belia meliputi persidangan dan latihan kepimpinan. Platform tokoh dan pemimpin muda Johor, menyelaras maklumat belia Johor.

Selain daripada itu, kerajaan Johor juga akan memberikan dana galakan Persatuan Belia Negeri Johor bagi melaksanakan pelbagai program melalui aktiviti kesukarelawanan, khidmat bakti masyarakat, belia, sukan dan rekreasi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada fokus-fokus di atas, agenda khusus kepada orang muda Johor akan turut diberikan dalam lingkungan ekonomi belia. Antara program-program yang akan dilaksanakan adalah Projek Pembangunan Belia Tani FELDA dan Agropreneur Muda Johor.

Seterusnya kerajaan negeri menerusi KPRJ akan menjalankan inisiatif-inisiatif berikut dengan kos sebanyak RM1 juta.

1. Membangunkan *Johor Sports Masterplan 2030*. Pelan ini akan memberikan hala tuju baru kepada industri sukan negeri Johor.

2. Kolaborasi bersama Loughborough University dari United Kingdom dalam bidang Sains Sukan bagi melahirkan atlit bertaraf dunia serta memacu pembangunan *sports tourism*.

Tambahan lagi kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM1.1 juta kepada Majlis Sukan Negeri Johor bagi memperkasakan Persatuan Sukan di negeri Johor. Sebanyak RM600,000.00 akan diberikan dalam bentuk geran kepada Persatuan Sukan Negeri Johor mengikut gred dan RM510,000.00 lagi kepada Program Profesionalisasi Persatuan Sukan Negeri Johor.

Berikutannya, Program XTIF Johor akan diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM1.98 juta bagi merakyat dan menggalakkan aktiviti sukan sebagai gaya hidup rakyat Johor.

1. Program Sukan Makmur XTIF Johor akan dilaksanakan di 56 kawasan Dewan Undangan Negeri Johor.

2. Acara XTIF *Johor Fun Ride, Fun Run* dan *e-Sports* juga akan dilaksanakan di bawah JOYDEC.

Selain daripada itu, selaras dengan agenda Johor Digital juga, satu pangkalan data belia atau *Johor Youth Database* akan diwujudkan dengan peruntukan RM500,000.00. Pangkalan data ini akan membekalkan maklumat komprehensif berkenaan belia kepada pembuat dasar negeri.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan sekali lagi setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada pasukan bola sepak JDT yang diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota yang telah mengekalkan kejuaraan Liga Super musim ketujuh berturut-turut baru-baru ini. (Dewan bertepuk). Sesungguhnya kejayaan ini akan menjadi sumber inspirasi kepada negeri untuk terus membangunkan industri sukan di negeri Johor.

Kerajaan negeri menyambut baik cadangan yang dilontarkan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor untuk memastikan rakyat terutamanya golongan belia dapat melakukan aktiviti yang sihat dan menggunakan fasiliti gimnasium dengan kadar yang berpatutan. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri berhasrat untuk membangunkan sebuah gimnasium rakyat bertaraf antarabangsa di Johor Bahru. Gimnasium rakyat ini dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat terutama golongan belia berupaya untuk melakukan aktiviti sihat. Diharapkan agar inisiatif-inisiatif di atas dapat menyokong dan memberdaya belia kita di samping berupaya mengembalikan semula kebanggaan orang muda Johor terhadap Negeri Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Tuan Speaker, agenda seterusnya adalah agenda Johor Madani. Johor seharusnya menjadi negeri yang mengekalkan adat dan budayanya. Meskipun tidak sibuk mengejar arus kemodenan, adat dan budaya rakyat Johor tidak akan dilupakan. Dalam konteks semasa, pandemik Covid-19 menuntut kita untuk memberi fokus kepada daya tahan ekonomi. Namun yang sering ditinggal-tinggalkan adalah daya tahan sosial dan daya tahan identiti. Malah aspek kelestarian alam juga mungkin dianggap samping kepada waktu ini.

Pada hari ini saya ingin memperkenalkan konsep Johor Madani di dalam Johor Madani ini telah dirangkumkan aspek-aspek berikut :

1. Pemerkasaan Syiar Islam.

2. Perpaduan Kaum Dan Komuniti.

3. Pemeliharaan Budaya Kesenian Dan Warisan Johor.

4. Kelestarian Alam Dan Kesihatan.

Ini kerana aspek-aspek di atas adalah tunjang kepada peradaban iaitu kata asas bagi Madani. Maka Johor Madani adalah Johor yang makmur dan sejahtera sifatnya, seimbang dan moderat tata kelolanya.

Oleh itu, bagi aspek pemerkasaan syiar Islam, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM113.7 juta bagi inisiatif-inisiatif berikut :

1. Kerajaan negeri akan membina 12 buah sekolah agama Fasa 6 bagi tempoh 5 tahun akan datang dengan anggaran peruntukan sebanyak RM85 juta. Pembinaan baru sekolah-sekolah ini dapat menyediakan sebanyak 12,000 tempat belajar bagi anak-anak Islam di Johor.

2. Membaik pulih dan menyelenggara masjid-masjid kerajaan, kariah serta Projek Pembangunan Perkuburan Bersepadu dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM7.4 juta.

3. Peruntukan sebanyak RM9 juta bagi membaik pulih dan penambahbaikan infrastruktur Sekolah Agama Johor dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan sedia ada.

4. Menubuhkan Briged Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWAJA). Briged ini akan menggalakkan belia Islam menceburkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan masjid dan surau di Johor dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00. Dianggarkan seramai 500 orang belia berumur antara 15 hingga 30 tahun akan terlibat dalam briged ini.

Selain daripada itu, kerajaan negeri melalui Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) akan menaik taraf 10 buah Sekolah Agama Kebangsaan Johor kepada Sekolah Bestari dengan

peruntukan RM1.5 juta dalam tempoh 5 tahun. Tambahan lagi, kerajaan negeri menerusi Majlis Halal Negeri Johor akan memperkasakan peranannya di dalam merangka strategi untuk menjadikan negeri Johor sebagai Hab Halal Global. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah :

1. Majlis Agama Islam akan meningkatkan Kapasiti *Johor Toyyiban Laboratories* (JTLAB) sebagai sebuah pusat analisis dan penyelidikan komersial yang diiktiraf dunia.

2. Bagi menyokong pengusaha-pengusaha perusahaan kecil dan sederhana, kerajaan negeri akan bekerjasama dengan PIJ Holdings bagi penyediaan geran pembiayaan sebanyak RM500,000.00 bagi mendapat bimbingan permohonan sijil halal.

Perpaduan merupakan ramuan yang penting bagi kemakmuran sebuah negeri. Tanpa perpaduan, tiadalah keamanan dan ketenteraman. Dan antara pasak utama kepada perpaduan adalah penglibatan semua komuniti dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Dalam arus kemodenan, masyarakat Johor tidak harus bersifat individualistik. Sifat ini jika ia keterlaluan akan mencambahkan prejudis dan syak wasangka antara kita.

Seperti yang saya katakan di awal ucapan saya, *we are all Johorean*. Selaras dengan semangat itu, beberapa inisiatif yang bakal diambil kerajaan negeri dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM4.2 juta adalah antaranya :

1. Berasaskan Dasar Komuniti Negara (DKN), kerajaan negeri bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta kepada Program Pembangunan Komuniti Dan Penambahbaikan Pengurusan Projek Perumahan Rakyat dan Rumah Sewa Kerajaan.

2. Bagi memperkasakan peranan komuniti dalam aspek pembangunan sosioekonomi, satu kajian penglibatan komuniti akan dilaksanakan di setiap PBT negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

3. Program kebersamaan dan integrasi kaum akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor dengan peruntukan sejumlah RM1 juta.

4. RM700,000.00 akan diperuntukkan bagi melaksanakan inisiatif untuk memperkasa tanggungjawab komuniti rukun tetangga melalui Program Rondaan Bersepadu Keselamatan Kejiranan dan Program 1 Polis 1 KRT.

5. Jawatankuasa Task Force Masyarakat India akan diwujudkan bagi meneliti dan menyelesaikan isu-isu tertangguh kaum India.

Dalam aspek pemeliharaan budaya, kesenian dan warisan, kerajaan negeri dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor, Majlis Kebudayaan Negeri Johor, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor dan PBT bakal melaksanakan beberapa inisiatif dengan peruntukan sebanyak RM3.1 juta seperti berikut :

1. Lestari Seni Budaya yang bertujuan melahirkan lebih ramai pelapis dalam pelbagai cabang seni di peringkat akar umbi.

2. Mewujudkan Pustaka Warisan Digital untuk menyebarluaskan produk dan tarikan kebudayaan warisan negeri Johor selari dengan Agenda Digital Negeri Johor.

3. Memperkukuhkan warisan bahasa dan persuratan Melayu bagi menghargai karya-karya sastera. Selain daripada mengasah bakat generasi muda dalam bidang penulisan.

4. Program Mempromosikan Makanan Johor di peringkat tempatan dan antarabangsa dengan inisiatif dan skim penggalakan kepada semua usahawan bagi menceburi perniagaan makanan Johor adalah merupakan inisiatif yang keempat.

Bagi menonjolkan identiti negeri melalui seni bina dan fasad bangunan warisan, Pelan Pembangunan Bandar Warisan Johor akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kelestarian Alam Sekitar dan Kesihatan pula kerajaan negeri akan menjalankan inisiatif seperti berikut : **Kesihatan**, sudah hampir setahun rakyat Malaysia hidup dalam norma baru, melalui prosedur-prosedur yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Namun begitu saban hari masih ramai lagi yang dikompaun kerana enggan mematuhi SOP norma baru yang ada. Pada masa yang sama, gejala penagihan dadah semakin berleluasa tatkala segala tumpuan diberikan untuk memerangi pandemik COVID-19.

Atas sebab itu, kerajaan negeri akan menganjurkan Program Kesedaran Kesihatan Norma Baharu dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia. Program Pemerkasaan Komuniti oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan akan dipromosikan dengan peruntukan sejumlah RM1.1 juta.

Kelestarian Alam Sekitar, dari sudut Kelestarian Alam Sekitar pula, kerajaan mengakui kepentingan sungai sebagai khazanah alam yang tidak terperi nilainya. Atas kesedaran itu, sejumlah RM3.5 juta diperuntukkan untuk program kelestarian sungai-sungai di Johor yang merangkumi:

1. Program 1 Daerah 1 Sungai dengan peruntukan RM2 juta untuk memberikan kesedaran kepada komuniti setempat berkenaan kepentingan sungai.

2. Program Pemulihan Sungai Kim-Kim dengan peruntukan RM500,000.00. Program ini adalah dengan kerjasama 4 buah universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM).

Bagi menjamin kelestarian Sungai Skudai dan Sungai Tebrau yang merupakan sungai utama dalam sistem pengairan Johor Bahru, sebanyak RM1 juta diperuntukkan dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran. Dalam aspek penguatkuasaan pula, Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama jabatan dan agensi kerajaan negeri akan melaksanakan Program Penguatkuasaan Bersepadu. Program penguatkuasaan ini akan dijalankan ke atas industri atau premis yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar.

Selanjutnya, kerajaan negeri juga akan memutuskan inisiatif pemasangan Stesen Pemantauan Kualiti Udara. Untuk fasa pertama bagi tahun hadapan, stesen ini akan dipasang di 3 PBT bertaraf bandar raya. Stesen pemantauan kualiti udara ini mampu memastikan pengawasan kualiti udara secara menyeluruh dan sistematik di kawasan PBT.

Kerajaan negeri juga akan membangunkan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Terjadual Bersepadu bagi menangani masalah pencemaran sisa kimia dan bahan buangan terjadual yang berpunca daripada pelupusan secara haram.

Dalam kesempatan ini, kerajaan negeri ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan persekutuan atas peruntukan sebanyak RM10 juta untuk usaha memelihara dan memulihara ekosistem persisiran pantai dan habitatnya di negeri Johor.

Penjagaan Ekosistem Flora dan Fauna, kerajaan negeri Johor sentiasa menekankan kepentingan penjagaan ekosistem flora dan fauna di Johor. Oleh itu, kerajaan negeri melalui agensi-agensi berkaitan akan menjalankan inisiatif seperti berikut :

1. Sebanyak RM7 juta diperuntukkan untuk meneruskan Projek Santuari Gajah Fasa 2 dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN Johor.

2. Sebanyak RM850,000.00 diperuntukkan untuk aktiviti pemulihan biodiversiti dan ekopelancongan seperti Program Pengurusan Habitat Gajah, *Program Junior Park Rangers* bersama pihak sekolah, Program Penguatkuasaan *Eco Rangers* bersama pihak komuniti, Program Komuniti *One Family Tree Nursery*, Program Sifar Sampah dan Pemantauan Kawasan Pencerobohan di Taman Negara Johor Gunung Ledang bersama komuniti setempat.

Seterusnya kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan Johor akan menyediakan Pelan Induk Pembangunan Panti Conservation Area (PCA) dan Pembangunan Sistem Pengurusan, Pemantauan dan Penguatkuasaan Hutan Simpan Kekal. Sejumlah RM500,000.00 diperuntukkan untuk tujuan ini.

Bagi meneruskan program Kelestarian Alam Sekitar secara lebih menyeluruh, kerajaan negeri akan melancarkan inisiatif Program Infaq Bumi Hijau Johor dengan kerjasama Waqaf An-Nur. Program ini melibatkan penanaman 100,000 pokok di seluruh Johor dengan peruntukan berjumlah RM700,000.00.

Kerajaan negeri dengan kerjasama IRDA, PBT dan Jabatan Pendidikan pula bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif meningkatkan kesedaran amalan rendah karbon.

Kerajaan negeri dengan kerjasama IRDA, PBT dan Jabatan Pendidikan pula, bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif meningkatkan kesedaran amalan rendah karbon. Antaranya

1. Pusat Eko di Perpustakaan Sultan Ismail dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta daripada *Japan International Corporation Agency* (JICA).

2. Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Iskandar Malaysia 2030 dengan peruntukan RM3 juta daripada kerajaan persekutuan menerusi IRDA,

3. Inisiatif *Solar Supply Agreement Of Renewable Energy* (SARE) di semua bangunan PBT di bawah Program Masyarakat Rendah Karbon dan

4. Inisiatif Program Penyelesaian Sisa Pintar di Majlis Perbandaran Pengerang dengan peruntukan RM3.2 juta untuk pengurusan sistem pepejal yang lebih sistematik dan bersih.

YB Tuan Speaker, agenda ke-11 adalah Agenda Johor Prihatin. Kerajaan negeri sentiasa peka dengan keperluan dan kesejahteraan golongan rentan, kanak-kanak, wanita, warga emas, orang kelainan upaya dan Orang Asli di Johor. Golongan ini bukan sahaja perlu dibantu, mereka juga perlu diberdayakan dengan intervensi-intervensi yang sesuai dan berkesan. Oleh itu, dalam Belanjawan Johor 2021 ini, kerajaan negeri telah menggariskan beberapa inisiatif penting dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2.3 juta seperti berikut, bagi ibu-ibu tunggal dan golongan yang berpendapatan rendah, kerajaan negeri akan memperluaskan *Centre Of Suri Johor*, ia berfungsi sebagai satu platform pemasaran produk mereka dengan lebih luas. Program ini bermatlamat melahirkan 700 orang usahawan wanita dengan peruntukan berjumlah RM1 juta.

Selain daripada itu, tiga program sokongan memfokuskan kepada wanita Johor akan dilaksanakan menerusi inisiatif di bawah:

1. *Woman Income Generating Skills Projects (WINGS)* 2021,
2. Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIP) 2021,
3. Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus (KIUB).

Baru-baru ini Dr. Masliza Mahmod, anak kelahiran Batu Pahat, menjadi wanita pertama Johor yang dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya Perubatan Kardiovaskular di Universiti Oxford United Kingdom. Dengan itu, inisiatif penggalakan yang dinamakan Pesona Wanita Profesional bakal diperkenalkan. Inisiatif ini bertindak sebagai satu platform pengiktirafan dan juga memanfaatkan kepakaran golongan wanita terpilih dalam pelbagai bidang profesional. Lebih-lebih lagi wanita seperti Dr. Masliza Mahmod. Kerajaan negeri berharap lebih ramai lagi bakat-bakat wanita Johor yang bakal diketengahkan sebagai sumber inspirasi masyarakat umum. Bak kata Dr. Masliza, *the sky is the limit*. Itulah semangat yang patut ada pada wanita Johor.

Atas sebab di atas dan untuk terus memperkasakan peranan wanita dalam pembangunan ekonomi dan sosial, satu kajian Pembangunan Data Wanita Dan Keluarga Negeri Johor akan dilaksanakan bagi memastikan bantuan diberi secara bersasar dan efektif. Kerajaan negeri turut mengambil perhatian terhadap pengukuhan institusi kekeluargaan. Oleh itu, Program Intervensi Keluarga dan juga komuniti serta keprihatinan terhadap warga emas akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM750,000.00 melalui program-program berikut, Program *I-Cons Of Sakinah*, Program Kembara Keluarga Sejahtera Johor 2021, *Johor Support Programme For Community,* Warga Emas *We Care (WE CARE)* dan *Massive Open Online Course* Bagi Modul Keluarga Sakinah Dan Modul Keluarga Sejahtera.

Bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan masyarakat Orang Asli Johor pula, kerajaan negeri akan menjalankan Program Pembangunan Ekonomi dan Usahawan Orang Asli dengan peruntukan berjumlah RM300,000.00.Kanak-kanak adalah aset masa depan yang perlu dilindungi oleh semua pihak. Justeru, kerajaan negeri bercadang agar Program Advokasi Pencegahan dan Perlindungan Kanak-Kanak diperluaskan. Program ini dapat memberikan kefahaman kepada ramai berkaitan tanggungjawab dalam melindungi kanak-kanak daripada bahaya penderaan.

Sementara itu, bagi menggalakkan aktiviti kesukarelawanan, kerajaan negeri memperuntukkan RM200,000.00 bagi menaik taraf bangunan *Volunteers Activity Centre (V@C)* di Batu Pahat. Pusat ini akan menjadi tempat kepada sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berdaftar, bagi mengadakan perjumpaan, membuat perancangan, penyusunan dan gerak aktiviti kesukarelawanan mereka.

Seterusnya, Orang Kelainan Upaya adalah sebahagian daripada golongan rentan yang wajar kita bantu dan berikan perhatian. Dengan itu, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM250,000.00 bagi melaksanakan beberapa program. Antaranya, Program Latihan dan Promosi khususnya untuk meningkat dan menambah nilai kemahiran sedia ada golongan OKU dengan peruntukan RM150,000.00. Program Kesedaran kepada Keluarga Yang Mempunyai Anak-anak OKU (KOKU) dengan peruntukan sebanyak RM100,000.00.

Yang Berhormat Tuan Speaker, agenda terakhir adalah agenda Johor Berkebajikan. Agenda ini akan memberi kelegaan langsung kepada rakyat Johor. Kelegaan dalam mengharungi kehidupan khususnya dalam menghadapi krisis COVID-19. Ia adalah satu intervensi dan bantuan segera kepada golongan yang begitu terkesan dengan keadaan ekonomi semasa. Sudah pasti, intervensi dan bantuan ini bukanlah yang terakhir, sudah pasti ianya akan diperbaharui pada masa akan datang.

Agenda yang akan dilaksanakan adalah:

1. Pemberian wang tunai *one-off* sebanyak RM300.00 selama dua bulan kepada 26,626 penerima dari senarai e-Kasih Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM15.98 juta.

2. Pemberian wang tunai *one-off* sebanyak RM500.00 kepada 47,159 penyewa premis, pasar awam, peniaga pasar malam, peniaga pasar tani yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negeri Johor. Jumlah peruntukan adalah RM23.58 juta.

3. Pemberian wang tunai *one-off* sebanyak RM500.00 kepada 5,205 pemilik teksi, teksi limousin, teksi lapangan terbang. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM2.60 juta.

4. Pemberian wang tunai *one-off* sebanyak RM150.00 kepada 35,000 Mahasiswa Anak Johor daripada keluarga B40. Jumlah peruntukan adalah RM5.2 juta. Duit ini, nak beli data Internet pun boleh.

5. Pemberian tunai *one-off* sebanyak RM500.00 kepada 2,071 pengusaha bas sekolah berdaftar. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM1 juta.

6. Pemberian insentif bantuan *one-off* sebanyak RM100.00 kepada 20,000 pemandu dan penghantar makanan syarikat e-hailing yang berdaftar di Johor dengan jumlah peruntukan RM2 juta.

7. Pemberian wang tunai *one-off* sebanyak RM100.00 kepada setiap orang pelajar sekolah rendah dan menengah yang berasal dari keluarga berpendapatan RM3,000.00 hingga RM7,000.00 sebulan. Jika sebuah keluarga mempunyai anak seramai lima orang dan bersekolah di peringkat rendah mahupun menengah, mereka akan menerima RM500.00. Inisiatif ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM18.94 juta dan memberi manfaat kepada 189,389 pelajar. Ia merupakan pelengkap kepada bantuan yang diberikan oleh kerajaan persekutuan kepada pendapatan isi rumah di bawah RM3000.00 sebulan.

Bagi menghargai jasa dan pengorbanan *front liners*, kerajaan negeri akan menyalurkan bantuan tunai secara *one-off* sebanyak RM200.00 kepada 30,000 petugas dengan jumlah peruntukan RM6 juta. Bukan itu sahaja, ada banyak perkhabaran-perkhabaran baik yang lain. Antaranya,Bantuan Am Negeri akan dinaikkan dari RM200.00 ke RM300.00 sebulan kepada 5,700 penerima di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor. Selain itu, Majlis Agama Islam Negeri Johor turut berperanan dalam agenda Johor Berkebajikan dengan peruntukan keseluruhannya sebanyak RM152.1 juta. Antaranya, Bantuan Sara Hidup Bulanan bagi golongan berpendapatan rendah, Bantuan Perubatan Rawatan Hemodialisis kepada pesakit buah pinggang. Bantuan Perumahan kepada pemilik rumah uzur sama ada dalam bentuk bina baru atau baik pulih dan Bantuan Rumah Kebajikan bagi kanak-kanak menghidap autisme.

Pada masa yang sama, Majlis Agama Islam Negeri Johor mengambil inisiatif tambahan untuk membantu asnaf iaitu penerima Bantuan Sara Hidup bulanan dan bantuan perubatan bulanan dengan sumbangan tambahan *one-off* RM100.00 seorang. Seramai 20,507 asnaf akan menerima manfaat tersebut serta tunai akan dikreditkan terus ke akaun pada Januari 2021 dengan jumlah peruntukan RM2.05 juta.

Berikutan keluhan daripada masyarakat yang terjejas akibat pandemik COVID-19, Majlis Agama Islam akan menyalurkan sumbangan tunai sebanyak RM200.00 kepada 17,000 individu. Peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM3.4 juta. Permohonan akan

dibuka secara dalam talian pada 1 hingga 14 Disember 2020. Tambahan lagi, seramai 10,000 orang pesakit akan diberikan Bantuan Perjalanan kepada Pesakit Kronik yang berdaftar di bawah Skim Bantuan Am Negeri. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor dengan peningkatan daripada RM20.00 kepada RM50.00.

Kerajaan negeri akan terus memperkasakan golongan yang memerlukan bantuan. Justeru, Program Cari Orang Memerlukan Bantuan (COMB) akan dilaksanakan dengan tumpuan kepada masyarakat bandar, luar bandar, FELDA, ladang dan kawasan pedalaman di negeri Johor. Dalam usaha meringankan kesusahan masyarakat yang memerlukan, kerajaan negeri akan melaksanakan inisiatif Bantuan Bakul Makanan kepada golongan miskin bandar dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11 juta. Pada masa yang sama, Skim Pemberian Air Percuma sebanyak 10 meter padu kepada golongan B40 akan diteruskan. Ini merupakan program kerajaan yang lalu, yang kita rasakan satu perkara baik dan akan diteruskan. Seramai 200,000 isi rumah dianggarkan menerima manfaat dari skim ini.

Bagi penggiat industri pelancongan pula, mereka akan menerima insentif dengan jumlah sebanyak RM5 juta seperti berikut:

1. Pemberian insentif *one-off* RM1,000.00 kepada pemandu pelancong yang berdaftar di negeri Johor. (Dewan bertepuk).

2. Pemberian bantuan insentif *one-off* kepada 16 persatuan pelancongan negeri dan daerah dengan peruntukan sebanyak RM320,000.00.

3. Pemberian insentif *one-off* RM2,000.00 kepada 586 syarikat agensi pelancongan.

4. Pengecualian bayaran duti hiburan bagi taman-taman tema dan pusat hiburan keluarga dan,

5. Pengecualian bayaran Lesen Perniagaan kepada 1,031 buah syarikat berkaitan pelancongan.

Atas dasar keterangkuman dan nilai muhibah masyarakat berbilang kaum, kerajaan negeri akan memberi peruntukan khusus kepada masyarakat Cina dan India bagi tujuan kebajikan, aktiviti keusahawanan dan pendidikan komuniti masing-masing. Peruntukan akan diberikan kepada yayasan-yayasan berikut, Yayasan Sultanah Fatimah RM6 juta, Yayasan Sultanah Rogayah RM4 juta. Selain daripada itu, kerajaan negeri akan meneruskan penganjuran Jualan Makmur Johor agar rakyat Johor dapat membeli barang-barang keperluan pada harga yang lebih rendah. Inisiatif ini melibatkan peruntukan sebanyak RM500,000.00. Pada masa hadapan, penganjuran Jualan Makmur Johor akan diperluas mengikut keperluan dan kapasiti.

Kepada Penjawat Awam Negeri Johor yang menjadi tulang belakang kepada kelancaran pentadbiran, kerajaan negeri bersetuju untuk memberikan Bantuan Khas Kewangan Bagi Tahun 2020 kepada kakitangan kerajaan negeri Johor dan kakitangan awam Persekutuan yang dibayar gaji oleh kerajaan negeri Johor sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 (Dewan bertepuk). Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar sebelum akhir tahun 2020.Bantuan Khas Kewangan ini juga akan dipanjangkan kepada semua Guru KAFA, Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Guru Tadika Islam Johor (TAJ).

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menegaskan yang segala peruntukan, inisiatif dan rangsangan yang telah dibentangkan ini, hanyalah sebahagian besar daripada keseluruhan rencana, peruntukan dan imbuhan yang akan dilaksanakan pada tahun

hadapan. Yang pasti, saya ingin menegaskan bahawa, kesemua 12 Agenda Kebajikan, Keberdayaan, dan Keberhasilan yang membentuk Belanjawan 2021 ini, telah disusun dengan meletakkan kepentingan rakyat dan ekonomi Johor di tangga teratas. Tiadalah keutamaan lain kepada kami, kecuali keutamaan semua lapisan rakyat yang benar-benar terhimpit pada waktu ini. Kita mahu memastikan yang pembentangan Belanjawan 2021 ini bukan sekadar agenda akhir tahun 2020, tetapi menjadi titik mula paling penting untuk Johor bangkit semula pada tahun 2021, insya-Allah.

Kepada seluruh jentera kerajaan Johor, saya mengambil kesempatan ini, dengan rasa sangat bertanggungjawab, untuk mengingatkan diri saya dan semua, bahawa di bahu kitalah terletaknya kejayaan, keberkesanan dan manfaat daripada Belanjawan 2021 ini. Kitalah yang akan menentukan kebajikan rakyat terbela, perniagaan dibantu dan ekonomi dipulihkan. Kita adalah *catalyst* terpenting untuk kejayaan Belanjawan 2021 ini. Maka, saya menyeru agar kita semua mengambil tanggungjawab ini secara penuh seluruh. Menjiwainya, melaksanakan ia dengan sebaik-baiknya, beramanah dalam berbelanja, dan menyegerakan segala pelaksanaan Belanjawan 2021 ini. Janganlah nanti Belanjawan ini hanya jadi rencana tanpa kerja nyata. Ia menjadi Belanjawan yang impaknya berganda jika kita efisien, jika kita amanah dan jika kita bersegera dalam tindakan dan perbuatan kita. Justeru, saya menyeru dengan sedalam-dalam keikhlasan hati saya, untuk kita segera jayakan Belanjawan ini, kerana rakyat benar-benar mendambakan bantuan dan rangsangan untuk terus hidup.

Akhirnya, semoga Belanjawan 2021 ini merupakan perkhabaran yang melapangkan hati-hati rakyat di luar sana. Agar mereka dengan sebaik mungkin berdaya tahan, dalam waktu sebegini getir. Ingatlah, sedikit masa lagi, akan terbitlah terang dan kecerahan. Hujan panas permainan hari, susah senang permainan hidup. Semua ini adalah adat kehidupan. Seruan saya, marilah kita bekerja keras menggugahkan semula Johor ini, dengan kehidupan yang membaik, perniagaan yang bertumbuh, ekonomi yang berdaya saing serta kemakmuran dan kesejahteraan yang teragih adil dan berpanjangan.

Marilah kita bina semua Johor seperti sebelum pandemik ini. Johor yang senantiasa rancak dengan pelbagai rencana, dengan pelbagai cerita dan pelbagai ragam peel Johornya. Sungguh, kita sangat merindui Johor yang seakan itu. Saya harap segala niat murni dan usaha keras ini akan dapat dilaksanakan dan dijayakan dengan sebaiknya. Khususnya dengan sokongan dan komitmen tidak berbelah bahagi semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Yang Mulia ini, dan para Penjawat Awam Johor yang lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kepada Allah kita berserah. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya mohon mencadangkan. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon juga membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) dan (4) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 112 (2) dan (4) ditangguhkan sementara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah, selesai sudah Ucapan Belanjawan Negeri Johor 2021 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan tema “Berdaya Tahan Demi Kemakmuran”. Tahniah Yang Amat Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke hari Ahad, 29 November 2020 jam 9.30 pagi di mana Perbahasan Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020 akan dimulakan.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2021)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KEDUA	AHAD, 29 NOVEMBER 2020	BIL. 10 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,
Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)
Datuk Haji Hasni bin Mohammad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan & Budaya
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur
Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan
Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia
Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna
Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP., SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka telah menganugerahkan Darjah Pangkuan Seri Melaka yang membawa gelaran Datuk sempena Sambutan Hari Jadi Ke-71 kepada Yang Berhormat Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor pada 31 Oktober 2020. Tahniah diucapkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan Yang Berbahagia Datuk Haji Zahar bin Bachik, bekas Ahli Dewan Negeri Kawasan Parit Raja mulai 21 Oktober 1990 hingga 10 November 1999 selama 2 penggal telah kembali ke rahmatullah pada 15 September 2020. Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Datuk Haji Zahar bin Bachik.

Marilah kita sama-sama mendoakan semoga roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan bagi orang-orang Islam membacakan Al-Fatihah dan bukan Islam berdiri bertafakur sebentar satu minit. Al-Fatihah (Berdiri). Terima kasih.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Tenggaroh jemput.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 1.

Daripada 200,000 rakyat Johor telah memohon Bantuan Ihsan Johor tetapi hanya 40,000 orang sahaja diluluskan. Bagaimana kerajaan negeri akan meningkatkan jumlah penerima bantuan?

YB Speaker : Yang Berhormat Jementah jemput.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 2.

Nyatakan dengan terperinci berapa jumlah permohonan yang diterima, kelulusannya dan peruntukan untuk kelulusan permohonan mengikut kategori keluarga dan individu Bagi Skim Bantuan Ihsan COVID-19? Adakah skim ini akan dibuka semula untuk membantu rakyat memandangkan pandemik COVID-19 masih berterusan?

YB Speaker : Yang Berhormat Johor Jaya jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.

Apakah tindakan pihak kerajaan negeri terhadap ketidakberkesanan Bantuan Ihsan Johor di mana ramai yang mengadu masih tidak dapat terima walaupun sudah berjaya. Nyatakan jumlah penerima mengikut DUN.

YB Speaker : Yang Berhormat Penggaram jemput.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 4.

Ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, kerajaan Johor telah melancarkan Ihsan Johor untuk memberi bantuan kepada rakyat yang terjejas. Berapakah jumlah wang dibelanjakan untuk program ini, jumlah permohonan yang diterima, jumlah keluarga dan individu yang telah mendapat manfaatnya?

YB Speaker : Yang Berhormat Machap jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

Nyatakan sejauh mana kebaikan pelaksanaan Bantuan Ihsan Johor dalam membantu mereka yang terkesan semasa COVID-19.

YB Speaker : Ya, jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Jementah, Yang Berhormat Johor Jaya, Yang Berhormat Tenggaroh, Yang Berhormat Penggaram dan Yang Berhormat Machap mengenai Bantuan Tunai Ihsan Johor dan saya mohon untuk menjawabnya bersekali.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Dewan semua, kerajaan negeri telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020 pada 25 Mac 2020. Dan jumlah Pakej Rangsangan Ekonomi tersebut adalah sebanyak RM174.5 juta dan juga Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri Kedua telah diperuntukkan sejumlah RM28.74 juta.

Untuk makluman Ahli Dewan, bahawa bantuan Pakej Rangsangan Ihsan Johor ini adalah berbeza dengan Bantuan Prihatin Nasional yang diumumkan pada 27 Mac 2020. Di mana Bantuan Prihatin Nasional ini yang melibatkan jumlah sebanyak RM10 bilion, melibatkan 8.3 juta isi rumah dan juga individu bujang, yang bekerja swasta, peneroka FELDA, petani, nelayan, peniaga kecil dan semua yang tergolong dalam kumpulan M40 dan ke bawah sebagaimana yang dikategorikan 1,600 kepada hampir 4 juta isi rumah yang berpendapatan bawah RM4,000.00, RM1,000.00 kepada hampir 1.1 juta isi rumah, berpendapatan RM4,000.00 hingga RM8,000.00 dan juga bantuan-bantuan seterusnya.

Kemudian di peringkat negeri juga, kita ada Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri Kedua dengan peruntukan RM28.74 juta. Juga berbeza dengan Bantuan Prihatin Nasional 2.0. Bantuan Prihatin Nasional ini berjumlah RM7 bilion yang disalurkan kepada 10.6 juta penerima Bantuan Prihatin Nasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri telah melantik agen-agen di pusat-pusat saluran. Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor ini bergantung sepenuhnya kepada agen-agen melalui pusat-pusat saluran. Di peringkat negeri kita tidak mempunyai data yang lengkap sepertimana data yang diperolehi oleh kerajaan persekutuan. Contoh bantuan-bantuan prihatin, ianya menggunakan data daripada Bantuan Sara Hidup, Bantuan Prihatin Nasional, bantuan yang disalurkan oleh JKM, bantuan yang disalurkan oleh JAKOA, bantuan yang disalurkan oleh Ahli Parlimen, bantuan yang disalurkan oleh mana-mana agensi, kementerian dan jabatan persekutuan.

Sementara di peringkat negeri, data yang ada kepada kita adalah bantuan yang disalurkan oleh badan berkanun negeri Johor seperti Majlis Agama Islam Negeri Johor, bantuan yang disalurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan seperti Yayasan Bandaraya Johor Bahru, Yayasan Pasir Gudang dan sebagainya.

Bantuan yang disalurkan oleh syarikat berkaitan kerajaan Johor seperti KPRJ dan sebagainya. Bantuan yang disalurkan oleh Pejabat Daerah. Bantuan yang disalurkan oleh ADUN, itu pun kalau ada ADUN yang melaporkan. Bantuan yang disalurkan oleh agensi-agensi yang lain atau jabatan-jabatan yang lain.

Maka pusat saluran adalah amat penting di mana pusat salurannya adalah Pejabat Menteri Besar, Pejabat-Pejabat Daerah, Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat-Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri. Dan agen-agen yang dilantik oleh pusat-pusat saluran tersebut adalah kalau pejabat saya, Yang Berhormat Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, Yang Berhormat Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, Yang Berhormat Datuk Tee Siew Kiong. Pejabat Daerah, agen-agennya adalah Penghulu dan Ketua Kampung. Sementara Pihak berkuasa Tempatan adalah Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis-Majlis Perbandaran dan Daerah dan juga Ahli-Ahli Majlis. Sementara Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri adalah Ketua Bahagian ataupun Ketua Cawangan ataupun Ketua Cabang di peringkat Dewan Undangan Negeri masing-masing, itu adalah agen.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor ini, ianya bukanlah bantuan yang terbuka, ianya khusus pada mereka-mereka yang tidak menerima sebarang bantuan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin. Jadi untuk itu, kita bergantung kepada agen-agen yang dilantik oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekiranya maklumat-maklumat itu tidak lengkap, maklumat-maklumat itu tidak ada pengesahan, maka itulah kekangan dan kesukaran di pihak kerajaan negeri untuk melaksanakan secara menyeluruh Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor, kerana kita tidak mempunyai data Yang Berhormat. Kita tidak dapat mengawal apa yang ada maklumat di pihak misal kata Lembaga Hasil ataupun Kementerian Kewangan. Kita berusaha untuk menjalinkan kerjasama dan saya yakin insya-Allah di tahun hadapan, kita akan lebih cekap apabila kita mempunyai data yang lebih tepat kepada mereka-mereka yang memerlukan bantuan.

Jadi kalau kita memuat naik *google form* sebagai contoh, ia merupakan satu kesukaran kepada kerajaan untuk mengesahkan penerima-penerima ini sama ada betul atau tidak mereka mempunyai pendapatan di bawah RM4,000.00 atau antara RM4,000.00 hingga RM8,000.00. Jadi ini adalah kekangan-kekangan untuk kita memastikan bahawa peruntukan yang disediakan itu adalah benar-benar jumlah yang kita ingin berikan. Kerana daripada RM174.5 juta itu Yang Berhormat, Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan ini tidak hanya tertumpu kepada pemberian tunai daripada siri pertama hanya RM14 juta diperuntukkan, dengan sasaran awal penerima adalah pada bulan Jun 2020 seramai 35,535 orang. Kemudian Bantuan Tunai Ihsan Johor ini adalah berbentuk *one-off* sebanyak RM250.00 dan RM500.00 kepada rakyat Johor yang benar-benar layak. Jadi kerajaan negeri Johor melalui Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mewujudkan satu sistem iaitu Sistem e-Ihsan Johor bagi tujuan menerima dan menyaring permohonan secara merit iaitu maklumat-maklumat yang dibekalkan daripada pusat-pusat saluran. Di mana pusat-pusat saluran tersebut menerima maklumat daripada agen-agen yang dilantik.

Kerajaan negeri pada 18 pula, 18 April... itu pada bulan Mac. Pada bulan April sehingga tarikh tutup pada 3 Jun, kita menerima sebanyak 234,000 permohonan oleh semua pusat saluran yang terdiri daripada yang saya sebutkan tadi. Tetapi kesukaran kita ialah untuk mengesahkan kesahihan maklumat-maklumat yang dibekalkan.

Pembayaran telah dibuat mulai daripada bulan Mac kita perkenalkan, 28 April kita telah membuat bayaran kepada penerima yang layak. Sehingga berakhir pada bulan Jun 2020,

seramai 41,565 penerima telah pun diluluskan permohonannya dengan pecahan 38,334 adalah penerima bantuan RM250.00, manakala 3,231 pemohon adalah penerima bantuan RM500.00.

Jadi daripada senarai 192,540 pemohon adalah tidak layak menerima bantuan disebabkan pemohon atau pasangan melebihi had kelayakan pendapatan. Pemohon atau pasangan mempunyai syarat dan layak memohon Geran Prihatin Nasional, mereka layak memohon dengan Geran Prihatin Nasional. Pemohon berumur kurang daripada 18 tahun, duplikasi permohonan dan nombor kad pengenalan yang tidak wujud.

Untuk makluman Johor Jaya, jumlah penerima bagi daerah Johor Bahru adalah seramai 17,673. Dan daripada jumlah itu, terdapat penerima manfaat juga daripada Yang Berhormat DUN Johor Jaya. Saya sependapat dengan Yang Berhormat Tenggaroh yang jumlah penerima bantuan tunai Ihsan Johor perlu kita pertingkatkan. Data kemiskinan yang pada ada kerajaan negeri ada 3 kategori data, data miskin tegar dan miskin dalam sistem e-kasih, data penerima bantuan asnaf daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor dan juga data penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Itu sahaja data yang kita ada. Namun setiap jabatan mempunyai garis panduan kemiskinan yang berbeza-beza itu pun menjadi perkara yang merupakan kekangan kepada usaha kita nak menjayakan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, oleh yang demikian kerajaan negeri melalui agenda Johor Digital akan memulakan usaha konsolidasi data mengumpul pelbagai maklumat mengenai rakyat Johor. Antara cadangan yang sedang dipertimbangkan adalah *state wide consensus* dengan izin iaitu bancian kemiskinan dan keadaan isi rumah untuk melihat secara terperinci keadaan dan konteks isi-isi rumah, keluarga di dalam negeri Johor.

Bancian ini akan diadakan secara dalam talian menerusi mekanisme yang terperinci dan telus agar maklumat yang sahih boleh diproses dan diterima pakai. Ia adalah penting agar polisi dan intervensi berkenaan dapat dijalankan dengan sebaik mungkin. Bancian ini juga akan melibatkan data-data daripada Kementerian Kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga data sedia daripada e-Ihsan Johor.

Sebagai langkah awalan belanjawan negeri Johor sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum berbagai inisiatif perlindungan sosial telah dibentangkan. Ini adalah untuk memastikan bahawa bantuan yang akan datang lebih elok kita lakukan bantuan bersasar. Ianya lebih efisien dalam meringankan beban rakyat sempena gejala pandemik COVID-19 ini. Jadi, pada masa akan datang bantuan bersasar akan dipertingkatkan dan diperluaskan merentasi pelbagai golongan yang memerlukan. Terima kasih.

YB Speaker : Tenggaroh, jemput.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas penjelasan mengenai bantuan Ihsan Johor dan juga kekangan yang kerajaan alami melalui data-data di kerajaan negeri. Namun mungkin saya nak tahu sebab rakyat Johor tidak semua yang mempunyai akaun bank, bagaimana kerajaan negeri akan menyalurkan bantuan kepada mereka yang tidak mempunyai akaun bank. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, penerima yang tidak memberikan maklumat bank atau pusat bayaran, bayaran akan disalurkan kepada Pejabat Daerah dan apa yang kita lakukan bermula daripada 24 Jun 2020 berdasarkan alamat dan nombor telefon yang diberikan. Jadi, bayaran kepada mereka yang tidak memiliki maklumat bank

adalah disalurkan melalui Pejabat Daerah. Sebagai maklumat tambahan untuk Yang Berhormat Tenggaroh sejumlah 7,335 penerima daripada 41,565 adalah pemohon yang dibayar secara tunai melalui Pejabat Daerah dan kalau mengikut pecahan daerah-daerah, kepada penerima yang telah kita bayar atau yang dah diluluskan Batu Pahat, 5,332; Johor Baru, 17,673; Kluang, 3,203; Kota Tinggi, 1,278; Mersing, 380; Muar, 3,742; Pontian, 1,432; Segamat, 3,445; Kulai, 3,726 dan Tangkak, 1,354.

YB Speaker : Ya, Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, saya nak tanya mengapakah portal telah ditutup sebab banyak orang pemohon dia nak semak secara *online* tapi tidak boleh sebab portal semakan telah ditutup dan juga dalam semakan *online* tiada mengatakan bahawa mereka boleh dapat bantuan tunai itu, di manakah mereka boleh dapat. Saya juga difahami banyak orang belum dapat lagi, jadi berapakah bilangan yang belum diserahkan kepada pemohon.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Penggaram. Seperti yang saya katakan tadi bahawa bantuan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor tidak terbuka. Ianya bergantung kepada pusat saluran dan ejen-ejen yang dilantik oleh Ahli Yang Berhormat. Maklumat-maklumat semua telah dibekalkan kepada pusat-pusat saluran. Ahli-Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum tentang garis panduan dan juga peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Saya dimaklumkan bahawa pihak kerajaan telah membekalkan garis panduan pengurusan bantuan Ihsan Johor dan juga kita telah pun mengemukakan beberapa *frequent as a question* bagi membolehkan Yang Berhormat lebih jelas tentang syarat-syarat kelayakan. Jadi, ini semua ada dalam pengetahuan pusat-pusat saluran di mana bantuan itu tidaklah terbuka untuk semua sebab itu apabila *google form* itu dimuat naik sebagai satu kaedah untuk mendaftar maka pihak Ihsan Johor sistem yang dah kita bangunkan itu tidak mampu untuk menerima dengan jumlah yang begitu banyak yang begitu besar. Jadi, inilah merupakan kekangan kerana kita menganggapkan bahawa pusat saluran dan ejen-ejen yang telah dilantik itu akan berhubung dengan Pusat Bantuan Ihsan Johor ini.

Jadi, apabila ianya tidak berlaku maka 200,000 adalah satu jumlah yang di luar jangkaan sehinggakan ianya pihak kerajaan tidak berupaya untuk memproses kerana ianya memerlukan pengesahan, ianya memerlukan maklumat-maklumat lanjut dan khususnya maklumat-maklumat yang tidak tepat yang dibekalkan oleh pemohon-pemohon. Jadi, itu merupakan satu daripada kekangan kepada pihak kerajaan untuk mengesahkan permohonan.

Di dalam aplikasi yang telah dibangunkan juga ada jawapan sama ada layak atau tidak ataupun berjaya atau tidak pemohon-pemohon berkenaan. Jadi, melalui pusat saluranlah maklumat-maklumat itu ada. Sehingga kini masalah untuk bayaran adalah amat sedikit. Kita boleh katakan sudah hampir 100% menyalurkan bantuan-bantuan tunai kepada mereka yang telah berjaya.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Soalan tambahan. Pertama sekali apabila mendengar jawapan daripada Yang Amat Berhormat tentang tidak lengkapnya data daripada kerajaan. Saya merasakan bahawa macam kita ni ketinggalan ke belakang sangatlah sedangkan kita kerajaan negeri Johor yang kita selalu berbangga mempunyai kehebatan dalam banyak perkara. Kalau kita lihat dengan kemunculan ataupun dengan kehebatan dalam banyak GLC-GLC kita yang baik dalam urusan perniagaan dan sebagainya. Jadi, apabila kita menyatakan tidak ada lengkap data, sedangkan kita ada pada sayalah, pada pandangan Parit Yaani bahawa kita ada beberapa buah universiti yang ada di negeri Johor yang kita boleh buat minta bantuan mereka untuk menggabungkan kalau nanti

dia kata data tu datang daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam, Pejabat Daerah, *why not* kita...

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : *Why not,* kenapa kita tidak buat satu gabungan panggil satu konsultan yang boleh menggabungkan semua maklumat-maklumat yang diperlukan khususnya katakan mereka yang miskin, mereka yang anak yatim dan sebagainya. Itu adalah satu perkara dan bila benda tu boleh dilaksanakan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Saya setuju 100% bahawa kita perlu menggabungkan semua data-data yang ada. Buat masa ini *our data is every where.* Jabatan-jabatan ada datanya, Majlis-majlis ada datanya, agensi-agensinya ada datanya, ada sistem yang dibangunkan peruntukan digunakan untuk membina aplikasi itu dan ini pendaftaran itu dan ini secara digital secara elektronik. Tetapi data-data ini merata berada di mana sahaja sebab itulah menyedari perkara ini kita bangunkan ataupun kita bentuk majlis digital Johor ini.

Matlamat dan tujuan utamanya itulah tadi supaya dapat kita gabungkan semua data-data supaya dapat kita himpunkan dalam satu platform di mana melalui platform tersebut semua pihak boleh akses kepada data-data berkenaan untuk tujuan-tujuan bukan hanya apabila adanya pakej rangsangan ekonomi seperti Ihsan Johor ini tetapi banyak polisi-polisi dan juga perancangan-perancangan yang nak dibuat oleh kerajaan haruslah berdasarkan kepada data. Jadi, tanpa data kita tidak akan dapat merangka dasar dan juga hala tuju serta polisi yang betul-betul bersasar tepat kepada matlamatnya. Jadi, itulah hasrat kerajaan negeri dalam masa yang terdekat supaya dapat kita bangunkan satu kaedah untuk himpunan satu data.

Kerajaan negeri telah melantik Pengarah BPEN, Pengarah Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri sebagai *our Chief Information Officer* (CIO), Pengarah BPEN akan membentuk 2 jawatankuasa kerja, satunya untuk digital infrastrukturnya, satu lagi untuk *content* nya pengisian kepada 2 jawatankuasa kerja ini akan melihat kepada usaha-usaha untuk memantapkan data-data kita termasuklah Yang Berhormat cadangkan tadi bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi, badan-badan yang mempunyai kepakaran supaya mereka dapat membantu kerajaan dalam memantapkan data yang nak kita bangunkan. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Penawar jemput.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih Tuan Speaker. Duduk bertimpuh di atas tikar, minum bersembang berteman si nyonya, walaupun kerajaan sudah bertukar, Speaker tetap di atas dengan segaknya. Soalan saya nombor 6.

Nyatakan jumlah pelaburan asing yang masuk ke negeri Johor dari Mac 2020 hingga kini yang boleh meningkatkan lagi ekonomi negeri Johor memandangkan sekarang kita masih lagi dalam PKPB.

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat, pantun tu tak ada kaitan dengan soalan. Tangkak jemput.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Tuan Speaker soalan saya nombor 7.

Berapakah nilai pelaburan yang masuk ke negeri Johor sejak Januari 2020 sehingga sekarang mengikut kategori dan jenis pelaburan serta perbandingan dengan tempoh yang sama pada tahun 2019?

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat Datuk.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Bismillahirahnirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Lima minit Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Penawar dan Yang Berhormat Tangkak bersekali kerana ianya berkaitan. Bagi makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, sehingga bulan September tahun 2020 negeri Johor telah berjaya menerima pelaburan dalam sektor pengilangan berjumlah sebanyak RM5.71 bilion. Dari jumlah pelaburan tersebut nilai pelaburan asing yang berjaya dibawa masuk adalah sebanyak RM33.9 bilion, manakala pelaburan domestik pula adalah sebanyak RM2.32 bilion. Bagi sektor perkhidmatan jumlah pelaburan adalah sebanyak RM401 juta, di mana ianya melibatkan perkhidmatan hotel dan pelancongan serta sokongan perkhidmatan yang lain.

Untuk tambahan *investment* yang kita masuk melalui IRDA, Iskandar Regional Development Authority komited *investment* pada tahun setakat 2020 Januari hingga Jun RM16 bilion dan *realized investment* untuk tahun 2020 juga Januari hingga Jun RM7.5 bilion. Yang Berhormat Tuan Speaker berikut adalah butiran mengenai pecahan sektor dan nilai pelaburan tinggi yang telah berjaya dibawa masuk dari Januari hingga September 2020. Peralatan dan pengangkutan RM1.168 bilion, mesin dan kelengkapan RM716.23 juta, elektrik dan elektronik RM661 juta, tekstil dan produk tekstil RM631 juta, produk mineral bukan metalik RM392 juta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tangkak mengenai perbandingan nilai pelaburan dan mengikut sektor, pada tahun 2019, negeri Johor telah berjaya mencatatkan nilai pelaburan sektor pembuatan dan pengilangan sebanyak RM11.4 bilion. Nilai pelaburan asing bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM6.5 bilion, manakala domestik sebanyak RM49 bilion. Berikut pecahan sektor dan nilai pelaburan tertinggi yang dicatatkan pada 2019; produk petroleum termasuk petrokimia RM2.4 bilion, kimia dan produk kimia RM1.6 bilion, peralatan pengangkutan RM1.6 bilion, elektrik dan elektronik RM1.34 bilion, pengilangan makanan RM1.19 bilion. Justeru itu, perbandingan nilai pelaburan 2019 dan 2020 adalah perbezaannya RM5.74 bilion.

Yang Berhormat Speaker, penutupan sempadan antarabangsa akibat pandemik COVID-19 memberi kesan langsung yang buruk terhadap sektor pelaburan negeri ini. Jumlah pelaburan yang diperolehi pada tahun ini telah menurun sebanyak RM5 bilion jika dibandingkan dengan jumlah pelaburan yang diterima bagi tempoh yang sama pada tahun 2019. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Tangkak, jemput.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Sejak pandemik COVID-19 ini, apakah ada syarikat yang ingin melabur di negeri Johor telah menarik diri pelaburan mereka? Jika ada, mohon nyatakan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Kerajaan melalui Invest Johor berterusan cuba menambah baik usaha untuk fasilitasi bagi merealisasikan pelaburan tambahan. Tetapi di sebaliknya, kita juga memperkasakan kita punya pemantauan dan juga implementasi projek melalui *Project Incinerator and Coordination* (Unit PACU) bersama pihak MIDA di peringkat negeri agar *progress* pembangunan projek pengilangan tidak terjejas. Selain daripada itu juga, kita juga ada meningkatkan gerak kerja penyelarasan antara agensi promosi lain bersama jabatan kawal selia melalui sesi bersemuka di peringkat negeri dan PBT. Kita juga ada menjalankan sesi libat urus secara langsung bersama pelabur-pelabur yang terkesan untuk membincangkan cabaran-cabaran dan industri bagi membolehkan Invest Johor merangka langkah-langkah memudahkan cara penyelesaian.

YB Speaker : Soalan yang tadi, ada tak Yang Berhormat tadi?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Memang ada, ada beberapa syarikat yang terkesan yang mana saya tak boleh senaraikan di sini tetapi kita dalam proses membantu mereka dengan institusi kewangan juga dengan apa pakej-pakej yang telah kita nak bantu, yang kita dah susunkan untuk kita meringankan kesan-kesan itu supaya mereka dapat bertahan lebih lama lagi. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Bukit Batu.

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO. Pada zaman kerajaan PH hala tuju pelaburan kita adalah berlandaskan kepada prinsip atau hala tuju 3H iaitu *high tech, high value* dan industri halal. Maka soalan saya, apakah hala tuju dan sektor yang kini disasarkan oleh kerajaan negeri sekarang kerana kurang maklumat terutamanya memandangkan baru-baru ini bulan lepas Malaysia telah menandatangani RCEP, perjanjian *trade deal* yang paling besar di dunia. Macam mana kerajaan Johor boleh mengambil kesempatan atau *take advantage* dengan menandatangani perjanjian RCEP ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih. Dalam kita punya usaha untuk membawa pelabur masuk, kita ada teruskan 3H. Jadi, tetapi bila kita rancang, bila sampai masa untuk kita cuba nak merealisasikan, kita tersekat dengan kita punya *movement* iaitu PKP. Jadi, kita juga melalui *chambers*, institusi *chambers* daripada Asia dan *through out the world* yang mana kita telah berbincang macam mana kita nak merealisasikan apa yang kita dah *committed* pada yang dah komited, dan setakat ini kita dapat komitmen yang baik daripada mereka dan setelah kita menganjurkan dua program secara maya, dan mereka bersetuju untuk terus komited mempunyai *interest* yang kuat untuk melabur di negara kita, di negeri Johor. Jadi, kita juga telah kita bersetuju dengan pihak-pihak mereka dan juga kita juga ada mempelawa dia orang untuk membuka pejabat di negeri Johor yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga menawarkan untuk merealisasikan komitmen daripada mereka hingga kita menawarkan mereka untuk mereka membuka pejabat, ruang-ruang pejabat di negeri Johor dengan secara percuma untuk dalam masa setahun. Terima kasih.

YB Speaker : Seterusnya Yang Berhormat Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 8.

Minta perincikan perancangan dan sasaran kerajaan negeri berhubung projek perumahan mampu milik bagi tahun 2021.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam makmur. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada YB Panti yang mengemukakan soalan berkaitan dengan rumah mampu biaya dari segi perancangan dan sasaran bagi tahun 2021.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri sentiasa komited bagi melaksanakan Dasar Perumahan Rakyat Johor dan ditegaskan dalam Belanjawan 2021, Yang Amat Berhormat menjelaskan bahawa Projek Perumahan Mampu Biaya ini perlu selari dengan projek-projek yang lain. Dan melalui Bajet 2021 juga kerajaan memperuntukkan sejumlah RM310 juta untuk melaksanakan rumah mampu biaya melalui syarikat pemaju swasta, GLC negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tadi berkaitan dengan perancangan dan juga berkaitan dengan sasaran. Saya ingin menjawab secara ringkas. Dari segi perancangannya, kita akan membina rumah mampu biaya dijangka pada tahun 2021, kerja-kerja berkaitan dengan rumah mampu biaya ini sejumlah 5,120 unit dan dari segi sasarannya pula pada tahun 2021 rumah yang dijangka siap dibina menjelang akhir 2021, 4,440 unit dan yang akan diundi pada tahun 2021, yang akan diserahkan kepada penerima, pembeli, 3,755 unit. Itu sasaran.

Isu utama yang dihadapi oleh pembeli ialah pembiayaan. Kerajaan negeri melalui Bahagian Perumahan, kita membuat Skim Perumahan Makmur Johor. Skim ini mengandungi dua, satu skim rumah mampu biaya bagi rumah RM42,080.00 yang ditanggung oleh kerajaan, maksudnya sewa beli yang diuruskan oleh SUK Perumahan.

Yang kedua Yang Berhormat Tuan Speaker ialah melalui kerjasama dengan institusi kewangan. Saya sebutkan dalam Dewan yang lepas melalui Program *Rent to Own*. Program ini dalam pelaksanaan dan insya-Allah perjanjian ini akan dimuktamadkan. Saya beri contoh kalau rumah yang berharga RM250,000.00, pembeli hanya mengeluarkan duit pendahuluan RM2,350.00 sahaja dan bayaran bulanan pada paras RM787.00. Selepas mereka lega, disiplin kewangan mereka kukuh, mereka boleh menandatangani perjanjian jual beli biasa dengan pihak bank dengan harga yang lama. Pada harga RM250,000.00. Kekangan yang dihadapi oleh kebanyakan pembeli ialah bila mereka gagal mendapatkan pembiayaan daripada pihak bank. Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, insya-Allah kerajaan melalui satu lagi perancangan yang kita buat ialah melalui Kempen Transisi 2.0 bagi rumah yang dibina 1997 hingga 2012 pada harga RM35,000.00 kepada harga RM50,000.00 ini tak bersesuaian pada masa kini. Kita nak memberi kelonggaran sikit kepada pemaju, kita buat Kempen Transisi ini, mereka hanya perlu membayar RM5,000.00 sahaja bagi setiap kekurangan bilangan unit rumah tersebut pada paras harga RM42,000.00 dan juga RM80,000.00. Kalau dulu harganya RM35,000.00, RM80,000.00 pada masa kini tak sesuai. Tak ada pemaju yang akan buat rumah ini Yang Berhormat Tuan Speaker.

Satu lagi usaha yang kita buat ialah Yang Berhormat Tuan Speaker, kita memperkemaskan data. Saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat bahawa data kita ni memang agak kekurangan walaupun *Team Taskforce* Perumahan dah dibentuk, sehingga kini maklumat dan data belum lengkap. Jadi insya-Allah Yang Berhormat Tuan Speaker, kita akan lengkapkan data-data yang berkaitan dengan rumah yang mampu biaya ini tak dibina. Sehingga 31 Oktober 2020 rumah mampu biaya yang tak dibina di seluruh negeri Johor berjumlah 149,667 unit, yang hanya mampu dibina sehingga 2020 ini ialah berjumlah 24,427 unit. Jadi usaha-usaha ini sedang diperkemaskan, data-data ini sedang diperkukuhkan, dalam masa yang sama kita beri kelonggaran sikit kepada pemaju untuk membina rumah

mampu biaya melalui Kempen Transisi dalam tempoh setahun kita ini boleh jangka dalam 3,000 unit yang akan menyertai program ini.

Kedua ialah kita membantu pembeli memudahkan mendapat pembiayaan. Ini yang kita sebut dari segi sasaran, saya sebutkan Yang Berhormat ialah 5,120 unit akan mulakan kerja sama ada kerja tanah, kerja-kerja apa ni *building plan* dan sebagainya, 4,445 dijangka siap dan 3,755 akan diundi pada tahun depan. Itu jawapan saya Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya Panti jemput.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan dan saya ucapkan ribuan terima kasih kerana ialah antara perkara yang memang menjadi isu di peringkat pembelian rumah mampu biaya ini adalah pembiayaan dan saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kerana adanya usaha-usaha seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat EXCO berkaitan contohnya, berkaitan program sewa beli dan sebagainya. Cuma saya ingin apa bertanya kepada pihak kerajaan adakah bersedia, maksudnya kalau kita lihat antara inisiatif yang diumumkan ataupun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat berkaitan contoh dalam bidang keusahawanan adalah Skim Pembiayaan PKS Negeri Johor maknanya dia ada kerjasama dengan Bank Rakyat. Sebab kalau tadi Yang Berhormat EXCO kata ialah program sewa beli, adakah negeri bersedia untuk berbincang juga dengan institusi perbankan yang lain maknanya kita buat pinjaman itu secara terus dengan pihak bank sebab dalam keadaan wabak COVID ini kita dapat tahu bank ada syarat-syarat tambahan, contohnya, industri-industri yang berkaitan a*viation,* industri penerbangan, kadang-kadang bila dia *apply* aje, belum isi borang lagi dia kata dia terus tolak, maksudnya isu-isu seperti itu adakah diambil kira, maknanya mungkin perbincangan yang lebih lanjut dengan pihak-pihak bank, kalau sebelum COVID mungkin perkara itu lebih mudah, tetapi lebih COVID ada industri-industri yang terkesan dengan perkara-perkara seperti ini. Terima kasih.

YB Speaker : Ok jemput YB EXCO. *Convinced* bank.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, setakat ini bank yang bersedia memberikan kerjasama dan sentiasa memberikan kerjasama kepada kerajaan negeri ialah Maybank dan kita dalam rangka untuk seperti yang saya sebutkan awal ialah memuktamadkan perjanjian kita dengan Maybank dan juga kerajaan, dengan kerajaan negeri. Tapi seperti yang dicadangkan oleh Panti dalam keadaan COVID ini, kita faham pihak institusi kewangan akan memperketatkan dasar pinjaman mereka, dan kalau ada pihak bank yang setuju seperti mana yang kita dah bincang dengan Arab Bank, *Islamic*, mereka pun bersetuju untuk bersama kita dalam Program *Rent to Own* tetapi masih lagi dalam proses perbincangan. Kalau Bank Rakyat ataupun bank-bank lain yang setuju, insya-Allah pihak kerajaan negeri sentiasa terbuka dan bersedia kerana ini adalah kemudahan kepada pembeli yang rata-ratanya agak sukar bila menggunakan pendekatan perjanjian biasa ataupun konvensional, pinjaman biasa Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Kota Iskandar, jemput.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak sentuh tentang angka yang disebut 149,000 rumah mampu biaya Johor yang sepatutnya dibina oleh pemaju tetapi tidak dibina adalah disebabkan beberapa kelemahan yang terdapat di dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor yang Kerajaan Pakatan Harapan yang lepas telah pun memperkenalkan Dasar yang baharu berkuat kuasa pada 1 April 2019.

Soalan saya Yang Berhormat Tuan Speaker satu saja tapi ada pecahan 3, ringkas aje. Yang pertama, tentang hasrat memperuntukkan RM310 juta dana bagi pembinaan rumah melalui kerjasama GLC dan juga penswastaan. Saya suka memberi ingatan bahawa sebahagian besar projek penswastaan perumahan yang dilaksanakan oleh kerajaan Johor sebelum ini menemui kegagalan, berakhir dengan tanah kerajaan terlepas begitu sahaja. Saya minta jangan pisang berbuah dua kali, jangan perkara yang tidak baik untuk kerajaan itu diulangi buat kali kedua. Yang kedua, tentang...

YB Speaker : Satu sahaja soalan Yang Berhormat. Dan, buat dan...

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Dan... dia bukan *full stop* tadi tu. Tentang transisi yang disebutkan tadi, iaitu tentang diberikan promosi ataupun insentif RM5,000.00 berbanding dengan RM40,000.00 ke RM60,000.00 penalti yang dikenakan sekarang.

Saya teringat sebelum ini juga kerajaan pernah melaksanakan transisi dengan mengenakan lebih kurang RM7,500.00 seunit dan perkara ini kalau mengikut Laporan Audit Negara, ianya tertakluk dan juga mempunyai unsur budi bicara dan saya yakin dan percaya unsur budi bicara ataupun *discretion* ini akan mendedahkan kepada unsur yang tidak sihat iaitu rasuah dan sebagainya. Dan bagaimana kita nak menampung kekurangan, sedangkan kita hanya mengenakan penalti RM5,000.00, sedangkan rumah mampu biaya itu sahaja yang dijual RM42,000.00, kos binaan aje telah mencecah hampir RM80,000.00 ke RM100,000.00. Sekian Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, dari segi rumah mampu biaya yang berjaya dibina. Saya bacakan mengikut tahun kalau diizinkan.

YB Speaker : 2 minit Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Tahun 2014 Yang Berhormat Tuan Speaker, 1,289 unit; 2015 – 4,647 unit; 2016 – 6,403 unit; 2017 – 5,940 unit dan 2018 – 3,696 unit; 2019 – 5,597 unit.

Bagi tahun 2018 - 2019 ni Yang Berhormat Tuan Speaker, tak ada kerja-kerja pecah tanah sepanjang tempoh tersebut. Sebab tu saya jelaskan kita kira berdasarkan tahun 1997 hingga 2020 ni masih berbaki yang sepatutnya dibuat oleh pemaju, 149,667 unit.

Jadi usaha-usaha ini kita buat melalui perubahan, beberapa perubahan. Kalau saya sebutkan tadi kempen transisi. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Tuan Speaker, kita memberi kelonggaran kepada pemaju. Bayangkan persetujuan awal, dasar awal harga rumah RM35,000.00. Kita fikir ini boleh bina, tak boleh bina, *for sure* tak boleh bina, dengan izin Yang Berhormat. Rumah harga RM50,000.00, dasar yang baru ini RM42,000.00 dan RM80,000.00, kalau bilangan dia tak cukup disebabkan pindaan dan sebagainya, kita bagi pada bayaran RM5,000.00. Yang itu insya-Allah kita akan lihat balik dari segi teguran yang disebutkan tadi.

Cuma dari segi cadangan Yang Berhormat tentang pisang berbuah dua kali eh... ada pisang berbuah dua kali Yang Berhormat? Tak ada kan? dia buah sekali aje Yang Berhormat Tuan Speaker (ketawa). Insya-Allah, dengan kerjasama pihak kerajaan, pihak GLC ni Yang Berhormat kita akan pastikan melalui Jawatankuasa yang kita bentuk bersama PTG, PTD dan juga SUK Perumahan, kita pastikan projek yang kita serahkan kepada pihak swasta ini dapat dilaksanakan.

Saya setuju dengan Kota Iskandar. Banyak projek-projek penswastaan yang gagal dibina kerana kurangnya pemantauan dan perjanjian itu terlalu longgar, yang memihak kepada pemaju. Insya-Allah, perkara ini akan kita *revise* balik dan kita bersetuju mana-mana pemaju yang tak mampu nak bina rumah di kawasan tanah tersebut. Kalau saya dah mengadakan perbincangan dengan REHDA, kita akan serahkan kepada pihak lain yang bersedia untuk memajukan tanah tersebut dengan kos yang saya kira yang lebih rendah sebab *no land cost* dan mungkin kita bincangkan pemaju, kalau dia gagal kena bayar RM40,000.00 dan di kawasan luar daripada Iskandar ni, mungkin kita kaji balik mengikut dasar yang kita tetapkan. Yang penting Yang Berhormat, kita dapat laksanakan, membina sebanyak 149,000 rumah ini bagi kelompok M40 dan juga B40.

Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Bentayan jemput.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 9.

Berapakah usahawan-usahawan telah menyertai program Jualan Makmur Johor (JMJ) bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat di Negeri Johor?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Bentayan. Dalam usaha meringankan beban kos sara hidup rakyat Johor dan dalam masa yang sama masih berdepan dengan pandemik COVID-19, kerajaan negeri Johor telah melancarkan program Jualan Makmur Johor (JMJ) secara atas talian tahun 2020 pada 28 Oktober yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Program ini merupakan satu kerjasama antara kerajaan Johor dan *Shopee* Malaysia serta KPDNHEP ataupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai agensi pelaksana. Dan bagi program JMJ ini, usahawan yang menyertainya adalah seramai 70,564 usahawan peruncit dan pemborong berkaitan dengan barang keperluan asas dan harian. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Bentayan.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya ialah program Jualan Makmur Johor ini bukan sahaja ok, membantu untuk meringankan kos sara hidup rakyat di negeri Johor sahaja. Dia seharus juga membantukan usahawan-usahawan daripada negeri Johor. Jadi soalan tambahan saya ialah antara usahawan-usahawan ini, berapakah daripada mereka adalah datang daripada negeri Johor?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih YB Bentayan. Untuk makluman, pihak saya tiada data spesifik mengenai jumlah penglibatan usahawan dari Johor yang menyertai JMJ ini. Program JMJ ini dia adalah ianya satu program terbuka kepada semua usahawan dari seluruh negara. Walau bagaimanapun, pihak *Shopee* ada membuat jemputan kepada usahawan-usahawan dari Johor untuk menyertai program ini sebelum ianya dilancarkan. Dan pihak saya akan membuat data *crunching* selepas ini untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Pemanis jemput. Eh *sorry,* Paloh *sorry*.

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali (Paloh) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan tambahan saya berkaitan dengan Jualan Makmur Johor ini. Pertama sekali saya ingin menyatakan bahawa jawapan kepada soalan tambahan yang telah diberikan tadi agak mengecewakan kita kerana sebagai sebuah kerajaan negeri Johor, kita harus sentiasa bersikap pro kepada usahawan-usahawan di peringkat negeri Johor ini sendiri. Dan juga di saat berlaku pandemik sebegini, kita harus melihat keperluan-keperluan dan kepentingan-kepentingan yang memihak ataupun menyebelahi rakyat ataupun Bangsa Johor ini sendiri.

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat?

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali (Paloh) : Jadi soalan saya ialah apakah di sana, peringkat YB EXCO akan memastikan bahawa usahawan-usahawan di peringkat negeri Johor diberikan keutamaan khususnya saat kita berhadapan dengan situasi yang sukar, pandemik COVID-19 ini dan adakah jumlah ini akan diberikan keyakinan kepada Dewan ini bahawa kita akan meningkatkan jumlah usahawan-usahawan yang terlibat dengan Jualan Makmur Johor ini daripada negeri Johor sendiri. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Paloh. Untuk makluman, objektif utama program JMJ yang dijalankan dengan usaha sama KPDNHEP adalah untuk memberi peluang kepada rakyat negeri Johor untuk membeli barang keperluan asas dan barang keperluan harian pada harga yang lebih murah dan berpatutan. *So,* dia lebih kepada *consumer based*. Justeru, program ini lebih mementingkan pengguna atau pembeli untuk mendapatkan tawaran yang terbaik serta *value for money*.

Bagi program untuk usahawan tempatan Johor pula, ada satu program yang disediakan iaitu program *Johor e-Marketplace*. Itu juga dilaksanakan melalui *Shopee* yang dijalankan oleh kerajaan negeri Johor melalui PUJB (Perbadanan Usahawan Johor) dengan kerjasama *Shopee*. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Tanjung Surat jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 10.

Berapakah kes-kes pencemaran sungai yang telah dikesan di negeri Johor sejak awal tahun ini?

YB Speaker : Yang Berhormat Tangkak, jemput.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 11.

Apakah tindakan Jabatan Alam Sekitar dalam mengatasi masalah sungai, pencemaran sungai, longkang serta saliran air di negeri Johor?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Tanjung Surat dan Yang Berhormat Tangkak secara bersekali.

Yang Berhormat Speaker, berdasarkan rekod Alam Sekitar Negeri Johor, bermula daripada 1 Januari 2020 hingga 30 Oktober 2020, terdapat 140 aduan yang berkaitan dengan pencemaran air sungai. Semua aduan telah disiasat dan diambil tindakan susulan.

Yang Berhormat Speaker, apabila kita berbincang mengenai soal pencemaran dalam konteks sungai, antara jenis pencemaran yang biasa berlaku ialah sampah sarap domestik dan pepejal, aktiviti tapak pembinaan, aktiviti lombong seperti pengorekan pasir sungai, aktiviti ladang seperti racun dan pembajaan, aktiviti ladang penternakan, aktiviti industri dan bengkel, aktiviti perbandaran, aktiviti kumbahan, loji kumbahan sama ada daripada industri ataupun perumahan, aktiviti menangkap ikan iaitu dengan cara menuba ikan, tumpahan minyak dan bahan kimia, air resapan dari tapak pelupusan sampah.

Yang Berhormat Speaker, berkaitan dengan dalam usaha menangani pencemaran sungai, Jabatan Alam Sekitar adalah merupakan salah satu agensi utama yang dipertanggungjawabkan dalam mengawal pelepasan dari premis-premis industri, loji-loji kumbahan dan air larut resap iaitu tapak pelupusan sampah melalui penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor turut membuat pemantauan kualiti air secara berskala ke atas sebahagian besar sungai-sungai utama di negeri Johor terutamanya yang menjadi sumber air mentah bagi loji rawatan air minum.

Bermula tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah meningkatkan program penguatkuasaan dengan mengadakan Ops Gempur ke kilang-kilang yang dikategorikan sebagai bermasalah di seluruh negeri Johor dan di kawasan tumpuan seperti di Pasir Gudang.

Sasaran operasi antaranya adalah terhadap premis yang terletak di hulu takat pengambilan air. Tindakan perundangan seperti kompaun, notis arahan, perintah penahan operasi dan tindakan mahkamah telah dikenakan terhadap premis-premis yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Antara contoh aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar ialah terhadap kilang-kilang perindustrian, kilang kelapa sawit, kilang getah dan kilang-kilang yang memproses, mengitar semula buangan terjadual termasuk juga loji jana kuasa, loji pengolahan kumbahan milikan kerajaan dan swasta, klinik, bengkel, hospital, hotel, kuari, gudang dan sebagainya.

Selain daripada tindakan undang-undang dan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawah, Jabatan Alam Sekitar juga sentiasa membuat *engagement* dengan pihak komuniti untuk memastikan bahawa kesedaran dan juga program-program penerangan disampaikan ke peringkat akar umbi supaya masyarakat juga menjadi mata dan telinga untuk memberi informasi kepada jabatan sekiranya berlaku isu-isu pencemaran yang berlaku di sekeliling kawasan perumahan ataupun di komuniti yang terbabit.

YB Speaker : Ya, jemput Tanjung Surat, jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan saya adakah sungai-sungai terutama sungai utama di Johor telah digredkan? Maksud saya telah dapat dikenal pasti tahap pencemarannya? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Speaker, terima kasih di atas soalan tambahan. Yang Berhormat Speaker, di negeri Johor kita sebenarnya mempunyai 399 jumlah batang sungai. Pengawasan kualiti air sungai yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor melibatkan 23 lembangan sungai yang merangkumi 126 batang sungai. Pengawasan kualiti air sungai tersebut adalah lebih kepada fungsi dan justifikasi tertentu untuk memantau impak industri kepada *ambient* sungai serta aliran sungai yang memasuki loji rawatan air mentah.

Oleh itu ia tidak melibatkan kesemua 399 batang sungai yang terdapat di negeri Johor. Indeks kualiti air atau *water quality indexes* dengan izin digunakan sebagai asas dalam menentukan kadar pencemaran dan pengelasan sungai-sungai tersebut. Parameter yang terlibat dalam pengiraan indeks kualiti air adalah amonikal nitrogen keperluan oksigen biokimia, keperluan oksigen kimia oksigen terlarut dan pepejal terampai. Yang Berhormat Speaker, pecahan bilangan sungai mengikut kelas dan status pencemaran adalah seperti berikut: Sungai-sungai dikelaskan kepada kelas 1, kelas 2, 3, 4 dan 5. Daripada jumlah 126 batang sungai yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar dalam konteks kelas 1 iaitu di mana indeks kualiti air melebihi 92.7 % kita ada dua batang sungai. Dalam konteks kelas 2 indeks kualiti air di antara 76.6% hingga 92.7 % kita ada 59 batang sungai. Dalam konteks kelas 3 iaitu indeks kualiti air di antara 51.9% hingga 76.5 % kita ada 47 batang sungai. Kelas 4 di antara 31% hingga 51.9%, kita ada 18 sungai dan kelas 5 itu di bawah 31% ,tidak ada mana-mana sungai.

Jadi dalam konteks status di mana kita boleh juga bezakan di antara sungai status bersih, separa tercemar dan tercemar. Dalam konteks sungai yang bersih iaitu indeks kualiti air dari 81% hingga 100% kita ada 47 batang sungai. Dalam konteks separa tercemar iaitu indeks kualiti air daripada 60 % hingga 80%, kita juga ada 47 batang sungai dan dalam konteks tercemar iaitu di antara 0 % hingga 59%, kita ada 32 sungai yang tercemar. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Skudai jemput.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih kepada Tuan Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas penjelasan panjang lebar tadi. Bagi saya pencemaran air sungai ni sangat penting satu isu yang besar kerana kadang kala dia akan menjejaskan kualiti air mentah dan seterusnya menjejaskan kualiti air terawat. Bagi bulan Julai yang lalu di sekitar Johor Bahru dan daerah Kulai terutamanya dalam sistem penyaluran Loji Semanggar telah mendapati air terawat mereka iaitu air paip ada bau pandan. Dan sehingga sekarang tiada satu jawapan yang jelas daripada pihak kerajaan siapa yang terlibat, apakah punca pencemarannya dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang mengakibatkan pencemaran. Saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat EXCO.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Speaker, terlebih dahulu saya dalam konteks bahawa air pandan kita tak ada jawapan pada pagi ini kerana tidak ada soalan berkaitan dengan itu. Walau bagaimanapun dalam konteks membuat siasatan dan sebagainya semua agensi terlibat termasuk bukan sahaja Jabatan Alam Sekitar, agensi-agensi yang lain juga telah mengambil tindakan segera untuk mengatasi isu dalam konteks di mana air dikatakan berbau pandan dan sebagainya. Dan isu itu telah pun diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya dalam konteks menjaga pencemaran sungai ini tugas dan tanggungjawab menjaga sungai adalah khazanah kepada kita semua. Dalam konteks menjaga khazanah ini tanggungjawab ini harus diambil oleh semua lapisan masyarakat bukan hanya sekadar agensi-agensi yang berkaitan. Kerana kita kena pastikan

sungai-sungai ni kita jaga supaya diwarisi oleh anak cucu cicit kita, inilah sesuatu yang penting.

Jadi dalam konteks menjaga sungai-sungai dan sebagainya berbagai inisiatif dan program telah pun telah dijalankan, bukan sahaja di bawah Jabatan Alam Sekitar malah agensi-agensi lain seperti JPS juga telah pun mengambil tindakan susulan dan tindakan-tindakan baru untuk mempastikan sungai-sungai di peringkat daerah kita menjaganya dengan baik, kita menjadikan sungai-sungai ini bukan sahaja dalam konteks ianya bersih tetapi juga dibuat rehabilitasi supaya sungai ini menjadi mesra kepada komuniti yang ada di sekeliling.

Dan dalam konteks Jabatan Alam Sekitar, memang Jabatan Alam Sekitar peka bahawa tindakan selain daripada tindakan Ops Gempur yang dijalankan secara besar-besaran di mana mereka telah membuat tindakan ini, membuat operasi ini kepada kebanyakan kilang sama ada dalam kilang-kilang yang terlibat dalam industri pertanian, industri kimia, industri pepejal dan sebagainya dan juga mereka membuat pemutihan dalam konteks mempastikan data disediakan supaya kita ada kategori kilang-kilang yang sebenarnya, *problem* mereka dengan izin, *problem* mereka dan kilang-kilang yang mematuhi dengan indeks yang telah pun ditetapkan.

Jadi dalam konteks tersebut Jabatan Alam Sekitar memang sentiasa peka, Jabatan Alam Sekitar dalam pada hari ini apabila menerima apa jua *complaint* dengan izin, daripada mana-mana pihak mengambil ianya sebagai serius dan kita terus turun untuk membuat pemantauan dan penilaian dan membuat siasatan yang sepatutnya kita lakukan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, air sungai rasa tawar, jemput Penawar.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 12.

Apakah usaha kerajaan dalam memastikan rantaian nilai sektor pertanian negeri Johor yang lebih komprehensif?

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat Jementah.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 13.

Apakah perancangan, strategi dan langkah-langkah berdaya saing yang boleh dilaksanakan oleh negeri Johor untuk meningkatkan dan mempastikan bekalan keselamatan makanan negara terjamin?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon izin untuk menjawabnya sekali gus. Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan mengenal pasti, menilai dan memperkasa setiap aktiviti dan elemen di sepanjang rantaian nilai dan sektor pertanian, ia sekali gus dapat memajukan sektor pertanian. Ini bermaksud untuk mempastikan rantaian nilai tidak terputus dan tidak mewujudkan masalah. Dalam erti kata yang lain usaha perlu dilakukan untuk mempastikan agar rantaian nilai yang ada dalam aktiviti agro makanan adalah kekal untuk menjamin kelangsungan industri keseluruhannya sekali gus meningkatkan tahap bekalan keselamatan makanan Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor berwawasan besar untuk melonjakkan lagi industri pertanian negeri. Negeri Johor bukan hanya mahu mengekalkan tetapi malah juga akan memperkasakan status negeri kedua tertinggi dalam sumbangannya

kepada KDNK di sektor pertanian dengan 16.2 % pada masa ini. Komitmen ini dilakukan dengan peruntukan RM16.65 juta oleh kerajaan negeri untuk kegiatan pertanian di negeri ini untuk tahun 2021. Ini adalah satu rekod iaitu pertambahan sebanyak 35.34 % berbanding tahun 2020. Ini adalah komitmen pertama kerajaan negeri.

Lebih dari itu kerajaan negeri akan menerima suntikan dana sebanyak RM35 juta untuk dua tahun yang akan datang. Sukacita dimaklumkan bahawa peruntukan-peruntukan ini akan dimanfaatkan oleh semua elemen dan aktiviti seluruh rantaian nilai dalam sektor pertanian. Yang Berhormat Tuan Speaker, penubuhan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri Johor (JSMNJ) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri besar sendiri adalah satu gambaran yang serius mengenai usaha kerajaan negeri agar ia selari dengan usaha kementerian di peringkat kerajaan pusat melalui Jawatankuasa Kabinet mengenai dasar sekuriti makanan negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Selanjutnya kerajaan negeri sedang merangka Dasar Agro Makanan Negeri Johor (DAMNJO) dan 2021 hingga 2030 selari dengan Dasar Agro Makanan Negara 2020. Ini adalah bagi mempastikan agar usaha untuk memperkasa sektor agro makanan Johor selari dengan usaha kementerian di peringkat nasional. Untuk menjadikan pendekatan mempertingkatkan rantaian nilai yang lebih komprehensif, pelbagai inisiatif dibuat dengan memfokuskan kegiatan di sepanjang rantaian nilai agar selari dengan fokus di peringkat nasional.

Pertama, ianya adalah dengan menekankan agenda *food safety* dengan izin ataupun keselamatan makanan. Dengan program-program pemantapan bio sekuriti makanan pemantapan pelesenan racun makhluk perosak dan pembangunan pertanian berkomuniti. Ini termasuklah meningkatkan pensijilan *MyGap* dan *MyOrganic* serta menggalakkan amalan *integrated phase management* atau pengurusan perosak.

Keduanya, kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi industri *revolution* atau IR4.0 dalam rangkaian pengeluaran. Penggunaan mekanisasi dan automasi serta meningkatkan adaptasi dan menerima gunaan teknologi. Ini semua termasuklah proses pembangunan data *geospatial smart irrigation.*

Yang ketiganya adalah kualiti benih. Usaha menggalakkan penggunaan benih tulen dan sah, penerapan elemen kualiti dalam penghasilan benih serta meningkatkan pengeluaran benih-benih tempatan.

Yang keempat, adalah menekankan *balance of trade* ataupun keseimbangan dagangan. Kerajaan mensasarkan tanaman yang masih rendah *excess*nya atau tahap kecukupan dengan menggalakkan tanaman yang berpotensi untuk dieksport atau sekurang-kurangnya mengurangkan kadar import.

Dan yang kelima, *Sustainable Development Gold* ataupun SDG atau matlamat pembangunan mampan dengan mengutamakan pertanian yang lestari dan mapan dengan mengambil kira kesan daripada dan kepada alam sekitar.

Selain daripada itu semua, kerajaan negeri berusaha sedaya upaya untuk memenuhi hasrat negara-negara luar untuk menjadikan Johor sebagai bank makanan mereka. Untuk itu, kerajaan negeri berhasrat mengujudkan satu kompleks bersepadu untuk proses pengumpulan pemprosesan, penggredan dan pembungkusan serta pengedaran melalui konsep *private finance initiative,* insya-Allah. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Jemput, Jementah.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Saya tertarik dengan RM35 juta suntikan dana daripada kerajaan persekutuan. Boleh Dewan ini diberikan maklumat terperincinya bagaimanakah peruntukan ini akan dibelanjakan, kumpulan atau industri yang disasarkan dan pendekatan pelaksanaannya, saya mohon.

YB Speaker : Jemput YB EXCO

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Terima kasih Jementah, syukur Alhamdulillah berkat usaha dan inisiatif Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, kita telah mendapat suntikan sebanyak RM35 juta melalui program melaksana daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Dan ia akan dibahagikan kepada tiga sektor utama iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan JPH iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Saya ingin maklumkan tuan-tuan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan untuk Jabatan Pertanian Negeri Johor telah diperuntukkan sebanyak RM16.665 juta. Ia meliputi program pengeluaran hasil pertanian, program peningkatan hasil padi di luar jelapang padi yang tidak pernah mendapat peruntukan sebelum ini, program pertanian komuniti, program pengeluaran makanan selamat, program pemilikan teknologi mekanisasi, program kolaborasi syarikat peneraju dan pengusaha.

Ini bermakna saya nak maklumkan dalam Dewan in bahawa buat pertama kalinya kita juga mengambil kira *stake holders* di kalangan *big-big players* atau pemain-pemain besar di dalam industri. Dengan menyediakan dana-dana padanan untuk mereka dan pada masa yang sama juga untuk Veterinar, Jabatan Veterinar Negeri Johor akan menerima RM5.5 juta untuk program pembangunan hab pedaging ruminan, pembangunan lembu integrasi, pembangunan lembu tenusu, pembangunan industri makanan, pembangunan unggas dan program khas bancian menyeluruh industri makanan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada masa yang sama juga kita juga menyediakan peruntukan untuk Jabatan Perikanan sebanyak RM2 juta iaitu untuk projek *Agriculture* Bersepadu Negeri Johor, pengenalan inovasi sistem kumbah pengering dan program bantuan perkakasan peralatan peranti pengumpulan makanan. Selain daripada itu juga tidak lupa juga kepada komuniti nelayan. Kita juga memberi peruntukan khususnya untuk Persatuan Nelayan Negeri Johor sebanyak RM400,000.00 untuk program permulaan mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, program ini akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri Johor. Dan ini sekali gus akan merangkumi semua elemen aktiviti dalam rantaian nilai pertanian dalam negeri Johor. Ditambah daripada itu saya nak maklumkan tuan-tuan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan keseluruhan peruntukan untuk sektor pertanian untuk tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah RM62.65 juta. Justeru itu, saya ingin mengajak semua pemain-pemain industri baik kecil, sederhana mahupun besar bersama-sama untuk menggunakan, memanfaatkan perkara ini. Saya secara serius ingin menyatakan bahawa kita akan hanya melihat kepada *genuine player* ataupun pemain-pemain yang tulen dalam industri sektor pertanian dan kepada saya Ahli-Ahli Yang Berhormat juga adalah layak untuk menjadi salah satu ejen pengembang kepada sektor pertanian negeri Johor untuk menjadikan Johor sebagai *Food Basket of Malaysia*. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Penawar jemput.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Begitu baik jawapan yang diberi. Soalan saya, bagaimana pula usaha kerajaan dalam memastikan nilai rantaian dari aspek nilai pasaran

produk itu benar-benar memberikan faedah kepada pengeluar kecil-kecilan seperti pekebun, petani, penternak dan sebagainya? Biasanya pengeluar dalam skala yang kecil tidak mendapat faedah yang sebenar dari segi nilai pengeluarannya kerana melibatkan orang tengah dan bersaing dengan pemain-pemain ataupun petani-petani berskala besar. Bagaimanakah cara penyelesaiannya. *Thank you.*

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Terima kasih Penawar. Sukacita saya nak maklumkan bahawa dalam rantaian nilai ini yang paling penting dalam negeri Johor adalah untuk mengenalkan satu konsep, *You Grow We Buy*, awak tanam, awak bela, kita beli. Pasaran adalah amat penting. Kita tidak mahu lagi berlaku seperti zaman dahulu kala Yang Berhormat Tuan Speaker apabila semua orang mengajak membela ikan keli, membekalkan ikan keli, membekalkan peralatan tetapi bila tiba untuk pembelian baliknya tidak ada orang yang membeli dan tiada harganya. Justeru itu, saya ingin maklumkan dalam hal ini juga kita memperuntukkan sebagaimana yang telah diumumkan dalam Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar peruntukan diberikan sebanyak RM50,000.00 untuk PPHP, Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian untuk PPK Benut dan juga Kluang yang telah terbukti berjaya di kalangan mereka. Yang penting adalah untuk mempastikan bahawa pengusaha-pengusaha kecil mendapat pasaran dan pada masa yang sama juga kolaborasi bersama dengan pemain-pemain besar industri yang telah berjaya dengan pengusaha-pengusaha kecil adalah amat penting. Sebab itu kita memperkenalkan dan menganjurkan agar pertanian secara *contract farming* diadakan di kalangan mereka agar pengusaha akan terus mengeluarkan hasil makanan, hasil agro makanan dan ada tempat mereka untuk memasarkan dan pada masa yang sama juga, ia menyeluruh baik dalam soal pertanian, perikanan mahupun penternakan. Yang Berhormat Tuan Speaker, soal pasaran adalah amat penting dalam hal ini. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Tenggaroh jemput.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 14.

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk anak-anak muda di Johor khususnya di daerah Mersing?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, syukur alhamdulillah kerajaan negeri merafak sembah dan menjunjung kasih perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar yang telah berbesar hati melantik Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Ismail, Tunku Mahkota Johor untuk mengetuai dan memimpin seluruh aktiviti belia di negeri Johor. Titah ini menunjukkan keprihatinan institusi DiRaja Johor terhadap masa depan orang muda Johor. Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang merupakan inspirasi kepada anak muda Johor telah berjaya menjadikan pasukan JDT sebagai satu jenama bola sepak yang digeruni, dihormati di peringkat negara dan dunia. Baginda telah berjaya meletakkan Johor di kelasnya yang tersendiri. Kerajaan negeri percaya Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor akan memberi nafas baharu dalam memimpin aktiviti belia di negeri Johor yang kita sayangi ini dengan strategi yang lebih terancang dan inklusif.

Yang Berhormat Speaker, seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar antara inisiatif utama kerajaan negeri untuk orang muda Johor adalah untuk membina *Tunku Mahkota Ismail Youth Centre* atau TMIYC di setiap daerah. Tujuan

penubuhan TMIYC ini adalah untuk menjadi nukleus untuk melahirkan belia-belia negeri Johor yang dapat bersaing dengan anak-anak muda di mana-mana negeri mahupun negara, insya-Allah. Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, insya-Allah TMIYC Johor Bahru akan dirasmikan pada bulan Disember tahun ini manakala TMIYC Muar dan Mersing akan dibina seawal tahun hadapan. TMIYC Mersing akan dibina di Lot PBT 1124 dengan peruntukan awal sebanyak RM2 juta. Antara fasiliti yang disediakan di TMIYC Mersing adalah aktiviti *water sports, wall climbing, Studio e-Sports,* pentas kebudayaan dan lain-lain. Selain daripada itu, hab ini akan menjadi pintu masuk kepada para pelancong bagi melakukan aktiviti air di kepulauan Taman Laut Sultan Iskandar. Selain itu, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat semasa Ucapan Belanjawan pada 26 November bagi menggalakkan penglibatan belia dan aktiviti berkaitan kesukarelaan dan kepimpinan, kerajaan negeri telah menyusun beberapa inisiatif untuk tujuan itu iaitu:

1. *Southern Volunteers* yang meliputi penyertaan belia untuk aktiviti kesukarelaan.

2. Program Kepimpinan untuk memimpin orang muda Johor setaraf dengan pemimpin muda di peringkat global melalui Dewan Muda Johor.

3. Hikmah Johor sebagai platform kepada bekas-bekas pemimpin dan tokoh-tokoh negeri Johor berkongsi pengalaman, idea dan pemikiran buat golongan orang muda.

4. Kerajaan Johor akan memberikan dana galakan persatuan belia termasuklah belia di Mersing bagi melaksanakan program aktiviti kesukarelaan khidmat bakti masyarakat belia, sukan dan rekreasi.

Yang Berhormat Speaker, selain daripada fokus-fokus di atas, agenda khusus kepada orang muda Johor akan turut diberikan dalam lingkungan ekonomi belia. Antara program-program yang akan dilaksanakan adalah Projek Pembangunan Belia Tani FELDA dan *Agropreneur* Muda Johor. Saya percaya di Mersing pun ada FELDA. Tambahan, Program Aktif Johor akan diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM1.98 juta bagi merakyat dan menggalakkan aktiviti sukan sebagai gaya hidup rakyat Johor. Program Sukan Makmur Aktif Johor akan dilaksanakan di 56 kawasan Dewan Undangan Negeri Johor. Acara Aktif Johor *Fun Ride, Fun Run* dan *e-Sports* juga akan dilaksanakan di bawah JODEC.

Yang Berhormat Speaker, terdapat juga aktiviti-aktiviti sukan dan kebudayaan yang telah dirancang tahun hadapan yang akan melibatkan penglibatan belia-belia khususnya di daerah Mersing. Antara aktiviti yang telah dirancang adalah *Mersing Art Fiesta*, Pesta Air Papan, *Mersing* MTB *Jamboree, Mersing Monsoon Rugby Challenge.* Sekian.

YB Speaker : Ya Tenggaroh jemput.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan atas jawapan mengenai perancangan untuk belia khususnya di Mersing. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan negeri melibatkan anak-anak muda dalam merangka program dan inisiatif untuk anak-anak muda? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Yang Berhormat Speaker, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sangat mengutamakan pandangan dan penglibatan anak-anak muda dalam kita merangka masa hadapan mereka. Jadi, jawapannya adalah ya, Yang Berhormat Speaker. Sesi libat urus bersama anak-anak muda telah dibuat beberapa kali tahun ini bersama agensi dan jabatan kerajaan bukan sahaja untuk merangka program, kerajaan negeri juga telah melibatkan

orang-orang muda Johor untuk membincangkan dan mencadangkan perkara-perkara yang sepatutnya kita letakkan di dalam belanjawan pada tahun ini untuk tahun hadapan. Dan seperti yang kita lihat kita mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah memperuntukkan sebanyak RM57 juta khas untuk program-program orang muda Johor. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Majlis Belia Negeri Johor, Dewan Muda Johor, Majlis Belia FELDA Johor, MAYC dan semua NGO-NGO belia yang sentiasa bersama dalam kita membangunkan dan memajukan anak-anak muda di negeri Johor ini. Sekian.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Semerah jemput.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya soalan nombor 15.

Nyatakan berapakah jumlah sekolah agama negeri Johor mengikut daerah dan bagaimana pihak berkuasa memantau keadaan fasiliti serta infrastrukturnya. Berapa jangka masa diambil bagi membaiki setiap aduan yang dibuat?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi soalan daripada sahabat saya Semerah, untuk makluman jumlah sekolah-sekolah agama bagi daerah-daerah negeri Johor adalah seperti berikut; bagi daerah Johor Bahru sebanyak 91 buah sekolah, bagi daerah Muar sebanyak 56 buah sekolah, bagi daerah Batu Pahat sebanyak 106 buah sekolah, Segamat, 55 buah sekolah, Kluang, 48 buah sekolah, Pontian, 54 buah sekolah, Kota Tinggi, 72 buah sekolah, Mersing, 31 buah sekolah, bagi daerah Tangkak, 39 buah sekolah dan daerah Kulai sebanyak 26 buah sekolah. Jumlah sekolah-sekolah agama bagi seluruh negeri Johor ialah sebanyak 578 iaitu 2 buah sekolah menengah agama kerajaan yang satu di Kluang dan satu di Maahad Johor.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan juga Yang Berhormat Semerah, proses bagi permohonan fasiliti pembaikan sekolah-sekolah agama bagi peringkat daerah, yang pertamanya, guru besar akan memaklumkan kepada Pegawai Pendidikan Islam Daerah bagi memajukan perkara-perkara yang berkaitan dengan kerosakan-kerosakan sekolah-sekolah agama di peringkat daerah. Dan pemakluman tersebut akan dibawa terus kepada Bahagian Pengurusan Pembangunan Sekolah-Sekolah Agama peringkat negeri dan biasanya tiap-tiap sebulan sekali mesyuarat-mesyuarat tentang perkara-perkara ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am, Majlis Agama Islam Negeri Johor. Dan bagi mana-mana kaedah sebut harga biasanya kita bergantung kepada jumlah peruntukan-peruntukan yang telah dibawa oleh pihak Pegawai Pendidikan Daerah sama ada ianya boleh dibahagikan mengikut keperluan, bahagian terus atau melalui tender. Sekian Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Semerah jemput.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Kita tahu dalam bajet pada tahun ini untuk tahun depan 2021 ada sebanyak RM9 juta dikhaskan untuk baik pulih dan penambahbaikanlah infra sekolah agama Johor dan juga sekolah agama bantuan kerajaan serta RM1.5 juta untuk infra bagi sekolah SRAB. Jadi, tadi Yang Berhormat EXCO telah memaklumkan tentang kaedah-kaedahnya, jadi sekarang ni bajet dah ada, saya mengharapkan pihak Jabatan Agama dapat lebih kerap turun ke padang kerana untuk makluman seperti di kawasan saya ada satu sekolah bilik air tak boleh dipakai.

YB Speaker : Soalannya Yang Berhormat?

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Jadi isunya, saya harap selepas bajet RM9 juta ini ada kerja-kerja penambahbaikan itu disegerakan di semua kawasan dan juga di semua sekolah agama yang ada, di seluruh negeri Johor kerana kita tahu sekolah agama kita berumur lebih 100 tahun tetapi masalahnya kita tidak dapat selesaikan sehingga sekarang. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Tak ada soalan. *So*, saya tamatkan setakat itu, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.24 pagi.

Penolong Jurutulis : PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2021) TAHUN 2020.

YB Speaker : Bismillahirahmannirrahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112 (2) maka perbahasan atas rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana yang tersebut dalam rang undang-undang ini. Dimaklumkan bahawa tempoh perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah selama 4 hari iaitu mulai hari ini 29 November hingga 2 Disember 2020. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya menyeru nama kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat berdasarkan senarai giliran yang saya perolehi untuk perbahasan pertama dan kedua. Perbahasan pertama dan Ketua Pembangkang diberi masa selama 45 minit, manakala Ahli-Ahli Dewan lain diberikan masa 15 hingga 20 minit. Bagi membolehkan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berucap, saya mohon kerjasama agar dapat mematuhi masa yang diberikan. Perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali kedua Enakmen Perbekalan 2021 tahun 2020 dimulakan sekarang. Yang Berhormat Sri Medan, dijemput.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Bismillahirahmannirahim. (Bacaan doa). Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillahlah bersyukur saya ke hadrat Allah SWT di mana dengan limpah dan izin-Nya dapat saya bersama-sama dalam perbahasan Belanjawan 2021 bagi negeri Johor Darul Ta'zim. Pertama-tamanya, saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membentangkan Bajet 2021 pada 26 November 2020 yang lalu. Keduanya Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada rakan-rakan di sebelah sana yang juga turut mendapat limpahan dalam pengumuman tempoh hari. Tahniah sekali lagi, jangan lupa belanja kami di pihak kerajaan. Dan ketiganya, setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh rakyat negeri Johor tanpa mengira latar belakang, tanpa mengira golongan, tanpa mengira ideologi politik, sama ada anda peniaga besar atau kecil, sama ada anda kurang berkemampuan atau sederhana, anda pengusaha bas, teksi atau pun anda seorang belia yang minat bersukan, anda diberi hak yang sama sebagai penerima dalam belanjawan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, suasana yang kita lalui pada hari ini cukup berbeza, berbeza dari segi perjalanan hidup setiap rakyat negeri Johor. Jika dahulu kita bebas untuk menjalani kehidupan kita dengan ekonomi yang pesat membangun. Tidak terfikir di minda kita hari ini kita akan berhadapan dengan wabak COVID-19, wabak penyakit yang cukup berisiko tinggi dan boleh membunuh jutaan manusia di seluruh dunia. Di kalangan kita ada

yang telah kehilangan mata pencarian, dan ada yang akan hilang punca rezeki dan yang menjadi lebih tragis ada yang telah hilang ahli keluarga mereka. Bagi mereka yang selalu ke rumah ibadat, terpaksa menghentikan aktiviti mereka. Bagi mereka yang aktif bersukan, terpaksa menimbang bola dengan anak-anak dan cucu mereka. Manakala mereka yang terlebih kreatif, mereka ada yang bertik tok, Yang Berhormat Speaker dengan adik beradik atau saudara terdekat. Dan Yang Berhormat Tuan Speaker, alhamdulillahlah kepada mereka yang suka sangat berhibur sebelum ini telah mula kembali kepada ajaran agama yang sebenar, kembali kepada fitrah yang sebenar sebagai seorang insan yang cukup kerdil di sisi Tuhan. Hari ini, Allah yang maha berkuasa menghantar sekecil-kecil tentera virus kepada kita semua. Kita tak nampak pun melalui mata kasar kita. Dan hari ini Allah SWT telah memberi ujian kepada kita semua. Jika hari ini kita masih tak sedar, dan kita terus lalai dengan apa yang telah kita lalui, kita masih terus bercakaran, kita masih terus menuding jari antara satu sama lain. Percayalah, Allah SWT maha berkuasa untuk menurunkan lebih besar bala kepada kita semua, yang tak mampu untuk kita sebagai seorang manusia untuk menangkisnya, nauzubillah, semoga dijauhkan. Cukup-cukup saudara-saudaraku semua, apa yang telah kita lakukan selama ini. Saya ingin mengingatkan diri saya dan juga rakan-rakan, siapa pun kita semua, sama ada anda Islam, anda Buddha, anda Hindu, hentikan perbalahan yang sangat sia-sia selama ini. Mari kita sama-sama mengorak langkah membina negeri Johor yang lebih maju. Kita sama-sama berganding bahu membina semula kehidupan rakyat yang sedang kesusahan di luar sana. Bantulah mereka, untuk mendepani masa hadapan yang lebih baik. Mereka yang sentiasa bersemangat untuk berjuang, mereka yang sentiasa berdaya tahan demi kemakmuran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita boleh melihat dan menilai sendiri. Yang Amat Berhormat Menteri Besar amat memahami dan merasai apa yang kita dan rakyat lalui pada hari ini. Yang Berhormat Menteri Besar, telah sedaya upaya berusaha menjadi seorang pemimpin, seorang bapa dan seorang pembela kepada kita semua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat mengetepikan segala kepentingan politik, membuang setiap ego untuk menyantuni semua lapisan pemimpin dan juga masyarakat. Secara jujurnya, dalam tempoh selama hampir 10 bulan, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjaya melaksanakan tanggungjawab dengan baik sebagai seorang Menteri Besar dengan cetusan idea-idea baru dan mengamalkan corak kepimpinan yang cukup sederhana, sentiasa berfikir dan bekerja, tidak pernah sesekali menafikan atau menidakkan setiap perancangan baik yang telah dilakukan pemimpin yang terdahulu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berbalik kepada perkara yang ingin saya bahaskan pada hari ini, umum semua telah mengetahui Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan beberapa langkah baharu untuk memastikan nasib rakyat terus mendapat pembelaan lebih-lebih lagi di kala kita menghadapi suasana yang cukup luar biasa dan mencabar iaitu COVID-19. Bagi diri saya secara peribadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar bukan sahaja membela nasib rakyat, tetapi mengemudi negeri Johor ke arah keadaan fizikal yang sihat pada pasca COVID-19. Oleh itu Yang Berhormat Speaker, saya ingin mengambil peluang dan kesempatan yang ada ini untuk membahaskan mengenai dua perkara yang saya lihat sebagai asas kepada Belanjawan Johor 2021.

1. Adalah tentang dasar-dasar perlindungan sosial kepada rakyat Johor.
2. Adalah cara kita untuk mendapat hasil baharu kepada negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bila saya menyebut tentang perkara pertama iaitu dasar perlindungan sosial, saya ingin mengajak rakan-rakan Ahli Yang Berhormat untuk kita sama-sama memahami kesemua inisiatif yang telah diumumkan berpaksikan kepada soal kebajikan dan keprihatinan kepada rakyat Johor. Alhamdulillah, kita boleh lihat sama-sama, sememangnya ia cukup berfokus dan cukup bersasar. Saya amat yakin ini merupakan permulaan kepada program-program perlindungan yang komprehensif dan ianya cukup

menyeluruh untuk kita semua mendepani kehidupan di masa hadapan. Kita perlu akui sebelum ini negeri Johor belum pernah melaksanakan polisi dan dasar seperti ini. Atas kesedaran inilah, maka wujud beberapa agenda di dalam Bajet 2021 seperti yang disebut Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari iaitu antaranya, Johor Berkebajikan dan Johor Prihatin. Apa itu Johor Berkebajikan? Adakah bila kita menyebut Johor Berkebajikan ianya sekadar bantuan *one-off*. Tidak mustahil negeri-negeri lain pun akan memberi bantuan *one-off* yang sama. Dan apa yang istimewanya bantuan *one-off* Johor pada Belanjawan kali ini? Apa yang istimewa bantuan *one-off* di Johor? Bantuan ini yang pastinya akan ditambah baik. Kerajaan negeri Johor mengakui akan keperluan untuk memperbaharui dasar dan polisi bantuan sosial ini. Dan bagaimana ia dapat disampaikan kepada lebih ramai penerima yang benar-benar memerlukan. Kerana apa Yang Berhormat Tuan Speaker? Kerana jumlah golongan sasar yang miskin, yang sederhana miskin atau yang terlalu miskin itu berubah-ubah mengikut masa. Tak mungkin cerita mereka adalah sama. Kalau 5 tahun yang dulu akan sama dengan apa yang berlaku pada hari ini. Bukan suatu yang mustahil terdapat juga golongan yang mungkin tertinggal ataupun tidak disantuni berdasarkan keadaan semasa. Bayangkan mereka yang dulunya M40 tetapi hari ini mereka telah menjadi B40. Lebih teruk lagi ada juga yang telah tergolong dalam golongan yang muflis. Semua ini adalah gara-gara wabak COVID-19. Secara jujurnya, kerajaan telah belajar dan akan sentiasa belajar terutama daripada pengalaman Bantuan Tunai Ihsan Johor seperti jawapan Yang Amat Berhormat sebentar tadi ketika soalan lisan, yang mana kelemahan mungkin terdapat ketika kita mengadakan program Bantuan Ihsan Johor. Hanya disebabkan oleh kekurangan data dan kekangan sumber manusia, walaupun program ini berjaya dalam menyalurkan kepada puluhan ribu penerima, malangnya masih ada juga golongan yang tertinggal terutamanya kepada M40 yang juga terkesan dek penangan COVID-19.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tidak ada kerajaan yang akan berani mengakui kelemahan seperti mana yang dilakukan di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar pada hari ini. Kerana kelemahan itulah kita tidak pernah sesekali lari dari tanggungjawab untuk menjadi kerajaan yang lebih baik pada setiap masa, semuanya untuk kebaikan rakyat. Inilah antara sebab kenapa kita memerlukan pusat simpanan data yang lebih menyeluruh, yang lengkap tanpa mengharapkan ihsan daripada orang lain. Begitu pentingnya perhatian diberikan ke atas idea YAB Menteri Besar yang mahu meletakkan Johor Digital sebagai agenda kerajaan pada masa ini, ia tak lain adalah bertujuan untuk pengumpulan bagi keperluan data sedia ada melalui pelbagai peringkat agensi kerajaan negeri dengan kerjasama daripada kerajaan persekutuan. Hari ini dunia cukup berbeza Yang Berhormat Tuan Speaker, apa pun agenda yang ingin kita laksanakan, apa yang ingin kita lakukan pasti ianya tidak boleh mengetepikan atau memperkecilkan peranan digital dalam kehidupan kita seharian. Dunia hari ini bukan yang besar mengalahkan yang kecil tetapi yang cepat akan mengalahkan yang lambat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, keduanya yang perlu saya huraikan berkenaan dengan bantuan *one-off* ini, bantuan *one-off* adalah permulaan kepada langkah pertama program pemulihan ekonomi dan perlindungan sosial yang lebih meluas. Ia juga boleh diistilahkan sebagai pemangkin, caranya begini Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor juga bersedia untuk bereksperimen dengan dasar-dasar ekonomi seperti contoh *Universal Basic Income*s (UBI) yang telah diamalkan oleh negara-negara maju. Sebab itu kita berikan RM300.00 selama dua bulan kepada penerima e-Kasih seramai 21,000 lebih jumlahnya. Kita mahu melihat bagaimana pemberian dan pengupayaan kewangan tanpa syarat ini, mereka boleh membelanjakan untuk perkara-perkara asas dan menjana semula ekonomi. Dan jika mereka gunakan bantuan *one-off* ini untuk berbelanja di kedai-kedai runcit maka nilai sebanyak RM12.6 juta akan dapat merancakkan semula ekonomi di negeri Johor. Kita juga sedar dalam konteks ekonomi semasa, keluarga yang mempunyai anak sekolah juga turut terkesan, nak beli baju sekolah, peralatan sekolah dan yuran-yuran sekolah yang perlu, sebab itu buat pertama kalinya kita memberi *one-off* RM100.00 kepada setiap orang anak di sekolah rendah atau menengah dari keluarga berpendapatan RM3,000.00 hingga

RM7,000.00. Contoh, Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau satu keluarga yang layak ada 5 orang anak di sekolah menengah atau sekolah rendah maka dia dapat RM500.00. Secara tak langsung ia juga dapat meringankan golongan yang berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya melihat setiap inisiatif ini amat baik, di kala kita hanya memberi penumpuan kepada B40, kita juga secara tidak langsung telah dapat meringankan beban M40 yang pada ketika ini juga sedang dihimpit kesusahan dan juga kekangan kewangan. Biarlah keperluan pembelajaran untuk anak mereka tidak terjejas. Biar pun emak dan ayah dipotong gaji atau telah diberhentikan kerja tetapi bantuan ini dapatlah membela nasib anak-anak yang masih belajar. Saya amat bersetuju bila mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah mengakui dan tidak menafikan bahawa lebih ramai rakyat Johor yang bakal atau jatuh ke lembah kemiskinan. Mereka ini juga perlu dibantu dan diberi peluang. Inilah masanya kita bersama-sama dengan mereka. Kerajaan membantu di kala perlu dan kerajaan menyediakan peluang di kala mereka bangkit semula.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bila kita selalu menyebut B40 atau M40 mana mungkin kerajaan akan terus melupakan usahawan-usahawan kecil dan sederhana. Sebab itu, di bawah Johor Niaga juga, kerajaan bekerjasama dengan Bank Rakyat untuk mewujudkan dana pinjaman khusus kepada PKS. Manakala di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pula, kerajaan telah memberikan RM6 juta kepada institusi ini untuk membantu lebih banyak usahawan mikro untuk memulakan perniagaan dan mengembangkan perniagaan mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada hari Khamis yang lalu, yang dapat kita kongsi bersama-sama kita semua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengutarakan bahawa insiden kemiskinan iaitu indeks untuk mengukur kemiskinan negeri Johor akan meningkat daripada 6% hingga 8% pada tahun 2020. Kita boleh membayangkan, kalau pandemik COVID-19 ini tidak reda pada tahun 2021, lebih ramai yang akan terkesan dan terjerumus dalam kemiskinan. Adakah kerajaan akan memeluk tubuh? Sudah tentu tidak. Kerajaan negeri pasti akan bertindak. Jadi, melalui Belanjawan 2021 ini, langkah telah pun bermula dan jika ada keperluan, Insya-Allah kita doa sama-sama, saya amat yakin, setiap inisiatif di bawah Johor Prihatin dan Johor Berkebajikan akan dilanjutkan lagi mengikut keperluan semasa.

Tugas kita hanya satu, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sama ada daripada pihak kerajaan atau pembangkang, berusahalah sama-sama untuk kita memastikan kerajaan kita ini stabil dan secara tidak langsung ekonomi kita akan kukuh kembali. Inilah yang menjadi tanggungjawab kepada kita semua. Pokoknya Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar *do not let the pandemic go to waste*. Setiap dugaan dan rintangan ini pasti ada hikmahnya. Dalam kesusahan kita pasti akan ada kesenangan. Jangan cepat putus asa, apa yang kita lalui, apa yang kita tempuhi hari ini, adalah satu krisis. Krisis kemanusiaan berskala besar melalui pandemik, hikmah yang tersembunyi yang dapat memberi peluang kepada kita untuk mereformasi struktur yang sepatutnya menjadi asas kepada ekonomi negeri kita. Yang paling penting, ianya mestilah berpandukan kepada data yang tepat. Suka saya katakan, kerajaan negeri hari ini sedang menuju ke arah itu. Kerajaan tidak akan menggunakan ayat-ayat manis atau sekadar slogan retorik untuk kepentingan politik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara kedua yang perlu kita semua beri perhatian, adalah meneroka dan merangsang sumber ekonomi baharu untuk negeri Johor. Langkah-langkah untuk menstruktur semula ekonomi negeri, ada disebutkan dalam *impetus* ekonomi baharu. Satu perkataan yang saya sendiri pun baru menyebutnya berulang-ulang Yang Berhormat Speaker, saya takut tersilap...

YB Speaker : Kira oklah. Boleh sebut itu kira oklah.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Mungkin di kalangan kawan-kawan saya pun sama ada daripada pembangkang termasuk kerajaan. *Impetus* dimaksudkannya dia *force* ataupun satu tujahan untuk membuat satu-satu perkara itu bergerak. Tadi, saya sempat *google translate* dia kata dorongan, lebih kuranglah. Yang penting sekali dia berbentuk satu tujahan. Kalau benda tak gerak, kita tepuk punggung dia suruh dia gerak. Kalau kita nak samakan dengan apa yang ada, kaktus itu kalau tercucuk kat kita, baru kita boleh ingat terus melompat saya ingat, sama. Jadi, *impetus* ini, apa dia sebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor tempoh hari, ia bermaksud adalah *force* atau satu tujahan untuk membuat satu-satu perkara itu bergerak. Ini bermakna, dalam inti pati ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari, antara usul Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah menujah arus atau dengan kata lain, ia tidak mahu membiarkan apa yang berlaku di sekeliling kita ini, hari ini kita berada dalam apa yang saya kata wabak COVID-19 yang boleh merencatkan kita semua. Jadi, kita mesti bergerak ke hadapan.

Yang Amat Berhormat secara dasarnya telah memperkenalkan sumber ekonomi yang baharu. Satu bentuk tujahan untuk memberi hasil pendapatan baharu kepada negeri Johor yang mungkin ada orang berkata, ini biasa, dulu pun dah buat, tetapi apa Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah cadangkan pada belanjawan bajet tempoh hari adalah perkara yang baharu dengan menggunakan kaedah yang baharu. Apa yang boleh saya katakan di sini Yang Berhormat Tuan Speaker..

YB Speaker : Perkara lama tetapi dengan pendekatan yang baharu.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Terima kasih kerana bantu saya. Sepatutnya saya nombor 2, jadi saya tak jangka hari ini kena yang pertama dan masa yang diberikan biasa 15 minit, tetapi hari ini 45 minit.

YB Speaker : Tapi, Yang Berhormat dulu nampak macam pejuang sekarang ini jadi macam negarawan.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Ya, ada bezanya Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ini bercakap dengan dua baju. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Johor dan juga sebagai Setiausaha Politik. Jika pembangkang, saya lahir dia punya watak. Dah hari ini sebagai kerajaan, saya terpaksa berubah watak saya menjadi lebih menyokong kepada usaha-usaha kerajaan.

YB Speaker : Selepas COVID ini Yang Berhormat berubahlah.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Itu *no comment* lah. Jap, saya pun di mana tadi. Saya mengharapkan rakan-rakan saya di pihak pembangkang, termasuk rakan-rakan saya di pihak kerajaan, kita tunggu sama-sama apa yang akan dilaksanakan oleh kerajaan. Setiap apa yang kerajaan ingin lakukan, yakinlah ianya adalah untuk kebaikan semua pihak. Sekiranya, semua memberi kerjasama yang baik tanpa mengira pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, mohon izin saya ingin mengulang kembali apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari, fasal tiga *impetus*, semakin lancar saya ingat saya sebut benda ini atau tujahan atau pencetus kepada ekonomi baharu seperti berikut :

1. Agenda Bekalan Makanan Negeri Johor atau *Johor Food Security Agenda*.

2. Agenda Johor Digital.

3. Penubuhan JETCO atau *Johor Economy Trade and Culture Office*.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, sebahagiannya pun telah berjalan dan sebahagian pula bakal dilancarkan. Contohnya, yang seperti saya sebut tadi, JETCO, *Johor Economic Tourism and Culture Office* di Singapura bakal dilancarkan pada tahun hadapan. Insya-Allah.

Mengapa tiga tujahan ekonomi baharu ini perlu diwujudkan? Saban hari, kita akui Yang Amat Menteri Besar Johor berhadapan dengan masalah kekurangan hasil baharu. Pada masa yang sama juga, perbelanjaan kita pada setiap tahun semakin bertambah. Dan, kita perlu berani berubah untuk kelangsungan negeri Johor dan juga rakyat negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman semua, sebelum ini kita hanya mengharapkan hasil yang tinggi dari sektor hartanah dan juga cukai tanah. Maka, atas sebab ini lah kerajaan negeri perlu kembali kepada asas iaitu sektor pertanian. Sektor yang perlu kita gilap potensinya. Sektor yang sebenarnya tidak asing kepada sebahagian besar rakyat negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, melihat kepada potensi sektor ini, meskipun dalam keadaan pandemik yang sedang melanda, kita semua tetap perlukan makanan. Saya perlu makanan, Tuan Speaker pun perlu makanan. Jadi di sini, lebih-lebih lagi dengan hasil dapatan kita dimaklumkan jumlah eksport makanan Johor ke Singapura sahaja berjumlah RM8.16 bilion setahun. Adakah rakyat Johor hanya ingin duduk sebagai pemerhati? Menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan rakyat Johor sendiri merebut peluang yang ada ini. Gerakkan segera misi kita bermula pada hari ini. Kita rebut peluang sama-sama. Peluang sentiasa terbuka luas untuk semua orang, orang kampung, orang-orang pencen yang berada di pekan-pekan dan juga yang berada di bandar-bandar. Hanya kita juga yang mampu mengubah nasib kita sendiri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan akui ramai orang kampung yang bergantung harap pada sektor ini. Ada di kalangan mereka ada produk dan mereka juga ada tanah. Ada juga yang ada tanah tetapi tiada modal. Dan bila ada modal, mereka hanya tanam sawit. Dalam pemikiran mereka hanya sawit saja yang boleh beri keuntungan. Mereka tidak pernah didedahkan dengan potensi sebenar sektor pertanian di negeri Johor. Kerajaan di bawah EXCO Pertanian bertanggungjawab penuh untuk membetulkan tanggapan ini Yang Berhormat Tuan Speaker.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan juga akui ada pekebun-pekebun kecil yang telah mengusahakan tanah mereka, tetapi nasib mereka tidak dibela. Bila mereka menjual sayur, cili, pisang atau ubi kayu, harga tidak setimpal dengan harga pasaran. Semuanya kena ikut musim ataupun ikut permintaan. Bilalah agaknya pekebun kecil ini akan mulai merasa nikmat sebagai golongan yang berpendapatan tinggi? Kerajaan tidak akan membenarkan perkara seperti ini terus berlaku. Ia perlu diperbaiki melalui perancangan dan pelaksanaan secara lebih sistematik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dapat membayangkan jika kerajaan negeri boleh mencari dan menjamin permintaan terhadap produk pertanian ataupun agro makanan kita, harga pun tetap, kualiti terjaga, insya-Allah kita akan menjadi nombor satu di dalam negara. Inilah peluang keemasan untuk rakyat negeri Johor. Inilah sebenarnya Yang Berhormat Tuan Speaker idea asas untuk agenda jaminan bekalan makanan Johor pada akhirnya diharapkan semua petani kecil dan nelayan kampung juga akan mendapat tempias. Agenda kerajaan bukan satu omongan kosong. Buktinya di bawah agenda Johor Tani, kalau semua perasaan tempoh hari ketika pembentangan bajet, kerajaan telah memperuntukkan RM51 juta melalui pelbagai agensi persekutuan mahupun negeri. Alhamdulillah. Jadi kita gunalah peluang yang ada ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ini untuk penutup. Ada orang bercakap kenapalah kita tak pakai duit rizab kerajaan negeri untuk bagi bantuan terus kepada rakyat? Ada yang suka kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar jawab boleh. Memang boleh, tapi kalau pandemik ini berlarutan sampai 3 tahun, macam mana? Kerajaan kena perlu sentiasa berfikir kerana ini adalah kepentingan rakyat. Walaupun kita dapat temui vaksin sekalipun, ekonomi negeri juga memerlukan sedikit masa untuk mencatatkan pertumbuhan sama seperti sebelum berlakunya COVID-19. Inilah yang selalu dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Pengurusan atau dasar fiskal yang berhemah, rakyat dapat merasai walaupun tak banyak. Kita semua bermula dari sedikit untuk mendapat yang banyak, yang paling penting kerajaan telah memberi komitmen untuk terus membantu rakyat. Kerajaan konsisten untuk membantu rakyat dan sentiasa memberi peluang yang banyak untuk rakyat memajukan diri. Kerajaan tidak akan lari dari tanggungjawab.

Yang Berhormat Tuan Speaker, belanjawan 2021 ini adalah *simple economy* atau ekonomi mudah. Kita nak belanja duit dan kita nak dapatkan hasil. Di antara belanja duit dan dapatkan hasil adalah keperluan dan kehendak rakyat. Kita perlu mengimbangi semua ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mudah kata, belanjawan 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah memberikan gambaran kepada kedua-dua perkara ini. Macam mana dan di mana nak belanjakan wang dan bagaimana untuk mendapatkan hasil baru? Oleh itu, sebagai seorang manusia, saya fikir sedikit sebanyak ianya telah dapat menyenangkan hati rakyat di negeri Johor. Yakinlah, kerajaan mana pun tidak akan membiarkan rakyatnya dalam kesusahan. Kita doa sama-sama agar wabak ini jauh daripada kita semua dan juga negara kita. Kita bina semula negeri. Kita bina semula nagara yang kita cintai bersama-sama. Kita semua tidak sempurna Yang Berhormat Tuan Speaker. Kita adalah manusia biasa dan juga kita adalah pemimpin biasa. Kita perlu saling melengkapi antara satu sama lain.

Saya menyokong pembentangan Belanjawan 2021 yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dengan tema “Berdaya Tahan Demi Kemakmuran”. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya menyokong.

YB Speaker : Terima kasih kepada Seri Medan yang telah menyampaikan ucapannya. Masa yang digunakan 30 minit ya. Dulu masa pembangkang, tak cukup masa. Sekarang terlebih masa 15 minit. Ok. Seterusnya saya persilakan Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan doa). Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, rakan-rakan yang berada di sebelah sana dan yang berada di sebelah sini. Pertamanya, saya Parit Yaani ingin terlebih dahulu sebagai Bangsa Johor, rakyat Johor, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta’zim sempena Sambutan Hari Ulang tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah.

Tema yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat, “Berdaya Tahan Demi Kemakmuran”. Saya ingin membawa kepada hadirin atau pun pada semua Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kisah bagaimana Nabi Yusuf AS. yang dinyatakan di dalam Surah Yusuf pada ayat yang ke 43 yang bermaksud, Pada suatu hari, Raja Mesir berkata “Sesungguhnya aku mimpi melihat 7 ekor lembu yang gemuk dimakan oleh 7 ekor lembu yang kurus, dan aku melihat 7 tangkai biji-bijian yang hijau dan 7 tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum yang hadir, terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini kalau kamu orang yang pandai mentafsirkan mimpi”.

Tuan Speaker yang dikasihi sekalian, ditakdirkan oleh Allah SWT, seluruh dunia pada hari ini dilanda satu wabak hingga menyebabkan manusia duduk di rumah. Tidak keluar, kalau keluar pun atas unsur-unsur yang berkepentingan. Jadi dalam hal ini, Parit Yaani ingin menyampaikan ucapan berkaitan dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor. Pertamanya, Parit Yaani mengucapkan tahniah dan syabas pada kerajaan yang telah meluluskan beberapa inisiatif untuk mengatasi ketidaktentuan ekonomi rakyat dalam menghadapi pandemik COVID-19 di negeri Johor. Penglibatan Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan sangat dialu-alukan. Majlis Agama Islam telah menyumbang RM9 juta lebih dan melebihi dari peruntukan asal RM8 juta. Dengan 14 inisiatif kepada lebih 64,000 penerima. Parit Yaani ingin mendapatkan data berapa bilangan keluarga anak yatim dalam masyarakat Islam khususnya mengikut daerah yang menerima bantuan? Dan apakah bentuk bantuan yang diberikan dalam suasana keluarga anak yatim yang mungkin sama ada ibu atau pun ayah yang telah tiada untuk menguruskan urusan ekonomi mereka? Manakala, PBT juga menyumbang melebihi dari peruntukan asal RM18 juta kepada RM20 juta melalui 17 inisiatif dengan sasaran penerima seramai 78,000 penerima. Parit Yaani ingin mendapatkan bilangan penerima mengikut kaum bagi setiap daerah dalam negeri Johor. Kita sedia maklum di negeri Johor, kaum utamanya, Melayu, Cina dan India dan saya mengharapkan dalam Dewan yang mulia ini, dapat pecahan-pecahan yang akan dikemukakan sebagai makluman kepada rakyat keseluruhannya.

Terdapat peruntukan dari kerajaan negeri Johor yang tidak dibelanjakan langsung, iaitu Modal Insan, inisiatif bilangan 20. Perlaksanaan kursus jangka pendek bagi pekerja yang hilang pekerjaan berjumlah RM3 juta dengan sasaran 1,000 peserta. Soalannya, mengapakah inisiatif ini tidak dilaksanakan? Sedangkan kerajaan sedia maklum begitu ramai rakyat Johor yang kehilangan pekerjaan kerana penutupan SME, kantin sekolah, hotel bahkan hotel di bawah JCorp sendiri pun ditutup, pemandu bas persiaran, pemandu bas sekolah dan ramai lagi yang terlibat kerana masalah seperti mana yang kita sedia maklum.

Mengenai inisiatif bilangan 21, iaitu penyampaian bantuan berjumlah RM500.00 kepada nelayan negeri Johor dengan sasaran 4,152 berjumlah RM2 juta lebih, Parit Yaani ingin mendapat penjelasan, mengapa inisiatif ini tidak dilaksanakan? Sedangkan sasaran telah pun dikenal pasti dan peruntukan telah ada. Sewajarnya sebelum musim tengkujuh yang bermula sekarang, semua nelayan telah memperolehi hak mereka yang telah diluluskan oleh kerajaan. Peruntukan yang dibelanjakan di bawah 25%, termasuk untuk pelancongan termasuk inisiatif 16 yang berjumlah RM7 juta dan inisiatif 17 yang berjumlah RM6.5 juta yang masih belum digunakan. Parit Yaani ingin mencadangkan supaya peruntukan ini disalurkan kepada inisiatif bilangan 12 supaya lebih ramai peserta yang hilang pekerjaan dapat mengikuti kursus jangka pendek yang boleh mengubah kehidupan masa depan mereka. Peruntukan dibelanjakan di bawah 50% ialah pembinaan inisiatif 19 yang berjumlah RM104 juta bagi digunakan sebanyak RM43 juta lebih. Mengapakah keadaan ini berlaku? Parit Yaani dalam masa yang sama, melihat kepada ekonomi kerajaan negeri yang begitu terkesan kerana sempadan Johor-Singapura yang belum dibuka. Parit Yaani sekali lagi menegaskan supaya kerajaan negeri dapat memikirkan satu mekanisme terbaik dalam membenarkan sempadan ini dibuka semula sama ada melalui deklarasi wajib yang perlu disahkan sebelum memasuki sempadan. Lebih-lebih lagi apabila negara Singapura baru-baru ini mencatatkan kes yang sangat rendah malahan tiada transmisi tempatan sejak beberapa minggu lalu. Ini sekali gus dapat merancakkan ekonomi Johor. Kita boleh melihat bagaimana Pasar Larkin dikeluarkan satu video untuk tatapan seluruh dunia sebelum COVID dan sewaktu sekarang ini. Tidak ada orang yang datang, kosong dan perniagaan jatuh begitu merudum.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkaitan dengan isu pendidikan. Parit Yaani ingin merakamkan kerisauan yang amat mendalam mengenai lebih 50,000 pelajar calon SPM dan 12,000 pelajar calon STPM yang akan menduduki peperiksaan pada tahun hadapan, bulan

Mac 2021 yang sepatutnya dijalankan waktu sekarang. Di mana kaedah pengajaran dan pembelajaran sepanjang COVID-19 di panggil, PDPR. PDP daripada rumah, yang mana menggunakan kaedah atas talian atau *online* seperti *Google Meet, Google Classroom, Telegram* dan *Whatsapp*. Kaedah kedua, ialah *offline*, iaitu menggunakan modul latihan atau *worksheet*, guru akan menyediakan bahan di sekolah, ibu bapa akan mengambilnya bagi pihak pelajar tersebut melalui pegawai keselamatan. Parit Yaani ingin mengajak seluruh Ahli Dewan untuk cuba mendalami apakah kekangan yang dihadapi oleh guru, pelajar khasnya calon-calon SPM dan STPM? Dan, adakah kita sedar kekangan-kekangan itu? Antara kekangan atau kaedah yang dihadapi tidak kira guru atau pelajar adalah seperti berikut:

1. Ada pelajar yang tidak menghadiri kelas tanpa alasan yang kukuh.

2. Ada pelajar yang balik kampung ataupun balik kawasan di mana tiada capaian Internet.

3. Pelajar tidak fokus, dan guru sukar untuk memantau kerana mereka tidak bersemuka. Apabila pelajar *switched off* kamera dan menyepi, guru tidak pasti apabila pelajar benar-benar mengikuti kelas atau tidak.

Saya, Parit Yaani bertemu dengan beberapa penjaga yang menyatakan kebimbangan dengan ungkapan yang sangat menyedihkan. Beliau menyatakan, “Saya ini YB, masa belajar, depan cikgu. Cikgu ada tertunggu di depan. Tetapi saya pun susah nak lulus”. Inikan pula anak-anak saya yang cikgu pun tiada kat depan. Saya pun tidak tahu dia belajar ke tidak, lagi susah nak lulus”. Pelajar tidak memiliki kemudahan komunikasi atau berkongsi dengan keluarganya. Ada guru menceritakan, apabila beliau menghubungi nombor telefon yang diberi nombor oleh pelajar, muncul video berkenaan bapanya yang sedang membawa lori dalam kebun kelapa sawit. Ini cerita benar tuan-tuan. Ini cerita benar eh, rakan-rakan Yang Berhormat sekalian.

Tentu sekali, masalah utama yang dihadapi tidak kira pelajar atau guru sememangnya kekurangan data untuk capaian Internet atau pun langsung tidak mendapat akses atau pun tiada peralatan. Parit Yaani dengan ini mencadangkan supaya langkah jangka pendek supaya kerajaan mengenal pasti pelajar yang tidak mempunyai alat komunikasi seperti komputer atau telefon mudah alih supaya mereka boleh dibekalkan kemudahan berkenaan.

Pihak kerajaan perlu memberi membantu kos data pelajar secara bersasar bagi yang tidak mampu membayar data untuk capaian Internet. Sedangkan peperiksaan bulan Mac, tidak naik sekolah dah beberapa bulan tahun depan kalau naik pun, kita sedia maklum dia dah tidak masuk kelas, dia dah duduk kat rumah. Mungkin ada yang pergi potong kelapa sawit, ada yang pergi berniaga burger dan sebagainya. Jadi, apa keadaan keputusan pelajar-pelajar kita, dalam calon-calon eh yang akan mengambil peperiksaan SPM dan STPM tahun ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Yaani ingin mengungkapkan terima kasih kerana masih mengekalkan pemberian tunai bakal mahasiswa sebagai persediaan memasuki IPTA dan IPTS. Jika di zaman PH dahulu, dikenali Insentif Harapan Siswa. Apa pun nama yang kerajaan sekarang letak, Parit Yaani berharap agar perkara ini perlu diteruskan untuk membantu bakal mahasiswa melanjutkan pelajaran ke IPTA dan IPTS.

Perkara terakhir dalam isu pendidikan yang Parit Yaani ingin ketengahkan ialah Parit Yaani amat berasa dukacita berkenaan tindakan kerajaan memotong pinjaman pembelajaran. Pada pembentangan belanjawan tahun lalu zaman PH, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM20 juta. Sementara pada belanjawan kali ini, cuma RM14.7 juta. Ini adalah pengurangan sebanyak RM5.3 juta. Saya mengharapkan akan disemak semula

untuk bantuan kepada anak-anak atau pun pelajar-pelajar khususnya B40 yang dapat melanjutkan pelajaran di sana. Justeru, Parit Yaani menggesa kerajaan akan mempertimbangkan dan melihat semula peruntukan pinjaman pelajaran ini, bagi menjamin anak-anak Johor yang akan memasuki IPTA dan IPTS tidak tercicir kerana masalah ketidakmampuan atau tidak mempunyai pinjaman.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor, *Johor Food Security Agenda*. Pertanian adalah sektor penting sebagai pembekal dan penjamin keselamatan makanan. Peluang pekerjaan, pendapatan eksport dan penjana ekonomi negara. Selain itu, ia juga satu sektor utama sosioekonomi rakyat Johor apabila menyumbang 2.5% nilai KDNK negara pada tahun 2018. Antara cabaran atau masalah utama sektor ini adalah kos operasi yang tinggi, terutama kos baja dan sub sektor tanaman, dan kos makanan haiwan dalam sub sektor penternakan. Selain itu, kualiti produk dan produktivitinya juga perlu dipertingkatkan melalui penyelidikan dan inovasi serta penggunaan teknologi moden. Keluasan tanah pertanian di Johor dijangka menurun daripada 66,342 hektar pada tahun 2015 kepada 60,746 hektar pada tahun 2020. Kesan keperluan pembangunan dan kewujudan kawasan pertanian yang tidak lagi sesuai berikutan sering dilanda banjir. Turut menyumbang kepada penularan ini ialah faktor kebanyakan kawasan tanaman selingan yang diintegrasi dengan tanaman komoditi tidak lagi ekonomik untuk terus dimajukan. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan hasil pengeluaran makanan dapat terus dipertingkat, aktiviti tanaman perlu dilaksana menggunakan kaedah baru dan teknologi lebih moden. Justeru penggunaan teknologi terkini secara minimum dapat dalam aktiviti pertanian dan penternakan di Johor memberi kesan kepada pengeluaran hasil pertanian dan penternakan negeri. Pada masa yang sama, sektor pertanian juga berhadapan masalah pembangunan rantaian nilai sektor pertanian negara termasuk industri agro makanan yang kurang lengkap dan tidak menyeluruh. Antara faktor penyebabnya ialah pengeluaran yang tidak berteraskan pasaran. Penggunaan matlamat pasaran kurang meluas, amalan penentuan harga amatlah tidak telus, pengurusan produk yakni penggredan, pembungkusan dan pelabelan kurang sistematik, infrastruktur prasarana tidak lengkap, saluran pasaran pelbagai lapisan dan penjenamaan kurang berkesan. Di dalam belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Khamis lepas, pihak kerajaan didapati gagal untuk mengemukakan jawapan dan cadangan bagi menangani isu-si penting sektor agro makanan seperti berikut:-

Pertama, Pendapatan yang rendah dan peluang pekerjaan yang kurang menarik. Kebergantungan kepada punca pendapatan tunggal merupakan antara faktor yang menyumbang kepada pendapatan penduduk luar bandar yang rendah. Terutamanya dalam kalangan petani dan nelayan. Di samping itu kebanyakan pekerjaan yang ditawarkan adalah berinteraksikan buruh dan bergaji rendah, menjadikan golongan belia kurang berminat.

Kedua, Infrastruktur dan kemudahan agro makanan tidak mencukupi. Kawasan luar bandar masih kekurangan dari segi ketersambungan dan liputan bekalan air dan elektrik yang masih menyeluruh. Keadaan ini telah menjejaskan pembangunan dan pengembangan aktiviti ekonomi luar bandar, terutamanya di dalam sektor pertanian sama ada dari segi pengeluaran, pemprosesan, pengedaran jualan dan pemasaran produk serta akses kepada pembiayaan dan maklumat. Gudang-gudang makanan yang lebih efektif dan efisien bagi pembekalan makanan rakyat dalam negara harus diwujudkan dan tidak melihat hanya bagi pembekalan makanan kepada negara jiran. Penyediaan perkhidmatan jalur lebar yang tidak mencukupi juga telah mengehadkan penggunaan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan usahawan tani dan usahawan pengeluaran sektor makanan. Di samping itu, kebanyakan perusahaan ini bersaiz mikro dan kecil yang mengguna pakai pekerja kurang mahir dan berteknologi konvensional. Faktor ini menyebabkan aktiviti pengeluaran makanan yang didominasi oleh luar bandar kurang berdaya saing dan kurang inovasi dan kurang kreativiti.

Ketiga, tiada sinergi dalam mekanisme pelaksanaan. Kekurangan penyelarasan dan komunikasi dalam kalangan agensi persekutuan dan agensi negeri yang terlibat dalam sektor pengeluaran makanan serta pembangunan luar bandar telah menyebabkan perpindahan program dan projek, serta mengakibatkan keciciran di dalam pelaksanaannya. Ini juga telah menjadi cabaran bagi mewujudkan sinergi kerjasama antara agensi memastikan penggunaan sumber yang optimum, pemantauan penilaian projek yang lebih berkesan dapat dilaksanakan melalui kolaborasi berterusan antara agensi yang sehingga kini masih lagi tidak dapat diatasi setelah berdekad lamanya.

Keempat, produktiviti rendah dan tiada integrasi. Kawasan luar bandar kurang mendapat faedah daripada pengembangan perbandaran disebabkan oleh hubungan yang lemah antara dua komponen urbanisasi, faktor ini telah menjejaskan pewujudan peluang pekerjaan tahap produktiviti dan pendapatan masyarakat. Selain itu kekurangan integrasi dalam aktiviti ekonomi luar bandar terutamanya di dalam sektor pengeluaran makanan telah mengehadkan peluang ekonomi dan menghalang penggunaan ekonomi secara optimum.

Faktor seperti ketiadaan kepimpinan perniagaan yang berwibawa serta kekurangan infrastruktur, sokongan logistik dan rangkaian pemasaran telah mengekang pertumbuhan ekonomi pengeluaran makanan. Untuk itu Parit Yaani berpandangan bahawa kerajaan perlu menekankan isu berkenaan kualiti dan kuantiti produk pertanian. Itu bagi pandangan adalah jauh lebih kritikal. Untuk itu, persoalan Parit Yaani ialah berapa jumlah inisiatif daripada kerajaan untuk pertanian bagi mendapatkan hasil yang berkuantiti dan berkualiti? Apa yang dimaksudkan berkuantiti itu adalah berapa banyak dan berapa berat buah kalau kita merujuk kepada kelapa sawit, buah-buahan dan sebagainya. Atau berapa banyak susunya kalau kita merujuk kepada getah atau lembu, kambing berbanding dengan kos? Berkualiti pula bermakna buahnya sedap dimakan jika merujuk buah-buahan dan daging ayam, daging lembu yang bermutu tinggi dan sebagainya berbanding dengan kos. Parit Yaani mencadangkan dan menegaskan bahawa kerajaan perlulah datang dengan satu mekanisme tuntas dalam melibatkan para pekebun kecil supaya pekebun kecil ini turut merasai dan sama-sama memacu harapan kerajaan bagi dalam konteks ekonomi pasca COVID-19 ini.

Oleh yang demikian, Parit Yaani menyarankan supaya ditubuhkan satu konsortium yang mengendalikan program penyatuan pekebun-pekebun kecil dengan jenis tanaman kontan yang bernilai tinggi dan segera mendapat hasil. Program seperti satu kampung, satu produk jenis tanaman kontan berkualiti dan berkuantiti bolehlah dijalankan. Kerajaan perlulah memberikan bimbingan nasihat, tunjuk ajar, bantuan kewangan dan bantuan pemasaran selain memberikan bantuan dari segi mengatasi ancaman dalam pertanian seperti ancaman binatang dan penyakit.

Parit Yaani juga ingin menyatakan bahawa agenda pemerkasaan halal Johor selaku hab halal utama negara harus dikemas kini dan dijalankan dengan penuh minat bagi mempertingkatkan ekonomi negeri Johor. Sehingga kini Johor masih lagi belum boleh dibanggakan sebagai sebuah negeri yang dinamik terutama sekali berkaitan dengan hab halal. Parit Yaani juga mencadangkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan Pusat Pertanian Moden di Ayer Hitam mesti dipantau pelaksanaannya untuk mencapai objektif. Berapakah keluasan keseluruhan TKPM, Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan berapa luas yang telah diusahakan mengikut perjanjian sewaan? Semua ini perlu diperincikan. Seterusnya apakah tindakan kerajaan kepada pengusaha-pengusaha yang tidak mematuhi perjanjian sewaan pajak seperti TKPM di beberapa tempat yang disasarkan untuk ternakan tetapi telah ditanam kelapa sawit? Sedangkan ada pengusaha yang telah berjaya di tempat sendiri dengan kawasan yang kecil ingin melabur di sana tetapi terhalang kerana kononnya kawasan ternakan telah habis diguna pakai. Parit Yaani juga difahamkan begitu juga tanaman PPM, Pertanian Moden di Ayer Hitam yang masih banyak kawasan yang dimanfaatkan. Mana Parit Yaani ingin menyarankan supaya permudahkan urusan birokrasi

penyewaan tanah kepada pengusaha yang berkemampuan dan amanah. Berikan peluang kepada seluruh segmen dalam masyarakat untuk turut menjayakan cita-cita kerajaan.

Isu nelayan, Parit Yaani juga ingin menyentuh berkenaan isu nelayan yang mengambil kesempatan dengan elaun untuk ke laut. Kerajaan perlu tegas untuk membuat pemutihan lesen nelayan yang tidak cukup tempoh ke laut. Parit Yaani percaya bahawa sekiranya kerajaan bertindak tegas dalam isu ini, kuota berkenaan dapat memberi peluang kepada anak muda yang berminat untuk ke laut dan dalam waktu yang sama kerajaan dapat memastikan peruntukan tersebut benar-benar diterima oleh mereka yang berhak menerimanya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengulas agenda Johor Digital. Parit Yaani ingin mengingatkan kerajaan supaya memastikan setiap projek dapat dilaksanakan dengan sempurna daripada permulaan perolehan sehingga perlaksanaan dan pemantauan projek untuk memastikan pulangan pelaburan yang menguntungkan kepada kerajaan negeri. Sebagai contoh, berdasarkan Memorandum Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2018, Ketua Audit Negara telah memberi teguran mengenai projek *Johor Free Wifi*. Parit Yaani menegaskan bahawa tidak sepatutnya berlaku teguran sekiranya projek ini dilaksanakan dengan telus dan amanah. Parit Yaani juga ingin bertanya bahawa adakah pihak kerajaan telah menjalankan kajian keberkesanan projek Johor Wifi ini lebih-lebih lagi mengikut lokaliti. Parit Yaani menyarankan bahawa keutamaan projek ini mestilah dibangunkan di kawasan luar bandar kerana masyarakat di sana lebih memerlukannya lebih-lebih lagi dengan norma baru yang tidak dapat, tidak mesti kita akui dan perlu diterima. Parit Yaani juga ingin mendapatkan penjelasan tentang langkah-langkah kerajaan negeri untuk merangsang transformasi digital dan perkongsian data di kalangan agensi-agensi kerajaan negeri supaya kesemuanya menjadi lebih kompetitif, cekap dan berkesan di dalam pembuatan keputusan dan dapat menarik lebih banyak pelabur dengan kecekapan dan integrasi maklumat selain penyediaan prasarana yang berfokus mengikut keperluan. Dunia hari ini bercerita tentang *big data* maka, jangan kita sebagai kerajaan yang boleh dianggap terbaik di dalam negeri, dalam Malaysia ini kita ketinggalan berkaitan dengan *big data*. Parit Yaani ingin menyarankan kepada kerajaan negeri agar merancang pengkomersialan, *commercial data* yang terkumpul sebagai data s-servis di samping pembangunan perisian dan platform yang sesuai untuk dikomersialkan sebagai *platform as a service.* Ini bukan sahaja dapat meningkatkan hasil kerajaan negeri selepas pandemik COVID-19 malah dapat menggalakkan pertumbuhan *platform business* di kalangan rakyat bangsa Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu seterusnya isu *governance*, Parit Yaani dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi mencadangkan beberapa pihak seperti Menteri Besar dan barisan EXCO memotong gaji mereka sebanyak 20%. Parit Yaani sukacita mengingatkan bahawa kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini memotong 10% walau pun ketika itu kita tidak pun menghadapi pandemik COVID-19 yang mana hasil potongan ini boleh disalurkan kepada tabung khas COVID-19 ataupun untuk membantu mangsa-mangsa bencana seperti banjir, kebakaran dan sebagainya. Parit Yaani juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana meneruskan pembaharuan yang dibuat oleh kerajaan PH dalam memperkasakan pembangkang dengan menambahkan peruntukan sebanyak RM150,000.00 kepada ADUN-ADUN pembangkang. Mungkin pengalaman 22 bulan sebagai pembangkang rasa perit, jadi pembangkang. Sri Medan ya. Saya ni penggal kedua, dulu jadi pembangkang, duduk sini, lepas tu duduk sana 22 bulan. Sekarang duduk sini balik, insya-Allah lepas pilihan raya kita akan duduk belah sana semula. (Dewan bertepuk). Setelah 60 tahun Malaysia merdeka, kerajaan PH mendahului, memberi pengiktirafan kepada pembangkang.

Isu kesihatan. Parit Yaani melahirkan sedikit kegusaran apabila melibat bantuan kesihatan dalam Belanjawan 2021 ini begitu terasing. Walaupun kita melabelkan belanjawan ini sebagai Belanjawan COVID-19. Parit Yaani ingin mendapatkan pengesahan pihak kerajaan

sama ada 2 inisiatif yang baik yang dilakukan oleh Pakatan Harapan sebelum ini iaitu Kad Sihat Johor dan Skim Takaful Warga Emas telah diberhentikan atau masih diteruskan? Sekiranya diberhentikan Parit Yaani rasa amat kesal dan mengusulkan supaya kerajaan dapat kembalikan 2 inisiatif ini demi kesihatan rakyat bangsa Johor lebih-lebih lagi bantuan ini terkesan terus kepada program B40 yang amat memerlukan dengan suasana pandemik hari ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara berkaitan dengan perumahan asnaf yang dibuat di bawah Majlis Agama Islam negeri Johor. Saya ingin mengingatkan kepada mereka yang bertanggung jawab rumah adalah tempat tinggal, rumah adalah keperluan sesebuah keluarga, rumah adalah tempat keselamatan. Ramai di kalangan orang Melayu Islam yang masih menyewa, yang menumpang, yang tidak ada rumah. Parit Yaani yakin bahawa rumah asnaf yang telah dikeluarkan peruntukan oleh Majlis Agama Islam dimohon supaya dapat dibuatkan laporan di dalam Dewan yang mulia ini. Berapa banyak rumah asnaf yang telah disiapkan dari tempoh 2015 sampai 2020 mengikut daerah. Sebelum Parit Yaani berundur, Parit Yaani ingin mengemukakan beberapa permohonan atas kepentingan rakyat di DUN Parit Yaani.

Pertama, status Jalan Bindu. Kalau mengikut jadual ia akan siap April 2020. Tetapi sekarang sudah bulan November 2020. Bila dijangka siap sepenuhnya kerana jalan yang berkenaan agak sempit.

Kedua, status jalan dan *traffic light* ke Sekolah Agama Bindu yang dinanti-nantikan oleh murid dan ibu bapa. Parit Yaani masih ingat, apa ya, Bukit Pasir ke, ADUN Dato' Jamal...

YB Speaker : Bukit Kepong.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Bukit Kepong,oh ya Bukit Kepong telah pergi melawat ke tempat yang berkenaan pada waktu Bukit Kepong sebagai YAB Menteri Besar pada kala itu. Ketika membina laluan baru menghubungkan Taman Sri wangsa dengan Taman Seri Berkat kerana jambatan yang menghubungi Taman Seri Wangsa dengan Taman Puteri Jaya bahagian tepinya telah runtuh disebabkan hujan yang berterusan sejak kebelakangan ini. Dan ia adalah laluan yang Parit Yaani yakin ia adalah laluan yang paling baik untuk dibina di situ.

Keempat, status Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Jaya di Parit Yaani yang masih belum siap sejak mula dibina akhir tahun 2013, buat sekolah daripada 2013 sampai 2020. Berapa tahun? Kos yang begitu banyak tetapi tak siap-siap. Di mana daripada saya jadi pembangkang jadi kerajaan jadi pembangkang balik. Pun tak siap juga. Jadi, saya harap EXCO Pendidikan tolong ambil perhatian.

YB Speaker : Sekolah maju punya Yang Berhormat payah nak buat. Sofistikated.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Sekolah Parit Yaani. Ok. Kelima, tahap kemajuan tapak kerja tapak pelupusan sampah Bukit Payung yang sangat memilukan hati orang kampung. Bilakah kemajuan, tahap kemajuannya dan bilakah akan beroperasi.

Keenam,mohon supaya digazetkan Bukit Bindu sebagai Litar *Motocross* negeri Johor sebagai salah satu lokasi dalam kalender pelancongan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, akhir kalam, Parit Yaani merakamkan penghargaan yang tidak berbelah bagi kepada barisan petugas hadapan atau *front liners* tidak kira staf kesihatan, doktor, anggota keselamatan, penghantar-penghantar makanan *Food Panda, Grab* dan sebagainya serta anggota RELA dan lain-lain. Sebelum Parit Yaani menghabiskan

ucapan, permintaan khas Parit Yaani buat petugas barisan hadapan atau *front liner,* COVID-19 yang tidak didendangkan tetapi amat penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat kampung khususnya sesuatu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Mac lalu iaitu ketua-ketua kampung seluruh negeri Johor. Parit Yaani membawa rintihan mereka yang mana mereka telah dianiaya oleh kerajaan persekutuan apabila elaun seciput, melalui Kementerian Luar Bandar telah dilupuskan bermula dari kejayaan kerajaan tebuk atap ini mengambil alih. Jawapan daripada Menteri Besar salah satu daripada ejen sewaktu COVID-19 dalam penyampaian Ihsan tadi, Rancangan Ekonomi Ihsan Negeri Johor antara ejen yang paling bawah adalah Ketua Kampung. Maka, Parit Yaani menyeru apalah kiranya kerajaan Johor sedia memberikan sagu hati sebanyak RM1,000.00 sahaja tanda terima kasih kepada Ketua-Ketua Kampung yang telah menjalankan amanahnya walaupun dengan elaun sebanyak RM400.00 dari kerajaan Johor. Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa. Anak burung jatuh ke tanah, digonggong kucing bawa ke bangsal, berikan lah kepercayaan kepada yang amanah, supaya kita tidak menyesal di kemudian harinya. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada Parit Yaani. Seterusnya, saya persilakan Kota Iskandar.

YB Tuan Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Bismilllahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor yang dihormati sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Kota Iskandar terlibat sama dalam perbahasan Belanjawan 2021 pada pagi ini.

Terlebih dahulu, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih mengucapkan setinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam surah Baqarah ayat 156 Allah berfirman (bacaan ayat al-Quran) yang bermaksud "Orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka berkata sesungguhnya kami milik Allah dan kami akan dikembalikan kepada Allah". Dalam ayat yang lain Allah menyebut (bacaan ayat al-Quran) dan mintalah pertolongan kepada Allah dengan sabar dan juga solat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kota Iskandar mengucapkan tahniah kepada YB Datuk Menteri Besar Johor kerana telah membentangkan belanjawan 2021 yang bertemakan "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran" pada 26 November yang lalu. Belanjawan Johor 2021 memang telah dijangka merupakan belanjawan defisit kerana negara dan negeri Johor sedang berhadapan dengan keadaan luar biasa iaitu penularan pandemik COVID-19 yang telah mengakibatkan jumlah kes positif seramai 63,176 sehingga semalam dengan jumlah kematian seramai 354 orang. Kota Iskandar mengharapkan Belanjawan Johor 2021 ini bersifat belanjawan luar biasa dalam keadaan luar biasa. Sebagaimana ayat yang saya bacakan tadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, ia mengingatkan kita bahawa setiap musibah itu adalah dengan izin Allah, biiznillah dan setiap musibah itu mempunyai hikmah yang besar yang kadangkala luar jangkauan pemikiran kita. Dan, sebagai manusia yang beriman kepada Allah, Allah mengajar kita berhadapan dengan musibah ini dengan kita membanyakkan memohon pertolongan sabar dan juga solat kepada Allah SWT.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada hemat Kota Iskandar Belanjawan Johor 2021 hendaklah memberikan fokus kepada 2 perkara yang penting:

1. Menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk memerangi penularan pandemik COVID-19

2. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi menangani kesan atau impak pandemik COVID-19 kepada ekonomi dan juga pendapatan rakyat seperti isu berkurangannya atau hilang sumber pendapatan ekoran pelaksanaan PKP, pengangguran peluang pekerjaan dan juga usaha ke arah pemulihan sumber ekonomi.

Semua kumpulan sasaran yang mudah terkesan dengan pandemik COVID-19 perlu dikenal pasti terutama mereka yang bekerja sendiri dan tidak mempunyai majikan, menerima gaji secara harian, mereka tidak mencarum KWSP atau PERKESO dan bahkan mereka tidak mempunyai syarikat secara perkongsian atau Sdn. Bhd. Mereka adalah seperti penjaja makanan di tepi jalan, peniaga pasar malam, peniaga di pasar tani, tukang rumah, penoreh getah dan juga petani.

YB Tuan Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Tuan Speaker, Belanjawan 2020 adalah belanjawan defisit sebanyak RM248.14 juta dengan anggaran hasil sebanyak RM1,609.07 juta manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan sebanyak RM1,857.21 juta. Defisit sebanyak RM248.14 juta ini tidak dinyatakan di dalam Belanjawan 2021 dari manakah sumber kewangan yang akan diperolehi bagi menampung defisit sebanyak RM248.14 juta tersebut. Adakah defisit ini akan ditampung melalui pinjaman daripada kerajaan persekutuan atau pun menggunakan rizab tunai kerajaan sedia ada atau pun sumber-sumber yang lain. Sewajarnya perkara ini perlu dinyatakan di dalam belanjawan supaya belanjawan ini lebih telus dan juga bertanggungjawab.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tentang Johor Digital. Mengikut perangkaan ekonomi digital menyumbang 18.5% pada KDNK negara pada tahun 2018 dan diunjurkan akan menyumbang sebanyak 21% pada tahun 2022. Dalam masa yang sama ekonomi digital akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri kita yang berpendapatan tinggi. Sejauh mana kejayaan ekonomi digital adalah bergantung kepada infrastruktur asasnya kesediaan atau capai Internet dan kelajuan *speed Internet* yang disediakan.

Di bawah Agenda Johor Digital, kerajaan negeri telah melaksanakan Projek Johor Wifi 2.0 dengan peruntukan RM10 juta untuk tempoh 5 tahun. Ini bertujuan untuk meluaskan lokasi capai Internet termasuk di kawasan luar bandar. Johor Wifi 2.0 atau pun dahulu dikenali sebagai *Johor Free Wifi* (JFW) dilancarkan pada 2015 menyediakan perkhidmatan Internet secara percuma dan meningkatkan kemudahcapai Internet khusus bagi penduduk di luar bandar. *Johor Free Wifi* melibatkan kos sebanyak RM21.44 juta yang dibiayai oleh kerajaan negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Usaha *Projek Johor Wifi 2.0* merupakan satu usaha yang baik tetapi beberapa teguran serius yang dibuat di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2018 berkaitan pelaksanaan *Johor Free Wifi* yang menyentuh tentang pelbagai kelemahan seperti proses perolehan yang tidak teratur, pentadbiran kontrak yang tidak mengikut SOP dan pengurusan kewangan yang tidak cekap perlu diambil kira perhatian serius oleh kerajaan. Kelemahan ini akhirnya menyebabkan berlakunya kelewatan siapnya projek dan juga ketidakcapaian kualiti perkhidmatan yang disediakan. Kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan *Johor Free Wifi* ini perlu diperbaiki dan dipastikan tidak berulang semula semasa pelaksanaan *Johor Wifi 2.0* nanti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam Agenda Johor Digital juga akan ditubuhkan Majlis Digital Negeri Johor yang berperanan untuk menyediakan pelan hala tuju digital negeri Johor terutama dalam usaha pemulihan ekonomi Johor. Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara 2.0 yang sekarang telah *rebranding* dengan Pelan Jalinan Digital Johor atau ringkasnya JENDELA semasa kerajaan Pakatan Harapan kita telah menubuhkan Majlis Komunikasi dan Multimedia Negeri Johor serta Jawatankuasa Induk Infrastruktur Telekomunikasi Negeri Johor seperti yang dinyatakan dalam titik fokus 148 dan 150 Belanjawan Johor 2020. Khususnya bagi kerajaan negeri membantu dan menjadi memudah

cara dalam memastikan pelaksanaan NSCP atau pun JENDELA dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Urusan berkaitan dengan tanah adalah merupakan urusan kerajaan negeri dan kerajaan negeri sangat penting untuk memastikan kerajaan pelaksanaan NSCP atau pun JENDELA. Kerajaan Pakatan Harapan pada masa tersebut juga telah mengadakan beberapa siri perundingan dengan pihak TNB untuk menyediakan infrastruktur bagi perkhidmatan teknologi 5G di Johor lebih awal daripada tahun 2023 iaitu menjadi sasaran kepada NSCP atau pun JENDELA. TNB mempunyai pengalaman dalam menyediakan infrastruktur ini melalui projek rintis sistem rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kemudahan teknologi gentian optik di Jasin pada tahun 2019. Tanpa infrastruktur asas NSCP atau pun JENDELA ini tidak mungkin pelan induk Digital Johor dapat direalisasikan.

Perkhidmatan teknologi 5G sangat penting bagi masa hadapan negeri Johor dalam usaha ini khususnya dalam kita mengekalkan status *core* negeri Johor sebagai antara negeri penerima pelaburan terus asing atau pun FDI dengan izin yang tinggi dan antara penyumbang utama KDNK negara. *Showcase* teknologi 5G yang diadakan di Pulau Langkawi pada tahun lepas telah memperlihatkan bagaimana teknologi 5G mampu meningkat kualiti kesejahteraan rakyat sama ada dalam sektor kesihatan, keselamatan, pelancongan, pengurusan trafik, pertanian melalui *Smart Farming* dan juga pengurusan bencana alam. Dan, alhamdulillah semasa Pakatan Harapan kita telah berjaya menubuhkan Pusat Pemantauan dan Arahan Negeri Johor atau pun *Johor Observatory and Common Centre* dengan izin, di bawah pengelolaan Digital Johor Sdn. Bhd. dan *Common Centre* ini bersedia untuk digunakan khususnya dalam kita mempercepatkan membuat keputusan di peringkat kerajaan dalam hadapan dengan sebarang bencana alam khususnya.

Dan dalam lawatan yang pernah diadakan di *Common Centre* di Jakarta kita juga melihat sebagaimana disebut oleh YB Parit Yaani tadi, bahawa sebahagian data yang merupakan sebahagian *big* data yang di kumpul di peringkat Jakarta itu dikongsi bersama dengan rakyat bagi memudahkan mereka atau pun bagi memudahkan urusan seharian mereka sama ada pergi ke pasar, sama ada pergi ke hospital bagi menentukan hospital manakah yang mempunyai katil yang masih kosong, harga barang-barang komoditi termasuk harga keperluan hari yang boleh dikongsi bila mana pembangunan *big* data ini mampu dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam Belanjawan 2020 juga telah diluluskan peruntukan RM500,000.00 bagi membentuk Pelan Hala Tuju Strategik Johor Bestari seperti *Smart Selangor* sebagaimana titik fokus nombor 147 Belanjawan 2020 dan saya tidak pasti bagaimana sama ada Pelan Hala Tuju Strategik Johor Bestari ini adakah merupakan pertindanan dengan Pelan Hala Tuju Digital Johor sebagaimana yang dicadangkan untuk diusahakan oleh kerajaan sekarang ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di peringkat Johor Niaga, sumbangan sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kepada KDNK negara sangat signifikan. Pada tahun 2019, PKS menyumbang sebanyak 38.9% kepada KDNK iaitu mengatasi sumbangan PKS tahun sebelumnya iaitu 38.3%. Perkembangan sektor PKS adalah antara 5% ke 6% setahun. Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar ada menyebut dalam ucapan beliau, sehingga September 2020 sebanyak 32,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seluruh negara telah menamatkan operasinya. Ini bermakna jika satu entiti PKS sekurang-kurangnya memiliki 5 orang pekerja, seramai 160,000 orang pekerja telah menjadi penganggur. Begitu juga disebutkan di negeri Johor, kemungkinan 5% ke 10% PKS di Johor terpaksa menutup perniagaan akibat daripada gangguan aliran tunai, maka kalau mengambil kaedah yang sama, 50,000 pekerja telah menjadi penganggur akibat daripada penutupan PKS tersebut.

Setelah meneliti pembentangan agenda Johor Niaga melibatkan sektor PKS, Kota Iskandar berpandangan, *proactive way* yang lebih tinggi dan usaha yang lebih berkesan perlu dilakukan oleh kerajaan negeri dalam membantu sektor PKS di negeri Johor. Saya difahamkan, sebahagian daripada pengkaji menyatakan PKS di negeri Johor yang ada pada jumlah 100,000 memerlukan paling tidaknya peruntukan RM1 bilion bagi memastikan operasi mereka terus berjalan dan mengekalkan jumlah bilangan pekerja yang sedia ada.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Rumah Mampu Biaya Johor. Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 2, muka surat 37 menyatakan pindaan yang dibuat dengan memasukkan penalti RM40,000.00 ke RM60,000.00 bagi setiap Rumah Mampu Biaya Negeri Johor yang tidak dibina oleh pihak pemaju ke dalam Akaun Kumpulan Wang Yang Disatukan kerajaan negeri dan bukannya ke dalam Akaun Amanah Pembangunan Perumahan Infrastruktur dan Sosial yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 adalah bercanggah dengan penubuhan akaun amanah tersebut pada September 2011. Kota Iskandar meminta supaya teguran ini juga diambil ingatan dan dipatuhi bagi memastikan bahawa dana di dalam akaun ini benar-benar digunakan bagi membina Rumah Mampu Biaya Johor yang gagal dibina oleh pihak pemaju dan bukannya untuk tujuan-tujuan yang lain.

Laporan Ketua Audit Negara 2018 juga menyatakan terdapat beberapa perbelanjaan yang tidak menepati kehendak arahan amanah seperti dengan menggunakan akaun amanah untuk membuat bayaran, menaik taraf bangunan pejabat Majlis Perbandaran Muar (MPM) berjumlah RM5 juta dan membuat pembayaran bagi perkakasan, penyelenggaraan dan talian bagi 125 lokasi *hotspot Johor Free Wifi* dengan kos RM10.1 juta. Walaupun di dalam Laporan Audit menyatakan kelulusan MMK telah diperolehi bagi pembayaran-pembayaran tersebut, tetapi bagi Kota Iskandar, ianya adalah merupakan satu tindakan yang *legally is right but morally is wrong,* dengan izin.

Program sewa beli usaha sama dengan Maybank. Kota Iskandar ingin merujuk kepada Program Sewa Beli (*Rent To Own)*, dengan izin ditawarkan oleh kerajaan negeri dengan usaha sama pihak Maybank bagi meringankan bebanan wang pendahuluan 10% bagi pembelian rumah. Suka saya nyatakan bahawa di antara isu utama kepada pembeli rumah mampu biaya iaitu kumpulan B40 dan juga M40 adalah untuk mereka mendapatkan akses kepada pinjaman perumahan daripada pihak bank. Kajian yang telah kita buat daripada *open balloting* ataupun undian terbuka yang dijalankan yang telah pun dilancarkan oleh kerajaan Pakatan Harapan pada 1 Ogos 2018, 30% ke 40% daripada mereka yang berjaya dalam *open balloting*, tetapi gagal untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Kalau kita lihat usaha sama dengan Maybank, bahkan kita juga berpengalaman dengan Ambank sebelum daripada itu, mereka masih lagi berorientasikan keuntungan dengan syarat-syarat yang sedia ada, yang kita kira akan menyukarkan kepada pembeli khususnya golongan B40 dan juga M40 untuk mendapatkan pinjaman. Tetapi dalam semasa pemerintahan Pakatan Harapan, kita telah memperkenalkan satu skim SPPJ, Skim Perumahan Prihatin Johor di mana kerajaan negeri membeli rumah mampu biaya khususnya Jenis A yang berharga RM42,000, kemudian memberikan rakyat untuk membeli terus dengan kerajaan negeri tanpa melibatkan pinjaman daripada pihak bank. Sepatutnya, kalau kita hendak menyelesaikan isu belian ataupun Pinjaman Perumahan Prihatin Johor, SPPJ ini perlu digerakkan ataupun perlu diperbesarkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor. Dalam memastikan industri perumahan, khususnya Rumah Mampu Biaya Johor berada dalam keadaan yang sistematik dan berkesan dan industri perumahan mempunyai hala tuju yang jelas dan meletakkan semua agensi yang berkaitan dengan perumahan di bawah satu bumbung, maka penubuhan Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor ataupun platform yang sepertinya juga mempunyai peranan dan fungsi yang sama perlu ditubuhkan segera. Sehingga ke hari ini, semua negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak kecuali Kelantan, Perlis dan juga Johor yang masih belum memiliki platform tersebut. Dengan tertubuhnya platform ini,

sasaran serta pemantauan pembinaan rumah mampu biaya sama ada melalui pembinaan rumah mampu biaya oleh pihak pemaju perumahan melalui kuota 40% Dasar Perumahan Johor, kerjasama dengan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan seperti *State GLC*, kerjasama dengan pihak swasta melalui projek penswastaan dapat dilaksanakan dan diuruskan dengan lebih baik dan juga lebih cekap.

Sempadan Malaysia – Singapura. Penutupan sempadan Johor – Singapura memberi kesan langsung terhadap ekonomi Johor khususnya Bandaraya Johor Bahru. Ia adalah kerana ekonomi Johor sangat berkait rapat dengan ekonomi Singapura. Sebelum penularan pandemik COVID-19, seramai 250,000 orang rakyat Malaysia berulang-alik setiap hari bekerja di Singapura dan juga ribuan rakyat Singapura yang memasuki Johor setiap hari untuk berbelanja barangan keperluan harian termasuk petrol kenderaan. Senario ini adalah merupakan pemangkin utama kepada kepesatan ekonomi Johor khususnya Bandaraya Johor Bahru. Dan pagi tadi pun YB Larkin telah menyatakan akibat penutupan pintu sempadan dengan Singapura ini, telah menyebabkan *FDI* kita menyusut sebanyak RM5 bilion. Selepas pintu masuk antara kedua negara ditutup maka ramai rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura, hilang pekerjaan ataupun diarahkan bercuti tanpa gaji selepas hampir 6 bulan ditutup, Tambak Johor disenaraikan sebagai laluan yang paling sibuk di dunia, kembali dibuka melalui Laluan Hijau, Timbal Balik (RGL) dan Skim Peraturan Ulang-alik (PCA). Walau bagaimanapun, RGL hanya 400 seminggu ataupun 50 ke 60 orang sehari, manakala PCA hanyalah 2,000 rakyat kedua-dua negara dibenarkan merentas sempadan bagi setiap hari. Sudah sampai masanya bagi kerajaan negeri bagi meningkatkan kembali desakan supaya kerajaan persekutuan membuka laluan sempena ataupun selari dengan skim yang ketiga iaitu Skim Rentas Sempadan setiap hari untuk tujuan bekerja dengan pelaksanaan yang mengikut SOP COVID-19 yang ketat. Pelaksanaan skim baru ini dijangka akan memanfaatkan 200,000 hingga 250,000 rakyat Malaysia di Singapura.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, keberkesanan Belanjawan. Kejayaan ataupun kegagalan Belanjawan yang dibentangkan hari ini adalah tertakluk ataupun bergantung kepada hasil yang akan diperolehi. Kita perlu melihat perancangan belanjawan ini secara positif iaitu berasaskan kepada *result orientation* ataupun hasil yang dilihat. Kita tidak hendak lihat belanjawan ini indah khabar daripada rupa ataupun hebat dari segi kalimah-kalimah tetapi tidak dapat direalisasikan dalam sebagai mana yang diharapkan.

Kota Iskandar juga mengharap supaya semua peruntukan yang disediakan kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang telah dikenal pasti benar-benar dapat dilaksanakan sesuai dengan penyampaian dan juga apa nama ni, *delivery system* yang dapat mencapai kepada kumpulan sasaran. Kita tidak hendak ada pada angka tetapi peruntukan tersebut tidak sampai kepada kumpulan sasaran sebagaimana yang telah disebutkan beberapa contoh oleh YB daripada Parit Yaani sebentar tadi.

Tuan-tuan dan puan-puan. Yang Berhormat Tuan Speaker, akhirnya saya suka membacakan sepotong ayat daripada al-Quran yang mengingatkan kita iaitu daripada Surah As-Saf (bacaan ayat al-Quran) “Wahai orang-orang yang beriman, kenapa kamu mengatakan sesuatu yang kamu tidak kerjakan? Amat besar kebencian di sisi Allah. Kamu menyatakan sesuatu yang kamu tidak kerjakan”.

Oleh itu pihak kerajaan telah menyatakan, telah menyebut, mereka akan membela kesemua kumpulan yang *fragile* dengan kesan daripada pandemik COVID-19, kita hendak menuntut pembuktian dalam bentuk pelaksanaan. (Bacaan ayat al-Quran) “Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan ke atas pimpinan kamu”. Wabillahi taufik walhidayah wassalamu’alaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada Kota Iskandar. Kita tangguh persidangan ini sehingga jam 2.30 petang ini. Sekian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12.55 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sidang disambung semula. YB Machap, dijemput.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Makmur Johor. Yang Berhormat Timbalan Speaker, pertamanya Machap merakamkan ucapan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang membahaskan Belanjawan Johor 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Khamis, 26 November 2020 yang lalu. Keduanya, Machap turut merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Machap mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Besar yang telah membentangkan belanjawan yang holistik dan mampan. Belanjawan dirangka pada saat yang paling getir dan mencabar berdepan dengan pandemik COVID-19 yang sangat berbahaya ditambah pula dengan denyutan nadi ekonomi yang hampir terhenti, mengempiskan kantung perbendaharaan untuk tujuan perbelanjaan pengurusan, perbekalan peruntukan pembangunan dan sebagainya. Sebagaimana belanjawan persekutuan, tentunya belanjawan negeri Johor ini juga dinanti, dilihat dan diperhalusi oleh rakyat negeri Johor tentang apa peluang-peluang yang bakal mereka peroleh. Adakah peluang pekerjaan? Apakah nasib mereka mendapat pembelaan sewajarnya daripada pihak kerajaan negeri? Dan, itu mungkin sebahagian yang bermain-main di fikiran mereka.

Justeru, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan merasakan kepedulian yang cukup tinggi kepada rakyat, maka belanjawan tetap dirangka sebaik mungkin dengan membuat pengagihan peruntukan, pemberian tunai demi kelangsungan memelihara hidup rakyat, pelaksanaan seperti insentif cukai yang dikurangkan mahupun dikecualikan yang akhirnya menjurus kepada unjuran belanjawan defisit sebanyak RM248.14 juta di mana, hasil kutipan cukai atau hasil negeri Johor kurang berbanding perbelanjaan. Namun apa yang penting, kebajikan dan kesejahteraan rakyat tetap menjadi agenda utama bagi membela nasib mereka yang terkesan dengan pandemik ini, yang terbatas dari segi kebebasan, pergerakan kebiasaan, terdedah ancaman jangkitan penyakit, penyesuaian dengan norma baharu dengan pemakaian pelitup muka, penjarakan sosial, terhenti sumber pendapatan ekoran larangan keluar rumah untuk bekerja mahupun diberhentikan kerja ekoran penangan pandemik ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Machap ini menyorot kembali COVID-19 yang telah berlaku di DUN Machap dan telah tercatat di dalam lipatan sejarah yang menjadi igauan mimpi buruk bila mana penempatan di Bandar Baru Ibrahim Majid dan Kampung Dato' Ibrahim Majid pada 27 Mac 2020 di samping 7 kampung yang pada sekitar 5 kilometer berhampiran dengannya telah diisytiharkan menjadi kawasan penempatan pertama ditutup sepenuhnya di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Dipertingkatkan (PKPD) Akta 342.

Pergerakan langsung terbatas, pergerakan dipantau oleh pihak polis dan askar dengan sekatan di jalan utama termasuk jalan tikus. Hasil kebun sawit terbiar, ada yang hari ini potong sawit anggaran 2 hingga tan yang telah siap dipotong, bila nak diangkat esok maka lori yang nak mengangkat sawit itu telah dilarang untuk mengangkat sawit di kawasan

PKPD, menyebabkan hasil sawit itu terbiar melambak begitu sahaja di dalam kebun. Ada juga yang mengusahakan tanaman sayur, tanaman kacang panjang, tanaman pucuk meranti dan sebagainya yang perlu dipanen mengikut jumlah hari yang tertentu tetapi PKPD telah menyebabkan hasil tanaman ini terbiar begitu sahaja. Walau bagaimanapun, keperluan makanan dan harian tetap dibantu segera oleh pihak Menteri Besar, Pegawai Daerah Kluang, YDP Majlis Daerah Simpang Renggam dan semua pihak yang terlibat membantu mengurangkan tekanan hidup dan perasaan yang mereka alami yang akhirnya pada 29 April 2020, PKPD ini telah ditamatkan di situ. Jadi sini, ada dua keadaan yang berbeza, di kawasan PKPD mereka yang berada di sana pergerakan mereka tidak bebas tetapi mereka masih dibekalkan dengan keperluan makanan asas oleh pihak-pihak yang tertentu tetapi di luar kawasan PKPD, mereka ini agak bebas pergerakan tetapi oleh kerana mereka ada larangan untuk bekerja, mereka tidak ada sumber kewangan untuk membeli barangan keperluan asas. Satu tempat mereka tidak bebas tetapi ada kemudahan keperluan makanan asas diberi, dan di satu tempat pula mereka bebas, agak bebas tetapi tidak ada keperluan makanan. Begitulah yang berlaku di kawasan DUN Machap pada ketika itu.

Sejarah telah tercatat, seramai 181 orang penduduk di kawasan tersebut didapati positif COVID-19 yang kini Alhamdulillah mereka telah bebas daripada COVID dan sejarah juga mencatatkan seramai 4 orang telah meninggal. Bagi pihak mangsa dan keluarga yang terkena COVID, bantuan RM1,000,00.00 dan RM2,000,00.00 sangat bermakna tanda keprihatinan kerajaan kepada mereka. Bagi pihak penduduk di kawasan PKPD di DUN Machap, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada barisan hadapan menangani COVID-19. Kepada pihak KKM, pihak Pejabat Daerah Kluang, Majlis Daerah Simpang Renggam, pihak Polis, askar, Jabatan Pertahanan Awam, JKM, RELA dan semua pihak yang terlibat.

Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan rakan-rakan EXCO yang telah sudi hadir ke Bandar Baru Abdul Majid dalam Program Lawatan Kerja MB Johor ke daerah Kluang pada 28 Jun yang lalu. Tentunya kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi kekuatan semangat kepada penduduk dalam lawatan ke rumah waris yang meninggal dan juga kepada rombongan yang mengikuti sama dalam program tersebut yang sebahagian besarnya menaiki motor dan saya sempatlah berbonceng motosikal dengan Yang Berhormat daripada Sri Medan dan juga terima kasih yang tidak terhingga juga kepada YB EXCO Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor yang telah hadir dua kali dalam program yang dianjurkan oleh penduduk di BBAM, Bandar Baru Abdul Majid selepas PKPD ditarik balik. Maknanya ini EXCO yang beranilah, masuk ke kawasan yang dulunya PKPD telah ada, dia berani masuk ke situ.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kesan ketara ekoran pandemik COVID-19 ini ialah ramai rakyat yang terhenti sementara sumber pendapatan kerana kehilangan pekerjaan sama ada dicutikan mahu pun diberhentikan kerja. Bayangkan rata-rata rakyat Johor yang berulang alik seramai 250,000 yang berulang alik bekerja di Singapura apabila tidak boleh masuk bekerja di sana, tentunya pendapatan mereka terjejas ataupun terputus. Ada yang perlu melunasi sewa bulanan setiap bulan, yang menyewa di Johor Bahru misalnya, ada terpaksa membayar bil bulanan, perlu menyara kehidupan keluarga, makan minum dan keperluan harian apabila mereka terpaksa memikirkan apa perlu dibuat dalam keadaan sekarang? Ada yang bekerja diberi upah harian seperti pemandu lori, buruh binaan, peniaga makanan, penjual kuih telah tidak ada sumber pendapatan bila PKP berlaku di peringkat awal penguatkuasaan. Mereka buntu untuk mencari sumber pendapatan menampung kehidupan seharian. Syukur kerana kerajaan menyalurkan Bantuan Prihatin Nasional. Kerajaan negeri menyalurkan RM20,000.00 kepada setiap ADUN untuk membantu rakyat dengan menyalurkan duit atau memberi barang keperluan asas kepada mereka. Namun perlu diingat, bantuan ini berupa *one-off* bersifat jangka pendek, sedangkan keperluan jangka panjang ialah rakyat memerlukan pekerjaan untuk kelangsungan pekerjaan dengan peluang

pekerjaan yang boleh mereka isi ketika ini dan tentunya mereka melihat adakah kerajaan dapat membantu mereka dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka ketika ini?

Yang Berhormat Speaker, Machap melihat belanjawan yang dibentangkan dengan memberi fokus kepada 12 Agenda Kebajikan, keberdayaan dan keberhasilan utama telah digarap dengan begitu baik. Ada agenda yang digarap bagi penyelesaian jangka panjang dan ada agenda yang digarap untuk penyelesaian segera dalam menangani kesusahan semasa. Untuk jangka panjang misalnya, peruntukan kepada jabatan-jabatan dan organisasi peringkat akar umbi membantu sektor tersebut digembleng ke arah menghasilkan lebih banyak peluang pekerjaan, menambah pendapatan dalam bidang tertentu yang lebih berdaya maju dengan bantuan mesin dan peralatan bengkel bagi penghasilan yang lebih banyak dalam pelbagai sektor yang terlibat. Ini semua memberikan kesan pulangan pendapatan dan ekonomi yang baik kepada semua yang terlibat sama ada individu, kumpulan yang terlibat termasuk pihak kerajaan sendiri dalam mendepani pandemik ini.

Yang Berhormat Speaker, Machap ingin menyentuh dan mengupas beberapa agenda dalam perbahasan ini. Pertama, Agenda Johor Digital, usaha kerajaan melaksanakan Program Wifi 2.0 dengan peruntukan RM10 juta untuk 5 tahun bertujuan meluaskan lokasi capaian Internet sangat dialu-alukan. Ekoran COVID-19 ini, sekolah terpaksa ditutup, di mana pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah *online* dengan menggunakan peranti Internet adalah salah satu kaedah yang digunakan. Penggunaan *whatsapp*,*telegram*, *google meet* di mana pelajar-pelajar mengakses Internet dari guru dan mereka belajar menggunakan *handphone* atau pun *laptop*. Kebiasaannya seseorang pelajar akan menggunakan data dengan kadar RM15.00 untuk belajar dengan kaedah *online* ini. Sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Parit Yaani tadi, Machap juga merasa terpanggil untuk membicarakan hal ini kerana melihat pengajaran dan pembelajaran terutamanya kepada pelajar-pelajar yang di luar bandar harus kita titik beratkan dalam keadaan pandemik ini. Kita melihat capaian Internet di luar kampung atau di luar bandar sangat menyedihkan. Pelajar tidak belajar secara *online* kerana masalah capaian Internet ini. Mungkin pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor ada maklumat atau data tentang peratus pembelajaran *online* pelajar di luar bandar dan di bandar dan juga penggunaannya mengikut kaum atau kita perhalusi dan tindakan diambil bagi memastikan jurang pelajar di bandar dan di luar bandar tidak semakin jauh. Sebab, saya difahamkan bila sesi pembelajaran secara *online*, pelajar yang menghadapi masalah capaian Internet mereka tidak dapat mengikuti apa jua yang diakses oleh guru kepada pelajar dan kadang kala mereka belajar dengan menggunakan *handphone*, *handphone* itu dimiliki oleh bapa, jadi mereka berkongsi *handphone* dengan pelajar, dengan bapa untuk belajar sebagaimana pada masa pandemik ini.

Justeru, Machap mengharapkan syarikat-syarikat Telco seperti Celcom, MAXIS, Yess, U-Mobile, Digi, Red One dan sebagainya harus memikirkan kebajikan sosial, khidmat sosial yang boleh mereka sumbangkan bagi membantu masalah di mana penduduk di luar bandar terutamanya pelajar-pelajar dalam mendepani pembelajaran secara *online* ini sebab kita khuatir bila jangka masa pandemik ini akan berakhir. Makna kalau tiga tahun lagi, maknanya keadaan yang begini serius, sekolah mungkin akan ditutup dalam jangka masa panjang, maknanya pembelajaran menggunakan kaedah *online* itu tentunya satu pilihan kepada perkembangan secara pengajaran dan pembelajaran terkini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di kawasan Bukit Batu Machap terdapat sebuah pencawang yang dibina oleh sebuah syarikat, pemohon di bawah Aneka Bina MN, di bawah Koridor Utiliti Johor. Machap melihat pencawang telah siap dibina tetapi bilakah penduduk di situ akan mendapat kemudahan Internet yang akan ditawarkan? Mohon penjelasan tentang situasi ini sebab penduduk mengharapkan di dalam keadaan begini dalam keadaan sekarang, khidmat daripada pencawang yang dibina itu dapat disegerakan operasinya.

Di bawah Agenda Johor Niaga, Machap melihat semasa PKP orang ramai yang tidak bekerja dan mungkin diberhentikan kerja, penglibatan anak-anak muda dalam perniagaan kecil-kecilan seperti makanan sangat menggalakkan, mereka berniaga pisang goreng, jualan kuih-muih, pelbagai jenis makanan yang tidak memerlukan modal besar. Mereka berniaga di pasar-pasar minggu, pasar malam, di kaki lima di kawasan PBT, di tepi jalan dan sebagainya. Mohon pengecualian lesen berniaga sementara kepada mereka yang berniaga ini sebab mereka dalam keadaan tersepit untuk mencari sumber rezeki pada masa ini.

Agenda Prasarana Johor iaitu perkhidmatan Bas Muafakat Johor bagi menambah bilangan pengguna, perkhidmatan bas di DUN Machap dicadangkan laluan dari Kampung Batu 6 hingga ke Kampung Sri Maju di Machap boleh digunakan untuk Bas Muafakat Johor ini beroperasi. Ini bagi membantu memudahkan anak-anak yang bersekolah terutamanya yang bersekolah di Sekolah Menengah Seri Machap dapat menggunakan bas tersebut dan juga mengelakkan daripada pelajar-pelajar yang kemungkinan tidak mempunyai lesen memandu yang didapati sebahagian besarnya menggunakan kenderaan bermotor untuk pergi ke sekolah dan baru-baru ini bila ada operasi daripada pihak yang berwajib di sekolah di Renggam dan juga di Machap menyebabkan ramai pelajar telah dikeluarkan saman dan ibu bapa terpaksa membayar dalam keadaan sumber pendapatan ibu bapa dalam musim pandemik ini rata-rata di bawah B40 tentulah menyukarkan kepada pihak ibu bapa untuk membantu melunasi saman yang dikeluarkan kepada anak-anak mereka. Dan pemberian insentif *one-off* sebanyak RM100.00 dan dua kepada 2,000 pemandu dan penghantar makanan syarikat *e-hailing* di Machap ada 15 hingga 20 orang yang bergerak menggunakan motosikal berlogo panda memberikan perkhidmatan mereka menghantar makanan dan barangan dengan anggaran pendapatan RM2,000.00 hingga RM2,500.00 sebulan dan mereka ini rata-rata kepada anak-anak muda dan sumbangan ini tentulah sekurang-kurangnya menghargai peranan mereka pada ketika ini.

Yang Berhormat Speaker, penghargaan kepada *front liner*, Machap sangat mengalu-alukan pemberian sebanyak RM200.00 kepada 30,000 petugas. Di sini, Machap ingin menyuarakan cadangan agar dipertimbangkan juga kepada pekerja-pekerja SWM yang bertugas mengangkat sampah di kawasan PKPD dan juga di kawasan di Simpang Renggam bila mana penguatkuasaan kepada larangan itu, pergerakan itu, orang tidak berani keluar rumah tetapi pekerja-pekerja SWM ini berani untuk bekerja memungut sampah bagi memastikan kawasan taman-taman dan juga di Majlis Perbandaran tidak tercemar dengan bau busuk atau pun sampah yang terbiar. Sewajarnya mereka juga dipertimbangkanlah untuk diberikan sedikit penghargaan termasuk sukarelawan yang membantu menyalurkan, mengagihkan makanan di kawasan-kawasan PKPD ini. Sebab, bila mana pihak daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, daripada APAM menyalurkan bantuan ini ke rumah-rumah, mereka ini bukan orang asal di situ. Mereka tidak tahu rumah-rumah dan jalan masuk dan petugas-petugas sukarela inilah yang membantu.

Jadi Tuan Speaker, Machap tidak lupa membawa satu usul, satu isu yang kalau dulu Machap sering bercakap isu berkaitan dengan pencemaran air di Machap. Alhamdulillah, sering kali Machap bercakap akhirnya isu itu selesai. Tapi, pada masa ini isu yang sampai sekarang masih belum selesai iaitu isu gangguan lalat yang masih banyak di Simpang Renggam terutamanya di Machap. Dan juga ada satu *viral FB* di mana dinyatakan DO Kluang dan YB Machap sudah hilang deria bau. Nasib baik saya ada teman, teman dikutuk iaitu DO. Kalau saya seorang mesti terasa tapi dia kata YB Machap dan DO Kluang tidak ada deria bau. Sebab apa? Sebab gangguan bau daripada ladang ternakan ayam yang Machap kira perlu ditangani dengan sebaik mungkin oleh pihak Veterinar dan dimaklumkan Veterinar kekurangan kakitangan mereka untuk membuat pemantauan berskala di ladang ternakan ayam ini. Jadi, Machap menyarankan agar jabatan, kerajaan negeri mempertimbangkan untuk menambah bilangan kakitangan Veterinar Negeri Johor supaya kecukupan bilangan pegawai ini dapat membantu kepada pemantauan di ladang-ladang

ternakan ayam ini supaya mereka akan beroperasi mengikut *SOP* yang telah ditetapkan. Dan, juga Machap merayu agar tidak ada lagi ladang ternakan ayam yang baru dibuka di Simpang Renggam. Kita tidak mahu dengan masalah yang ada, bila ada ladang ternakan ayam ini akan menambah beban, menambah masalah yang sedia ada di Simpang Renggam terutamanya.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat sila gulung.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Saya minta kepada pihak EXCO agar membantu memastikan adanya kerjasama tindakan di antara Veterinar dalam pemantauan di ladang ternakan ayam, daripada pihak Jabatan Pertanian yang memantau penggunaan baja tahi ayam ini di kebun-kebun sawit misalnya dan Kementerian Kesihatan dalam membantu menyalurkan racun serangga bagi memusnahkan lalat ataupun sebagainya.

Yang Berhormat Speaker, rumusannya, belanjawan ini sebagai belanjawan yang merata dan menyeluruh, menyentuh. Ini sebagaimana kata YB Rengitlah dan Machap tambah, juga merasa di mana kerajaan tetap berusaha membantu rakyat terkesan ekoran pandemik 19 merangkumi golongan B40, golongan usahawan, penternak, petani, warga emas, orang sakit, anak muda, pelajar sekolah, mahasiswa bisa menyalurkan peruntukan bagi menjana ekonomi dan negeri. Moga proses mengeluarkan, mengagihkan peruntukan kepada rakyat yang disasarkan dipermudahkan, disegerakan sebab mereka tertunggu-tunggu dengan peruntukan dan juga pemberian di kalangan mereka di peringkat bawahan. Dengan ini Machap menyokong belanjawan yang dibentangkan. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Endau, sila.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Terima kasih YB Puan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. (Selawat). Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera dan salam makmur Johor. Pertamanya, Endau ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker kerana sekali lagi membenarkan Endau mengambil bahagian dalam sesi ucapan perbahasan pada kali ini. Sesungguhnya apa yang Endau ingin bahaskan pada kali ini adalah amat penting bagi memastikan pembangunan dan kesejahteraan di kawasan Endau dapat diambil berat oleh pihak kerajaan negeri. Endau juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor kerana berjaya menyediakan serta membentangkan Belanjawan 2021 Negeri Johor Darul Ta'zim pada 26 November yang lalu. Maka Endau mengharapkan segala pengumuman dalam belanjawan pada kali ini dapat memberi manfaat kepada semua rakyat Johor dan sudah pasti merancakkan lagi pembangunan negeri ini.

Di kesempatan ini juga Endau ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada Perikatan Nasional yang berjaya membentuk kerajaan negeri seterusnya mengangkat Yang Amat Berhormat Benut untuk memimpin kerajaan baru ini. Tahniah juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dipilih menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan bergerak sebagai satu pasukan di bawah Yang Amat Berhormat Benut dalam mentadbir serta membawa negeri ini ke satu tahap yang boleh dibanggakan oleh rakyat Johor. Endau juga mendoakan agar negeri Johor sentiasa dilindungi oleh Allah SWT daripada sebarang bala bencana, musibah dan wabak penyakit khususnya pandemik Covid19 yang sedang melanda dunia ketika ini.

Di kesempatan ini juga, Endau merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan yang berkhidmat sepanjang tempoh COVID 19, semoga Allah membalas jasa tuan puan sekalian.

Yang Berhormat Puan Speaker, ada beberapa perkara yang Endau ingin utarakan pada persidangan kali ini bagi menyampaikan suara hati masyarakat Endau. Yang pertamanya adalah tentang jambatan dan kesesakan musim perayaan. Ya, Endau menyedari bahawa isu inilah yang kerap Endau sentuh di Dewan yang mulia ini. Tidak kiralah melalui perbahasan sebelum ini ataupun melalui ajukan soalan lisan dan bertulis. Endau akan terus komited untuk membawa isu ini daripada semasa ke semasa dan Endau juga yakin bahawa Yang Berhormat Tenggaroh juga sentiasa memikirkan permasalahan ini.

Umum mengetahui bahawa Jambatan Mersing yang kecil dan sempit serta usang telah menjadikan aliran trafik sering terganggu. Bahkan apabila musim perayaan tiba, kesesakan luar biasa akan berlaku yang mana boleh menjangkau 10km panjangnya. Endau ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Mersing yang sentiasa bersedia menjalankan tugas menangani kesesakan yang sebenarnya boleh dijangka saban tahun apabila musim perayaan tiba. Malahan bukan itu sahaja, jalan-jalan alternatif juga terpaksa difikirkan pihak berkuasa bagi mengurangkan kesesakan. Kami di Mersing sudah lama digembar-gemburkan dengan pembinaan jambatan baru dan juga *by pass*, dengan izin. Namun pada ketika ini masih belum menampakkan sebarang berita gembira. Endau mengetahui bahawa pembinaan jambatan baru akan menelan kos jutaan ringgit. Jadi, besarlah harapan Endau, agar masalah yang Endau utarakan saban tahun ini yang memberi kesan kepada daerah Mersing sekian lamanya dapat diselesaikan segera oleh pihak kerajaan. Ini adalah suara Endau buat kali ketiga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang ketiga sepanjang perkhidmatan Endau menjawat jawatan Wakil Rakyat bagi kawasan DUN Endau.

Yang Berhormat Puan Speaker, kedua adalah mengenai Perumahan Mampu Biaya iaitu satu keperluan. Endau ingin nyatakan secara jelasnya di Dewan yang mulia ini, bahawa di kawasan Endau khususnya dan Mersing umumnya, tidak terdapat satu buah pun rumah Mampu Biaya Johor yang dibina oleh pihak kerajaan. Endau sering diberikan jawapan bahawa tiada keperluan mendesak untuk membina Perumahan Mampu Biaya di kawasan Mersing dan Endau. Endau ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, berkaitan satu kes yang terjadi yang mungkin boleh menarik minat kerajaan untuk mengambil berat permasalahan perumahan yang Endau utarakan ini.

Umum mengetahui bahawa kerajaan negeri melalui Johor Land telah membina sebuah taman perumahan yang dinamakan Perumahan Taman Dato' Ajib yang mana tujuan pembinaan tersebut adalah bagi menempatkan mangsa-mangsa di kawasan di mukim Endau. Kerajaan negeri telah membina 146 unit rumah dua kategori iaitu Pakej A dan Pakej B. Daripada 146 unit rumah, 107 unit telah diisi oleh pemohon yang layak dan tinggal 39 unit yang kosong dan perlu diisi. Pihak kerajaan melalui Pejabat Daerah telah mengiklankan kekosongan ini dan mempelawa individu yang berminat untuk mengisi kekosongan yang ada. 39 kekosongan tapi YB Speaker tahu berapa jumlah borang yang diisi oleh pemohon yang berminat? Hampir 700 permohonan yang diterima oleh pejabat Daerah. Daripada 700 permohonan. Pihak urus setia terpaksa menyenarai pendek menjadi 100 orang sahaja untuk dipanggil temu duga. Lihatlah betapa mendesaknya keperluan rumah pada masa kini di daerah Mersing. Siapa kata tiada permintaan yang tinggi di Mersing dan siapa kata rumah akan kosong tidak dihuni di Mersing jika dibina di Mersing? Ini adalah retorik semata-mata.

Endau berharap agar Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Negeri Johor dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dapat memikirkan hal ini dan dapat mewujudkan Perumahan Mampu Biaya ataupun PPR di kawasan Mersing dan Endau.

Satu lagi Yang Berhormat Speaker, Endau juga telah berjumpa Setiausaha Politik kepada Yang Amat Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia bagi memanjangkan satu cadangan pembinaan Projek Perumahan Rakyat iaitu PPR di sebidang

tanah milik sebuah syarikat yang mana syarikat itu juga berminat untuk membinanya. Pembinaan PPR ini boleh menjadikan sehingga 1000 unit rumah secara strata. Secara dasarnya pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersetuju dengan cadangan ini dan Endau juga telah memandangkan hasrat ini kepada Yang Berhormat EXCO kerajaan negeri. Semoga perancangan yang akan memberi manfaat ini kepada rakyat ini dipermudahkan dan disokong penuh oleh pihak kerajaan negeri, Insya-Allah.

Ketiga, Endau ingin menyentuh soal pendidikan dan keperluan pembinaan Sekolah Menengah Kedua. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan sidang Dewan sekalian, buat masa ini terdapat hanya sebuah sekolah menengah sahaja di pekan Endau iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Ungku Husin. Jumlah murid terkini adalah seramai 1,182 orang iaitu 572 murid lelaki dan 610 murid perempuan. Bilangan guru pula adalah seramai 119 orang dan anggota kumpulan pelaksana seramai 21 orang. Keperluan pembinaan sebuah lagi sekolah menengah adalah kerana infrastruktur yang terdapat di SMK Ungku Husin telah mencapai kapasiti maksimum untuk menampung pertambahan jumlah murid setiap tahun. Cadangan pembinaan sebuah lagi sekolah menengah ini bukan satu isu baru kerana cadangan ini telah lama diutarakan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berkaitan keperluan pembinaan sebuah lagi sekolah menengah di kawasan Pekan Endau. Di sekitar pekan Endau, terdapat 6 sekolah kebangsaan, sebuah sekolah kebangsaan pedalaman iaitu SK Orang Asli Labung dan dua buah sekolah jenis kebangsaan Cina. Kesemua murid sekolah ini akan bersekolah di peringkat sekolah menengah di SMK Ungku Husin.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan sidang Dewan juga, murid-murid yang tinggal di kawasan Penyabung juga terpaksa bersekolah di SMK Ungku Husin yang mempunyai jarak sejauh 15km. Keadaan menjadi rumit apabila musim hujan kerana tidak semua murid di kawasan Endau ini mempunyai kemudahan kereta dan mampu untuk menyewa bas sekolah. Ketiadaan asrama juga menyebabkan murid-murid yang tinggal jauh terpaksa berulang-alik setiap hari untuk ke sekolah. Cadangan pembinaan sebuah sekolah menengah baru ini dicadangkan untuk dibina di kawasan Mukim Penyabung bagi memudahkan murid-murid yang tinggal di kawasan mukim ini dan mukim-mukim berdekatan. Oleh itu, Endau secara serius memohon agar pihak kerajaan negeri Johor dapat membawa permasalahan ini kepada pihak kerajaan persekutuan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk diberikan pertimbangan yang serius dalam menyelesaikan masalah ini agar kebajikan rakyat terus terbela. Terima kasih.

Yang keempatnya, kebajikan dalam menghadapi pandemik COVID-19. Dalam keadaan yang penuh mencabar ini, rakyat sangat memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan. Dalam waktu yang sama juga, pihak kerajaan perlu mengimbangkan antara kebajikan rakyat dan kelangsungan ekonomi negeri. Endau merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan negeri Johor kerana berjaya menyediakan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor yang berjumlah RM174.5 juta yang merangkumi 54 inisiatif dalam meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Endau ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk meneruskan beberapa inisiatif pada tahun hadapan memandangkan pandemik ini tidak tahu bila akan berakhir. Antaranya pemberian tunai bantuan ihsan COVID-19 Johor yang diberikan mengikut kelayakan iaitu RM250.00 atau RM500.00 diteruskan dan meningkatkan jumlah amaun ini. Rakyat sangat memerlukan bantuan-bantuan seperti ini terutama golongan B40 dan di kawasan Endau sendiri mempunyai ramai golongan B40 ini yang rata-ratanya bekerja sebagai nelayan, petani dan bekerja sendiri sebagai nelayan, petani dan bekerja sendiri. Endau berharap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan permohonan ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, selain itu Endau juga mengharapkan pihak kerajaan dapat meneruskan program Bank Makanan untuk golongan yang amat memerlukan dan menambah jumlah penerima dan peruntukan dalam menjayakan program ini. Endau juga memohon pihak kerajaan untuk melanjutkan tempoh pengecualian bayaran lesen

perniagaan yang akan berakhir pada bulan Disember 2020 ini. Kepada PKS kategori mikro yang berdaftar dan memiliki lesen perniagaan dengan PBT. Peniaga-peniaga ini masih bergelut untuk meneruskan kehidupan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang. Endau setuju dengan YB Machap dan juga berharap agar pihak kerajaan dan PBT dapat menyambung semula pengecualian bayaran tapak perniagaan bagi peniaga-peniaga pasar tani, pasar malam dan pasar pagi di semua kawasan PBT yang berakhir pada bulan Oktober 2020 yang lalu. Peniaga-peniaga ini perlu terus dibantu kerana mereka berniaga bukan untuk menjadikan kaya raya tetapi untuk mencari sesuap nasi demi keluarga dan anak-anak mereka.

Kerugian yang ditanggung oleh PBT tidaklah seberapa sangat jika dibandingkan dengan beban yang ditanggung oleh golongan-golongan ini. Perkembangan ekonomi juga sangat penting tapi pada masa pandemik ini, kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat jauh lebih penting dan mereka menanti bantuan daripada pihak kerajaan. Insya-Allah setiap apa yang kita lakukan ikhlas untuk rakyat, Allah akan membalasnya berlipat ganda kelak. Justeru, Endau berharap pihak kerajaan negeri Johor untuk terus melipat gandakan usaha membantu rakyat dalam keadaan yang penuh mencabar ini.

Yang kelima adalah kemudahan infrastruktur balai polis dan kebajikan anggota polis. Endau ingin memohon kepada pihak kerajaan negeri untuk menaik taraf balai polis dan juga menambah bilangan kuarters pegawai dan anggota polis di pekan Endau. Keadaan balai polis yang kecil dan kuarters polis yang sudah lama tidak di naik taraf sangat menyulitkan keadaan. Perlunya pembinaan balai polis baru yang lebih besar dan selesa berikutan pertambahan jumlah penduduk di pekan Endau yang memerlukan satu infrastruktur yang lebih lengkap dan selesa. Pembinaan kuarters baru juga sangat diperlukan kerana bilangan rumah yang sedia ada tidak mencukupi bagi menampung pertambahan jumlah anggota. Anggota yang tidak dapat tinggal di kuarters terpaksa menyewa di luar dan ada di antara mereka ini terpaksa berulang-alik dari bandar Mersing ke pekan Endau sejauh 30 kilometer. Keadaan ini perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan dalam kita menjaga kebajikan barisan hadapan negara kita dengan izin, *front liners*. Oleh itu, Endau mengharapkan pihak kerajaan negeri dapat mempertimbangkan permohonan dan mengajukannya kepada pihak kerajaan persekutuan khususnya Kementerian Dalam Negeri agar dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan dibentangkan pada tahun depan.

Yang keenam Yang Berhormat Puan Speaker, adalah mencipta peluang peniagaan dan pekerjaan kepada golongan B40. Di era pandemik COVID-19 ini lebih banyak pengangguran bakal berlaku di dalam hampir semua sektor pekerjaan. Suasana ini tidak terkecuali bagi kawasan Endau yang banyak bergantung kepada sektor pelancongan. Bagi menghadapi keadaan ini, Endau bersama beberapa agensi kerajaan seperti Pertubuhan Peladang kawasan Mersing dan LKIM Mersing sering berbincang bagi mencari jalan bagaimana mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru kepada penduduk di kawasan Endau khususnya bagi golongan B40. Sekor pertanian, penternakan ayam dan ikan air tawar serta penghasilan produk hiliran yang merupakan pekerjaan tradisi di kawasan Endau di lihat sangat berpotensi dimajukan berdasarkan sumber guna tanah yang terdapat di sini. Namun, dicadangkan pemajuan tanah secara integrasi dan berkelompok bagi sektor-sektor tersebut perlu dilaksanakan.

Yang Berhormat Puan Speaker, kami namakan pemajuan ini sebagai Projek Ekonomi Desa. Dalam kata yang lain, mohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor memberi kelulusan guna pakai rizab SPKR bagi dimajukan dengan Projek Ekonomi Desa di kawasan DUN Endau. Iaitu di mana baki kawasan tanah kerajaan bagi cadangan penempatan SPKR Jalan Pak Wan, Kampung Tenglu yang berkeluasan 20 ekar. Bahkan masih terdapat tanah-tanah kerajaan yang bersebelahan dengan Kawasan rizab SPKR ini yang boleh dimajukan. Secara umumnya tanah ini akan dimajukan dengan aktiviti-aktiviti seperti projek ternakan ayam daging, projek ternakan ikan air tawar, projek tanaman kontan, perusahaan produk

IKS. Kaedah pelaksanaan projek ekonomi desa ini adalah secara kerjasama strategik di antara beberapa agensi kerajaan seperti PPK Mersing, ECER, LKIM, RISDA, FAMA dan juga pihak swasta.

Sidang Dewan sekalian, melalui projek ekonomi desa ini dianggarkan akan menyediakan peluang pekerjaan seramai 230 orang pekerja tetap dan sambilan. Pelaksanaan projek ini juga adalah selaras dengan hala tuju pembangunan Mersing 2030 yang telah menetapkan sasaran melalui cadangan pengurusan aktiviti pertanian dan penternakan secara komprehensif dengan mewujudkan apa yang dipanggil sebagai kawasan tumpuan pembangunan pertanian iaitu ACDA. Diharapkan cadangan mewujudkan Projek Ekonomi Desa di kawasan DUN Endau mendapat sokongan dari pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Puan Speaker, semenjak Perintah Kawalan Pergerakan iaitu PKP dikuatkuasakan pada Mac 2020, sektor bekalan makanan iaitu agro makanan termasuk di dalam kategori perkhidmatan penting negara iaitu *essential services* dengan izin, yang dibenarkan beroperasi. Ini bagi menjamin bekalan makanan sentiasa mencukupi di sepanjang PKP dikuatkuasakan. Sebagaimana yang kita sedia maklum aktiviti yang terlibat di dalam agro makanan adalah seperti ternakan ruminan, unggas, ikan air tawar dan juga tanaman kontan. Mereka yang terlibat di dalam sektor ini seharusnya diberi penghargaan kerana mereka juga sebenarnya adalah wira negara. Tanpa usaha gigih mereka, negara akan menghadapi masalah bekalan makanan yang serius.

Walaupun pelbagai inisiatif baru telah disediakan kepada sektor agro makanan ini, namun masih terdapat isu yang terbelenggu kepada pengusaha agro makanan iaitu berkenaan kos bekalan elektrik.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya difahamkan oleh peserta TKPM dan juga pengusaha kolam ternakan air tawar, kadar tarif bil elektrik yang dikenakan kepada mereka pada masa ini adalah dalam kategori perdagangan komersial. Ini telah menyebabkan kos operasi bahan api mereka adalah tinggi. Sekali gus telah menyebabkan kos pengeluaran mereka menjadi tinggi, keadaan ini sering kali menjadi perbahasan di kalangan peniaga-peniaga yang mengatakan harga bekalan makanan tempatan lebih tinggi berbanding yang diimport dari negara jiran seperti Vietnam dan China.

Justeru, saya ingin mencadangkan dua langkah yang perlu diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini secara jangka panjang, yang pertama saya mencadangkan agar tarikh bekalan elektrik kepada aktiviti yang terlibat dengan sektor agro makanan ini dikurangkan kepada suatu tarif yang jauh lebih rendah berbanding sekarang. Saya percaya langkah ini akan membantu menjadikan sektor ini lebih berdaya saing di masa akan datang. Yang kedua, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan iaitu MAFI agar menambah peruntukan bagi menyediakan infrastruktur bekalan tenaga diperbaharui seperti sistem solar bagi aktiviti-aktiviti yang terlibat dengan sektor agro makanan ini. Secara jangka panjangnya sudah tentu para pengusaha akan dapat pengurangan kos bekalan elektrik bagi menjadikan sektor terus berdaya maju.

Yang terakhir adalah berkaitan dengan monsun dengan nasib nelayan. Sesungguhnya setiap kejadian yang berlaku di muka bumi adalah atas kehendak yang Maha Esa. (Bacaan ayat al-Quran). Kita merancang, Allah perancang, tetapi Allah sebaik-baik perancang. Kita sedang menghampiri penghujung tahun dan bermulalah monsun-monsun yang kita jangkakan akan menerima taburan hujan yang tinggi berserta lautan bergelora sehingga Mac tahun hadapan. Sudah pasti kawasan-kawasan yang berisiko dinaiki air atau banjir telah bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan dan pemantauan agensi keselamatan juga sudah dimaklumkan.

Endau dimaklumkan bahawa kemungkinan taburan hujan yang diterima atau bencana banjir yang mungkin melanda tahun ini adalah sama seperti kejadian tahun 2006 yang mana menyebabkan tenggelamnya bandar Kota Tinggi, nauzubillah, moga kita dilindungi. Bahkan kini para nelayan juga sudah tidak turun ke laut berikutan cuaca yang tidak menentu serta angin yang mula kuat membahayakan nyawa mereka. Sudah pasti hari ini mengakibatkan hasil perikanan berkurangan dan pendapatan nelayan juga turut terjejas. Dalam tempoh mempersiap siaga sebarang kemungkinan, Endau berharap agar kerajaan negeri dapat membantu dengan memberi insentif atau bantuan kewangan kepada para nelayan melalui persatuan nelayan yang ada di Mersing. Melalui penyaluran dana ini sudah pasti kita sebagai kerajaan telah sedikit sebanyak meringankan beban kepada nelayan. Di samping itu, persediaan sebelum banjir juga perlu kita diperhalusi dengan sebaiknya dengan menyediakan dana kewangan kepada Wakil-Wakil Rakyat yang kawasannya berisiko dilanda banjir kerana perbelanjaan ketika banjir adalah amat diperlukan bagi menjaga kebajikan penduduk yang terlibat. Walau bagaimanapun, Endau mendoakan agar negeri Johor terpelihara daripada bala bencana, insya-Allah, amin.

Yang Berhormat Puan Speaker, rasanya cukuplah lapan perkara yang Endau bangkitkan pada Sidang kali ini, kerana Endau cukup yakin pada kerajaan sentiasa cakna dan mengambil berat serta prihatin dengan setiap permasalahan yang diutarakan oleh Ahli Dewan sekalian. Besarlah harapan Endau setinggi gunung Arung agar kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor menimbangkan serta meluluskan isu-isu yang Endau bangkitkan. Jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana memperuntukkan RM450,000.00 bagi pembinaan infra dan pembangunan produk *agro eco tourism* di hutan Taman Negara Gunung Arung Mersing.

Dari Kedah ke pekan sari, beli suasa di Kota Tinggi, selesai sudah tugas diberi, di lain masa bersua lagi. Kalau pergi Tanjung Keramat, anak manis jangan diangkat, bersama kita memohon rahmat, moga sidang mendapat berkat. Kuih Bahulu tradisi kita, keropok Mersing pembuka selera, tangan dihulur maaf dipinta, agar ukhuwah terjalin mesra. Dengan ini Endau menyokong Belanjawan yang dibentangkan. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Mahkota. Jemput

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Bismillahirahmanirahhim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, terima kasih. Mahkota tertanya-tanya bilakah COVID-19 akan hilang atau tidak lagi menjadi permasalahan di negara, di dunia ini. Kerana kita bimbang semakin lama, pandemik ini berlaku, maka semakin ramailah mereka yang akan susah. Makin susahlah kerajaan hendak mencari wang, hendak memastikan bahawa segala keperluan rakyat yang benar-benar sebelum ini pun telah susah akan menjadi lebih susah lagi. Berapa banyak perniagaan yang telah tutup, berapa ramai orang-orang yang hilang pekerjaan dan berapa ramai yang menderita sebelum berjaya mengatasi? Bajet yang kita bincangkan adalah bajet tahun hadapan. Perancangan ke depan kita hendaklah melihat dengan lebih jauh, kerana jangan kita merancang hanya setahun ke setahun dan hanya menyelesaikan masalah-masalah dalam erti kata jangka pendek sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Speaker, pengangguran bertambah-tambah. Strategi dan pelaksanaan yang tidak cukup yakin yang dibuat oleh kerajaan ataupun mana-mana pihak akan menimbulkan satu konflik, permasalahan di kalangan individu dan permasalahan di kalangan mereka-mereka yang ingin terus hidup di dalam dunia ini. Saya yakin kebersamaan kita di dalam Dewan ini, perpaduan merentasi politik demi menjaga kepentingan rakyat saya mengharapkan supaya kita kebersamaan ini dapat kita lakukan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Belanjawan 2021 perlu menjadi pemangkin kebangkitan Johor dalam segenap aspek. Berjaya melawan COVID-19 bukan hanya melalui PKP atau darurat. Berjaya melawan COVID-19 bukan hanya mengelak daripada dijangkiti virus ini, sebaliknya berjaya melawan COVID bermakna kita berjaya mengekang penularan virus dan berjaya mengembalikan cara hidup yang produktif, ekonomi yang mampan, berdaya saing dan kehidupan yang bahagia.

Mahkota merasakan bahawa penubuhan sektor pertanian adalah satu langkah yang amat bertepatan dengan situasi sekarang. Sektor pertanian merupakan sektor yang paling stabil sekarang ini. Mengikut statistik 2019, sektor pertanian hanya menyumbang 12.2% atau RM16.4 bilion kepada ekonomi Johor berbanding 51.1% atau RM68.5 bilion sektor perkhidmatan tetapi permasalahannya, bila kita melihat apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor semalam, memperkatakan bahawa 58% keluasan tanaman nanas di Malaysia adalah di negeri Johor. Sehubungan itu, kerajaan negeri dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas akan meningkatkan pengeluaran nanas negara dengan peruntukan sebanyak RM19 juta. Kita mengharapkan satu peningkatan dari segi pulangan kepada kerajaan, pada rakyat tapi jumlah yang diperuntukkan amat rendah, RM19 juta, kalau kita kiralah, untuk makluman Puan Timbalan Speaker, untuk membiayai satu ekar nanas daripada mula tanam sampai kepada penghasilan, daripada *figure* yang saya perolehi lebih kurang dalam 40,000. 40,000 RM19 juta, baru lebih kurang 400, 500 ekar sahaja. Takkan negeri Johor bangunkan sebuah projek 400 ekar dengan dibiayai daripada kerajaan pusat. Bila nak capai kejayaan yang besar? Ini kita nak lihat, memang *figure* banyak RM19 juta, *is very big* tapi impaknya, mana?

Ini tak termasuk lagi kalau lain-lain kawasan seperti ada sahabat-sahabat ADUN mengatakan bahawa ada kawasan yang tidak dikerjakan dan sebagainya dan banyak juga kegiatan-kegiatan sektor-sektor yang telah diberikan peruntukan yang banyak tetapi tidak memberikan kesan yang baik kepada rakyat, tidak siapakah sebenarnya yang terlibat dalam tiap-tiap aktiviti yang telah diberikan peruntukan kepada rakyat pada sekarang ini. Industri ternakan daging, ruminan, unggas, potensi besar tetapi siapa yang *control* sekarang? Bukan di kalangan rakyat adalah dari kalangan kartel-kartel yang memegang hampir keseluruhan kegiatan pertanian di Malaysia sekarang ini. Sebab itu, bila kerajaan peruntukkan berapa banyak juga jumlah wang tetapi akhirnya segala-galanya akan gagal, tidak akan dapat menepati kehendak kerajaan yang melaksanakan projek-projek berkenaan. Saya tidak pandai bercakap nak menunjukkan cara-cara yang terbaik tetapi sekurang-kurangnya kita ada 56 wakil di sini dapat berfikir ke mana arah negeri Johor nak membawa bidang pertanian. Kalau bercakap dalam Dewan dengan secara gah dan kebolehan masing-masing dengan tidak memberi kesan saya rasa *it is not the right place* untuk bercakaplah. Kaedah mentor dan *mentee*, saya rasa ini satu kaedah yang agak baiklah. Ada yang telah berjaya, orang berjaya inilah membimbing mereka-mereka yang belum berjaya tetapi adakah kaedah ini ada dijalankan sekarang? Atau pun boleh beri satu petunjuk, satu contoh di mana, kumpulan mana yang melaksanakan perkara-perkara yang sebegini? Saya agak tertarik dari segi isu FELDA lah kerana baharu-baharu ini ada peruntukan sebanyak lebih kurang RM1 bilion diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan kepada FELDA untuk melaksanakan seperti apa yang ada tercatit dalam infografik persembahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam dari segi FELDA iaitu Program Pembangunan Peneroka. Saya nak bacakan sedikit satu kenyataan, Program Pembangunan Peneroka mula disebut semasa pembentangan kertas putih FELDA yang dulu. Sebanyak RM1 bilion, saya nak tahu bila kerajaan negeri Johor ataupun pembentangan bajet semalam telah dinyatakan bahawa FELDA ada terlibat telah bersama-sama membangunkan negeri Johor, di Rancangan mana peruntukan ini akan disampaikan? Siapa yang hendak laksanakan? Peneroka, Generasi Ke-2, Koperasi dan sebagainya. Jadi, supaya kita lebih khusus untuk membolehkan bahawa apa yang kita berikan, apa yang ingin kita capaikan akan dapat kita terima bila sampai pada masa, hasil-hasil yang akan dikeluarkan.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, ekonomi dalam negeri juga perlu disuburkan. Dalam pemahaman mudah membantu ekonomi rakyat, memastikan rakyat mempunyai kuasa membeli atau pendapatan walaupun ketika pandemik tetapi sekarang jadi masalah. Saya ini tinggal di Kluang, satu bandar yang memang maju, pelbagai bangsa tinggal di sana dan yang kita lihat dalam keadaan penduduk tempatan tidak ada kerja tetapi warga-warga asing boleh bekerja dan mendapat pendapatan yang agak lumayan. Kenapa perkara ini boleh berlaku? Tidakkah boleh sekarang kita perketatkan satu peraturan warganegara asing, kamu boleh duduk di Malaysia untuk buat masa sekarang waktu pandemik kamu hanya bekerja di bahagian perladangan dan pembinaan. Ini tidak, isi minyak dekat pam pun masih dia lagi dan kerja-kerja yang mudah. Saya agak malu kalau perkara ini berterusan tetapi rakyat kita seperti yang dinyatakan bahawa ada yang duduk di Singapura jadi gelandangan. Rakyat luar negeri duduk Malaysia ada yang gelandangan, saya pun tak nampak, rakyat Malaysia jadi gelandangan ada. Sebab itu dekat sini pula ada satu infografik Johor Berkebajikan, Program Com, cari orang memerlukan bantuan, tak payah cari memang jumpa, jalan sahaja di mana-mana kita akan jumpa orang memerlukan bantuan, apa ini? Tumpuan kepada masyarakat bandar, luar bandar, FELDA, ladang, kawasan pendalaman di negeri Johor. Tak payah cari, *you* datang Kluang dekat Flat Haji Manan, nak cari 50 orang pun ada dekat bawah itu. Ini semua orang susah, bukan orang senang, kita duduk sini senang.

Menurut Rancangan Tempatan Daerah Kluang 2030, penggantian yang kini dalam proses publisiti dan penyertaan awam telah menggariskan teras ketiga Kluang berdaya huni dan komuniti eksklusif. Kluang akan menjadi sebuah bandar, dormitori ataupun pusat perumahan untuk kawasan sekitarnya. Masalahnya, rumah-rumah bila sampai Bumiputera punya, memang mahal, tak payah B40 memang tak mampu nak beli dalam keadaan sekarang. *They can't afford to buy*, dia tak boleh buat pinjaman di bank. Macam mana kita nak membentuk satu masyarakat, kebersamaan dalam sebuah bandar macam di Kluang. Kalau masyarakat B40 tak mampu membeli rumah, kerana banyak kekangan-kekangan bukan sahaja dari segi pinjaman, dari segi kaedah pemaklumannya pun agak susah dan sukar untuk difikirkan.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, ini tentang *Majestic Johor*, saya merayulah walaupun telah dibuat keputusan bahawa cuti kita *Friday*, kita nak galakkan apa itu *tourist*, kita nak menggalakkan kita ini berkeluarga dalam keadaan yang selesa dan kerana melalui pelancongan ini juga akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Cuti yang tidak selaras sebenarnya memberi kesan kepada sektor pelancongan. Ini cuba fikirkanlah, saya cuma merayu sahajalah untuk kepentingan sejauh mana benda ini boleh memberi kebaikan atau pun tidak. Cuma kerajaan sekarang di bawah pimpinan yang baru kerana kalau ada hal cuti Ahad kerana semua orang dapat bersama-sama dan cuti-cuti kalau tak nanti ada separuh *Friday*, separuh *Sunday*, kemudian lagi satu dari segi insentif percutian perlu diberikan kepada golongan kurang kemampuan. Ini yang mampu sahaja dia pergi makan angin dapatlah, yang tak mampu tak dapat apa-apalah. Mengapa tidak lebih terbuka seluruh rakyat boleh dapat dalam bentuk yang berlainanlah.

Kemudian peruntukan RM5 juta untuk membangunkan dan menaikkan taraf prasarana pelancongan negeri Johor perlu mengambil kira kemahuan rakyat, permintaan dan pulangan pada ekonomi. Jangan seronok-seronok, syok-syok sendirilah kerana saya ambil contoh dekat Kluang pun ada, ini bukan saya nak memburukkan mana-mana pihak, benda dah berlaku, berlaku tetapi jadikan pengajaran. Sebuah *extreme park* dibina di Kluang sampai sekarang tak guna. Itu contoh, saya tak akan menuduh siapa-siapa melibatkan sebenar cuma saya minta ke depan, kita ini bersama duduk dalam ini, sama-sama bertanggungjawab, kerajaan ke, pembangkang pada saya kita sama. Jadi kalau ini satu contoh di tempat YB-YB yang lain, saya ingat sama sahajalah.

Mahkota bersetuju adalah kerajaan negeri memberikan bantuan kewangan kepada rakyat. Wang tersebut akan digunakan semula untuk menjana ekonomi apabila digunakan pembelian barangan dan perkhidmatan. Cuma kadar-kadar, Mahkota mencadangkan peruntukan pemberian wang tunai *one-off* RM300.00 selama dua bulan dinaikkan RM500.00 diluaskan kepada golongan B40 dan bukan hanya kepada senarai e-Kasih. Pandemik COVID-19 telah menjejaskan ramai rakyat, oleh itu pemberian perlu diberikan kepada golongan yang paling terjejas iaitu B40. Bantuan tunai RM200.00 kepada 17,000 individu terjejas hendaklah dipanjangkan tempoh pendaftaran, jangan 14 hari, *is too short*. Pemandu *e-hailing* dan penghantar makanan, tadi pun ada disebutkan saya ingat, cuma saya nak mencadangkan akan berikan macam *some sort* macam insurans tambahan untuk melindungi mereka, dia orang naik motor ini selalu *accident*, kesian ada keluarga, ada anak, kalau meninggal dah tinggalkan anak tiga, empat orang, menjanda 30 tahun, menjanda 10 tahun. Begitu juga dengan pemandu teksi, kita dapat berikan perhatian yang lebih kerana banyak teksi-teksi di Kluang ini banyak tidak bergerak. Pendapatan mereka memang terjejas.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Mahkota mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah meminta Pakatan Rakyat mentadbir kerajaan lalu kerana mewariskan sumber-sumber yang mencukupi. Dalam keadaan sekarang, tentunya kewangan-kewangan yang terdahulu dapat kita gunakan sekarang. Lazimnya, kita nak melihat supaya tidak ada berlaku pembaziran dan pembangunan yang kita lakukan hendaklah kita lihat dari segi kepentingan bagi tiap-tiap PBT dan juga pejabat-pejabat yang kita uruskan dari hari ke hari. Oleh itu, senarai yang diluluskan yang tidak selari dengan kehendak rakyat hendaklah kita fikirkan kerana kadang-kadang banyak projek. Saya ingat saya antara Wakil Rakyat jarang-jaranglah dipanggil untuk berundinglah dalam tiap-tiap apa juga perancangan-perancangan yang dibuat.

Mahkota mencadangkan satu mekanisme dibuat agar setiap projek yang ingin dilaksanakan perlu dibincang dan perlu mendapat maklum balas daripada ADUN kawasan tersebut. Mekanisme ini juga sekurangnya dapat memaklumkan ADUN mengenai projek yang akan dilaksanakan agar mudah diberikan penerangan kepada penduduk setempat. Oleh itu, Mahkota mencadangkan sebuah portal yang boleh diakses untuk melihat semua projek pembangunan yang akan dilaksanakan, status dan syarikat yang melaksanakan. Melalui portal ini juga ADUN-ADUN boleh menyalurkan maklumat permohonan dikemukakan kepada pejabat mereka.

Saya nak membangkitkan juga kerjasama dengan syarikat korporat dan persatuan NGO. Program CSR, tajaan, *sponsorship* perlu digalakkan dan dipermudahkan. Program-program CSR, tajaan seperti gotong-royong, pembersihan, perkhidmatan kepada rakyat dapat meringankan bebanan kewangan yang perlu ditanggung oleh PBT ataupun agensi kerajaan. Di waktu pandemik ini, pihak korporat, GLC dan GLIC tolong-menolong dalam memastikan perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas walaupun terdapat pemotongan peruntukan. Galakan-galakan Program CSR dan tajaan ini merupakan manifestasi kerjasama strategik antara kerajaan negeri dan syarikat korporat, persatuan bukan kerajaan dan pihak-pihak yang melaksanakan. Saya ambil sebagai contoh, Projek Johor Free Wifi 2.0, jumlah kos RM10 juta selama 5 tahun. Boleh ditanggung oleh gabungan syarikat komunikasi yang beroperasi di negeri Johor. Kita takkan tak boleh, *government* tak boleh bincang dengan mereka?

YB Timbalan Speaker : YB, sila gulung.

YB Tuan Muhammad Said bin Jonit (Mahkota) : Jadi, untuk ini dapat kita fikirkan yang terbaiklah. Saya ada dua tiga perkara juga tambahan lagi tapi sebenarnya tak apa, saya akan salurkan cara yang lainlah. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan

Speaker kerana telah membenarkan saya untuk menyampaikan hujahan saya pada kali ini. Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan persidangan ini selama 20 minit dan persidangan ini akan disambung pada pukul 4.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.40 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4.00 petang.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula. Yang Berhormat Bentayan, jemput. Oh, *sorry.* Yang Berhormat Jementah, jemput.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Speaker, terlebih dahulu ingin saya merakamkan penghargaan saya setinggi-tingginya kepada barisan hadapan di dalam semua lapisan masyarakat dan sektor yang telah mengorbankan masa dan nyawa mereka untuk memastikan kita mempunyai satu suasana yang selamat daripada pandemik COVID19. Ribuan terima kasih barisan *front liners*.

Memang benar, bukan sahaja tanah air kita sedang melalui suasana yang *unprecedented,* keadaan yang mencabar dan tidak menentu kerana pandemik ini. Yang mana di dalam teks ucapan Belanjawan 2021, Yang Amat Berhormat telah membangkitkan kesan-kesannya ke atas negeri Johor. Persoalannya, apakah kita telah bersedia mengharunginya dan menerima cabarannya agar impak dan kesan pandemik dapat diminimumkan ke atas warga Johor dan ekonomi negeri Johor? Suasana tanah air kita bukan sahaja berlatar belakang suasana tidak menentu disebabkan oleh pandemik tetapi juga isu kestabilan politik. Kerajaan boleh menggariskan perancangan, meluluskan perbelanjaan, mengagihkan peruntukan tetapi sekadar mana ia akan memberi hasil yang dirancangkan atau yang diniatkan. Kata kuncinya perlu, wajib, mandatori, ada perubahan minda dan perkataan perlaksanaan polisi perancangan untuk menyesuaikan dan menerima keadaan yang *unprecedented* ini oleh pimpinan kerajaan.

Yang Amat Berhormat ada menyentuh pimpinan Yang Amat Berhormat melalui *real test of leadership* dan diikuti dengan kata-kata "*and I believe, we will collectively overcome it".*

Yang Berhormat Speaker, kita boleh melihat apabila Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan pada bulan Mac, NGO-NGO, persatuan-persatuan dan organisasi-organisasi telah turut memainkan peranan untuk menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan tanpa mengira kaum dan bangsa. Ini adalah semangat yang kita merasa amat ampuh sebagai warganegara Malaysia. Yang Amat Berhormat ada menegaskan keperluan kerjasama antara agensi kerajaan, pihak swasta, pemimpin-pemimpin komuniti setiap rakyat Johor, malah ADUN-ADUN kerajaan dan pembangkang di dalam suasana pada hari ini. Apakah pimpinan Yang Amat Berhormat bersedia menjadi contoh kepada kerajaan negeri yang lain dengan mengambil satu *unprecedented move* dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri daripada kerajaan dan pembangkang untuk meneliti, merancang, menangani isu-isu berbangkit akibat pandemik ini termasuk ekoran daripada penutupan sempadan, perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan lain-lain keputusan daripada Majlis Keselamatan Negara di peringkat persekutuan.

Di saat yang genting ini pimpinan kerajaan seharusnya menggunakan kesemua sumber dan tenaga yang sedia ada untuk menangani kesan pandemik ini. Pihak kami, pembangkang ini mewakili 27 kerusi lebih kurang 50% suara warga Johor. Peruntukan tambahan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri dari pembangkang yang diumumkan memang dapat memanfaatkan pengundi-pengundi kawasan kami di mana aduan-aduan dan keperluan

mereka dapat diambil tindakan tanpa melalui birokrasi pentadbiran negeri. Tetapi ini tidak mencukupi. Yang Amat Berhormat mesti bersedia mengetepikan perbezaan politik dan menerima pandangan pihak kami untuk bersama-sama mengharungi cabaran pandemik ini.

Yang Berhormat Speaker, salah satu strategi pemulihan ekonomi Johor yang telah dibangkitkan di dalam ucapan Yang Amat Berhormat adalah melalui Agenda Jaminan Bekalan Makanan negeri Johor iaitu sektor pertanian dan industri makanan di Johor diberi penekanan. Menurut statistik terdapat lebih kurang 72,083 orang petani di negeri Johor yang hanya dapat mengusahakan 17,855 hektar tanah di mana lebih kurang 60% daripada petani tidak mempunyai tanah milikan sendiri. Selain gerakan dalam bentuk insentif, inisiatif di bawah strategi Johor dan pengurangan 50% daripada ubah syarat, kerajaan seharusnya mengambil kesempatan ini untuk menarik minat lebih ramai anak muda terhadap bidang pertanian serta mengekalkan mereka yang sedang di dalam bidang pertanian ini dengan memberi keizinan dan sokongan kepada mereka untuk mengerjakan tanah terbiar yang sesuai untuk pertanian dan tidak menimbulkan isu-isu alam sekitar. Petani-petani yang sedia ada dan bukan mengusahakan tanah milikannya sentiasa di dalam kerisauan untuk melabur dan menaik taraf sistem perparitan atau menerima pakai teknologi yang terkini untuk mengoptimumkan hasil tanamannya. Pada masa inilah jika kerajaan benar-benar ikhlas ingin membantu para petani untuk jangka masa panjang dan menjayakan agenda kerajaan ini, isu ketiadaan tanah untuk menjalankan aktiviti pertanian, penternakan harus ditangani dengan serta-merta. Ini bukan masalah yang baru tapi telah sedia ada sepanjang masa ini.

Apakah sepanjang masa ini kerajaan ada meluluskan apa-apa tanah terbiar kepada individu-individu untuk tujuan pertanian? Ini soalannya. Tetapi saya mengingatkan kerajaan agar tidak sekali sekala mengambil peluang ini pula untuk menghalau individu-individu yang sedang mengerjakan tanah terbiar kerajaan atau agensi kerajaan dan melabel mereka sebagai penceroboh tanah milikan kerajaan dan kemudiannya meluluskan kepada pihak yang lain. Tambahan, saya turut dimaklumkan bahawa terdapat petani yang mengalami kesulitan untuk mendapatkan kelulusan di dalam permohonan sijil-sijil pengiktirafan seperti *MyGAP* dan *MyOrganic* kerana mereka bukan pemilik atau penyewa tanah. Ekoran itu, tanpa sijil berkenaan, timbul isu pemasaran produk-produk mereka.

Selanjutnya, peruntukan berkenaan RM6 juta untuk kawasan tanaman seluas 2,168 hektar berkenaan. Apakah ia untuk perbelanjaan pengusaha dalaman atau industri yang sedia ada ataupun ia adalah satu bentuk galakan kepada individu untuk membangunkan tanah pertanian mereka yang telah terbiar? Saya turut tertarik dengan Agenda Jaminan Bekalan Makanan negeri ini yang menyatakan hasrat kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian tetapi persoalannya yang ingin ditanya, adalah adakah ia satu agenda masa panjang? Bukan sahaja memainkan peranan untuk ketahanan ekonomi sebagai pengeksport yang menjana hasil tetapi juga menjana bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat kita sendiri agar penggantungan bekalan makanan kepada import sebanyak 30% dapat dikurangkan dan memenuhi bekalan makanan sendiri dengan konsep *self sufficient*.

Yang Berhormat Speaker, saya menyambut baik pemahaman kerajaan bahawa penerimaan agenda digital adalah satu kewajipan dan keperluan dan bukan kemewahan atau pilihan ekoran penularan pandemik COVID-19 ini. Cabaran dan rintangan yang dibawa pandemik ini patut dijadikan satu kesempatan dan tolakan kepada pemimpin kerajaan, sektor awam, swasta dan setiap lapisan masyarakat mengubah cara kerja. Pendekatan perniagaan dan memasarkan produk mereka di dalam ucapan Yang Amat Berhormat ada memberi jaminan bahawa dalam tahun hadapan agenda ini dapat diperluaskan atau dicapai di mana perlaksanaannya akan memanfaatkan rakyat Johor.

Sektor awam adalah antaranya jentera pelaksana polisi perancangan pembangunan kerajaan negeri. Sistem penyampai sektor awam juga adalah satu faktor pertimbangan pelabur selain kestabilan politik dalam negara. Oleh itu, sektor awam patut dijadikan perintis atau pemimpin Agenda Johor Digital. Apakah kesediaan sektor awam bergerak ke arah Agenda Digital Johor ini? Apakah jenis program yang dirancangkan di bawah Program Penggalakan dan Promosi Perkhidmatan Digital dengan peruntukan RM700,000.00 berkenaan. Tambahan itu, peruntukan RM700,000.00 yang lain pula untuk Program Pemantapan Kemahiran dan Pembangunan Bakat dalam bidang IT, kumpulan penjawat awam peringkat mana dan berapa orang yang akan dilantik atau akan mendapat manfaat daripadanya.

Sejak pandemik ini, ada di antara jabatan kerajaan telah memendekkan waktu urusan di kaunter, mengurangkan kapasiti kakitangan hadir untuk bekerja di pejabat di mana saya percaya telah secara tidak langsung melambatkan kelancaran sistem penyampaian. Malahan, saya percaya ia turut mengganggu sistem kutipan hasil oleh kerajaan negeri melalui urusan di kaunter. Saya turut percaya jika peruntukan di bawah program ini betul-betul digunakan seperti yang dirancangkan ia bukan sahaja dapat menambah nilai sistem penyampaian tetapi juga mengurangkan keluhan orang ramai terhadap kelewatan mengambil tindakan terhadap aduan dan permohonan dan masa menunggu. Norma baharu hendaklah dijadikan peluang untuk memperbaiki menambah nilai perkhidmatan sektor awam kepada orang ramai.

Yang Berhormat Speaker, sebelum pandemik tidak kurang daripada 400,000 warga Malaysia bekerja di Singapura. Kesan daripada pandemik ini dan penutupan sempadan, saya percaya tidak kurang juga rakyat Johor yang bekerja di Singapura kehilangan kerja mereka. Ada di antara mereka perlu mengekalkan kerja mereka tidak dapat pulang ke Malaysia untuk melawat isteri dan anak mereka ataupun ibu bapa mereka. Sementara itu, ada yang memilih untuk kembali ke Malaysia sebelum penutupan sempadan agar dapat bersama keluarga mereka. Apakah kerajaan mempunyai apa-apa perancangan untuk mengambil kesempatan ini untuk menarik balik dan mengekalkan tenaga kerja ini di dalam negeri Johor? Saya turut tertarikh dengan jawatankuasa yang dikatakan ditubuhkan oleh kerajaan persekutuan untuk menambah baik pangkalan data rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Saya ingin tahu apakah data yang dikumpulkan dan tujuannya kegunaannya?

Yang Berhormat Speaker, perkhidmatan seperti bekalan air, elektrik dan jalur lebar adalah keperluan asas. Saya akan menyentuh isu bekalan air di mana Yang Amat Berhormat turut menyatakan komitmennya untuk membekalkan kualiti air bersih kepada rakyat Johor. Menurut statistik dalam Laporan Ekonomi Negeri Johor 2018 - 2019, penggunaan air di negeri Johor telah meningkat dengan ketara setiap tahun. Contohnya, penggunaan 479 juta meter padu pada tahun 2018, 2017 ke 501 juta meter padu tahun 2018. Peningkatan penggunaan air yang ketara ini adalah selaras dengan peningkatan jumlah populasi dan pembangunan pesat sektor perindustrian di negeri Johor. Untuk memastikan bekalan air terawat adalah memadai dengan peningkatan penggunaannya, kecekapan pengurusan bekalan air mentah adalah amat penting supaya air mentah dapat dirawat dan disalurkan kepada pengguna-pengguna tanpa menimbulkan masalah bekalan air terawat terganggu.

Dalam Belanjawan 2021 beberapa inisiatif telah diumumkan untuk memperkasakan pengurusan sumber air mentah, selain daripada menaik taraf BAKAJ kepada Lembaga Pengurusan Air Johor, menaik taraf *barrage* Sungai Johor dan lain-lain. Antaranya yang amat penting pada pendapat saya adalah pemasangan sistem pemantauan atas talian dan penggunaan teknologi Johor *Special* dengan perbelanjaan sebanyak RM1.7 juta untuk memantau pencemaran dan kualiti air sungai-sungai yang membekalkan air mentah kepada loji-loji rawatan air. Penggunaan teknologi moden ini untuk memantau, untuk pemantauan pencemaran air sungai seharusnya dimaksimumkan dengan sebaik-baiknya sebagai langkah *preventive* untuk membolehkan pihak BAKAJ mengambil tindakan dengan segera

sekiranya berlaku pencemaran dan tidak menjejaskan bekalan air mentah ke loji-loji rawatan air yang boleh mengakibatkan penutupan loji-loji rawatan air dan bekalan air terawat ke pengguna-pengguna terputus.

Saya ingin mencadangkan bahawa sistem pemantauan atas talian ini diperluaskan kepada semua sungai-sungai yang membekalkan sumber air mentah ke loji-loji rawatan air di negeri Johor. Bagi memastikan kelestarian bekalan sumber air mentah juga terdapat beberapa cadangan pembinaan fasiliti-fasiliti bekalan air yang telah dirancangkan oleh kerajaan sebelum ini. Yang pertama, pembinaan Loji Rawatan Air Kahang dengan anggaran kos RM125 juta untuk merawat air mentah daripada Empangan Kahang. Yang kedua, pembinaan *barrage* Sungai Johor, Sungai Muar, maaf sebagai langkah mengatasi kemasukan air masin ke loji rawatan. Dan yang ketiga, pembinaan Empangan Sedili Besar dengan kos sebanyak RM300 juta. Yang keempat, projek penyaluran air mentah melalui paip sejauh 160 kilometer berserta sistem pam dari Sungai Endau ke Empangan Sedili Besar dengan kos RM2.2 bilion. Keempat-empat ini Jementah memohon kerajaan negeri memaklumkan status terkininya dalam Dewan yang mulia ini. Tidak kurang juga statistik gangguan bekalan air di negeri Johor dan kawasannya serta jangka masa pendek mengelakkan dan mengurangkan dan perancangan jangka masa panjangnya.

Yang Berhormat Speaker, sebanyak RM4.2 juta dicadangkan diperuntukkan untuk inisiatif perpaduan kaum dan komuniti. Inisiatif kelima yang dinyatakan adalah melibatkan penubuhan satu Jawatankuasa *Task force* Masyarakat India bagi meneliti dan menyelesaikan isu-isu tertangguh kaum India. Saya memberikan sokongan kepada hasrat dan kerajaan untuk menyelesaikan isu-isu tertangguh di kalangan kaum India. Setakat ini apakah isu yang dikenal pastikan oleh kerajaan negeri? Sejauh mana kerajaan persekutuan memberi kerjasama untuk mengatasi isu-isu yang di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan. Apakah komposisi ahli-ahli jawatankuasa *task force* ini dan apakah NGO turut dilibatkan bersama di dalam *task force* ini serta amaun yang diperuntukkan?

Yang Berhormat Speaker, pandemik ini turut menjejaskan sumber pendapatan keluarga, ada di kalangan suri rumah tangga dan juga wanita yang bekerja turut membuat kerja sambilan untuk membantu menyara sara hidup dan keperluan keluarga. Oleh itu, *facebook group* kini menjadi antara platform memasarkan produk. Menerima tempahan masakan, hasil kerja tangan mereka. Di dalam aspek ini, apakah inisiatif di bawah peruntukkan RM2.3 juta dapat dihulurkan untuk membantu mereka mengharungi cabaran kesempitan kehidupan di dalam tempoh ini? Seterusnya, menurut satu sumber NGO di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan terdapat peningkatan aduan kes keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Berapakah aduan yang diterima oleh PDRM negeri Johor dan talian kasih negeri sejak PKP sehingga kini?

Yang Berhormat Speaker, akhir kata setiap tahun terdapat penemuan kelemahan pengurusan peruntukkan perbelanjaan dilaporkan di dalam laporan audit. Perancangan yang telah digariskan akan memberi hasil atau memanfaatkan golongan yang disasarkan adalah bergantung kepada kemampuan jentera pelaksananya. Memang benar ada faktor ekonomi global di luar kawalan pimpinan kerajaan tetapi di dalam pengurusan kewangan negeri apa-apa pun peruntukan yang diluluskan di Dewan ini kerajaan sentiasa harus bersikap tanggungjawab untuk memastikan ketiadaan ketirisan, kebocoran dan *accountable* kepada warga Johor.

Yang Berhormat Speaker, terima kasih atas keizinan untuk saya berucap dalam perbahasan Belanjawan 2021 ini. Saya berharap semua peruntukkan, semua kerja baik, semua usaha kita pada Belanjawan 2021 ini dapat dimanfaatkan kepada warga Johor secara keseluruhannya. Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih. Sekian.

YB Timbalan Speaker : Seterusnya Yang Berhormat Senggarang. Jemput

YB Tuan Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Puan Speaker, terlebih dahulu patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah.

Yang Berhormat Puan Speaker, terima kasih kerana telah memberi peluang untuk Senggarang berucap dalam Dewan yang mulia Dewan Undangan Negeri Johor pada kali ini. Senggarang memulakan ucapan ini dengan luahan rasa prihatin Senggarang terhadap kumpulan barisan hadapan yang sedang berjuang melawan musuh bersama negara iaitu COVID-19. Syabas dan terima kasih di atas segala pengorbanan dan gerak usaha mereka yang bertungkus lumus bagi memastikan kesejahteraan negara terus terpelihara. Luahan simpati ini juga adalah luahan daripada hati seluruh warga kawasan DUN Senggarang. Senggarang juga mengucapkan takziah kepada waris-waris dan keluarga mereka yang terkorban oleh serangan COVID-19 ini. Sesiapa yang meninggal dunia kerana wabak seumpama COVID-19 dianggap sebagai mati syahid. Sebagaimana yang telah difahami daripada hadis-hadis yang sahih, insya-Allah.

Yang Berhormat Puan Speaker, Senggarang juga ingin meluahkan rasa simpati terhadap rakyat negeri Johor bahkan seluruh Malaysia yang terkesan oleh pandemik COVID-19 ini. Seperti yang kita maklum, ada di antara mereka yang hilang pekerjaan dan hilang sumber pendapatan, ada yang terpaksa tutup kedai kerana ketiadaan pelanggan. Ini adalah secebis gambaran fenomena kesusahan yang sedang dihadapi oleh rakyat ketika ini. Semoga Allah SWT akan mengangkat ujian pandemik COVID-19 ini dengan kadar yang segera, insya-Allah.

Yang Berhormat Puan Speaker, Senggarang juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Belanjawan Negeri Johor 2021. Terima kasih di atas peruntukkan RM150,000.00 kepada kami daripada ADUN-ADUN pembangkang dan kalau boleh lebih sikit lagi, insya-Allah.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam perbahasan kali ini Senggarang ingin menyentuh tiga perkara iaitu pertama, sektor perhutanan, kedua, sumber air bersih dan ketiga iaitu perbandingan dalam beragama. Dalam suasana keluh kesah rakyat, ketika ini Senggarang meneliti suatu fakta yang terdapat dalam buku Belanjawan 2021 yang dirasakan bertentangan dengan apa yang Senggarang percayai selama ini. Semua rakyat beranggapan sumber pendapatan negeri Johor ini sebahagiannya ditampung, sebahagian besarnya melalui hasil-hasil bumi seperti kayu balak, pasir, batu batan dan lain-lain mineral. Hakikat sebenar yang berlaku sekarang tidak seperti yang kita tanggapi.

Setelah Senggarang membuat semakan, buku Belanjawan 2021 Senggarang mendapati belanja emolumen dan penyelenggaraan Jabatan Perhutanan Negeri Johor lebih RM17 juta sementara kutipan cukai hasil balak hanya sekitar RM7 juta setahun. Mengikut semakan laman web yang Senggarang buat semakan Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang dulu-dulu, yang lepas. Hasil hutan 2008 sahaja adalah RM26 juta, maknanya susut dah jauh. Dengan perkataan yang lain, Jabatan Perhutanan Negeri Johor bukan lagi sebagai penyumbang hasil kepada kerajaan negeri sebaliknya ia menjadi liabiliti atau bebanan kepada rakyat negeri ini yang terpaksa menampung RM10 juta untuk biayai pengurusan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Senggarang telah membuat beberapa komentar sebelum ini. Di mana berlaku ketirisan dalam keseluruhan proses pengeluaran hasil hutan iaitu bermula dengan proses pengurniaan sesuatu kawasan pembalakan, pengeluaran lesen

pembalakan, mengukur persempadanan, penebangan kayu, pembayaran cukai dan sebagainya. Penggunaan kawasan pembalakan hanya terhad kepada golongan tertentu sahaja dan tidak dilakukan secara tender yang terbuka. Sebagai contoh, di atas nama Bumiputera, kerajaan memperuntukkan Skim Kurniaan Kuota kepada kilang. Kilang papan Bumiputera di mana Bumiputera yang memiliki kilang-kilang tersebut hanyalah sebahagiannya adakala ia penama sahaja dan hanya mengambil dalal sedangkan semua operasi dilakukan oleh bukan Bumiputera. Pengurniaan kawasan pembalakan kepada pihak tertentu atas tiket Bumiputera juga menjadi persoalan. Mereka yang mendapat konsesi akan menjual kawasan pembalakan mereka kepada pihak lain yang kebanyakannya bukan Bumiputera. Pengurniaan kawasan dan operasi penebangan hutan juga dilakukan dengan tiada berperaturan, menurut maklumat yang Senggarang perolehi berlaku kes-kes tolak ansur yang merugikan pihak kerajaan, sempadan boleh di laras ke kawasan yang lebih padat kandungan kayunya dan sebagainya. Pembalak bukan sahaja menebang pokok yang bertanda tapi pokok-pokok lain juga habis ditebang tidak mengikut Sistem Pengurusan Memilih (SMS) selaras dengan konsep pengurusan hutan secara berkekalan. Ada kes-kes tertentu, di mana perdu atau pangkal pokok tak bertanda tersebut ditimbus telah ditebang bagi mengelakkan bukti rekod penebangan penuh dengan penipuan.

Yang Berhormat Puan Speaker, semasa mengukur kayu balak untuk membayar cukai, pembayar cukai hanya mencatat saiz-saiz kayu kecil atau disebut sebagai kayu jaras bagi menggantikan kayu bersaiz besar dalam borang-borang percukaian sehingga dikatakan pembalak-pembalak tersebut hanya membayar kurang 20% dari jumlah cukai sebenar yang sepatutnya dibayar dalam setiap muatan lori pengangkut kayu balak. Terdapat kes-kes di mana pembalak langsung tidak membayar cukai atau dalam istilah pembalakan cukai terbang.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya maklum pada 24 November terdapat isu di mana Ketua Polis Johor, Dato' Ayub telah turun ke kawasan Hutan Lenggong untuk menyiasat dakwaan-dakwaan kecurian kayu-kayu balak. Tahniah kepada mereka yang diketuai oleh Ketua Polis Johor. Ada sesetengah pengusaha yang berkesedaran telah melakukan penangkapan ke atas lori-lori balak yang membawa muatan tidak bercukai. Begitu juga tangkapan kepada kilang-kilang papan yang membeli kayu-kayu yang tidak bercukai. Tetapi berakhir dengan tindakan ala kadar sahaja dan saya harap perkara ini diambil serius oleh pihak yang berkuasa.

Senggarang sendiri telah membuat aduan kepada SPRM tetapi setakat ini tiada tindakan malah seolah-olah ada kesefahaman di antara mereka sehingga aduan tersebut dipandang sepi berlalu begitu sahaja. Senario di atas yang telah menyebabkan Jabatan Perhutanan Johor bukan menjadi penyumbang hasil negeri mungkin, tetapi telah menjadi bebanan dengan mengambil sebahagian wang pembayar cukai rakyat Johor. Bayangkan perbelanjaan mengurus jabatan hutan berjumlah RM17 juta lebih, sedangkan kutipan cukai yang dipungut dari hasil hutan 2021 akan datang hanya RM7 juta sahaja dan pada tahun ini sahaja saya mendapat jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa setakat hari ini 2020, pungutan hanya RM6 juta sahaja. Jadi lebih RM10 juta duit rakyat kita terpaksa tampung dan berjuta-juta lagi hasil-hasil cukai hilang yang disebabkan perlakuan yang tidak bertanggungjawab yang diberi amanah. Secara ringkas, Senggarang ingin mencadangkan beberapa pembaharuan dalam urusan hasil hutan negeri ini, perinciannya, perinciannya cadangan tersebut bolehlah difikirkan oleh pihak-pihak pengurusan yang terlibat.

Cadangan Senggarang adalah seperti berikut : pertama, kurniaan kawasan balak mesti dilakukan secara tender yang terbuka. Kedua, pembangunan ladang hutan dalam Hutan Simpan Kekal hendaklah di kalau boleh dihentikan. Saya faham, saya ada buat soalan dengan jawapan dalam Dewan pada 10 September 2020 bahawa keluasan hutan simpan kekal adalah 408,300 hektar yang meliputi lebih kurang 21% kawasan tanah negeri Johor

dan peningkatan 12.3% berbanding 20 tahun dahulu iaitu seluas 358,096 hektar pada tahun 2000. Makna ada peningkatan laporan jawapan yang saya terima. Persoalan yang tidak dapat dijawab oleh Senggarang ialah adakah Hutan Simpan Kekal (HSK) itu termasuk ladang hutan? Kalau tidak termasuk dan Hutan Simpan Kekal itu seperti asal memang yang original, mengapa habitat hutan seperti gajah dan lain-lain habitat mula keluar daripada hutan dan merosakkan harta benda awam dan kadang kala boleh mengakibatkan kematian penduduk.

Dan pada belanjawan kali ini, kalau kita semak semula kerajaan kan turut terpaksa meletakkan peruntukan RM7 juta untuk projek Santuari Gajah (JES) dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN Negeri Johor. Maknanya projek santuari RM7 juta hasil pun RM7 juta, jadi Senggarang bersangka baik kan jawapan yang diberi kan ialah saya pun tak nak, Senggarang pun tidak nampak apa yang ada berlaku di dalam hutan belantara tersebut.

Yang ketiga, Yang Berhormat Puan Speaker, Senggarang berharap kawasan hidupan liar, kawasan hidupan liar ataupun habitat dan kawasan mamalia seperti gajah dan sebagainya kan janganlah di diusik, kalau nak diusik pun ikut aturan dan peraturan. Termasuk kawasan yang melibatkan pendudukan Orang-orang Asli, Orang-orang Asal dan juga kawasan-kawasan tadahan air. Yang keempat, Skim Kuota Kilang Papan Bumiputera perlu diaudit dan jika terbukti tiada Bumiputera terlibat secara langsung dalam perniagaan maka dicadangkan dilupuskan dan dihapuskan. Kelima, kalau hendak libatkan Bumiputera juga dalam industri pembalakan ini, hanya pembalak Bumiputera yang tulen sahaja yang wajar diberi kuota mengikut merit.

Keenam, Senggarang mencadangkan supaya Jabatan Perhutanan bersungguh-sungguh menangani isu kecurian dalam kawasan berlesen, pencerobohan dan penerokaan haram kawasan Hutan Simpan Kekal dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. Ketujuh, ukuran sempadan kalau boleh perlu dibuat oleh Juru Ukur bertauliah, bukan seperti yang ada pada masa ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, hasil bumi seperti kayu balak, pasir, batu, *granite*, *hauling* dan lain-lain mineral adalah sumber asas hasil kepada kerajaan negeri yang perlu diurus dengan baik lagi-lagi di zaman pandemik COVID-19 ini setiap sen hasil perlu kita pungut untuk kebaikan rakyat. Kayu balak ini merupakan satu sumber yang boleh diperbaharui sebenarnya. Bukan seperti galian, pasir atau lain-lain bila korek dia berkurangan. *Hauling*, batu batan, batu *granite* dan lain-lain kalau dikorek ia akan berkurangan. Tetapi kayu balak ini kan, hutan ini, kayu balak kalau diurus dengan baik dia adalah sumber yang boleh diperbaharui berzaman-zaman. Hutan ini kalau diurus dengan baik dan jujur mengikut undang-undang dan enakmen mampu memberi sumber yang bermakna kepada negeri Johor berzaman untuk di generasi yang akan datang. Kegagalan pengurusan akan mendatangkan padah kerana kerajaan pula terpaksa menanggung kos pengurusan seperti yang berlaku pada masa ini. Hutan pupus, muka bumi rosak, air sungai tercemar, kutipan hasilnya sedikit. Kerajaan terpaksa pula berbelanja terhadap kerosakan dan ketirisan yang dilakukan oleh pihak yang tidak beramanah. Senggarang mohon di Dewan yang mulia ini agar kerajaan bertindak sebelum kita menghadapi masalah yang lebih besar di masa akan datang. Peribahasa Melayu, umpan habis, ikan tak dapat ertinya usaha yang membawa kerugian.

Yang Berhormat Puan Speaker, seterusnya Senggarang ingin menyentuh berkenaan pengurusan sumber air. Terima kasih dalam Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar berikrar kerajaan komited untuk menjamin kualiti air bersih demi kelangsungan hidup rakyat Johor. Sekali-sekala kerajaan perlu melihat kawasan saya di Mukim Minyak Beku yang sebahagiannya masih tidak dapat bekalan air bersih sejak merdeka. Hanya baru-baru ini, tahun lepas sebahagiannya telah dapat bekalan air bersih melalui dana CSR, Syarikat Bekalan Air RANHILL Johor sedangkan peruntukan kerajaan dari Kementerian

Pembangunan Luar Bandar (KPLB) tidak dapat diperolehi. Saya berusaha untuk mendapat peruntukan daripada KPLB setakat ini belum tercapai dan saya dalam Dewan mulia ini sedia memberi maklumat rasmi kepada kerajaan dan diharap perhatian dan tindakan dapat diambil kali ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan negeri melalui BAKAJ memperuntukkan RM2.5 juta bagi menaik taraf Baraj Sungai Johor, ini disebut di dalam Belanjawan. Saya ingin mengemukakan beberapa persoalan. Pertama, setakat mana kerajaan negeri mengkaji kesan buruk jangka panjang selepas pembinaan baraj terhadap ekosistem sungai dan juga sosioekonomi penduduk tepi sungai. Kedua, sejauh mana BAKAJ bekerjasama dengan PUB Singapura untuk operasi baraj ini, maksud Senggarang sama ada wujud campur tangan PUB dalam operasi baraj yang sedia ada. Ketiga, adakah BAKAJ membuat pungutan suara penduduk yang terkesan sepanjang Sungai Johor dan tindakan perlu untuk memastikan kelangsungan hidup mereka dari sumber pendapatan harian yang biasanya dari sungai.

Yang Berhormat Puan Speaker, Senggarang dalam Dewan yang mulia ini ingin mencadangkan kerajaan supaya mewartakan *Chargeman Area*, empangan-empangan dalam negeri Johor, kalau tidak diwartakan pencerobohan akan berlaku yang lambat laun air akan tercemar. Maka tidak berguna kita buat empangan kalau kawasan yang di sekelilingnya tidak diwartakan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Senggarang difahamkan BAKAJ juga tidak terlepas mempunyai tanggungjawab terhadap pemulihan sungai-sungai yang ada loji rawatan air. sebagai contoh Sungai Skudai dan Sungai Tebrau dan sungai-sungai yang lain. Dua-dua Sungai Skudai dan Sungai Tebrau tercemar dengan agak yang teruk, tidak wajar tumpuan hanya diberi kepada Sungai Johor sahaja. Sejauh mana setakat ini BAKAJ memainkan peranan terhadap pemulihan sungai. Senggarang sedia maklum dalam laporan-laporan yang Senggarang terima ada peruntukan disediakan untuk tujuan tersebut dari SAJ Ranhill setiap tahun. Setakat mana peruntukan ini digunakan untuk pemulihan sungai? Adalah tidak wajar mengambil hasil air sahaja sedangkan pelihara sumber air diketepikan dan diserah kepada jabatan lain.

Yang Berhormat Puan Speaker, sejumlah RM700,000.00 disediakan untuk sistem talian untuk memantau pencemaran sungai, persoalannya ialah pertama, sejauh mana digunakan untuk manfaat rakyat. Kedua, sejauh mana data-data ini dikongsi bersama dengan universiti atau jabatan yang berautoriti lain untuk kajian baik pulih sungai. Tidak guna kita cakap mengumpulkan data, tetapi lemah dalam penguatkuasaan terhadap pencemar sungai. Senggarang mencadangkan agar pencemar-pencemar sungai seperti kilang-kilang dan sebagainya diambil tindakan hukuman yang berat dan denda yang tinggi dikenakan kepada mereka supaya menjadi pengajaran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, semasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor menjadi EXCO Kerja Raya dahulu, terdapat kajian untuk sumber air bawah tanah. Saya dapat maklum dan saya difahamkan ada dibuat *tube well* di Lok Heng sana. Jadi, setakat mana saya nak tanya, setakat mana kajian tersebut, sama ada boleh diteruskan atau tidak tentang sumber air bawah tanah, yang mana saya lihat tidak disentuh dalam bajet kali ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam suasana *Islamophobia* yang sedang berlaku sekarang, terutama di barat, perlu kerajaan mengambil tindakan-tindakan proaktif supaya Islam dapat difahami dari sudut yang betul oleh setiap lapisan rakyat negeri ini, sama ada orang Islam mahupun bukan Islam. Senggarang ingin mencadangkan beberapa perkara seperti berikut: pertama, kerajaan menubuhkan badan pengembangan dakwah Islam yang bertujuan untuk memberi penerangan Islam, terutama kepada, sikit, sikit lagi, seminit saja. Tak dengar saya, minta maaf ya. Untuk memberi penerangan Islam terutama kepada bukan

Islam bagi menghapuskan masalah salah tanggapan mereka terhadap Islam. Kedua, kerajaan perlu melatih sekumpulan agamawan, iaitu ustaz sehingga mereka mahir dalam ilmu perbandingan agama bagi memudahkan pembentukan hubungan antara penganut-penganut pelbagai agama di negeri Johor yang kita cintai ini. Mereka yang dilatih ini perlu mempunyai penguasaan pelbagai bahasa sebagai persediaan untuk menerangkan Islam ke semua pihak bagi menghapuskan sebarang salah tanggapan yang orang bukan Islam fahami selama ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, yang ketiga kerajaan negeri perlu menyediakan pusat-pusat mualaf bagi memberi bimbingan yang betul dan membantu mualaf yang menghadapi kesukaran setelah penghijrahan mereka. Mereka para mualaf perlu dibantu sekadarnya, malah sehingga mereka mampu berdikari semula. Saya kira tidak salah kiranya kerajaan menghantar pelajar-pelajar atau *student* untuk bahagian *Theology* sehingga ke universiti Jerussalam atau di Israel sana ataupun di Tibet dan sebagainya demi untuk memahami ilmu sesuatu agama dengan lebih mendalam, dengan tujuan untuk membina kesefahaman penganut-penganut agama yang beragama di negeri Johor yang kita cintai ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, rakyat Malaysia amnya dan Johor khususnya mesti keluar daripada pemikiran *racist* dan keagamaan jalur keras yang tidak menitikberatkan soal *rahmatan lil alamin*. Sudah sampai waktunya segala masalah perlu dibincangkan secara telus. Untuk itu, perlu semua lapisan rakyat dibekalkan dengan ilmu dan maklumat yang cukup dan betul, sebab itu perlu ada agamawan yang mahir dengan pelbagai ilmu-ilmu agama lain sehingga mereka mampu menggalas usaha-usaha tersebut di atas.

Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker di atas memberi peluang kepada saya untuk, Senggarang untuk membentangkan perbahasan pada petang ini. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, disebabkan terdapat masalah dalam sistem audio di Dewan ini, maka persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 30 November 2020, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4.50 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2021)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KETIGA	ISNIN, 30 NOVEMBER 2020	BIL. 10 TAHUN 14

HADIR
YB Speaker,
Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)
Datuk Haji Hasni bin Mohammad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur
Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan
Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia
Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna
Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP., SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Alhamdulillah kita telah berada pada hari ketiga menyambung Mesyuarat Ketiga Belanjawan (2021) Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Jementah, jemput.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Selamat pagi Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 1.

Apakah rizab kapasiti bekalan air yang sedia ada di Johor bagi menghadapi waktu kecemasan akibat bekalan sumber air mentah terjejas?

YB Speaker : Yang Berhormat Skudai, jemput.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya, soalan nombor 2.

Nyatakan permintaan dan penghasilan air terawat di setiap daerah bagi tahun 2016 hingga 2020 serta unjuran untuk tahun 2025 dan 2030 dengan menyatakan rancangan kerajaan dalam menangani isu permintaan dan pembekalan bagi memastikan bekalan yang mampan dan tidak terganggu.

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Jementah dan Yang Berhormat Skudai secara bersekali. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Dewan sekalian, kerajaan negeri amat menitik berat keperluan air sebagai sumber kegunaan asas bagi kita semua. Alhamdulillah sehingga kini negeri Johor mempunyai sumber air permukaan yang mencukupi bagi membekalkan air di seluruh negeri Johor termasuk Singapura. Johor mempunyai 5 batang sungai utama iaitu Sungai Muar, Sungai Batu Pahat, Sungai Johor, Sungai Ulu Sedili Besar, Sungai Mersing dan sebahagian Sungai Endau yang menjadi sumber bekalan air mentah ke loji rawatan air.

Pada masa ini terdapat 45 buah loji rawatan air yang memperolehi sumber bekalan air permukaan iaitu sungai dan empangan iaitu membekalkan air bersih kepada pengguna untuk penggunaan sebanyak 663,261 juta liter setahun atau 1,817 juta liter sehari.

Sebagai tambahan, purata hujan tahunan juga tinggi iaitu kira-kira 2,000 milimeter hingga 2,500 milimeter setahun. Secara tidak langsung ini menjanjikan sumber air yang mencukupi bagi keperluan loji rawatan air. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku fenomena cuaca

kering atau panas seperti fenomena El-Nino, loji rawatan air yang akan terjejas adalah Loji Rawatan Air Sungai Gembut dan Loji Rawatan Air Lok Heng.

Manakala loji rawatan air lain masih boleh beroperasi kerana masih mempunyai sumber air yang optimum. Bagi paras rizab pula, kapasiti air terawat di negeri Johor pada ketika ini adalah pada kadar 7%. Oleh yang demikian, pihak Ranhill SAJ, komited dalam menyediakan kapasiti rizab bekalan air yang mencukupi dan berusaha untuk melaksanakan beberapa program menaik taraf serta membina loji rawatan air baru sebagaimana digariskan dalam Pelan Perniagaan yang diluluskan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Ini termasuklah projek-projek yang sedang dalam proses pembinaan dan dilaksanakan di bawah Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) seperti Loji Rawatan Air Layang 2 untuk fasa 1, yang berkapasiti 160 juta liter sehari, Loji Rawatan Air Pagoh berkapasiti 40 juta liter sehari dan Loji Rawatan Air Kahang, berkapasiti 40 juta liter sehari yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Di samping itu, 4 projek pembinaan loji baru dan menaik taraf loji sedia ada telah pun berjaya disiapkan seperti Loji Rawatan Air Buluh Kasap, Loji Rawatan Air Bukit Serampang, Loji Rawatan Air Sungai Lebam dan Loji Rawatan Air Pemanis.

Untuk makluman Dewan yang mulia, dengan perancangan sedia ada, paras rizab kapasiti bekalan air di negeri Johor dijangkakan akan terus meningkat menjelang tahun 2026, apabila beberapa lagi projek pembinaan loji baru bakal dilaksanakan dalam tempoh operasi keenam Op 6 kelak. Untuk makluman, berdasarkan rekod Ranhill SAJ sejak tahun 2016 hingga 2019, penghasilan air terawat telah menunjukkan peningkatan sebanyak 18.39% berbanding dengan permintaan air yang meningkat sebanyak 20.48% dalam tempoh masa yang sama. Jadi dengan kepesatan pembangunan serta pertambahan penduduk di negeri ini permintaan air pada tahun 2030 diunjurkan akan meningkat sehingga 28.18%. Namun begitu, dengan projek-projek infrastruktur yang telah dirancang oleh kerajaan, penghasilan air terawat pada tahun 2030 dapat diunjurkan dan menyaksikan peningkatan sebanyak 20.63%. Terima kasih Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya, Jementah, jemput.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat, memberi satu jawapan yang agak jelas berkenaan dengan kapasiti bekalan air di negeri Johor. Selain daripada usaha perancangan yang telah dikatakan tadi, untuk membina loji rawatan air menambah apa ni, loji rawatan air yang dibina untuk membekalkan air terawat kepada pengguna-pengguna dan sektor-sektor industri. Selain daripada itu, masalah bekalan air di negeri Johor, saya boleh katakan ada 2 masalah yang utama juga. Yang pertama, ialah pencemaran, yang kedua ialah kebocoran paip utama. Pencemaran, semalam Yang Berhormat EXCO Alam Sekitar pun ada menyatakan panjang lebar berkenaan dengan pemantauan dan apa yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan. Berkenaan dengan kebocoran paip...

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat, soalan?

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Ya, ya, saya ulas sikit, Yang Berhormat Speaker. Berkenaan dengan kebocoran paip utama, kalau kita tengok laporan daripada Laporan Ekonomi Negeri Johor 2018-2019, Ranhill SAJ pun merumuskan bahawa kehilangan air sebab dia, kehilangan air disebabkan oleh kebocoran paip juga salah satu faktor yang sangat utama yang mempengaruhi bekalan air. Kalau kita tengok *NRW*, *NRW* walaupun ada mencapai kebaikan, semakin bertambah baik pada tahap 24.2% pada tahun 2018 dan kalau kita berbanding dengan seluruh negara, Johor pada tangga yang ketiga selepas Melaka dan negeri Pulau Pinang.

YB Speaker : Soalan, Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Apa yang saya nak tahu ialah apakah perancangan kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah kebocoran paip utama ini, ada apa sebarang perancangan yang seterusnya selain daripada. Ok, kita memastikan kapasiti dah ada, tapi kebocoran paip macam mana kita nak menyelesaikan isu ini? *So*, saya mohon. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat Jementah, salah satu daripada cara untuk kita meningkatkan bekalan air terawat ialah untuk mengurangkan *NRW, Non Revenue Water*, itu ada hubung kaitnya dengan kita mengawal kebocoran yang kerap berlaku.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, paip asbestos yang terdapat di negeri Johor masih lagi pada kadar 7,000 km daripada keseluruhan 22,000 km paip untuk membekalkan air ke seluruh negeri Johor. Di dalam pelan perniagaan Ranhill SAJ, setiap tahun ada peruntukan yang disediakan, yang diluluskan oleh SPAN untuk tujuan *NRW* iaitu menggantikan paip-paip asbestos dengan paip-paip besi. Saya tidak nafikan bahawa di kedudukan ketiga dengan kadar *NRW* pada tahap 24.2% itu adalah sesuatu yang dianggap amat baik di mana perkhidmatan Ranhill SAJ menepati piawaian kerana kita mempunyai 7,000 km berbanding dengan Pulau Pinang yang hanya jauh lebih pendek paip-paip yang ada dan dengan kepadatan penduduk maka kos per kilometer *basis* adalah sesuatu yang memboleh usaha untuk mempercepatkan penggantian paip asbestos kepada paip besi ini adalah lebih cepat kerana kepadatan penduduk berbanding dengan negeri Johor kalau kita bandingkan daerah Muar, di daerah Batu Pahat per kilometer *basis* itu adalah terlalu sedikit untuk menjana pendapatan bagi membolehkan syarikat bekalan air untuk menyegerakan secara keseluruhan.

Jadi, ianya dilakukan secara berperingkat di mana setiap kali pelan perniagaan untuk tempoh 5 tahun yang disediakan oleh SAJ Ranhill ini akan membolehkan sebahagian daripada hasil yang dijana daripada bekalan air ini adalah digunakan untuk tujuan bagi menggantikan paip-paip atau menambah baik *NRW* bagi negeri Johor. Itu adalah langkah untuk kita mengatasi masalah sumber ataupun bekalan air terawat. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita perlulah mempunyai asas untuk sumber bekalan air yang lebih cekap ataupun yang lebih mencukupi. Kita hanya bergantung kepada sumber bekalan air permukaan sahaja iaitu sungai dan juga empangan sedangkan kita tidak lagi atau belum lagi meneroka sumber-sumber baru seperti *new water, recycle water* atau *reuse water* untuk tujuan industri termasuklah mengenal pasti sumber air bawah tanah. Jadi ini adalah langkah yang sewajarnya selain kita mengganti paip asbestos kepada *steel* atau besi kita perlulah juga meneroka sumber-sumber bekalan air baru supaya ianya akan dapat menstabilkan bekalan dan juga memenuhi permintaan air yang terus meningkat memandangkan negeri Johor terus merupakan negeri yang pesat membangun di mana-masa yang akan datang. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Skudai, jemput.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat atas jawapan yang diberikan. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon Yang Amat Berhormat dapat membekalkan jawapan berdasarkan soalan saya iaitu menyatakan permintaan dan penghasilan air di setiap daerah mengikut, untuk tahun 2016 hingga 2020 dan unjuran untuk 2025 dan 2030. Kalau tak sempat untuk jawab dalam Dewan yang mulia ini, mungkin boleh secara bertulis.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita berada dalam satu Metropolis Johor Bahru yang membangun pesat terutamanya apabila dibangunkan banyak projek-projek perumahan baru yang besar daripada pelabur Cina. Antara projek-projek yang terbesar adalah projek *Forest City* yang dijangkakan akan menampung populasi sebanyak 700,000 orang. Ini akan secara tidak langsung dan secara langsung sebenarnya menambahkan lagi tekanan dan permintaan terhadap air terawat.

Pada tahun, saya masih ingat lagi dalam penggal yang lepas, Dewan penggal yang lepas, kami akan, kami telah menimbulkan persoalan ini dan kerajaan kata, menjawab bahawa satu loji rawatan air akan dibina di *Forest City* itu sendiri. Bagaimanapun, pada hari, sampai ke hari ini kita tak lihat lagi permulaan ataupun apa-apa perancangan berkenaan dengan pembinaan loji rawatan air di situ.

YB Speaker : Soalan, Yang Berhormat?

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Malah setiap hari, setiap hari, terpaksa, SAJ terpaksa menyalurkan sebanyak 30 juta liter air daripada daerah Johor Bahru ke projek pembangunan *Forest City.* Ini pun dalam peringkat permulaan.

YB Speaker : Soalan, Yang Berhormat, soalan?

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Maka, bagaimanakah kerajaan akan menampung permintaan yang dijangka akan naik mendadak, meningkat secara mendadak selepas keseluruhan projek *Forest City* ini siap dibina dan adakah projek ataupun pembinaan loji rawatan air yang dijanjikan sebelum ini akan diteruskan supaya pembinaan projek itu tidak mengganggu atau menjejaskan bekalan air terawat di tempat lain di sekitar daerah Johor Bahru?

YB Speaker : Ok, terima kasih. Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Skudai.

Pertama, senarai ataupun jadual bekalan air bagi setiap daerah akan saya bekalkan secara bertulis. Ianya ada dalam simpanan kerajaan, maklumat-maklumat tersebut Yang Berhormat Tuan Speaker.

Berkenaan dengan bekalan air ke *Forest City*. *Forest City* adalah satu kawasan pembangunan yang berada di dalam zon antarabangsa. Kita menjangkakan bahawa ianya merupakan pembangunan yang mempunyai taraf yang berbeza dengan pembangunan-pembangunan lain.

Pada peringkat awal kerajaan bercadang kepada pihak pemaju supaya satu sistem bekalan air secara bersendiri dapat dibangunkan sama ada melalui kaedah *desalination* ataupun kaedah-kaedah lain. Memandangkan ianya merupakan yang saya katakan tadi zon antarabangsa, kuasa membelinya tinggi dan keupayaan untuk kawasan tersebut membayar lebih sedikit adalah merupakan satu siri dalam pembangunan tersebut. Walau bagaimanapun, pembangunan tersebut melalui beberapa fasa di mana hasrat untuk mendapatkan insentif-insentif kerajaan persekutuan merupakan sebahagian daripada ciri ataupun *viability* pembangunan tersebut. Memandangkan tidak semua insentif-insentif yang dipohon oleh pemaju berkenaan, maka bekalan air perlulah diperolehi melalui sistem bekalan yang ada. Maka atas dasar itu, mengambil kira unjuran, mengambil kira unjuran yang saya sebutkan tadi iaitu 20.48% peningkatan di masa yang akan datang, maka Loji Layang itu perlulah diperluaskan atau ditambah keupayaannya. Maka Loji Layang Fasa 1 yang dijangka siap pada tahun Jun 2020... pada Jun 2020, pada waktu ini dalam peringkat

pembinaan yang mempunyai kapasiti 160 juta liter sehari adalah bertujuan untuk membekalkan air di kawasan Iskandar Malaysia, Kota Iskandar dan Iskandar Malaysia secara keseluruhan termasuklah kawasan di Kulai, di Sedenak sebagai contoh sebagai kawasan yang industri yang pesat membangun, maka pembinaan loji rawatan air di Layang 2 Fasa 1 ini akan kita segerakan pembinaan siapnya pada tahun 2022 dan itu akan mampu untuk membekalkan air kepada bukan hanya *Forest City*, tetapi juga unjuran pembangunan di kawasan Kota Iskandar termasuklah kawasan di Kulai, Sedenak sebagai langkah untuk memastikan bekalan air itu stabil.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat) : Tuan Speaker...

YB Speaker : Oh, Tanjung Surat jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat) : Soalan Tuan Speaker, soalan tambahan saya adakah kerajaan bercadang untuk mendapatkan sumber air mentah dari bawah tanah yakni *ground water* sebagai sumber alternatif di masa akan datang?

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Surat. Seperti yang saya maklumkan bahawa adalah wajar untuk kerajaan mengenal pasti sumber air yang baru dan tidak bergantung sepenuhnya kepada air permukaan sahaja iaitu sungai dan empangan.

Dalam satu siri lawatan saya ke Komamoto, Jepun pada tahun 2016, sebuah bandar yang mempunyai penduduk seramai 800,000, sumber air kawasan tersebut, bandar tersebut adalah 100% bergantung kepada air bawah tanah.

Jadi dengan teknologi yang ada, yang sudah terbukti, tidak mustahil untuk kerajaan negeri Johor juga meneroka sumber air bawah tanah sebagai sumber baru dengan 800,000 penduduk Yang Berhormat Tuan Speaker, penggantungan 100% kepada air bawah tanah dengan teknologi yang ada, ianya akan dapat bukan hanya mengurangkan kos bagi rawatan air kerana air, sumber air yang lebih bersih dan di Johor pada kajian secara awalan didapati bahawa Johor mempunyai sumber air bawah tanah yang banyak. Dan ini adalah merupakan satu langkah yang insya-Allah akan diambil.

Walau bagaimanapun, BAKAJ atau Badan Kawal selia Air Johor perlu kita pertingkatkan dan kita perkukuhkan terlebih dahulu. Dan adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk memastikan supaya BAKAJ ini dapat kita jadikan Lembaga mungkin, Lembaga Urus Air Johor dan untuk makluman Dewan yang mulia, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia kini sedang melakukan 6 projek eksplorasi telaga air bawah tanah di sekitar kawasan loji-loji rawatan air di negeri Johor. Projek ini menggunakan peruntukan kerajaan persekutuan dan dijangka selesai pada akhir tahun ini. Ranhill SAJ juga telah menerokai sumber air bawah tanah bagi daerah Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing, Batu Pahat, Muar dan Pontian. Bagaimanapun ianya masih di peringkat eksplorasi dan kajian tersebut dijangka siap sepenuhnya pada... oleh SAJ Ranhill pada akhir tahun 2021. Sekiranya kajian daripada Ranhill ini menunjukkan terdapat sumber air bawah tanah yang banyak bagi satu-satu kawasan, maka kerajaan akan menjadikan ianya sebagai sumber air alternatif bagi loji-loji yang menghadapi kekurangan air mentah semasa musim kemarau. Dan itu adalah merupakan langkah yang kita jangka mampu dan wajar kita laksanakan pada masa akan datang. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Bentayan jemput.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.

Apakah perancangan terkini terhadap bangunan kuarters JKR yang terbiar di Jalan Pesta Muar?

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih kepada Bentayan yang prihatin dengan program dan projek JKR.

Untuk makluman Dewan khususnya Bentayan, bangunan kuarters JKR yang dimaksudkan ialah JKR 3113, Pangsapuri Pesona, Jalan Pesta 2/1, Taman Kenangan Tun Dr. Ismail, Muar, Johor. Bentuk bangunan adalah rumah pangsa 4 tingkat mengandungi 36 unit kuarters, 2 bilik setiap satu unit telah didaftarkan di Pejabat Tanah Muar pada 29 Mei 2006. Bangunan ini pernah dijadikan kuarters kerajaan daerah Muar yang menempatkan kakitangan Pejabat Daerah Muar, Majlis Perbandaran Muar, Jabatan Kerja Raya Daerah Muar dan Pejabat Kesihatan Daerah Muar. Namun disebabkan banyak kerosakan pada struktur bangunan dan faktor keselamatan, bangunan ini tidak didiami sehingga kini.

Majlis Agama Islam Negeri Johor ada membuat permohonan untuk mengambil alih pengurusan bangunan kerajaan tersebut di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara untuk dijadikan penempatan berkelompok rumah transit bangunan zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui surat bertarikh 12 Mac 2017. Oleh yang demikian, permohonan MAIJ telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Daerah Muar yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Muar pada 2 Ogos 2017. Mesyuarat memutuskan tiada halangan terhadap permohonan Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sehubungan itu Pejabat Daerah Muar telah menghantar cadangan permohonan daripada MAIJ kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan dan surat yang sama juga disalinkan kepada MAIJ melalui surat bertarikh 7 September 2017. Namun sehingga ini masih menunggu maklum balas.

Satu Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Daerah Muar diadakan pada 26 Ogos 2019 yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Muar telah memutuskan dan mencadangkan supaya bangunan perumahan kediaman kakitangan daerah Muar yang beralamat di Pesta 2/1 itu diserahkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) untuk dijadikan sebagai rumah transit dengan pengendalian sepenuhnya oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan). Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Bentayan jemput, soalan tambahan.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat EXCO. Kuarters ini berada di satu lokasi yang agak strategik sebab di sekelilingi dia adalah pusat perdagangan. Jadi memang membazirkan kalau bangunan ini dibiarkan sahaja. Jadi soalan tambahan saya ialah apakah status terhadap perancangan yang tadi yang disebut oleh YB EXCO tadi? Ada dalam proses ataupun masih dalam permohonan? Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih Bentayan. Seperti yang saya maklumkan di peringkat daerah, kita serahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Dan saya yakin sekiranya ada cadangan sama ada daripada agensi atau mungkin swasta, boleh dipertimbangkan oleh kerajaan negeri. Bagaimanapun keluasan kawasan berkenaan ialah lebih kurang 7,000 kaki persegi sahaja

dan sekiranya ada cadangan, saya rasa yang sesuai ialah bangunan bertingkat. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Serom jemput.

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 4.

Bagaimana kerajaan Johor ingin menyelesaikan isu pelajar-pelajar yang tidak ada kemampuan peralatan atau ketinggalan dalam akademik di peringkat rendah dan menengah akibat dari pelaksanaan pembelajaran secara *online* semasa tempoh PKP lepas dan PKPB sekarang ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Parit Yaani...

YB Speaker : Serom.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Serom dan soalan ini mirip kepada soalan daripada Parit Yaani A209. Jadi dengan menjawab soalan ini walaupun tidak bersekali, maka jawapannya akan menyelesaikan masalah 0... 209 soalan.

Ok, bagi tujuan membantu memudahkan proses pembelajaran golongan kurang berkemampuan dan di luar bandar, yang mempunyai kekangan talian Internet dan *gadget* bagi meneruskan proses pembelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan kembali TV Pendidikan. TV Pendidikan ini bersiaran setiap hari di saluran TV Radio Televisyen Malaysia (RTM) menerusi TV1, TV2 dan TV Okey. Siaran TV Pendidikan merangkumi pelbagai subjek sekolah rendah dan menengah bagi menampung deposit talian dan *gadget*.

Perkara yang kedua, Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah bertindak secara proaktif dengan menggalakkan pihak sekolah menyediakan bahan pembelajaran dalam bentuk cetakan atau dipanggil modul untuk edaran murid-murid. Bahan tersebut diletakkan di pondok kawalan keselamatan atau tempat-tempat yang bersesuaian di sekolah untuk diambil oleh ibu bapa dan sesetengahnya diedarkan sendiri oleh guru-guru melalui ketua komuniti setempat. Tugasan yang telah lengkap perlu diletakkan semula di tempat-tempat tersebut dan pihak sekolah guru untuk tindakan selanjutnya. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Serom jemput.

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Yang Berhormat Tuan Speaker. Sepertimana yang kita tahu bahawa isu pendidikan hari ini, kesan daripada pelaksanaan PKP, kesan daripada pelaksanaan PKPB menyebabkan anak-anak kita dicutikan sekolah. Dan kalau dalam PKP kali ini dicutikan sampai bulan Februari. Hampir 4 bulan mereka bercuti. Belum diambil kira lagi cuti-cuti sebelum ini yang telah pun agak panjang.

Jadi kalau dilihat kepada apa yang telah dirancang oleh EXCO Pendidikan, yang mana kalau kita lihat di sini cuma ada TV Pendidikan dan juga pendidikan bahan-bahan bercetak. Jadi kalau di peringkat ini, saya melihat bahawa anak-anak ini masih lagi terbiar, yang mana kalau kita lihat kemampuan anak-anak untuk mereka menumpu kepada TV Pendidikan khususnya maka dekat situ kalau anak di rumah ada lebih daripada 4 atau 5 orang, maka

akan berlaku keciciran. Begitu juga kalau kita lihat kalau anak-anak ini fokus kepada bahan-bahan bercetak, begitulah juga bahan-bahan yang lain. Jadi akan berlaku ketinggalan ataupun fokus daripada mak bapak mereka yang mana anak-anak mereka 4 hingga 5 orang.

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat?

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Jadi, saya ingin bertanya kepada YB EXCO Pendidikan, apakah kaedah lain bagi menampung isu-isu sebegini? Yang mana ibu bapa takkan mampu *cater* anak-anak ini 4 hingga 5 orang, yang akhirnya akan menjejaskan beberapa generasi contohnya macam tadilah, kalau 4/5 orang, maka akan ada Darjah 2, Darjah 3, Darjah 4, Darjah 5 dan seterusnya. Jadi apa pandangan YB EXCO?

YB Speaker : TV tu boleh tengok orang ramai Yang Berhormat. Jemput, jemput EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya bukan itu sahaja banyak inisiatif kerajaan persekutuan dan kerajaan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri. Di antaranya, kita ada satu kajian yang menunjukkan bahawa ada 30% yang keciciran sedikit sebab tak ada bahan-bahan *gadget* dan sebagainya. Tetapi itu kajian melibatkan anak, tetapi rata-rata sekarang rakyat negeri Johor, pengalaman saya tengok di PPR dan sebagainya ibu bapa ada *smart phone, gadget* sebagai alternatif. Tapi waktu bekerja memanglah mak bapa bawa *gadget* tersebut, tapi di malam hari sebenarnya mak bapa boleh berkongsi untuk sama-sama mak bapak mendidik. Dalam keadaan COVID ini bukan negeri Johor sahaja mengalami, satu Malaysia dan satu dunia merasai perkara yang sama. Jadi perlu pengorbanan juga bukan di pihak kerajaan, mak bapa untuk sama-sama, untuk anak-anak pada waktu malam kalau boleh pinjam, pinjamlah mak bapa. Sebenarnya, banyak program-program seperti KPM ada program DELIMa. Dalam program DELIMa tersebut ada modul, kurikulum kita boleh pilih daripada darjah 1 sampai tingkatan 6, dan boleh pilih pula apa juga subjek yang kita hendak. Hanya kita klik sahaja, dan dalam program DELIMa itu kalau kita buka, kalau tuan-tuan boleh buka *handphone* sekarang silakan, klik DELIMa-KPM *google site* akan keluar aplikasi *digital learning* buku teks digital pun ada kat dalam, tak payah bawa buku balik rumah pun, buku teks pun ada kat dalam. Kerja rumah *homework,* ada dalam sistem tersebut. Lepas itu, *seneca learning,* ada *show my homework*, kita boleh pilih *homework* dalam tu. Lepas itu ada ujian dan kuiz dipanggil *Quizizz* dan ada siaran video *Youtube* jadi kita boleh pilih sahaja apa yang kita hendak, subjek yang hendak dan mak bapa harus berkorban juga sama-sama untuk membantu. Dan di peringkat negeri Johor pula kita bangunkan sistem Cikgu *Tube* yang lebih kurang sama sebagai bahan alternatif untuk kita belajar. Terima kasih.

YB Speaker : Parit Yaani. Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih YB Speaker. Pertama sekali jawapan yang agak menarik walaupun nombor saya ini nombor 22. Tapi keprihatinan EXCO nampaknya dia pun tahu soalan 22 itu ada kaitan. Saya pun terkejut juga kenapa tidak digandingkan sekali dengan soalan nombor 4. Jadi soalan saya begini, dalam ucapan semalam pun saya telah sebut berkaitan dengan pelajar yang tidak ada kemudahan sama ada Internet atau kemudahan alat itu sendiri, ok. Jawapan daripada YB tadi boleh diterima, namun apakah keadaan pelajar yang, untuk menduduki peperiksaan? Pada saya yang bawah tidak ada peperiksaan ini tidak ada masalah. Tetapi yang mengambil peperiksaan ini, SPM dan STPM. Kerana keputusan mereka ini amat penting untuk masa depan mereka. Boleh tidak, boleh tidak kita cadangkan kepada kementerian sekiranya pelajar-pelajar yang terhalang dari segi pembelajaran dan pengajaran disebabkan ketiadaan peralatan dan kemudahan ini, dengan kerelaan mereka dan kebenaran pihak kerajaan di peringkat kementerian, kita minta supaya pelajar ini dengan kerelaan dia dengan

sebab keadaan yang begitu mereka dibenarkan untuk ambil peperiksaan pada tahun 2021 yang memang kumpulan 2021. Itu persoalannya.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan ini bukan di bawah kuasa kerajaan negeri untuk menjawab soalan. Tapi, kalau ada cadangan kita boleh cadangkan mengutus surat kepada Yang Berhormat Menteri. Tentang isu pasal Internet ini masalah kurang *coverage*, sebenarnya kerajaan mengambil banyak inisiatif. Di antaranya, kalau di kampung-kampung, di kampung kita ada pusat Internet tak kiralah dipanggil 1Malaysia yang ada di FELDA pusat Internet FELDA dan sebagainya dan pusat-pusat tersebut adalah di bawah kerajaan pusat iaitu Kementerian Luar Bandar. Di samping itu juga, kita ada PBP-PBT bangunkan dulu Johor *Free Wifi* yang dibangkitkan oleh Iskandar Puteri tentang ada masalah sedikit pasal cara pengurusan kontrak, itu semua kita boleh perbaiki. Yang penting matlamat, hasrat kerajaan itu tercapai untuk membantu dapatkan *coverage*, dia fasa 1, RM12.4 juta, fasa 2 RM8.9 juta, fasa 2 ini lebih kepada kawasan luar bandar. Dan, kita seterusnya kita ada *Johor Wifi* 2.0 projek 2021 hingga 2025 yang menelan belanja RM10 juta dan ini memberi peluang kepada kawasan-kawasan baru untuk diberi Internet percuma kepada rakyat. Di samping itu juga, tentang *gadget* ini ada inisiatif-inisiatif yang kita dalam perancangan untuk membantu pelajar-pelajar ambil SPM yang di dahului oleh Yayasan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Zarith Sofiah akan membantu untuk membekalkan komputer riba dan seterusnya usaha ini juga akan dibantu oleh Yayasan-yayasan Bandaraya, insya-Allah. Daripada masa ke masa kerajaan negeri akan memikirkan apa perkara yang terbaik untuk membantu pelajar-pelajar untuk menghadapi peperiksaan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya. Yang Berhormat Machap. Jemput.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri Johor bagi menampung pembelajaran, pengurusan dan pembangunan negeri ekoran pendapatan yang berkurangan semasa COVID-19?

YB Speaker : Yang Berhormat Tenggaroh. Jemput.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 6.

Hasil cukai tanah adalah sumber pendapatan utama kerajaan negeri. Bagaimana kerajaan negeri menampung kehilangan besar hasil negeri bagi menguruskan pentadbiran negeri Johor?

YB Speaker : Yang Berhormat Serom. Jemput.

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan sumber-sumber ekonomi negeri terjejas teruk dan ia mungkin berlarutan sehingga hujung tahun 2021. Apakah langkah dan sumber baru yang telah dikenal pasti oleh kerajaan bagi menampung kekurangan dan penyusutan ini?

YB Speaker : Yang Amat Berhormat, jemput.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Serom, Yang Berhormat Tenggaroh dan Yang Berhormat Machap. Izinkan saya untuk menjawab soalan secara bersekali. Yang Berhormat Tuan Speaker, di dalam Belanjawan 2021 yang telah saya bentangkan minggu lepas bertemakan "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran". Pelbagai usaha beragendakan Johor berkebajikan, rakyat Johor pasca pandemik COVID-19 pun telah dirancang. Kita perlukan satu hala tuju strategik yang baru Yang Berhormat Tuan Speaker selepas COVID-19 ini. Sesungguhnya kerajaan negeri mengambil berat tentang situasi semasa ekonomi Johor dan mengambil inisiatif membentangkan unjuran bajet defisit berjumlah RM248.14 juta demi rakyat Johor. Semua inisiatif lebih berbentuk bantuan *one-off* bersasar seperti bantuan RM500.00 kepada pemandu teksi, RM500.00 kepada penyewa premis PBT dan pasar niaga. RM500.00 kepada pengusaha bas, RM150.00 kepada mahasiswa, RM100.00 kepada pemandu *e-hailing*, RM100.00 kepada pelajar sekolah dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, hasil kerajaan pada tahun hadapan juga berkurangan setelah pelbagai insentif diberikan kepada pro rakyat, seperti rebat cukai tanah yang dianggarkan berjumlah RM204.89 juta, pengecualian cukai hiburan berjumlah RM60 juta, pengecualian lesen penjaja dan pengecualian sewa kedai di ruang niaga PBT berjumlah RM41 juta, pengecualian bayaran sewa di bawah Program Perumahan Rakyat dan Rumah Sewa Kerajaan bersasar berjumlah RM15.54 juta. Kerajaan negeri perlu berbelanja ikut kemampuan, kerana kestabilan fizikal juga *significant* dan perlu memberi matlamat utama, perlu menjadi matlamat utama kerajaan negeri. Di dalam bajet yang lepas saya telah pun menyatakan bahawa salah satu strategi kewangan bagi Belanjawan 2021 adalah belanjawan yang akan berpandukan kepada konsep *counter-cyclical measures* di mana kerajaan negeri akan menangguhkan usaha-usaha konsolidasi fizikal, pada masa akan datang sehinggalah ekonomi negeri kembali mengembang. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Dewan yang mulia, bahawa kalau pada tahun 2021 kita membentangkan bajet defisit sebagai berpegang kepada dasar fiskal yang sihat, maka selepas itu kita perlulah membentangkan bajet yang berimbang, *a balance budget* sebelum kita membentangkan bajet lebihan, *budget surplus* itulah kaedah yang biasa diamalkan oleh sesebuah kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memahami soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mencari sumber hasil yang baru. Perbendaharaan Negeri Johor telah menyusun strategi dalam usaha untuk meningkatkan kutipan hasil bagi menampung kekurangan berdasarkan kepada insentif-insentif yang kita berikan pada tahun 2021. Antaranya adalah meningkatkan kecekapan kutipan, mengelakkan ketirisan, memantapkan pemantauan serta mengoptimumkan penggunaan teknologi. Pada tahun 2021, Perbendaharaan Negeri Johor akan membuat fokus kepada mengurangkan tunggakan hasil. Kerana ia akan dapat membantu kerajaan negeri dalam meningkatkan hasil. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, program jaminan bekalan makanan turut dirangka sebagai usaha untuk menambah hasil kerajaan negeri. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia, (MAQIS) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makan, (MAFI) melaporkan pada tahun 2019 hampir 970,000 tan metrik produk pertanian segar seperti buah-buahan, ayam hidup, ikan segar, daging, melalui Tambak Johor untuk dihantar ke Singapura. Ia dianggarkan bernilai RM1.19 bilion. Pada suku kedua pada tahun 2020, penghantaran produk pertanian segar, berjumlah hampir 350,000 tan metrik dengan nilai jumlah RM1.48 bilion, walaupun dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID-19. Saya percaya Johor mampu memperolehi manfaat dan menjana hasil pendapatan negeri yang lebih tinggi dalam nilai rantaian pertanian. Dengan kerjasama awam, swasta dan agensi persekutuan, pembangunan pusat pemprosesan, pembungkusan, penjenamaan dan pemasaran negeri Johor yang dilengkapi dengan *platform Agricultural Exports Centre* dengan izin, bagi proses pensijilan dan kelulusan daripada jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, MAFI dapat dijayakan. Inilah cadangan strategi kerajaan negeri bagi penjanaan hasil baru berasaskan perkhidmatan industri hiliran pertanian dan makanan di negeri Johor.

Agricultural Exports Centre dengan izin, juga akan menjadi pusat keselamatan dan kualiti makanan menuntut piawaian antarabangsa. Penjenamaan dan akses kepada pasaran pertanian dunia. Sebagai contoh, semua produk-produk eksport pertanian ke Singapura di tambah nilai dari segi pemprosesan, pembungkusan, keselamatan, kualiti dan penjenamaan *made in Johor* menjadi pilihan baru rakyat Singapura mahupun antarabangsa. Kerajaan negeri amat yakin dengan penglibatan kerajaan persekutuan, pihak swasta, pihak pelabur strategik, usaha-usaha pembangunan, *Agricultural Exports Centre*, produk pertanian eksport dapat direalisasikan. Selain daripada program jaminan bekalan makanan, Majlis Digital Johor juga diwujudkan sebagai langkah untuk memperkukuhkan hasil kerajaan negeri. pewujudan sebuah bank digital pada suatu ketika nanti mampu kita realisasikan. Jadi itulah keadaan dan kedudukan kita pada waktu ini Yang Berhormat Tuan Speaker, pada tahun 2021 Perbendaharaan Negeri Johor akan memberi fokus kepada yang saya katakan tadi mengurangkan tunggakan dan semoga usaha kerajaan ini sedikit sebanyak akan dapat meningkatkan hasil kerajaan dan seterusnya dipulangkan kepada rakyat dalam bentuk inisiatif pro rakyat.

YB Speaker : Ya, Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah pun memberikan penjelasan tentang mungkin berlaku penyusutan dari segi pungutan hasil kerajaan negeri ekoran daripada pemberian insentif dan juga penurunan cukai, kadar cukai sehingga membawa unjuran hasil kerajaan negeri sebanyak RM1,609.0 juta manakala unjuran perbelanjaan iaitu RM1,857.21 juta yang menunjukkan mungkin berlakunya belanjawan defisit sebanyak RM248.14 juta. Jadi, dalam keadaan begini kita sudah pun membuat unjuran akan berlaku defisit dari segi belanjawan, jadi apakah usaha yang boleh kita lakukan dalam menampung berlakunya belanjawan defisit sebanyak RM248.14 juta ini. Terima kasih.

YB Speaker : Saya kira macam dah jawab tadi, tapi terpulanglah kepada Yang Amat Berhormat, jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tambah sedikit maklumat bagi memberi keyakinan kepada Dewan yang mulia ini. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa unjuran hasil negeri pada tahun hadapan adalah berjumlah RM1,609.07 juta itu unjuran hasil. Manakala unjuran perbelanjaan adalah RM1,857.21 juta. Dan, daripada pecahan berkaitan dengan hasil negeri cukai RM773.457 juta, hasil bukan cukai RM605.338 juta, terimaan bukan hasil RM230.275 juta. Jadi, itu menjadikan RM1,609.07 juta sebagai hasil kerajaan negeri dan kita akan berbelanja RM1,857.21 juta.

Dengan kekurangan ataupun untuk menstabilkan hasil kerajaan negeri pada tahun 2021, kalaulah sekalipun program jaminan bekalan makanan itu mengambil masa, sekalipun program digital ekonomi itu mengambil masa antara cadangan-cadangan yang dapat dikenal pasti ialah Badan Kawal Selia akan meningkatkan bayaran lesen, kompaun dan denda di dalam Enakmen Air 1921 selaras untuk menaikkan taraf Badan Kawal Selia Air Johor sebagai Lembaga Urus Air Johor, itu satu.

Kedua, Jabatan Perhutanan Negeri sedang dalam perancangan untuk meningkatkan penguatkuasaan terhadap aktiviti pembalakan haram serta menambah hasil daripada aktiviti rekreasi di kawasan tersebut.

Ketiga, kerajaan negeri sedang mengkaji semula Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998, bagi memastikan kutipan hasil dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Keempat, terdapat beberapa punca hasil baru yang sedang dalam peringkat penelitian jabatan-jabatan sebelum ianya diputuskan di peringkat kerajaan. Hasil tersebut dijangka akan dapat dikutip pada tahun hadapan dengan anggaran kutipan sebanyak RM70 juta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi hasil berasaskan cukai seperti mana yang saya katakan tadi, yang bukan cukai juga telah pun saya nyatakan tapi secara terperincinya 3 sumber hasil tertinggi adalah pendaftaran tanah sebanyak RM97 juta, faedah dan hasil daripada wang simpanan tetap di bank adalah RM95 juta dan bayaran perkhidmatan pelbagai RM81 juta. Kita juga mengambil kira bayaran-bayaran daripada kerajaan persekutuan sama ada bayaran untuk per kapita ataupun bayaran 50% bagi sokongan program pembangunan. Jadi, bagi program-program yang dirancang ianya tidak akan menghadapi sebarang masalah dari segi kewangan dan kita telah mengenal pasti kaedah-kaedah untuk memantapkan hasil-hasil bagi kerajaan negeri. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Jementah, jemput.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat, memberi satu jawapan yang agak menyeluruh. Kita semua faham oleh kerana pandemik *COVID-19* ini hasil negeri akan terjejas teruk, kita pun faham sebab aktiviti ekonomi hampir-hampir terhenti dalam 10 bulan ini. Dan, apa yang Jementah ingin tahu ialah hasil kutipan yang terkini, sehingga kini adalah kutipan hasil yang telah dikutip oleh kerajaan negeri sekarang ada berapa, kalau kita tengok itu yang satu. Satu lagi ialah kalau kita tengok kedudukan kewangan negeri pada tahun 2019.

YB Speaker : Belum sampai hujung tahun macam mana nak kira lagi, Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Ini ada berkaitan dengan kedudukan kewangan negeri, kalau boleh Yang Amat Berhormat boleh maklumkan kepada semua Ahli dalam Dewan yang mulia ini. Pada tahun 2019, kita tengok akaun hasil disatukan lebih kurang RM1.193 bilion dan akaun amanah disatukan RM1.549 bilion dan secara keseluruhan akaun wang disatukan adalah RM2.653 bilion dan ingin saya tahu kedudukan kewangan khususnya akaun hasil disatukan dan akaun amanah disatukan terkini, kedudukannya terkini, kalau ada saya mohon Yang Amat Berhormat boleh memaklumkan kepada Dewan Negeri ini supaya kita tahu kedudukan kewangan yang sebenarnya kerajaan negeri sekarang. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Yang Amat Berhormat. Akaun belum tutup lagi. Jemput, Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Jementah, kedudukan rizab negeri sehingga 26 November 2020 adalah berjumlah RM3,273 juta dan ini terdiri daripada akaun amanah ataupun pinjaman disatukan berjumlah RM1,607 juta dan akaun hasil disatukan berjumlah RM1,668 juta. Jadi, dengan mengambil kira segala inisiatif dan titik fokus yang telah saya bentangkan dalam Ucapan Bajet 2021 yang Khamis yang lalu, saya percaya rizab negeri Johor cukup untuk menampung jumlah perbelanjaan tersebut dan kerajaan juga akan sedaya upaya untuk menambah, untuk membuat penjimatan, penjimatan atas beberapa perbelanjaan mengurus bagi mengelakkan defisit lebih besar dari jangkaan. Sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Negeri Tahun 2018, perbelanjaan berhemah jabatan-jabatan, agensi kerajaan negeri, badan berkanun negeri dan juga syarikat kerajaan negeri menyatakan bahawa ketua jabatan hendaklah mematuhi langkah-langkah perbelanjaan berhemah jadi kita akan patuhi. Transformasi perkhidmatan kerajaan semasa kepada perkhidmatan digital perlu diperkasakan kerana dengan pengurusan kerajaan secara digital tanpa kertas atau *paper less government* ini apabila dipertingkatkan merupakan salah satu daripada usaha

untuk mengurangkan kos. Penggunaan teknologi *Industry Revolution IR4.0* data raya di dalam sektor kerajaan mampu untuk mengurangkan kos pentadbiran di suatu jabatan.

Sebagai rumusan Yang Berhormat Tuan Speaker, sekiranya sempadan dibuka semula, sekiranya ekonomi Singapura meningkat dan sekiranya bantuan kerajaan persekutuan melalui program-program yang telah diluluskan itu sampai kepada kerajaan negeri tahun 2021 adalah tahun yang melihat negeri terus berkembang maju. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Serom, Serom.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Ok, soalan tambahan.

YB Speaker : Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Berkaitan dengan sumber baru sebab persoalan ini kalau dilihat, bagaimana dan juga apakah langkah, apa yang saya difahamkan daripada sumber yang sahih bahawa PTP pada hari ini dipenuhi dengan kapal disebabkan oleh masalah di Singapura dan kerana mungkin kekurangan pekerja dia ataupun apa yang berlaku di sana. Jadi, apa yang saya difahamkan bahawa laluan kapal, dermaga di PTP agak kecil, apakah kerajaan bersedia sekiranya pihak PTP ingin membesarkan dermaga dia supaya kapal-kapal yang sekarang ni dah lari daripada Singapura pergi ke PTP, yang menjadi laluan kepada perancangan kerajaan untuk laluan eksport barang-barang makanan dan sebagainya untuk dapat dilaksanakan dengan tempoh yang paling baik untuk kita sendiri sebagai pengeluar atas nama Johor pengeluaran Johor tadi tu.

YB Speaker : Untuk menambah pendapatan kerajaan.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Ya.

YB Speaker : Untuk menambah pendapatan kerajaan.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Ya, untuk menambah pendapatan kita negeri Johor tu. Jadi, adakah kerajaan bersedia untuk memberikan kebenaran dan sebagainya sekiranya permintaan itu datang daripada pengurusan di peringkat PTP. Sekian.

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat. Jauh sikit tapi ada matlamat yang sama untuk meningkatkan pendapatan.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, kita ada 3 pelabuhan antarabangsa di negeri Johor ini dan kita ada satu lapangan terbang yang juga berfungsi sebagai lapangan terbang untuk perkhidmatan kargo. Kita bernasib baik Johor berbanding negeri-negeri lain kerana infrastruktur kita yang lengkap dan bertaraf antarabangsa malah bukan hanya pelabuhan-pelabuhan antarabangsa sahaja Yang Berhormat Parit Yaani, kerajaan negeri juga pada waktu ini sedang mengkaji supaya pintu-pintu masuk sama ada di 6 pintu masuk seperti di pintu masuk di Kukup, di Puteri Harbour sendiri, di Pasir Gudang, di Stulang dan juga di Batu Pahat akan di naik taraf menjadi pelabuhan yang akan dapat menggalakkan lagi lebih banyak aktiviti perdagangan barang-barangan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri juga telah menerima cadangan daripada Pelabuhan Tanjung Pelepas untuk diperluaskan dan kita akan memantau supaya kedudukan Pelabuhan Tanjung Pelepas ini terus menjadi pelabuhan kontena yang strategik dan ianya juga mengambil kira banyak cadangan-cadangan lain untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berasaskan perdagangan antarabangsa di kawasan tersebut. Tetapi yang lebih penting

seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, kita akan bantu dan sokong usaha Pelabuhan Tanjung Pelepas untuk memperluaskan pelabuhan tersebut. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 8.

Apakah program-program yang telah dijalankan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sepanjang tempoh PKP, PKPP dan PKPB yang telah dilaksanakan di negeri Johor.

YB Speaker : Jemput, Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Naning.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri Johor melalui YPKDT telah melaksanakan berbagai insentif khusus kepada kumpulan sasar yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Kerajaan Johor mempunyai pelbagai perancangan dan strategi sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam 7 Ikhtiar Makmur Johor untuk membangun dan memulihkan semula ekonomi Johor yang terjejas dan antara fokus utama kerajaan termasuk memberi tumpuan dalam bidang ekonomi digital yang kini menjadi platform dan era baru ekonomi masa depan. Sama ada golongan berumur pertengahan, remaja dan muda semuanya mengadaptasikan diri dengan platform ekonomi digital. Justeru itu, YPKDT telah membuat penjajaran semula Bajet Tahun 2020 bagi memastikan masyarakat menerima manfaat dan mempunyai platform untuk mencari sumber pendapatan sampingan. Maka dengan itu, hasil daripada penjajaran bajet YPKDT dengan peruntukan sedia ada melalui program Mini Karnival Anak Muda Eksuri telah mewujudkan satu program semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan pada bulan April yang lalu yang dikenali sebagai Bantuan Keusahawanan Bangsa Johor *Pack Food and Delivery Service* dengan izin. Program ini dibangunkan khusus bagi membantu keluarga di negeri Johor yang terkesan daripada ketidaktentuan ekonomi sehingga menyebabkan kehilangan punca pendapatan.

Seterusnya, YPKDT juga memainkan peranan untuk membantu dalam pemasaran usahawan-usahawan *Jo-Pack* melalui portal rasmi YPKDT, laman sosial *facebook Jo-Pack* sendiri iaitu Bangsa Johor *Packet Food dan Delivery Service*, *Jo-Pack* dan hebahan melalui kumpulan-kumpulan *whatsapp* dengan izin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, program kedua ialah Jejak Admari merupakan program berbentuk penyampaian sumbangan prihatin kepada golongan sasar yang terkesan dengan pandemik COVID-19 seperti ibu tunggal, wanita berpendapatan rendah, warga emas, OKU, keluarga B40 dan sebagainya. Bagi tahun 2020, seramai 1,021 orang golongan sasaran telah menerima manfaat. Sumbangan ini merupakan barangan keperluan harian dan serta memberi peruntukan tunai sebanyak RM100.00 untuk setiap orang. Program ini adalah berbentuk *one-off* dan mana-mana golongan sasar yang masih belum menerima bantuan tetapi mereka layak juga akan dibantu untuk mendapatkan bantuan seperti daripada pihak MAINJ dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara program lain yang dijalankan oleh YPKDT dalam tempoh PKP, PKPP dan PKPB ialah Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus iaitu KIUB yang mana kursus ini memberikan ruang kepada usahawan-usahawan wanita di bawah YPKDT untuk meningkatkan kemahiran dan memperluaskan lagi penghasilan produk sedia ada. Untuk program KIUB yang dilaksanakan mengikut 3 fasa, 3 zon seramai 100 usahawan wanita telah menerima manfaat program ini. Melalui program CUBE juga,

YPKDT telah bekerjasama dengan usahawan-usahawan wanita yang terlibat dalam bidang jahitan untuk menghasilkan PPE dan sehingga November 2020 sebanyak 1,300 helai PPE telah disiapkan dan juga 1,200 helai beg *non-woven* dengan izin, pelbagai saiz telah disiapkan dan diserahkan kepada Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru.

Seterusnya ialah Program *Woman's Income Generating Skill* (WINGS) dengan izin, merupakan satu program yang memberi ilmu dan kemahiran kepada wanita-wanita yang ingin menceburi bidang keusahawanan. Program ini dilaksanakan di kesemua daerah di Negeri Johor yang mana telah melibatkan 540 orang wanita dengan 44 jenis kursus yang telah diadakan.

Dan yang terakhir ialah Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIP). SKIP adalah satu bentuk bantuan peralatan yang diberikan golongan sasar bagi meningkatkan pendapatan dan mengembangkan lagi perniagaan *home based business* dengan izin, sedia ada. Bagi tahun 2020, seramai 120 orang golongan sasaran telah menerima manfaat. Antara peralatan yang diberikan kepada penerima ialah *mixer*, *oven*, peralatan spa, dapur gas, pengukus dan lain-lain. Peralatan ini diberikan adalah mengikut keperluan pemohon dan diberikan setelah dinilai oleh Jawatankuasa Penilai di peringkat ibu pejabat YPKDT. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Bukit Naning.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat EXCO.

Dengan program-program yang telah dijalankan oleh YPKDT sepanjang tempoh PKP, sejauh manakah keberkesanannya program-program yang telah dijalankan kerana ada juga ibu-ibu tunggal yang diberikan mesin jahit tapi akhirnya tidak digunakan. Dan...

YB Speaker : Lepas tu dijual... lepas tu mesin tu dijual.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Disimpan... Ah...

YB Speaker : Bukan dijual?

YB Tuan Md. Ysahruddin bin Kusni (Bukit Naning) : Tak jual. Simpan, ada yang dijual juga kadang-kadang. Jadi, *oven* pun disimpan aje. Dia tak memberi kesan kepada ibu-ibu tunggal ini untuk meneruskan kehidupan dan mengurangkan beban mereka. Jadi apa keberkesanannya?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Naning. Sebenarnya untuk program itu telah pun mendapat sambutan sebab YPKDT bukan sahaja memberi peralatan tetapi kami akan sentiasa memastikan peningkatan pendapatan itu kepada setiap pemohon. Jadi untuk makluman setakat ini, kita tidak lagi terdapat orang-orang yang tidak menggunakan peralatan tersebut dan sekiranya ada, saya mohon pada Yang Berhormat Naning untuk memajukan kepada saya insya-Allah. Terima kasih.

YB Speaker : Johor Jaya jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Oleh sebab penularan pandemik COVID-19 kita dimaklumkan, kita memang tahulah sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP ini telah dilaksanakan di seluruh negara. *So* soalan saya

apabila kita menghadapi PKP, PKPP ini kita telah dimaklumkan bahawa juga masalah kekeluargaan turut meningkat. Termasuk keganasan rumah tangga sebab mungkinlah suami isteri semua berada di rumah, pergaduhan pun bertambah. Ada juga isu tekanan ekonomi, isu tekanan kekeluargaan. *So*...

YB Speaker : Duduk rumah sama-sama, gaduh pasal apa pulak?

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Saya tak tahulah sebab saya duduk dengan ibu bapa saya. Kita tak gaduh. (Dewan ketawa). *So,* antara program-program yang telah dijalankan oleh YPKDT, saya nak tanya apakah program yang telah dijalankan untuk membantu mereka yang menghadapi masalah kekeluargaan termasuk masalah keganasan rumah tangga? Dan juga bagi dalam Belanjawan 2020, kita ada satu bajet untuk melaksanakan Program Biro Guaman YPKDT. Saya nak tanya YB EXCO berkenaan dengan macam mana apa statusnya biro guaman ini yang dapat membantu mereka yang menghadapi masalah keganasan rumah tangga.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan itu, sebenarnya untuk mengetahui masalah keganasan rumah tangga lebih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Insya-Allah saya akan menjawab secara bertulis kepada jawapan yang tersebut. Terima kasih.

YB Speaker : Seterusnya jemput Yang Berhormat Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 9.

Apakah rancangan dan usaha Kerajaan Johor dalam merancakkan industri runcit di negeri Johor?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Stulang. Bagi merancakkan industri runcit di negeri Johor, terdapat beberapa usaha yang telah diambil oleh pihak kerajaan negeri Johor termasuk :

1. Menjayakan program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) seperti pelaksanaan program Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) 2020 secara serentak sebagai suatu inisiatif yang menyeluruh untuk memulih (*recover*) dan merancakkan (*revitalize*) sektor peruncitan di dalam negeri Johor.

2. Peniaga pasar raya dan pusat beli-belah boleh memohon untuk membuat jualan murah pada bila-bila masa yang dicadangkan oleh peniaga dan peniaga tidak perlu membuat permohonan untuk mengadakan jualan murah sekiranya tempoh untuk membuat jualan murah itu dalam tempoh kurang dari 3 hari. Dan sehingga 15 November 2020, sebanyak 405 permohonan telah diluluskan untuk tujuan tersebut.

3. Peruncit yang menjual gula, minyak masak dan tepung gandum pula memiliki, mereka perlu memiliki lesen yang sah bawah Akta Kawalan Bekalan 1991. Sungguh pun demikian, tiada sebarang bayaran dikenakan pada peruncit bagi membeli lesen tersebut. Ini merupakan usaha kerajaan dalam menggalakkan mereka menjalankan perniagaan peruncitan. Dan sehingga 15 November 2020, sebanyak 5,944 lesen

yang telah, lesen runcit yang telah dikeluarkan kepada peruncit di seluruh negeri Johor.

4. Inisiatif Jualan Makmur Johor juga merupakan satu platform yang kita boleh menggalakkan usaha peruncitan di Johor.

5. Terdapat juga beberapa insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan Johor melalui Perbadanan Usaha Johor (PUJB) bawah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia adalah seperti yang berikut: kita ada geran orang lokal, kita ada jejak PKS, bantuan ihsan untuk usahawan, program Johor *e-marketplace* melalui *Shopee* yang menyediakan *training* dan *marketing* dan kerajaan negeri juga menyediakan insentif untuk usahawan yang menggunakan *payment gateway* atas talian melalui *block change*. Semua ini dia akan membantu di dalam merancakkan lagi industri peruncitan di Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Benta... Bukit Naning. Eh *sorry,* jemput, jemput Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Jadi oleh kerana selepas penularan pandemik COVID-19 ini, kita akan mengharungi cabaran *new* norma. Dan untuk perniagaan runcit juga, saya rasa banyak perniagaan runcit juga belum melalui pembinaan infrastruktur pentas e-dagang. Maksudnya ramai peniaga masih belum lagi mempunyai pentas e-dagang. Jadi saya rasa, jadi saya rasa apakah, adakah kerajaan akan menolong peniaga runcit untuk membangunkan infrastruktur e-dagang? Kemudian, ada menyentuh tentang *Shopee* dan juga baucar dan sebagainya. Boleh tak kita tahu setakat ini, setakat ini pelancaran *Shopee* dan e-baucar ini yang boleh menolong perniagaan runcit ini, setakat ini berapakah nilai dagangan yang telah pun dihasilkan dan berapakah nilai baucar yang telah pun diberikan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Sebenarnya industri peruncitan yang pertamanya kalau peruncit-peruncit kecil ini, mereka merupakan satu *essential service* dan kalau ikut apa yang kami dapati bila buat pemantauan, mereka tidak begitu terkesan sebenarnya dan mereka boleh terus buka dan beroperasi dan ada kedai-kedai runcit mereka ada macam sudah ada perkembangan pula dia punya *business*. Itu nombor satu.

Mengenai yang *Shopee* itu, setakat 27 hari bulan ada seramai 31,000 *hits*, bermakna 1 *hits* tu dia ada dalam RM20.00. Dan bermakna kita ada baki dalam 7,000 lah yang belum ditunaikan dan kalau jumlah itu 31 x RM20.00 adalah 62,000, kita sudah keluarkan baucar. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang telah diberikan tadi. Cuma saya ucapkan terima kasih jugalah atas usaha khususnya untuk membantu peniaga-peniaga. Salah satunya yang kita yang EXCO sebut tadi ialah Jualan Makmur Johor.

Soalan saya apakah jaminan, adakah ada jaminan dari kerajaan dengan kerjasama ini dari segi apa harga barang yang ditawarkan di dalam Jualan Makmur Johor itu. Saya tahu bahawa ada banyak peniaga dan mungkin ada peniaga-peniaga meletakkan harga-harga yang berbeza. Satu contoh yang saya sempat *check* tadi adalah dari segi harga beras, harga beras 5 kilo. Kalau dari pasaran biasa ada pelbagai harga maknanya kalau di luar dalam harga dalam RM13.00-RM14.00, di dalam *Shopee* ada lebih murah, ada yang

average. Tapi ada juga harga sampai RM19.00. *So* macam mana dari segi kawalan harga dan pemantauan yang dibuat oleh kerajaan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Panti. Itulah sebab kita guna *Shopee* kerana pengguna mereka boleh berbanding harga, *so* mereka boleh buat pemilihan. Dia kalau dia rasa mahal, dia pilihlah syarikat lain yang jual barang yang sama. *So,* kita tak ada wajibkan mereka beli daripada siapa-siapa. Tak ada, mereka buat pilihannya sendiri. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Kempas jemput.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 10.

Berikan pencerahan status kemajuan pembinaan kemudahan sukan bagi SUKMA 2021 serta berapa banyakkan sumbangan kerajaan persekutuan kepada Johor yang telah disalurkan buat masa ini?

YB Speaker : Yang Berhormat Semerah jemput.

YB Tuan Mohd. Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 11.

Setelah SUKMA 2020 dibatalkan dan Johor diberikan hak menganjurkan SUKMA 2022. Oleh itu, apakah perancangan pihak kerajaan negeri memastikan semua fasiliti sukan yang telah siap dapat digunakan serta masa depan atlit yang tidak dapat beraksi pada SUKMA 2020?

YB Speaker : Yang Berhormat Tenggaroh jemput.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 12.

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk memastikan *venue-venue* yang dibina untuk SUKMA Johor 2020 tidak menjadi gajah putih?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Kempas, Yang Berhormat Semerah dan Yang Berhormat Tenggaroh atas soalan. Yang Berhormat Speaker, izinkan saya menjawab soalan tersebut secara bersekali.

Seperti yang kita semua sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada 9 hari bulan November 2020 telah mengumumkan bahawa SUKMA 2020 yang dijadualkan untuk berlangsung pada awal tahun hadapan telah dibatalkan disebabkan faktor kesihatan yang membabitkan pandemik COVID-19. Walaupun kita akur dengan keputusan tersebut, ia adalah ketetapan yang amat berat bagi kerajaan Negeri Johor kerana alhamdulillah dengan izin Allah jua, kita telah bersedia sebagai tuan rumah terbaik bagi penganjuran SUKMA 2020. Sekretariat SUKMA yang diterajui oleh Tuan Haji Onn Jabar dibantu oleh Encik Gadaffie, MSNJ, KPRJ, MBJB, MBIP, MDP dan banyak lagi agensi telah melakukan segala persiapan dan berada pada tahap yang baik dan sangat memuaskan.

Namun begitu, atas faktor kesihatan dan keselamatan yang melibatkan sejumlah 30,000 orang atlit, pegawai, pasukan petugas dari seluruh pelosok negara, kerajaan negeri berpandangan bahawa adalah tidak sesuai untuk mengadakan program berskala besar ketika pandemik COVID-19 melanda negara. Pada masa yang sama, kerajaan negeri mengucapkan jutaan terima kasih kepada Majlis Tertinggi SUKMA kerana telah menawarkan supaya Johor menjadi tuan rumah SUKMA pada tahun 2022. Insya-Allah keputusan sama ada kita akan terus menjadi tuan rumah SUKMA 2022 banyak bergantung kepada status pandemik COVID-19 dan ekonomi pada awal tahun depan. Jadi sama-sama kita doakan vaksin ini dapat diedarkan pada awal tahun hadapan.

Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, status kemajuan pembinaan kemudahan sukan bagi temasya SUKMA secara keseluruhannya, keseluruhannya telah mencapai tahap 99%. Daripada 39 *venue* yang disediakan, 13 *venue* merupakan *venue* yang dibina baru, 17 *venue* pula dinaik taraf dan selebihnya adalah *venue* sedia ada. Pembinaan *venue-venue* baru adalah seperti Velodrom Johor, Arena Emas, Pusat Menembak Johor, Dataran Bola Sepak, Pusat Pelayaran dan semua *venue* ini menjadi mercu tanda dan kebanggaan kita orang Johor. Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, anggaran kos anjuran jika temasya SUKMA 2020 dijalankan dan diteruskan adalah sebanyak RM617.9 juta. Kos pembangunan infrastruktur dan kemudahan sukan berjumlah RM467.9 juta, manakala kos pengurusan adalah sebanyak RM150 juta. Daripada jumlah tersebut RM142 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan pusat untuk pembangunan infra dan RM65 juta untuk pengurusan. Anggaran penjimatan apabila SUKMA tidak di buat tahun hadapan adalah sebanyak RM125 juta. Pada masa yang sama memandangkan penganjuran SUKMA ditangguhkan kepada tahun 2022, kerajaan negeri akan memanfaatkan segala kemudahan dan fasiliti-fasiliti sukan yang telah siap dibina dengan sebaiknya serta memastikan infrastruktur dan kemudahan sukan diselenggarakan dengan baik dan tidak menjadi projek gajah putih. Penyelarasan juga sudah dibuat oleh semua pihak berkepentingan bagi memastikan perkara ini tidak berlaku. MSNJ, Perbadanan Stadium Negeri Johor, (PSNJ), MBJB, MBIP, KPRJ dan agensi-agensi lain telah bermesyuarat beberapa kali bagi tujuan penyelarasan. Perkara ini pun sudah dibentangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Sebanyak RM6.45 juta telah diperuntukkan tahun hadapan bagi tujuan penyelenggaraan *venue-venue* SUKMA ini, selain itu *venue- venue* SUKMA ini akan menjadi tempat latihan atlet-atlet Johor di bawah program MSNJ dan juga akan digunakan *venue* pertandingan tempatan sepanjang tahun 2021 sehingga menjelang SUKMA Johor 2022. Bergantung kepada situasi pandemik COVID-19, kejohanan-kejohanan juga akan diadakan di fasiliti-fasiliti baru ini seperti Kejohanan Renang Piala Datuk Bandar 2021 di Pusat Akuatik Arena Larkin Johor Bahru. Kejohanan Tinju Datuk Bandar di Stadium Tertutup Arena Larkin, Kejohanan *Lawn Balls* terbuka di Pusat *Lawn Ball* Arena Emas, *King of Desaru* di KRAMSAU Desaru, kejohanan olahraga MSSD dan MSSJ di Stadium Olahraga Kompleks Sukan Johor, Johor *Rugby Carnival* di Stadium Rugby Kompleks, kejohanan *Junior Cycling* dan kejohanan *International Open BMX* di Velodrom dan trek BMX Johor Iskandar Puteri.

Pada masa yang sama, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerajaan negeri sememangnya prihatin dengan masa depan atlit-atlit Johor, terutama atlit-atlit SUKMA yang telah berkorban masa, tenaga dan keringat untuk membuat persiapan menghadapi SUKMA Johor 2020 sejak tahun 2018 lagi. Kerajaan negeri menerusi MSNJ mempunyai beberapa agenda hala tuju bagi atlit-atlit SUKMA untuk masa depan mereka yang lebih terjamin. Antaranya dengan memperkenalkan beberapa inisiatif adalah seperti berikut:

1. Sukacita saya maklumkan bahawa Yang Amat Berhormat telah meluluskan peruntukan sebanyak secara *one-off* minimum RM500.00 kepada semua atlit, jurulatih dan pegawai SUKMA dan atlit para SUKMA yang akan memberi manfaat kepada 1,173 orang.

2. Majlis Sukan Negeri Johor akan bekerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam bagi menyediakan laluan khas kepada atlit-atlit SUKMA Johor untuk melanjutkan pelajaran di bawah program pengajian luar kampus, Diploma Pengurusan Sains Sukan. Melalui MSNJ bantuan secara *one-off* RM1,000.00 akan diberikan kepada 30 atlit Johor.

3. Kerajaan negeri melalui MSNJ dan YPJ bersetuju untuk memperuntukkan kuota biasiswa dan pinjaman YPJ kepada 30 orang atlit bagi melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi.

4. Kerajaan negeri menerusi MSNJ akan memperuntukkan RM288,000.00 bagi menyediakan peluang pekerjaan kejurulatihan kepada bekas-bekas atlit Johor.

5. Program Titanium X akan menggantikan Titanium 2020 yang merupakan program jangka pendek bertujuan untuk mempersiapkan kontinjen SUKMA bagi menghadapi SUKMA Johor 2022.

6. Seterusnya kerajaan negeri akan memperkenalkan *Long Term Athlete Development Programme* (LTAD) atau *Rise Up 2030* sebagai usaha kerajaan negeri untuk memastikan Johor mempunyai ramai bakat-bakat muda yang berpotensi untuk digilap menjadi atlit yang berkualiti.

Insya-Allah dengan segala usaha dan perancangan ini atlit-atlit kita akan terus dibela dan *venue-venue* kita akan terus menjadi mercu tanda kebanggaan kita semua rakyat Johor. Sekian.

YB Speaker : Ya. Kempas. Satu soalan tambahan sahaja.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Tuan Speaker. Kita menerima sumbangan semasa saya menjadi Menteri Besar dahulu sebanyak RM200 juta lebih daripada kerajaan persekutuan sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengerusi untuk membina segala kemudahan ataupun fasilitas bagi kita menjadi tuan rumah. Dan saya difahamkan kita baru sahaja menerima lebih kurang RM40 juta lebih. Bilakah baki untuk kerajaan negeri Johor menuntut? Kerana banyak kontraktor-kontraktor pun berjumpa saya untuk memohon supaya pembayaran-pembayaran yang tertunggak itu dapat dibayar. Contohnya seperti KPRJ dan sebagainya. Jadi, perkara ini kita tidak boleh nak diamkan di samping kita juga memerlukan setahun RM15 juta untuk membayar elaun dan juga makan minum segala atlit-atlit yang di dalam latihan. Di samping itu, adakah para atlit yang berlatih itu masih diteruskan kalau kita tidak membuat sesuatu, bermakna kita kena menampung kos dia, jadi terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO. Dua minit. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Terima kasih Yang Berhormat Kempas atas soalan. Pertamanya tentang pembayaran kepada kontraktor-kontraktor. Dari segi peruntukannya sudah turun daripada kerajaan pusat, dari segi pengurusan dia dah turunkan RM65 juta dan dari segi infrastruktur RM42 juta. Jadi peruntukan semuanya dah turun Yang Berhormat, dari segi kontraktor-kontraktor yang belum dibayar boleh dipanjangkan kepada saya ataupun Sekretariat SUKMA, Yang Berhormat Kempas untuk kita tengok kan dari segi pembayarannya insya-Allah.

Keduanya dari segi atlit-atlit kita Yang Berhormat, sekarang ini disebabkan pandemik mereka sedang berehat. Tetapi insya-Allah MSNJ telah, akan melaksanakan *training* dan

sebagainya bermula seawal Januari tahun depan untuk latihan mereka menghadapi SUKMA pada tahun 2022, insya-Allah Yang Berhormat. Terima kasih.

YB Speaker : Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Kita tangguh sehingga 11.20 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10.59 pagi

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

Jurutulis: SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA. BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2021) TAHUN 2020.

YB Speaker : Bismillahirahmanirahhim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali kedua Enakmen Perbekalan 2021 Tahun 2020 dimulakan sekarang. Saya persilakan Bukit Pasir.

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir) : (Bacaan doa). Ya Allah, Engkaulah yang mempunyai segala kepujian, Kaulah yang berhak menerima segala kepujian, Kaulah yang berhak menerima segala kesyukuran. Engkaulah yang memiliki segala pemerintahan, di tangan Engkau segala kebajikan. Kepada Engkaulah kembali segala urusan. (Bacaan doa).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al Haj, patik merafak sembah dan ucap setinggi-tinggi ucapan tahniah dan selamat dipanjangkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas sambutan ulang tahun kelahiran yang ke-62. Patik panjatkan doa segala, semoga Allah SWT memberi kurnia kepada Duli Yang Mulia Tuanku kesihatan dan juga umur yang panjang serta dilimpahi kegemilangan dan kesejahteraan kepada semua yang berada di bawah pemerintahan Tuanku. Insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mohon izin agar Bukit Pasir membaca perbahasan dengan bacaan surah At-Taubah ayat ke-51 (Bacaan Surah). Katakanlah yakni wahai Muhammad, tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung yang menyelamatkan kami dan, yakni dengan kepercayaan itu, maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal. Dengan tafsiran daripada ayat al-Quran tersebut, Bukit Pasir mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana atas kurniaan rahmat dan keberkatannya. Pembentangan Belanjawan Negeri Johor 2021 berlangsung dengan jayanya, alhamdulillah. Ucapan tahniah dan selamat juga Bukit Pasir panjangkan kepada kerajaan negeri Johor atas rangkaan serta susunan yang terperinci lagi menyeluruh bagi Belanjawan Negeri Johor 2021. Justeru pada hari yang diberkati Allah SWT ini, Bukit Pasir ingin membahaskan berkenaan keberkesanan Belanjawan Negeri Johor 2021 serta impak positif kepada ketahanan ekonomi, keberdayatahanan kebajikan masyarakat, serta kesejahteraan masyarakat Johor. Belanjawan Negeri Johor 2021 merupakan sebuah belanjawan defisit dan dilihat sebagai langkah yang perlu. Bukan kerana kerajaan sengaja mahu *over budget* dengan izin, namun bagi membantu menjana semula ekonomi negeri Johor yang diunjurkan menguncup pada akhir tahun 2020 akibat pandemik. Selain itu perbelanjaan besar juga perlu dilakukan demi meletakan fokus membantu ekonomi rakyat yang telah terjejas teruk agar peruntukan bantuan yang sewajarnya dapat diberikan kepada masyarakat. Maka Bukit Pasir membentangkan *point* perbahasan yang pertama iaitu keberkesanan Belanjawan Negeri Johor 2021 kepada ketahanan ekonomi negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada sesi Persidangan yang lepas Bukit Pasir ada memberi cadangan agar kerajaan negeri memberi fokus kepada dua sektor yang dilihat tidak terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta penularan pandemik ini iaitu sektor pertanian dan penternakan. Alhamdulillah melalui Pembentangan Belanjawan Negeri Johor 2021 dilihat agenda Johor Tani menerima suntikan insentif yang tinggi berjumlah RM51 juta bagi berbagai jenis aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan. Bukit Pasir berpendapat ini merupakan tindakan kerajaan negeri yang terpenting demi menambah penghasilan bank makanan negeri atau pun *food bank* dengan izin. Pada persidangan yang lalu telah dinyatakan bahawa import bahan makanan negara pada tahun 2018 sebanyak RM54 bilion berbanding RM43 bilion pada tahun 2013. Manakala hasil eksport RM35 bilion pada tahun 2018 berbanding RM26 bilion pada tahun 2013.

Bukit Pasir percaya fokus kepada penghasilan sumber makanan tempatan dapat membantu mengurangkan kadar kebergantungan kepada hasil import. Dan pada masa yang sama negeri dapat menghasilkan produk makanan berkualiti untuk dieksport ke luar negara. Oleh sebab itu agenda belanjawan Johor Tani merupakan antara langkah yang amat berkesan dan membentuk ketahanan ekonomi negeri Johor dalam tempoh panjang.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Johor tidak hanya fokus kepada Johor Tani sahaja. Agenda seperti Johor Digital, Johor Niaga serta *Majestic Johor* dengan izin turut menyumbang kepada ketahanan ekonomi melalui pelaburan asing kegiatan perniagaan serta aktiviti pelancongan fasa Covid-19. Maka berpandukan agenda-agenda belanjawan tersebut kerajaan negeri telah mempertimbangkan sebaiknya bagi membina daya tahan ekonomi negeri Johor pada tahun 2021.

Yang Berhormat Tuan Speaker, *point* kedua dari Bukit Pasir ialah berkenaan keberdayatahanan kebajikan masyarakat negeri Johor melalui belanjawan negeri Johor 2021. Suka Bukit Pasir untuk menyatakan bahawa persidangan yang lalu Bukit Pasir diberi kesempatan untuk membahaskan berkenaan pakej rangsangan ekonomi negeri Johor di mana hasil dapatan daripada perbahasan tersebut ialah kepentingan yang diletakkan oleh kerajaan negeri kepada masyarakat Johor serta petugas-petugas barisan hadapan adalah yang terdahulu dan utama. Pada kali ini terbukti sekali lagi bahawa kerajaan negeri Johor amat mengutamakan masyarakatnya yang memerlukan dan layak untuk diberi bantuan melalui agenda belanjawan Johor Berkebajikan ini.

Bukan sahaja bantuan wang tunai kepada golongan yang layak menerima malah skim pemberian air percuma bagi golongan B40, penganjuran jualan makmur Johor serta berbagai peruntukan dan bantuan khas dan bantuan khusus juga diberikan kepada yang disenaraikan. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai pelengkap kepada belanjawan negeri Johor 2021 kerajaan negeri telah menetapkan agenda-agenda yang perlu bagi memastikan kesejahteraan rakyat Johor terpelihara. Agenda tersebut ialah Prasarana Johor, Modal Insan Johor, Masyarakat Desa Johor, Orang Muda Johor, Johor Madani serta Johor Prihatin. Maka Bukit Pasir membahaskan *point* ke tiga dan yang terakhir iaitu belanjawan negeri Johor 2021 mampu memberi impak positif kepada kesejahteraan rakyat Johor.

Melalui agenda-agenda belanjawan yang disebutkan tadi kerajaan negeri telah meliputi setiap aspek penting demi kesejahteraan bangsa Johor. Dari segi sudut prasarana pentadbiran dan masyarakat desa, belia, orang kurang upaya dan pembentukan modal insan, peruntukan bagi kempen seperti kesedaran kesihatan, alam sekitar, pemeliharaan budaya, kesenian dan warisan Johor serta perpaduan kaum dan komuniti juga disediakan di dalam agenda belanjawan Johor Madani. Disimpulkan di sini bahawa sidang DUN Yang Berhormat sekalian bahawa belanjawan negeri Johor 2021 merupakan belanjawan yang berkesan serta memberi impak positif kepada ekonomi kebajikan dan kesejahteraan rakyat Johor.

Sama-sama kita dalami sabda Rasulullahlah SAW yang bermaksud, “Sebaik-baik pemimpin kamu adalah kamu cintai dan mereka pun mencintai kamu serta yang sentiasa kamu doakan dan mereka pun selalu mendoakan kamu” hadis riwayat Muslim. Dengan itu Bukit Pasir berharap agar setiap pimpinan sama ada kerajaan mahu pun pembangkang bersatu hati dalam menerima Belanjawan Negeri Johor 2021 agar segala manfaat yang disediakan dapat disampaikan kepada masyarakat negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di samping perbahasan belanjawan Bukit Pasir juga berdiri pada hari ini untuk membawa amanah yang disampaikan oleh rakyat untuk dicadangkan kepada kerajaan negeri Johor agar dipertimbangkan. Perkara pertama, sepanjang tempoh PKP Bukit Pasir sendiri telah berpengalaman bahawa tugas dan peranan yang dipikul oleh ketua masyarakat, ketua kampung serta penghulu adalah seperti kerja-kerja yang dijalankan oleh petugas barisan hadapan. Begitu juga bagi pemandu van jenazah yang bertugas bagi membawa jenazah untuk dikebumikan, adalah kiranya kerajaan negeri mempertimbangkan bantuan kebajikan *one-off* dengan izin kepada mereka.

Perkara kedua, adalah berkenaan pusat tahfiz dan madrasah di negeri Johor yang telah ditutup, diarahkan tutup. Bukit Pasir memohon kerajaan negeri untuk mempertimbangkan kebenaran bagi pusat tahfiz dan madrasah beroperasi semula berdasarkan SOP yang ditetapkan. Hal ini kerana kakitangan tahfiz dan madrasah yang terpaksa berhenti kerja, tidak mendapat bantuan yang mencukupi bagi menampung kos sara hidup mereka. Perkara ketiga, Bukit Pasir bawakan adalah berkenaan dana peruntukan buat Pusat Asuhan Tunas Islam yakni PASTI, Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI), Sekolah Menengah Integrasi Teras Islam (SMITI) di negeri Johor.

Berikut merupakan pusat pendidikan di mana dalam sepanjang tempoh permulaan PKP sehingga kini tiada sebarang bentuk bantuan yang disalurkan kepada pusat ini. Bukit Pasir memohon kerajaan negeri untuk mempertimbangkan bantuan buat pusat asuhan ini agar peruntukan yang disediakan buat pusat seperti ini dapat disalurkan kepada mereka.

Perkara keempat adalah berkenaan pembangunan teknologi baja tinja yang dikeluarkan oleh penternak di negeri Johor. Bukit Pasir memohon negeri Johor agar mempertimbangkan kajian R&D bagi teknologi baja daripada hasil tinja ternakan agar dapat dipakai semula oleh sektor pertanian tempatan atau pun dikomersialkan dan dieksport ke luar negara. Ini dapat mengurangkan kebergantungan baja import yang terlalu tinggi perbelanjaannya buat petani kecil.

Perkara, kelima Bukit Pasir utarakan berkenaan permasalahan proses pecah tanah yang mengambil masa terlalu lama. Hasil ini sering menjadi isu apabila penduduk ingin membuat permohonan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) serta permohonan Rumah Mesra Rakyat (RMR). Proses yang memakan masa ini diakibatkan oleh kos pecah tanah, upah juruukur yang tinggi serta penduduk kampung tidak mampu. Penangguhan proses pecah tanah oleh penduduk kampung juga boleh menyukarkan urusan generasi yang akan datang. Bukit Pasir memohon agar kerajaan negeri dapat mengikhtiarkan cara bagi menggalakkan penduduk kampung agar mudah untuk menjalankan proses pecah tanah ini.

Perkara keenam, Bukit Pasir ialah berkenaan Rancangan Tempatan (RT) Daerah Muar 2030 yang dirancang di kawasan Jorak dikhuatiri tidak menepati cita-cita sebagai sebuah bandar mampan serta peneraju teknologi pintar. Hal ini kerana pembangunan yang dilihat sedang dirancang terutama industri kilang dibina berdekatan dengan kawasan perumahan kampung yang dihuni masyarakat setempat. Tambahan pula Muar sebagai daerah peneraju teknologi pintar sebagai mencapai masyarakat rendah karbon dilihat tidak perlu sedangkan dengan menambah tanaman pokok adalah lebih mudah untuk membantu mempercepatkan pencapaian bandar rendah karbon. Oleh itu Bukit Pasir memohon kerajaan negeri agar mengkaji semula perlaksanaan Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 agar tidak

menghimpit masyarakat tempatan dengan pembangunan yang tidak selari dan dengan ciri-ciri sebuah bandar lestari.

Perkara ketujuh dan yang terakhir daripada Bukit Pasir adalah berkenaan cadangan inisiatif memperkasa golongan veteran melalui bantuan perumahan kepada veteran negara. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai menghargai jasa-jasa veteran yang telah mengorbankan masa muda mereka untuk berjasa dan berkhidmat kepada negara dan bangsa, Bukit Pasir kira amatlah perlu kerajaan negeri mempertimbangkan bantuan perolehan rumah kepada veteran negara. Selain itu inisiatif memperkasa perolehan rumah kepada veteran adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk membantu golongan B40 termasuk veteran.

Justeru Bukit Pasir memohon pertimbangan kepada kerajaan negeri bagi menyediakan tapak yang dikira bersesuaian dan mampu dijadikan sebagai rizab kerajaan dengan izin bagi kem penempatan veteran berskala besar. Cadangan daripada Bukit Pasir dengan izin kiranya kerajaan negeri dapat menyediakan tanah di 3 zon terpilih iaitu Pagoh bagi sebelah Utara, Sembrong dan Tenggara bagi zon tengah dan Mersing bagi zon Pantai Timur.

Dengan yang demikian Bukit Pasir memohon agar kerajaan negeri mempertimbangkan perkara-perkara yang dicadangkan selain bertujuan untuk kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat. Ia juga merupakan harapan dan amanah yang dituntut oleh penduduk seluruh negeri Johor agar kerajaan negeri terus meletakkan keharmonian dan kelestarian hidup rakyat itu setanding dengan lain-lain kepentingan dan kemajuan dan inspirasi buat negeri Johor. Akhir sekali izinkan saya berpantun. Sibuk berbahas Belanjawan Johor, Hajatnya rakyat sahaya memikul, hajat dikupas, hajat ditutur, hajat diharap dapat dikabul. Negeri Johor negeri sejahtera, dipandang tinggi rakyat jelata. Amanah Allah kita laksana, amanah manusia kita usaha. Dari sawah kita ke Pekan Sari, beli suasa di Kota Tinggi, selesai sudah bahas diberi, di lain masa bersua lagi. Wallahu'alam. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Waalaikumussalam warahmatullah. Terima kasih kepada Bukit Pasir. Pantun itu nanti Kempas yang jawab. Jemput, Kempas.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat pagi. Sebelum saya meneruskan sikit ucapan saya ini, patik merafak sembah tahniah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, sempena Ulangtahun Keputeraan Ke-62 pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiul Akhir 1442 Hijrah. Semoga Allah peliharakan Sultan, Daulat Tuanku.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberikan peluang untuk saya berucap bagi membahaskan Bajet Tahun 2021, yang bertajuk "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran". Saya rasa tajuk ini agak tergantung sedikit, kerana tahan itu daripada segi mana, tahannya? Kalau kemakmuran kita tahulah. Negeri Johor ini memang daripada dulu pun dah makmur. Walau macam mana pun, saya ingin menyatakan di sini kepada Tuan Speaker, dalam politik harus ada kejujuran, baik sebagai rakan politik atau atas nama dukungan secara piagam atau persefahaman secara bertulis atau secara konvensyen, secara tersurat atau pun tersirat. Penterjemahan terhadap kejujuran bukan hanya sekadar terhadap persetujuan lisan, tetapi terhadap perlaksanaannya. Jadi soalan mengenai siapa yang berbudi atau siapa yang terhutang budi tetapi bagaimana kebersamaan harus diterjemahkan. Soal tipu muslihat politik hendaklah diketepikan. Apabila kejujuran politik diberikan keutamaan, jangan ada 'telunjuk lurus, kelengkeng berkait'. Jadilah seperti air di dalam penutup, biar pun airnya berkocak, namun airnya tidak akan tumpah keluar jika penutupnya adalah kejujuran kita. Ini yang saya ingin tekankan dalam di mana, Yang Amat Berhormat menyatakan dalam tajuk ini, solidariti.

Kalau ini tidak ada kita menekankan dalam soal solidariti pun tidak ada maknanya. Apatah lagi dalam kerajaan yang ada pada hari ini di Johor, kita ada bukan sahaja Pakatan Harapan tetapi dalam kerajaan, kita mempunyai Perikatan Nasional dan juga Barisan Nasional dan juga PAS. Kalau kita mahu melihat supaya kemakmuran negeri Johor ini terus memacu ke hadapan lebih makmur daripada tahun-tahun yang lepas, kejujuran dan keikhlasan mestilah ada dalam soal ini. Kerana saya lihat, walau pun saya berada di dalam kerajaan, soal seperti ini agak nampak tipis.

YB Speaker : Kejujuran macam mana Yang Berhormat Dato'? Kejujuran yang macam mana tu?

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dalam melaksanakan sesuatu. Pernah saya utarakan perkara ini di depan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Lantikan Ketua Kampung, Ahli Majlis Bandaraya dan juga Ahli-Ahli Majlis Tempatan, Pengerusi Yayasan dan sebagainya. Kita sebagai parti yang berada dalam satu komponen yang menubuhkan kerajaan pada hari ini, iaitu Parti Pribumi Bersatu tidak mendapat satu keadilan yang kita rasa boleh, bukan semata-mata kita hendak memuaskan tetapi kalau dapat keadilan kita boleh membantu untuk memperkasakan dan juga memakmurkan negeri Johor. Kerana kita tidak mahu di peringkat bawahan kalau mereka rasa apa yang mereka kehendaki dengan segala tanggungjawab yang dikemuka itu maka sudah tentulah gerak kerja dan juga segala amanah yang kita pertanggungjawabkan, mereka tidak akan melaksanakan dengan sepenuhnya dan juga sebaik mungkin. Kerana mereka hanya memikirkan kalau aku berhempas pulas, kalau aku melaksanakan tugas sedangkan pihak kerajaan tidak melihat tentang kebajikan diri mereka. Saya mengambil contoh, bukan sahaja dalam soal jawatan di pihak kerajaan, soal elaun Ketua-ketua Kampung yang akan diberhentikan dan juga yang sebahagian daripadanya telah diberhentikan daripada bulan tidak silap saya bulan Jun sehingga bulan September sehingga hari ini tidak dibayar. Bukanlah banyak sangat, RM200.00. Adakah walau pun kita berada di dalam keadaan pandemik COVID-19 ini, kita tidak mampu untuk membayar elaun yang sekecil itu? Kerana impaknya amat besar apatah lagi bagi pihak kerajaan. Mereka-mereka ini kita boleh ibaratkan sebagai *front liner,* mereka bekerja tidak mengikut masa, waktu, hari, kadang-kadang terpaksa tinggalkan keluarga mereka, apatah lagi sekarang ini dalam keadaan COVID-19 kita menghadapi musim tengkujuh di mana sebahagian daripada kampung-kampung bahkan juga bandar-bandar mengalami banjir yang berterusan pada setiap minggu. Mungkin sehingga bulan 2, bulan 1 atau pun bulan 2, jadi kalau kebajikan mereka ini kita tidak ambil kira, maka kita tidak akan, matlamat untuk kita melihat supaya negeri Johor ini maju, makmur tidak akan tercapai. Kerana perkara-perkara yang kecil seperti itu kita masih lagi lepas pandang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya melihat bajet pada tahun ini adalah bajet defisit dalam sejarah 34 tahun kerajaan Johor berada semenjak kita ditubuhkan pada tahun 1895 dahulu. Jadi bukan sahaja kita lihat pihak kerajaan tidak berhempas pulas, begitu juga kerajaan-kerajaan yang lepas sebelum kerajaan yang sedia ada yang masih berumur 8 bulan ini mengambil tempat, untuk mempastikan supaya negeri Johor ini menjadi sebuah negeri yang aman, makmur dan maju bahkan juga dapat menandingi negeri-negeri lain. Pada hari ini kita defisit lebih kurang dalam RM249 juta, di mana kalau kita bandingkan belanjawan defisit yang kita alami ini, adalah setahun belanjawan negeri Melaka. Setahun setengah belanjawan negeri Kedah. Bukan kata kita hanya melihat angka, tetapi kita melihat itu adalah sebagai satu sumber kewangan yang boleh kita gunakan dengan berbagai-bagai bentuk dan juga bantuan-bantuan kepada. Jadi, perkara ini bukanlah semata-mata kita memikirkan, oh, kita terima dengan bulat-bulat kerana ini soal COVID-19 dan sebagainya. Tapi soal bagaimanakah untuk kita mempastikan walaupun kita mempunyai permasalahan dalam soal ini? Supaya negeri Johor ini akan lebih kekal. Kita tidak tahu pandemik COVID-19 ini sampai bila akan berakhir. Kalau mengikut jangkaan pemimpin-pemimpin besar dan juga pemimpin jiran tetangga kita, 2 tahun lagi pun belum tentu pandemik COVID-19 ini akan berakhir. Mungkin 2 tahun, 3 tahun, 4 tahun. Sehingga

hari ini, vaksin yang digembar-gemburkan masih lagi belum mendapat kelulusan. Bahkan kita sendiri pun tidak nampak vaksin itu.

Di samping itu, kita jangan lupa juga, krisis ekonomi yang melanda Asia dan juga negara kita serta dunia di antara negara China dan Amerika masih berlanjutan. Pada suatu ketika dahulu, kita tidak mendapat pelabur dan juga perdagangan kita agak menurun, kita memberikan sebab itu salah satu daripadanya. Hari ini ditambah pula lagi dengan COVID-19. Mungkin perkara ini juga berlaku berterusan sehingga beberapa tahun yang akan datang. Jadi, soalnya sekarang macam manakah untuk kita menangani situasi supaya tahun-tahun yang akan datang ini kita tidak mengalami defisit lagi. Bahkan mungkin lebih besar daripada itu. Oleh sebab kita kena merangka sesuatu. Walaupun kadang-kadang idea-idea yang kita akan buat, ataupun Ahli-Ahli Yang Berhormat lemparkan ini agak ganjil, tetapi mungkin itu boleh memberikan sumbangan kepada pendapatan negeri kita. Contohnya, pada masa yang lepas mungkin kerajaan yang lepas agak nampak perkara ini akan berlaku. Walau pun menjadi isu kontroversi, tapi kalau tidak ada perkara ini berlaku, maka mungkin kita akan mengalami lebih dahsyat daripada itu, iaitu tentang kenaikan cukai. Walau pun ada kritikan. Walaupun kita memberi rebat 15% dan sebagainya, iaitu *equivalent,* dengan izin RM200 juta lebih. Tapi kita punya pungutan berapa ratus juta? Tapi kalau umpamanya kita tidak buat, pada peringkat awal dalam soal untuk kita menaikkan sedikit cukai itu, saya rasa defisit belanjawan tahun ini akan melebihi daripada angka yang kita lihat pada hari ini. Di samping itu, banyak perkara-perkara lain yang boleh menyumbang supaya pendapatan kita ini lebih pukal lagi. Umpamanya mengikut pengalaman saya, kita kenalah mempastikan supaya proses pemindahan hak milik, pertukaran hak milik dan juga perkara-perkara yang bersangkut-paut dengan hasil bumi di mana kuasa Menteri Besar yang boleh meluluskannya perlulah dipercepatkan. Semasa saya mengambil alih jawatan Menteri Besar daripada Menteri Besar sebelum saya, ada 700 fail selama 2 tahun tidak diusik. Sedangkan fail-fail itu adalah merupakan wang kita. Jadi saya tidak mahu, dan juga saya menekankan di sini, janganlah berlaku seperti itu kalau kita hendak melihat kewangan kita ini stabil dan kukuh.

Di samping itu, banyak yang kita terlepas pandang. Kita di Johor ini mempunyai pantai daripada pantai timur dan juga pantai barat. Banyak jeti-jeti haram. Ada 85 jeti haram di dalam negeri Johor ini yang tidak mempunyai lesen sedangkan mereka itu menggunakan tanah-tanah kita. Kita kenal pasti kalau jeti-jeti ini boleh diberikan TOL ataupun Lesen Pendudukan Sementara, kita kenakan cukai. Kalau 85, kita tapis kita dapat 50-60, kalau kita kenakan cukai, bukankah duit itu? Di samping bukan sahaja kita dapat memungut duit, kita dapat menahan daripada pencerobohan secara haram. Mungkin mereka-mereka yang datang ini dalam situasi sebegini akan membawa jangkitan COVID. Membawa penyakit-penyakit yang lain, bahkan juga membawa penyakit pada ternakan dan juga pertanian kita. Tapi oleh kerana kita tidak memantau, bukan sahaja kita kehilangan hasil bahkan kita juga menerima padah yang buruk. Ini berlaku. Kita perlu gerakkan, kita cari benda-benda yang kita boleh mendapatkan hasil, kita jadikan hasil walaupun sesusah mana kerana keadaan kita akan lebih susah kalau kita tidak mempunyai wang yang cukup untuk kita menampung keperluan negeri kita ini. Di samping itu, saya juga mencadangkan dahulu cadangan mungkin diperlekehkan, berapa banyak tiang elektrik di negeri Johor ini yang menggunakan, yang diletakkan atas tanah kita yang tidak dibayar cukai sedangkan yang menggunakan tanah-tanah kita ini membuat keuntungan pada setiap tahun berbilion ringgit. Syarikat Tenaga Nasional menggunakan sub-sub stesen, menggunakan tanah kita adakah kita memungut cukai walaupun mereka memberikan pendapatan kepada rakyat? Tetapi kalau rakyat kebulur, tidak ada duit, negeri kita miskin, siapa yang akan membantu? Ini juga kita kena fikirkan. Jangan kata negeri lain tidak buat macam negeri Johor, kita mendahului negeri-negeri lain dari satu contoh.

Di samping itu, tentang levi kemasukan mereka-mereka pelancong daripada Singapura ataupun melalui Singapura. Kita kenakan levi RM20.00 kepada satu kenderaan tetapi yang

kita dapat RM5.00, lebih daripada itu diambil oleh kerajaan persekutuan sedangkan mereka menggunakan kemudahan kita, jalan kita rosak, kita kena tampung. Kenapa tidak kalau kita nak bagi pada kerajaan persekutuan kita bagi dia RM5.00, kita ambil RM15.00, kerana Yang Berhormat Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Johor ini kita tidak ada sumber lagi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahkota, Senggarang, kayu balak dah tidak ada, dicuri pun. Kita tidak ada bijih timah, kita tidak ada sumber hasil bumi, bauksit ke? Bijih besi ke? Emas ke? Tak ada, yang ada adalah cukai tanah sahaja, itu sebab kita kena memikirkan bagaimanakah kita hendak mendapatkan pendapatan untuk menampung perbelanjaan yang pada setiap tahun makin bertambah. Tambah salah satu dari faktornya banyak kakitangan kerajaan yang pencen yang kita kena bayar pencen, Wakil Rakyat pencen pun kita kena bayar pencen dan sebagainya. Akan bertambah, esok kalau dah kawasan kita, hari ini 5 juta lebih esok kita kena buat persempadanan, bertambah lagi kerusi, Dewan Negeri dan juga Dewan Parlimen, maka sudah tentulah kerajaan akan membayar elaun-elaun dan sebagainya tetapi pendapatan kita semakin lama semakin berkurangan, *so* kita kena duduk. Ini ramai di kalangan kita ini yang mempunyai idea-idea yang baru untuk membuat bajet-bajet ini bukan hanya sekumpulan kecil. Panggil Wakil-Wakil Rakyat, mereka yang berpengalaman tidak kiralah daripada pembangkang ke dalam kerajaan, duduk, berikan idea, bukan dipanggil selepas benda ini siap, sebelum siap, dipanggil. Bukan hanya kita pendapat daripada rakyat yang kita ini juga rakyat. Ini pendapat yang mungkin tidak boleh, sukar untuk diterima tetapi saya rasa pendapat ini adalah baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Johor yang baru-baru ini mengisytiharkan Pasir Gudang sebagai bandar raya, tahniah. Di mana permohonan untuk menjadikan Pasir Gudang ini sebagai bandar raya adalah semasa saya dahulu. Begitu juga Pengerang untuk dinaikkan taraf sebagai perbandaran adalah masa kerajaan Pakatan Harapan dahulu. Tahniah kepada kerajaan kerana dapat menjayakan tetapi kalau kita sudah menaikkan sesebuah kawasan itu sebagai bandar raya maka sudah tentulah banyak *facilities-facilities* yang perlu dinaikkan taraf. Antara bandar raya Johor Bahru dan juga bandar raya Pasir Gudang kerana kita menekankan soal lestari, soal kebersihan, soal sungai-sungai kita, ini dua bandar raya masih lagi tidak ada sistem kumbahan berpusat. Mereka hanya menggunakan sistem yang sudah lama, di mana di cas segala air-air yang kotor dan sebagai terus ke sungai, itu sebab Sungai Skudai, Sungai Pandan dan sungai-sungai yang berdekatan semuanya kotor. Kalau kita mengeluarkan modal membaik pulih sungai tetapi kalau kumbahan berpusat seperti yang dibuat oleh Indah Water Consortium tidak ada, maka sudah tentulah sampai bila pun sungai-sungai yang berada khususnya di bandar-bandar di Johor Bahru ini akan sentiasa kotor dan juga tercemar.

Pada tahun dua ribu lebih, saya tidak ingat *exact* tahun dia, kerajaan persekutuan membelanjakan lebih kurang RM700 juta untuk membaik pulih dan juga menaik taraf Sungai Segget dan juga Sungai Skudai, di mana sekarang? Apa jadi? Kita masih lagi hendak mengeluarkan peruntukan sebanyak RM700,000.00 untuk membuat penyelidikan. Sebenarnya sudah ada benda itu, ambil buka fail, buat apa kita nak membazir duit RM700,000.00 untuk kita ingin membaik pulih beberapa sungai sebagai mana yang disebutkan dalam bajet ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata saya di sini menyarankan kalau kita lihat pada hari ini memanglah rakyat susah, kita tidak tahu bila kesusahan ini akan berakhir. Jadi, sebagai pemimpin, sebagai orang yang diberikan amanah, yang diberikan sokongan, saya mencadangkan di sini supaya kita yang berada di Dewan ini dapat menghulurkan bantuan dengan cara pemotongan elaun untuk ADUN-ADUN tidak kira pembangkang dan juga kerajaan 10%, untuk EXCO 15%, untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar 20%, selama satu tahun. Saya harap cadangan ini bolehlah diterima dan diluluskan, kita mulakan daripada tahun hadapan. Ini bukan perkara baharu, semasa pemerintahan Pakatan Harapan dahulu pun kita ada potong, betul tak betul? Jadi, saya rasa terimalah. Sekurang-

kurangnya kita rasa simpati terhadap kesusahan rakyat yang memberikan mandat kepada kita untuk mewakili mereka untuk menyampaikan suara dan keluhan hati mereka di dalam Dewan yang mulia ini.

YB Speaker : Sebelah kiri dah setuju Yang Berhormat, sebelah kanan belum tentu lagi.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sebelah kanan saya rasa setujulah sebab saya pun sebelah kanan. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak kerana saya tengok pun dah lebih dekat *almost* dua minit tetapi tidak ada lagi suara untuk saya berhenti, walau macam mana pun, saya mengikut kata orang itu undang-undang lah, terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Terima kasih, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Waalaikumusalam warahmatullah Yang Berhormat Kempas, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertamanya, Penggaram ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam Perbahasan Belanjawan 2021. Penggaram juga mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan ucapan terima kasih kepada penjawat awam khasnya para barisan hadapan yang sentiasa berusaha tanpa mengenal erti lelah di dalam kita menghadapi pandemik COVID-19. Bukan itu sahaja, sepanjang 22 bulan pemimpin kerajaan, penjawat awam telah memberi kerjasama dengan semangat *profesionalisme d*an semangat ini masih diteruskan walaupun tampuk pemerintahan kerajaan telah bertukar tangan. Penggaram juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana peruntukkan sejumlah wang sebagai peruntukan ADUN Penggaram. Namun, Penggaram lebih berbesar hati jika jumlah peruntukan tersebut sama jumlahnya dengan yang diperuntukkan kepada ADUN dari kerajaan. Sebagai langkah meneruskan amalan demokratik yang telah dimulakan ketika pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Penggaram ingin membangkitkan isu berkaitan dengan jalan raya di sekitar bandar raya Batu Pahat, iaitu Jalan Bukit Pasir, Jalan Tanjung Labuh dan Jalan Kampung Rahmat. Sebagai jalan penghubung antara bandar dan desa, keadaan Jalan Bukit Pasir yang sibuk, sesak dan sempit mampu memberi ancaman kepada pengguna. Pembangunan desa-desa di pinggir bandar Batu Pahat yang telah pesat tidak selari dengan pembangunan infrastruktur jalan raya tersebut telah mengakibatkan simpang keluar dan masuk ke kampung-kampung dan taman-taman perumahan di sekitarnya yang kecil dan terlalu sibuk. Dengan kewujudan beberapa sekolah dan tempat-tempat berniaga mampu mengundang bahaya kepada pengguna pada bila-bila masa. Bagi mengatasi masalah ini, Penggaram berharap agar kerajaan mengambil langkah pembangunan fizikal drastik terhadap jalan ini bagi mengimbangi dan ia selari dengan pembangunan di desa-desa pinggir bandar khasnya di simpang keluar masuk Jalan Parit Kangkung. Di Jalan Tanjung Labuh pula, kapasiti penggunaan jalan tersebut yang meningkat ketika waktu-waktu kemuncak telah mengakibatkan kesesakan lalu lintas. Keadaan longkang di tepi kiri dan kanan jalan tersebut yang tidak dapat menampung kapasiti air ketika hujan lebat mampu mengakibatkan jalan tersebut ditenggelami air. Penggaram berharap pihak kerajaan perlu mengambil langkah untuk menaik taraf sistem saliran longkang di tepi jalan tersebut yang merupakan jalan penghubung antara bandar dan desa khasnya dari kawasan Taman Bandar hingga Taman Banang Jaya.

Selain itu juga, kewujudan tapak lampu isyarat yang cacat di persimpangan keluar Kem Majlis Batu Pahat di Tanjung Labuh telah mengundang bahaya kepada pengguna jalan tersebut. Penggaram maklum sehingga kini tiada mana-mana pihak yang

dipertanggungjawabkan ke atas lampu-lampu tersebut memandangkan ia belum diserahkan oleh pemaju kepada mana-mana agensi kerajaan untuk di selenggara. Penggaram memandang serius perkara ini. Selain kecacatan lampu isyarat dan keadaan lampu-lampu jalan kurang upaya ini yang memberikan imej buruk terhadap kerajaan negeri, ia mampu mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya. Selain itu, Penggaram ingin bertanyakan mengenai status projek pembangunan Jalan Kampung Rahmat ke Sri Gading yang dirancangkan siap pada awal tahun ini. Penggaram juga berharap kerajaan mampu mengambil tindakan yang wajar di dalam menyelesaikan isu di jalan-jalan negeri yang disebut tadi yang merupakan jalan-jalan penghubung antara desa dan bandar sebagai langkah ke arah memperdayakan ekonomi dan infrastruktur desa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Penggaram maklum Belanjawan 2021, memperuntukkan sejumlah RM20 juta bagi rancangan tempatan banjir, pengorekan sungai dan muara sungai di dalam pengurusan banjir. Penggaram berharap dengan peruntukan ini kerajaan memberi tumpuan kepada Sungai Batu Pahat di mana ia merupakan muara kepada Sungai Simpang Kanan, Sungai Simpang Kiri dan Sungai Bekok. Penggaram sebelum ini telah memaklumkan dalam Dewan ini, bagaimana seriusnya kawasan-kawasan perumahan di pesisiran Sungai Batu Pahat khasnya di sekitar Kampung Pinang Manan dan taman-taman perumahan sekitarnya yang menghadapi risiko banjir kerana air pasang dan surut. Air pasang dan surut bukanlah satu bencana alam yang menghantui beberapa hari dalam sebulan tetapi adalah fenomena harian dengan erti kata lain penduduk di kawasan-kawasan tersebut sedang berhadapan dengan risiko banjir ketika air pasang. Situasi akan bertambah buruk jika ia bertembung dengan cuaca hujan dan mengakibatkan banjir kilat yang serius. Penggaram berharap ada satu usaha untuk membina semula pintu air di Parit Molek dan benteng tanah sehingga Kampung Parit Lapis, Mukim Lima Batu Pahat. Kos keseluruhan pembinaan benteng tanah dan pintu air yang dianggar akan menelan belanja sekitar RM8 juta ini akan memberi manfaat kepada masyarakat sekitarnya sekali gus mampu mengelakkan renjatan ekonomi di bandar Batu Pahat. Penggaram sedia maklum Sungai Batu Pahat tidak pernah dikorek bagi tujuan mendalamkan sungai dalam tempoh 12 tahun sehingga kini. Kos yang dianggarkan menelan belanja sebanyak RM100 juta ini telah dimohon oleh JPS untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-11 tetapi malangnya ia tidak diterima. Maklumat yang diperolehi daripada pihak JPS jangkaan paras air akan meningkat sekurang-kurangnya 1cm bagi setiap tahun dan perkara ini perlu dipandang serius oleh kerajaan negeri. Penggaram bersyukur di kalangan Ahli Dewan yang mulia ini kita mempunyai seorang ADUN yang juga merupakan Perdana Menteri. Jadi Penggaram berharap agar kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dapat menggembleng usaha bersama bagi menamatkan penderitaan penduduk di sekitar Sungai Batu Pahat. Dengan menempatkan jumlah peruntukan yang telah dipohon oleh JPS ke dalam Rancangan Malaysia Ke 12.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Penggaram amat tertarik dengan dasar ke lestari alam sekitar serta matlamat menjaga ekosistem flora dan fauna yang direncanakan oleh kerajaan khasnya bagi program sifar sampah. Namun begitu Penggaram berharap program sifar sampah tidak menjadi seperti program hangat-hangat tahi ayam. Kita sedia maklum program seperti ini perlu dipupuk di semua lapisan masyarakat kerana tidak akan berhasil dalam tempoh waktu yang sekejap.

Ia memerlukan masa ke semasa, *step by step* dengan izin, kepada dari kepada kurang semakin kurang sehingga sifar. Tetapi Penggaram merasakan keperluan untuk kerajaan memulakan langkah pertama ini dengan mengambil inisiatif di dalam merancang sistem pengumpulan dan pengutipan sampah bagi kawasan di luar bandar, di mana ia di luar seliaan pihak SW Corp dan PBT.

Penduduk di kawasan luar bandar lebih cenderung untuk membuang sampah di kawasan-kawasan pengumpulan sampah di bandar yang berhampiran. Perkara ini menjadikan isu

lambakan sampah di sesetengah kawasan yang ditempatkan tong sampah untuk kutipan kontraktor, SW Corp kerana ia telah penuh terlebih dahulu sebelum tiba waktu kutipan seperti yang dijadualkan. Bukan itu sahaja, sesetengah mereka didapati akan membakar sampah sekali gus membuat pembakaran terbuka dan ia telah menyumbangkan kepada pencemaran udara di kawasan luar bandar.

Lebih teruk lagi ada yang memilih untuk membuang sampah di kawasan lapang, saliran-saliran seperti parit-parit, sungai-sungai yang mengakibatkan pencemaran dan juga boleh menjadi sebagai salah satu punca terjadi banjir kilat. Pun begitu, Penggaram amat memahami kekangan yang dihadapi oleh masyarakat di luar bandar apabila mereka tiada tempat pengumpulan dan pembuangan sampah yang disediakan. Oleh itu, Penggaram berharap kerajaan menyediakan satu mekanisme sebagai contoh melalui penyediaan Pejabat Daerah dan agensi lain di dalam pengurusan sampah di kawasan luar bandar.

Seperti yang dimaklumkan pada awal tadi Penggaram menganggap inisiatif ini sebagai langkah pertama, sebagai jaminan kerajaan mengorak langkah seterusnya di dalam menuju ke arah ke lestari alam sekitar dan kesihatan serta pembudayaan ekonomi dan infrastruktur desa. Jika tiada langkah pertama, tak akan ada langkah seterusnya. Yang Berhormat Tuan Speaker di dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Khamis lalu Penggaram dapati tiada disentuh mengenai peruntukan bagi program bagi Kad Sihat Johor. Seperti yang kita sedia maklum Program Kad Sihat Johor telah dijalankan sejak 2 tahun yang lalu, di atas inisiatif Pakatan Harapan. Dan ia mendapat sambutan yang menggalakkan dari bangsa Johor.

Selain telah memberi manfaat kepada keluarga dan individu daripada golongan B40 ia juga bertujuan mengurangkan kesesakan di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan kerajaan, di dalam menerima pesakit-pesakit luar bagi kes-kes kurang serius seperti demam. Tambahan lagi ketika pandemik COVID-19 sedang menyerang negara, Penggaram berpendapat ianya menjadi keperluan supaya rakyat mempunyai pilihan lain iaitu klinik-klinik panel untuk mendapatkan rawatan. Penggaram ingin penjelasan berkaitan Program Kad Sihat Johor, adakah ia masih diteruskan atau terdapat penambahan kuota untuk pengambilan baru ataupun ia telah dimansuhkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan statistik dari Polis DiRaja Malaysia berkaitan kes bunuh diri, sebanyak 266 kes bunuh diri telah dilaporkan di negara ini, sejak tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac hingga Oktober 2020. Secara purata seramai lebih kurang 30 orang didapati membunuh diri di dalam tempoh sebulan atau seorang pada setiap hari. Berdasarkan statistik ini di peringkat persekutuan, Penggaram juga ingin mendapat maklumat dari kerajaan berkaitan angka kes bunuh diri yang datang dari negeri Johor mengikut pecahan berdasarkan daerah-daerah.

Di mana hutang yang tinggi selepas hilang pekerjaan dan masalah keluarga telah menjadi punca utama seseorang itu nekad meragut nyawanya sendiri. Sebagai langkah pembangunan modal insan serta merenung permasalahan seperti ini Penggaram berharap agar kerajaan negeri dapat memperuntukkan sejumlah bajet bagi menyediakan perkhidmatan kaunseling yang lebih efektif dan menyeluruh kepada masyarakat melalui agensi-agensi kerajaan yang sedia ada seperti Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat mahu pun NGO-NGO.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan Bajet 2021 Penggaram maklum bahawa kerajaan negeri merancang akan membina 12 buah sekolah agama di dalam fasa 6 bagi tempoh 5 tahun akan datang, dengan anggaran peruntukan berjumlah RM85 juta. Pembinaan baharu sekolah-sekolah ini dikatakan dapat menyediakan sebanyak 12,000 tempat belajar bagi anak-anak Islam di negeri Johor. Penggaram ingin mendapatkan

kepastian adakah pembinaan sebanyak 12 buah sekolah agama ini termasuk pembinaan baru bagi Sekolah Agama Bukit Pasir, Batu Pahat.

Penggaram ingin mengetahui apakah status Sekolah Agama Bukit Pasir, di mana dia telah dibina atas tanah milik kerajaan persekutuan. Keadaan sekolah agama ini yang daif dan tidak selesa untuk suasana pembelajaran serta pembinaannya di atas tanah kerajaan persekutuan menyebabkan ia seperti diketepikan oleh kerajaan negeri dari menerima sebarang peruntukan untuk menaik taraf, apatah lagi untuk menerima sebarang peruntukan dari kerajaan persekutuan kerana ia merupakan sekolah milik kerajaan negeri.

Penggaram berharap ada satu perbincangan yang wajar di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan untuk menyelesai perkara ini, ataupun kerajaan negeri perlu mengambil langkah drastik dengan membina sekolah baru bagi murid-murid sekolah agama tersebut. Penggaram yakin warga Sekolah Agama Bukit Pasir serta masyarakat Islam di sekitar sekolah ini sentiasa mengharapkan suasana yang kondusif bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, berdasarkan kerangkuman berbagai kaum serta semangat muhibah bangsa Johor Penggaram juga berharap agar kerajaan menyalurkan setengah-setengah peruntukan kepada Sekolah-sekolah Menengah Cina yang juga telah menyumbang kepada pembangunan modal insan di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, akhir sekali sebagai langkah mengangkat dan memperkasakan institusi Wakil Rakyat serta merealisasikan amalan demokrasi, Penggaram berharap semangat ini dapat diperluaskan ke peringkat yang seterusnya seperti di peringkat daerah. Penggaram berasa ada keperluan untuk setiap ADUN-ADUN pembangkang dijemput hadir ke setiap Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah di daerah masing-masing.

Selain merupakan ADUN yang dipilih oleh rakyat secara sah, ia juga sebagai penghormatan dan penghargaan kepada masyarakat di 27 kawasan DUN yang diwakili oleh kami, agar mendapat manfaat sewajarnya merentasi ideologi politik. Janganlah kerajaan memandang kami sebagai musuh tetapi anggaplah kami sebagai rakan kongsi yang sama-sama mahu memberi khidmat dan jasa bakti kepada negeri yang kita cintai ini. Sekian,terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Penggaram. Seterusnya saya persilakan Skudai, jemput.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Salam sejahtera, patik mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah tahniah kepada Tuanku Sultan Johor Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar sempena hari keputeraan tuanku pada 22 November yang lalu. Semoga Tuanku dan seluruh kerabat Raja sentiasa sihat walafiat, Daulat Tuanku. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana telah memberi peluang kepada Skudai untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Tahun 2021. Salam harapan Johor kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Perbahasan saya pada hari ini boleh dirumuskan dalam 3 aspek utama. Dengan menyentuh 5 isu harap Yang Berhormat Tuan Speaker memberi kelonggaran dari segi masa untuk saya habiskan semua isu yang ingin saya bincangkan. Yang Berhormat Tuan Speaker,Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan program Digitalisasi PBT Johor dengan melaksanakan sistem *One Stop Centre 3.0 Plus Online ,* namanya panjang di 16 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor seperti yang telah ditetapkan dalam Belanjawan Tahun 2021.

Para 77 teks ucapan belanjawan 2021 juga menyebut kesediaan digital tidak lagi menjadi pilihan. Perubahan ke arah Era Pendigitalan bukan lagi satu paksaan, ia mesti dilakukan sekarang. *Embracing the digital agenda is a must and a necessity, it's not a luxury not even a choice.* Pendigitalan pentadbiran bukan sahaja satu trend yang memaksa kita dari segi

pemakaiannya malah telah menjadi satu kayu uji tentang daya saing kita dalam dunia yang penuh dengan pelbagai cabaran sekarang.

Kita perlu menjadikan dasar *one time one counter* dengan izin, sebagai sasaran yang perlu dicapai dalam tempoh yang terdekat, kalau boleh sebelum pilihan raya umum yang akan datang dasar ini dapat dilaksanakan. *One time one counter* bermaksud segala urusan dengan kerajaan terutamanya Kerajaan Tempatan hanyalah perlu berurusan di satu kaunter sebanyak sekali sahaja. Dengan pelaksanaan dasar *one time one counter*, kita boleh mengurangkan karenah birokrasi dan mengujudkan satu suasana pelaburan yang baik untuk menggalakkan pertumbuhan usahawan tempatan dan juga pelaburan dari luar.

Saya mengalu-alukan usaha pendigitalan kerajaan terutamanya dalam peringkat Kerajaan Tempatan. Bagaimana pun perlu menjelaskan butiran program digitalisasi PBT Johor yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, adakah sistem *One Stop Centre 3.0 Plus Online* yang diumumkan itu sesuatu sistem yang baru. Berapakah perbelanjaan yang terlibat secara keseluruhannya. Apakah perbezaan sistem ini dengan sistem epbt yang digunakan sekarang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pendigitalan pendigitalan bukanlah satu perkara yang baru terutamanya bagi Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor.

Inisiatif pendigitalan PBT telah bermula seawal tahun 2010, 10 tahun yang lalu di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional. Melalui pelaksanaan sistem epbt yang bernilai RM41.74 juta. Daripada jumlah tersebut, kerajaan negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM9.94 juta manakala bakinya ditanggung oleh kesemua 16 PBT di negeri Johor. Pada tahun 2018, Yang Berhormat Tuan Speaker, apabila berlakunya peralihan pentadbiran kepada Pakatan Harapan, kami dapati bahawa Sistem epbt yang telah dilaksanakan selama 8 tahun, bayangkan 8 tahun tidak mencapai matlamat yang disasarkan kerana keseluruhan sistem ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Bagaimanapun, peralihan kuasa ini tidak menghentikan atau pun melembap keseluruhan inisiatif berkenaan. Walau pun hanya dimanfaatkan sebanyak 70% sahaja. Dengan membabitkan hanya 5 PBT yang menyediakan platform pembayaran cukai dan kompaun secara *online* sepanjang tempoh pelaksanaannya, Yang Berhormat Tuan Speaker. Kerajaan Pakatan Harapan tidak membuang terus sistem epbt ini, dan digantikan dengan sesuatu yang baharu, namun kami memperkukuhkan dengan melengkapkan sistem epbt serta menekankan kepada Kerajaan Tempatan keperluan penggunaan kesemua modul Sistem epbt dalam meningkatkan urus tadbir Kerajaan Tempatan. Ini..

YB Speaker : Masuk *point* yang kedua, Yang Berhormat. Itu baru *point* yang pertama.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Ya.

YB Speaker : Dah 5 minit dah.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Aa ah.. *Point* itu penting.

YB Speaker : Ha, *point* yang kedua, Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : (ketawa). Ini kerana kita faham, bahawa setiap sen yang kita belanjakan itu adalah titik peluh pembayar cukai dan kami tidak berhasrat untuk mensia-siakan usaha yang telah dicurahkan selama itu, serta untuk mengelakkan sebarang pembaziran yang mungkin berlaku. Setelah tahun pertama di perintah oleh Pakatan Harapan, penggunaan modul Sistem epbt telah mencatat lebih 90% dengan menyaksikan sebanyak 9 PBT telah menyediakan Sistem e-Khidmat yang merangkumi pembayaran cukai tanah, cukai pintu, pembayaran kompaun, pembaharuan lesen perniagaan dan penempahan kemudahan PBT secara dalam talian, atas dengan izin, *online*.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Sistem epbt ini telah mencecah usia 10 tahun, melalui 5 pentadbiran Menteri Besar daripada parti yang berbeza. Namun, sehingga hari ini masih belum mencapai penggunaan secara 100% dan masih terdapat sebenarnya, masih terdapat PBT yang masih belum menyempurnakan proses pemindahan data. Padahal perkara ini juga pernah ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara. Jadi, bagaimanakah sesuatu sistem yang baru, yang diumumkan pada Khamis yang lepas dapat disesuaikan oleh semua PBT dalam masa yang tersingkat supaya rakyat mendapat manfaat daripadanya? 10 tahun telah berlalu, dan kita baru sahaja dalam proses hendak mendekati penggunaan 100% Sistem epbt. Adakah kita perlu menunggu 10 tahun lagi, untuk membangunkan dan menyesuaikan diri dengan sistem yang baru? Adakah penggunaan dan penyesuaian diri kepada sistem yang baru ini akan mensia-siakan usaha yang dicurahkan dalam 10 tahun yang lalu ini? Saya bimbang, sistem yang baru ini akhirnya akan melambatkan lagi usaha pendigitalan pentadbiran. Dan, paling menyakitkan hati sekiranya perkara ini menjadi satu projek gajah putih. Justeru, sekali lagi Skudai memohon supaya kerajaan menjelaskan tentang segala butiran *System One-Stop Centre 3.0 Plus Online* dengan menyatakan pembekal sistem, kualiti pengurusan sistem, nilai pemberian perkakasan dan cara latihan modal insan. Sehubungan itu, saya juga menggesa kerajaan untuk memperincikan terlebih dahulu, Program Digitalisasi PBT dan *System One-Stop Centre 3.0 Plus Online*. Panjang nama itu. Saya juga menyarankan supaya kerajaan negeri Johor menambah baik sistem sedia ada, iaitu Sistem epbt dengan menambahkan modul-modul sistem jika ada yang terkurang, meningkatkan tahap keselamatan sistem ini dan mengurangkan masa pemprosesan sesuatu transaksi. Penambahbaikan dan pengukuhan sistem yang ada sekarang dapat mengelakkan pembaziran sekali gus memastikan bahawa usaha pendigitalan ia berkesan daripada sistem yang telah digunakan selama 10 tahun ini dan mengelakkan tempoh penyesuaian diri dengan sistem yang baru serta memberikan manfaat kepada rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita maklum bahawa, kejadian banjir kilat semakin sukar untuk dijangka disebabkan oleh faktor perubahan iklim dan juga kuantiti hujan yang semakin sukar untuk dijangka. Bagaimana pun, banjir kilat yang terlalu kerap berlaku tidak sewajarnya dipandang ringan sebagai banjir semata-matan banjir kilat tetapi perlu diberikan penekanan untuk mencari jalan penyelesaiannya yang berkesan untuk mencari masalah yang telah menghantui penduduk setempat. Terdapat 3 *hotspot* banjir kilat yang sering berlaku di kawasan DUN Skudai sekiranya hujan lebat turun secara berterusan, iaitu Kampung Poh Chi Leng dan Kampung Laut serta kawasan Jalan Makmur 19 hingga 24, Taman Damai Jaya, Skudai. Kawasan-kawasan tersebut telah mengalami sekurang-kurangnya 4 kali banjir kilat pada tahun ini sahaja. Skudai ingin membangkitkan bahawa sebahagian Kampung Poh Chi Leng dan Kampung Laut sering mengalami banjir kilat semasa hujan lebat. Projek Kem Skudai yang terbengkalai antara punca utama kejadian banjir kilat di kedua-dua kampung ini yang bertempat di tepi Sungai Skudai. Keadaan ini pernah boleh dikatakan selesai atau pun menjadi reda untuk seketika selepas isu kolam takungan kelodak di Kem Skudai di selesai, dan kerja naik taraf Sungai Skudai dijalankan di sekitar di Kampung Poh Chi Leng. Bagaimana pun, kerja-kerja selenggaraan wajarlah dijalankan secara berterusan dan konsisten supaya masalah yang sama tidak berulang. Masalah banjir kilat berulang lagi, untuk beberapa tahun kebelakangan ini dan telah menjadi lebih teruk apabila banyak pembangunan taman perumahan baru di bahagian hulu Sungai Skudai. Skudai menyeru supaya kerajaan mewujudkan kerjasama rentas jabatan dengan menubuhkan *taskforce* yang merangkumi beberapa agensi berkaitan, terutamanya Kementerian Pertahanan Malaysia, Pejabat Daerah, Pejabat Tanah, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Jabatan Pengairan dan Saliran dan lain-lain agensi yang berkaitan supaya membincangkan dan merangka jalan penyelesaian secara kolektif dan menjalankan kerja-kerja selenggaraan untuk mengurangkan risiko banjir kilat yang berlaku di kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kawasan Jalan Makmur 19 hingga 24, Taman Damai Jaya yang terletak di tepi Sungai Melana antara lokasi *hotspot* yang sering mengalami banjir kilat sepanjang 30 tahun yang lalu. Walaupun terdapat kolam takungan air dan rumah pam dibina berdekatan dengan lokasi tersebut, namun saya terima aduan daripada penduduk tersebut bahawa rumah pam tersebut tidak berfungsi secara efisien untuk menyedut air ke Sungai Melana dan masalah banjir kilat tetap berlaku di kawasan tersebut. Saya meminta, pihak yang berkenaan, menaik taraf pam tersebut supaya pembinaannya dapat mencapai matlamatnya dan menyelesaikan masalah banjir kilat di sana, mengurangkan kerugian yang dialami oleh penduduk setempat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cadangan untuk menaik taraf BAKAJ kepada Lembaga Pengurusan Air Johor, perlulah mengambil iktibar daripada pengalaman lama dan kelemahan terdahulu serta dapat meningkatkan usaha dalam memelihara dan memulihara sumber air mentah di negeri Johor. Keadaan di mana beberapa jabatan yang berkaitan dengan pengurusan sungai, empangan dan atau pun sumber air mentah yang lain, bekerja secara berasingan atau dengan izin, *work in silo,* haruslah dielakkan dan diberhentikan. Lembaga Pengurusan Air Johor juga perlulah diberikan kuasa yang lebih besar untuk menguatkuasakan Enakmen Air 1921 pindaan 2014. Antara perkara yang kritikal dan perlu diberikan keutamaan tertinggi ialah pemulihan dan pemeliharaan kawasan tadahan air. Sebanyak 13 kawasan tadahan air seluas lebih kurang 409 km^3 yang menjadi sumber air utama dalam negeri Johor telah diwartakan sebagai kawasan tadahan air. Bagaimanapun, pewartaan ini tidak mencukupi jika dibandingkan keluasan keseluruhan untuk 15 empangan yang terdapat di negeri Johor yang meliputi keluasan sebanyak 922.36 km^3. Ini belum termasuk kawasan tadahan air yang sepatutnya jauh lebih luas memandangkan kita mempunyai 45 tempat pengambilan air bagi 45 loji rawatan air yang seharusnya dipelihara kawasan tadahan airnya. Isu air paip yang berbau pandan yang berlaku pada 20 hingga 30 Julai yang lalu, wajib menjadi peringatan kepada kita semua. Mungkin ada di kalangan kita yang berasa mujur kerana air itu bau rasa pandan, tetapi bukannya bau sampah. Ini tidak seharusnya menjadi sikap kita terutama apabila berhadapan dengan isu bekalan air yang menjadi perkara asas kehidupan seharian kita. 4 bulan selepas kejadian air pandan ini, kerajaan masih gagal memaklumkan kita siapakah pihak yang terlibat? Apakah tindakan yang telah dikenakan? Dan, ini juga kita saksikan dalam sesi soal jawab pada hari semalam. EXCO langsung tiada jawapan. Perkara ini bukan sahaja tidak wajar berlaku, Yang Berhormat Tuan Speaker, malah tindakan berjaga-jaga sewajarnya diambil lebih awal supaya segala aktiviti manusia di dalam kawasan tadahan air haruslah diharamkan atau sekurang-kurangnya dikawal rapi dengan mematuhi SOP yang ketat supaya risiko pencemaran air pada sumber air mentah ini dapat dikawal pada tahap yang paling rendah, paling minimum. Saya berharap, penubuhan Lembaga Pengurusan Air Johor ini dapat mengisi kekosongan ini dan juga menambah baik segala kekurangan yang wujud sekarang.

YB Speaker : Pandan itu berpunca dari apa jangkaannya, Yang Berhormat? Ia daripada punca apa sebenarnya?

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Yalah. Yang Berhormat Tuan Speaker, Skudai telah menerima banyak aduan gangguan bekalan air daripada penduduk di sekitar Taman Ungku Tun Aminah dan Bandar Selesa Jaya akibat paip pecah dan paip bocor. Berdasarkan pemerhatian pejabat saya, terdapat sekurang-kurangnya 447 kes paip pecah dan paip bocor didapati berlaku di kawasan Taman Ungku Tun Aminah pada tahun 2019 dan terdapat 509 kes sehingga bulan Oktober tahun ini. Manakala di kawasan Bandar Selesa Jaya pula, 211 kes pada tahun 2019, tahun lepas dan 138 kes pada sehingga bulan Oktober tahun ini. Kawasan Skudai terdiri daripada banyak kawasan perumahan yang lama dan sistem perpaipan mengalami penuaan yang serius dan ini merupakan antara punca utama aduan paip pecah dan paip bocor banyak berlaku. Justeru, penggantian dan penambahbaikan saluran paip lama bagi mengatasi masalah ini di kawasan penggunaan tinggi amat diperlukan. Bekalan air yang sering terganggu bukan sahaja menimbulkan keresahan di

kalangan penduduk setempat, malah operasi industri dan juga perniagaan turut akan terkesan. Masalah gangguan bekalan air bukan sahaja, saya yakin bukan sahaja berlaku di Skudai, ia juga berlaku di kawasan perumahan dan perkedaian lama. Oleh itu, Skudai mencadangkan kerajaan memanfaatkan peruntukan Rancangan Bekalan Air Negeri Johor yang bernilai RM20.1 juta dalam belanjawan persekutuan pada tahun hadapan supaya meringankan masalah gangguan bekalan air di kawasan Skudai dan kawasan lain.

Selain itu kerajaan juga boleh mohon peruntukan NRW National yang bernilai RM259.0 juta untuk mengatasi masalah tersebut. Skudai juga bertanya sama ada kajian yang menyeluruh terhadap air tidak berhasil (NRW) serta pemetaan dengan izin, *mapping*, rangkaian perpaipan bekalan air telah dijalankan untuk daerah Johor Bahru termasuk kawasan Skudai yang kerap mengalami gangguan bekalan air kerana penuaan sistem perpaipan. Sekiranya tidak, sekiranya kajian belum terlaksana, maka saya mohon supaya kerajaan negeri melantik pakar perunding secepat mungkin demi mengenal pasti lokasi paip yang kritikal khususnya untuk kawasan Taman Ungku Tun Aminah. Kajian tersebut perlu mengambil kira faktor tahap kelemahan paip yang berbeza supaya Pelan Rancangan Penaiktarafan Sistem Perpaipan dapat dilaksanakan dengan mengikut keutamaan. Walaupun kerajaan sentiasa menghadapi kekangan dari segi peruntukan kewangan, kerja penggantian dan penambahbaikan saluran paip harus dijalankan secara berfasa bermula daripada kawasan kritikal seperti di Taman Ungku Tun Aminah.

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat...

YB Tan Hong Pin (Skudai) : Untuk membantu rakyat dan industri setempat yang lama dibelenggu masalah bekalan air.

YB Speaker : Yang Berhormat ni *point* ni ke berapa ni?

YB Tan Hong Pin (Skudai) : Mana?

YB Speaker : *Point* yang ke berapa ni?

YB Tan Hong Pin (Skudai) : *Point* yang keempat dah habis dah. Penghujung *point* yang keempat.

Untuk makluman, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Ranhill Holding telah mengumumkan bahawa Ranhilll SAJ dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) akan memperuntukkan kira-kira RM3.4 bilion dalam tempoh 7 tahun bermula tahun 2018 bagi melaksanakan Program Pemacu Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW) di negeri Johor, supaya mengurangkan pembaziran air kepada hanya 5% berbanding dengan 24.12% pada tahun 2018. Ini satu inisiatif yang baik. Skudai memohon kerajaan menjelaskan butiran projek tersebut secara terperinci serta status kemajuan projek tersebut dan data NRW yang terkini di negeri Johor. Saya berharap penduduk Skudai juga dapat manfaat daripada usaha murni ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ini yang terakhir. Pelan Pengiktirafan Peranan Ahli Pembangkang dan Dewan mulia ini...

YB Speaker : Kata dah terakhir. Masa dah 22 minit Yang Berhormat. Masa dah 22 minit.

YB Tan Hong Pin (Skudai) : Janganlah berhenti setakat pemberian peruntukan dan lebih pengiktirafan kepada Ketua Pembangkang. Saya berharap Konvensyen Westminster dapat diamalkan dalam Dewan yang mulia ini dan peranan Ahli-Ahli Dewan dapat dipertingkatkan sama ada bagi pihak *back bencher* mahupun ADUN pembangkang. ADUN pembangkang wajar dilihat sebagai pelengkap kepada kerajaan dan bukannya musuh seperti yang disebut

oleh Yang Berhormat Pengerang tadi. Apa salahnya jika ADUN pembangkang dibenarkan menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk mengetahui dan memberi pandangan tentang perkembangan terkini pada peringkat daerah.

Skudai juga ingin mengesyorkan supaya beberapa Jawatankuasa Pilihan di bawah Dewan Negeri ditubuhkan supaya isu-isu penting yang menjadi fokus rakyat diberikan perhatian yang sewajarnya. Dan, mencari penyelesaian yang berkesan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Dengan adanya keanggotaan daripada pihak bukan kerajaan, saya yakin bahawa cadangan dan dasar yang komprehensif dan memenuhi kepentingan semua pihak dapat ditemui hasil daripada perbincangan dalam Jawatankuasa Pilihan ini.

YB Speaker : Sekian.

YB Tan Hong Pin (Skudai) : Yang Berhormat Tuan Speaker, kita sekarang berhadapan dengan senario baru yang tidak pernah kita alami sebelum ini. Bukan sahaja cabaran pandemik COVID yang dihadapi bersama di seluruh dunia, malah keseluruhan rakyat, keseluruhan masyarakat juga terpaksa menyesuaikan diri dengan norma baru termasuklah dalam politik dan urus tadbir kerajaan. Pertama kali dalam Dewan yang mulia ini, bilangan Ahli Yang Berhormat kerajaan dan pembangkang berbeza hanya dua orang sahaja. Inilah masanya kita memulakan budaya politik yang baru dan menjunjung tinggi sistem demokrasi berparlimen W*estminster*. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih Skudai. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Semerah.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu patik merafak sembah, menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Alhaj, Sultan Yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Ta'zim sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 hijrah.

Terima kasih kepada Tuan Speaker atas kebenaran memberikan ruang dan waktu untuk Semerah memberikan pandangan dan idea dalam sidang DUN kali ini. Apatah lagi ia melibatkan satu pembentangan perancangan belanjawan yang getir bagi menghadapi tahun mendatang. Kita maklum bahawa pada minggu lepas, 26 November, Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar telah pun membentangkan Belanjawan Johor 2021 dengan perangkaan tahun 2021 hasil dianggarkan sebanyak RM1,609.07 juta dan perbelanjaan sebanyak RM1,827.21 juta dengan defisit sebanyak RM248.14 juta.

Walau bagaimanapun, Semerah ingin melontarkan persoalan untuk mendapatkan penjelasan berhubung beberapa anggaran. Anggarannya seperti berikut untuk kod hasil bukan cukai 77000 iaitu sumbangan dan bayaran ganti daripada luar negeri dan sumbangan tempatan sebanyak RM50 juta. Kerana kalau kita lihat, dalam buku belanjawan ini, pendapatan pada 2019 kita tak ada dan anggaran tahun 2020 juga kita tidak ada, tetapi anggaran 2021 kita ada sebanyak RM50 juta.

Selain daripada itu, untuk kod hasil 62801, Cukai Tiket Wayang sebanyak RM34, 000,551.00 kalau kita lihat pendapatan pada 2019 ialah sebanyak RM29,203,521.89 manakala anggaran pada tahun 2020 ialah RM28 juta dan anggaran yang dipinda ialah sebanyak RM7.610 juta tetapi kita untuk anggaran 2021 sebanyak RM34.551 juta dalam masa yang sama isu pandemik banyak panggung-panggung wayang yang telah ditamatkan beroperasi dan banyak yang beroperasi pun tidak dapat beroperasi. Jadi, selain daripada itu, ialah kod hasil 62802 Cukai Tiket Taman Tema iaitu anggaran pada 2021 ialah

sebanyak RM5 juta yang mana pada pendapatan 2019 hanya RM3.09 dan anggaran pada 2020, RM30 juta dan dipinda kepada RM1.2 juta dan anggaran kita pada tahun 2021 ialah sebanyak RM5 juta. Jadi, saya inginkan penjelasan kerana kita tahu taman tema kita seperti Legoland sekarang pun tak ramai yang datang kerana masalah kemasukan pelancong-pelancong asing ke negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, Semerah mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua *front liners* tidak kira daripada KKM, Bahagian Keselamatan dan juga NGO yang bekerja siang dan malam bagi memastikan keselamatan kesihatan rakyat Johor. Kami mengucapkan terima kasih. Kita faham bahawa pandemik COVID 19 ini bukan sahaja melanda di Johor tetapi di seluruh dunia dan daripada itu, ramai dari mereka hilang punca pekerjaan dan juga punca pendapatan akibat daripada penutupan serta pengecilan operasi. Oleh itu, kita tahu ramai di kalangan mereka mengalami masalah kemurungan dan juga depresi.

Menurut jawapan daripada EXCO Kesihatan, dari bulan Mac 2020 hingga Oktober 2020, seramai 439 kes bagi depresi ataupun kemurungan dimasukkan ke wad bagi menerima rawatan. Mereka adalah dari umur 20 hingga 59 tahun. Selain daripada itu juga, kita lihat serangan jantung bagi tahun daripada Mac hingga Oktober 2020, daripada umur 20 hingga 59, seramai 3,184 mereka menerima serangan jantung yang dimasukkan ke wad manakala seramai 1,080 bagi hipertensi. Jadi kita tengok dan kita lihat dalam isu COVID ini, ramai kalangan daripada masyarakat kita ini umur muda 20 hingga 59 mengalami masalah-masalah seperti depresi, hipertensi dan juga masalah jantung.

Oleh yang demikian, Semerah mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk bersedia dengan permasalahan psikiatri yang akan melanda rakyat Malaysia dengan menambah jumlah pakar psikiatri di semua hospital di seluruh negeri Johor dan menyediakan pelbagai program bagi menyokong pesakit yang mengalami masalah depresi ataupun kemurungan.

Ya, kita maklum Yang Berhormat Speaker, masalah COVID19 ini dan kita tahu bahawa kerajaan negeri telah pun membeli vaksin sebanyak 12.68 juta dos daripada pihak *Pfizer* dan ianya mencapai sehingga keberkesanan sebanyak 90%. Saya cuma ingin sentuh, adakah kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri bersedia dengan konsep penyimpanan vaksin ini kerana kalau kita lihat vaksin ini memerlukan -70 darjah Celsius simpanan. Jadi, kalau kita lihat kos vaksin lain tetapi kita perlu lihat daripada kos penyimpanan vaksin ini. Ini saya harap kerajaan negeri dapat memikirkan lebih awal apabila vaksin itu telah diterima oleh kerajaan persekutuan bagaimana Jabatan Kesihatan Negeri Johor untuk menyimpan vaksin-vaksin ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu utama yang kita lihat ialah isu denggi. Saya rasa Yang Berhormat EXCO, saya pun dulu itulah denggi adalah masalah utama dan kita tahu sehingga bulan Oktober 2020 sebanyak 9,931 kes denggi di negeri Johor, di mana Batu Pahat sebanyak 234. Jadi, saya berharap kerajaan ini dapat memastikan langkah-langkah perlu bagi mengatasi masalah ini termasuklah bagaimana menghadapi sikap masyarakat yang mengambil sikap sambil lewa dalam isu kebersihan setempat. Ini saya minta kerjasama daripada semua pihak PBT, NGO dan pihak JKNJ untuk memastikan bahawa pada tahun hadapan kita dapat turun. Saya ingat 2019 dah tinggi, rupanya tahun 2020 makin bertambah. Ini yang kita harap kita dapat bersama-sama berusaha mengurangkan isu denggi ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya maklum dengan keadaan fasiliti kesihatan di hospital-hospital seluruh negeri Johor dan kita maklum bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia telah meluluskan peruntukan pembangunan di bawah butiran Projek Naik Taraf Ubahsuai

dan Pembaikan BP.00600 bagi tahun 2020 yang merangkumi 58 projek berjumlah RM8,375,511.10. Pecahan projek adalah seperti berikut :

1. Bahagian Perubatan sebanyak, 30 projek, RM3,055,441.60
2. Bahagian Kesihatan Awam, 16 Projek, RM4,680,141.00
3. Bahagian pergigian, 7 projek sebanyak RM425,928.50.
4. Bahagian farmasi, 4 projek sebanyak RM114,000.00 dan
5. Bahagian keselamatan dan kualiti makanan sebanyak 1 projek berjumlah RM100,000.00.

Oleh itu, Semerah ingin tahu berapakah projek yang telah disiapkan dan namakan projek-projek berikut. Selain daripada itu, kita tahu bahawa Klinik Kesihatan Desa yang sekarang banyak berada di kampung-kampung hanya digunakan kadang-kadang purata 2,3 orang sehari. Jadi di sini, saya harap Semerah mencadangkan agar klinik-klinik kesihatan ini menjadi tempat pengambilan ubat-ubatan yang mengikut temu janji serta kita boleh juga minta bantuan doktor-doktor perubatan untuk mengadakan rawatan di klinik-klinik desa ini mengikut jadual. Ini adalah bagi mengatasi masalah kesesakan hospital dan juga poliklinik seluruh negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita tahu Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar menekankan bahawa pertanian sebagai salah satu sumber utama yang untuk memastikan bahawa kita, untuk mendapatkan menjana hasil yang baik, yang berkualiti dan juga stabil, kita memerlukan sistem saliran dan juga pengairan yang baik. Kita maklum bahawa di Pantai Barat iaitu dahulu dikenali sebagai Projek Johor Barat iaitu pada tahun 1974 hingga tahun 2000, dengan mengendalikan tanah seluas 633,948 hektar untuk penanaman kelapa sawit, getah, nanas, kopi dan kelapa. Kawasan tersebut meliputi Batu Pahat, Pontian dan Muar. Untuk makluman panjang saliran parit di tiga daerah ini melebihi 4,900 kilometer iaitu 2,695 kilometer di Batu Pahat. 1,375 kilometer di Pontian dan 845 kilometer di Muar. Jadi, sebelum ini semua projek semasa zaman Johor Barat ianya ditampung oleh kerajaan Persekutuan tetapi selepas tahun 2000, ianya ditampung oleh kerajaan Negeri dengan bajet RM40 juta yang ada untuk penyelenggaraan parit. Saya tidak pasti bahawa ianya di dapat menyelenggara parit-parit di seluruh negeri Johor kerana di kawasan Johor Barat sahaja mempunyai 4,900 kilometer. Jadi saya harap pihak kerajaan Negeri dapat berusaha untuk mendapatkan peruntukan khas bagi pembersihan.

YB Speaker : Azan, Yang Berhormat.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya sebutkan tadi tentang masalah perparitan kerana isu ini yang akan menyebabkan masalah banjir, banjir kilat dan juga banjir termenung di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi saya harap selepas ini pihak, apabila kita ada peruntukan yang lebih pihak JPS akan mudah untuk salurkan ke setiap daerah dan memastikan bahawa sistem perparitan ini dapat dibersihkan setiap tahun.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin bertanya juga mengenai status bangunan FAMA Batu Pahat di Parit Sidik, Jalan Muar, Batu Pahat kerana setakat ini saya tidak pasti sama ada ia berfungsi atau tidak, saya nak dapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat EXCO.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin maklumkan tentang Rumah Mampu Biayalah. Tentang Rumah Mampu Biaya Johor dan juga rumah, Skim Perumahan Ihsan Makmur. Di sini saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO tentang Skim Perumahan Ihsan Makmur yang mana kerajaan negeri ada tanah seluas 9 ekar di bawah Jabatan

Veterinar yang sekarang ini masih kosong dan saya yang terletak di Jalan Jeragan dan saya mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri untuk membina Skim Perumahan Ihsan Makmur di situ kerana untuk makluman semua, di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat, terdapat seramai 320 keluarga miskin bandar dalam Majlis Perbandaran Batu Pahat. Dan selain daripada itu kita berharap dengan kita dapat binanya rumah di bawah Skim Perumahan Ihsan Makmur ini, kita akan dapat menyediakan penempatan kepada setinggan bandar yang terdapat ramai di Batu Pahat. Selain daripada itu juga, untuk Skim Perumahan Mampu Biaya Johor, pihak kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan untuk membina Rumah Mampu Biaya Johor di tanah kerajaan Persekutuan seluas 30 ekar yang terletak di Jalan Tanjung Labuh, Batu Pahat di depan Taman Banang Jaya kerana sebelum ini ia merupakan tapak untuk bahagian Kejuruteraan JPS Negeri Johor. Jadi dah lama itu, bersemak. Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri dapat melakukan sesuatu bagi membina rumah-rumah di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker,selain daripada itu juga, saya ingin mencadangkan bahawa satu laluan *exit* lebuh raya yang baru di antara Yong Peng Utara dan juga Pagoh iaitu kerana itu adalah lebuh raya yang paling panjang. Laluan paling panjang, lebih kurang 40 kilometer dan ianya memberi manfaat kepada penduduk-penduduk di DUN Seri Medan dan juga DUN Semerah iaitu dalam kawasan Parlimen Parit Sulong kerana kawasan tersebut mempunyai kawasan industri iaitu kawasan industri Seri Sulong. Saya rasa kalau, bila kita meningkatkan atau pun kita membuat *exit* baru situ maka pertumbuhan ekonomi yang lebih baik di kawasan sekitar Parit Sulong.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada itu, isu jalan persekutuan perlu diberi perhatian terutama jalan-jalan yang berada dalam kawasan bandar sebagai contoh di Batu Pahat di Jalan Bakar Condong kerana kita lihat jalan taman cantik, cantik negeri cantik tetapi jalan persekutuan menghadapi masalah dari segi penurapan. Jadi saya harap perkara ini perlu dipandang serius bagi memastikan keseimbangan tentang penyelenggaraan jalan di seluruh negeri Johor. Selain daripada itu, saya mencadangkan agar program sifar lubang atau *zero hole* untuk jalan-jalan kampung di bawah IDJ dan juga pejabat daerah bagi memastikan penjimatan yang mana penjimatan ini boleh disalurkan kepada jalan-jalan serta lorong-lorong di luar bandar yang masih belum di *premix* lagi. Sebab kadang-kadang bila lubang kecil kita biarkan sampai dah besar kita buat kita ambil lebih jarak dalam 50 meter. Jadi kerugian yang mana kita boleh bawa untuk kepada projek-projek yang lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker serta Ahli Dewan, kita tahu tentang masalah pelabuhan di Batu Pahat kerana sekarang ini Pelabuhan *Barter Trade* di Batu Pahat di Jalan Syahbandar menyebabkan kesesakan bandar. Dan sebelum ini kita maklum bahawa pelabuhan kedua akan dibina di kawasan DUN Semerah. Jadi kita nak tahu status terkini pelabuhan tersebut dan juga saya mencadangkan kepada pihak PAJ untuk mengenal pasti sebab sebelum ini kita ada berbincang mengenai pembinaan pelabuhan di jalan kawasan Minyak Beku yang mana kita pun dah melihat tapaknya kerana kita lihat bahawa kalau kita mempunyai pelabuhan yang khusus maka kita dapatkan menambah pendapatan bagi negeri Johor kerana masalah kemasukan kelapa. Kita pun tak kira berapa biji masuk kelapa daripada Indonesia dan sebagainya. Inilah juga punca pendapatan sampingan kepada kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan Geran Lokal 3.0, kita mendapat maklum balas daripada beberapa isu daripada masyarakat tempatan yang mengatakan bahawa syarat yang agak membebankan terutama di dalam usahawan mikro, penjaja kecil, kriteria pemilihan penerima-penerima geran spesifikasi bantuan yang tidak memenuhi keperluan golongan peniaga usahawan mikro dalam membantu mereka mencapai sasaran jualan. Saya ambil contoh benda ini adalah kerana di kawasan saya ada seorang pengusaha kek kukus, dia mohon mesin untuk 30 adunan tetapi mesin yang dapat 25 adunan jadi dia tak dapat. Kalau dia buat pakai mesin yang baru dia terima itu, masa dia akan rugi untuk 5

adunan. Jadi kita harap selepas ini kesepadanan antara permohonan pemilik, pemohon dan juga pemberi akan sama dan tidak menyusahkan kepada penerima.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada itu, saya ingin mencadangkan tiga pelancongan yang saya rasa kita Johor, ini mempunyai keistimewaan iaitu pelancongan makanan, pelancongan warisan budaya dan juga pelancongan sukan. Dan tadi, saya rasa Yang Berhormat EXCO ada maklumkan tentang penggunaan fasiliti-fasiliti sukan yang ada kerana fasilitii BMX yang ada di Johor ini antara yang tercanggih di seluruh negara. Berkenaan dengan makanan ini kita tahu, Johor mempunyai keistimewaan makanan di setiap daerah dan saya juga mencadangkan kepada pihak Tourism Johor untuk melihat kawasan makanan asam pedas di Johor, di Batu Pahat iaitu di Teluk Wawasan kerana ramai orang luar datang tetapi jalan masih tanah merah lagi. Jadi, kita mintalah Yang Berhormat EXCO untuk lihat sendiri bagaimana untuk kita naikkan taraf kawasan-kawasan pelancongan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana menyediakan peruntukan sebanyak RM9 juta untuk penyelenggaraan Sekolah Agama Johor dan saya telah berbincang dengan Yang Berhormat EXCO untuk kita percepatkan agar sekolah itu akan lebih cantik. Kita berumur 100 tahun lebih tetapi inilah baru kita nampak yang kita perlu bantu sekolah-sekolah agama. Selain itu, ada peruntukan RM1.5 juta, naik taraf Sekolah Agama Kebangsaan Johor yang sebelum ini dikenali sebagai sekolah SRAB. Saya harap ia dipercepatkan kerana sekolah SRAB ini memang ketinggalan. Dia sekolah kebangsaan, sekolah kebangsaan ada bilik sumber manusia dan sebagainya tetapi di sekolah SRAB tiada. Jadi saya harap Jabatan Agama dapat mengambil perhatian bukan secara peringkat tapi kalau boleh RM1.5 juta ini kita dapat siapkan di 10 buah sekolah SRAB di seluruh negeri Johor. Selain daripada itu ada 74 juta penyelenggaraan masjid dan juga tanah perkuburan. Dan saya harap pihak kerajaan negeri dapat memastikan bahawa seluruh kawasan tanah perkuburan kita ini dapat di pagar kerana saya ada masukkan satu permohonan kepada Pejabat Daerah, Pejabat Agama Daerah untuk memagar kawasan tanah kubur di kawasan Parit Besar Bagan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada itu, saya ingin bertanya mengenai status terkini rumah asnaf kerana sebelum ini kita dapat maklum bahawa 37 buah rumah asnaf bernilai RM2,794,000.00 telah pun diserahkan oleh MAIJ kepada Pejabat Daerah untuk dibina pada tahun 2020 iaitu 10 buah rumah di Batu Pahat, 6 buah rumah di Muar, 17 buah rumah di Mersing dan 4 buah rumah di Tangkak. Jadi saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan Negeri status terkini proses perumahan ini. Itu sahaja daripada saya. Saya cuma berharap semua peruntukan perbelanjaan yang disediakan oleh kerajaan Negeri untuk tahun 2021 ini akan dapat sampai terus kepada penerima yang benar-benar boleh memajukan negeri Johor ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih kepada Semerah. Cara semangat dia bercakap itu macam EXCO. Sepanjang beberapa hari ini, saya mempengerusikan mesyuarat saya lihat macam dua-dua kerajaan. Tak ada pembangkang. Mungkin satu peningkatanlah dari segi perbahasan walaupun agak membosankan tapi ada peningkatan dari segi fakta-fakta yang dipersembahkan. Tahniah. Jadi kita berehat seketika dan akan disambung jam 2.30 petang. Sekian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Bukit Naning.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan doa.) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW kepada keluarga dan sahabat baginda. Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker kerana memberikan kesempatan untuk Bukit Naning untuk turut serta dalam Perbahasan Pembentangan Belanjawan Negeri Johor 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar pada 26 November 2020 yang lepas.

Terlebih dahulu, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan tahniah, setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Sultan Iskandar sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Baginda pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah. Patik berdoa semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku terus berada dalam keadaan sihat sejahtera, dilanjutkan usia untuk terus memerintah di atas takhta kerajaan bagi menaungi rakyat dengan adil lagi saksama.

Bukit Naning juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana buat pertama kalinya telah membentangkan belanjawan di bawah kerajaan Perikatan Nasional Negeri Johor. Pelbagai bantuan yang telah dibentangkan bagi semua rakyat Johor dan ianya merupakan satu pembentangan belanjawan kebajikan kepada rakyat Johor. Antara perkara pembentangan kali ini yang Bukit Naning ingin ketengahkan adalah pertanian serta masyarakat luar bandar dan beberapa perkara yang berkaitan dengan isu kawasan Bukit Naning. Ini amatlah penting selepas negara termasuk negeri ini dilanda pandemik COVID-19.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam perbahasan yang terpaksa dilalui dengan norma-norma baharu, kali ini ianya haruslah berlandaskan kepentingan kebajikan rakyat, meningkatkan keupayaan ekonomi negeri ini dalam berhadapan dengan pandemik yang berbahaya ini. Apa jua rintangan dan halangan yang mendatang, ianya perlu diurus dengan baik mengikut sektor-sektor yang terjejas terus akibat wabak COVID-19 ini. Ianya boleh dianggap bala atau ujian bagi kita yang beragama Islam. Suka ingin saya ungkapkan daripada sabda Nabi Muhammad SAW ketika berbicara tentang taun menyebut, bermaksud, 'jika kamu mendengar taun di suatu tempat, janganlah kamu pergi kepadanya, jika berlaku di suatu tempat, sedangkan kamu berada di situ janganlah kamu keluar daripadanya', Riwayat Al Bukhari dan Muslim. Larangan ini telah terwujud sejak 1400 tahun yang lampau apabila menangani sesuatu wabak yang berjangkit. Ianya termasuklah bagaimana cara-cara untuk mengatasi wabak ini supaya tidak berjangkit. Ini menunjukkan perlunya kawalan pergerakan dalam suatu negeri jika berlakunya wabak berjangkit dan ianya tentu menjejaskan pelbagai aktiviti harian rakyat termasuklah aktiviti ekonomi dan kegiatan sosial.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam keadaan situasi sukar hari ini sesuatu yang kita semua tidak jangkakan dalam kehidupan kita dalam kehidupan rakyat yang menjadi sukar, panik memikirkan mengenang kehidupan mereka pada masa akan datang, ada rakyat yang hilang pekerjaan, ada juga rakyat yang masih bekerja tetapi terkurang pendapatannya akibat potongan elaun dan gaji dari majikan.

Yang Berhormat Puan Speaker, kadang-kadang pemandu lori mendapat elaun tambahan daripada trip yang mereka dapat. Tapi apabila berlakunya pandemik, mereka tak dapat kejar trip, maka kebiasaannya mendapat pendapatan RM4,000.00 sebulan bolehlah dia membayar sewa rumah, *pampers* anak dan juga susu anak yang masih kecil. Namun apabila berlakunya pandemik COVID-19 ini, mereka kehilangan trip dan akhirnya mereka kekurangan pendapatan dan juga terpaksa meminjam rakan ataupun meminjam sedara dan mara.

Yang Berhormat Puan Speaker, ada juga masalah-masalah mereka yang berniaga tepi jalan, kalau Yang Berhormat Puan Speaker masih ingat lagi tentang cerita Makcik Kiah sebelum ini yang terkenal dengan pendapatan lumayan daripada jualan tepi jalan goreng pisangnya dan juga pendapatan daripada bantuan kerajaan terpaksa gulung tikar juga apabila jumlah kumulatif jangkitan positif COVID-19 semakin meningkat. Oleh itu, di zaman ke arah dunia digital ini pastinya perlu satu belanjawan yang mampan dalam menguruskan dan membendung keadaan ekonomi rakyat di negeri ini. Pastinya belanjawan yang telah dibentangkan telah menjurus kepada kebajikan rakyat di bawah tanpa mengira bangsa dan agama.

Pelbagai *one-off* yang akan dilaksanakan dalam Belanjawan 2021 bagi bangsa Johor antaranya RM300.00 kepada keluarga yang tersenarai dalam senarai e-Kasih selama dua bulan. Kelangsungan hidup sebuah sekeluarga tidak boleh bergantung semata-mata dengan *one-off*, tetapi boleh menampung untuk bersifat sementara. Perlu juga dicari alternatif lain untuk mengeluarkan sebuah keluarga itu dari garis kemiskinan. Senarai e-Kasih kebiasaannya dikemas kini setiap kali pemutihan dilakukan dalam *Focus Group* Basmi Kemiskinan mengikut daerah masing-masing. Kenapa tidak diberikan kepada setiap keluarga yang terjejas akibat pandemik ini tanpa garis panduan pendapatan per tahunan. Mereka yang tidak dapat senarai e-Kasih juga terjejas akibat pandemik ini atau kaedah baru perlu diberikan kepada mereka yang benar-benar terkesan selain menggunakan Sistem e-Kasih.

Dalam pelaksanaan program COMBI, Cari Orang Memerlukan Bantuan, ini melalui agensi-agensi kerajaan ataupun melalui NGO-NGO yang telah dikenal pasti, semoga tiada ketirisan dalam pencarian ini yang boleh mengakibatkan salah laku dana awam rakyat. Jangan pula persatuan atau pertubuhan atau NGO ini disalahgunakan untuk menyalurkan kepada kepartian dalam musim pandemik ini seperti mana yang berlaku dalam belanjawan negara baru-baru ini yang telah memperuntukkan peruntukan kepada NGO yang bukan kerajaan dengan jumlah jutaan ringgit dengan penuh keraguan.

Yang Berhormat Puan Speaker, pemberian Kad Sihat seperti yang Semerah nyatakan dalam ucapannya tadi, pemberian Kad Sihat yang merupakan inisiatif kerajaan Pakatan Harapan yang terdahulu juga tiada dalam belanjawan kali ini. Ini perlu kerana pandemik wabak COVID-19 ini juga merupakan masalah kesihatan. Paling tidak pun mereka memiliki kad sihat ini dapat menerima pengurangan caj setiap kali datang di panel-panel klinik yang dilantik. Selain mengekalkan SOP dalam kehidupan harian, kita menguruskan kehidupan, kesihatan pun menjadi elemen penting kepada masyarakat umum. Kerana itu perlu disambung pemberian kad sihat ini bagi meringankan beban mereka yang memerlukan. Diharap tema 'Johor Berkebajikan' ini tidak indah dari nama sahaja dan perlu pelaksanaan ke dasar masyarakat tanpa berlakunya ketirisan dalam menyalurkan *one-off* kepada setiap kategori.

Bukit Naning juga menyambut baik usaha kerajaan untuk meneruskan Skim Pemberian Air Percuma sebanyak 10 milimeter padu kepada golong B40 Johor, namun YB Puan Speaker skim ini perlu diperluaskan. Sudah sampai masanya ke golongan M40 kerana golongan ini juga terkesan dalam menghadapi COVID-19. Belanjawan kali ini hampir menyeluruh kepada semua lapisan dan golongan di negeri ini tetapi pelaksanaan yang dinanti-nantikan ini perlulah menjurus kepada dasar tanpa mengira bangsa dan agama kerana pandemik ini memberi kesan yang panjang kepada semua.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam keadaan krisis yang dihadapi oleh seluruh dunia berdepan dengan pandemik COVID-19, bekalan makanan merupakan faktor utama bagi kelangsungan hidup penduduk di sebuah negeri. Bekalan makanan pula merujuk kepada sumber pertanian yang dijalankan oleh sebuah negeri sama ada pengeluaran domestik,

import dan juga eksport yang mencukupi untuk menampung keperluan penduduk. Pengurusan pertanian lestari utama untuk membekalkan sumber makanan asasi menjadi agenda utama semua pihak pada masa ini. Ini adalah satu revolusi pertanian ke arah makanan yang berkualiti dan mencukupi bagi menjamin keselamatan makanan dunia. Sehingga kini, usaha global dalam mencapai pertanian lestari melalui produktiviti optimum tanaman dan tanah menggunakan input minimum yang membawa kepada peningkatan ketara dalam kehidupan sosioekonomi dalam kalangan petani dan negara masih menjadi cabaran yang memberangsangkan.

Kita telah mendengar pembentangan Belanjawan 2021 oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar yang menekankan sektor pertanian dalam aspek pemulihan dan ketahanan ekonomi negeri yang telah dibahagikan kepada tiga elemen. Antara salah satunya adalah agenda jaminan bekalan makanan negeri Johor, *Johor Food Security Agenda*.

Kita juga telah mendengar dan menghayati sektor pertanian adalah penyumbang kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) selepas sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan. Ianya telah menyumbang kepada RM16.25 bilion pada tahun 2019, satu jumlah yang besar Yang Berhormat Puan Speaker. Asas yang kukuh ini merupakan satu petanda aras yang baik ke arah bank makanan dan menjurus kepada sektor makanan *made in* Johor. Ia bukan semata-mata disinonimkan dengan tempe dikaitkan dengan Johor. Tetapi kita perlu ubah kepada sektor pertanian yang boleh membawa kepada bekalan makanan ke seluruh negara. Pelbagai inisiatif kerajaan negeri dan telah diberikan kepada pemain-pemain industri pertanian termasuk daripada kerajaan persekutuan dengan suntikan dana tambahan melalui Penjana. Penjana yang disalurkan ini disambut baik oleh Bukit Naning bagi merancakkan pemain-pemain industri pertanian khususnya di kawasan Bukit Naning.

Contohnya, inisiatif kepada sektor pertanian melalui Jabatan Pertanian adalah barangan peralatan pertanian kepada pengusaha-pengusaha tani, selain itu modal pusingan merupakan kekangan kepada pengusaha tani dalam melaksanakan sesuatu projek. Ada kalanya bantuan kerajaan ini tidak sampai ke dasar dan akar umbi iaitu masyarakat kerana pelaksanaannya akan terlampau merumitkan dan menyukarkan pengusaha-pengusaha ini dapat bantuan kerajaan. Dalam usaha membangunkan tanaman nanas, sebanyak RM19 juta oleh kerajaan yang telah diperuntukkan itu sudah pasti satu dana yang besar dan dinanti-nantikan oleh pengusaha nanas di kawasan Bukit Naning. Ini kerana kawasan Bukit Naning merupakan rata-ratanya adalah pengusaha nanas. Pastinya Pengerusi Lembaga Industri Nanas Malaysia yang juga mantan Menteri Besar Johor dapat membantu kawasan nanas dalam DUN Bukit Naning. Nanas boleh dipelbagaikan jenis produk yang lain selain dijadikan sebagai makanan dalam masakan. Nanas juga boleh dibuat kerepek serta bahagian daripada nanas juga boleh dijadikan produk kertas. Antara *variety* nanas yang disyorkan untuk tanaman nanas di Malaysia ialah nanas Sarawak, nanas gandul, nanas *Mauritius* ataupun nanas *Moris*, nanas jenis N36 dan nanas jenis J*osephine.* Hanya *variety Josephine* dan N36 sahaja berjaya menembusi pasaran eksport Malaysia, kerana mempunyai daya tahan yang tinggi. Selain daripada mempunyai permintaan yang baik di pasaran, tanaman nanas juga tergolong dalam kumpulan tanaman yang boleh tahan kepada keadaan kemarau.

Yang Berhormat Puan Speaker, bank makanan perlu dibangunkan dengan padanan data-data pengusaha tani dalam negeri Johor bagi dapat memasarkan produk serta memberikan khidmat nasihat dalam, pada masa yang sama memberi modal pusingan kepada usahawan tadi. Bank makanan yang terdiri daripada makanan asasi masyarakat negeri ini perlu sentiasa mencukupi, menampung populasi penduduk yang semakin meningkat. Sekiranya kebolehsediaan makanan tidak berupaya dipenuhi, bagaimana pula kemampuan golongan B40 untuk mengakses makanan serta memastikan kestabilan makanan isi rumah. Perkara ini perlu diberi perhatian dan penekanan bagi memastikan keselamatan makanan isi rumah

terjamin. Ke arah negara digital, pertanian moden haruslah selaras dengan pemain-pemain industri yang sentiasa mengikut arus peredaran masa supaya sektor pertanian ini dijalankan secara berkesan. Geran-geran pertanian yang berkesan haruslah diberikan kepada pemain-pemain industri muda supaya mereka dapat bergerak selari dengan usahawan yang sedia ada. Kita perlu melahirkan petani-petani moden yang mahir dengan dunia Industri 4.0 yang menggunakan Internet, *Internet Of Thing* (IOT). Ini sejajar dengan Johor Digital dengan pelbagai teknologi termasuk *nano technology*. Bagaimanapun sektor pertanian sering dianggap lebih dimonopoli golongan yang berumur, berkemahiran rendah dan didominasi tenaga buruh asing. Penyertaan belia dalam sektor pertanian juga masih pada kadar yang rendah. Terdapat persepsi bahawa pertanian ini kerja 3D, kotor, berbahaya dan sukar. Tanggapan sektor pertanian yang memerlukan modal dan kos tinggi bagi urusan pemilikan tanah dan pembiayaan tenaga kerja serta berdepan risiko faktor cuaca yang tidak menentu. Antara faktor penyumbang kepada kurang penyertaan belia dalam sektor pertanian.

Namun penggunaan teknologi boleh digunakan dengan pemangkin untuk menarik minat belia menyertai bidang pertanian. Ramai yang masih kurang sedar persekitaran kerja sektor pertanian boleh berubah selaras Revolusi Industri 4.0. Dengan penggunaan teknologi digital menerusi pertanian pintar bagi meningkatkan kecekapan serta produktiviti sektor ini. Penggunaan kemudahan teknologi moden seperti *drone*, *sensor*, robotik dan Internet kebendaan menjadi mekanisme penting bagi tujuan pengeluaran dan pengedaran produk pertanian yang terbukti dapat meningkatkan produktiviti. Ini secara tidak langsung menjadikan sektor pertanian sumber pendapatan yang lumayan. Membahagikan zon-zon penanaman dalam daerah-daerah negeri Johor ini dapat membuka ruang pekerjaan baru kepada masyarakat. Jadikan pertanian satu perniagaan dan ibadah kepada masyarakat, dengan menggalakkan mereka mengusahakan secara makro ataupun berskala besar. Moga dengan peruntukan sebanyak RM51.0 juta dalam sektor pertanian ini dapat direalisasikan supaya tiada kegagalan dalam menyampaikan inisiatif kerajaan kepada masyarakat.

Yang Berhormat Puan Speaker, Bukit Naning mengharapkan supaya setiap apa yang dibentangkan dalam Belanjawan Johor 2021 ini sampai ke dasar. Jika kita amati belanjawan yang sebelum ini juga baik namun masih ramai rakyat mengadu ianya tidak sampai kepada mereka. Contohnya soal peruntukan berjuta-juta telah diperuntukkan kepada pertanian. Namun bila rakyat memohon ia banyak syarat diberikan sehingga pemohon gagal untuk mendapatkannya. Seperti Geran Lokal sebelum ini sepatutnya diberikan kepada penerima RM20,000.00. barang kepada pemohon RM20,000.00 yang berupa barang. Namun pemohon dikenakan banyak syarat sehingga perlu berulang alik daripada Muar ke Johor Bahru untuk mendapatkan kelulusan. Yang menyedihkan kelulusan dapat, namun barang yang mereka dapat hanya 30% dari apa yang mereka pohon. Bukan itu sahaja, Puan Speaker, penghantaran barangan juga hampir setahun baru pemohon dapat. Biarpun keperluan barang itu sebenarnya terlalu mendesak.

Oleh yang demikian Yang Berhormat Puan Speaker, saya mengharapkan dalam situasi sekarang perlunya pemantauan kepada keberkesanan pelaksanaan setiap apa yang dibelanjakan. Kerana ini adalah duit rakyat. Yang perlu benar-benar dikembalikan kepada rakyat. Dalam siri belanjawan tahun 2019 ada menyebut tentang penanaman pokok gaharu, ianya menelan RM3.0 juta bagi mengusahakan penanaman tersebut di Ayer Hitam seluas 20 ekar.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Sikit lagi, Perlu diteruskan bagi membuka peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Ianya baik bagi mencari peluang ekonomi yang baru selain dari pertanian berasaskan dan berteraskan komuniti. Ia sudah ada pekebun sawit mula menebang pokok sawit bagi menggantikan pokok buluh kerana hasilnya juga dapat menjadi sumber pendapatan. Ianya merupakan langkah awal yang telah tercetus semasa pemerintahan Pakatan Harapan dalam menggalakkan penanaman buluh sebagai alternatif sumber ekonomi alaf baru. Apa tidaknya, belanjawan ini dimasukkan juga penanam pokok vanila. Ianya dapat memberi pulangan yang baik kepada pengusaha dalam dunia yang menjurus kepada digital, segala teknologi pertanian 4.0 yang meliputi *Internet Of Thing,* teknologi kecerdasan buatan (AI), penggunaan *data centre* serta berapa mekanisme lain termasuk menggunakan *drone* untuk kawasan pertanian. Vanila adalah tanaman penghasilan serbuk vanilin yang biasa digunakan dan dijadikan pengharum makanan. Serbuk ini dihasilkan dari buahnya yang berbentuk polong. Produk vanila kering mempunyai permintaan yang tinggi dari US dan Perancis serta banyak lagi negara-negara Eropah yang lain. Harga vanila kering gred A boleh mencecah RM1,800.00 hingga RM3,000.00 bergantung pada pasaran. Permintaan US terhadap vanila adalah sekitar 2 hingga 4 juta tan setahun dan Perancis sekitar 1 hingga 2 juta tan setahun. Pasaran dunia kini hanya 3% hingga 5% sahaja untuk produk vanila *original.* Yang mampu dibekalkan oleh seluruh pengeluar vanila dunia dan 95% hingga 97% permintaan yang tak mampu ditampung oleh pembekal dunia. Vanila dapat permintaan yang tinggi kerana ianya banyak digunakan dalam produk kecantikan dan itu pun tak mampu dibekalkan oleh pembekal dunia. Walau bagaimanapun, secanggih mana teknologi yang bakal digunakan, bagi menyahut cabaran...

YB Timbalan Speaker : YB Bukit Naning, panjang lagi?

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Ada sikit lagi. 4.0 ini permasalahan pertanian yang berlaku adalah berkaitan dengan bencana sebagai contoh, mengalami air banjir yang tidak mengalir dengan baik ianya bergantung kepada sistem pengairan dan saliran yang baik dengan peruntukan yang secukupnya.

Yang Berhormat Puan Speaker, kawasan Bukit Naning bersifat kawasan luar bandar dan kampung tradisi. Dengan kegiatan ekonomi berasaskan pertanian. Bukit Naning mengharapkan supaya diberi perhatian kepada perparitan agar tidak berlaku banjir di kawasan rendah yang boleh mengakibatkan kerugian kepada pekebun-pekebun kecil. Bukit Naning menyambut baik pertambahan peruntukan untuk menyelenggara sistem perparitan dan saliran sebanyak RM40.0 juta supaya masalah banjir kilat waktu tengkujuh dan ditambah air pasang besar dalam satu masa. Selain itu Yang Berhormat Puan Speaker, kemudahan air bersih juga sangat penting kepada masyarakat. Saya ingin membangkitkan masalah masih ada kawasan di Bukit Naning yang sukar untuk mendapatkan sumber air bersih. Adakah sejumlah RM7.0 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Belanjawan 2021 melalui projek Bekalan Air Luar Bandar, (BALB) dapat menyelesaikan masalah ini?

Yang Berhormat Puan Speaker, saya menghormati masa yang ada walaupun masih banyak lagi yang perlu saya baca,

YB Timbalan Speaker : Tidak diizinkan.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Tidak mengapalah Yang Berhormat Puan Speaker, jadi saya mengharapkan supaya peruntukan atau pembentangan yang telah,

Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar nyatakan dalam perbelanjaan, Belanjawan 2021 Johor itu dapat direalisasikan dan semoga rakyat Johor dapat menerima setiap apa yang dibelanjakan. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat, Bentayan jemput.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Selamat petang, salam sejahtera dan salam harapan. Yang Berhormat Puan Speaker, jutaan terima kasih diucapkan kerana sudi memberi peluang kepada Bentayan untuk mengambil bahagian bagi menyertai perbahasan Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Khamis yang lepas di dalam Dewan yang mulia ini. Bentayan ingin merafak sembah dan dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November yang lalu.

Yang Berhormat Puan Speaker, antara cabaran pada tahun ini sebenarnya adalah untuk mencapai hasrat Wawasan 2020 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian dan negara maju sepenuhnya menjelang 2020. Yang dimaksudkan sepenuhnya bukan sahaja dalam bidang ekonomi, tetapi juga bidang-bidang seperti politik, sosial, kerohanian, psikologi serta perpaduan dan sosial antara lain. Kesemua ini juga melibatkan persoalan keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kerohanian maruah bangsa serta juga keyakinan. Akan tetapi malangnya pada tahun ini kita dikejutkan dengan berita penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia, dan Malaysia juga tidak terkecuali. Keadaan ini menyebabkan ekonomi negara mengalami kemerosotan yang paling teruk pernah direkodkan dalam sejarah negara Malaysia. Mengikut statistik PERKESO, lebih dari 90,000 kes kehilangan pekerjaan telah direkodkan setakat pertengahan Oktober ini. Peningkatan sebanyak 278% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2019. Angka tersebut dijangka akan terus meningkat kepada 100,000 kes menjelang akhir tahun ini. Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia, pada tahun ini angka *bankruptcy* di Malaysia dijangka akan meningkat sebanyak 4% hingga 5% dan berdasar data yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, SSM, Mac hingga September sahaja sebanyak 32,569 orang usahawan kecil dan sederhana telah tamat perniagaan.

Yang Berhormat Puan Speaker, berdasarkan keadaan yang dihadapi sekarang, harapan rakyat terhadap kerajaan adalah :

1. Dasar dan inisiatif kerajaan untuk membantu golongan yang terkesan atau kehilangan punca pendapatan.
2. Dasar dan inisiatif kerajaan yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan.
3. Supaya terhindar daripada wabak COVID-19.
4. Aktiviti sosial atau kehidupan dapat dikembalikan kepada normal secepat mungkin.

Sehubungan dengan ini, Belanjawan 2021 Negeri Johor adalah amat penting kerana dia sepatutnya menjadi hala tuju dalam usaha pemulihan ekonomi negeri Johor daripada kemerosotan ekonomi di samping membantu golongan yang terjejas akibat wabak pandemik ini. Usaha-usaha pemulihan ekonomi negeri Johor ini seharusnya terbahagi kepada tiga peringkat utama iaitu jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Peringkat jangka masa pendek iaitu sentiasa memastikan wabak COVID-19 di negeri Johor berada di dalam keadaan yang terkawal. Membela nasib pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dan menyelamatkan pekerja orang ramai. Peringkat jangka masa sederhana adalah persediaan kerajaan untuk pembukaan semula pintu masuk sempadan Malaysia dan Singapura. Di

samping memastikan petugas barisan hadapan sentiasa bersedia, SOP yang jelas serta berkesan dan menyediakan fasiliti yang lengkap dan mencukupi untuk tujuan saringan apabila seramai 300,000 orang dijangkakan akan keluar dan masuk ke Singapura setiap hari. Industri pelancongan juga harus dibantu supaya industri ini dapat diselamatkan dan bersedia menerima kehadiran pelancong terutama dari Singapura selepas sempadan negara dibuka semula. Peringkat jangka masa panjang untuk mengukuhkan semula struktur ekonomi negeri Johor dengan *restructure,* dengan izin ekonomi negeri. Sumber ekonomi negara, negeri tidak boleh lagi hanya bergantung kepada industri pembuatan dan perkhidmatan. Akan tetapi industri pertanian juga wajar diberikan perhatian yang lebih pada masa akan datang.

Yang Berhormat Puan Speaker, Belanjawan 2021 Negeri Johor telah memilih sektor pertanian sebagai antara sektor industri pemacu utama ekonomi negeri Johor adalah tepat pada masanya. Pada tahun 2050 akan datang, dijangka populasi manusia di seluruh dunia akan meningkat sebanyak 9.8 bilion dan permintaan terhadap keperluan makanan pada waktu itu dijangka akan meningkat sehingga 70%. Lebih membimbangkan lagi apabila dikhabarkan bahawa kaedah pertanian yang sedia ada kini tidak mampu untuk menampung dan memenuhi peningkatan ini. Manakala, pada peringkat tempatan pula, kita masih terpaksa mengimport bekalan beras sebanyak 30% bagi memenuhi permintaan domestik. Berdasarkan ringkasan daripada data tanah terbiar untuk tahun 2019 yang dijelaskan menerusi jawapan soalan bertulis semasa Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-14 yang lalu, Johor mempunyai tanah pertanian yang terbiar seluas 10,097.78 hektar termasuk tanah darat dan tanah sawah. Maka sektor pertanian dilihat sebagai salah satu industri yang sangat berpotensi dan harus diberi fokus di negeri Johor.

Saya ingin memetik cadangan daripada Profesor Madya Dr. Hairul Nizam Md. Din, Timbalan Dekan Penyelidikan Pembangunan dan Penerbitan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UTHM yang mengatakan bahawa kaedah pertanian tepat wajar diperkenalkan. Kaedah pertanian tepat ini menggabungkan penggunaan teknologi untuk memberi ukuran yang tepat dalam setiap proses pertanian agar setiap sumber dapat digunakan dengan seoptima mungkin. Hal ini menunjukkan bahawa sumber-sumber yang digunakan adalah dalam kadar boleh ubah dan bukan berkadaran tetap. Antara peralatan yang terlibat termasuklah *GPS, sensor, drone,* kecerdasan buatan, *AI* dan robotik. Secara umumnya kaedah ini ialah mengumpul semua data untuk menjurnal satu *big data*, dengan izin yang diperlukan untuk menganalisis dan menyelesaikan permasalahan. Kaedah ini juga dapat membantu masalah global yang dihadapi oleh para petani seperti kekurangan sumber air dan tanah. Perubahan cuaca yang tidak menentu. Kekurangan tenaga kerja dan kos tenaga kerja yang semakin meningkat. Bentayan berpendapat bahawa persepsi semasa orang ramai terhadap industri pertanian yang sering dianggap kotor memerlukan banyak tenaga dan berpendapatan rendah ini dapat diubah sekiranya kita berjaya mengaplikasikan kaedah ini. Hal ini kerana bukan sahaja kerja-kerja manual dapat dijalan dengan lebih cepat, penggunaan tanah dan bahan seperti baja serta kos operasi buruh juga dapat dikurangkan. Apabila semua sektor ini digabungkan, ia akan memberikan kadar pengeluaran hasil yang lebih optimum jika dibandingkan dengan kaedah konvensional sedia ada. Secara tidak langsung ini juga merupakan jalan keluar kepada masalah yang dihadapi sekarang iaitu masalah pengangguran dalam kalangan pemuda. Kaedah pertanian tepat ini memerlukan kos permulaan yang besar dan kita juga masih kekurangan tenaga pakar dalam bidang ini. Jadi kerajaan seharusnya mengutamakan pembangunan kepakaran dan memberi bantuan dari segi kos. Di samping itu, kerajaan harus menggalakkan rakyat terutamanya golongan muda yang melibatkan diri dalam industri pertanian dengan memberi insentif atau bantuan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Puan Speaker, Bentayan ingin mencadangkan beberapa penambah baik terhadap Belanjawan Negeri Johor 2021. Peruntukan bagi program *re-skilling* dan *up-skilling* seharusnya ditambah disebabkan angka pengangguran yang meningkat pada tahun ini.

Cadangan saya untuk program ini adalah agak fokus tambahan dapat diberikan kepada golongan penganggur yang berusia 40 tahun dan ke atas. Faktor usia dan kemahiran adalah penyebab utama golongan ini sukar untuk bangkit semula setelah diberhentikan kerja. Jadi golongan ini juga harus diberi perhatian untuk supaya mereka memudahkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Program Jualan Makmur Johor juga merupakan satu program yang baik dan usaha meringankan beban sara hidup rakyat Johor. Untuk penambahbaikan saya ingin mencadangkan supaya program ini dapat diperluaskan lagi melalui kaedah pemberian baucar tunai kepada golongan B40 dan golongan yang kurang mahir dalam *online shopping*, dengan izin. Selain itu, adalah baik sekiranya baucar tunai ini dapat digunakan di kedai runcit atau *mini market* di kawasan kediaman dan secara tidak langsung dapat membantu golongan peniaga-peniaga kecil setempat.

Yang Berhormat Puan Speaker, Bentayan ingin menyentuh satu isu tempatan iaitu masalah banjir kilat di daerah Muar. Dalam tempoh sebulan, bermula Jun 2020 hingga Julai 2020, daerah Muar telah mengalami banjir kilat sebanyak tiga kali. Dan antara yang paling teruk terjadi pada 20 Jun dan 13 Julai 2020. Semasa kejadian pada 20 Jun 2020, kadar bacaan hujan ialah 99ml per jam dengan paras kedalaman air mencecah 0.1 hingga 1.2 meter menyebabkan Jalan Muar – Yong Peng terpaksa ditutup ketika itu. Antara sebab dan faktor yang dikenal pasti ialah :

1. Hujan lebat yang berterusan.
2. Keadaan sistem saliran parit yang tidak mampu menampung laluan air daripada permukaan dan air hujan.
3. Paras tanah yang rendah.
4. Penembungan dengan air pasang besar.

Manakala kejadian pada 13 Julai 2020 adalah yang paling teruk dalam masa sebulan ini, yang mana 9 daripada 12 mukim di daerah Muar dilanda banjir kilat. Sehingga Hospital Muar juga tidak terkecuali sehingga kawasan koridor dan tempat letak kereta juga dinaiki air. Antara punca-punca yang dikenal pasti :

1. Hujan lebat di mana Stesen Tanjung Agas merekodkan bacaan 270ml, 144ml di Sungai Sendok dan 130ml di Ladang Air Manis.

2. Sistem saliran yang sedia ada tidak mampu menanggung jumlah air hujan dan menyebabkan limpahan air berlaku. Kebanyakan kawasan yang terlibat adalah dalam, berada pada paras rendah.

3. Aliran air yang terhalang disebabkan keadaan struktur seperti pembetung yang menyekat aliran air menjadikan sistem saliran di kawasan itu tidak dapat berperanan seperti yang sepatutnya.

Tindakan-tindakan segera yang diambil oleh pihak JPS adalah penggalian semula, penyelenggaraan dan naik taraf sistem-sistem perparitan dan pembetungan yang sedia ada di samping membina dan membesarkan pintu air dan pam. Punca-punca seperti hujan lebat dan air pasang adalah punca di luar kawalan dan kemampuan kita. Akan tetapi masalah sistem saliran sedia ada yang tidak mampu menampung air hujan dan aliran air terhalang disebabkan struktur sistem saliran atau tersumbat sebenarnya tidak harus berlaku. Ini menunjukkan sistem saliran yang sedia ada ini tidak mencukupi untuk menampung kapasiti saliran air di daerah Muar. Kerja-kerja penyelenggaraan yang tidak di jalan dengan baik atau kurang penyelenggaraan menyebabkan aliran air terhalang. Sepatutnya sistem-sistem saliran harus sering di selenggara secara berkala atau berjadual iaitu empat kali dalam setahun akan tetapi saya difahamkan bahawa masalah kekurangan peruntukan telah menyebabkan kerja penyelenggaraan hanya dijalankan sekali sahaja dalam tempoh setahun. Harapan saya adalah supaya kerajaan memberikan peruntukan yang mencukupi

agar pihak JPS boleh menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sekurang-kurangnya dua kali dalam masa setahun.

Yang Berhormat Puan Speaker, antara tindakan jangka panjang adalah projek naik taraf sistem perparitan di Bandar Maharani yang akan dicadangkan dalam RMK-12. Sistem saliran dan perparitan yang sedia ada di daerah Muar telah pun berusia lebih 30 atau 40 tahun akan tetapi kemajuan pembangunan yang pesat menyebabkan saliran sedia ada tidak lagi dapat menampung kapasiti saliran air. Apa yang berlaku dalam tempoh dua hingga tiga bulan ini, menunjukkan bahawa semakin banyak kawasan yang dilaporkan mengalami banjir kilat walaupun hujan turun hanya kurang daripada satu jam. Maka sudah tiba masanya untuk sistem saliran dan perparitan di keseluruhan daerah Muar disemak dan dikaji semula supaya dapat memenuhi keperluan kadar pembangunan yang semakin pesat di masa yang akan datang.

Di samping itu, salah satu risiko bencana di daerah Muar ialah peningkatan paras air laut. Mengikut satu kajian didapati akan berlaku peningkatan paras sebanyak 0.09 meter menjelang tahun 2040 dan akan terus meningkat sehingga 0.3063 meter menjelang tahun 2100. Maka dalam projek naik taraf sistem perparitan di Bandar Maharani yang akan dicadangkan dalam RMK-12 akan datang, haruslah dimasukkan sekali pertimbangan masalah peningkatan paras air laut ini. Sekiranya tidak, masalah banjir kilat dijangka bertambah teruk pada masa yang akan datang.

YB Timbalan Speaker : YB Bentayan sila gulung.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Sedikit lagi. Yang Berhormat Puan Speaker, rakyat sekarang sememangnya hidup dalam kesukaran. Maka kerajaan harus melaksanakan segala dasar atau inisiatif dengan pantas supaya kesukaran hidup rakyat dapat diringankan untuk memasti segala dasar dan inisiatif kerajaan dapat disampaikan kepada rakyat dengan pantas dan berkesan, kerajaan harus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam hal-hal pentadbiran. Misalnya, segala garis panduan dan syarat bagi setiap inisiatif harus jelas dan tidak mengelirukan rakyat. Kaedah permohonan harus mesra pengguna dan kurangkan *red tape,* dengan izin. Selain itu inisiatif harus dijalankan dengan kadar segera supaya rakyat dapat menerima manfaat tersebut dalam masa yang singkat.

Akhir kata, beban kehidupan rakyat boleh diringankan bergantung kepada kecekapan pelaksanaan dan keberkesanan penyampaian inisiatif-inisiatif yang memanfaatkan rakyat oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Bukit Kepong jemput.

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Jamal (Bukit Kepong) : Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat.) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam makmur Johor. Marilah kita semua memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berhimpun dalam Dewan yang mulia ini bagi menjayakan sesi perbahasan Belanjawan Johor 2021.

Terlebih dahulu, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dan ucapan setinggi-tinggi tahniah ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan pada 22 November 2020 yang lalu.

Patik juga ingin merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah ke Bawah Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor serta keseluruhan pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim atas pencapaian cemerlang merangkul Piala Liga Super buat kali ke-7 pada tahun ini. Tahniah diucapkan.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Bukit Kepong ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kerana telah diberikan ruang dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi perbahasan belanjawan yang bertemakan berdaya tahan demi kemakmuran.

Sebelum langkah lebih jauh, izinkan Bukit Kepong untuk menyentuh sedikit perihal Belanjawan 2021 oleh kerajaan persekutuan pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia merangkap Ahli Parlimen Pagoh dan ADUN Gambir. Pada Khamis yang lalu, kita semua telah menyaksikan Belanjawan 2021 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator Tengku Datuk Seri Zafrul bin Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia telah berjaya diluluskan pada peringkat dasar di Dewan Rakyat selepas mendapat sokongan daripada majoriti Ahli-Ahli Parlimen Malaysia. Bukit Kepong ingin mengambil kesempatan dalam ucapan perbahasan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di Parlimen kerana telah bersatu hati untuk memastikan belanjawan penting negara bagi tahun hadapan berjaya diluluskan. Ucapan setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan kepada kerajaan persekutuan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya membentangkan sebuah belanjawan yang cakna dan dekat dengan hati rakyat Malaysia dan Johor amnya. Malah, dengan izin Allah SWT, Bukit Kepong percaya Belanjawan 2021 juga akan diterima dengan baik dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa dan seterusnya diluluskan sekali lagi demi negara serta rakyat yang kita cintai.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, bagi memulakan ucapan perbahasan ini, Bukit Kepong ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hasni bin Mohamad, Menteri Besar Johor dan keseluruhan kerajaan negeri atas Belanjawan Johor 2021 pada hari Khamis yang lalu. Sungguhpun belanjawan negeri yang dibentangkan ini adalah belanjawan defisit, Bukit Kepong ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri atas pengumuman inisiatif-inisiatif yang saya kira amatlah menyelami suara hati rakyat Johor.

Bukit Kepong percaya bukan mudah untuk kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar merangka dan seterusnya membentangkan belanjawan yang inklusif di saat rakyat, negeri serta negara terkesan akibat pandemik COVID-19.

Sebanyak 12 agenda digariskan dalam belanjawan negeri untuk dilaksanakan pada tahun hadapan dengan dipandu oleh tiga objektif utama:

1. Menjamin ketahanan dan kelangsungan ekonomi.

2. Memperkasa dan memperdaya tahan kebajikan rakyat Johor.

3. Menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Johor.

Oleh itu, sebagai salah seorang ADUN kerajaan, kita pun menzahirkan sepenuh kepercayaan kepada kerajaan negeri bahawa kesemua agenda dan inisiatif yang dinyatakan akan dapat direalisasikan sekali gus berjaya membantu rakyat untuk terus bertahan di saat-saat getir ini.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, kerajaan persekutuan menerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia komited untuk terus memperkasa industri pengeluaran nanas negara dengan usaha menarik lebih ramai usahawan agro terutamanya di kalangan orang muda. Selaku Pengerusi LPNM, suka untuk Bukit Kepong nyatakan juga bahawa usaha bagi menjadikan sektor penanaman nanas di negara ini termasuklah Johor Lebih Moden dan Dinamik akan sentiasa dipergiatkan dari masa ke semasa. Untuk itu, LPNM sentiasa

memandang ke hadapan, bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi meningkatkan pengeluaran nanas negara menerusi projek peluasan tanaman nanas di seluruh negeri Johor. Malah, Bukit Kepong amat berterima kasih kepada kerajaan negeri atas usaha untuk melibatkan pelabur dari luar negara agar dapat terlibat dalam rantaian nilai industri nanas premium. LPNM bersedia untuk memberikan kerjasama bagi menjayakannya.

Selain itu, dengan peruntukan yang besar diterima daripada Belanjawan 2021, LPNM bersedia menjayakan pelaksanaan program dan projek yang telah dirancang untuk manfaat pekebun dan pengusaha nanas di seluruh negara. Menjadi harapan Bukit Kepong agar pekebun dan pengusaha nanas di negeri Johor tidak melepaskan peluang untuk memanfaatkan peruntukan yang telah diberikan oleh kerajaan pusat kepada LPNM dalam Belanjawan 2021. LPNM sentiasa membuka pintunya kepada mana-mana pihak sama ada syarikat atau orang perseorangan yang mahu mendapatkan pendedahan maklumat mengenai kepelbagaian sumber ekonomi pertanian nanas selain mendapatkan khidmat nasihat termasuk dari segi bantuan kewangan.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, kesediaan kerajaan negeri untuk memberikan komitmen sepenuhnya terhadap pembangunan zon ekonomi di Pagoh melalui penglibatan aktif dalam Majlis Pembangunan Pagoh dan Gambir amatlah disanjung tinggi oleh Bukit Kepong. Rasa ini dizahirkan kerana kawasan DUN Bukit Kepong itu sendiri yang terletak di Parlimen Pagoh yang mana Ahli Parlimennya adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Besarlah harapan Bukit Kepong sinergi antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri akan dapat menjayakan pembangunan Zon Ekonomi Pagoh yang berkeluasan 4,000 ekar dan pembangunan Wilayah Johor, Wilayah Utara Johor khususnya. Untuk itu, Bukit Kepong mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya dapat memberikan tumpuan yang khusus terhadap aspek infrastruktur dan prasarana di Pagoh terutama melibatkan jalan-jalan negeri.

Dengan sedia wujudnya hab pendidikan Pagoh dan yang terbaharu bakal dibangunkan pula Zon Ekonomi Pagoh, Bukit Kepong berharap aspek infrastruktur dan prasarana di bawah tanggungjawab kerajaan negeri tidak keciciran. Ini termasuklah cadangan projek pembinaan dan menaik taraf jalan-jalan raya di Pagoh yang telah dirancang serta disediakan peruntukannya ketika Bukit Kepong diberi kesempatan menjadi Menteri Besar seperti Jalan *Bypass* Bukit Pasir, pelebaran Jalan Muar – Pagoh serta naik taraf beberapa jambatan di Jalan Muar – Labis.

Pada kesempatan ini, Bukit Kepong ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri kerajaan menyediakan sejumlah peruntukan untuk cadangan projek memperelok selekoh bahaya Jalan Muar – Labis dalam Belanjawan Johor 2021. Namun begitu, Bukit Kepong berharap agar isu-isu seperti berikut dapat diberikan perhatian juga untuk disegerakan pelaksanaannya:

1. Projek Perumahan Johor Land di Lenga. Isu tanah telah selesai sewaktu Bukit Kepong menjadi Menteri Besar.

2. Rumah Transit MAIJ di Bukit Kepong yang terdapat isu berbangkit sejak lama namun tidak dapat diselesaikan sehingga kini.

Adalah amat menyedihkan bagi kami kerana kerajaan sebelum kerajaan PH membuat sesuatu projek sebagai gula-gula pilihan raya dan membuat sesuatu projek tidak mengikut SOP yang telah ditetapkan sehingga projek tidak dapat diteruskan dan isu-isu berbangkit terpaksa diselesaikan sewaktu menjadi Menteri Besar.

Ketiga, isu kerapan putus bekalan air dan elektrik terutamanya di musim perayaan khasnya, di Lenga membawa ke Bukit Kepong. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, pandemik

COVID-19 telah memberikan implikasi yang cukup besar kepada dunia. Termasuklah Malaysia dan negeri Johor khususnya, sepertimana dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, negeri ini sangat terkesan dengan konflik krisis ini. Ekonomi negeri mengucup, pengangguran meningkat, pelaburan berkurangan, perniagaan terpaksa menghentikan operasi, kuasa beli rakyat kian merosot serta kutipan hasil negeri juga terjejas dengan teruk. Untuk itu Bukit Kepong menyahut seruan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada semua Ahli-Ahli Dewan agar bersolidariti demi Johor dan membuktikan kecintaan terhadap negeri Johor. Malah Bukit Kepong juga mengalu-alukan setiap inisiatif terutama di bawah agenda Johor Berkebajikan dalam Belanjawan Johor 2021 yang sudah pasti sedikit banyak meringankan beban rakyat Johor dalam mengharungi kehidupan terutama ketika krisis COVID-19.

Pada ketika ini rakyat yang terkesan amatlah mengharapkan tindakan dan langkah daripada pihak kerajaan agar mereka dapat terus berdaya tahan menjalani kehidupan intervensi seharian. Pemberian wang tunai secara *one-off* juga sudah tentu akan membolehkan golongan sasar menarik nafas lega. Bagaimanapun, ingin Bukit Kepong sampaikan hasrat dan suara hati golongan M40 yang merasakan seakan tersisih daripada menikmati manfaat daripada bantuan kerajaan. Timbul dakwaan Belanjawan 2021 dilihat tempang dan tidak seimbang kerana hanya menyentuh penerima terdiri daripada golongan sasar khususnya B40. Oleh itu Bukit Kepong berharap kerajaan negeri dapat melihat dengan lebih mendalam rintihan golongan ini, sekali gus melihat cara dan langkah terbaik untuk membantu kumpulan M40 di Johor yang turut terkesan dek kerana pemberhentian pekerjaan, pengurangan gaji dan pendapatan serta bebanan tanggungan komitmen bulanan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Bukit Kepong ingin mengajak seluruh Ahli-Ahli Dewan yang mulia pada hari ini untuk sama-sama memberikan sokongan kepada Belanjawan Johor 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. (Dewan bertepuk). Pasti akan ada usul cadangan penambahbaikan daripada rakan-rakan namun diharapkan kita dapat berbahas dalam suasana yang tenang dan matang. Marilah kita kurangkan berpolitik dan sebaliknya pula menjalankan amanah dengan memberi keutamaan kepada rakyat yang terhimpit dengan cabaran pada masa kini. Bukit Kepong percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sentiasa bersedia untuk mendengar idea, pandangan dan teguran daripada rakan-rakan di sebelah pembangkang meskipun berbeza ideologi politik. Ini dapat kita lihat apabila peruntukan Yang Berhormat ADUN pembangkang ditingkatkan daripada RM50,000.00 kepada RM150,000.00 selain cadangan untuk menaikkan elaun Ketua Pembangkang kepada RM3,000.00 kepada RM5,000.00. (Dewan bertepuk). Bukit Kepong berharap kerajaan negeri akan terus membongkar potensi dan membangunkan negeri Johor secara keseluruhan dengan adil, saksama tanpa mengira ideologi politik. Begitu juga sekiranya ada projek-projek pembangunan yang telah dirancang dan dipersetujui oleh pentadbiran kerajaan terdahulu yang baik pada rakyat dapat diteruskan dan dijayakan demi kepentingan bersama. Bukit Kepong percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar merupakan seorang Wakil Rakyat yang berpengalaman dan berjiwa besar sekali gus mampu merancang dengan baik setiap pembangunan negeri.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, sebelum mengakhiri ucapan ini Bukit Kepong ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan persekutuan atas penerusan projek RTS yang mana majlis pecah tanahnya telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Bukit Kepong turut menzahirkan ucapan tahniah buat seluruh warga Majlis Perbandaran Pasir Gudang atas pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang iaitu PBT ketiga di Johor berstatus Bandaraya selepas Majlis Bandaraya Johor

Bahru dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. Dengan kebijaksanaan kepimpinan kerajaan negeri, pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan, Bukit Kepong yakin negeri Johor akan kembali melakarkan prestasi-prestasi yang membanggakan seperti yang pernah di kecapi sebelum ini. Negeri Johor pernah mencatatkan pencapaian keseluruhan yang sangat memberangsangkan dan kita mampu untuk mengulanginya. Dengan doa dan usaha daripada kita semua matlamat untuk menjadikan Johor sebagai kuasa baharu ekonomi Malaysia bukanlah satu cita-cita yang mustahil. Dan semua ini mampu direalisasikan dengan kematangan setiap Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini melaksanakan dan tanggungjawab moral tanah air serta rakyat di lapangan. Tidak lupa juga terima kasih kepada semua yang telah membantu ketika Bukit Kepong mentadbir negeri Johor sebelum ini, kerjasama erat antara penjawat awam dan YB EXCO telah memungkinkan semua urusan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan lancar dan mudah. Marilah kita bersatu hati sebagai bangsa Johor dan berada dalam satu kesatuan demi makmur bersama Johor. (bacaan doa). Pada Allah berserah, muafakat itu berkat. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Kepong, Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 4.00 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.39 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4.00 petang.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Yang Berhormat Tanjung Surat, jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat) : Bismillahirahmannirahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam makmur Johor. Yang Berhormat Puan Speaker, Tanjung Surat ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi peluang pada Tanjung Surat untuk turut serta membahas Bajet 2021yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Khamis 26 November 2020 yang lalu. Yang utama harus didahulukan, patik mewakili diri patik dan seluruh rakyat di kawasan DUN Tanjung Surat ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang ke-62 pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah yang baru berlalu. Tanjung surat juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT) yang dipimpin oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang telah mengekalkan kejuaraan Liga Super musim ke-7 berturut-turut baru-baru ini. Semoga pasukan JDT terus menempa banyak lagi kejayaan di masa akan datang. Bajet yang bertemakan "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran" ini mengambil masa 2 jam untuk dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, satu masa yang agak panjang, seharusnya ia panjang, kerana ia mencakupi segenap aspek kehidupan rakyat negeri Johor apatah lagi ketika negeri kita, negara kita, malah seluruh dunia sedang bergelut dengan pandemik COVID-19. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Amanat Berhormat Menteri Besar kita, kita sekarang berada *unprecedented circumstances*, dengan izin, di mana pandemik yang sangat berbahaya ini memberi kesan yang buruk ke atas ekonomi dunia termasuk ke atas negeri kita Johor kerana penutupan sempadan dan Perintah Kawalan Pergerakan yang berterusan. 3 objektif utama Bajet 2021 ialah :

1. Menjamin ketahanan dan kelangsungan ekonomi.

2. Memperkasa dan memperdaya tahan kebajikan rakyat Johor.

3. Menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Johor.

Belanjawan ini memberi fokus kepada 12 agenda, Johor Tani, Johor Digital, Johor Niaga, Modal Insan Johor, *Governance* Johor, *Majestic* Johor, masyarakat Johor, Orang Muda Johor, Johor Madani, Johor Prihatin dan Johor Berkebajikan. Kesemua 12 agenda ini merupakan strategi perlaksanaan Bajet 2021.

Bagi Agenda Johor Niaga, Tanjung Surat mengalu-alukan inisiatif untuk meringankan beban para peniaga dan penjaja kerana kerajaan negeri akan melaksanakan pengecualian bayaran lesen penjaja, lesen peniaga PKS, mikro, sewa premis, dan gerai, sewa tapak pasar malam dan pasar pagi selama setahun mulai 1 Januari 2021. Ini akan sangat membantu dalam kepada penjaja, peniaga mengharungi kelembapan ekonomi terbitan dari COVID-19.

Tanjung Surat ingin masuk kepada agenda prasarana dengan menyentuh Lembaga Pengurusan Air Johor. Tanjung Surat berpendapat penubuhan Lembaga Pengurusan Air Johor ini amatlah sesuai dan tepat pada masanya. Ianya akan lebih *autonomous*, dan dari Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) yang ada sekarang. Terutamanya apa-apa hasil yang diterima dapat digunakan sepenuhnya untuk pengurusan pembangunan sumber air. Lembaga juga boleh berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mendapat sumber-sumber hasil baru sebagaimana diperuntukkan dalam Enakmen Air Johor dan tidak hanya bergantung hasil dari pembelian air mentah syarikat pengurusan terawat iaitu Ranhill SAJ. Dapat juga Lembaga Pengurusan Air Johor ini nanti usaha mencari dan membangunkan sumber air mentah baru seperti air bawah tanah, *ground water*, dengan izin, air laut, tuaian air hujan, dalam bahasa Inggerisnya *rain harvesting*, malah sumber dari air kumbahan pun boleh difikirkan, Lembaga ini nanti juga bebas untuk mendapatkan tenaga kerja untuk melaksanakan tugasan-tugasan yang saya sebutkan tadi tanpa perlu mendapat kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) seperti sekarang ini. Lembaga juga hendaklah mendapat khidmat dari profesional-profesional yang diperlukan dalam segenap bidang terutamanya jurutera-jurutera dalam bidang pengurusan dan pembangunan sumber air. Selain daripada itu Lembaga harus juga mendapat khidmat profesional dari bidang-bidang lain seperti perakaunan, ukur bahan, guaman dan lain-lain. Seperti syarikat-syarikat lain semua LPAJ atau Lembaga Pengurusan Air Johor kelak, tidak lupa kepada tanggungjawab sosial korporatnya untuk membantu mereka-mereka yang memerlukan. Semua ini dan banyak lagi boleh dilakukan oleh Lembaga Pengurusan Air Johor kerana ianya nanti mempunyai kebebasan kewangan yang hanya memerlukan kelulusan dari Lembaga Pengarahnya tidak seperti sekarang, BAKAJ tertakluk kepada tatacara kewangan kerajaan yang kadang kala merumitkan.

Saya juga ingin menyentuh agenda perumahan dalam segi pelaksanaan Bajet 2021. Kerajaan telah mendapat menyiapkan 21,479 unit rumah mampu biaya dari 2014 hingga 2019, dalam tempoh lima tahun. Banyak lagi sedang dalam pembinaan dan juga ada dalam perancangan oleh agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, GLC baik di peringkat negeri mahupun persekutuan dan juga pihak swasta. Tanjung Surat berharap program sewa beli dengan kerjasama Maybank yang dicadangkan dapat membantu kumpulan B40 dan M40 dan anak-anak muda memiliki rumah sendiri. Dulu pun ada kerjasama dengan Ambank tapi tak tahulah apa telah jadi. Kita ingin sektor perumahan ini betul-betul dapat membantu

mereka-mereka yang dalam B40, M40 dan anak-anak muda ini. Kita cuba ataupun memperkenalkan sistem atau program sewa beli. Saya nak tanya, apakah program sewa beli itu sebenarnya? Bagaimanakah mekanismenya dan berserta pelaksanaannya? Apakah syarat-syarat minima untuk layak ditawarkan program ini? Saya percaya ramai di dalam kumpulan sasaran yang saya sebutkan tadi tidak diberi kefahaman seluas-luasnya. Kita tidak mahu ada yang dalam kumpulan sasaran ini apabila ditawarkan unit rumah nanti didapati tidak layak untuk menyewa beli. Pinjaman terus dari bank memang sukar untuk mereka dapati memandangkan ramai di antara mereka khususnya dari B40 tidak mempunyai bukti pendapatan. Contohnya slip gaji dan dokumen sokongan lain.

Tanjung surat mengalukan cadangan kerajaan yang komited untuk memberi pengecualian sewa ke atas program rumah rakyat (PPR) dan rumah kerajaan skim bersasar sepanjang 2021. Dijangka 70% penyewa adalah layak untuk menikmati pengecualian ini. Kita mahu sektor perumahan seperti saya sebutkan tadi mencapai sasarannya. Kita hendak memberi orang yang bawah dalam lingkungan B40, M40 dan anak-anak muda dapat memiliki rumah sendiri dan dengan sistem sewa beli, insya-Allah boleh. Tapi kalau kita tidak memahamkan macam mana sistem sewa beli ini kepada kumpulan sasaran ini, mereka nanti tak faham. Kalau dia tahu awal, dia faham benda ini benar-bendar, dia tahu syarat-syaratnya, dia boleh bersedia. Kalau tidak, dia bila sampai giliran dia nanti, tengok dia tak layak. Jadi kita tidak mahu sasaran kita B40 khususnya, jangan akhirnya rumah yang kita sasarkan kepada dia, dia tak dapat beli kerana tidak dapat kelulusan bank atau gagal nak menyertai program sewa beli, rumah B40, M40 yang beli, rumah M40 orang kaya yang beli. Jadi orang kumpulan sasaran kita terus tak ada rumah sendiri. Jadi kita tak nak ini berlaku. Kita harap kali ini dengan kerjasama Ambank, kita dapat melaksanakan sistem sewa beli ini dengan teratur dan dapat dijalankan, dilaksanakan dengan cekap dan memenuhi cita-cita kita untuk beri, untuk kumpulan sasaran ini memiliki rumah sendiri.

Saya ingin menyentuh pengurusan banjir. Segala usaha untuk membina beberapa infrastruktur mencegah banjir, mencegah dan mengawali banjir sangat dihargai. Banjir kilat sering berlaku akhir-akhir ini termasuk di kawasan DUN saya, disebabkan hujan yang amat lebat serta ribut petir. Ianya lebih teruk lagi kalau sewaktu, sewaktu pula dengan air pasang besar bagi rumah-rumah di tepi pantai atau sungai. Hujan begitu lebat hingga menyebabkan air naik, tapi hujan, banjir ini banjir kilat. Dua, tiga jam air habis, tapi dah masuk rumah, satu, dua kaki dan air. Jadi perkara-perkara macam ini rasa saya banjir ini berlaku kerana perparitan sistem perparitan yang tidak di selenggara. Itu punca besarnya. Tidak di selenggara dengan baik atau langsung tidak di selenggara. Ada disebut dalam bajet 2021 ini peruntukan RM40 juta untuk penyelenggaraan parit. Jika dibahagikan dengan 10 daerah, RM4 juta lah satu daerah. Bagi pengorekan sungai pula, disediakan peruntukan RM20 juta satu daerah. Mungkin peruntukan-peruntukan ini adalah begitu, tidak begitu banyak tapi memadai. Untuk menyelenggara parit dan sungai sebagai usaha awalan untuk mencegah dan mengawal banjir.

Masuk kepada Agenda Johor Madani, berkaitan dengan memelihara kebudayaan dan warisan, saya Tanjung Surat suka mencadangkan pemakaian baju batik bermula dengan pejabat penjawat awam pada setiap hari Ahad. Walaupun batik bukan sinonim dengan Johor, tidak mustahil satu hari nanti Johor boleh memulakannya. Sekarang kita ada perusahaan kain tenun Johor, tidak mustahil pula batik selepas ini. Dengan pemakaian batik secara meluas, dapat membantu pembuat, pemborong dan peruncit mengembangkan perniagaan mereka terutamanya ketika perniagaan mereka terjejas teruk oleh pandemik COVID-19. Sekarang ini kedai-kedai yang menjual pakaian batik kelihatan begitu muram sekali. Jadi kita harap mungkin hari Ahad, penjawat awam semua pakai baju batik dan kita yang bukan penjawat awam pun boleh pakai.

Agenda Johor Berkebajikan. Agenda ini dapat mengurangkan kesan himpitan hidup rakyat yang terjejas dengan akibat, terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Pemberian *one-off* kepada mereka yang layak sudah tentu dapat menolong mereka.

Saya masuk pula kepada isu-isu kawasan saya. Saya ingin cerita kawasan saya adalah kawasan pengeluaran industri minyak dan gas. Pada tahun sekitar pertengahan 2015 begitu, 2014, kita telah menempatkan semula enam buah kampung ke suatu kawasan yang sekarang kita panggil Taman Bayu Damai, jadi enam kampung telah ditinggalkan ataupun diambil alih oleh pemain industri minyak dan gas. Itu, dan dia orang selain daripada pampasan dapat, dia dapat tanah kurniaan satu ekar. Baru-baru ini, tahun lepas ada satu kampung lagi, dia lewat sikit. Nama dia Kampung Sungai Buntu. Nama pun Buntu, buntu juga ni, kurniaan dua ekar ini. Saya berharap Kampung Sungai Buntu ini diberi sebagaimana enam kampung yang terdahulu, dua ekar tanah kurnia yang seperti yang diberi kepada mereka yang terdahulu kerana sebab mereka pindah sama sahaja, cuma pihak UPEN, pegawai UPEN memberitahu mereka tak ramai, 27 pemilik sahaja. Dan, dia mereka ini telah, mereka ini telah, mereka ini telah berpindah sekarang dan telah diberitahu oleh pihak UPEN, pegawai UPEN mengata mereka pun layak menerima tetapi tiada hitam putih. Sampai setakat sekarang, tidak ada apa-apa lagi. Mana-mana pihak yang secara rasmi menawar atau kepada mereka tanah dua ekar ini. Saya merayu kepada kerajaan negeri supaya 27 orang ini mendapat dua ekar tanah pampasan, tanah kurniaan seperti enam kampung terdahulu.

Seterusnya, saya ingin menarik perhatian kepada satu kawasan pantai di kampung saya, di kawasan saya, iaitu Pantai Batu Layar. Ini satu kawasan yang menarik, pantai yang menarik, pelancong ramai hujung minggu khususnya, masa cuti Merdeka 31 Ogos itu, sampai *jammed,* sesak di kawasan sekitarnya, sampai berlaku *accident.* Pantai ini cantik tapi tidak ada fasiliti-fasiliti pelancongan. Ada orang-orang buat chalet kat tepi-tepi itu, buat *toilet* ataupun tandas, nak pergi buang air kecil RM0.50, nak buang air besar RM1 kan, benda-benda macam itulah. Jadi saya harap pihak kerajaan atau KEJORA ke, tolong tengoklah kawasan ini yang patut dibangunkan sebaik-baiknya.

Lagi satu, tanah lot saya panggil tanah lot Kampung Changi, bukan di Singapura di Changi, tempat saya pun ada Changi. Kampung Changi ini mempunyai 310 lot kurniaan kerajaan. Tiap-tiap lot 6,000 kaki persegi untuk mendirikan rumah. Ada rizab jalan, ada rizab parit semua ada. Tapi setakat ini kerajaan tidak bina pun jalan ke, parit ke, paip ke....

YB Timbalan Speaker : YB Tanjung Surat, saya berada di sini, jadi berhadapan dengan Speaker, semasa berucap.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat) : Ok. *Sorry.* Maaf. Puan Speaker, maafkan saya, jadi tanah lot Kampung Changi ini mempunyai 310 lot, 6,000 kaki persegi tidak ada, ada rizab tapi tidak dibina infrastruktur, air, api, elektrik semua tidak ada. Orang yang sudah buat rumah pandai-pandai dialah mana nak tarik air, mana nak tarik api. Ada orang yang jual pula, lepas itu ditambaknya, menyebabkan banjir pula di kawasan jiran, macam-macam masalah. Jadi, saya berharap dapatlah kawasan ini dinaikkan taraf, berikan infrastruktur yang selengkap-lengkapnya, jalan, api, bekalan air, telefon, elektrik, perparitan yang baik supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak ingin seperti banjir dan sebagainya untuk mereka-mereka ini, semua orang-orang kampung yang nak mendirikan rumah, yang tengok tiada infrastruktur, ada yang dah jual. Walaupun sekarang, dulu jual murah saja, sekarang mahal dah. Jadi saya harap dapat di beri keutamaan oleh kerajaan negeri untuk membantu Kampung Changi ini.

Selain daripada itu, saya berharap pembangunan-pembangunan di kawasan saya dapat diteruskan walaupun ada kekangan-kekangan yang tidak membolehkan jalan dengan mengikut jadual, banyak lagi projek-projek yang perlu disiapkan kerana kini semua untuk

kemudahan rakyat di kawasan saya. Begitu juga jalan-jalan sekitar pembangunan industri minyak dan gas Pengerang ini, jalan-jalan yang telah di bina dengan melebihi 20 lebih, melebihi RM2.5 bilion yang masih tidak siap sepenuhnya ataupun belum diserah kepada JKR, masih nak kata dalam pembinaan, macam dan siap, nak kata dah siap, *traffic light* selalu rosak. Jadi, saya harap pembangunan-pembangunan yang macam ini dapat diselaraskan, dapat di beri keutamaan, menyudahkan, menyiapkan dengan sebaik mungkin supaya hasrat kerajaan untuk membangun industri minyak dan gas bukan sahaja memberi kemudahan kepada pemain-pemain industri ini, malah memberi pulangan ataupun memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di kawasan Pengerang.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat) : Oh, sudah *time*. Puan Speaker, sebagai penutup, Tanjung Surat ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor di atas pembentangan Bajet 2021 yang pada saya begitu responsif kepada keadaan semasa, realistik dan praktikal. Pengalaman dan pendedahan beliau yang pernah dilalui setelah menjadi Ahli Parlimen, ADUN, EXCO, Ketua Pembangkang selama 22 bulan dan sekarang...

YB Timbalan Speaker : Sila duduk, azan.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat) : Ya?

YB Timbalan Speaker : Sekarang azan.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat) : Tak dengar.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan)

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Tanjung Surat.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat) : Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor di atas pembentangan Bajet 2021 yang begitu responsif kepada keadaan semasa realistik dan praktikal. Pengalaman dan pendedahan yang beliau pernah lalui setelah menjadi Ahli Parlimen, ADUN, EXCO, Ketua Pembangkang selama 22 bulan dan sekarang Menteri Besar digunakan sepenuhnya oleh beliau dalam menyediakan Bajet 2021 ini. Saya difahamkan beliau terlibat secara *hands on* dengan izin, dari mula hingga ke akhir penyediaan bajet ini. Sejarah juga telah tercipta kerana beliau merupakan jurutera pertama yang dilantik sebagai Menteri Besar di negeri Johor ini. Syabas Yang Amat Berhormat Datuk.

Puan Speaker, maaf sekali lagi, Tanjung Surat dengan ini mohon menyokong Bajet 2021. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Mengkibol, jemput.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker kerana membenarkan saya membahas. Hari ini Mengkibol akan menyentuhkan 5 perkara:

1. Majlis Tindakan Ekonomi Negeri.
2. Tanah terbiar.
3. Kenaikan jumlah hasil sebanyak 45%.

4. Produktiviti dan keberkesanan.
5. Kebajikan dan vaksin.

Majlis Tindakan Ekonomi Negeri, atau *Ibrahim Johor Economic Council* (IJEC). Pertama-tamanya saya ingin kongsikan satu petikan tokoh terkenal dunia. Jangan tanya apa yang dapat dilakukan oleh negara anda untuk anda, tanyakan apa yang dapat anda lakukan untuk negara anda. *Origina*l, dengan izin, *ask not what your country can do for you, ask what you can do for your country*, John Kennedy.

Saya percaya semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mempunyai niat asal dan aspirasi yang murni semasa menceburi politik. Sama juga dengan semua parti politik, tak kira DAP, PKR, AMANAH, UMNO, MCA, MIC mempunyai objektif ataupun niat asal yang murni semasa penubuhannya. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 26 hari bulan yang lepas, saya berharap segala niat murni dan usaha keras ini akan dapat dilaksanakan dan dijayakan dengan sebaiknya khususnya dengan sokongan dan komitmen tidak berbelah bahagi semua Ahli Berhormat di dalam Dewan yang Mulia ini. Semalam juga saya terima jawapan bertulis daripada Menteri Besar bahawa mesyuarat pertama Majlis Tindakan Ekonomi Negeri telah diadakan pada 6 hari bulan Julai yang lepas dan ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada pakar-pakar dan individu yang berpengalaman. Kerjasama melangkaui parti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan isu COVID-19 perlu diluaskan sehingga ke peringkat negeri. Seperti dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh PH Johor bahawa kita memang menyambut baik cadangan yang diusulkan Perdana Menteri baru-baru ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga dalam ucapannya berkata bahawa inilah waktunya untuk kita buktikan bahawa ideologi, fahaman politik dan pendirian yang berbeza tidak akan mengatasi kecintaan kita kepada negeri Johor. Beliau juga menyeru semua ADUN agar bersolidariti demi Johor. Beliau berkata, kerjasama antara ADUN-ADUN kerajaan dan pembangkang sangat diperlukan untuk membangunkan kembali ekonomi negeri. Maka Mengkibol ingin bercadang supaya ADUN-ADUN parti pembangkang juga dijemput untuk mengambil bahagian dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negeri demi menyempurnakan usaha pemulihan ekonomi kita.

Perkara kedua, pemajuan tanah terbiar. Tanah adalah bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Soalannya, bagaimanakah kita memajukan tanah terbiar? Mengikut draf Rancangan Tempatan RTD Daerah Kluang yang baru diumumkan bagi guna tanah daerah Kluang tahun 2019, 95.32% tanah merupakan kawasan bukan tepu bina. Antaranya 12.51% merupakan kawasan hutan dan 80.29% adalah kawasan pertanian. Dan juga berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Jabatan Pertanian Kluang semasa pejabat ADUN Mengkibol menganjurkan Hari Teknologi Pertanian Moden dan pelaksanaan projek Auto Fertigasi pada bulan Oktober tahun lepas. daerah Kluang memilik lebih dari 832 hektar tanah persendirian yang tidak dimajukan. Manakala tanah milik kerajaan masih lagi belum dihitung pada waktu tersebut.

Maka, Mengkibol telah juga mengajukan dua soalan untuk persidangan ini berkenaan dengan tanah terbiar. Pertama, sila nyatakan keluasan dan lokasi setiap keping tanah terbiar kerajaan di seluruh negeri mengikut daerah. Kedua, sila nyatakan keluasan tanah yang tidak dimajukan di tapak Ayer Hitam dan tapak Padang Hijau bawah Projek Pertanian Moden.

Seperti dalam ucapan Menteri Besar, kita benar-benar berada dalam *a very unprecedented circumstances* maka kita perlu fikirkan, pertama, apakah *positioning* kita? Apakah hala tuju strategik kita? Apakah sektor strategik negeri kita? Mengkibol ingin ambil *example*, ambil Singapura sebagai contoh. Singapura *position* sebagai *international center*, maka *international traveler,* pelawat antarabangsa menjadi begitu penting. Maka sektor

penerbangan, *aviation* menjadi sektor strategik. Maka banyak sumber telah diguna di Changi Airport, di Changi Airport bukan sahaja ada kapasiti untuk COVID *test* sampai 15,000 atau 20,000 *passenger* setiap hari juga ditubuhkan satu makmal, satu makmal COVID di Changi Airport.

Maka Mengkibol bercadang pemodenan, pembangunan pertanian dijadikan sebagai salah satu strategi utama pembangunan ekonomi negeri Johor serta meningkatkan dasar pendanaan dan sokongan untuk penggunaan teknologi moden dan menggalakkan penyertaan golongan muda dalam sektor pertanian moden ini. Kerajaan tidak harus hanya memberikan pelbagai jenis bantuan tunai yang mungkin tidak dapat menjanakan pendapatan. Kita perlu bantuan yang sanggup meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Mengkibol yakin pemajuan tanah terbiar dengan teknologi moden dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan dan seterusnya memulihkan ekonomi semasa pandemik. Produktiviti-produktiviti, bantuan tunai yang diterima jika digunakan untuk membeli TV yang besar, jika dibeli aksesori kereta ia tidak boleh mendatangkan peningkatan pendapatan tetapi bantuan dan bentuk pemberian sektor pertanian, mesin jahit, *oven* dan peralatan pembuatan boleh mendatangkan pendapatan.

Pejabat Mengkibol dan Jabatan Pertanian Kluang pernah mengadakan dua seminar dan membuka kaunter perkhidmatan untuk permohonan bantuan pertanian pada bulan Julai, Oktober tahun lepas. Saya meminta Jabatan Pertanian semua daerah untuk membuka kepada lebih banyak permohonan, permohonan bantuan untuk mendorong pemajuan tanah terbiar. Bantuan ini juga merangkumi penyediaan baja, racun herba, anak benih, mesin pemotong rumput, sistem penyiraman dan lain-lain. Pejabat Mengkibol pernah hantar kertas cadangan kepada bekas Menteri Pertanian, *Growing 100 Smart Techno Farmer* untuk menggunakan 500 ekar tanah dalam projek pertanian moden yang mempunyai 800 ekar ruang kosong di tapak Ayer Hitam Jalan Batu Pahat dan 2,000 ekar ruang kosong di Padang Hijau, Kampung Gajah, Jalan Mersing untuk dimajukan. Dengan tiga syarat, pertama, orang muda. Kedua, usaha sendiri, jangan *sublet*. Ketiga, mengguna teknologi moden. Dalam ucapan Menteri Besar isi ke 66, menubuhkan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri untuk Rancangan Dasar Agro Makanan Negeri Johor. Maka, Mengkibol ingin bercadang supaya ADUN-ADUN parti pembangkang turut dijemput untuk mengambil bahagian dalam Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri ini demi menyumbangkan idea.

Perkara ketiga, jumlah hasil dianggar naik 45% berbanding dengan tahun 2019, dalam ucapan Menteri Besar isi ke-5, nadi ekonomi kita hampir terhenti kerana penutupan sempadan dan perintah kawalan pergerakan yang bersilih ganti, *on and off*. Isi ke-30, kita tidak tahu bilakah pandemik ini akan berakhir? Dan setakat manakah hasil boleh dikutip dalam keadaan yang tidak menentu ini? Akan tetapi, kalau kita tengok Belanjawan 2021, anggaran jumlah hasil 2021 adalah sebanyak RM773 juta, muka surat 1 menunjukkan kenaikan sebanyak 45.07% berbanding dengan RM533 juta pada tahun 2019. Semasa membuat perbandingan kita perlu berbanding dengan tahun 2019, mengapa? Sebab tahun 2020 adalah satu tahun luar biasa dengan adanya *economic lock down*. Ini jelasnya terlalu optimistik seperti komen Menteri Besar terhadap anggaran pertumbuhan ekonomi negara dalam ucapan beliau. Ini optimistik kerana tiada bukti aktiviti ekonomi pelbagai sektor sudah dapat pulih semula seperti tahun 2019 sebelum wabak COVID-19 melanda dan ini bercanggah dengan pengakuan Menteri Besar dalam isi ke-7 iaitu ekonomi kita menguncup, pengangguran kita meningkat, pelaburan baharu kita berkurangan, perniagaan terpaksa menghentikan operasi, kuasa beli rakyat semakin merosot dan kutipan hasil negeri terjejas teruk dalam ucapan Menteri Besar. Mengkibol berharap kenaikan 45% ini bukan bermaksud kerajaan akan memulakan tindakan pungutan cukai yang keras, maka Mengkibol bercadang jabatan berkenaan mengira semula anggaran-anggaran dengan mengambil kira faktor keadaan ekonomi dan pandemik yang terkini dan juga faktor PKPB di bulan November dan juga faktor MBJB.

Puan Speaker izinkan saya menerangkan apa itu faktor MBJB. Dalam peringkat PKPB sekarang ini peranan penguatkuasaan jabatan-jabatan kerajaan haruslah fokus pada memberi bantuan dan bimbingan agar pengusaha dan peniaga untuk beroperasi semula mengikut pelbagai SOP dan kurangkan hukuman dan denda. Pembukaan syarikat dan kedai membolehkan rakyat balik bekerja dan ekonomi dapat dipulih dengan cepat. Jangan lupa setiap pekerja perniagaan tersebut ada keluarga masing-masing. PBT-PBT harus menyahut saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya menjadi Kerajaan Tempatan yang berkeprihatinan dan bersimpati.

Operasi turunkan papan iklan MBJB akan membawa impak negatif terhadap ekonomi peringkat pemulihan. Walaupun YB Dr. Chong dan juga YB Parlimen, YB Chong berada di tempat berkenaan semasa penguatkuasaan tetapi nampaknya MBJB masih begitu tegas untuk mengambil tindakan yang begitu keras.

Yang Berhormat Puan Speaker, anggaran perbelanjaan pembangunan 2021 adalah pada RM850 juta, muka surat I, berbanding dengan RM780 juta pada tahun 2020. Kenaikan sebanyak RM70 juta ataupun 8.97% adalah terlalu rendah. Mengapa? Sebab kita memandangkan ucapan MB bahawa nadi ekonomi kita hampir terhenti, ekonomi kita menguncup, pengangguran kita meningkat, pelaburan baharu kita berkurangan. Dan jika kita bandingkan dengan belanjawan kerajaan persekutuan, perbelanjaan pembangunan adalah meningkat sebanyak 23.21%, iaitu lebih kurang 9% berbanding dengan 23%. Perbelanjaan pembangunan ini penting sebab dia membawa impak jangka panjang, maka ia harus dipertambahkan. Manakala defisit dianggarkan sebanyak RM248 juta. Ia harus dipertimbangkan untuk meningkat lagi terutamanya untuk persiapan pembukaan semula sempadan.

Perkara ini harus juga dipandang serius kerana Johor adalah salah satu negeri yang paling terjejas dari segi aktiviti ekonomi berikutan penutupan sempadan. Contohnya, di CIQ Johor Bahru. Seperti yang saya cadangkan semasa perjumpaan beberapa hari sebelum persidangan dewan, kita memerlukan penubuhan satu makmal, *testing* COVID-19 seperti Changi Airport, kita memerlukan satu makmal di CIQ. Mengikut *Department Of Standard Malaysia*, makmal *accredited* yang sudah di *certified*, *accredited medical testing centre* adalah sebanyak 6 di Johor Bahru, yang paling dekat dengan CIQ adalah 12 km. Maka, saya minta kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan ini.

Pandemik dan penutupan sempadan memberikan impak yang besar kepada pelaburan dan jawapan EXCO Pelaburan semalam dikatakan bahawa jumlah pelaburan setakat September tahun ini telah berkurangan sebanyak RM5.74 bilion. Salah satu komponen GDP adalah pelaburan. Maka Mengkibol bercadang kerajaan memberikan insentif untuk menarik pelaburan baru, contohnya, *trade war package* yang diberikan oleh Thailand, Vietnam untuk menarik pelabur dari negara China dan menggalakkan pelaburan semula dalam negeri. Ini selaras dengan soalan saya tadi apakah *positioning* kita, apakah hala tuju strategik kita, apakah sektor strategik negara kita? Memandangkan sudah banyak syarikat menubuh pusat R&D Singapura, maka Mengkibol bercadang untuk memajukan sektor farmaseutikal dan vaksin. Johor boleh merangkakan satu hab industri pembuatan peralatan farmaseutikal dan vaksin yang menyasarkan pasaran Timur Tengah dan halal di sekitar Senai Airport.

Perkara keempat, produktiviti dan keberkesanan. Saya sebut perkataan produktiviti lebih 10 kali dalam ucapan saya di bulan September. Kerana saya ingin cuba menjelaskan hubungan produktiviti dengan pendapatan, nilai pertumbuhan ekonomi dan kemampanan. Jika produktiviti tidak meningkat dengan perbelanjaan dan pelbagai bantuan yang tinggi, kita akan jatuh ke dalam perangkap hutang yang serupa dengan negara Greece. Kita mesti ingat pertumbuhan pendapatan negara dan *individual* bergantung kepada produktiviti dan nilai hasilnya. Dan pertumbuhan produktiviti mesti melebihi kenaikan gaji. Maka, rakyat kita

atau negara kita jika kita ingin mencapai pendapatan yang tinggi, kita tidak boleh lari dari produktiviti.

Keberkesanan. EXCO Kerja Raya, YB Solehan bersama hampir 15 pegawai JKR termasuk Pengarah, Timbalan Pengarah, Jurutera 2 Daerah melawat Sri Lalang, Kluang pada 18 Julai 2019. Saya sempat menunjukkan semua kecacatan jalan raya yang serius dalam bulan September di Dewan saya pun mengajukan satu soalan, banyak kemalangan kereta terbabas di lampu isyarat kerana terlanggar *divider*. Kelebaran jalan...

YB Timbalan Speaker : Mengkibol sila gulung.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : 2 minit lagi, terima kasih. Kelebaran dikurangkan dari 3.5 meter menjadi 2.3 meter. Tiada jawapan. Salinan surat saya terima dari JKR untuk minta JKR Batu Pahat buat siasatan tapak, tiada jawapan. Mengkibol hantar surat susulan kepada JKR 3 November, tiada jawapan. Sekarang saya sediakan surat susulan kepada surat susulan dan saya akan serahkan kepada wakil JKR selepas ucapan saya. Surat susulan kepada surat susulan, ini tunjukkan tidak keberkesanan dan ini melibatkan nyawa pengguna jalan raya. Kita kena buangkan pemikiran dan juga menolak budaya tidak apa, esok lusa, *mediocrity*.

Puan Speaker membenarkan saya 1 minit lagi. Mengkibol mengalu-alukan penubuhan Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor terutamanya latihan akauntan bertauliah. Saya harap ini dapat melatihkan lebih banyak *auditor* supaya audit *performance* agensi kerajaan dan GLC.

Perkara terakhir, Kebajikan dan Vaksin. Kerajaan telah sediakan peruntukan RM7 juta untuk penginapan pelancong asing tetapi tidak diguna pakai sebab penutupan sempadan. Saya cadang ini boleh digunakan untuk mereka yang dulunya berulang alik seharian ke Singapura tetapi sekarang menjadi gelandangan di Singapura, dan membantu mereka dari segi penginapan dan sara hidup.

Vaksin. Mengkibol bercadang belanjawan perlu sediakan peruntukan supaya semua rakyat Johor diberi vaksin COVID-19 secara percuma. Saya juga ingin rujuk kepada ucapan Menteri Besar, isi ke-103; “Kutipan hasil dan kedudukan defisit bergantung kepada kestabilan ekonomi negeri dan kestabilan ekonomi ini dipandu oleh faktor-faktor seperti berikut; kecekapan perbelanjaan, keberkesanan penyampaian belanjawan ini.” Maka, Mengkibol ingin cadang Dewan yang mulia ini dapat ditubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk memantau keberkesanan pelaksanaan Bajet 2021. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada YB Mengkibol. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Yong Peng mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2021.

Yang Berhormat Puan Speaker, di antara masalah utama yang sering berlaku di Yong Peng adalah banjir kilat. Penduduk mula gelisah setiap kali hujan lebat kerana bimbang rumah dinaiki air terutama di Jalan Kota 8, Taman Kota, Taman Desa dan Taman Damai Jaya dan juga Jalan Hujung, Yong Peng. Saya berharap pihak Majlis Daerah Yong Peng dapat segera mengenal pasti punca banjir dan mengambil tindakan segera kerana musim tengkujuh hampir tiba. Di Taman Desa dan Taman Damai Jaya, setakat ini banjir telah dapat dielakkan setelah pihak JPS, Jabatan Pengairan dan Saliran menyelenggara Sungai Temehel dan juga kolam tadahan yang di bawah jagaan JPS. Kerjasama antara pihak PBT dan jabatan-jabatan yang terlibat amat penting agar dapat membantu rakyat. Maka, Yong

Peng berharap JPS dapat menyelenggara Sungai Temehel, Sungai Bekok, Sungai Sedi yang di kawasan Yong Peng dan juga kolam tadahan di setiap taman-taman di pekan Yong Peng.

Yong Peng ingin tekankan di sini, pihak PBT hendaklah memastikan segala syarat-syarat dan juga SOP...

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker, Peraturan 45, pembahas kena menghadap kepada Speaker.

YB Timbalan Speaker : Sila berhadap.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Saya teruskan. Maka PBT hendaklah memastikan segala SOP dan juga syarat-syarat dipatuhi oleh pemaju terutamanya berkenaan sistem saliran dan perparitan sebelum kelulusan sesuatu projek diberikan supaya tidak mendatangkan masalah kepada penduduk di kemudian hari.

Seterusnya saya ingin membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan kes denggi di kawasan Yong Peng. Pada 21 September 2020 yang lalu, terdapat satu kes kematian kes denggi di Taman Sri Aman, Yong Peng. Penyakit ini sudah menjadi masalah utama di negara kita kerana kematian akibat nyamuk Aedes di negara ini terus meningkat dari tahun ke tahun. Kita perlulah bekerjasama untuk membasmi pembiakan nyamuk Aedes. Selain daripada mendidik masyarakat supaya menjaga kebersihan rumah dan memastikan tiada air bertakung yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes, PBT juga perlu mengambil tindakan segera dengan membaik pulih sistem longkang serta perparitan yang kotor, rosak dan berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Saya mencadangkan aktiviti gotong-royong secara berkala juga dilaksanakan di semua kawasan perumahan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Sungai Bekok dan Sungai Temehel di Yong Peng berada di kawasan amat strategik untuk dibangunkan dan dinaik taraf menjadi destinasi pelancongan. Kedudukan sungai yang berhampiran dengan Dataran Gemilang, Yong Peng akan mengubah kawasan ini menjadi tarikan pelancong dan meningkatkan ekonomi penduduk. Cadangan menaik taraf antaranya termasuk dengan membina *kiosk* makanan, membina jeti dan perkhidmatan menaiki bot di sepanjang sungai tersebut. Saya berharap cadangan ini dapat direalisasikan sekali gus dapat memberi manfaat kepada para peniaga di sekitar kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Puan Speaker, permohonan untuk menaik taraf jalan perhubungan desa sepanjang 9 km dari Kampung Banjir Bersatu ke Sri Lalang telah saya majukan pada 2019. Projek ini amat perlu kerana akan meningkatkan taraf hidup dan memberikan keselesaan perhubungan kepada penduduk luar bandar yang melibatkan seramai kira-kira 1000 orang penduduk dari 2 buah kampung dan estet-estet di sekitarnya. Saya berharap pihak kerajaan dapat meluluskan projek ini supaya dapat memberi kemudahan terutamanya pusat kesihatan, sekolah dan kemudahan awam yang lain kepada rakyat dapat diberi.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin mencadangkan pihak kerajaan untuk menyediakan wad harian di Klinik Kesihatan Yong Peng. Wad harian ini bertujuan untuk memberi perkhidmatan kritikal yang dilakukan dalam hari yang sama dan tidak memerlukan pesakit bermalam di wad hospital. Ini kerana masa yang diambil dari Yong Peng ke Hospital Batu Pahat adalah kira-kira 45 minit. Ini amat menyukarkan rakyat untuk mendapatkan rawatan. Dengan adanya wad harian ini di Klinik Kesihatan Yong Peng dapat mengurangkan kesesakan wad di Hospital Batu Pahat, juga mengurangkan beban emosi dan beban kos perjalanan pesakit untuk ke hospital. Saya berharap kerajaan negeri dapat menyediakan kemudahan, kepakaran dan fasiliti yang lengkap.

Yang Berhormat Puan Speaker, Bas Muafakat. Laluan bas Muafakat Johor dari Yong Peng ke Kangkar Baru telah diluluskan dan dimasukkan ke dalam Belanjawan 2020. Namun, sampai hari ini masih belum dilaksanakan. Saya mohon pihak kerajaan negeri dapat melaksanakan segera agar dapat memberi kemudahan kepada rakyat yang memerlukan perkhidmatan bas ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh tentang inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan Pakatan Harapan untuk rakyat Johor. Antaranya skim Takaful Warga Emas dan Kad Sihat Johor. Saya berharap Skim Takaful Warga Emas Johor yang menawarkan manfaat bantuan RM1000 sebagai khairat kematian kepada rakyat tidak akan dihentikan. Begitu juga dengan Kad Sihat Johor yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat. Masing-masing berasa bersyukur dengan skim ini dan berharap inisiatif ini tidak dihentikan pada masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin membangkitkan juga berkenaan masalah sekolah ditutup, menyebabkan para pelajar terpaksa belajar secara atas talian, *online.* Saya berasa kasihan kepada keluarga dan pelajar yang tidak memiliki kemudahan *laptop* dan telefon pintar untuk mengikuti sesi pembelajaran atas talian tersebut. Hal ini akan menyebabkan para pelajar akan keciciran. Oleh itu, saya memohon pihak kerajaan untuk menyediakan *laptop* kepada para pelajar yang memerlukan.

Yang Berhormat Puan Speaker, masa kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2018 dan juga tahun 2019 telah memberi peruntukan kepada sekolah menengah swasta cina iaitu *High School* di seluruh negeri Johor. Saya berharap kerajaan negeri Johor dapat memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah ini dalam tahun 2021.

Ada satu isu yang amat penting, Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan berkenaan nasib rakyat Malaysia yang menjadi gelandangan di Singapura. Akhir-akhir ini kita mendengar beberapa berita tentang keperitan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura, sejak virus COVID-19 melanda rakyat, rakyat di Singapura tidak dapat, rakyat Malaysia yang kerja di Singapura tidak dapat berulang alik untuk bekerja. Mereka terpaksa menetap di Singapura bagi mencari rezeki walaupun terpaksa menjadi gelandangan kerana tidak mampu menyewa walaupun sebuah bilik kerana kos sara hidup yang tinggi di sana. Oleh yang demikian, saya mengucap tahniah kerajaan negeri yang mengedar bakul makanan melalui *Johor Volunteer* untuk membantu saudara kita dan kalau berupaya, menyedialah pusat penginapan untuk warga Malaysia di sana. Kita harus bekerjasama menunjukkan keprihatinan agar nasib mereka terbela.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin memohon pihak kerajaan memajukan tanah terbiar di negeri Johor termasuk tanah terbiar dalam kawasan pentadbiran PBT, untuk diusahakan dengan projek pertanian. Projek ini akan memberi peluang kepada petani serta pekebun bagi menjalankan pertanian berskala kecil, sekali gus meningkat produktiviti dan hasil pertanian. Untuk tujuan ini, saya mencadangkan pihak kerajaan dapat juga membantu pekebun dengan membekalkan input pertanian berupa benih, baja, racun dan bantuan pembersihan kawasan pertanian serta pembangunan infrastruktur seperti pemasangan sistem perairan dan perataan tanah. Saya berharap perkara ini dapat direalisasikan agar dapat membantu rakyat yang hilang pekerjaan dan terjejas pendapatan akibat COVID-19.

Sebelum saya, saya ambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua *front liner* yang tolong menjaga keselamatan dan juga jaga kesihatan seluruh rakyat khasnya *front liner* di kawasan Yong Peng seperti staf KK Yong Peng, PDRM, Bomba dan juga Penguat kuasa PBT.

Yang Berhormat Puan Speaker, sekian ucapan saya pada kali ini, saya berharap segala isu dan cadangan yang saya utarakan akan diperhalusi oleh pihak kerajaan demi menjaga kebajikan rakyat khususnya penduduk di Yong Peng. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Yong Peng. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 1 Disember 2020 jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5.02 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2021)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KEEMPAT	**SELASA, 01 DISEMBER 2020**	**BIL. 10 TAHUN 14**

HADIR
YB Speaker,
Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)
Datuk Haji Hasni bin Mohammad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur
Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan
Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia
Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna
Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP., SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor telah memperolehi Sijil ISO 9001:2015 di bawah skop Pengurusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan, Majlis Jawatankuasa-Jawatankuasa Negeri Johor, Persidangan Dewan Negeri Johor dan Pengurusan Pembayaran Pencen dan Ganjaran Ahli Dewan Negeri Johor. Tahniah diucapkan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

YB Speaker : Yang Berhormat Kemelah jemput.

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 1.

Sila berikan keluasan tanah terbiar di Negeri Johor yang telah di manfaat sehingga kini, industri berkaitan yang diusahakan atas tanah tersebut serta keluasan tanah terbiar yang belum di manfaat.

YB Speaker : Yang Berhormat Pekan Nanas jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

Apakah strategi dan langkah-langkah kerajaan negeri untuk mengoptimumkan tanah-tanah terbiar bagi meningkatkan produktiviti dan ekonomi negara khasnya pada masa perebakan Covid-19?

YB Speaker : Yang Berhormat Tiram jemput.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 3.

Dalam keadaan COVID-19 menular dan PKPB ramai hilang pekerjaan; cadangan; “tanah terbiar” yang berada di kawasan-kawasan DUN akan membantu penganggur-penganggur ini dapat peluang menceburkan diri dalam pertanian. Apakah prosedur dan protokol untuk mendapatkan tanah terbiar ini?

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada ADUN Kemelah, Yang Berhormat Pekan Nanas dan Yang Berhormat DUN Tiram yang membangkitkan soal tanah terbiar.

Untuk makluman tanah terbiar didefinisikan sebagai tanah darat yang berkeluasan minimum 0.4 hektar. Sama ada ia bersambungan atau bertaburan, yang merupakan tanah milik kerajaan atau individu dan rizab pertanian yang tidak diusahakan selama 3 tahun berturut-turut.

Mengikut data Jabatan Pertanian Malaysia keluasan tanah terbiar yang direkod bagi negeri Johor pada tahun 2019 adalah sebanyak 10,097.79 hektar. Kawasan ini melibatkan 4,561 lot bertaburan di seluruh daerah dalam negeri Johor. Hampir keseluruhan lot-lot ini adalah terdiri daripada lot-lot tanah kecil berkeluasan sekitar 1 hingga 3 ekar setiap lot. Tanah terbiar ini mempunyai pelbagai masalah seperti tanah adalah hak milik, berhak milik dan kebanyakan tuan tanah sukar dikesan untuk dihubungi secara terus oleh Jabatan Pertanian.

Selain itu, tanah adalah terhad kepada sesuatu jenis tanaman sahaja disebabkan faktor ciri tanah dan kedudukan tanah yang rendah sering menghadapi masalah banjir. Dalam usaha memanfaatkan tanah yang terbiar untuk tujuan pertanian, Jabatan Pertanian menggalakkan usahawan tani dan pemilik tanah untuk mengusahakan tanah dengan aktiviti pertanian menerusi projek pembangunan tanah terbiar. Melalui projek pembangunan tanah terbiar yang telah diwujudkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan diteruskan hingga sekarang, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membangunkan tanah-tanah terbiar dan aktiviti-aktiviti pertanian yang memberikan keuntungan kepada pengusaha dan pemilik tanah.

Objektif utama adalah untuk mengoptimumkan penggunaan tanah-tanah yang terbiar, meningkatkan pengeluaran tanaman makanan dan memberikan peluang kepada petani untuk menjalankan aktiviti pertanian, seterusnya menambahkan pendapatan petani.

Selaras dengan usaha untuk menjamin bekalan makanan yang telah digariskan dalam Dasar Agro Makanan Negara. Menggunakan sumber tanah secara optimum adalah diterapkan. Pembangunan tanah terbiar merupakan salah satu sumber asas yang memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara. Projek ini amat bertepatan sekali berdasarkan memandangkan sumber tanah yang subur untuk aktiviti pertanian yang semakin terhad.

Untuk tahun 2020, bagi program pembangunan tanah terbiar sebanyak 725,000 telah disalurkan melalui peruntukan persekutuan dan negeri. Bagi pembangunan tanah terbiar melibatkan pembangunan sebanyak 59.48 hektar tanah terbiar serta memberi manfaat kepada 21 orang pemohon.

Antara jenis projek tanaman yang diusahakan di bawah program ini adalah tanaman buah-buahan dan tanaman kontan.

Untuk tujuan itu, Jabatan membantu usahawan tani dan pemilik tanah dengan inisiatif yang seperti berikut :

1. Bantuan secara terhad seperti input pertanian merupakan benih, baja, racun, mesin dan peralatan kecil.

2. Bantuan bagi pembersihan kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kerja-kerja perataan tanah.

3. Bantuan bagi pembangunan infrastruktur seperti pemasangan sistem pengairan dan saliran dan pembinaan jalan ladang.

4. Memberikan khidmat nasihat dan perundingan khususnya aspek teknikal penanaman.

5. Menggalakkan mengusahakan secara *contract farming*.

Daripada segi prosedur dan protokol, peserta hanya perlu membuat permohonan iaitu dengan mengisi borang permohonan Jabatan di Jabatan Pertanian dengan mengemukakan salinan kad pengenalan, salinan geran hak milik tanah, perjanjian sewa dan kertas kerja mengenai cadangan projek tanaman makanan yang ingin diceburi. Walau bagaimanapun, kelulusan projek akan diberikan setelah siasatan yang teliti dijalankan di peringkat lapangan.

Di antara aspek dan perkara yang akan diberi perhatian dan dinilai ialah jumlah permohonan yang diterima dan jenis projek yang dipohon dan latar belakang serta komitmen tuan tanah ataupun pengusaha yang tersebut.

Melalui Agen Pengembangan Tanaman (APT) yang berada di setiap mukim, pemantauan berkala turut dijalankan bertujuan untuk bertemu secara terus dengan petani atau pemilik lot tanah terbiar. Dengan pertemuan ini, penjelasan serta penerangan berkaitan insentif bantuan program tanah terbiar yang boleh dibantu oleh Jabatan Pertanian akan disampaikan khidmat nasihat teknikal, tanaman yang sesuai dibangunkan di kawasan tanah terbiar tersebut.

Walau bagaimanapun projek pembangunan tanah terbiar ini juga mempunyai pelbagai cabaran dan pelaksanaan. Antara cabaran utama adalah modal dan komitmen kepada pihak tuan tanah peserta itu sendiri. Pada masa ini suntikan modal peruntukan bagi kerja-kerja pembersihan kawasan diberikan oleh pihak kerajaan kepada mereka yang didapati layak. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek adalah bergantung kepada komitmen tuan tanah pengusaha tersebut. Dan terdapat beberapa projek tanah terbiar tidak mencapai matlamat dan akhirnya terbiar sekali lagi. Hal ini adalah disebabkan pihak kerajaan tidak dapat mengawal pengusaha tanah milik ini individu tersebut. Selebihnya terpulang kepada pengusaha tersebut.

Secara keseluruhannya kerajaan sentiasa menggalakkan pemilik-pemilik tanah terbiar ini untuk mengusahakan aktiviti pertanian yang mana ia berpotensi untuk menjana pendapatan, seterusnya meningkatkan sosioekonomi setempat. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Pekan Nanas jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau menurut Kanun Tanah Negara, pemilik perlu menggunakan tanah mereka mengikut syarat yang dinyatakan. Jika tuan tanah membiarkan tanah mereka tanpa diusahakan berterusan adalah dikira sebagai langgar syarat. Sebab itu tadi daripada jawapan daripada YB EXCO, kita dapati untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar kadangkala juga bergantung kepada komitmen daripada pemilik tanah. Tapi kalau di bawah sistem perundangan di negara kita, pihak kerajaan berhak menggunakan Kanun Tanah Negara untuk memastikan semua tanah yang terbiar dapat dimanfaatkan untuk kebaikan negara dan rakyat.

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat...

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Oleh itu persoalan saya, adakah pihak kerajaan pernah melancarkan apa-apa program ataupun aktiviti-aktiviti untuk menyalurkan maklumat bahawa membiarkan tanah terbiar adalah satu kesalahan, melanggar syarat daripada segi undang-undang mengikut Kanun Tanah Negara. Supaya kita boleh mendorong, mendidik ataupun mendesak supaya tuan tanah mengambil inisiatif yang lebih proaktif seperti kalau dia tak ada modal, dia boleh mewujudkan usaha sama dengan pihak lain yang berminat supaya tanah yang terbiar di negeri Johor dapat digunakan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nanas atas soalan tambahan.

Sukacita saya nak maklumkan bahawa pertama, saiz tanah terbiar adalah berbeza antara tempat dengan tempat, lot dengan lot. Yang keduanya, kedudukan tanah terbiar juga berbeza tempat. Ada tanah terbiar yang duduk dalam kawasan PBT. Ada kawasan tanah terbiar yang berada dalam kawasan luar bandar dan desa. Maka dalam hal ini tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita saya nak maklumkan bahawa kalau misalnya dalam PBT, sudah pasti ianya tidak zon pertanian. Namun, adalah hak kepada empunya tanah untuk mengusahakannya. Pada masa yang sama juga, kita harus melihat kepada faktor apakah niat pengusaha untuk kegunaan tanah terbiar tersebut? Adakah ia untuk sekadar sara diri? Adakah dia hanya untuk sara diri? Ataupun adakah ia untuk mendapatkan penambahan pendapatan? Atau yang ketiganya adalah komersil? Dan ini juga bersangkut paut dengan sama ada usaha yang dibuat itu adalah berbentuk jangka pendek ataupun jangka panjang.

Kerajaan menetapkan menerapkan konsep supaya mengoptimumkan tanah-tanah dalam negeri Johor. *To the extend* dengan izin Yang Berhormat Tuan Speaker, kita juga nak menggalakkan tanah-tanah, empunya tanah-tanah kerajaan yang ada projek yang dicadangkan ada projek tetapi mengambil masa 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun digalakkan supaya diusahakan untuk program Agro Makanan.

Saya nak maklumkan Tuan Speaker, dalam negeri Johor ni 51.11% tanah dalam negeri Johor ni adalah digunakan untuk pertanian. Daripada 51.11% ni, 63.96% adalah tanaman pertanian komoditi iaitu kelapa sawit, getah dan sebagainya. Manakala untuk tanaman pertanian agro makanan, hanyalah 36.04%. Sebab itu dicadangkan, digalakkan agar pengoptimuman penggunaan tanah-tanah terbiar sama ada milik individu mahupun milik kerajaan digunakan. Asalkan ianya boleh membangun tanaman agro makanan dalam negeri Johor. Dan pada masa yang sama juga, kita juga menyediakan peruntukan yang besar, yang sederhana besar contohnya kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian mengkhususkan peruntukan RM200,000.00. Dan kita untuk tahun 2021, kita telah memperuntukkan RM4 juta daripada program, daripada LAKSANA dan ditambah RM800,000.00 daripada KPKT untuk tanaman komoditi. Tanaman komoditi ini boleh mengusahakan tanah-tanah terbiar sepertimana yang saya nyatakan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Ya Tiram.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Tuan Speaker, mengenai tanah terbiar ini, saya dapat maklumat daripada Pejabat Pertanian juga, mereka ada kemusykilan untuk *contact* atau menghubungi *the owner* dengan izinnya, pemilik tanah. Jadi mereka dapat susah untuk menawarkan tanah terbiar ini yang pemohon, satu.

Sekarang soalan saya ialah tanah terbiar ini saya tadi dapat maklumat daripada YB EXCO tadi, saya ingat 25,000 yang dapat itu baru berapa orang sahaja. Jadi, ramai tidak dapat menikmati tanah terbiar ini. Dan saya nak tahu berapa ramai sudah dapat tanah terbiar ini mengusahakan khususnya kalau ini tak boleh jawab sekarang, boleh jawab melalui tulis juga dekat DUN Tiram. Berapa ramai sudah mendapat tanah terbiar dan mengusahakan juga? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Terima kasih YB Tiram. Saya tidak dapat memberi maklumat secara terperinci

berkenaan dengan DUN Tiram semata-mata tetapi saya telah maklumkan tadi bahawa kita telah membangunkan 59.48 hektar melalui projek tanah terbiar pada masa sekarang ini.

Pada masa yang sama, sepertimana saya juga maklumkan dan diperakukan oleh Yang Berhormat, perkara yang penting adalah mengenal pasti hak milik tanah tersebut dan ini juga adalah masalah yang dihadapi oleh pihak jabatan Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ok Skudai jemput.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, sesi soal jawab ini adalah satu sesi untuk kita membincangkan dasar dan orang menjawab biarlah tepat pada soalan. Ini bukan kali pertama ...

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Di mana soalan yang ditanya tidak terjawab. Tadi Pekan Nanas tanya, adakah kerajaan bersedia atau telah atau akan menjalankan program kesedaran ke atas Kanun Tanah Negara tentang isu langgar syarat supaya kita dapat mengoptimumkan mungkin itu, perkara ini tidak dapat terjawab oleh Yang Berhormat EXCO, jadi mungkin kita minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar tolong jawab sebab saya tengok beberapa kali soalan ini dia bukan sahaja berkenaan dengan pertanian, dia bertanya tentang tanah terbiar. Soalan dia, adakah kerajaan telah atau akan atau bersedia untuk menjalankan program kesedaran dan saya tambah lagi satu, adakah kerajaan bersedia untuk menjalankan program penguatkuasaan ke atas Kanun Tanah Negara supaya sumber tanah di negeri Johor dioptimumkan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Terima kasih Yang Berhormat Skudai. Memang jawapan berkenaan dengan Kanun Tanah Negara bukan dalam bidang portfolio Pertanian dan Kemajuan Luar Bandar. Namun pada masa yang sama harus difahami bahawa banyak tanah-tanah, kegunaan tanah telah melanggar syarat tanah. Ini yang berlaku. Ada yang pertanian dibuat sebagai pembangunan perumahan dan ada yang pertanian juga digunakan untuk kawasan zon dijadikan sebagai kawasan perindustrian. Ini adalah satu cadangan yang baik dan boleh diambil kira dan dinilai selepas ini. Pada masa yang sama juga kepada kami yang penting adalah untuk mempastikan bahawa tanah-tanah terbiar digunakan secara optimum untuk pertanian tanaman agro makanan. Sebab itu dalam hal ini, saya tidak mahu menyatakan bahawa tidak menggalakkan pertanian komoditi tetapi realiti semasa ini ingin melihat bahawa agro tanaman, agro makanan ditekankan demi keselamatan bekalan makanan di masa depan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Skudai jemput.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 4.

Adakah status terkini atau inisiatif tentang pelaksanaan dasar mengharamkan penggunaan bekas makanan dan minuman polistirena di semua premis perniagaan yang sepatutnya dikuatkuasa mulai Julai 2020 di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan?

YB Speaker : Yang Berhormat Senai jemput.

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 5.

Bilakah pihak berwajib akan menjalankan penguatkuasaan tentang penggunaan plastik dari penyedut minuman.

YB Speaker : Ya, jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab bersekali soalan nombor 4 dan juga nombor 5. Terima kasih kepada YB Skudai dan juga YB Senai.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bekas makanan, minuman polistirena, plastik ataupun *straw* penyedut minuman ini, tiga serangkai yang tidak boleh dipisahkan dalam usaha kita menjaga alam sekitar dan juga kesihatan. Yang Berhormat Skudai bertanyakan soal status terkini dan inisiatif pelaksanaan dasar pengharaman bekas makanan dan minuman polistirena, manakala YB Senai bertanyakan bila pihak berwajib menjalankan penguatkuasaan penggunaan plastik dan penyedut minuman.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti semua maklum, polistirena mengandungi bahan toksik seperti benzin kalau betul ayatnya lah, dan benzin yang boleh membahayakan kesihatan termasuk mengandungi *kaseinogen* yang boleh menyebabkan kanser apabila terdedah kepada makanan panas. Contoh, mi mamak yang digoreng kemudian dimasukkan dalam bekas makanan polistirena, dia akan memberikan reaksi kimia dan boleh menjadi, membawa kepada kanser, ataupun teh tarik yang dimasukkan dalam bahan, cawan polistirena juga boleh membawa kepada kanser. Ini berdasarkan kepada kajian dakwaan pakar-pakar, Yang Berhormat.

Ketiga-tiga benda ini satu lagi mengambil masa yang lama untuk terurai. Ada yang mengatakan antara 10 hingga 500 tahun, *straw* pun penyedut *straw* plastik mengambil masa yang lama yang boleh mengganggu kehidupan di laut. Kalau COVID-19 ni, setengah bulan kita dah dapat jawapan, tetapi polistirena, plastik ni semua dia makan dalam, kalau orang Melayu sebut dia makan dalam, dia akan mengambil masa yang lama.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri pada 11 Disember, kerajaan negeri PH yang lama, pada 11 Disember 2019 melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor telah melancarkan inisiatif larangan penggunaan pembungkusan bekas makanan, cawan minuman polistirena dan pemberian penyedut minuman *straw* plastik hanya berdasarkan permintaan pelanggan di semua premis perniagaan di negeri Johor mulai 1 Januari 2020. Yang Berhormat Tuan Speaker, tempoh 6 bulan pertama bermula 1 Januari 2020 hingga 30 Jun, adalah tempoh pendidikan. Pihak Berkuasa Tempatan bersama Ahli Majlis telah mengadakan kempen kesedaran pendidikan dengan kerjasama Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Rendah Karbon. Penguatkuasaan, penguatkuasaan Yang Berhormat Tuan Speaker bermula 1 Julai 2020 di seluruh kawasan PBT Johor.

Bermula Julai 2020 hingga Oktober 2020, tinjauan dan juga pemeriksaan telah menunjukkan pengurangan notis yang dikeluarkan daripada 42.7% hingga 0.5% kepada peniaga. Ini menunjukkan peningkatan pematuhan premis perniagaan terhadap larangan yang telah dikeluarkan dan membuktikan kesedaran tinggi di kalangan peniaga dan juga pengguna terhadap ketiga-tiga bahan ini. Sepanjang tempoh Julai hingga Oktober, sebanyak 36,044 premis telah diperiksa dan 5,601 notis dikeluarkan kepada premis-premis di kawasan PBT Johor.

Dan untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, tiada kompaun, sitaan dikenakan terhadap inisiatif ini kerana zaman pandemik COVID-19 Yang Berhormat Tuan Speaker. Premis yang diperiksa ialah merupakan premis makanan, restoran makanan segera, pasar malam, pasar awam PBT, swasta, bazar, gerai juadah *food truck*, pasar pagi, kafe, kantin

sekolah, kios minuman makanan dan kedai runcit, kedai serbaneka dan mini market. Kegagalan Yang Berhormat Tuan Speaker mematuhi larangan ini akan dikenakan kompaun maksimum RM1,000.00 di bawah seksyen 107 (2) Akta 171 atau boleh didakwa di mahkamah. Tindakan penguatkuasaan ini akan giat dijalankan bagi memastikan tiada penggunaan bekas makanan dan minuman polistirena dan pemberian penyedut plastik percuma. Inisiatif tambahan juga yang akan kita fikirkan oleh kerajaan, kita lihat di punca kalau boleh pengilang ataupun pekedai, penjual tidak boleh menjual bekas makanan dan minuman yang menggunakan bahan polistirena ini Yang Berhormat Tuan Speaker.

Bagi beg plastik Yang Berhormat Tuan Speaker, Mesyuarat Negara Bagi Kerajaan Tempatan pada 18 November 2020, Kementerian Alam Sekitar dan Air telah membawa kertas pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma oleh PBT seluruh negara. Kertas ini memohon pertimbangan persetujuan pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma oleh PBT seluruh negara dan pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma dengan kutipan caj pencemaran minimum RM0.20. Untuk fasa pertama, premis perniagaan daripada 2019 dan 2021 seperti pasar raya, *hypermarket, supermarket*, restoran makanan segera dan pasar serbaneka. Bagi fasa kedua, bermula 2022 seterusnya akan diperluaskan kepada lain-lain premis perniagaan. Kempen Tanpa Beg Plastik akan mula dikuatkuasakan pada Ogos 2021 selepas sesi libat urus dan pendidikan selesai dilaksanakan dan caj RM0.20, Penang, mulai 1 Januari 2021 akan mengenakan caj RM1.00, kalau maklumat ini yang saya dapatlah untuk tujuan pelestarian alam sekitar dan untuk makluman Yang Berhormat, terbaru, *Singapore*, *not in hurry to banned plastic bag,* kata Menteri Kemampanan dan juga Alam Sekitar. Itu jawapannya Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya Skudai jemput.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang diberikan. Walaupun ada juga yang belum cukup jelas dan saya harap Yang Berhormat EXCO dapat memberikan lebih maklumat bukan dengan keberkesanan program ini sebab sekarang ini saya lihat daripada jawapan daripada Yang Berhormat EXCO, penguatkuasaan ataupun pelaksanaan dasar ini hanya pada peringkat *retailing*, dengan izin, iaitu, restoran ataupun kedai-kedai mamak dan sebagainya. Bagaimanapun, seperti yang disebut diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, data itu penting apabila kita mengubah sesuatu dasar. Maka, adakah kerajaan telah memegang ataupun mengumpulkan data bagaimana, berapakah perkakasan polistirena dan plastik yang dihasilkan ataupun ada dalam pasaran di negeri Johor dengan membuat bandingan di, pada bahagian penghasilan perkakasan ini ataupun beg plastik dan polistirena ini. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bersetuju dengan cadangan dan juga pandangan dari Skudai dari segi data penggunaan, bilangan di peringkat, semua peringkat. Insya-Allah, pihak PBT akan mengambil pandangan yang baik ini Yang Berhormat Skudai. Dan kita bukan melihat setakat di premis perniagaan, di kedai runcit, di kedai makan, kita cadangkan juga di premis perniagaan yang menjual barangan ini, malah kalau boleh, kita juga ingin tahu di peringkat pengilangan, data-data ini. Saya amat berterima kasih atas cadangan ini dan insya-Allah pihak PBT dan kerajaan negeri akan melihat secara terperinci untuk memperkukuhkan apa juga data yang berkaitan dengan usaha-usaha atau inisiatif untuk menjaga kelestarian alam sekitar ini, Yang Berhormat insya-Allah.

YB Speaker : Senai jemput.

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Nampaknya dasar-dasar ini memang oleh kerajaan kedua-dua pihaklah, dasar daripada Pakatan Harapan, dilaksanakan oleh kerajaan Perikatan Nasional, kita bersama-sama menjaga kesihatan dan alam sekitar. Dasar-dasar ini supaya untuk kita apa ni, mengurangkan guna plastik sekali guna. Adakah kerajaan ada niat menjadi contoh kepada masyarakat. Nampaknya Ahli Dewan ni nampaknya bila pergi Bilik Rehat DUN, masih kita banyak lagi air botol. Kalau kerajaan ada niat nak menjadi contoh untuk masyarakat, bolehkah kerajaan negeri Johor arahkan semua agensi kerajaan dekat setiap jabatan atau pejabat tiada lagi air botol atau plastik sekali guna. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Yang Berhormat Senai. Saya setuju, ni bukan setuju semua Yang Berhormat. Tapi, sepatutnya kerajaan memulakan. Contohnya, air botol inilah. Saya pun tadi Yang Berhormat Senai, bawa air botol, bila Yang Berhormat Senai cakap, saya angkat balik air botol tu ke bawah. (Dewan ketawa). Mana yang baik yang dilaksanakan oleh kerajaan.

YB Speaker : Nasib baik tak ada penguat kuasa Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Ya, Yang Berhormat. Mana yang baik, dasar, inisiatif yang dibuat oleh kerajaan PH yang lama, insya-Allah Yang Berhormat, kita akan laksanakan dari segi pelan kemampanan, pelan kelestarian, kita tidak mengatakan berdasarkan fahaman dan ideologi. Kita berdasarkan inisiatif yang baik, kita akan kekalkan dan kita akan usaha kekalkan dan laksanakan. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Bukit Pasir, jemput.

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir) : Assalammualaikum Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 6.

Bantuan perumahan daripada Majlis Agama Islam Johor dilihat memakan masa untuk disalurkan kepada golongan asnaf yang layak untuk diberi bantuan. Apakah langkah kerajaan dan MAIJ bagi mempercepatkan tempoh meluluskan serta menjalankan permohonan tersebut?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullah wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada sahabat saya daripada Bukit Pasir yang telah mengemukakan soalan bagaimanakah bantuan perumahan Majlis Agama Islam dilihat memakan masa begitu lama kepada golongan asnaf yang layak untuk diberi bantuan. Apakah langkah-langkah kerajaan bagi membaik pulih perkara-perkara ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Speaker, sebagai salah satu langkah proaktif Majlis Agama Islam Negeri Johor, kita akan bekerjasama dengan Pejabat Daerah dengan mewujudkan apa yang dipanggil akaun amanah melalui kelulusan Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor yang dijangkakan akan bermula selewat-lewatnya pada Disember ini dan Januari 2020, insya-Allah. Akaun amanah ini dirujukkan melantik setiap Pejabat Daerah sebagai pemegang amanah kepada dana kerajaan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi pembinaan rumah bantuan MAINJ dan bantuan zakat yang lainnya.

Seterusnya proses pembinaan rumah akan juga diuruskan sepenuhnya oleh pejabat Pegawai Daerah.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan rakan saya Bukit Pasir dan Ahli Dewan sekalian, proses bagi Skim Bantuan Bina Baru Rumah akan ditambah baik melalui pelaksanaan Tabung Amanah yang mana segala pengurusannya akan dilakukan oleh Pejabat-Pejabat Daerah. Dan untuk ini saya mengucapkan terima kasih kepada semua Pejabat-Pejabat Daerah yang pun telah menghantarkan penyata-penyata akaun amanah mereka kepada pejabat Pegawai Kewangan Negeri dan selepas ini bolehlah semua urusan-urusan permohonan bagi rumah-rumah asnaf di peringkat daerah terus dimajukan kepada Pejabat Daerah.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan juga Yang Berhormat Bukit Pasir dan Ahli Dewan sekalian, bagi tahun 2020 baik pulih bagi rumah-rumah yang berkenaan adalah seperti berikut: Muar, 3 buah, bagi daerah Muar sebanyak 3 buah rumah bagi baik pulih dan bina baru sebanyak 6 buah rumah. Bagi Batu Pahat, 6 buah rumah bagi baik pulih dan 13 rumah bagi bina baru. Bagi daerah Segamat, 2 buah rumah bagi baik pulih dan 1 rumah bagi bina baru. Bagi daerah Kluang, 1 rumah bagi baik pulih dan tiada bagi bina baru. Bagi daerah Kota Tinggi, 1 rumah bina baru. Bagi daerah Mersing, 3 rumah bagi bina baru. Bagi daerah Tangkak, 4 rumah bagi bina baru, bagi daerah Kulai, 1 rumah bagi bina baru. Jumlah keseluruhan bagi baik pulih bagi negeri Johor bagi tahun 2020 setakat ini Yang Berhormat Speaker ialah sebanyak 15 buah rumah dan bagi baik pulih, bina baru sebanyak 20 buah rumah. Baik pulih, kos bagi baik pulih ialah sebanyak RM15,000.00 dan bagi bina baru sebanyak RM65,000.00. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Bukit Permai.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Soalan tambahan**.**

YB Speaker : Ya, Semerah.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, kalau daripada jawapan yang lepas, Yang Berhormat EXCO ada maklumkan Batu Pahat ada 10 buah rumah terbengkalai yang akan dilaksanakan oleh pihak Pejabat Daerah. Jadi, adakah jumlah 13 bina baru itu termasuk yang 10 buah ini?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Dia termasuk, Yang Berhormat Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan, Buluh Kasap. Ya, Buluh Kasap, jemput.

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya cuma nak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan jumlah bina baru dan baik pulih di Segamat iaitu saya difahamkan 1 buah rumah bina baru dan 2 buah baik pulih. Cuma saya ingin dapatkan penjelasan adakah bina baru dan baik pulih ini diambil untuk tempoh yang terbaru ini atau yang sebelum, sebelumnya kerana saya mendapat maklum ada beberapa rumah di kawasan Segamat yang telah dijanjikan oleh pihak Majlis Agama untuk dibina dan dibaik pulih tetapi tidak dilakukan sehingga hari ini, sudah makan masa saya ingat 3 atau 4 tahun. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Yang Berhormat Speaker dan juga sahabat saya daripada Buluh Kasap. Ianya memang diambil daripada permohonan-permohonan sebelum ini. Jika ada terdapat permohonan yang dikatakan sudah hampir 3 tahun, selepas ini Yang Berhormat bolehlah maklumkan terus kepada saya untuk saya ambil tindakan segera, insya-Allah.

YB Speaker : Ya, Kota Iskandar.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih di atas jawapan YB EXCO. Kalau ikut statistik dan kutipan zakat negeri Johor adalah di antara yang tertinggi iaitu di antara RM280 juta sehingga RM300 juta setahun dan kumpulan asnaf di Johor terdapat seramai 73,629, fakir 14,382, miskin 59,247. Persoalan saya daripada statistik bina, baik pulih dan bina semula sebanyak 20 dan 15 yang disebutkan tadi hanyalah merupakan 0.5% daripada kutipan zakat yang saya sebutkan tadi dan saya rasa bahawa setiap kawasan ataupun setiap DUN mempunyai golongan asnaf yang perlukan bantuan dan saya mencadangkan supaya peruntukan 15 baik pulih dan 20 untuk bina semula ini ditingkatkan sesuai dengan kutipan zakat di peringkat negeri Johor dan juga jumlah bilangan asnaf yang saya sebutkan tadi meliputi fakir dan juga miskin.

YB Speaker : Apa pandangan Yang Berhormat, itu soalan dia, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih sahabat kita, insya-Allah Yang Berhormat Tuan Speaker, salah satu langkah yang akan diambil bermula bulan Januari ini dan saya sedar ada aduan-aduan tentang kelewatan permohonan di peringkat daerah daripada pihak MAINJ. Salah satu langkah yang akan kita ambil bermula Januari ini, semua pemohon-pemohon yang dimajukan kepada pihak MAINJ hendaklah diberikan jawapan dalam tempoh 14 hingga 21 hari. Dan, kita juga, saya juga akan mendapat laporan penuh setiap bulan, setiap hari Khamis minggu pertama semua pegawai-pegawai MAINJ daerah akan melaporkan kepada saya apa juga jenis, bentuk permohonan kepada MAINJ dan cadangan daripada sahabat saya tadi akan saya ambil perhatian dan satu langkah yang baik bagi kita memenuhi pungutan zakat ini dan tentang pungutan zakat ini akan saya bacakan dalam soalan-soalan tambahan yang berikutnya, Yang Berhormat Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Johor Lama, jemput.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Assalammualaikum Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

Mohon menurap semula permukaan jalan raya utama yang sangat teruk antara Jalan Simpang Pasak/Kampung Makam ke FELDA Air Tawar 3.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirahmannirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, JKR ni sebuah jabatan teknikal, *so* jawapan dia tepat dan pendek. Jadi, ada yang bertanya kenapa pendek, memang kita tak boleh panjang-panjang, kalau ada *highway* tu dia *short cut,* semakin pendek, semakin bagus, kos dia pun rendah.

YB Speaker : Tapi Rengit selalu jawab panjang. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Itu dia. Mengenai, terima kasih Johor Lama. Jalan Simpang Pasak atau Kampung Makam ke FELDA Air Tawar 3 adalah di bawah kelolaan kerajaan persekutuan. Oleh itu, JKR Johor

telah pun mengemukakan permohonan peruntukan kelulusan kepada Kementerian Kerja Raya bagi tahun depan, tahun 2021 untuk Jalan Sungai Rengit, Kota Tinggi FT092 sebanyak RM2.2 juta. Pecahan permohonan peruntukan sebanyak RM2.2 juta ini bagi kerja-kerja baik pulih jalan dengan kaedah *regulate* dan *overlay* adalah di kawasan di bawah yang akan saya sebutkan iaitu Simpang Rasak RM700,000.00, di hadapan kedai putu bambu RM500,000.00, tepat tu depan kedai putu bambu tu Yang Berhormat Tuan Speaker, Simpang Air Tawar 3, RM500,000.00 dan Simpang Air Tawar 1, RM500,000.00. Insya-Allah kalau peruntukan ini segera datang, segeralah kita laksanakan. Terima kasih.

YB Speaker : Johor Lama, jemput.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Soalan tambahan saya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Speaker, saya mohon jalan ini dapat disegerakan kerana baru-baru ini telah berlaku kemalangan yang meragut 2 nyawa penunggang motor kerana mengelak lubang-lubang yang besar dan tiada isyarat jalan yang sempurna seperti di Kampung Minchu, waktu malam gelap tak ada lampu. Sebelum saya, soalan saya seterusnya ialah saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan melalui JKR kerana telah memulakan pembinaan dan pelebaran Jambatan *Bypass* di Jalan Kota Tinggi *Bypass* 4 lorong yang berjumlah lebih kurang RM100 juta lebih. Saya ucap terima kasih banyak-banyak. Berkaitan dengan soalan ini, saya difahamkan pada 2018, telah ada satu peruntukan lebih kurang RM5 juta telah disalurkan kepada 1 konsultan untuk membuat kajian berkaitan dengan pembinaan jalan daripada Simpang Pasak sampai ke Bandar Penawar dianggarkan berjumlah RM5 juta telah diluluskan, jadi saya nak tahu apakah kesan laporan tersebut dan apakah perkembangan tentang jawapan laporan tersebut? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih Yang Berhormat Johor Lama atas soalan tambahan yang menyebut bahawa kerajaan telah meluluskan RM5 juta bagi konsultan mengkaji keperluan dan kebolehlaksanaan jalan ini memang telah dicadangkan oleh ICU pada masa itu untuk kita buat kajian tetapi pihak ICU atau kerajaan persekutuan mendapati kosnya agak tinggi walaupun memang jalan ini boleh memberi faedah yang agak besar kepada penduduk tempatan dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi di PIPC, tetapi oleh kerana kos yang agak besar berbanding dengan faedahnya ia telah dikaji semula dan projek itu telah dipindahkan ke projek-projek yang disebutkan oleh Johor Lama tadi iaitu Jambatan Kota Tinggi dan *directional ramp* di Bandar Penawar yang telah pun ditenderkan. Bagaimanapun, yang kita akan melihat balik seperti yang saya sebutkan sebelum ini pelaksanaannya untuk projek yang pertama itu insya-Allah akan disegerakan kerana kita tidak nak jalan-jalan yang tidak sempurna akan menyebabkan kemalangan yang boleh meragut nyawa. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, soalan seterusnya Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 8.

Apakah rancangan kreatif kerajaan Johor dalam memulihkan sektor pelancongan di Johor?

YB Speaker : Sri Medan, jemput.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 9.

Pelancongan merupakan salah satu penyumbang ekonomi di negeri Johor. Apakah perancangan kerajaan negeri yang boleh membantu agensi-agensi pelancongan untuk bertahan dalam situasi genting pandemik COVID-19 pada masa ini?

YB Speaker : Johor Jaya, jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 10.

Nyatakan rancangan pihak kerajaan Johor untuk membantu sektor pelancongan seperti mewujudkan peluang pekerjaan bagi pemandu pelancong dan industri pelancongan yang hilang pekerjaan dan pendapatan.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Bismillahirahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Stulang, Sri Medan dan Johor Jaya atas soalan. Yang Berhormat Speaker, izinkan saya menjawab soalan-soalan secara bersekali. Kita semua sedia maklum bahawa sektor pelancongan adalah antara sektor yang paling terkesan akibat penularan wabak pandemik COVID-19 dengan penutupan sempadan Johor – Singapura sehingga kini dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac hingga 31 Mac. Kadar purata penginapan ataupun *average occupancy rate* di Johor menurun dari 57.3% pada tahun 2019 kepada 27.6% pada bulan Ogos tahun ini. 13 hotel telah ditutup, pemandu-pemandu pelancong hilang punca pendapatan, penurunan jumlah pelawat di taman-taman tema dan juga pusat membeli belah.

Yang Berhormat Speaker, kerajaan negeri sedar tentang betapa pentingnya pembukaan sempadan Johor – Singapura terutamanya untuk sektor pelancongan. Sebab itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar membawa perkara ini ke Putrajaya hampir setiap minggu bukan sahaja dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) tetapi juga ke *National Academic Action Council* (NAAC). Atas keunikan negeri Johor, negeri Johor merupakan negeri pertama di Malaysia yang diberi ruang untuk membentangkan status ekonominya ke NAAC ini. Namun begitu, kita semua sedia maklum bahawa untuk agenda pembukaan sempadan Johor – Singapura ini berjaya, ia memerlukan 2 resipi utama :

1. Kerjasama semua pihak. Perlu ada persefahaman dan persetujuan antara kerajaan negeri, kerajaan pusat dan semestinya kerajaan Singapura itu sendiri.

2. Faktor kesihatan dan keselamatan. Bermakna angka COVID-19 perlu rendah di kedua-dua negara.

Yang Berhormat Speaker, sebab itu kerajaan negeri pada mulanya teruja dengan pengumuman *travel bubble* antara Hong Kong dan Singapura. Dengan harapan kita boleh *replicate* proses ini di Johor dan Singapura. Namun, manusia hanya boleh merancang. Pada 21 November sehari sebelum pelaksanaannya, Kerajaan Singapura mengumumkan pembatalan *travel bubble* tersebut. (Bacaan ayat al-Quran). “Mereka merancang, Allah juga merancang, sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik perancang.”

Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Johor sebagai permulaan kita bersyukur kerana sekatan sempadan kini telah dilonggarkan kepada *Reciprocal Green Lane (RGL)* dan *Periodic Commuting Agreement (PCA)* bagi rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Percaya dan yakinlah demi kelangsungan ekonomi dan sektor pelancongan, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan terus berusaha untuk merungkai dan menyelesaikan isu pembukaan sempadan ini.

Yang Berhormat Speaker, kerajaan negeri memahami tekanan yang dirasai oleh penggiat industri pelancongan. Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Negeri Johor 2020 telah diumumkan oleh kerajaan negeri pada bulan Mei untuk membantu penggiat industri pelancongan.

Antara inisiatif adalah pemberian insentif *one-off,* RM1,000.00 kepada pemandu-pemandu pelancongan, pengecualian pembayaran lesen kepada syarikat berkaitan pelancongan dan hotel-hotel, pengecualian duti hiburan bagi taman-taman tema dan pusat hiburan. Selain pemberian 3 insentif tersebut, terdapat juga beberapa insentif yang telah dirancang tetapi tidak dapat dilaksanakan.

1. Pemberian insentif galakan pelancong kepada syarikat agensi pelancongan sebanyak RM20.00 kepada setiap pelancong asing.

2. Pemberian insentif galakan pelancong kepada agensi-agensi pelancongan sebanyak RM10.00.

Kedua-dua inisiatif ini tidak dapat dilaksanakan pada masa itu kerana penutupan sempadan dan pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Namun begitu, kerajaan negeri tidak pernah berputus asa untuk mencari pendekatan-pendekatan lain untuk membantu penggiat industri pelancongan. *Domestic tourism* diberikan penekanan untuk mengimarahkan sektor pelancongan negeri Johor.

Tourism Johor dengan kerjasama MOTAC, Tourism Malaysia Wilayah Selatan (TMWS) serta penglibatan penggiat-penggiat industri pelancongan yang lain telah menjalankan inisiatif-inisiatif berikut bagi membantu sektor pelancongan tahun ini :

1. Sesi libat urus bersama penggiat industri.

2. Penubuhan *Johor Tourist Safety Standard*. Sebanyak 103 buah hotel telah menyertai bengkel kesedaran JTSS dengan 58 buah hotel darinya di sekitar Johor Bahru sudah diaudit.

3. Membaik pulih kemudahan asas dan infrastruktur pelancongan di daerah-daerah.

4. *Up-skilling course* bagi pemandu pelancong negeri Johor. Kursus ini telah melibatkan 560 pemandu pelancong.

5. Program *Majestic Johor*. Mengatur siri program berkonsepkan travelog yang mengetengahkan produk-produk pelancongan di Johor melalui *celebrity* dan *influencers.*

6. Penubuhan *Iskandar Puteri Tourism Action Council (IPTAC*). Tujuannya adalah untuk meneroka bersama potensi pelancongan di kawasan Iskandar Puteri dengan kerjasama pemegang-pemegang taruh UEM Sunrise, Iskandar Investment Berhad, IRDA, Sunway, Legoland dan sebagainya.

7. Penubuhan Jawatankuasa *Johor Medical Committee* (JMTC). Tujuannya adalah untuk memperhebatkan lagi promosi dan potensi *medical tourism* di Johor yang kini berada pada tangga ke-6 di negara ini.

8. *Iskandar Malaysia Employment Grant* melalui IRDA. 10 hotel di Johor telah dibantu melalui inisiatif ini yang melibatkan RM413,000.00.

Yang Berhormat Speaker, pada tahun hadapan pula seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Belanjawan Negeri bagi memacu dan merancakkan semula sektor pelancongan pasca COVID-19, kerajaan negeri akan melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut :

1. Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023 akan diteliti semula. Ini bagi memastikan hala tuju sektor pelancongan dapat dirancang dengan lebih tersusun dan mengikut tren semasa. Sebagai contoh, perancangan Tourism Johor di dalam *Johor Economic Tourism and Cultural Office (JETCO)* akan dimasukkan di dalam Pelan Induk Pelancongan.

2. *Johor Tourism Interchange (JTI)* dengan peruntukan RM500,000.00 ini akan dibangunkan bagi mentransformasi ekonomi digital pelancongan.

3. Baucar pelancongan berjumlah RM1.5 juta untuk merancakkan segmen penginapan, *shopping* dan *retail.*

Seterusnya, kerajaan negeri memperuntukkan RM5 juta bagi membangun dan menaik taraf prasarana pelancongan negeri Johor.

Yang Berhormat Speaker, saya juga amat bersyukur apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan untuk meneruskan bantuan kepada penggiat industri pelancongan yang akan menerima insentif-insentif berikut :

1. Pemberian insentif RM1,000.00 kepada pemandu-pemandu pelancong.

2. Insentif *one-off* kepada 16 persatuan pelancongan negeri dan daerah.

3. Insentif *one-off* RM2,000.00 kepada 586 buah syarikat agensi pelancongan.

4. Pengecualian pembayaran duti hiburan.

5. Pengecualian pembayaran lesen perniagaan.

6. Kepada pemandu teksi *limousine* lapangan terbang yang menjadi duta-duta kecil negeri Johor mendapat wang tunai *one-off* sebanyak RM500.00.

Sama-sama kita doakan semoga segala usaha ini akan membuahkan hasil dan kembali merancakkan sektor industri pelancongan Johor. Sekian.

YB Speaker : Ya Sri Medan jemput.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker. Terima kasih kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat EXCO Pelancongan.

Soalan tambahan saya, saya melihat bahawa industri pelancongan pada tahun ini dan mungkin pada masa hadapan, kita pun tak tahu sama ada COVID-19 ini akan tamat pada bila masa. Jadi tadi Yang Berhormat EXCO ada menyebut tentang pelancongan domestik. Ada beberapa tempat yang mungkin dicadangkan oleh Yang Berhormat EXCO melalui kerajaan negeri yang akan dinaik taraf atau dibaik pulih. Adakah Yang Berhormat EXCO ada data tentang perincian kerja bagi membaik pulih kemudahan dan juga infrastruktur pelancongan dalam negeri Johor. Apa yang saya harapkan Yang Berhormat Speaker, mana tahu kawasan saya ada termasuk dalam senarai itu, kawasan Parit Sulong. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Yang Berhormat Speaker, dalam keadaan pandemik COVID-19 ini, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sri Medan, infrastruktur adalah amat penting dan dengan dalam keadaan ini juga kerajaan negeri memberi tumpuan kepada produk-produk sedia ada. Dan dari segi maklumat yang saya ada setakat ini, untuk tahun ini, kerja-kerja yang dijalankan untuk menaik taraf infrastruktur pertamanya ialah kerja-kerja membaiki gelongsor air terjun di Kota Tinggi yang rosak akibat banjir. Pemasangan *LED Board* di Muar. Membekal dan memasang papan tanda *billboard*, mengecat kompleks pelawat pembangunan arca di Taman Negara Endau Rompin. Seterusnya di Mersing, kerja-kerja melukis mural di belakang Jalan Sulaiman, Bandar Mersing Fasa Ke-2, membekal dan memasang *info board* di Mersing Harbour Centre, membekal bangku rehat serta arca *stickman* di kawasan Majlis Daerah Mersing, membekal set peralatan permainan dewasa dan meja di kawasan Taman Mesra OKU di Daerah Mersing. Di Taman Negara, Gunung Ledang pula fasiliti seperti *billboard*, landskap dan dataran dinaiktarafkan. Di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan dibuat dan dicahayakan di kawasan tersebut. Di Kampung Sungai Melayu, membina pentas untuk sesi bergambar ataupun *photo booth swa selfie*, membaik pentas sedia ada, mereka bentuk dan melukis mural di dinding dewan. Setakat itu aje Yang Berhormat.

YB Speaker : Sri Medan tak ada. Jemput seterusnya Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Terima kasih Tuan Speaker. Saya di sini nak tanya EXCO, ada apakah pandangan EXCO Pelancongan terhadap pandangan YB Mahkota mengatakan bahawa dengan selaras hari cuti adalah satu galakan untuk pelancongan domestik, selaras hari cuti minggu.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Terima kasih Yang Berhormat atas soalan.

Bagi saya semua cadangan-cadangan ini saya anggap sebagai satu cadangan yang baik dan membina. Tetapi seperti Yang Berhormat sedia maklum perkara dasar seperti ini perlu mengambil masa dari segi perancangan, dari segi untuk diperhalusi lebih mendalam lagi Yang Berhormat. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Mengkibol jemput.

YB Tuan Chew Chong (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Dalam jawapan EXCO Pelancongan tadi ada disebutkan *travel bubble* dibatalkan satu hari sebelum pelaksanaan.

Soalan tambahan saya, dalam minggu lepas Mengkibol bersama Stulang, Perling isu kan satu *statement* mencadangkan pengecualian 14 hari kuarantin bagi mereka yang masuk dari Singapura. Ini disebabkan oleh *risk profile* yang kita nampak pada negara, dan kita memberikan pengecualian. Contohnya, pelawat dari Singapura *travel* ke United Kingdom tidak diperlukan kuarantin. Ini disebabkan *risk profile* negara Singapura yang rendah. Jadi soalan saya, bolehkah kerajaan Johor minta kepada kerajaan pusat supaya pengecualian kuarantin 14 hari ini dengan syarat :

1. Ada *PCR test* dan *IGM Antibody Test*;
2. *Antigen Rapid Test* di CIQ Johor Bahru;
3. Mereka yang ada simptom tidak dibenarkan masuk;
4. Mesti guna MySejahtera untuk tujuan *tracking*.

Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Yang Berhormat Speaker, saya akan cuba menjawab soalan ini kerana saya rasa ini lebih berkaitan dengan Yang Berhormat EXCO Kesihatan. Tetapi maklumat yang saya ada yang tahu ialah saya tahu di peringkat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, segala usaha sedang dan terus dibuat untuk melaksanakan *travel bubble* ini, *means* untuk apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi memang ada cadangan-cadangan di peringkat kerajaan negeri untuk melaksanakan *travel bubble*. Contohnya di Iskandar Puteri ini, *as a pilot program*, jadi kita tak buka seluruh negeri. Kita *start* dulu dengan Iskandar Puteri sebagai *pilot* programnya. Tetapi seperti yang saya sebut tadi, ada syarat-syarat ketat bukan sahaja di peringkat negeri ataupun negara tetapi di peringkat kerajaan Singapura itu sendiri. Jadi benda ini adalah langkah-langkah berterusan yang perlu dibuat oleh kerajaan negeri dan baru *things will starting to get better,* tiba-tiba ada PPKB, *so* ini antara cabaran-cabaran yang terpaksa kita hadapi secara bersama. Tapi insya-Allah cadangan Yang Berhormat kita akan angkat ke peringkat yang lebih tinggi, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Endau jemput.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 11.

Adakah pihak Jabatan Pendidikan mempunyai cadangan untuk membina sebuah stadium olahraga bertrek untuk kemudahan sukan olahraga bagi daerah Mersing?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker dan rakan Yang Berhormat. Pada masa ini keperluan utama dan kritikal di Jabatan Pendidikan Negeri Johor semasa mengemukakan cadangan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah pembinaan sekolah-sekolah baharu bagi, terdapat sekolah yang padat, naik taraf atau menyelenggara sekolah sedia ada untuk memastikan murid dapat mengikuti pembelajaran dalam keadaan selamat dan selesa.

Jabatan Pendidikan Negeri Johor berpandangan pada masa kini tiada keperluan mendesak untuk membina trek olahraga sintetik kerana daerah Mersing mempunyai sebuah stadium mini yang diuruskan oleh Majlis Daerah Mersing. Walau bagaimanapun, JPNJ, Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan mengenal pasti tapak dan padang sekolah yang sesuai bagi pembinaan trek dan balapan sebelum permohonan cadangan projek dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-12 tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan kewangan semasa negara. Jabatan Pendidikan Negeri Johor sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Penawar.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 12.

Penglibatan wanita dalam menyumbangkan peningkatan ekonomi keluarga tidak dapat disangkal. 45% daripada wanita di negeri Johor adalah wanita muda dan aktif. Apakah bentuk program dan bantuan yang diberikan oleh YPKDT kepada mereka terutamanya dalam keadaan Pandemik COVID-19 ini ?

YB Speaker : Yang Berhormat Machap jemput.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker soalan nombor 13.

Nyatakan usaha yang telah dilakukan oleh Yayasan Pembangunan Wanita dan Keluarga Darul Ta'zim terhadap ibu tunggal bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam makmur Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Penawar dan Yang Berhormat Machap. Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan-soalan secara bersekali.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YPKDT telah melaksanakan pelbagai program dan bantuan bagi golongan sasar terutamanya golongan ibu tunggal, wanita berpendapatan rendah, wanita OKU dan sebagainya. Program-program yang dilaksanakan tertumpu kepada pembangunan ekonomi kerana pada ketika ini saya percaya semua golongan terkesan akibat pandemik COVID-19. Golongan wanita tidak terkecuali untuk membantu ketua keluarga untuk meningkatkan pendapatan, malah kita tahu wanita-wanita yang menjadi ketua isi rumah juga memerlukan sokongan untuk menjana pendapatan bagi menampung keperluan kehidupan harian.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, antara program yang dilaksanakan ialah seperti berikut :

1. Skim Bantuan Peralatan Perniagaan yang diberikan kepada golongan sasar terutamanya bagi wanita yang meningkatkan, yang ingin meningkatkan pendapatan dan mengembangkan lagi perniagaan *home based business* yang sedia ada. Bagi tahun 2020, seramai 120 golongan sasar telah menerima manfaat. Permohonan akan menerima mesin atau peralatan perniagaan berdasarkan kepada keperluan perniagaan mereka dan pemberian ini diberikan setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Penilai oleh Ibu Pejabat YPKDT. Antara peralatan perniagaan diberikan kepada pemohon adalah seperti *mixer, oven, chiller*, mesin jahit dan yang lain-lain. YPDKT juga sentiasa memantau penerima-penerima supaya peralatan diberikan dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka.

YB Speaker : Macam semalam dah jawab Yang Berhormat yang ini, mengulangi yang semalam. Semalam dah jawab kan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Tapi sebahagian....setelah perniagaan mereka berkembang maju dan hasil pendapatan meningkat, YPKDT juga akan memberi nasihat kepada penerima untuk membuat permohonan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi mendaftarkan perniagaan mereka untuk membolehkan mereka mendapatkan lagi pelbagai jenis bantuan lain pada agensi-agensi usahawan yang sedia ada.

Kedua, Program *WINGS* di mana kita memberi kemahiran untuk menjana pendapatan wanita dan meningkatkan kemahiran wanita pelbagai bidang selain daripada masakan dan

juga kita memberi kursus-kursus pemasaran, pembungkusan, reka bentuk produk, asas perakaunan, pengusaha kewangan dan sebagainya. Bagi tahun 2020, seramai 100 orang usahawan wanita berpotensi telah menerima manfaat.

Seterusnya, melalui konsep komuniti yang mana melibatkan wanita berstatus ibu tunggal dan B40, YPKDT telah melaksanakan Program Pembangunan Ekonomi Rakyat yang dikenali sebagai PROPER. Projek ini berkonsepkan pertanian iaitu penanaman cili fertigasi yang melibatkan 10 daerah di negeri Johor. Program ini mendapat kerjasama yang baik daripada agensi-agensi kerajaan serta penduduk setempat. Alhamdulillah, kebanyakan daerah telah menerima hasil tuaian daripada projek ini dan secara keseluruhannya hasil tuaian adalah berjumlah RM26,979.70. Hasil tuaian ini akan dibahagikan mengikut kepada persetujuan antara komuniti yang terlibat di samping mendapat pandangan dan nasihat daripada Pejabat YPKDT di setiap daerah.

Selain daripada itu, kerajaan persekutuan melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor telah menyalurkan bantuan secara *one-off* kepada wanita-wanita yang berstatus ibu tunggal. Bantuan khas ibu tunggal (BKIT) merupakan satu bentuk bantuan wang tunai bernilai RM300.00 kepada ibu tunggal yang layak dan bantuan ini telah ditutup pada 31 Oktober 2020. Untuk negeri Johor, seramai 5,795 orang wanita yang telah menerima bantuan ini. Dan insya-Allah jumlah ini akan bertambah apabila senarai nama untuk fasa 6 diluluskan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tuan Speaker, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor juga melaksanakan program-program untuk wanita di negeri Johor antaranya ialah Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi yang mana ini adalah kursus untuk wanita meningkatkan kemahiran. Selain daripada itu, Program Klinik *Distress* yang telah diadakan sebanyak tiga kali dengan penglibatan 75 peserta wanita iaitu program yang membantu mengawal stres dalam kalangan wanita.

Ketiga, Program Seminar Wanita Anti Jenayah : Kesempatan Dalam Kesempitan yang melibatkan 150 orang peserta. Terima kasih.

YB Speaker : Penawar jemput.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya, EXCO Wanita. Soalan saya, selain daripada program yang berkonsepkan kepada pembangunan ekonomi, adakah YPKDT melaksanakan program lain yang memfokuskan kepada wanita muda di Johor bagi menjadikan mereka bukan sahaja hidup selesa, tetapi ikon yang sangat maju hingga ke taraf jutawan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Untuk tahun 2020, memandangkan kita sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19, YPKDT telah membuat penjajaran semula bajet 2020 bagi memastikan rakyat yang terjejas dengan pendapatan menerima pelbagai manfaat daripada pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, tahun hadapan YPKDT akan melaksanakan satu program yang khusus bagi wanita muda berkonsepkan kepada sukan iaitu Program *Fit And Fabulous* 2021 atau FIFA. Ini bagi memupuk kesedaran dan kepentingan bersukan kepada wanita-wanita muda di negeri Johor. Pada masa yang sama, kita mengharapkan COVID-19 cepat berakhir dan seterusnya kita dapat mempelbagaikan lagi bentuk dan konsep program. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Machap jemput.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tadi Yang Berhormat EXCO ada menyebut mengenai projek PROPER yang mana saya turut melawat projek PROPER tersebut di mana ada beberapa bilangan ibu tunggal yang mengusahakan tanaman fertigasi, tanam lada untuk dijual hasilnya untuk menambah pendapatan kepada mereka. Dalam inisiatif Belanjawan 2021 yang dibentangkan, saya tidak melihat sama ada projek PROPER ini akan diteruskan ataupun tidak. Jadi, saya minta ulasan daripada YB EXCO tentang projek ini. Sebab saya melihat implikasinya atau impaknya sangat besar kepada peningkatan pendapatan ibu tunggal. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Machap. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak menyebut mengenai pelaksanaan program PROPER tetapi insya-Allah program yang baik ini kita akan teruskan di bawah YPKDT dan akan memperluaskan konsep tanaman pertanian iaitu melibatkan tanaman seperti terung, cili besar Kulai, bendi dan cili sentil. Program ini mensasarkan penglibatan daripada wanita dan juga anak muda. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan tambahan, Parit Yaani jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Boleh?

YB Speaker : Boleh.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih YB Speaker. Berkaitan dengan dua isu ini, satu anak muda, wanita muda, satu ibu tunggal. Jadi dua-dua ini merupakan wanita yang kita rasa kita pun ada anak-anak muda, wanita dan kita juga mungkin ada keluarga yang ibu tunggal. Saya nak bertanya dua perkara.

Yang pertama, adakah dalam makluman Yayasan Pembangunan Wanita dan Keluarga ini persatuan-persatuan wanita apa, persatuan-persatuan ibu tunggal kerana di tempat saya sendiri, di Parit Yaani, persatuan ini aktif dengan membuat beberapa program tetapi dari segi pemasaran yang kita merasakan bahawa pertama modal, dia kekurangan, yang kedua pemasaran. Apakah yang perlu dibantu dan bagaimana Yayasan Pembangunan Wanita dan Keluarga Darul Ta'zim boleh membantu program yang dibuat oleh persatuan-persatuan ibu tunggal yang ada di negeri kita. Pertama soalan saya tadi, ada berapa banyak persatuan ibu tunggal dalam negeri Johor dan apakah cara untuk kita membantu kalau mereka ada buat program-program yang berkaitan? Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk persatuan ibu tunggal, kami masih dalam mengumpulkan seperti mana, mengumpulkan data *database* untuk persatuan-persatuan bukan sahaja ibu tunggal dan juga setakat ini kita hanya telah pun memperolehi jumlah ibu tunggal dalam negeri Johor setakat ini. Dan untuk makluman, mereka-mereka ini di bawah persatuan-persatuan ini haruslah berdaftar ataupun menghubungi Pejabat YPKDT di setiap daerah untuk kami melihat program-program ataupun usaha-usaha yang mereka lakukan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Bentayan jemput.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 14.

Apakah kursus yang ditawarkan dan kelayakan permohonan untuk Program Johor *Up-skilling & Re-skilling* 2020?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bentayan yang telah mengemukakan pertanyaan ini dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, program kemahiran khususnya untuk mereka yang terkesan sama ada *up-skilling, re-skilling* atau *multi skilling* adalah penting bagi golongan ini untuk meningkatkan kemahiran yang sedia ada atau mempelajari kemahiran lain bagi menceburi dunia pekerjaan baharu.

Program kemahiran seumpama ini sangat membantu dan memberi nilai tambah kepada diri mereka. Inilah perkara yang sedang hangat diperkatakan, disebut bagaimana kerajaan mengolah dan mengusahakan untuk membuat program-program seperti ini agar ianya supaya berjaya. Tapi kita juga harus sedar bila kita sentuh *about up-skilling, re-skilling*, kita, tujuan kita untuk *re-skill* mereka-mereka ini yang hilang pekerjaan bertujuan untuk mendapatkan mereka pekerjaan. Di mana kita nak letak mereka? Jadi kita memerlukan pemain-pemain industri yang mana kita sedia maklum pemain-pemain industri pun dalam keadaan yang tertekan dalam ke arah *exercising* dia punya *downsizing workers, retrenchment*, dengan izin. Jadi, mereka banyak ke arah untuk menguncupkan dia punya kos operasi, untuk mengelakkan kerugian yang lebih besar. Jadi, usaha kerajaan, pertama langkah yang kita lakukan, kita menerusi agensi-agensi seperti Unit SMI, Jabatan Tenaga Kerja, PERKESO, kita menggandakan usaha kita, merancang dan melaksana berbagai program mahu pun inisiatif dalam memastikan rakyat negeri ini tidak hilang pekerjaan dan menganggur kembali ke alam pekerjaan dari itu kerajaan negeri terus aktif menjalinkan kerjasama dengan GLC-GLC mahupun agensi-agensi swasta bagi usaha sama pintar. Apa yang kita lakukan langkah pertama, kita kena bentuk satu jawatankuasa teknikal, Jawatankuasa Teknikal Modal Insan, yang khususnya jawatankuasa induk ni diperkasakan bagi melihat permintaan dengan penawaran iaitu *demand* dan *supply,* yang terdiri dari agensi-agensi yang berkaitan khususnya pemain-pemain industri utama di negeri ini seperti FMM, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia.

Jawatankuasa kecil ini juga berperanan dan mengenal pasti dan mengumpul maklumat apa sektor-sektor yang ada *demand* dan apa sektor-sektor yang boleh kita *match* kan, kita boleh padankan dan sebelum kita imbangkan dia dengan program-program *up-skilling* dan *re-skilling* kita, sebab apa kita mahukan bila kita dah *re-skill*, *up-skill* mereka-mereka ini juga tempat peluang pekerjaan, penawaran pekerjaan itu ada menanti. Ini yang kita tengah dan selalu terus mengusahakan untuk mengenal pasti industri-industri *player* yang ada ketahanan ada kekuatan untuk mengambil mereka dan masih menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka. Dan, apa yang saya maksudkan dengan *multi skilling, multi skilling* juga satu pelan perancangan kerajaan, kita tidak semata-matanya untuk *up-skill, re-skill* dan dapatkan mereka kerja. Kita cuba tambahkan satu *layer* lagi *multi skilling,* mungkin *multi skilling* ini kita berhasrat untuk mendidik mereka, belajar menjadi *apprentice* dan seterusnya untuk membuka, memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Di sinilah peranan agensi kerajaan akan membantu mereka, memberikan suntikan modal kepada mereka untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Dan, alhamdulillah kita pun dapat kerjasama yang baik dari Pihak Berkuasa Tempatan untuk memberi ruang perniagaan kepada mereka untuk memulakan perniagaan yang baru.

Menjawab kepada soalan Yang Berhormat Bentayan, kursus-kursus yang telah kita sediakan adalah sebanyak 16 kursus dalam program *up-skilling*, *re-skilling* ini iaitu kursus pembantu kesihatan, kursus *operator crane*, kursus *Internet Of Thing, electrical instrumentation,* penyelia keselamatan tapak bina, kimpalan, penyelenggaraan penyamanan udara, pemasangan dan penyelenggaraan elektrik, pemasangan pelancar tahap asas, operasi pelabuhan, operasi logistik, perniagaan runcitan, pengurusan operasi bangunan, koordinator landskap pembinaan, gas *pipe filter,* sistem industri bangunan IBS dan ia melibatkan setakat ini kita ada menerima 494 pelatih. Antara mereka, dia punya *duration*, jangka masa setiap individu, setiap kursus yang diambil itu ada yang tempoh sebulan, ada yang tempoh 2 minggu ada yang minimum 10 hari. Dan, ia amat memberangsangkan dan kita telah berjaya membawa mereka ke program *Job Carnival*, *Job Matching* dan mereka telah mendapat pekerjaan dan hampir 3,000 dapat mengisi peluang pekerjaan. Saya rasa itu jawapan saya. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Bentayan.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Terima kasih YB Tuan Speaker, atas jawapan yang diberi oleh YB EXCO. Jadi, setakat ini agak berapa peratus peserta program atau kursus ini telah berjaya mendapat pekerjaan yang baru dan sama ada kan program ini dapat menolong mereka untuk meningkatkan pendapatan mereka. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Sudah tentu program ini memberi kesan dan impak dan memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang telah kita latih dan beberapa jawatan kosong telah diisi dan dia adalah program yang kita lakukan dan berterusan dalam masa tahun ini. Setakat ini di fasa pertama kita dapat mengisikan sebanyak 1,000 pekerjaan kosong dan seterusnya yang baru, fasa kedua 3,957 jawatan kekosongan yang telah diterima. Dan, kami dapat menerima sambutan baik dan juga yang tadi saya sebut berkenaan *multi skilling* itu, kita pun juga kita telah menerima permohonan dari setiap daerah yang berminat untuk mengikut serta kursus ini dan dia adalah telah dimasukkan dalam bajet permohonan kita tahun depan untuk kita selaraskan dan insya-Allah dia akan dapat memberi manfaat kepada semua. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Paloh, jemput.

YB Tuan Haji Sheikh Umar Baghrib bin Ali (Paloh) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya soalan nombor 15.

Bagaimanakah kerajaan Johor mengambil proaktif dalam memastikan pencegahan tekanan mental dan emosi rakyat semasa pandemik COVID-19? Rakyat bergelut dengan isu kesempitan ekonomi, pekerjaan, akses pendidikan dan seterusnya memberi kesan juga kepada keluarga dan mental.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO, 4 minit Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, memang tidak dapat dinafikan bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan psikologi bagi seluruh masyarakat dunia. Di Jabatan Kesihatan Negeri Johor Pasukan *MHPSS* iaitu *Mental Health and Psychosocial Support* daripada setiap fasiliti kesihatan termasuk hospital dan Pejabat Kesihatan telah diaktifkan seawal bulan Februari 2020. Akan tetapi perkhidmatan ini dimulakan khas untuk menangani isu kesihatan mental dan ketidakstabilan emosi di kalangan kakitangan kesihatan yang secara langsung terlibat dengan pengurusan kes-kes positif dan *contact* COVID-19 sama ada di wad ataupun di

lapangan dan kemudian ianya diperluaskan kepada pesakit yang positif, mereka yang disyaki dan akhirnya kepada semua penghuni di stesen kuarantin sama ada individu tersebut menelefon bilik gerakan *MHPSS* atau sebaliknya petugas akan menghubungi individu jika keputusan saringan kesihatan mental mereka abnormal. Disebabkan kaedah bersemuka tidak digalakkan dalam situasi ini, Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah menyediakan talian tele-kaunseling kepada seluruh masyarakat Johor pada bulan April 2020 hingga bulan Julai 2020.

Khidmat ini dibuka untuk tempoh yang pendek sahaja iaitu antara 16 April 2020 hingga 30 Jun 2020. Talian ini adalah talian tambahan kepada khidmat tele-kaunseling yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan disokong oleh NGO-NGO yang berkaitan. Talian ini adalah talian alternatif kepada talian psiko-sosial yang disediakan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan pelbagai agensi kerajaan serta NGO yang saya nyatakan tadi.

Tele-kaunseling dijalankan melalui panggilan telefon mengikut tujuan dan soalan-soalan yang berbangkit semasa perbualan. Ia dijalankan oleh Pegawai Psikologi Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Akan tetapi bilangan yang menghubungi talian Jabatan Kesihatan Negeri Johor ini amatlah sedikit iaitu hanya 32 panggilan sahaja dan walaupun perkhidmatan ini telah pun diwar-warkan di sosial media, FB, di telegram, Program Bual Bicara Johor serta juga kenyataan-kenyataan media. Disebabkan pemanggil kepada talian ini amat sedikit pihak *Mental Health and Psychosocial Support* daripada Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah membuat inisiatif dengan membuat panggilan kepada *client* yang mendapat *score abnormal* setelah menjawab soalan dipanggil *DASS* iaitu soalan berkaitan *Depression, Anxiety And Stress Score* secara sukarela. Seramai 1,445 *client* iaitu pesakit, *contact* dan penghuni stesen kuarantin telah menjawab DASS ini secara *online* di mana 118 didapati abnormal. Perkhidmatan tele-kaunseling ini telah diberikan kepada semua 118 *client*.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebaik sahaja PKPP dimulakan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah mengambil inisiatif baru untuk mengukur status kesihatan mental iaitu minda sihat masyarakat negeri Johor dengan menyediakan *QR DASS* ini iaitu *online* dengan satu bentuk saringan kesihatan mental secara atas talian menggunakan borang soal selidik *depression anxiety stress score* ini di mana setiap individu berumur 16 tahun ke atas boleh membuatnya sendiri iaitu pemeriksaan saringan *DASS* kendiri secara sukarela dan mereka akan mendapat keputusan serta merta dan usaha ini juga telah pun diwar-warkan di sosial media dan sebagainya. Ujian saringan minda *DASS* ini mengandungi 21 soalan iaitu saringan untuk mengenal pasti sama ada individu itu mempunyai tanda-tanda depresi iaitu *stress, anxiety* dengan izin dan juga tekanan. Selepas selesai menjawab soalan, *score* keputusan, *score* saringan akan diberi iaitu *usually* dalam bentuk normal, ringan, sederhana, teruk dan sangat teruk.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bilangan orang awam yang menggunakan *QR DASS* pada bulan Ogos 2020 ialah seramai 287 orang, 287,204 orang yang telah membuat saringan kesihatan mental. Kajian saringan minda sihat ini dijalankan secara atas talian di mana seperti saya katakan tadi *QR Code*, soal selidik berikut dikongsikan kepada petugas kesihatan di wad-wad dan juga di pusat-pusat kuarantin. Setiap individu tidak kira apa keputusannya akan diberi pautan kepada telegram iaitu Telegram Minda Sihat Johor yang merupakan akses kepada pelbagai info berkaitan kesihatan mental, teknik-teknik intervensi yang boleh dilaksanakan secara kendiri serta pelbagai talian psiko sosial yang boleh dihubungi untuk mendapat sokongan emosi jadi dalam pautan telegram itu ada banyak pautan dan juga informasi-informasi yang boleh dihubungi oleh mereka yang memerlukan bantuan. Bagi mereka yang mempunyai *score* yang tinggi iaitu teruk dan sangat teruk mereka telah diberikan pautan untuk mendapatkan temu janji pula atas talian di mana-mana klinik kesihatan di negeri Johor bagi membuat penilaian lanjut masalah kesihatan mental mereka.

Jadi, bagi mereka yang normal, tidak ada masalah walaupun mereka akan diberikan juga kepada pautan telegram tetapi bagi mereka yang masih memerlukan intervensi kesihatan mereka akan dirujuk kepada klinik kesihatan. Pada bulan Ogos 2020, bilangan *client* yang hadir ke klinik kesihatan untuk menilai masalah kesihatan mental meningkat secara mendadak dari jumlah 32 dan 46 *client* pada bulan Jun dan Julai kepada 678 *client* pada bulan Ogos 2020. Pada bulan Ogos 2020 ia meningkat kepada jumlah 678 ialah kerana promosi soal selidik minda sihat atas talian yang dilancarkan pada 9 Ogos 2020 telah memberi akses kepada masyarakat awam untuk membuat saringan secara kendiri.

YB Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Sikit lagi Yang Berhormat.

YB Speaker : Ringkaskan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Speaker, saya ingin menyatakan juga di sini bahawa sekiranya keputusan mereka itu abnormal individu ini digalakkan membuat penilaian lanjut di Klinik kesihatan negeri Johor dan mereka juga akan diberi *link* temu janji agar temujanji boleh dibuat dengan mudah dan tindakan susulan oleh Jabatan Kesihatan dan Pakar-pakar *Psychiatric* akan dilaksanakan akan diberi kepada mereka untuk menilai dengan lebih lanjut apakah cara-cara untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Terima kasih.

YB Speaker : Saya kira, saya tamatkan setakat itu, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama. Kita tangguh sehingga 11.25 pagi. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi

Persidangan disambung semula pada jam 11.25 pagi

Penolong Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2021) TAHUN 2020.

YB Speaker : Bismillahirahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Kedua Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020 dimulakan, disambung semula. Jemput, dijemput Yang Berhormat Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Selamat pagi salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bagi perbahasan Belanjawan 2021 dalam Dewan yang mulia ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membentangkan Belanjawan 2021 yang bertemakan Berdaya Tahan Demi Kemakmuran. Satu belanjawan yang dinanti-nantikan oleh rakyat dalam menghadapi pandemik COVID-19.

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi seluruh rakyat. Penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia telah mengakibatkan kehidupan manusia terjejas dari segi pekerjaan, kehidupan harian, kesihatan dan kekeluargaan. Cabaran yang kita hadapi bukan sahaja apa yang kita hadapi sekarang, yang lebih penting cabaran pada masa hadapan. Bagaimanakah kita perlu membangun semula ekonomi pada tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang amat terjejas akibat wabak COVID-19. Sektor pelancongan merupakan satu sektor yang penting dalam membantu ekonomi tempatan ini. Ini disebabkan sektor ini, bukan sahaja menarik pelancong ke tempat pelancongan tetapi ia turut membawa peluang pekerjaan dan peluang *business* kepada penduduk tempatan sama ada restoran, pengangkutan dan sebagainya. Johor Bahru turut mengalami kemerosotan yang tinggi sebab penutupan sempadan Singapura dan Malaysia.

Dalam Belanjawan 2021 terdapat pelbagai inisiatif untuk membantu sektor pelancongan seperti memberi bantuan *one-off* kepada syarikat agensi pelancongan. Persatuan Pelancongan dan Pemandu Pelancong yang berdaftar di negeri Johor. Ini merupakan satu bantuan yang memang baik untuk menghulurkan tangan apabila mereka menghadapi ketegangan ekonomi. Namun, Johor Jaya berpendapat bahawa pihak kerajaan perlu mengambil tindakan lanjut dan fikir bagaimana kita dapat bangun semula atau *restart* sektor ini selepas wabak COVID-19. Ramai di antara mereka yang sudah tutup *business* kerana kesukaran dan kemerosotan sektor pelancongan. Adakah sektor pelancongan bersedia kembali semula selepas wabak. Untuk menukarkan persepsi rakyat dalam pelancongan domestik atau antarabangsa, kita perlu lihat dan menambah baik dari kedua-dua segi iaitu dari segi *soft skill* dengan izinnya dan infrastruktur.

Pada zaman digital dan sosial media ini, segala keputusan rakyat untuk memilih sebuah destinasi pelancong, boleh dipengaruhi melalui sosial media. Dengan ini, saya mengambil kesempatan untuk memuji pihak Tourism Johor dengan usaha penambah baik yang saya lihat dalam sosial media. Ini adalah hasil yang baik dan usaha kita yang menekankan kepentingan promosi di platform sosial media selama ini. Namun, pada masa yang sama, kita bukan sahaja perlu lihat dari segi *soft skill* seperti promosi sahaja. Kita perlu lihat kepada kekurangan *iinfrastructure* yang sedia ada atau masalah yang dihadapi tetapi tidak selesai selama ini. Inilah masanya untuk menambah baik supaya kita bersedia untuk menerima pelancong pada masa akan datang. Cadangan Johor Jaya untuk menambah baik sektor pelancongan merangkumi *soft skill* dan *infrastructure* seperti berikut:

1. *Travel Bubble* antara Malaysia dan *Singapore* perlu dimulakan perbincangan dan juga perlu diaktifkan serta-merta apabila keadaan kedua-dua negara ini bertambah *stable* dan bertambah baik supaya ekonomi di Johor Bahru dapat dipulihkan dengan serta-merta dan segera dengan syarat-syarat yang tertentu bagi *travel bubble* ini.

2. Kita memang lihat ramai pemandu pelancong, agensi pelancongan atau mereka yang bergantung pada sektor pelancongan telah kehilangan pendapatan semasa ini. Sebagai contoh, pemandu pelancong iaitu *tour guide* mereka terpaksa membuat jualan *online*, ada *pilot* yang juga jual burger di jalan dan sebagainya. Selain memberi bantuan secara *one-off* ini juga masa untuk memberi kursus lanjutan kepada mereka untuk mengukuhkan lagi ilmu pengetahuan mereka. Negeri Johor mempunyai 10 daerah dan setiap daerah mempunyai daya tarikan yang unik masing-masing. Saya perhatikan bukannya semua pemandu pelancong yang betul-betul faham tentang sejarah atau keunikan di setiap daerah itu. *Trend* pelancongan sudah ubah. Pelancong bukan sahaja melancong di *theme park* yang besar tetapi lebih kepada sejarah dan cerita yang unik di setiap tempat. Johor memang berpotensi untuk menarik mata mereka sekiranya kita siap sedia kita sendiri. Johor Jaya cadang untuk melatih *in house tour guide* iaitu pemandu pelancong yang fokus bagi setiap daerah supaya mereka dapat lebih kenal dengan tempat masing-masing mempromosikan setiap daerah masing-masing. Kursus atau latihan disediakan oleh pihak kerajaan ini bukan kepada semua pemandu pelancong yang sedia ada atau yang mereka berminat secara percuma. Inilah masa bagi mereka untuk meningkatkan ilmu pengetahuan diri.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

3. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan bantuan *one-off* kepada 16 persatuan pelancong. Terdapat banyak persatuan pelancongan dalam negeri Johor dan saya percaya 16 persatuan ini merupakan persatuan yang terpilih merangkumi semua sektor pelancongan sebagai contoh, Persatuan Pemandu Pelancong, Persatuan *Inbound Tourism*, Persatuan *Outbound Tourism, Golf Tourism* dan sebagainya. Johor Jaya berpendapat bahawa selain bantuan *one-off* pihak kerajaan harus memberi *matching grant* kepada industri pelancongan yang dapat memberi inisiatif atau idea baharu kepada pelancongan negeri Johor. Dengan inovasi baharu tidak kira secara *online* atau promosi atau *package* pelancongan yang baharu, barulah kita dapat majukan sektor ini dan kembali sekali lagi dengan imej pelancongan yang baharu.

4. Membaiki dan menambah baik infrastruktur yang sedia ada. Sebagai contoh, salah satu masalah besar yang kita hadapi dalam sektor pelancongan selama ini, adalah masalah infrastruktur di kastam *link* kedua. Infrastruktur Kompleks Sultan Abu Bakar tidak dapat menampung aliran trafik terutamanya bagi pelancong yang masuk melalui *link* kedua. Cadangan untuk menggabungkan dua bangunan supaya ruang menjadi lebih besar demi menampung lebih ramai pelancong, membaiki bumbung tertutup supaya pelancong tidak ditimpa hujan apabila turun dan naik bas. Menambah bilangan tandas dan lain-lain. Semua cadangan ini telah dikaji beberapa kali dan inilah masanya untuk mengambil tindakan kerana waktu inilah dengan penutupan sempadan Malaysia dan *Singapore*, tidak ada aliran trafik yang tinggi, tidak akan mengganggu sesiapa pun sekiranya kerja-kerja naik taraf dijalankan. Cadangan membaiki infrastruktur ini akan membantu menyelesaikan masalah kesesakan dan menambah baik infra yang kurang memuaskan selama ini. Johor Jaya berharap pihak kerajaan dapat mengambil tindakan dengan segera dan membantu sektor pelancongan siap sedia apabila kita kembali menerima pelancong dengan satu imej yang baharu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, wanita merupakan tulang belakang bagi sesebuah keluarga. Pada zaman ini, wanita bukan sahaja perlu menjaga anak, menyusu anak tetapi juga perlu bekerja. Menurut Dasar Penyusuan Ibu Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menggalakkan ibu supaya menyusu susu ibu kepada anak dan terus berada di dunia pekerjaan. Untuk mencapai matlamat penyusuan susu ibu kepada anak, seorang ibu perlu ada sokongan secara mental dan fizikal daripada ahli keluarga dan juga tempat kerja. Ibu menyusu perlu ada sokongan secara mental dari ahli keluarga atau rakan sekerja. Kita perlu bertimbang rasa atas masa yang diperlukan semasa mereka mengepam susu sewaktu kerja. Selain itu, ibu menyusu perlu ada sokongan fizikal iaitu satu tempat yang selesa, *private* dan bersih. Oleh sebab kekurangan sokongan fizikal, terdapat ramai ibu yang menyusu terpaksa mengepam susu di tandas, surau dalam kereta, di bawah meja, di dalam bilik stor dan sebagainya. Ketidakselesaan atau kesukaran ini telah mengakibatkan mereka berputus asa supaya terus menyusu susu ibu.

Program *Mama Friendly* telah dilancarkan melalui YPKDT sebagai satu program perintis untuk menunjukkan sokongan kepada ibu bekerja supaya terus menyusu anak. Saya mendapati program ini mendapat sambutan baik dari agensi, jabatan dan sekolah. Pada tahun lepas, ramai Ahli Parlimen di negeri Johor telah pun memberi peruntukan mereka kepada sekolah dalam kawasan mereka. Supaya dapat menyediakan bilik *mama friendly* di sekolah. Saya nak tanya Yang Berhormat Tuan Speaker, apakah status terkini dan rancangan seterusnya bagi Program *Mama Friendly* yang memanfaatkan wanita dan ibu menyusu yang sedang bekerja? Saya berharap program ini dapat diteruskan supaya ia selaras dengan idea menggalakkan wanita terus berkhidmat di dunia kerja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu kekeluargaan khususnya keganasan rumah tangga atau wanita semakin meningkat dalam tempoh PKP, PKPP dan PKPB. Saya faham bahawa isu masyarakat sosial atau kekeluargaan memang berlaku selama ini. Namun, tidak boleh dinafikan bahawa oleh sebab wabak COVID-19, ramai yang hilang kerja, ramai yang duduk rumah sebab PKP dan mereka menghadapi tekanan ekonomi atau tekanan keluarga dan perselisihan faham antara satu sama lain turut meningkat. Sebagai contoh, dalam kawasan saya, saya hadapi keluarga yang suami isteri gaduh atau isteri dipukul sehingga lari dari rumah, ada juga anak umur 10 tahun dihalau keluar rumah sebab ibu tunggal mempunyai masalah mental dan yang paling teruk lagi ada yang bunuh diri sebab pergaduhan antara suami isteri.

Kalau mengikut peruntukan Belanjawan 2020, terdapat peruntukan sebanyak RM300,000.00 diberikan untuk Skim Bantuan Guaman Wanita Negeri. Skim ini adalah untuk membantu golongan wanita kurang bernasib baik dalam mendapatkan pembelaan di Mahkamah bagi kes-kes perundangan dalam rumah tangga khususnya mereka yang terlibat dalam kes keganasan rumah tangga. Sebagai sebuah kerajaan, kita tidak boleh hanya memberi bantuan makanan sahaja. Berapa banyak bantuan bakul makanan yang boleh kerajaan bagi. Kesemua kes ini mereka perlu bantu segera dari pihak kerajaan. Dengan ini, Johor Jaya ingin bertanya sejauh manakah pihak kerajaan melaksanakan Skim Bantuan Guaman Wanita *hotline* atau bantuan kaunseling kepada mereka yang menghadapi masalah kekeluargaan? Selain itu, pihak kerajaan perlu menubuhkan sebuah rumah *shelter* atau rumah transit sementara supaya mereka yang menghadapi masalah keganasan rumah tangga atau keganasan wanita dapat dibantu dengan segera.

Yang Berhormat Tuan Speaker, adalah berita baik bagi masyarakat Cina bahawa pihak kerajaan telah meningkatkan peruntukan masyarakat Cina pada tahun 2021 iaitu RM6 juta. Namun, saluran peruntukan tersebut telah menimbulkan pelbagai persoalan bagi Johor Jaya. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, peruntukan masyarakat Cina bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 adalah RM35 juta masing-masing termasuk kebajikan dan pendidikan. Dengan ini, sejak tahun 2018, kerajaan Pakatan Harapan telah memberi peruntukan pendidikan kepada masyarakat Cina termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan sekolah menengah persendirian. Antara 9 buah sekolah menengah persendirian yang berada di negeri Johor iaitu setiap sekolah menengah persendirian mendapat peruntukan RM50,000.00 pada tahun 2018 dan RM60,000.00 pada tahun 2019 masing-masing.

Menurut jawapan soalan bertulis yang saya terima pada bulan September, peruntukan masyarakat Cina bagi tahun 2020 telah pun disalurkan kepada Yayasan Sultanah Fatimah. Kalau mengikut rancangan, setiap sekolah menengah persendirian akan mendapat peruntukan sebanyak RM60,000.00 dari pihak kerajaan negeri pada tahun ini. Walau bagaimanapun, setakat hari ini saya dimaklumkan bahawa sekolah menengah persendirian di negeri Johor masih tidak dapat terima sebarang peruntukan daripada pihak kerajaan negeri. Ini adalah peruntukan kerajaan di mana mereka sangat memerlukan peruntukan ini kerana sebab wabak mereka tidak mendapat dana yang lain. Saya nak tanya, bilakah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Persatuan Masyarakat Cina dapat disampaikan kepada pihak yang memerlukan?Johor Jaya khuatir dengan cara saluran dan juga kegunaan peruntukan ini. Bagaimana kita dapat mengenal pasti peruntukan ini dapat disalurkan dengan telus, adil dan saksama. Yang Berhormat Tuan Speaker, Johor Jaya ingin bangkitkan beberapa isu kawasan. Kawasan Johor Jaya khususnya kawasan Jalan Dedap selama ini menghadapi masalah kesesakan lalu lintas. Dan, baru-baru ini pihak PBT telah mengambil inisiatif untuk melukis semula garisan petak parkir di Jalan Dedap khususnya di Jalan Dedap 7 dan Jalan Dedap 13. Namun petak parkir yang baru dilukis ini telah mengakibatkan kekurangan petak parkir berbanding dengan sebelum ini. Sebagai contoh, sebelum lukisan petak parkir yang baru, setiap barisan tempat parkir mempunyai lebih kurang 28 petak. Selepas lukisan yang baru, ia menjadi hanya 16 petak. Kekurangan 12 dalam setiap barisan ini dan akhirnya menjadi seluruh kawasan itu telah kekurangan

lebih kurang 100 tempat parkir. Ini menyukarkan lagi pemandu kenderaan untuk meletak kereta dan mereka terpaksa *double park*, dengan izinnya dan turut sesak jalan. Saya faham bahawa lukisan baru ini mungkin mengikut garis panduan yang baru. namun jalan tersebut merupakan satu jalan yang agak luas. Pandangan saya cara melukis perlu bijak supaya ia tidak terlalu senget sehingga bazir tempat itu. Oleh itu, saya meminta pihak PBT supaya kaji semula semua lukisan petak parkir di sana.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Johor Jaya ingin bangkitkan isu Lebuh raya Pasir Gudang. Seperti mana yang kita ketahui, lebuh raya Pasir Gudang merupakan salah satu jalan utama dan penting di Johor Bahru. Oleh sebab PKP, PKPP, PKPB, kenderaan di jalan raya memang kurang dan isu kesesakan lalu lintas pun kurang juga. Namun keadaan jalan yang berlubang-lubang tidak nampak bertambah baik. Baru-baru ini, bulan ini sahaja terdapat dua orang penunggang motosikal yang ingin mengelak lubang di atas Lebuh raya Pasir Gudang dan akhirnya salah seorang meninggal dan seorang lagi cedera parah. Kemalangan maut ini sekali lagi mengingatkan kita keadaan jalan yang berlubang-lubang ini. selain itu, masalah lampu jalan yang tidak bernyala di beberapa simpang Lebuh raya Pasir Gudang dan sepanjang Jalan Tebrau ke Kota Tinggi pun tidak selesai lagi. Saya pun sedih nak kata. Berapa lama saya berada di Dewan yang mulia ini, berapa kalilah saya perlu bangkitkan isu lebuh raya Pasir Gudang. Saya meminta pihak kerajaan memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan mungkin setiap tiga bulan atau lebih baik setiap bulan supaya tidak ada nyawa yang hilang sebab masalah lubang jalan atau lampu jalan. Kalau katanya jalan ini mempunyai trafik yang tinggi, menyusahkan kerja-kerja. Masa inilah masa paling baik sebab tidak ada banyak kenderaan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan. Saya memohon pihak JKR supaya mengambil perhatian, mengambil berat terhadap keselamatan pengguna jalan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua anggota barisan hadapan, *front liner* yang bekerja sepanjang penularan pandemik COVID-19. Sebagai wakil rakyat yang diberi mandat oleh rakyat, kita perlulah jalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berhemah. Sama-sama kita menjaga keselamatan dan kemakmuran rakyat dan negara. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih kepada Johor Jaya. Seterusnya Tangkak.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Selamat sejahtera, salam harapan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Tangkak untuk menyertai dalam Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020. Terlebih dahulu, patik ingin merafak sembah setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena sambutan ulang tahun keputeraan pada 22 November 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Belanjawan Johor 2021 ini diharap dapat membantu negeri kita dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19 yang sedang menyerang negeri Johor dan Malaysia dan tiada sesiapa yang mampu meramal hingga bilakah krisis penyakit ini akan sampai penghujungnya. Oleh itu Tangkak berpendapat bahawa cadangan-cadangan kerajaan negeri dalam memberi bantuan kepada pelbagai lapisan masyarakat adalah sangat digalakkan. Walaupun pemberian geran dan wang tunai ini bukan satu penyelesaian untuk jangka masa panjang tetapi sekurang-kurangnya ia dapat membantu kumpulan sasar dalam menyelesaikan masalah kehidupan ketika penularan COVID-19 ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sejak penularan COVID-19 di Johor bermula pada awal tahun ini sehingga pelaksanaan perintah kawalan pergerakan pada pertengahan bulan Mac, boleh kata semua sektor ekonomi dan perkhidmatan telah terjejas dan tergendala. Namun sektor pertanian adalah salah satu aktiviti ekonomi yang dapat memulih dengan laju

berbanding dengan sektor-sektor yang lain. Tangkak mengalu-alukan cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengusahakan agenda jaminan bekalan makanan negeri Johor sebagai satu strategi pemulihan ekonomi Johor. Johor merupakan penyumbang kedua tertinggi di sektor pertanian dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) peringkat nasional. Menurut statistik Kementerian Pertanian, Johor merupakan pengeluar tertinggi tanaman buah-buahan dan bunga-bungaan di Malaysia. Sejumlah 567,300 metrik tan pengeluaran buah-buahan dan 249,486 metrik tan bunga-bungaan pada tahun 2018. Pengeluaran sayur-sayuran dan tanaman ladang serta tanaman kontan di negeri Johor, juga berada di tangga kedua dengan pengeluaran 198,460 metrik tan sayur-sayuran dan 43,420 metrik tan tanaman kontan. Pengeluaran hasil tanaman ini bukan sahaja mengekalkan sumbangan negeri Johor kepada KDNK Nasional. Ia juga telah menjana pendapatan kepada masyarakat dan komuniti di negeri Johor. Mengikut rekod Johor mempunyai kira-kira 59,700 orang petani. Keluasan tanah pertanian yang diusahakan adalah sebanyak 51.1% keluasan tanah di Johor seperti mana dari jawapan dari Yang Berhormat EXCO Pertanian pada pagi tadi. Statistik ini menunjukkan negeri kita sangat sesuai untuk aktiviti-aktiviti pertanian dan terdapat ramai petani yang sedang mengusaha dalam industri pertanian ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Belanjawan Johor 2021 telah mengumumkan suntikan dana lebih kurang RM50 juta di bawah agenda Johor Tani untuk pelbagai program sektor pertanian seperti pembangunan komoditi berpotensi, peningkatan hasil padi, hasil ternakan dan sebagainya. Namun bagi petani yang sedia ada dan rakyat yang ingin menceburi dalam bidang pertanian, kekurangan tanah adalah penghalang kepada mereka. Semakin hari, semakin banyak tanah-tanah pertanian telah diubah syarat kepada kegunaan pembinaan kediaman kerana projek pembangunan perumahan akan membawa pulangan yang lebih cepat kepada pemilik tanah berbanding dengan kegunaan pertanian. Selain itu, terdapat sebahagian besar tanah-tanah pertanian yang sedia ada merupakan tanah-tanah lesen pendudukan sementara, LPS dan tanah-tanah pajakan kerajaan terutama tanah tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan. Tangkak ingin mencadangkan kepada kerajaan Johor supaya boleh memudahkan lagi proses pembaharui LPS bagi pemegang tanah yang betul-betul mengguna tanah tersebut dalam tanaman makanan. Bagi pemegang tanah pajakan kerajaan, mereka menghadapi tekanan yang sangat tinggi ketika tempoh pajakan tanah mereka hampir luput kerana mengikut kiraan sekarang mereka perlu membayar sejumlah wang yang sangat tinggi untuk melanjutkan tempoh pajakan tanah supaya dapat meneruskan mata pencarian mereka. Oleh itu, Tangkak berharap kerajaan dapat menimbang untuk mengutip caj minima supaya pembekal tanah tersebut dapat meringankan beban. Selepas mereka dapat melanjutkan tempoh pajakan tanah, malah mereka akan lebih berkeyakinan untuk membuat rancangan tanaman jangka masa panjang dan mereka juga boleh memohon pinjaman bank bagi melabur dalam teknologi pertanian bagi menambah hasil tanaman.

Yang Berhormat Tuan Speaker, laporan Kementerian Pertanian turut menunjuk bahawa terdapat 4,561 keping tanah terbiar yang berkeluasan 1,097 hektar di Johor setakat tahun 2019. Jumlah ini masih tidak mengambil kira tanah-tanah rizab kerajaan dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negeri. Tanah-tanah terbiar pegangan kerajaan dan agensi kerajaan ini, kebanyakan adalah untuk, adalah tanah rizab kerajaan bertujuan menggunakan tanah untuk projek-projek tertentu dalam jangka masa panjang.

Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Pertanian, pada sesi soal jawab pagi tadi, juga bersetuju bahawa tanah-tanah kerajaan yang tiada rancangan pembangunan dalam 5 atau 10 tahun yang akan datang boleh diusahakan untuk tanaman agro makanan. Tangkak meminta kerajaan Johor menyatakan keluasan tanah rizab kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang tidak ada rancangan pembangunan dalam 5 tahun yang akan datang. Tangkak telah saban tahun mencadang untuk menyewakan tanah milikan kerajaan yang

masih tiada rancangan pembangunan kepada rakyat Johor yang berminat dalam bidang pertanian makanan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada pembentangan Belanjawan Johor Tahun 2020, kerajaan Pakatan Harapan Johor telah memperkenalkan Gagasan Revolusi Hijau bagi mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian. Meningkatkan prasarana pertanian. Menggalakkan penggunaan teknologi hijau. Menggalakkan aktiviti-aktiviti pertanian berskala besar dan mewujudkan kawasan khas sub sektor pertanian. RM14.6 juta juga telah diperuntukkan ketika itu melalui projek pembangunan tanah terbiar, pembangunan kolam ternakan terbiar dan pembangunan tanaman rumput makanan ternakan di kawasan terbiar. Sejauh manakah keberkesanan projek-projek tanah terbiar ini setakat ini dan apakah langkah susulan yang akan diambil oleh kerajaan bagi lebih ramai rakyat dimanfaatkan daripada Gagasan Revolusi Hijau ini. Kalau kerajaan Johor dapat memperkemaskan agenda Johor Tani dengan bukan sahaja membantu dari segi program-program pembangunan, peningkatan hasil dan latihan keusahawanan tetapi juga menyediakan tanah yang sesuai untuk disewa kepada petani, pekebun dan penternak. Tangkak percaya, Johor akan menerima impak yang lebih tinggi dalam sektor pemacu utama ekonomi Johor ini. Tangkak tidak menafikan terdapat segelintir individu yang menyewa tanah kerajaan, tujuan untuk tanaman makanan telah melanggar perjanjian kerana telah menanam tanaman komoditi seperti kelapa sawit. Tapi apabila kita lihat lebih mendalam tentang perlanggaran syarat kegunaan tanah ini, kenapa petani sanggup pecah amanah atas kegunaan tanah pertanian? Adakah kerana ketidakstabilan harga tanaman agro makanan? Walaupun risiko bidang pertanian lebih rendah berbanding dengan perniagaan lain, tetapi harga hasil tanaman terlalu bergantung kepada penawaran dan permintaan pasaran. Cuaca dan perubahan iklim juga selalu menjejas kestabilan harga hasil pertanian. Oleh itu, lebih banyak dana perlu disediakan oleh kerajaan untuk menstabilkan harga hasil tanaman. Mempertingkatkan pemasaran hasil pertanian melalui pusat pengumpulan hasil pertanian adalah tidak mencukupi. Campur tangan kerajaan dalam harga pasaran tanaman makanan adalah salah satu cara untuk menstabilkan pendapatan para petani. Contohnya, kerajaan melalui agensi-agensi kerajaan untuk membeli hasil tanaman makanan dengan satu harga tetap yang munasabah. Pembelian hasil tanaman makanan ini, tidak perlu ada sebarang sekatan dari segi kuantiti, seperti mana yang diamalkan dalam program kontrak pertanian iaitu apabila harga pasaran tinggi daripada harga tetap kerajaan, petani boleh pilih untuk menjual hasil tanaman mereka ke pasaran bebas. Namun, ketika harga pasaran bebas rendah daripada harga tetap kerajaan petani boleh menjual hasil mereka kepada kerajaan supaya pendapatan mereka akan lebih stabil.

Seterusnya, ke mana hasil-hasil tanaman yang telah dibeli oleh kerajaan digunakan? Kerajaan boleh berkolaborasi dengan agens-agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), dapur-dapur agensi kerajaan seperti di hospital, penjara, kantin-kantin sekolah, rumah orang-orang tua dan rumah anak-anak yatim. Selain itu, kerajaan juga boleh membantu usahawan tani dalam industri pemprosesan atau pengolahan makanan ringan, makanan tin, makanan organik, minuman herba dan kosmetik dengan hasil tanaman seperti buah-buahan dan tanaman kontan yang dibeli daripada petani.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Belanjawan Johor 2021, telah menyebut seluas 110 ekar tanah di daerah Tangkak akan dibangun sebagai Taman Perindustrian Bukit Gambir. Pada tahun 2018, kerajaan Johor melalui Johor Corporation telah mengenal pasti satu kawasan untuk pembangunan taman perindustrian ini. Tetapi hingga kini kami masih belum mengetahui di kawasan manakah tapak pembangunan itu terletak? Dan jabatan atau agensi mana yang dipertugaskan dalam proses ini? Tangkak minta jawapan dari kerajaan negeri Johor, dan apa kesannya terhadap kawasan perindustrian bandar Tangkak yang masih kurang mendapat sambutan selepas pembangunan Taman Perindustrian Bukit Gambir akan dibangunkan?

Yang Berhormat Speaker, infrastruktur pertanian seperti pembinaan dan penyelenggaraan jalan pertanian, perparitan, penyediaan bekalan elektrik dan air juga sangat penting kepada pengusaha pertanian bagi meningkatkan produktiviti. Bacaan hujan yang semakin meningkat juga selalu mengakibatkan banjir di kawasan pertanian. Tambahan lagi perparitan dalam kawasan kebun selalunya akan cepat tumbuh semula rumput-rumput selepas kerja-kerja pembersihan parit disebabkan penggunaan baja. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga selalu menghadapi masalah kekurangan peruntukan untuk mengkerapkan lagi kerja-kerja pembersihan dan mendalamkan parit. Harap dengan peningkatan peruntukan penyelenggaraan parit dan saliran kepada RM40 juta dapat membawa kesannya. Tangkak memohon Jabatan Pertanian dan JPS untuk mengkaji apakah pendekatan yang boleh dilakukan bagi mengatasi isu parit kawasan kebun cepat sumbat ini?

Yang Berhormat Speaker, di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) salah satu cadangan adalah menjadikan kesalinghubungan Internet sebagai utiliti yang akan masuk dalam Kebenaran Merancang (KM) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Memandangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menzahirkan sokongan kerajaan Johor dalam inisiatif ini, dalam ucapan pembentangan Belanjawan Johor 2021. Adakah PBT-PBT di negeri Johor akan mengambil langkah cepat untuk merealisasikan inisiatif ini? Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga hari ini masih terdapat banyak kawasan perumahan yang kecil menghadapi masalah ketiadaan perkhidmatan komunikasi telefon, talian tetap dan jalur lebar. Walaupun penduduk-penduduk telah banyak kali membuat permohonan kepada syarikat perkhidmatan telekomunikasi talian tetap. Mereka masih tidak dapat menikmati kemudahan telekomunikasi kerana syarikat pembekal perkhidmatan menetapkan syarat bahawa perlu ada jumlah pemohon minimum sebelum infrastruktur Telekom di pasang. Jadi, pemohon terpaksa untuk menunggu masa yang sangat panjang untuk mendapatkan perkhidmatan telefon talian tetap dan jalur lebar. Apakah penyelesaian yang boleh di ambil oleh pihak berkenaan dengan masalah ini?

Yang Berhormat Speaker, Johor mempunyai paip bekalan air sepanjang 22,175 km. Merujuk kepada jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pada bulan September lalu sejumlah RM935 juta telah disediakan untuk projek penggantian paip dari tahun 2018 hingga tahun 2022 bagi tujuan mengganti 843.86 km paip air di seluruh negeri Johor. Untuk kawasan yang masih menggunakan paip lama jenis *asbestos cement*, paip AC, pengguna selalu mengalami masalah gangguan bekalan air kerana masalah paip pecah dan bocor selalu berulang. Ranhil SAJ juga akan menurunkan tekanan air supaya paip-paip lama ini tidak mudah pecah. Tapi, tindakan sebegini telah mengakibatkan kawasan tersebut menerima air bertekanan rendah. Oleh itu, semakin ramai penduduk memasang peralatan mengepam air di rumah mereka bagi mengatasi masalah tekanan air rendah ini. Cara ini telah memburukkan lagi keadaan kepada pengguna yang tidak memasang pam air, atau kawasan penghujung sistem paip air. Tangkak ingin meminta penjelasan secara terperinci dari pihak kerajaan dan Ranhil SAJ berkenaan dengan kecapaian terkini bagi projek penggantian paip ini dan apakah kawalan yang boleh diambil terhadap pengguna peralatan mengepam air, yang menjejaskan pengguna lain?

Yang Berhormat Speaker, kerajaan Pakatan Harapan Johor telah menawarkan Skim Takaful Warga Emas Johor kepada warga-warga emas dan kemudahan Kad Sihat Johor kepada keluarga-keluarga dan individu golongan B40 sejak tahun 2019. Dalam Belanjawan Johor tahun 2020 kerajaan ketika itu telah memperuntukkan RM1.68 juta untuk Skim Takaful Warga Emas Johor dan RM2 juta untuk kemudahan Kad Sihat Johor. Malah, kedua-dua program untuk mensejahterakan rakyat ini tidak lagi muncul dalam Belanjawan Johor 2021. Tangkak setuju dengan Yang Berhormat Penggaram bahawa kemudahan Kad Sihat Johor bukan sahaja boleh memberi peluang kepada penerima untuk menerima rawatan penyakit-penyakit di klinik-klinik panel swasta, tetapi juga dapat mengelak kesesakan di klinik-klinik

kesihatan dan klinik-klinik desa kerajaan terutama dalam keadaan pandemik COVID-19 ini. Tangkak juga menyokong permintaan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang, dalam meminta pengesahan dari pihak kerajaan sama ada kedua-dua inisiatif yang baik yang dilakukan oleh Pakatan Harapan sebelum ini telah diberhentikan atau masih diteruskan. Sekiranya diberhentikan Tangkak mohon penjelasan daripada pihak kerajaan apakah sebab dan apakah alternatifnya supaya kebajikan kesihatan rakyat dapat terus dibela.

Yang Berhormat Speaker, setelah penamatan perkhidmatan ketua-ketua masyarakat lantikan kerajaan Pakatan Harapan pada 31 Mac lalu selama 9 bulan sejak itu, rakyat terutama di kawasan luar bandar tidak mempunyai ketua masyarakat untuk urusan seharian. Nasib baik bekas ketua-ketua masyarakat lantikan zaman Pakatan Harapan ini semua berjiwa besar dan bertanggungjawab, kerana telah memberi perkhidmatan mereka walaupun lantikan dan elaun mereka telah diberhentikan oleh kerajaan sekarang. Mereka berkhidmat secara sukarela demi membantu rakyat. Apakah sebab yang mengakibatkan kekosongan jawatan ketua masyarakat masih tidak dapat diisi sehingga sekarang?

Yang Berhormat Speaker, Tangkak ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah menghormati sistem demokrasi dengan mengiktirafkan kedudukan Ketua Pembangkang Dewan Negeri Johor dan telah memberi penambahan peruntukan Wakil Rakyat pembangkang sehingga RM150,000.00, penambahan peruntukan ini akan meringankan beban kami sebagai wakil rakyat dalam pengurusan Pusat Khidmat Wakil Rakyat. Beberapa rakan saya dari Pakatan Harapan juga telah memohon pertimbangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membenarkan kami menghadiri mesyuarat bulanan Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD). Tujuan kami menghadiri mesyuarat JKTD adalah berdasarkan dengan niat yang baik dan ikhlas. Kami bersedia untuk membantu dalam membincang, memantau dan memastikan semua projek dan program yang dijalankan di peringkat daerah supaya kumpulan sasar mendapat faedah maksimum. Kalau rakan-rakan di sebelah sana masih tidak bersetuju dengan kehadiran kami dalam mesyuarat JKTD mungkin sebab perbezaan ideologi politik. Tangkak bercadang Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekurang-kurangnya membenar wakil rakyat Pakatan Harapan untuk menghantar soalan dan cadangan kami secara bertulis ke mesyuarat JKTD setiap bulan dan dijawab selepas mesyuarat JKTD berlangsung.

Akhir kata, kami dari Pakatan Harapan yang berada di dalam Dewan yang mulia ini juga adalah wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat. Cadangan dan teguran kami adalah untuk memainkan peranan semak imbang, demi memastikan dasar-dasar diusahakan sebaik mungkin oleh kerajaan.

Yang Berhormat Speaker, sekian perbahasan Tangkak bagi rundingan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Tangkak. Seterusnya dipersilakan Parit Raja.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Raja mengucapkan terima kasih kerana sekali lagi Parit Raja berpeluang mengambil bahagian dalam sesi ucapan perbahasan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ke-3 Dewan Negeri Johor yang ke-14 kali ini. Terlebih dahulu patik dan seluruh warga Parit Raja ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020

bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah. Patik dan seluruh warga Parit Raja mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta seluruh keluarga Di Raja akan terus diberkati, dirahmati dalam menaungi negeri Johor dengan makmur, sejahtera dan harmoni.

Parit Raja mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor yang telah membentangkan Belanjawan Negeri Johor untuk tahun 2021 di saat dan ketika negara kita sedang berhadapan dengan pandemik yang bahaya. Sesungguhnya tugas kerajaan negeri mengurus keadaan ini adalah satu tanggungjawab dan amanah yang berat. Dalam berhadapan dengan pelbagai situasi baru, yang memerlukan kaedah penyelesaian yang baru. Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan memberi fokus kepada 12 agenda kebajikan, keberdayaan dan keberhasilan utama diharap dapat terus memacu ekonomi negeri Johor dan terus berdaya tahan. Dengan 3 objektif utama iaitu menjamin ketahanan dan kelangsungan ekonomi, memperkasa dan memberdaya tahan kebajikan rakyat dan menjamin kesejahteraan, kemakmuran global. Parit Raja mendoakan, pentadbiran kerajaan negeri Johor serta segala perancangan yang dipimpin oleh YAB Menteri Besar Johor terus dikurniakan ilham dan kebijaksanaan serta sentiasa dipermudahkan akan segala urusan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ada beberapa perkara yang Parit Raja ingin bangkitkan pada persidangan kali ini. Bagi kesejahteraan masyarakat DUN Parit Raja terus terjamin dan perlu mendapat perhatian dari pihak kerajaan dengan sewajarnya.

Yang pertama, baik pulih struktur kawasan bangunan yang mengalami kerosakan di Sekolah Kebangsaan Parit Raja yang semakin lama keadaan semakin membimbangkan. Kelewatan projek baik pulih pasti akan bertambah dari segi kos untuk menampung perbelanjaan yang tersebut. Oleh yang demikian, demi keselamatan warga sekolah, Parit Raja mohon agar dapat disegerakan permohonan bagi tujuan baik pulih tersebut.

Yang kedua, naik taraf Klinik Kesihatan Parit Raja. Klinik Kesihatan Parit Raja, Batu Pahat yang terletak di Kawasan Parit Raja Mukim 8, bersebelahan dengan Balai Polis Parit Raja menerima purata kedatangan pesakit ke Klinik Kesihatan Parit Raja mencecah angka 6,500 pesakit setiap bulan. Dengan kepadatan penduduk yang ramai dan dijangka semakin meningkat saban tahun serta wujudnya taman-taman perumahan baru kemampuan memberikan kelengkapan kemudahan terbaik adalah agak terbatas. Mengikut statistik daerah Batu Pahat, populasi pekan Parit Raja adalah ke-2 teramai setelah Bandar Batu Pahat dan kehadiran *client* pesakit juga berada di tangga ke-2 setelah Klinik kesihatan Batu Pahat. Berdasarkan senario semasa, kemampuan warga klinik untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik adalah agak terbatas. Malahan terpaksa memasang khemah tambahan untuk dijadikan sebagai tempat pesakit menunggu giliran. Adalah diharapkan pembinaan klinik baharu yang serba lengkap berserta kuarters dapat disegerakan demi kesejahteraan rakyat.

Ketiga, keselamatan menjadi keutamaan rakyat. Parit Raja mohon agar pihak kerajaan untuk meneliti semula keperluan menaik taraf kemudahan infrastruktur Balai Polis Parit Raja. Dengan kepadatan penduduk yang pada ketika ini dianggarkan lebih 50,000 orang iaitu populasi yang menjadi tangga ke-2 teramai di daerah Batu Pahat. Sudah sampai keperluan kepada pembinaan Balai Polis baru dengan kemudahan yang serba lengkap serta pertambahan anggota yang bersesuaian dengan kemudahan yang terbaik oleh pihak kerajaan. Ia seiring dengan kemudahan yang terdapat di kawasan Parit Raja demi menjamin kesejahteraan dan keselamatan penduduk di kawasan Parit Raja. Parit Raja berharap perkara ini mendapat perhatian daripada pihak kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan barisan hadapan ataupun *front liners* dengan izin, yang terbaik buat rakyat.

Yang keempat, Parit Raja menjadi tumpuan dan daya tarikan para peniaga untuk datang berniaga. Pekan Parit Raja yang awalnya menempatkan usahawan kecil dan sederhana

terutama sekali dalam bidang pembuatan kerepek dengan terbinanya institusi pengajian tinggi dan pusat perindustrian di pekan kecil ini. Ia memberi sinar baharu kepada pekan Parit Raja untuk terus membangun dengan lebih pesat untuk menjadi salah sebuah pekan bandar terpenting dalam daerah Batu Pahat khasnya menyumbang kepada penjanaan ekonomi.

Oleh yang demikian, Parit Raja menyambut baik dengan segala usaha kerajaan dan pengumuman oleh YAB Menteri Besar Johor dalam Agenda Johor Niaga iaitu akan menyediakan ruang dan peluang berniaga yang bersesuaian kepada peniaga kecil dan pengusaha *food truck*.

Selain itu, pasar awam Parit Raja juga perlu di baik pulih dan distrukturkan semula agar dapat memberi manfaat dan mewujudkan peluang pekerjaan. Parit Raja amat berharap kerajaan dapat menyediakan lebih banyak ruang niaga kerana Parit Raja dulunya kampung tradisi kini bertukar wajah menjadi pekan bandar.

Seterusnya, tambahan lagi kerajaan negeri melalui Majlis Halal Negeri Johor akan memperkasakan peranannya di dalam merangka strategi untuk menjadikan negeri Johor sebagai Hab Halal Global iaitu antara inisiatifnya:

1. Majlis Agama Islam Negeri Johor akan meningkatkan kapasiti Johor Toyyiban Laboratories sebagai pusat analisis dan penyelidikan komersial yang diiktiraf peringkat dunia.

2. Bagi menyokong pengusaha perusahaan kecil dan sederhana kerajaan negeri akan bekerjasama dengan PIJ Holdings bagi menyediakan geran pembiayaan sebanyak RM500,000.00 bagi mendapatkan bimbingan permohonan sijil halal.

Oleh yang demikian, Parit Raja berharap bagi menyokong dan menggalakkan usaha ini adalah amat diharapkan agar agensi yang berkaitan dapat mencari pengusaha-pengusaha untuk dibimbing agar mendapat permohonan sijil halal bagi melonjakkan hasil dan dapat mewujudkan lagi peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Raja menyokong penuh Program Satu Daerah Satu Sungai untuk memberikan kesedaran kepada komuniti setempat berkenaan kepentingan sungai. Program demi menjaga kelestarian alam sekitar ini, amat wajar dilaksanakan terutama di kawasan yang mempunyai kawasan perindustrian seperti di kawasan Parit Raja. Parit Raja mohon pihak kerajaan mempertimbangkan agar program ini diperluaskan terutama kepada kawasan yang pesat dengan kawasan perindustrian. Ia bagi menjamin kepentingan sungai dan ekosistem serta menggalakkan dari kawasan penduduk sekitarnya tercemar mahupun menjadi mangsa banjir akibat arus pembangunan.

Parit Raja menyokong penuh dana khas yang diperuntukkan bagi pengurusan banjir dalam pembentangan Belanjawan 2021 peningkatan peruntukan penyelenggaraan parit dan saliran kepada RM40 juta, diharap bukan sahaja dapat menceriakan kampung malahan keselamatan warga kampung dari haiwan berbisa dan kebersihan kampung juga akan lebih terjamin. Namun pada masa-masa tertentu keadaan luar jangka mungkin berlaku terutama sekali pada musim hujan. Parit Raja berharap kali ini semua parit-parit dapat di selenggara dengan baik tanpa terkecuali. Penyelenggaraan berjadual juga dapat membantu dalam mengatasi berlakunya banjir kilat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya Parit Raja juga yang dikenali sebagai pusat penyelidikan kewujudan UTHM, Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Kolej Poli-Tech Mara, maka terdapat warga kerja dari pusat-pusat pendidikan ini yang memilih untuk menetap di kawasan Parit Raja. Terdapat banyak taman perumahan baharu yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan. Namun begitu, taman perumahan ini hanya mensasarkan kepada

golongan profesional. Di mana kawasan perumahan ini hanya mampu dilihat, tidak mampu dimiliki oleh setengah-setengah masyarakat tempatan Parit Raja. Justeru itu, Parit Raja amat berbesar hati dan menyokong penuh dengan inisiatif yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor berkenaan projek pembinaan Rumah Mampu Biaya Johor yang akan terbina dalam daerah Batu Pahat. Mudah-mudahan dalam kawasan DUN Parit Raja. Semoga dalam inisiatif ini, rakyat terutama di dalam kawasan Parit Raja yang berkelayakan akan boleh mendapat manfaatnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Raja merakamkan ucapan terima kasih atas pelbagai inisiatif yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 2021. Parit Raja mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan menyokong penuh atas segala inisiatif kerajaan dalam Agenda Johor Niaga. Antaranya, seramai 2,396 sahabat AIM pastinya gembira dengan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bahawa kerajaan akan bekerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia untuk Program Pembiayaan Sahabat Johor dalam memberi pembiayaan mikro kredit kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Dengan inisiatif ini, pihak kerajaan bukan sahaja membantu peniaga kecil yang berpotensi untuk terus maju dalam perniagaan bahkan usaha pihak kerajaan agar golongan terlibat dapat terus menjalankan aktiviti perniagaan dengan lebih berjaya. Mereka juga merupakan golongan yang terkesan akibat pandemik COVID yang mengakibatkan perniagaan mereka terjejas. Tanpa peniaga kecil ini, sudah tentu pengilang dan pembekal juga akan turut terjejas dengan kitaran perniagaan. Sebilangan besar sahabat AIM pula adalah kaum wanita dan kaum ibu yang begitu komited untuk membantu dan menambah pendapatan keluarga dan cuba untuk berusaha berjaya dalam bidang perniagaan. Lebih 200 sasaran di kawasan Parit Raja akan mendapat manfaatnya.

Yang Berhormat Speaker, Parit Raja juga berterima kasih kepada pihak kerajaan yang mengiktiraf wanita dengan menyediakan pelbagai dana khas kepada wanita Johor seperti antaranya *Centre Of Suri Johor* yang menyediakan program, *Woman Income Generating Skill Project* dengan izin WINGS, Skim Bantuan Peralatan Perniagaan, Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus, Pesona Wanita Profesional, Kajian Pembangunan Data Wanita dan Keluarga Negeri Johor juga bantuan-bantuan kepada ibu tunggal. Namun, persaingan dalam industri pertanian dalam agenda Johor Tani nampaknya tiada pengkhususan untuk wanita. Sama ada kaum wanita tiada terlibat langsung dalam industri ini makna kata, nampaknya kaum wanita perlu bersaing untuk mendapatkan bantuan dan inisiatif yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam agenda Johor Tani.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bilangan orang muda Johor yang berumur 14 hingga 39 tahun, terdapat lebih daripada 1.5 juta orang. Mereka merupakan golongan yang mendapat manfaat dalam Belanjawan Negeri Johor 2021 melalui 5 inisiatif utama iaitu Memperkasa Mahasiswa Johor, Pelajar Sekolah Johor, Kesukarelawan dan Kepimpinan, Ekonomi Belia dan Sukan Gaya Hidup Sihat. Ia mencerminkan komitmen pihak kerajaan yang amat komited bagi melihat orang muda Johor tidak ketinggalan mendapat manfaat belanjawan serta dapat mengoptimumkan aset berharga negara agar membawa lebih banyak kejayaan khasnya di negeri Johor. Kerajaan sedar sehingga hari ini, rakyat negeri Johor amat terkesan dengan kehilangan pekerjaan akibat wabak pandemik ini.

Di bawah Agenda Modal Insan juga dapat membantu mereka yang telah diberhentikan kerja untuk mencuba bidang-bidang baru mengikut kesesuaian dan keupayaan mereka sejajar dengan objektif pihak kerajaan. Malahan dalam keseluruhan 12 agenda Belanjawan Negeri Johor, orang muda Johor dan keseluruhan rakyat Johor yang bergiat dalam pelbagai bidang juga akan mendapat manfaat. Program-program orang muda Johor seperti *Johor Up-skilling, Johor Re-skilling* perlu diperluaskan lagi di seluruh negeri Johor bagi membantu golongan-golongan belia yang terkesan akibat wabak pandemik COVID ini bagi menempatkan semula mereka dalam sektor pekerjaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Raja mengambil kesempatan merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala jasa khidmat bakti semua *front liners* dari pelbagai agensi yang telah berkhidmat dengan begitu baik dan cemerlang dalam tempoh mendepani wabak COVID-19 sejak awal tahun 2020. Kegigihan barisan *front liners* untuk memastikan kesejahteraan rakyat agar terus terjamin dalam suasana pembudayaan norma baharu. Sesungguhnya, *front liners* yang ada pada hari ini adalah hasil kemenjadian murid yang telah dipupuk dan dididik oleh guru yang terdahulu. Ia juga terhasil dari gabung jalin peranan guru berkualiti, pemimpin berkesan dan sokongan PIBG serta komuniti yang telah berjaya membentuk jiwa bakti yang hebat pada barisan *front liners* yang ada pada hari ini. Begitu besar peranan dari setiap kita, terutama sekali para guru yang merealisasikan impian membentuk generasi berjaya dan berbakti. Maka, tugas guru hari ini menjadi lebih mencabar kerana memerlukan kepada kaedah dan cara yang baharu.

Dalam mendepani wabak COVID-19, pelajar dari pelbagai peringkat menjadi golongan yang amat terkesan. Mereka bukan sahaja membudayakan norma baharu tetapi pelajar tidak dapat belajar secara bersemuka bahkan terpaksa belajar secara dalam talian. Oleh yang demikian, Parit Raja memohon kepada pihak kerajaan agar memberi perhatian dan meneliti tahap dan mutu perkhidmatan capaian Internet di kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali kampung-kampung yang terdapat di dalam negeri Johor. Walau pun capaian Internet telah meluas tetapi masih lagi terdapat kawasan kampung terutamanya yang mengalami gangguan liputan. Jadi bagaimana anak-anak kita mengikuti pembelajaran secara dalam talian termasuklah mahasiswa untuk mengikuti pembelajaran di rumah dengan cara yang lebih berkesan. Parit Raja mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana amat prihatin dan memberi perhatian dalam perkara ini yang telah disebut dalam Belanjawan 2021 iaitu Agenda Johor Digital yang benar-benar mampu memastikan di segenap pelosok termasuk kampung-kampung yang terdapat di dalam Johor ini mendapat manfaat capaian Internet yang sewajarnya. Parit Raja amatlah berharap pelaksanaan ini berjaya mencapai matlamat agar benar-benar dapat membantu pembelajaran secara dalam talian terutama sekali di kawasan yang ketika ini mengalami kesukaran. Parit Raja juga memohon kepada pihak kerajaan agar dapat mempertimbangkan bagi memperkasa dan mewujudkan TV Pendidikan kepada seluruh pelajar khususnya di dalam negeri Johor ini yang mana TV Pendidikan ini dapat ditonton secara percuma di televisyen mahupun di media sosial seperti *Youtube* di rumah. Seperti yang kita sedia maklum dan kita perlu akui televisyen merupakan peranti yang paling mudah diakses oleh rakyat pada ketika ini. Dengan kewujudan platform sedemikian sudah tentu ia akan dapat memberi manfaat yang berguna kepada para pelajar di luar sana. Bagi menghidupkan TV Pendidikan ini, pihak kerajaan bolehlah menggunakan kepakaran yang terdapat pada guru-guru pakar mengikut bidang pengajian. Untuk mendapatkan manfaat yang boleh dikongsikan kepada para pelajar. Khidmat nasihat kaunselor daripada sekolah-sekolah juga boleh dikongsikan bagi memberikan motivasi kepada pelajar dalam menghadapi tempoh pandemik. Tips menghadapi peperiksaan serta juga memberikan panduan kepada ibu bapa. Di dalam pembudayaan norma baharu dalam pendidikan ketika ini selain bergantung sepenuhnya kepada pembelajaran atas talian. Platform seperti ini juga akan memberikan banyak manfaat yang berguna kepada pelajar dan ibu bapa di luar sana.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan hari ini perlu bersedia dan berusaha untuk menyediakan barisan *front liner* yang hebat pada masa-masa akan datang. Tetapi bagaimana jika bilangan guru tiada pertambahan. Kerajaan negeri harus melihat perkara ini sebagai keutamaan. Oleh yang demikian, pengambilan guru agama bagi sekolah agama kerajaan negeri Johor untuk mengisi kekosongan jawatan tetap adalah amat perlu dan sudah tiba pada masanya dengan bilangan pengambilan yang perlu dipertingkatkan. Ianya diharap dapat menyeimbangkan 12 buah sekolah agama dalam perancangan bina baru seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Parit Raja juga mengucapkan terima kasih dan menyokong penuh pengumuman Yang Amat Berhormat

Menteri Besar Johor iaitu sebanyak RM8 juta. Projek pendidikan Islam digital bakal dilaksanakan dan sudah tentu ia memerlukan lebih ramai tenaga baru bagi merealisasikannya. Parit Raja juga merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah mengembalikan dana infak kepada tadika KEMAS di seluruh Johor. Sesungguhnya ini adalah komitmen di peringkat awal oleh pihak kerajaan dalam usaha melahirkan anak Johor mempelajari ilmu fardu ain dan memacu rakyat Johor dengan asas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai mana negeri Johor dan negara kita berjaya melandaikan lengkok dalam menangani kes COVID-19 sejak melanda negara kita. Pada gelombang yang pertama, rakyat negeri Johor pelbagai lapisan dan berbilang kaum telah bersama berganding bahu dalam usaha memutuskan rantaian COVID-19. Bagi merealisasikan Belanjawan Negeri Johor Tahun 2021, marilah kita rakyat Johor untuk terus bersama berganding bahu bagi memastikan Bangsa Johor berjaya untuk keluar dari pelbagai masalah yang wujud akibat pandemik COVID ini. Parit Raja yakin, rakyat Johor akan menjadi bangsa yang lebih bersedia, bangsa yang lebih berdaya tahan dan bangsa yang berupaya membina tamadunnya yang berjaya. Akhir kata, rumah limas, anjung selatan, bunga kemuning tumbuh di taman, negeri Johor permata selatan, berdaya tahan demi kemakmuran. Parit Raja menyokong pembentangan Belanjawan 2021 yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dengan tema “Berdaya Tahan Demi Kemakmuran”. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Parit Raja. Seterusnya Tiram. Jemput.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Selamat sejahtera dan salam reformasi. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan, ADUN-ADUN, Ketua-ketua Jabatan yang bersama-sama dengan kita. Terlebih dahulu, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat dan sihat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta’zim sempena Sambutan Ulang tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Tuan Speaker, hari ini sejajar dengan Belanjawan 2020-2021 strategi pelaksanaan perbelanjaan, 12 agenda kebajikan, keberdayaan dan kebersihan utama. Di antara 12 agenda, salah satunya adalah masyarakat desa Johor. Dalam pelaksanaan pembangunan-pembangunan, jangan tertinggal kawasan DUN Tiram. Ada beberapa isu diselesaikan dengan segera. Yang Berhormat Tuan Speaker, pada hari ini saya nak cerita sedikit filem Tamil sebelum saya mulakan topik saya.

YB Speaker : Ada lakonan ya?

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Ya, yang bernama, filem Tamil itu ialah *Citizen.* Dalam cerita itu

YB Speaker : Siapa hero Yang Berhormat?

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Hero Ajid.

YB Speaker : Oh, ingat Tiram.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Dalam cerita itu, ada satu *village* iaitu kampung bernama *Athipathi. Athipathi* dalam filem itu hilang daripada *map* ataupun peta negara India kerana kampung tersebut banyak kekurangan. Diselubungi dengan laut dan juga sungai. Jadi, banyak pembangunan peruntukan pembangunan daripada pusat disalurkan untuk membangunkan dan membaiki kampung tersebut tetapi orang tengah iaitu

politik dan juga pegawai-pegawai kerajaan salah guna kuasa dan *you* tengoklah habiskan duit itu semua, terakhirnya kampung itu, hujan lebat.

YB Speaker : Lebat.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Banjir dan juga hakisan, kampung itu tertimbus dalam tanah. Jadi kenapa saya bawa ini? Saya ada juga satu kampung di Tiram sebagai namanya Kampung Perigi Acheh dengan serba kekurangan, dengan serba kekurangan. Jadi saya duduk dengan bersama-sama ketua-ketua komuniti di sana dan dapat beberapa aduan dan juga cadangan untuk membaiki Kampung Perigi tersebut. Pada mulanya mengenai nelayan. Pelepasan bahan tercemar dari kawasan perindustrian Tanjung Langsat, pergi ke Sungai Kopok dan mengalir masuk ke Sungai Daing Perigi Acheh menyebabkan berlaku pencemaran sungai dan banyak kehidupan marin laut mati. Akibatnya nelayan-nelayan hilang sumber pendapatan. Mohon membina, *fact* yang kedua. Mohon membina pelantar terapung untuk mudahkan nelayan turun naik ke laut kerana sungai Perigi Acheh kerap kali berlaku air pasang yang tidak menentu menyebabkan nelayan sukar membawa keluar hasil tangkapannya. Nelayan-nelayan yang tidak mempunyai lesen menghadapi berbagai masalah dan mereka susah untuk mencari nafkah. Memohon kepada pihak berkuasa, permudahkan dan mempercepatkan permohonan lesen nelayan. Nelayan Perigi Acheh mempunyai 25 orang yang tidak mempunyai lesen, kerap kali ditahan oleh pihak yang berkuasa. Gangguan dari marin juga terlalu hebat. Cadangan. Nombor 6. Mohon dari TNB untuk lampu jalan di sepanjang jalan laluan masuk ke Perigi Acheh. Keadaan gelap dengan tepi, kiri, kanan jalan hutan bakau menyebabkan sering berlaku kemalangan dan kematian penunggang seperti melanggar babi hutan yang hendak menyeberang jalan dan kecurian kerana keadaan gelap dan sunyi. Seterusnya.

YB Speaker : Nasib baik tidak ada penembak babi.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Membina dan membaik pulih longkang utama. Ini semua Perigi Acheh ya. Dan membina 5 aliran longkang. Baru maklum telah berlaku 12 kes denggi di kampung Acheh dan saranan dari Kementerian Kesihatan Negeri Johor dan Pengarah Kesihatan Hospital Ismail sewaktu program, persediaan hadapi bencana di Kampung Acheh supaya ada tindakan dibuat.

Ini terakhir pada mereka, masalah binatang liar seperti anjing, monyet dan burung gagak banyak memberi masalah kepada penduduk kampung. Aduan telah dibuat kepada pihak MPPG. Tindakan mereka ialah datang dan membawa sauh untuk menangkap anjing tersebut tetapi tidak membuahkan hasil kerana anjing dari masuk hutan, lari masuk hutanlah, bakau dan pihak MPPG tidak dapat mengejarnya. Masalah monyet dan gagak masih belum ada apa-apa tindakan dari pihak berkaitan. Pihak kami juga ada membuat aduan kepada Jabatan PERHILITAN. Malangnya mereka memberi jawapan perkara itu di luar bidang kuasa Jabatan PERHILITAN dan mereka cadangkan supaya dimaklumkan perkara ini kepada MPPG dan jabatan haiwan. Pihak kami memandang sangat serius tentang masalah anjing liar. Ini kerana lebih kurang 20 buah biji rumah penduduk kampung telah dimasuki anjing liar. Sangat membimbangkan lagi adalah anjing liar mengejar budak-budak yang berjalan ketika hendak ke sekolah, ke masjid, dan ke kedai. Keadaan ini sangat membimbangkan penduduk kampung.

Yang Berhormat Tuan Speaker,saya mengambil kali ini satu kampung sahaja sebab DUN Tiram mempunyai banyak kampung, ada banyak masalah. Saya tidak membawa semua sebab tak cukup masa. Oleh kerana itu, saya memohon kepada pihak-pihak yang berkuasa, Kampung Perigi Acheh perlu diberi perhatian segera.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya, saya nak bawa perkara mengenai kaum India. Rakyat Malaysia tanpa mengira kaum harus diberi peluang pekerjaan yang sama rata tanpa

mempunyai sebarang elemen diskriminasi di sektor awam mahupun di sektor swasta. Tinjauan sebuah pusat penyelidikan swasta baru-baru ini mendapati bahawa kaum Melayu dan India lebih cenderung menjadi mangsa diskriminasi ketika memohon pekerjaan dalam sektor swasta. Tambahan pula terdapat sektor swasta telah menggariskan pengetahuan iaitu kemahiran komunikasi, bahasa Mandarin sebagai kriteria untuk menjawat sebuah jawatan. Dalam negeri ini kita tidak harus ada sebarang bentuk diskriminasi dalam bentuk perjawatan berasaskan sesuatu bahasa. Tambahan pula bahasa Mandarin yang saya beritahu tadi, walaupun satu bahasa yang sangat penting dan digunakan secara meluas di negara ini tetapi kerajaan tidak meletakkan ianya sebagai satu kriteria utama. Pada pandangan saya, semua harus diberi peluang pekerjaan tanpa mengira kaum dan jantina jika ada kelayakan. Kita tidak tahu kemampuan atau kebolehan seseorang individu dalam bidang-bidang tertentu dalam memaksimumkan pengeluaran atau pun output. Tambahan pula dalam konteks masyarakat India pula, ramai sangat mengharapkan peluang pekerjaan dalam sektor awam di peringkat negeri dan persekutuan. Tetapi yang mendukacitakan ialah peratus pengambilannya lebih rendah berbanding dengan peratus kaum India di negeri dan negara ini. Walaupun diberi peluang bagi jawatan-jawatan sebagai pemandu, kerani am dan pelayan pejabat sahaja, jawatan untuk gred yang lebih tinggi seperti gred 41 dan ke atas agak mustahil. Kenapakah situasi ini berlaku? Apakah generasi muda dalam kaum India tidak berkebolehan? Atau tidak berkelayakan, ataupun memang perlembagaan sesebuah negeri ini tidak membenarkan kaum lain menjawat jawatan, sebarang jawatan di peringkat negeri. Perkara ini telah di bawa ke Dewan oleh beberapa orang pemimpin sebelum saya. Kenapakah ia masihnya, ianya masih kekal sebagai kenyataan dan kenapakah ianya tidak boleh direalisasikan? Apakah yang membendung situasi ini?

Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Dewan sekalian, dengan sekali sekala salah faham bahawa masyarakat India dan Cina ramai diberi pekerjaan di bidang pendidikan. Ramai dilantik sebagai guru, itu adalah peluang pekerjaan di peringkat pusat, itu pun mereka diberi peluang atas tiket adanya SJKC dan juga SJKT di negara ini. Jika sekolah-sekolah vernakular dihapuskan seperti mana yang disarankan beberapa orang pemimpin yang kurang arif tentang Perlembagaan Persekutuan 1957, maka peluang perjawatan ini pun akan hilang. Kita tinggalkan dulu peringkat persekutuan dan di peringkat negeri pula, pihak kerajaan negeri Johor harus mengorak langkah dalam memberi peluang pekerjaan di sektor swasta dan awam kepada yang berkelayakan. Pengesyoran saya ini harus dipandang serius oleh semua pihak. Ini adalah asas kepada penyatu paduan. Rakyat melalui pekerjaan jika wujud rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, maka agak mustahil untuk menyatupadukan mereka.

Kita harus mengoptimumkan tenaga kerja kita, ramai yang berpandangan bahawa rakyat berbilang kaum di negara ini kurang bersatu padu di sebabkan oleh sistem pendidikan. Pada pandangan saya peluang pekerjaan, peluang mendapat bantuan perniagaan, peluang bantuan kewangan kerajaan, peluang biasiswa pendidikan dan terdapat banyak lagi yang rakyat mengharapkan.

Apabila semua ini sebagai mimpi dan impian sahaja apakah daya kita untuk menyatupadukan rakyat khasnya rakyat negeri Johor. Apakah daya kita untuk membawa kepercayaan rakyat tentang pemimpin dan kerajaan negeri Johor? Baru-baru ini *center for governance and political studies* dengan izinnya, mendedahkan tinjauan yang menjadi diskriminasi kaum lebih cenderung berlaku di semua tempat dan sektor serta dalam mendapat pelbagai peluang. Ia melibatkan semua kaum, apakah langkah sewajarnya boleh diambil?

Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Dewan, kita harus menjalankan kajian di peringkat negeri dan seterusnya merangka pelan tindakan untuk mengatasi pelbagai rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negeri ini khasnya. Pelan tindakan harus dirangka secepat mungkin sebelum parah. Saya memang tahu bahawa kita tidak dapat memuaskan

hati semua lapisan masyarakat dan semua kaum di negeri ini. Tetapi kita boleh berusaha mengurangkan sentimen perkauman di pelbagai sektor khasnya sektor pekerjaan dan perniagaan. Tambahan pula ahli-ahli politik juga diseru supaya jangan sekali kala menabur sentimen perkauman bagi meraih sokongan daripada sekumpulan rakyat sahaja. Inikan menghancurkan perpaduan yang kita telah bina selama 62 tahun. Demi kebaikan negeri saya sekali lagi menyeru supaya pelan tindakan harus dibentuk pada masa terdekat ini dan Tiram berterima kasih.

Yang Berhormat Speaker, Tiram berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana memperuntukkan RM6 juta, RM4 juta saya tak berapa faham ini, RM6 juta kaum India ataupun RM4 juta untuk siapa ini? Tetapi saya faham daripada tadi YB Liow Cai Tung, RM6 juta untuk kaum Cina, RM4 juta untuk kaum India melalui yayasan-yayasan. Dana ini difahamkan digunakan untuk keusahawanan dan pendidikan komuniti masing-masing. Tiram tidak faham jumlah yang diagihkan ini, adakah diberi kepada kuil dan sekolah-sekolah Tamil?

YB Speaker : RM4 juta cukup Yang Berhormat?

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Tak cukup. Sebab saya memohon kepada kerajaan sekarang RM4 juta sudah diperuntukkan untuk sekolah Tamil dan juga kuil yang penting sekali kuil dengan sekolah Tamil, perlu mengadakan memberi sedikit peruntukan khas untuk mereka. Ini permohonan saya.

Tuan Speaker, kita ada lagi, ada 2 topik dah 15 minit boleh habis ke, saya pun tak tahu. Tuan Speaker, mengenai pendidikan swasta.

YB Speaker : Tadi cerita filem, itu yang panjang, tu.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Haluan selepas SPM, STPM dan program matrikulasi sememangnya menjadi dilema kepada pelajar. Ramai dalam kalangan mereka yang tidak tahu apakah pilihan laluan yang boleh ambil, di ambil dan apa kepentingan laluan tersebut dalam menentukan masa depan mereka. Antara dilema yang dilanda pelajar adalah mereka tidak di beri peluang atau tempat di IPTA atas beberapa sebab dan alasan. Jika ditawarkan pun, tidak dapat meneruskan pengajian mereka dalam jurusan atas bidang pengajian yang mereka ingini. Akhirnya mereka terpaksa ke IPTS untuk mencari peluang yang lebih baik di sana. Dalam lain perkataan, para pelajar ingin mencari skop yang lebih memberi jaminan pekerja pada masa akan datang.

Untuk makluman para Ahli Dewan sekalian, terdapat lebih daripada 400 institusi swasta termasuk kolej, kolej universiti dan universiti. Dan 20 universiti awam di Malaysia semuanya sedang cuba untuk memenuhi keperluan mendapatkan pendidikan tinggi yang berkualiti yang semakin meningkat di kalangan anak muda Malaysia, tetapi kos pengajiannya sangat tinggi. *Payment* nya kos.

Untuk makluman semua, perbezaan yang paling ketara antara belajar di sebuah institusi awam berbanding belajar di sebuah institusi swasta adalah yuran. Jumlah yuran untuk kursus di universiti swasta boleh mencecah sehingga 3 hingga 9 kali ganda jumlah yuran di sesebuah universiti awam. Sebagai contoh, mengajar ijazah Kejuruteraan di sebuah universiti swasta boleh mencecah kos antara RM47,000.00 hingga RM172,000.00 untuk yuran pengajian sahaja. Sebaliknya pelajar kursus yang sama di Universiti Teknologi Mara (UiTM) salah satu institusi kejuruteraan yang lebih mantap di Malaysia hanya akan dikenakan bayaran lebih kurang RM1,500.00 untuk 1 semeter. Tengok macam mana perbezaannya. Dalam situasi atau keadaan zaman pasca COVID ini ramai yang telah kehilangan punca pendapatan mereka atau kurang berpendapatan berbanding dengan zaman sebelum pandemik COVID. Terdapat beberapa IPTS telah memberi diskaun atau

potongan yang, potongan yuran kepada pelajar mereka dan yang tidak mahu berbuat sedemikian.

Apakah salahnya pihak kerajaan campur tangan dalam hal ini untuk menghidupkan semula visi dan misi generasi muda di negeri ini. Saya rasa pihak kerajaan perlu mengambil tindakan sewajarnya dalam membendung pengautan keuntungan sahaja oleh IPTS dalam zaman darurat pandemik COVID-19 ini. Apa salahnya IPTS-IPTS di negara ini diberitahu oleh kerajaan untuk memberi potongan harga atau menerima yuran yang paling minima bagi setiap seorang pelajar yang mengikuti program atau pengajian di institusi-institusi yang berkenaan. Bank dan institusi kewangan dapat memberi moratorium kepada seluruh rakyat negara ini dan mengapakah IPTS tidak mahu berbuat demikian. Ada beberapa buah negara di dunia memberi pendidikan percuma kepada rakyatnya.

Saya di sini tidak berhasrat untuk memaksa pihak IPS memberi pendidikan percuma. Tetapi pihak swasta boleh buat sesuatu untuk meringankan masalah kewangan para pelajar. Walaupun ada bantuan kewangan disediakan untuk meringankan beban biasiswa dan pinjaman PTPN, belajar di sebuah universiti swasta mungkin mahal bagi sesetengah orang terutamanya jika pelajar tidak mempunyai sokongan kewangan daripada ibu bapa mereka. Ramai ibu bapa yang terkesan terutamanya dari segi ekonomi akibat daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Bagi membendung penularan wabak COVID-19, gaji dipotong, di minta bercuti tanpa gaji dan paling menyedihkan diberhentikan kerja. Nak menyalahkan sesiapa pun tidak boleh, sebab semua orang terkesan dan mempunyai bebanan masing-masing sama ada bekerja mahu pun majikan.

Cadangan penyelesaian. Kerajaan harus campur tangan dalam mengurangkan bebanan pelajar dan ibu bapa dalam membayar yuran sangat tinggi. Kerajaan harus mengesyorkan pelan pembayaran seperti moratorium kepada IPTS, kerajaan harus mengkaji kos kursus yang ditawarkan oleh pihak IPTS berbanding dengan IPTA. Ini sedikit sebanyak dapat mengawal pihak IPTS mengaut keuntungan 3 hingga 9 ganda yuran IPTA.

Yang Berhormat Speaker, lagi satu perkara juga saya di bawa di sini ialah yuran ataupun *fees* untuk hospital swasta. Mendapat rawatan di hospital awam atau hospital swasta bergantung kepada pilihan masing-masing. Menurut pengamal perubatan Dr. Wai Foong, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ada di kalangan masyarakat yang memilih rawatan di pusat penjagaan kesihatan swasta.

1. Ramai tidak suka menunggu agak lama untuk mendapatkan rawatan. Tambahan pula yang menunggu itu pula tidak sihat dan sudah tentu ada yang tidak gemar dengan situasi begini.

2. Terdapat juga pesakit yang mungkin tidak berapa puas hati dengan rawatan yang diberikan hospital awam dan kadang kala juga mereka mahu mendengar pendapat kedua, *second opinion* dengan izinnya, tentang masalah yang mereka hadapi sebab pesakit kurang puas hati dengan pendapat, pandangan atau saranan doktor hospital awam.

3. Di hospital swasta, pesakit dapat rawatan yang cepat dan pesakit juga pilih pakar yang mereka mahu untuk beri rawatan. Manakala di hospital awam yang memberi pandangan merupakan doktor yang baru dilantik. Masih dalam latihan, muda dan biasanya tidak begitu arif dan kurang pengetahuan tentang sesuatu kes ataupun penyakit. Saya bukan cakap semua, ada sebahagian. Mereka biasanya memberi pandangan umum dan kadang kala bercanggah dengan pandangan doktor swasta.

4. Di hospital swasta temu janji diberi di waktu yang sesuai bagi pesakit. Biasanya dalam masa terdekat. Manakala di hospital kerajaan ianya mengambil masa yang agak panjang misalnya bagi seorang pesakit kronik asma diberi masa 6 bulan untuk konsultasi atau temu janji seterusnya. Dalam masa yang agak lama ini sesuatu boleh berlaku. Pesakit takut dan mereka lebih selesa ke hospital swasta.

5. Kini ramai yang suka pergi ke hospital swasta kerana majikan mereka menyediakan insurans penjagaan kesihatan sebagai satu daripada kemudahan di tempat kerja. Maka pesakit ingin menggunakan kemudahan tersebut, ada yang memiliki *medical card* dan terdapat pelbagai perlindungan insurans kesihatan. Daripada pelan keluarga hinggalah kepada pakej perlindungan pakar.

6. Kemudahan di hospital di dapati lebih canggih berbanding dengan hospital awam. Tambahan pula untuk menggunakan kemudahan seperti *CT Scan* dan sebagainya kena tunggu agak lama di hospital awam, iaitu kadang kala makan masa lebih daripada 4 bulan. Manakala di hospital swasta ianya dijalankan dalam satu atau dua hari sahaja.

Persoalan di sini ialah kerajaan membelanjakan berbilion ringgit untuk menyediakan serta meningkatkan kemudahan kesihatan di negara ini, namun mengapakah hospital-hospital awam biasanya menerima reputasi yang tidak begitu baik. Sebenarnya, harus merupakan model atau contoh bagi kecemerlangan di bidang klinikal. Peralatan tidak mencukupi, kurangnya petugas, kurangnya jururawat, doktor, ahli fisioterapi, situasi begini di gunakan dengan baik atau kesempatan ini telah diguna pakai dengan oleh hospital-hospital swasta.

YB Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat?

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : 2 minit.

YB Speaker : Azan Yang Berhormat.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Hospital-hospital swasta untuk mengaut keuntungan yang maksimum.

YB Speaker : Azan Yang Berhormat. Kejap.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan)

YB Speaker : Ringkaskan Yang Berhormat. Masa dah, masa dah lebih 20 minit

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Sikit lagi, sikit lagi. Hospital-hospital swasta mengenakan pelbagai jenis bayaran sehingga ada pesakit yang tidak mampu dan pernah melarikan hospital. Saya sendiri pernah membantu seorang pesakit dari Skudai yang mengalami trauma di hospital swasta Jalan Abdul Samad, Johor Bahru. Di hospital kerajaan, pesakit hanya perlu membayar RM1.00 konsultasi. Tetapi, di hospital swasta pesakit perlu bayar antara RM30.00 hingga RM250.00 untuk konsultasi sahaja. Bagi yuran pendaftaran kemasukan ke hospital awam pesakit hanya perlu membayar RM15.00 hingga RM35.00 manakala di hospital swasta pesakit perlu membayar yuran kemasukan antara RM500.00 hingga RM2,000.00, 6% hingga 10% daripada kos keseluruhan pembedahan anda. Selain itu, ujian-ujian lain seperti *x-ray*, *ultrasound*, ujian darah, CT SCAN dan MRI juga perlu dibayar dengan caj yang pastinya 10-20 kali lebih tinggi daripada hospital awam.

Saya di sini menekankan dan meminta kerajaan supaya dapat membantu para pesakit yang mendapat rawatan di hospital swasta dalam menekankan kadar minima dan maksima dalam

mengenakan bayaran terhadap para pesakit yang memerlukan rawatan. Kita tidak mahu hospital swasta bermaharajalela dalam mengekalkan bayaran mereka. Nampaknya pihak hospital swasta lebih teruk, kejam daripada along-along di negara ini. Peningkatan seumpama ini telah menaikkan dalam suku tahun kebelakangan ini. Permintaan saya mudah sahaja. Kerajaan harus membantu bertindak tegas berdasarkan aduan rakyat menyediakan peraturan-peraturan tertentu dalam mengenakan bayaran untuk semua perkhidmatan di hospital swasta. Memanglah kita semua sedia maklum, bahawa ramai ke hospital swasta untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik dan lebih kondusif tetapi janganlah sampai mencekik pesakit. Jika situasi ini berleluasa maka pesakit ini akan mati disebabkan oleh bayaran yuran, bayaran yang dikenakan oleh hospital dan bukannya penyakit yang dihidapinya itu.

Yang Berhormat Speaker,

YB Speaker : Dah lewat Yang Berhormat.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Saya ni gulung.

YB Speaker : Tamatkan Yang Berhormat.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan juga menghargai *our front liners*, dengan izinnya, yang mengorbankan diri untuk menjaga pesakit-pesakit *Corona*. Ini bukan sebagai kerja, mereka adalah mengorbankan diri. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih, *thank you*.

YB Speaker : Terima kasih kepada Tiram. *So,* Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguh ke jam 2.30 petang ini. Sekian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.10 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini disambung semula. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Bekok.

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) : Selamat tengah hari, salam sejahtera dan terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker kerana memberi peluang untuk berucap dan ambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2021 pada tengah hari ini. Saya, Bekok ingin terlebih dahulu sebagai Bangsa Johor, rakyat Johor, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dan dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim sempena sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020.

Yang Berhormat Puan Speaker, Bajet 2021 bertema "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran" telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar. Memang kita berada dalam satu masa yang begitu mencabar dan luar biasa dan tidak tahu bila masa *unprecedented* ini akan berakhir. *The light at the end of the tunnel* dengan izin, belum nampak lagi. Kesihatan politik dan ekonomi negara dalam keadaan tak tertentu tapi pentadbiran dan pengurusan dalam keadaan ini mesti diurus dengan cekap, berhemah dan berorientasi matlamat.

Yang Berhormat Puan Speaker, sukses Bajet 2021 yang dirancang dengan baik bergantung kepada pelaksanaan implementasi dan *delivery*. Dalam proses *delivery*, semua jabatan mesti inklusif kepada semua warga Johor, Bangsa Johor dan sasaran lebih tepat. Kerajaan harus ambil langkah-langkah untuk memastikan anggaran tidak hanya baik di atas kertas tetapi juga dapat mencapai tujuan yang diinginkan. Kami berharap mekanisme yang kuat dapat dikerjakan untuk memastikan peruntukan yang diberi menjangkau kumpulan sasaran seperti yang dirancangkan. Bekok cadang bahawa satu Jawatankuasa dari Sidang Dewan dapat ditubuhkan untuk pantau bahawa peruntukan sampai sasaran dan matlamat dapat dicapai. Bajet diumumkan di Sidang Dewan yang mulia ini dan lulus oleh Dewan mulia ini maka satu Jawatankuasa dari Dewan mulia ini lebih sesuai sebab Ahli Dewan ialah Wakil Rakyat dan bertanggungjawab kepada rakyat.

Yang Berhormat Puan Speaker, peruntukan ADUN pembangkang dapat dinaik dari RM50,000.00 kepada RM150,000.00, Bekok mengucapkan terima kasih atas kenaikan dan ini akan bantu ADUN-ADUN berkhidmat di kawasan mereka.

Yang Berhormat Puan Speaker, agenda pertama *Food Security* ini ialah satu peluang untuk pertanian pintar kepada pekebun kecil. Industri pertanian kini mengalami gangguan dan halangan yang besar seperti ketidaktentuan cuaca, perubahan iklim, kekangan persekitaran dan peraturan, kekurangan ruang dan permintaan yang lebih tinggi untuk kualiti makanan, kemerosotan tanah dan kebimbangan kelestarian. Walau bagaimanapun, sektor ini masih ada peluang dan ruang untuk pertumbuhan. Maka keprihatinan kerajaan negeri Johor mesti dikongsi oleh pejabat-pejabat awam yang akan menguruskan pelaksanaan Bajet.

Di sini, saya mohon kepada semua jabatan-jabatan berkaitan seperti Pejabat Tanah, Pertanian, *Veterinary* mesti proaktif untuk menjayakan hasrat ini. Tanah TOL yang tidak digunakan boleh digunakan untuk pertanian hingga tanah itu diperlukan untuk tujuan asal. Saya ada pengalaman Yang Berhormat Puan Speaker bahawa satu penduduk di kawasan saya mohon untuk gunakan tanah yang terbiar yang sedang digunakan untuk buang sampah, mohon untuk gunakan untuk pertanian sayur-sayuran tapi Pejabat Tanah tolak sebab tanah itu diperuntukkan untuk satu klinik. Kami pun tidak tahu bila klinik itu akan ditubuhkan, sehingga itu tanah itu boleh digunakan untuk tanaman sayur-sayuran. Jadi, kita mesti berfikiran berlainan lebih membantu bukan ikut peraturan ketat-ketat.

Jadi, saya mohon bahawa kerajaan beri arahan kepada..

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat sila letak teks di atas meja…

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) : Saya mohon bahawa pihak pengurusan memberi arahan kepada pegawai-pegawai di bawah lebih prihatin kepada rakyat. Dengan Agenda Digital Pertanian 4.0 boleh digalakkan. Latihan dan cara pertanian baru boleh dilaksana oleh Jabatan Pertanian untuk menarik pemuda dalam bidang ini. Petani tradisional susah nak ubah. Kalau kita mahu teknologi baru kita mesti menarik pemuda. Pertanian pintar boleh gunakan automasi data menggunakan *cloud, artificial intelligence* untuk menganalisis data, membolehkan kebun dikembang dan pertanian boleh maju dan juga pertanian di bandar pun boleh dimajukan.

Yang Berhormat Puan Speaker, di sini saya juga ingin maklum bahawa pertanian tenusu adalah satu pertanian besar di Johor. Pertanian ini ada satu potensi yang besar sebab 90% permintaan tenusu diimport dari negara luar. Jadi satu potensi yang begitu besar. Jadi ada banyak ruang untuk maju tetapi ramai orang, ramai petani tenusu di luar tidak dapat sokongan yang cukup. Satu masalah besar ialah tanah. Jadi, saya mohon kepada Jabatan Pertanian dan *Veterinary* untuk bantu petani tenusu untuk majukan perniagaan mereka. Ini akan menyumbangkan kepada *food security*.

Yang Berhormat Puan Speaker, ada juga tanah-tanah di kawasan saya yang diperuntukkan untuk *green*, pertanian tapi tanah yang diberi kepada petani mereka semua tanam kelapa sawit. Jadi, ini saya ingat lari daripada tujuan asal. Jadi, harap Jabatan Pertanian boleh ambil perhatian di sini dan tengok macam mana boleh ubah balik kepada tujuan asal. Dan satu lagi masalah di sini ialah akses Internet di luar bandar. Kalau kita mahu gunakan pertanian atau teknologi moden di pertanian di luar bandar masalah ialah penyambungan Internet di kawasan luar bandar. Dan ini perlu ditingkatkan kalau boleh ditingkatkan pertanian di luar bandar boleh dimajukan lebih cepat. Dan juga orang muda lebih berminat kalau teknologi moden digunakan dalam pertanian. Mahupun pertanian haiwan ataupun sayur-sayuran.

Yang Berhormat Puan Speaker, Agenda Johor Digital, memang pandemik COVID-19 telah mengubah cara kita berkomunikasi, bekerja, saling berhubung dan berniaga. Oleh itu, transformasi digital adalah jalan yang harus dipilih. Ini akan mewujudkan peluang pekerjaan baru dan ini juga memerlukan pekerja mahir. Digitalisasi akan meningkatkan industri utama seperti industri-industri lain seperti kewangan, kesihatan, pendidikan dan juga perkhidmatan kerajaan, perusahaan kecil dan sederhana. Di sini saya mohon perhatian kepada dua aspek iaitu, satu *hardware* iaitu infrastruktur telekomunikasi yang lebih meluas boleh sampai semua kawasan di Johor dan juga *software. Software* ialah ertinya agensi yang boleh berkolaborasi dan menyokong untuk mengembangkan dasar nasional untuk mencapai perjalanan digitalisasi melatih bakat baru ekosistem, digital dan keselamatan digital. Warga Johor mesti memupuk budaya digital di kalangan rakyat Malaysia.

Sekali lagi hendak maklum bahawa pengaksesan Internet masih kurang di kawasan-kawasan luar khususnya di kawasan saya Bekok, Chaah, Kampung Orang Asli, mereka susah dapat Internet. Dan kalau dapat pun tidak begitu kuat. Oleh sebab itu, mereka tidak boleh urus dengan melalui *online* dan juga murid-murid sekolah untuk ikut pelajaran melalui Internet pun tak boleh jalankan. Jadi, Bekok memohonkan Internet *coverage, broadband* di kawasan luar bandar dan jauh dari bandar ditingkatkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, jaringan keselamatan sosial iaitu di sektor *informal.* Pekerja Malaysia di *Singapore* dan juga pekerja yang bekerja di sektor tidak rasmi, *informal sector* seperti pekerjaan sendiri, penghantar, *dispatch rider*, petani kecil, pekerja di bengkel kecil, pekerja bergaji harian tidak mempunyai perlindungan sosial, *social protection*. Sekarang kita hampiri *Gig Economy* yang mempelawa pekerja bekerja secara bersendirian. Harap golongan ini diwajibkan untuk mempunyai caruman PERKESO. PERKESO akan memberi perlindungan kepada risiko kehilangan pekerjaan, kecederaan dan kehilangan pendapatan kepada golongan ini. Jadi, inilah kekurangan kepada golongan ini, *social protection*. Kita sudah masuk hampir 11 bulan dalam wabak pandemik. Saya mohon kerajaan negeri untuk cari jalan untuk mengurangkan kos ujian COVID *test* dan juga menyediakan ujian secara meluas. Pekerja dalam sektor *informal* lebih kurang 8.9%, mereka pendapatan mereka sangat kurang, jadi pergi ke *test* ini jadi satu beban kepada mereka. Jadi, mohon kerajaan ambil langkah-langkah untuk mengurangkan beban golongan ini. Di samping itu, saya juga mohon bahawa PBT, Majlis-Majlis galakkan pertanian dan juga pembukaan gerai kepada golongan yang hilang kerja. Dan di kawasan saya, saya nampak juga PBT atau Majlis sangat keras dan selalu saman, jadi ramai pekedai pun takut untuk buka gerai, sebab takut dia di saman. Jadi saya mohon bahawa janganlah begitu keras, beri nasihat dulu, ajar mereka, *guide* mereka kalau mereka masih degil tak ikut SOP baru *issue* saman. Jadi, kita perlu bantu peniaga kecil dan juga pekerja-pekerja di sektor *informal*. Dan juga saya mahu ingatkan bahawa e-Kasih iaitu pendapatan garis kemiskinan nasional pun dinaikkan daripada RM908.00 hingga RM2,208.00 jadi golongan yang di klasifikasi sebagai warga miskin ialah 3.49 %. Ini pun satu perkara saya mohon bahawa kerajaan negeri ambil perhatian.

Yang Berhormat Puan Speaker, rumah kos rendah dan mampu milik di Chaah, di Bekok. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga sentuh projek pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik dalam Bajet 2021. Di sini saya ingin maklum bahawa di pekan Chaah, Labis lama tidak ada projek rumah kos rendah dan mampu milik. Chaah adalah satu pekan kecil di Labis di mana penduduknya kebanyakan pekerja di estet, kebun kecil kelapa sawit, getah, pertanian dan petani tenusu. Tapi mereka tidak ada apa-apa program rumah kos rendah.

Generasi 2 dan generasi 3 tidak ada projek kos rendah. Jadi ramai orang duduk di rumah sewa ataupun mereka duduk dengan ibu bapa. Dan mereka pun tidak mampu beli rumah daripada pihak swasta. Oleh itu Chaah memerlukan projek perumahan kos rendah atau mampu milik. Saya faham bahawa syarikat SSI telah membeli satu tanah seluas 10 ekar daripada Ladang Ajijaya untuk membina rumah kos rendah, tetapi belum buat apa-apa projek lagi. Saya mohon Jabatan Perumahan untuk membina rumah kos rendah di tapak ini untuk penduduk di Chaah. Saya pun menerima banyak pertanyaan daripada penduduk Chaah iaitu adakah kerajaan akan membina rumah kos rendah di kawasan ini.

Untuk makluman Pengerusi Jawatankuasa Perumahan juga, saya ingin maklum di sini bahawa ada satu projek perumahan oleh SPNB di Chaah, di kawasan seluas 50 ekar yang dimulakan dalam tahun 2011, tetapi projek itu sudah terbengkalai dan saya pun hubungi SPNB mereka pun tidak tahu bila mereka akan mula balik. Saya mohon bahawa Pengerusi Jawatankuasa Perumahan usaha untuk bangkit baliklah projek ini dan saya pun rela untuk kerjasama dengan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan untuk memulihkan projek ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Amat Berhormat juga menyentuhi mengenai pembangunan Modal Insan. Bangsa Johor adalah penduduk Malaysia di Johor yang terdiri daripada semua kaum iaitu Melayu, Cina, India, Orang Asli, Kadazan, Iban dan lain-lain. Kerajaan negeri mesti menyokong semua kaum daripada bangsa Johor, barulah bangsa Johor akan menjadi lebih prihatin dan bertanggungjawab serta akan berusaha sepenuhnya demi menjaga kesejahteraan negeri. Kerajaan negeri Johor mesti membantu semua masyarakat dari segi kebajikan, peluang pekerjaan, peluang perniagaan dan sebagainya. Perkataan bangsa Johor tidak bermakna jika bantuan tidak sampai kepada semua masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Yang Berhormat Puan Speaker, pengangguran sekarang *midway* COVID-19 ialah 13.9%. Ini satu perangkaan yang besar dan bermasalah dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun selalu menyentuhkan isu ini dan salah satu sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun ada ulang ialah kemahiran pekerja dan kemahiran yang dimiliki oleh pekerja dan kemahiran yang diminta oleh majikan tidak sama, bukan, tidak kesepaduan. Inilah satu masalah besar. Untuk merapatkan jurang ini saya cadang bahawa pihak jabatan kerajaan khususnya ILP Institut Latihan Perindustrian kerja rapat dengan pihak swasta.

Seperti di Pulau Pinang, di Pulau Pinang ILP ada wakil-wakil syarikat besar multinasional dalam *board* mereka. Jadi bila mereka bina apa-apa silibus ataupun rancangan pelajaran, pandangan *private* sektor pun diambil kira dan mereka keluar dengan satu strategi pelan yang sangat berguna dan semua pelatih ILP dapat pekerjaan. Jadi saya minta bahawa di Johor pun kita ikut model yang sama di mana ILP dan *multinasional company* bekerjasama sebab akhirnya pelatih akan pergi ke syarikat-syarikat besar untuk kerja.

Jadi kita mesti tahu apakah permintaan mereka, apakah kemahiran mereka mahu, apakah *skill* mereka mahu. Kalau mereka boleh duduk sama-sama dengan ILP dan keluarkan satu silibus ini sangat berguna dan tidak apa-apa *wastage* dengan izin. Dan satu lagi ialah kalau kita kerjasama rapat dengan multinasional kita pun boleh dapat peluang *internship* iaitu murid boleh belajar satu tahun dan satu tahun lagi dia pergi *practical lesson* di syarikat dan akhirnya dia boleh mula kerja dengan syarikat itu juga, jadi inilah model kita kena pilih.

Setahu saya ILP dan multinasional tidak ada apa-apa hubungi sekarang, jadi ini harap boleh diubah.

Dan satu lagi perkara Puan Speaker, yang saya nak bangkit di sini ialah banyak kali majikan beritahu bahawa graduan kita tidak ada *skill-skill* teknik yang boleh ubah dengan teknologi, kebolehan untuk ubah dengan teknologi, sikap positif, pemikiran kreatif. Jadi *skill-skill* ini mereka cakap graduan kita kurang. Saya harap SMI dan Pengerusi Jawatankuasa Modal Insan boleh ambil kira perkara ini dan bila mereka menganjurkan kursus masuklah perkara kemahiran ini dalam silibus mereka.

Yang Berhormat Puan Speaker, perpaduan kaum dan komuniti juga disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Harap kerajaan negeri Johor melibatkan semua komuniti dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Kita semua *Johorean.* Oleh sebab itu dalam usaha latihan perniagaan, pekerjaan, pendidikan dan sukan semua komuniti perlu dipelawa dan dimasuk, diinklusif. Peruntukan yang diberi kepada Yayasan Sultanah Fatimah RM6 juta dan Yayasan Sultanah Rogayah RM4 juta. Dewan ini mesti pastikan peruntukan ini diurus secara telus, bertanggungjawab dan saksama, mesti ada akauntabiliti dan laporan, bagaimanakah tabung ini diuruskan.

Sebab golongan yang disasarkan oleh 2 Yayasan, mereka tidak ada bantuan-bantuan lain. Oleh sebab itu bantuan ini mesti diurus dengan lebih akauntabiliti, lebih ketelusan dan bertanggungjawab. Satu lagi ialah...

YB Timbalan Speaker : YB Bekok sila gulung.

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) : Satu *taskforce* untuk masyarakat India pun ditubuhkan harap *taskforce* ini dianggotai oleh orang profesional dan berpengetahuan. Yang Berhormat Puan Speaker, jalan raya dan jambatan. Permohonan untuk satu jalan, kami pun ada bincang banyak kali iaitu satu jalan yang berhubung Bekok dengan Pekan Paloh. Banyak kali sudah kita boleh bincang tetapi dalam Bajet 2021 tidak dimasukkan dan saya diberitahu balik oleh Pengerusi JKR bahawa ini telah dimasuk dalam RMK-12. Harap kerajaan negeri ambil berat perkara ini dan Puan Speaker.

Isu *Governance* Johor satu perkara yang disentuh oleh Menteri Besar juga iaitu isu *Governance* Johor meningkatkan kecekapan integriti dan memenuhi aspirasi rakyat. Bekok cadangkan bahawa Dewan sidang ini boleh juga tubuh jawatankuasa untuk mempastikan kemiskinan, jawatankuasa untuk meningkatkan persembahan agensi kerajaan, badan berkanun dan anak syarikat. Ini ialah untuk membantu perjalanan negeri Johor.

Last sekali Puan Speaker ialah landasan berkembar elektrik Gemas – JB. Landasan ini dimulakan dalam tahun 2012 dan sedang berjalan dengan begitu pantas tetapi di sektor Labis iaitu ROB 8 dan ROB 11 ada banyak perkara mereka tidak ambil kira. Oleh sebab itu ada isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk dan kami pun sekarang sudah lewat sebab projek ini sudah lama dimulakan. Kami pun ada cadangkan *alternative road* walaupun kontraktor setuju pada awal, tetapi bila kerajaan tukar tahun ini mereka tak mahu tukar, mereka *go back the original plan* dengan izin. Jadi haraplah, harap kontraktor ambil kira kebaikan rakyat penduduk di Labis dan juga oleh sebab...

YB Timbalan Speaker : YB Bekok.

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) : Gulung, saya gulung.

YB Timbalan Speaker : Sampai masa 24 minit.

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) : Oleh sebab landasan *double track* ini, pengaliran air pun ada masalah sebab mereka pun tidak ambil kira pengaliran air, jadi banyak tempat ada banjir kilat bila hujan lebat, jadi harap JPS dan YTL bincang dan cari jalanlah untuk macam mana kita boleh alirkan air yang naik bila hujan kuat. Itulah *point* yang saya nak berikan. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Pulai Sebatang, jemput.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Bismillahirahmanirahim, Assalamulalaikum warahmatullahitaala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Puan Speaker, terlebih dahulu saya ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan baginda pada 22 November 2020. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan bola sepak Johor JDT yang dipimpin oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim yang berjaya mengekalkan kejuaraan Liga Super bagi musim yang ke 7 berturut-turut.

Puan Speaker, alhamdulillah terima kasih atas ruang berbahas yang telah diberikan di kesempatan ini saya ingin menyampaikan ucapan jutaan terima kasih kepada para *front liners* yang bertungkus lumus siang dan malam menjadi petugas barisan hadapan dalam membantu bangsa Johor di negeri ini secara khususnya di Malaysia secara umumnya, dalam memerangi pandemik COVID-19 yang melanda negara kita. Semoga budi jasa dan bakti tuan puan hanya Allah jua yang mampu membalasnya.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada hari Khamis 26 November yang lalu kita telah mendengar pembentangan Belanjawan Johor 2021 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita tidak menafikan banyak juga usul program baik yang memberi tumpuan kepada usaha memerangi suasana ekonomi yang mencabar di negeri ini. Namun terdapat beberapa perkara yang ingin saya sentuh antaranya:

1. Berkenaan dengan kesihatan
2. Agenda jaminan bekalan makanan negeri Johor dan Johor Tani
3. Agro pelancongan
4. Kelestarian, dan
5. Pendidikan

Yang Berhormat Puan Speaker, pertamanya ingin saya bangkitkan ialah berkenaan program Kad Sihat Johor yang tidak lagi diteruskan. Perkara ini telah pun dibangkitkan YB Penggaram dan Bukit Naning semalam. Namun saya ingin menambah sedikit program Kad Sihat ini, Kad Sihat Johor yang diperkenalkan melalui Belanjawan 2019 ini memberi manfaat kepada 14,000 penerima terutamanya dari golongan B40 pada tahun pertama pengenalannya. Manakala dalam pembentangan Belanjawan Tahun 2020 penerimanya dipertingkatkan sekali ganda iaitu dengan 28,000 keluarga dan 19,000 individu dengan peruntukan awalan sebanyak RM2 juta. Mesti pun dengan jumlah amaun RM500.00 bagi setiap kad untuk keluarga dan RM200.00 bagi untuk individu ini dilihat sebagai kecil namun inisiatif seperti ini akan meringankan beban kepada mereka yang kurang berkemampuan. Ini kerana ada golongan yang mampu bergantung, hanya mampu bergantung untuk mendapat rawatan di klinik awam. Dalam usaha suasana pandemik COVID-19 yang melanda negara, manakala kita lihat operasi di pusat khidmat tertumpu kepada usaha menangani penularan penyakit ini. Sudah tentu dengan adanya Kad Sihat tersebut akan dapat memberikan ruangan kepada penerima dari golongan tidak berkemampuan menikmati manfaat seperti mereka yang lain. Dalam masa yang sama melalui Kad Sihat Johor, ia dapat mengurangkan pergantungan pemegang kad untuk hadir ke pusat kesihatan awam dan mendapatkan rawatan di pusat kesihatan swasta. Ini sekali gus akan dapat

mengurangkan kesesakan di pusat kesihatan awam. Cadangan saya agar Program Kad Sihat Johor ini diteruskan dengan jumlah peruntukan dan penerima manfaat yang dipertingkatkan. Manakala klinik panel yang terlibat dengan program ini perlu dan turut ditambah sesuai dengan keperluan penjagaan kesihatan sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

Sekiranya Program Skim Pemberian Air Percuma sebanyak 10 meter padu kepada golongan B40 negeri Johor ini diteruskan, apa salahnya jika Program Kad Sihat ini juga diteruskan. Tidak jauh berbeza dari topik yang sama melihat kepada perkara ke-219 iaitu berkaitan dengan Kelestarian Alam Sekitar dan Kesihatan. Hal-hal berkaitan kesihatan sangat sedikit disentuh dan diberi peruntukan sewajarnya dalam belanjawan kali ini. Kita perlu mengambil pengajaran daripada apa yang berlaku di negeri Selangor, berlaku peningkatan kes COVID-19 yang mendadak. Barangkali dengan mengambil iktibar dari apa yang berlaku kerajaan negeri Selangor memperuntukkan sejumlah RM56.5 juta untuk peruntukan kesihatan secara keseluruhan bagi tahun 2021. Jumlah ini mencatatkan peningkatan 23% berbanding peruntukan kesihatan dalam belanjawan tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM46 juta.

Selain itu, saya ingin bertanya adakah kerajaan Johor ada merancang untuk mengadakan ujian-ujian saringan COVID-19 secara bersasar terutamanya di Mukim atau kawasan yang mengalami peningkatan yang mendadak bagi kes COVID-19? Buat masa ini mungkin tidak berlaku peningkatan kes yang serius melainkan beberapa mukim yang ditandakan sebagai zon merah berikutan kes aktif melebihi 40. Minta dijauhkan, namun pada masa akan datang tidaklah kita ketahui sekiranya berlaku peningkatan kes. Diharap ada suatu program tindak cepat yang diadakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Johor sekiranya berhadapan dengan suasana begini.

Dalam usaha bangsa Johor berhadapan cabaran ekonomi pada tahun hadapan, elemen paling penting iaitu *human resource* perlu disiapsiagakan. Ya, betul ekonomi negeri Johor pada waktu ini amat penting, namun perlu diingat kata orang tubuh yang sihat, otak yang cergas. Justeru itu, perkara yang berkaitan dengan kesihatan itu perlu diberi tumpuan. Selain itu, kempen-kempen kebersihan bagi mengelakkan penyakit bawaan, penerangan mengenai penjagaan kesihatan melibatkan warga emas, golongan OKU, orang asal dan mereka di kalangan bangsa Johor. Mereka perlu diberi tumpuan. Saya kira sektor ini perlu diberikan penekanan, pertimbangan dan sekiranya perlu, peruntukan sektor kesihatan ini perlu ditambah dengan sewajarnya.

Yang kedua yang ingin saya sentuh adalah mengenai Agenda Jaminan Bekalan Makanan negeri Johor dan Johor Tani. Agenda Bekalan Makanan tentunya berkait rapat dengan pertanian dan penternakan. Di kalangan orang muda hari ini bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia, bidang pertanian telah menjadi *trendy* dan *cool*. Ia bukan berkait rapat dengan kesedaran anak muda mengenai isu kelestarian alam sekitar dan kepentingan tanah untuk pertanian dan bekalan makanan. Namun, ada sedikit masalah yang pernah berlaku itu pun saya kira tidak berapa lama dahulu iaitu cara bagaimana memasarkan hasil pertanian. Sebahagian kita tentu masih ingat kira-kira dalam bulan April atau Mei yang lalu tular satu video pengusaha nanas di Pontian yang tidak dapat memasarkan hasil tanamannya. Difahamkan masalah ini turut berlaku di Muar dan beberapa daerah lain. Di sini ekonomi digital dan ekonomi kreatif perlu berperanan. Kalau ada pemaju yang mampu mencipta satu aplikasi ‘e’ di telefon pintar bagi menghantar makanan siap dimasak, masakan tidak ada aplikasi boleh dibina bagi memasarkan produk tani ini. Diharap kerajaan Johor melalui agensi dan syarikat berkaitan kerajaan GLC boleh membantu menjana dan mengembangkan potensi perniagaan atas talian. Ia boleh dilakukan melalui kaedah geran *start up* melibatkan pembangun aplikasi dengan kerjasama syarikat penghantar barangan atau syarikat logistik kecil-kecilan di daerah-daerah. Melalui program ini mudah-mudahan petani di kampung-kampung kita tidak bimbang lagi kalau hasil tuaian tidak dibeli oleh

orang. Kalau kita lihat kerajaan pusat dalam pembentangan belanjawan 2021 ini baru-baru ini juga telah memperkenalkan Program Kebun Komuniti kepada komuniti separa bandar dan luar bandar dengan peruntukan berjumlah RM30 juta.

Difahamkan program ini menyediakan peralatan seperti kit fertigasi dan medium tanaman bernilai sehingga RM500.00 untuk setiap individu atau RM50,000.00 bagi setiap komuniti yang bakal memanfaatkan sebanyak 60,000.00 peserta. Manakala pelaksanaan projek pertanian organik di peringkat komuniti dengan peruntukan RM50 juta turut di umum dan dijangka memanfaatkan kepada 1,000 komuniti. Dalam perkara ini Johor kita jangan ketinggalan peruntukan ini perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya, kepimpinan masyarakat termasuk kita di Dewan yang mulia ini perlu melakukan *scouting* iaitu memantau dan melakukan tinjauan kalau-kalau ada di kalangan penduduk di kawasan kita turut mengadakan kebun komuniti. Dalam konteks pertanian moden dan terkini ini pelbagai kaedah digunakan seperti fertigasi, *pharmaculture* dan *urban gardening*. Kita perlu tahu bahawa di Singapura juga membenarkan penggunaan *roof top* atau bumbung di atas bangunan HDP mereka untuk diadakan kebun komuniti. Jika sekiranya Johor yang di anugerah tanah subur ini ada di kalangan rakyat yang berminat, mengapa tidak kita manfaatkan ruang-ruang tanah yang ada misalnya di kawasan bandar, *pocket land* dan mengoptimakan kaedah baru pertanian ini. Namun, tidak dapat tidak pembangunan aplikasi adalah penting. *Distribution* hasil tani atau ternak kepada produk hilirannya boleh dilakukan melalui maklumat yang diperolehi dari pihak berkaitan iaitu Jabatan Pertanian. Kerjasama mereka amat diperlukan. Saya harap agar kakitangan dari Jabatan Pertanian bersiap sedia dengan anjakan baru kesan dari program dari pusat dan negeri yang dirancang ini.

Merujuk kepada sektor yang sama, saya ada sedikit persoalan berkaitan perkara ke-71 iaitu Inisiatif Pengurangan 50% daripada Denda Ubah syarat Melalui Program Pemutihan *Approval Over Submission* (AOS) Pertanian kepada Pertanian Pokok. Inisiatif itu dikatakan untuk membantu pengusaha tanah bawah 10 ekar untuk memperoleh lesen Lembaga Minyak Sawit (MPOB) dan pensijilan Malaysia. Inisiatif ini terbuka bagi semua jenis pertanian pokok dan tidak terhad kepada mohon penukaran. Syarat nyata kepada kelapa sawit sahaja. Bagaimana sekiranya pengusaha tanah yang mahu mengubah tanah daripada kelapa sawit kepada tanaman jenis lain? Apakah mereka juga tertakluk kepada bawah skim yang sama? Ini kerana wujud minat di kalangan pengusaha tanah yang mahu mengubah bentuk tanaman kepada yang lain seperti sayur-sayuran, buah-buahan. Namun mereka tidak dibenarkan berbuat demikian berikutan syarat guna tanah yang tertera di atas geran. Diharap pihak berkaitan boleh membantu pengusaha yang bersemangat ingin menjayakan agenda tani Johor.

Menyentuh usaha mempertingkatkan pemasaran hasil pertanian melalui peruntukan RM500,000.00 bagi Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian di Benut dan Kluang iaitu perkara ke-113. Saya ingin memberi sedikit cadangan iaitu agar Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian ini turut diwujudkan di kawasan Tenggara atau Utara Johor antara lokasi yang bersesuaian iaitu di Segamat dan Kota Tinggi. Di Segamat seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan dilaksanakan Program Agro-Mix Farm Fasa 2 dan Fasa 3 yang bersesuaian dengan maksud bagi program tersebut. Manakala di daerah Kota Tinggi diketahui sebagai daerah pertanian selain berdekatan dengan Johor Bahru yang memiliki potensi pemasaran dan permintaan hasil tani yang tinggi.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh yang ketiganya ialah saya ingin menyentuh perkara 64 yang merupakan sebahagian dari industri hiliran bagi sektor makanan dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan baru bernilai tinggi dalam bidang pertanian moden, agroekologi dan agro pelancongan. Di sini saya ingin tekankan mengenai agro pelancongan bersesuaian dalam sinergi dengan perkara 171 iaitu Program *Majestic Johor*. Sebelum ini di Johor tumpuan pelancongan adalah di kawasan bandar atau di lokasi pelancongan *artificial* atau pembuatan. Saya tidak menafikan peranan dan kepentingannya.

Namun semenjak penularan wabak COVID-19 dan kesedaran terutamanya kepada golongan muda mengenai peri pentingnya pemuliharaan alam sekitar maka agro pelancongan menjadi kegemaran sama ada pelancong domestik mahupun di luar bandar. Kita boleh merujuk kepada kejayaan negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand dalam usaha mereka meningkatkan pendapatan negeri dan negara melalui promosi agro pelancongan yang berterusan. Integrasi sektor pertanian dan agro pelancongan mampu membina hubungan harmoni antara pihak berkepentingan pelancongan dan masyarakat tempatan. Terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar, hari ini jika kita mempunyai yakin diri yang tidak mahu tidak rasa malu alah untuk belajar dari mereka yang berjaya melakukannya, tidak mustahil sektor ini mampu membawa pulangan yang lumayan dan berjangka panjang.

Namun, kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, PBT dan pihak swasta diharap boleh menggabungjalinkan usaha secara bersama untuk menjayakan agenda ini. Kalau dilihat baru-baru ini, setelah larangan rentas negeri, daerah ditarik balik pada Julai, kawasan rekreasi penuh sesak dengan kehadiran orang ramai. Di Kota Tinggi dilaporkan berlaku kesesakan jalan raya selama beberapa jam kerana orang ramai mahu pergi ke pantai atau pinggir sungai. Di kawasan Pantai Barat Johor pun begitu, di Batu Pahat, Muar dan Pontian. Ramai orang mengambil kesempatan untuk beriadah bersama keluarga. Itu adalah lokasi biasa yang dikunjungi. Sekiranya promosi secara giat dibuat kepada lokasi bertema konsep agro pelancongan di negeri Johor, saya rasa ia mampu menjana ekonomi di kawasan-kawasan ini. Manakala penduduk tempatan mendapat limpahannya.

Saya ada mengikuti satu saluran *YouTube* seorang pelancong Jerman yang terkandas di Malaysia akibat pandemik COVID-19. Nama saluran itu Kent Abott. Lebih seminggu warga Jerman ini ke kawasan-kawasan perkampungan di Johor termasuk di Pontian, Kampung Jerman, ke kebun, ke lokasi penternakan ikan, menyusuri sungai dengan bot dan beberapa tempat lain yang mungkin kita sendiri tidak pernah jejaki. Tontonannya tinggi mencecah puluhan ribu pada setiap video yang dimuat naik. Bagus juga ada pegawai dari pejabat Tourism Johor yang mengiringinya walaupun setelah separuh jelajah dilakukan. Cuma yang penting adalah latihan perlu dibuat kepada pemandu pelancong terutamanya kepada penduduk setempat tentang bagaimana cara untuk memberi penerangan serta fakta yang tepat selain muka manis dan cekap menjawab soalan-soalan ini agar pelancong agro tersebut lebih tersusun dan menarik.

Ada yang bertanya apa yang kita, apa yang akan terjadi sekiranya perintah PKP ini dikuatkuasakan? Apakah rancangan dan cadangan ini boleh dilaksanakan? Tentu boleh. Di sinilah media berperanan, media baru seperti *Facebook, Twitter* dan *Instagram* juga boleh dikategorikan sebagai media arus perdana. Cuma jika berlaku penguatkuasaan PKPB di suatu kawasan perlu ada SOP yang standard yang sedia kala diketahui oleh ramai orang. Misalnya operasi pejabat Majlis Daerah, rumah ibadah, pasar-pasar dan sebagainya. Bagaimana pun orang-orang ramai mahu berurusan segala penerangan diberikan agar pematuhan dapat dibuat.

Yang keempat, mengenai Perkara 229 iaitu Penjagaan Ekosistem Flora Dan Fauna. Usaha yang terkandung dalam usul ini adalah baik projek santuari gajah GES Fasa Kedua, pemulihan biodiversiti penguatkuasaan *eco ranger*, program sifar sampah dan pemantauan bersama komuniti setempat ke atas kawasan pencerobohan di Taman Negara Johor, Gunung Ledang, semuanya bagus. Yang ingin saya tekankan di sini ialah konflik manusia-haiwan. Hampir setiap bulan sebelum ini, kita akan mendapat laporan mengenai gangguan pencerobohan haiwan liar ke atas kawasan pertanian dan penempatan manusia. Malah, ada beberapa insiden di Kota Tinggi pada tahun ini seperti berlakunya kemalangan melibatkan gajah dengan kenderaan menggunakan Jalan Kota Tinggi – Mersing. Kejadian ini turut dirakam video tular dan menerima komen dari orang ramai yang meminta agar langkah proaktif bagi menyelesaikan masalah ini dapat dilakukan oleh kerajaan. Laluan

Kota Tinggi – Mersing diketahui merupakan habitat semula jadi mamalia ini. Malah mamalia ini telah lama mendiami kawasan itu sebelum diterokai oleh manusia. Atas semangat eko kelestarian alam dan hidup bersama saling menghormati, maka saya ingin mencadangkan sekiranya ada rancangan dari pihak Kementerian Kerja Raya atau Jabatan Kerja Raya bagi menaik taraf laluan Kota Tinggi – Mersing dalam pembangunan akan datang. Maka pembinaan *wildlife ride up* ada langkah yang terbaik.

Menurut Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia, terdapat beberapa jenis hidupan liar yang sering menjadi mangsa kemalangan jalan raya. Antaranya Tapir Malaya, kera, babi hutan dan harimau dahan dalam kes di laluan Kota Tinggi – Mersing kemalangan melibatkan gajah liar sering berlaku. Justeru, salah satu usaha yang dilakukan oleh Jabatan PERHILITAN bagi mengurangkan berlakunya kadar kematian hidupan liar ialah dengan menubuhkan *wildlife ride up*. *Wildlife ride up* ini merupakan kaedah jalan raya yang dinaikkan lebih tinggi berbanding dengan jalan raya biasa bagi memudahkan hidupan liar menjadi melalui bahagian bawah. *Wildlife ride up* tersebut, ia juga berfungsi menggabungkan dua kawasan hutan bagi memudahkan hidupan liar mencari makanan di kawasan hutan. Oleh itu, risiko hidupan liar tersebut dilanggar kenderaan adalah rendah. Di Semenanjung Malaysia telah dibina 3 lokasi koridor hidupan iaitu di Sungai Deka, Terengganu, Sungai Yu, Pahang, di Grik, Perak. Lantaran itu, cadangan ini dimajukan kepada kerajaan…

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Pulai Sebatang, sila gulung.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Lantaran, cadangan ini dimajukan kepada kerajaan negeri sekiranya wujudnya perancangan pada masa akan datang.

Yang terakhir, saya ingin menyentuh mengenai isu pendidikan bagi perhatian Perbahasan Belanjawan 2021 iaitu tentang keperluan untuk menambah baik liputan Internet. Ramai pelajar dan guru berdepan dengan masalah ini perlu ada *sense of urgency* dari pihak kerajaan untuk memastikan tiada pelajar yang tertinggal dalam pelajaran berikut, pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran di rumah PDPR. Difahamkan sehingga 29 November 2020 mengikut Data Pelaporan PDPR Negeri Johor dari 332,247 PDPR yang dilaporkan hanya sebanyak 53.32% sahaja pelajar yang dilaporkan mengikuti pembelajaran secara *online*. Manakala, 25.33% yang mengikuti secara *offline* dan 21.11% tidak lagi mengikuti PDPR iaitu lebih kurang 70,137 orang pelajar. Ini satu jumlah yang besar sebenarnya dan perlu kita beri perhatian sebaiknya. Selain itu, isu yang dihadapi adalah sebanyak 143,441 kes dilaporkan bahawa pelajar menggunakan peranti milik ibu bapa mereka untuk menjalani kelas secara talian. Ini sebenarnya mengurangkan keselesaan kepada ibu bapa dan pelajar kerana ada pelajar yang terpaksa menunggu adik beradiknya selesai barulah dia dapat mengikuti kelas sendiri. Manakala, 62,735 kes tiada capaian Internet dan sebanyak 16,016 kes tiada peranti untuk mengikuti kelas atas talian. Alhamdulillah syukur, ada kalangan Wakil Rakyat dan Parlimen daripada pembangkang melancarkan beberapa inisiatif dari rakyat untuk rakyat di kawasan tertentu bagi mendapatkan sumbangan komputer riba dan peranti terpakai dari orang ramai yang kemudian diserahkan kepada pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke universiti. Ataupun bagi mengikuti kelas dalam talian, ada juga Pusat Khidmat yang menyediakan ruang dan penggunaan *wifi* percuma bagi anak-anak ingin mengikuti kelas dan pembelajaran. Namun itu hanya penyelesaian sementara yang dibuat di dalam komuniti. Justeru, apa tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan…

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat, masa sudah tamat.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Sikit lagi.

YB Timbalan Speaker : Sikit lagi?

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Dalam memastikan bahawa pelajar dan guru dan ibu bapa dapat melalui suasana pembelajaran, pengajaran dalam sistem sokongan yang lebih kondusif. Diharap perkara ini dapat diberi perhatian oleh kerajaan Johor.

Demikian Perbahasan dan pandangan yang saya ingin kemukakan. Semoga Belanjawan Tahun 2021 benar-benar dirasai oleh segenap masyarakat dan membawa sinar bagi rakyat di negeri Johor. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Kemelah, jemput.

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker. Patik ingin memulakan perbahasan patik dengan merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020.

Jangkaan dunia belum bersedia apabila satu pandemik akan berlaku telah dinyatakan oleh seorang *philanthropist*, orang terkaya ketiga di dunia sehingga bulan November, pelopor syarikat *Microsoft* dalam satu program *Pep Talk* pada tahun 2015 bertajuk*, Warns Of Pandemics Epidemics.* Menurut beliau disebabkan oleh dunia yang semakin terangkai, *connected world*, dengan izin, pergerakan yang dimudahkan antara kawasan yang berdasar simulasi modul virus yang tersebar di dunia seperti selesema Sepanyol yang berlaku pada tahun 1918. Maka, satu jangkitan virus selesema dengan sifat-sifat bawaan udara atau *airborne* dengan izin, bakal menyebabkan merebak virus selesema ke seluruh dunia dengan pantas. Lalu menurut beliau, ini memungkinkan kematian sehingga 30 juta orang.

Di dalam berita portal CNN hari ini, kita lihat dalam satu dokumen yang terlepas keluar daripada negara China laporan berkaitan dengan pengurusan pandemik virus daripada bulan Oktober 2019 hingga April 2020. Kekalutan dan kecelaruan negara China menangani pandemik yang bermula di sana, di daerah atau wilayah Hubei dan sehingga kini kita dapati bahawa negara China masih lagi tidak membenarkan laporan rasmi berkaitan dengan penyebaran virus pada mula-mula pandemik bermula.

Pada bulan November, awal November di dalam satu wawancara Bill Gates meramalkan bahawa pasca COVID-19, perjalanan berkaitan dengan *business travel* dengan izin, atau perniagaan dunia akan menurun sebanyak 50%. Masa di pejabat pula dijangka dikurangkan sekurang-kurangnya 30%. Ini bermakna, *work from home* dengan izin, atau bekerja dari rumah akan menjadi satu kelaziman baru. Malah, apabila ditanya lagi beliau tidak menolak kemungkinan akan berlaku lagi pandemik dalam masa yang terdekat. Mungkin 20 tahun lagi, mungkin 30 tahun lagi. Jadi, apabila berlaku COVID 2021, 2022 atau 2023, itu adalah satu kemungkinan yang kita perlu bersedia untuk menghadapi. Virus COVID-19 tidak mengenal siapa mangsa. Tidak mengenal warna kulit, umur, agama apatah lagi kedudukan dan pangkat. Virus COVID-19 apabila bertemu ataupun menjangkiti rakyat marhaen ia tidak menyerang sungguh-sungguh, ia tidak maknanya menyerang dengan bersungguh ataupun maknanya ialah apabila bagi VIP ia akan bagi kelonggaran tidak akan diserang ataupun dikecualikan dari diserang. Itulah sunnatullah dan hukum alam. Adil pada semua tanpa memilih kasih.

Kita lihat kes bagaimana Presiden Donald Trump sendiri apabila dia sendiri tidak mengamalkan kelaziman baru, melakukan penjarakan dan mengamalkan pelitup muka,

telah dijangkiti COVID-19. Sehingga menyebabkan kandungan oksigennya menurun dalam sebanyak sekurang-kurangnya 2 kali. Sesungguhnya Allah itu Maha Adil Lagi Maha Mengetahui.

Kemelah ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar di atas pembentangan Belanjawan Johor 2021, bertemakan "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran". Bencana pandemik COVID-19 bukan hanya memberi kesan terhadap ekonomi, kesihatan dan kematian manusia malah akibat dari perintah berkurung hilang pekerjaan dan punca pendapatan telah menyebabkan meningkat tekanan emosi terhadap manusia. 2, 3 hari lepas kita lihat di Jepun, peningkatan yang begitu mendadak dalam bulan Oktober mereka yang membunuh diri dan jumlah itu adalah tertinggi sejak bulan Mei 2015. Maknanya di Jepun, kematian disebabkan oleh tekanan adalah lebih tinggi daripada kematian disebabkan oleh COVID-19.

Menurut statistik, di negara kita sejumlah 29,890 kes penceraian telah berlaku dalam tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Julai 2020 di seluruh negara. Johor mencatatkan kes penceraian yang kedua tertinggi iaitu sebanyak 3,354 setelah Selangor. Menurut Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah, Datuk Dr. Muhammad Naim Mokhtar, kerapuhan institusi keluarga adalah punca kepada bilangan kes penceraian yang tinggi. Apabila kita membicarakan tentang ketahanan, maka antara perkara yang paling penting di dalam menghadapi bencana COVID-19 adalah ketahanan mental.

Beberapa rakan ADUN telah pun menyentuh perkara ini dan YB EXCO Kesihatan juga telah memberi jawapan inisiatif yang telah dibuat pagi tadi. Saya menyarankan agar semua agensi utama bekerjasama dan kerajaan negeri memberi peruntukan yang bersesuaian untuk melihat perkara ini agar isu ketahanan mental menghadapi pelbagai cabaran yang ada ini dapat ditangani dengan baik.

Yang Berhormat Puan Speaker, Kemelah ingin menyentuh berkaitan dengan pemulihan ekonomi Johor pasca COVID-19, rancangan dan pembangunan ekonomi bukan hanya mesti mampan ia juga harus seimbang dan adil kepada semua. Adil bukan bererti membawa maksud sama rata tapi memberi hak kepada yang berhak, menerima dan tidak menzalimi mana-mana pihak yang lain. Kemelah berpandangan pembangunan wilayah-wilayah amat baik dari segi perancangan. Malangnya ia masih lemah di dalam pelaksanaan. Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan Daerah begitu baik jika kita membacanya. Namun Kemelah berpandangan ia masih jauh menepati sasaran di dalam pelaksanaan.

Belanjawan tahunan negeri dan peruntukan dari persekutuan seharusnya mengukur pelaksanaan rancangan-rancangan tersebut, secara saksama antara wilayah agar tiada wilayah dan daerah yang terpinggir. Kemelah ingin membawa beberapa data berkaitan dengan ketidakseimbangan antara wilayah. Sebagai contohnya kita lihat membuat perbandingan pendapatan kasar bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru apabila digabungkan dengan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri yang berada di wilayah Selatan dengan dibandingkan dengan 2 Majlis Daerah, Majlis Daerah Labis dan Majlis Perbandaran Segamat.

Pada tahun 2016 bezanya ialah sebanyak 14 kali ganda, maknanya ialah Wilayah Selatan, Majlis Bandaraya di sebelah Selatan adalah 14 kali ganda pendapatannya berbanding dengan di dalam daerah Segamat. Dalam 2017 ia adalah 54 kali ganda, jadi saya Kemelah mengharapkan bahawa perkara yang sebegini penting perlu dilihat agar jurang tidak begitu jauh antara pembangunan wilayah. Akibat dari pembangunan yang tidak seimbang ini kita lihat penghijrahan dan pertumbuhan pendudukan berlaku ke kawasan yang pesat membangun seperti di Wilayah Iskandar dan Pengerang.

Pembangunan Johor bersekitar Wilayah Iskandar Malaysia telah menyebabkan peningkatan penduduk di Wilayah Iskandar pada tahun 2013, 52% dari seluruh penduduk Johor berada di dalam kawasan Wilayah Iskandar. Dan pada tahun 2018 ia meningkat ke 57.6 %. Ini bermakna bahawa penghijrahan golongan muda dan belia berlaku ke kawasan-kawasan yang rancak pembangunannya meninggalkan daerah yang tidak rancak yang tidak dapat memberi peluang pekerjaan yang baik. Jadi sekali lagi Kemelah menyeru kerajaan negeri untuk memastikan keseimbangan dalam pembangunan di antara wilayah.

Yang Berhormat Puan Speaker, Kemelah ingin menyentuh berkaitan dengan Digital Johor dan pembangunan ekonomi gelombang kedua melalui ekonomi digital. Jurang pembangunan ekonomi antara wilayah akan dimangkin oleh jurang digital atau *digital divide,* dengan izin. Kemelah mencadang agar penanda aras dalam keadaan data asas *based line data* dengan izin, disediakan di samping perancangan menaik taraf dalam tempoh tertentu, dalam bentuk peta yang mudah difahami oleh orang ramai. Setakat ini antara maklumat peta visual yang memaparkan ketersambungan ke Internet atau *Internet connectivity* PBT adalah laman NPER.COM yang memberi gambaran litupan ataupun *coverage* dengan izin dan kelajuan Internet. Kita boleh lihatnya khusus untuk negeri Johor. Dalam peta visual yang diperolehi menunjukkan litupan selain Unifi 4G dan 4G *Plus* tertumpu di jajaran lebuh raya PLUS Utara – Selatan dan jalan-jalan utama seluruh Johor.

Data tersebut yang dikemas kini sehingga 27 November 2020 dapat kita lihat melalui laman tersebut. Paparan peta visual juga ditunjukkan bagi litupan dan kelajuan *cellular* yang disediakan YES 4G, Celcom Digi, Maxis Mobile, U-Mobile. Jadi memang daripada peta visual kita akan dapati bahawa kawasan-kawasan luar bandar memang terpinggir dari segi data ketrangkuman dan kesediaan Internet.

Selain dari infrastruktur digital kandungan dan perkhidmatan digital juga amat penting sama ada bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan juga untuk e-Perdagangan. Kos pelesenan amat tinggi bagi perisian komersial, Kemelah mencadang agar kerajaan dan agensi mula menerokai perisian sumber terbuka atau *open source* sebagai alternatif bagi menjimatkan kos perolehan dan juga kos penyelenggaraan.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Speaker, Kemelah ingin menyentuh secara khusus berkaitan dengan pembangunan daerah Segamat. Sejak Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-14 Kemelah telah membangkitkan isu infrastruktur asas termasuk bekalan kuasa elektrik di Zon Industri Pelabuhan Darat Segamat. Ini adalah untuk memberi peluang pelaburan di daerah Segamat lalu mengujudkan peluang-peluang pekerjaan di sana.

Pada awal sesi Dewan, Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Utiliti ketika itu telah memaklum bahawa TNB akan melaksanakan pembinaan sebuah PPU baru dalam jangkaan tempoh siap 24 bulan iaitu akan siap pada tahun 2021. Malangnya ia ditunda ke 2022 dan apabila Kemelah bertanyakan dalam bulan September, menurut YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur dalam Sidang Dewan iaitu projek *Mobile* PPU di Pelabuhan Darat Segamat bakal siap pada penghujung bulan September.

Dan apabila Kemelah membuat susulan kepada pihak TNB, pihak TNB memaklum bahawa projek itu dijangka siap *commissioning* dengan izin pada 17 November. Malangnya selepas 17 November dan susulan Kemelah pada TNB, pihak TNB terus sunyi tanpa jawapan. Kemelah mengharapkan perkara ini diambil secara serius untuk memberi peluang-peluang baru, peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang tinggal di dalam daerah Segamat.

Yang Berhormat Puan Speaker, Kemelah ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar yang telah meningkatkan peruntukan ADUN

Pembangkang. Namun berdasar pengalaman sebagai ADUN Kerajaan sebelum ini peruntukan ini bukan mudah untuk diguna pakai kerana ia terikat dengan pelbagai peraturan dan sebagainya.

Sebagai contohnya apabila ingin Kemelah melaksanakan satu inisiatif iaitu projek perintis menggunakan tuai hujan bagi mengganti air terawat, mengepam tandas-tandas di salah satu masjid di dalam DUN Kemelah. Melalui peruntukan yang ada pada masa itu Kemelah menghadapi masalah kerana kontraktor yang dilantik itu tidak faham, tidak tahu tentang projek tersebut. Jadi Kemelah sendiri terpaksa turun beberapa kali bincang dengan kontraktor, berdasarkan pengalaman Kemelah melaksana projek itu di rumah sendiri, bagaimana projek itu patut dilaksanakan. Jadi ini adalah projek perintis yang Kemelah harap jika ia berjaya kita boleh laksanakan di masjid-masjid lain. Tidak guna kita mengguna air terawat hanya untuk mengepam tandas-tandas di masjid.

Seterusnya Kemelah ingin menyentuh berkaitan dengan isu pelaksanaan projek-projek di bawah Belanjawan Johor 2021. Antara cabaran utama pelaksanaan Belanjawan Johor 2021 adalah kecekapan dan ketersediaan pegawai-pegawai kerajaan negeri sama ada di peringkat agensi atau daerah bertindak balas dengan baik terhadap pelaksanaan insentif dan projek yang bakal di laksana. Cabaran bagi pegawai kerajaan negeri adalah pertukaran yang kerap berlaku dalam satu tempoh yang singkat memegang jawatan. 6 bulan baru nak faham isu dan 6 bulan lepas tu dah ditukarkan ke jabatan lain. Jadi ini adalah satu cabaran yang besar.

Oleh itu Kemelah amat mengalu-alukan inisiatif di bawah kerajaan negeri, di bawah Agenda *Governance* Johor untuk mengujudkan Penubuhan Akademik Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor. Di dalam masa yang singkat ini sebelum Kemelah menutup ucapan perbahasan Kemelah, Kemelah ingin sama-sama kita merenung kata-kata Barack Obama dalam suratnya yang ditinggalkan kepada Donald Trump semasa peralihan Presiden ke-44 ke Presiden ke-45.

Dengan izin sebahagian daripada suratnya berbunyi, *"Sir, we are just temporary occupants of this office. That makes us guardians of those democratic institutions and traditions, like rule of law, separation of powers, equal protection and civil liberties. That our forebears fought and bled for, regardless of the push and pull of daily politics, its up to us to leave those instruments of our democracy at least as strong as we found them."*

Maka kita sebagai Wakil Rakyat seharusnya terus memastikan bahawa nilai-nilai demokrasi, suara rakyat akan terus terpelihara. Akhir kata sama-samalah kita menyahut seruan.(Ayat al-Quran). Berlumba-lumbalah dalam membuat kebajikan, dan Kemelah ingin mengakhiri dengan Wabillahitaufiqwalhidayah, Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Panti jemput.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Bismillahrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat petang, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terlebih dahulu patik merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1422 Hijrah.

Pertamanya tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hasni Muhammad, Menteri Besar Johor serta kepimpinan kerajaan negeri atas satu pembentangan Belanjawan Johor 2021 yang lebih baik. Diharapkan belanjawan ini dapat menutup kelompongan yang banyak sejak 2 tahun kebelakangan ini, di samping cabaran wabak COVID-19 yang meletakkan Johor

pada satu persimpangan dalam membuat keputusan besar bagi memastikan Johor berdaya tahan demi kemakmuran semua. Keduanya Panti mengambil peluang pada hari ini untuk sekian kalinya mengucap setinggi penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan yang tidak berhenti untuk membantu masyarakat dalam kita mendepani wabak COVID-19 hari ini.

Setinggi penghargaan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua Yang Berhormat EXCO serta kepimpinan penjawat awam Johor yang diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri yang sentiasa memikirkan cara dan kaedah terbaik membantu mereka yang terkesan khususnya di kawasan Panti. Sejak wabak melanda banyak inisiatif yang dilaksanakan sama ada melalui kami wakil rakyat, saluran kerajaan lain seperti pejabat daerah dan NGO seperti Majlis Belia dan sebagainya. Semua ini banyak membantu walaupun mungkin bantuan yang diberi sangat pelbagai dan kadang kala tidaklah banyak mana tetapi ianya sentiasa ada dan secara tidak langsung memberi semangat serta keyakinan rakyat tentang keprihatinan kerajaan terhadap rakyatnya.

Yang Berhormat Speaker, dalam perbahasan pada hari ini, Panti ingin menyentuh beberapa perkara yang mungkin boleh dijadikan sesuatu untuk difikirkan dan dilaksanakan. Perkara yang ada secara langsung dan tidak langsung berkait rapat dengan rakyat khususnya di Panti. Di dalam pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, agenda pertama yang dinyatakan dengan peruntukan besar sebanyak RM51 juta ialah agenda Johor Tani. Ini merupakan satu pendekatan berani dan ianya bukan sahaja perlu dilaksanakan di peringkat negeri malah ianya perlu diangkat dan dijadikan agenda di peringkat nasional. Salah satu komponen utama dan perlu penelitian khusus dalam agenda ini adalah Program Jaminan Bekalan Makanan. Pandemik hari ini telah mendedahkan rantaian bekalan makanan ini dalam keadaan terancam dan perlu diambil perhatian.

United Nation World Food Programme dengan izin, pada Julai 2020 memberi amaran bahawa sebanyak 265 juta orang seluruh dunia akan mengalami ancaman ketidakcukupan bekalan makanan pada akhir tahun ini. Angka ini adalah sebanyak 2 kali ganda sebelum wabak COVID-19 melanda. Maka, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, perlu menggembleng semua sumber bagi mengerakkan dan meningkatkan produksi makanan domestik dengan bantuan dan komponen teknologi baharu, teknologi pintar dan jaringan pertanian baharu. Itulah yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Khamis lepas yang memberi tumpuan kepada perkara ini. Sudah tiba masanya, kita negeri Johor mengurangkan kebergantungan kepada negeri lain dan negara luar dalam mendapatkan bekalan makanan.

Yang Berhormat Speaker, di bawah Agenda Johor Tani ini juga melalui pelbagai program termasuk Program Pemilikan Teknologi Mekanisasi atau Automasi, ianya bukan sahaja membantu dari segi peningkatan produktiviti hasil tanaman, malah satu pencapaian yang kita tunggu dan akan lihat adalah peningkatan penglibatan golongan orang muda dalam sektor pertanian. Sektor pertanian yang sebelum ini dilihat tidak seksi, tidak menarik akan dilihat sangat selari dengan *trend* dan orang muda tentunya akan lebih berminat. Ini satu usaha yang perlu kita sokong dan kita jayakan bersama.

Yang Berhormat Speaker, satu lagi agenda penting yang dibentangkan dalam belanjawan kali ini adalah tentang Johor Digital. Di dalam suasana pandemik hari ini semua maklum bahawa kegiatan ekonomi tidaklah selancar atau semudah sebelum ini. Kesan dari kegiatan ekonomi yang tersekat-sekat maka secara tidak langsung sumber pendapatan negeri juga tidak menentu. Ditambah dengan penutupan sempadan ke Singapura dan juga keadaan rakyat yang memerlukan bantuan contohnya rebat cukai dan lain-lain, menjadikan kerajaan tidak boleh berharap dengan sumber pendapatan yang konvensional. Maka Panti lihat, dengan tumpuan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang Johor Digital ini banyak peluang sebagai sumber baharu dan ekonomi baharu yang kerajaan dapat

dan perlu teroka. Cara hidup masyarakat waktu dan pasca COVID-19 sangat berbeza dan ianya mencipta gelombang baharu kepada semua jenis perniagaan dalam semua industri waktu ini. Model perniagaan *business to business*, transaksi antara satu peniaga dengan peniaga lain, *business to consumer*, transaksi yang biasa antara peniaga dan pengguna, *consumer to consumer*, transaksi antara pengguna dengan pengguna lain yang mungkin menawarkan perkhidmatan secara sambilan bagi menambah pendapatan pasti akan lebih relevan. Perniagaan yang berubah dan terpaksa berubah dalam memenuhi permintaan ini sudah tentu akan dapat bertahan malah memberi keuntungan yang berlipat ganda. Contohnya, kalau sebelum ini kita lihat keadaan penglibatan pengguna atau masyarakat tentang pembelian atas talian atau penggunaan perkhidmatan penghantaran makanan sangat rendah. Tetapi apabila berlakunya wabak, ianya sangat cepat berkembang dan memberi peluang ekonomi yang secara tidak langsung menyumbang kepada negeri dan negara. Ini contoh-contoh yang terjadi yang dapat kita lihat secara langsung pada hari ini.

Yang Berhormat Speaker, mengikut beberapa artikel yang ditulis di peringkat antarabangsa, sekurang-kurangnya ada 30 peluang perniagaan berpotensi baharu dan tinggi permintaan wujud dalam suasana pada hari ini. Antaranya dengan izin, *online games*, *virtual* atau *augmentedreality, telehealth, onlineretail, digital signature, cyber security video conferencing, on demand* dan *online entertainment* dan lain-lain. Dan semua ini, serta banyak lagi adalah terangkum dalam apa yang kerajaan bentangkan pada hari ini iaitu Agenda Johor Digital. Panti yakin dengan tumpuan yang diberi berkaitan Agenda Johor Digital ini, kerajaan negeri akan dapat merancakkan kegiatan ekonomi melalui perkara ini yang mana ini akan menggerakkan rantaian ekonomi itu sendiri dan secara langsung memberi penempatan yang konsisten serta dalam waktu jangka masa yang panjang. Kalau pada tahun 2018, *Malaysia Digital Economic Corporation* (MDEC) mensasarkan bahawa ekonomi digital akan menyumbang lebih dari 20% keluaran dalam negara kasar (KDNK), Panti yakin dengan suasana dan permintaan tinggi tentang ekonomi digital waktu ini, ianya akan lebih daripada itu.

Yang Berhormat Speaker, agenda yang Panti lihat mendapat maklum balas positif dari rakyat ialah agenda Johor Berkebajikan. Syabas kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas usaha ini, seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa membentangkan agenda ini ianya bukanlah yang terakhir. Sudah pasti akan diperbaharui dan ditambah baik dari masa ke semasa. Salah satu komponen dalam agenda ini adalah pemberian wang tunai *one-off* sebanyak RM100.00 kepada pelajar sekolah. Panti yakin ia sedikit sebanyak membantu dalam ibu bapa bersedia bagi penggal persekolahan tahun hadapan. Cuma mungkin perlu dilihat tentang bagaimana dapat membantu ibu bapa yang mempunyai kekangan dari segi peranti bagi sesi pembelajaran atas talian. Pembelajaran yang Panti rasa dalam masa ini dan mungkin akan datang adalah sebahagian besar dari proses pembelajaran di sekolah-sekolah. Contoh, Peranti adalah *laptop* dan telefon pintar dan mungkin mesin pencetak untuk mencetak bahan-bahan tugasan yang diberi oleh guru. Ianya mungkin tidak menimbulkan masalah jika bilangan anak hanya seorang atau dua orang. Tetapi, jika anak sehingga 5 atau 6 orang sememangnya akan menimbulkan masalah yang ketara. Dan hari ini, kalau kita baca dalam *online news portal FNP*, bawah tajuk *3 to learn but 5 sisters let down by one week data line*. Kita akan lebih faham apa yang Panti cuba sampaikan.

Perkara ini Panti lihat ada juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sama ada dalam perbahasan mahupun dalam sesi soal jawab lisan. Laporan media ada menerbitkan dapatan kajian Kementerian Pendidikan Malaysia yang menyatakan 37% daripada 4.7 juta pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negara, lebih kurang 1.7 juta tidak mempunyai peranti yang diperlukan. Angka ini tidak termasuk pelajar yang menuntut di matrikulasi atau IPT awam dan swasta. Ini satu angka yang besar dan perlu diberi perhatian serius. Maka, Panti ingin memberi cadangan selain daripada inisiatif yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat EXCO sebelum ini, Panti cadangkan kerjasama kerajaan dengan

swasta untuk pembelian peranti yang diperlukan secara mudah dengan rebat atau secara ansuran dilaksanakan.

Yang kedua, mungkin kita memberi kebenaran kepada mereka yang betul-betul susah, untuk datang ke sekolah mengikut SOP untuk menggunakan kemudahan di makmal komputer bagi sesi pembelajaran atas talian.

Yang Berhormat Speaker, agenda seterusnya yang Panti ingin sentuh adalah agenda Modal Insan. Banyak inisiatif yang dicadangkan di bawah agenda ini yang Panti rasa mampu untuk memastikan aspek modal insan di Johor dapat diurus dengan baik. Cuma pada hari ini, Panti ingin berkongsi secara ringkas satu cadangan yang dibuat untuk belanjawan persekutuan. Dan pada pandangan Panti, satu cadangan yang boleh difikirkan untuk disesuaikan dengan kita di Johor. Perlaksanaan cadangan ini bolehlah dilaksanakan melalui beberapa GLC di peringkat negeri. Cadangan tersebut adalah untuk melaksanakan Skim Jaminan Pekerjaan yakni, kerajaan membelanjakan sejumlah kewangan melalui beberapa GLC untuk mengambil lebihan bekalan buruh dan menggajikan mereka untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti membina ekonomi dalam masyarakat yang kita mahukan. Antara contoh yang diberi adalah dari sudut digitalisasi yang selari dengan perancangan kita pada hari ini. Berapa banyak data sebagai contoh, di jabatan seperti PTG, pejabat-pejabat daerah dan lain-lain yang masih menggunakan sistem pemfailan manual. Bayangkan dengan tenaga kerja untuk mendigitalisasi dokumen-dokumen tertentu bagi segi *indexing* atau mendigitalisasi peta dan sebagainya. Banyak lagi contoh yang diberi dan ada lagi maklumat yang boleh memberi penerangan tentang perkara ini. Cuma atas kesuntukan masa, Panti bersedia untuk bersama dengan pihak kerajaan melihat perkara ini dengan lebih mendalam jika diperlukan.

Yang Berhormat Speaker, agenda-agenda lain seperti Agenda Masyarakat Desa Johor juga adalah satu perkara yang sangat baik. Panti merasakan banyak manfaat untuk rakyat khususnya dari Panti dalam agenda ini kelak. Begitu juga dengan agenda *Majestic Johor*. Satu usaha yang tepat pada masanya waktu ini. Ketika sempadan tidak dibuka dan walaupun akan dibuka kelak, namun Panti percaya akan ada banyak proses yang perlu dilalui. Ini membuka satu ruang bagi produk pelancongan tempatan untuk maju dan berjaya. Panti mohon agar produk pelancongan di Panti antaranya seperti Air Terjun Kota Tinggi, Gunung Panti dan *Muntahak Raft Point Adventure* dan yang terkini mungkin tahun hadapan adalah Santuari Gajah. Ini memberi sumbangan pendapatan tambahan kepada penduduk Panti amnya dan perkampungan sekitar khususnya. Cuma di bawah agenda Johor Madani, Panti mohon agar Santuari Gajah ini dapat disempurnakan pada tahun hadapan tanpa ada penangguhan lagi. Isu keselamatan nyawa dan harta benda merupakan isu yang berkait rapat dengan Santuari Gajah ini.

Yang Berhormat Speaker, dalam kita merencana dan meneroka sumber baharu dan berpotensi hari ini, Panti percaya kerajaan juga mahu melihat semua lapisan masyarakat mendapat faedah dari sumber-sumber ini. Hari ini, waktu kita sedang bermula inilah masa terbaik untuk memastikan adanya perkara-perkara yang dapat melindungi kebajikan sama ada penggiat industri khususnya dan pengguna umumnya. Salah satu aspek ialah aspek perlaksanaan. Contoh yang perlu dilihat adalah dalam kita menjayakan usaha yang baik seperti Johor *e-Marketplace* dengan kerjasama *Shopee*. Selain *Shopee* mungkin kerajaan dapat mempertimbangkan untuk bekerjasama dengan pemain industri lain seperti *Grab* iaitu *Grab food, Grab Mart* atau *Food Panda* iaitu *Food Panda Delivery* dan *Food Panda Shop*. Cuma, Panti mohon untuk kita lihat agar ada pemantauan dibuat. Contohnya, kalau kita lihat kebajikan peniaga yang rata-rata adalah peniaga kecil mereka dikenakan caj sehingga 30% dari jualan dan ini membuatkan harga mereka akan berbeza jika dijual di atas talian untuk *delivery* berbanding harga dijual secara *offline*. Kadang-kadang ada rungutan yang Panti terima. Pemain industri ini juga mengadakan promosi yang memotong terus keuntungan yang mereka perolehi. Ini menyebabkan walaupun ada jualan di atas talian,

mereka terpaksa memberhentikan perkhidmatan kerana keuntungan yang tidak setimpal dengan usaha dan perniagaan yang mereka lakukan di atas talian. Akhirnya mereka terpaksa berbalik dan bergantung kepada jualan seperti sebelum ini secara *offline* tapi perniagaan secara biasa ini bergantung sepenuhnya dengan keadaan dan kebenaran untuk membuka gerai atau kedai yang tidak menentu seperti naik turun kes wabak COVID-19. Kalau ini terjadi, tidak mustahil daya tahan usahawan kecil ini akan menurun dan terpaksa menutup perniagaan mereka.

Contoh kedua adalah tentang perlaksanaan Johor Wifi 2.0. Ianya perlu dilihat untuk dua objektif. Yang pertamanya adalah sebagai satu kemudahan capaian Internet secara percuma dan kedua adalah sebagai kemudahan capaian Internet bagi kawasan yang sememangnya waktu ini tidak ada akses langsung atau akses yang sangat lemah. Sebagai contoh, di kawasan Panti sendiri iaitu di Kampung Orang Asli Sayong Pinang dan Panti yakin banyak lagi perkampungan lain di luar bandar yang mengalami masalah yang sama. Perkara ini berulang kali diajukan kepada pihak syarikat telekomunikasi tetapi tidak mendapat balasan dan reaksi sewajarnya. Mungkin tiada nilai komersial yang tinggi di kawasan tersebut. Maka intervensi kerajaan amatlah diperlukan waktu ini, sama ada perbincangan dengan syarikat telekomunikasi untuk meluaskan capaian di mana penduduk luar bandar ini bukanlah hendak perkhidmatan itu secara percuma, tetapi perkhidmatan dan sanggup membayarnya. Atau dengan inisiatif lain, inisiatif yang telah dicadangkan iaitu Johor Wifi inilah, tetapi ia perlulah memberi tumpuan dan keutamaan kepada kawasan-kawasan seperti ini. Perkara seterusnya dalam aspek pelaksanaan agenda-agenda ini ialah bagaimana isu pengurusan data dapat diatasi. Panti melihat setiap agenda ada memperkatakan tentang pengurusan dan pembangunan data dan ia sememangnya diakui sangat penting. Langkah pertama yang perlu dilakukan mungkin ada kolaborasi dan perkongsian data antara agensi negeri serta perkongsian data antara agensi kerajaan pusat dan negeri. Ianya perlu dilakukan secara tersusun dan jelas agar perkongsian ini dapat dibuat selengkapnya. Sebagai contoh, perkongsian data antara agensi pusat dan negeri, agensi pusat seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, dan mungkin daripada agensi negeri ialah PUJB. Data dan maklumat syarikat PKS sangat penting bagi negeri merencana atau melaksanakan apa-apa pun inisiatif yang akhirnya membantu usahawan itu sendiri. Cuma ketika ini, segala data tersebut perlulah dibeli dengan kos yang Panti rasa tidaklah murah. Mungkin ada inisiatif negeri dalam perkara ini yang membolehkan perkongsian data seperti ini dapat di buat dengan lebih mudah, dengan dan dengan kos yang minima.

Yang Berhormat Speaker, perkara terakhir yang Panti ingin sampaikan hari ini adalah berkaitan dengan GLC negeri. Panti percaya GLC negeri khususnya banyak telah membantu terutamanya pada waktu seperti hari ini. Banyak yang kita tahun GLC negeri mengeluarkan bantuan secara CSR seperti bantuan makanan, bantuan membaiki rumah, bantuan peralatan perniagaan dan sebagainya. Panti mengucapkan ribuan terima kasih dan atas, ribuan terima kasih atas segala usaha tersebut. Cuma Panti ingin memohon supaya untuk setiap bantuan yang diberi jika ada syarat agar dilonggarkan dan dari segi penyampaiannya mungkin boleh berhubung terus dengan kami wakil rakyat, atau mungkin melalui penghulu atau Pejabat Daerah bagi pelaksanaan apa jua program dan bantuan, sebab kadang-kadang Panti menerima banyak aduan tentang adanya bantuan yang lambat sampai ke pengetahuan mereka dan akhirnya mereka terlepas untuk membuat permohonan.

Yang Berhormat Speaker, kesimpulannya, Belanjawan 2021 yang dibentangkan perlulah disokong sepenuhnya walaupun dengan pelbagai rintangan dan perkara yang ada pada hari ini kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hasni berjaya membawa kepada kita satu perancang terbaik yang akhirnya memberi kesan positif kepada semua golongan. Semoga usaha ini diberkati oleh Allah SWT dan dipermudahkan untuk kita sama-sama laksanakan. Semoga dengan niat ikhlas kerajaan pada hari ini membantu rakyat, Allah SWT memakbulkan doa kita agar wabak COVID-19 yang diuji ke atas kita hari ini

dapat segera kita atasi, insya-Allah, sekian wabillahitaufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Panti. Yang Berhormat Serom, jemput.

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Bismillahirahmanirrahim. (Bacaan doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Puan Speaker, Serom ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Serom untuk turut sama dalam perbahasan Belanjawan Negeri Johor 2021 yang telah dibentangkan buat kali yang pertama di dalam sejarah Johor oleh seorang jurutera profesional, Yang Amat Berhormat Ir Datuk Haji Hasni Mohammad, Datuk Menteri Besar Johor pada 26 November yang lalu. Sebuah pelan pembentangan yang berlandaskan etika profesional, yang jujur dan ikhlas dengan pertimbangan yang seimbang di antara keperluan pembangunan negeri dan kebajikan rakyat pelbagai kaum keseluruhannya. Semoga prinsip ini terus kekal menjadi teras di dalam gaya kepimpinan Yang Amat Berhormat Ir Datuk dan menjadi contoh dan ikutan para jurutera profesional lain khususnya dan rakyat Johor amnya. Terlebih dahulu Serom sebelum meneruskan perbahasan, Serom dan rakyat seluruh kawasan Serom ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah sempena hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor yang ke 72 pada 22 November 2020 yang bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah yang lalu. Semoga Duli yang Maha Mulia Tuanku akan sentiasa dilimpahi keberkatan dan dilanjutkan usia untuk terus memerintah negeri Johor Darul Takzim dengan penuh adil dan saksama demi agama, bangsa Johor dan tanah air.

Yang Berhormat Puan Speaker, Serom juga ingin bersama menyedari bahawa seperti yang telah diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Ir Datuk Menteri Besar bahawa Belanjawan Johor 2020 ini telah dirangka di saat paling getir dan mencabar dengan pandemik COVID-19, dengan izin, telah menjadi satu igauan ngeri kepada seluruh umat manusia dengan terpaksa mengamalkan pelbagai norma-norma baru yang sangat mengesan gaya kehidupan sebelumnya. Pandemik COVID-19 yang bermula sekitar Februari 2020 yang lalu dengan sekelip mata telah merubah norma kehidupan kita, malah lebih teruk daripada itu telah menyebabkan segala struktur ekonomi negara, malah dunia amnya terpaksa sebahagiannya di susun semula, malah ada industri baru yang hendak dipulihkan seperti industri penerbangan negara, industri perladangan, malah industri pelancongan dan pelbagai industri strategik negara terpaksa di bina semula sepenuhnya.

Yang Amat Berhormat Ir Datuk dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri yang dimuliakan sekalian, pandemik COVID-19 ini belum ada tanda-tanda akan reda. Vaksin yang diusahakan masih di peringkat ujian klinikal, namun kita perlu terus berusaha untuk bangkit kembali dengan model ekonomi baru yang mungkin terpaksa beroperasi di dalam keadaan mesra COVID-19 kerana saya yakin kita semua memahami bahawa akal tak sekali datang, runding tak sekali tiba, peribahasa seorang jurutera yang percaya bahawa kerja atau usaha hanya dapat disempurnakan secara beransur-ansur dan ia tidak boleh diselesaikan secara sekali gus jika mahukan hasil yang berkualiti. Maka Serom ingin menyeru kepada seluruh bangsa Johor, baik pimpinan mahupun kita yang dipimpin dan rakyat keseluruhannya untuk terus berusaha melakukan yang terbaik. #kitajagakita, #kitabelummenang untuk Johor yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Yang Berhormat Puan Speaker, bagi memulakan perbahasan Johor 2021, Serom ingin menyorot kembali kata-kata Yang Amat Berhormat Ir Datuk bahawa pentadbiran beliau akan sentiasa bersifat realistik dan bertanggungjawab dan beliau menyeru semua Ahli Dewan yang mulia ini agar bersolidariti demi Johor yang sangat semua kita cintai. Inilah waktu katanya kita membuktikan bahawa ideologi yang berbeza, fahaman politik yang berlainan

dan pendidikan kita yang pelbagai tidak akan mengatasi cinta kita kepada negeri Johor Darul Takzim, maka Serom ingin menyeru kita Ahli-Ahli Dewan yang mulia menjadi sebuah pasukan dengan segala kekuatan yang ada untuk dimanfaatkan sebaiknya. Kerjasama pelbagai pihak khususnya pada ketika ini termasuk ADUN-ADUN kerajaan dan pembangkang sangat diperlukan untuk membangunkan kembali ekonomi Johor seperti yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Ir Datuk Menteri Besar, maka sebagai langkah permulaan kepada kejayaan pelbagai usaha ini Serom fikir sudah sampai masanya kita tinggalkan segala amalan lama, *style* lama pentadbiran dengan membawa kami Ahli-Ahli Dewan sebelah sini untuk terlibat sama dijemput sama di dalam mesyuarat bulanan Jawatankuasa Tindakan Daerah sepertimana seruan Ahli-Ahli Dewan rakan-rakan saya yang lain, saya percaya dengan kepakaran kami yang ada atau sekurang-kurangnya dibenarkan menghantar soalan setiap sebelum mesyuarat diadakan seperti yang dicadangkan oleh Tangkak. Seperti kata pepatah Melayu, jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya, maka Serom penuh yakin, kita yakin kisah-kisah kemajuan ekonomi, kesejahteraan rakyat negeri Johor akan dapat kita ulangi bersama sekali lagi sepertimana yang dihasratkan dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Serom seterusnya ingin membahaskan pelbagai strategi pemulihan ekonomi negeri yang dipacu tiga agenda yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Ir Datuk, Serom umumnya bersetuju dengan agenda bekalan, jaminan bekalan makanan negeri Johor yang telah sekian lama meletakkan Johor di antara, di antara pengeluar dan pembekal utama produk sektor pertanian dan industri makanan negara. Namun seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa *the right crops and the right products,* dengan izin menjadi perkara yang paling penting dan kritikal untuk ditentukan, maka dengan itu Serom ingin mencadangkan untuk Johor mengambil manfaat sepenuhnya dari kedudukan strategik negeri ini yang berada di antara dua perairan utama dunia iaitu Laut Cina Selatan dan Selat Melaka, seterusnya menerobos jauh ke laut luas yang sarat dengan pelbagai khazanah khususnya perikanan untuk kita menerokai satu industri baru iaitu industri perikanan laut dalam dan segala industri hiliran berkaitan sebagai sumber ekonomi baru. Serom maklum bahawa industri ini bukanlah industri yang mudah, dan ia memerlukan peruntukan yang sangat tinggi untuk diterokai. Namun seperti peribahasa tadi iaitu akal tak sekali datang, runding tak sekali tiba boleh diadaptasikan di dalam menjayakannya.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang dimuliakan, keseluruhan bekalan ikan sedia ada segar sedia ada di pasaran hari ini hanya 20% daripada sumber perikanan tepi pantai sahaja dan import. Manakala baki 80% sumber perikanan adalah dari laut dalam yang masih belum diterokai sepenuhnya. Ia adalah aset negara yang belum terusik sepenuhnya. Pelbagai peluang industri baru berkaitan yang memberi impak langsung juga kepada industri pertanian yang menjadi agenda kerajaan negeri. Pelbagai peluang tambah nilai dan pekerjaan baru yang berdaya maju dan bernilai tinggi seperti pengeluaran ikan baja, *fish meal, ship repair and maintenance, ship spare parts, freeze and seafood packaging, seafood transportation,* dengan izin dan banyak lagi industri hiliran yang boleh diterokai dengan meluasnya. Cadangan ini boleh dimulakan dengan pengeluaran lesen laut dalam kepada pelabur-pelabur untuk dianugerahkan kepada nelayan-nelayan tempatan terpilih. Pewartaan kawasan atau zon rancangan industri perikanan laut dalam dengan penglibatan jeti-jeti kerajaan atau swasta terpilih serta bidang kuasa, serta bidang kuasa dan penglibatan jelas di antara kerajaan persekutuan, negeri malah negara-negara yang terlibat.

Yang Berhormat Puan Speaker, Serom sangat menghargai hasrat Belanjawan 2021 yang telah menghargai komitmen para pesawah. Kawasan Periuk Nasi Selatan dengan memperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi program peningkatan hasil padi luar jelapang. Kawasan Serom sendiri mempunyai empat kawasan tanaman padi luar jelapang dengan keluasan hampir 600 hektar, namun isu-isu kualiti tanah yang agak berasid mungkin di bantu dengan bantuan teknologi boleh diperbaiki dan pastinya dengan khidmat pakar,

nasihat pakar-pakar pertanian negara. Di samping itu, bekalan, masalah bekalan air yang sering terganggu sedikit sebanyak boleh menjejaskan kadar pengeluaran setahun pengeluaran padi.

Yang Berhormat Puan Speaker, melalui Belanjawan 2020 dengan semangat untuk berdaya tahan demi kemakmuran, Serom dengan dikelilingi sungai di kiri, iaitu Sungai Muar dan kanan Sungai Kesang serta menghadap ke sungai, ke laut Selat Melaka, juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan hari ini yang telah mewartakan lima kawasan sebagai zon industri perikanan, termasuk kawasan Kesang Laut untuk ternakan kupang dengan peruntukan keseluruhan RM2.9 juta. Suka untuk Serom nyatakan untuk makluman Ahli-Ahli Dewan di sini bahawa hari ini kumpulan penyelidik dari beberapa universiti tempatan, termasuk Universiti Putra Malaysia, dari Jabatan Akuakultur dan beberapa penyelidik tempatan telah mengesahkan penemuan spesies tiram baru, *oyster* dengan izin, di sekitar Tanjung Agas dan Sungai Muar serta muara Sungai Kesang dari jenis tiram jenis tiram putih yang telah diberi nama saintifiknya sebagai *Crassostrea Saidi* Keunikan dan kewujudan telah lama, telah lebih awal dikenal pasti seperti yang telah dimaklumkan di dalam jurnal bercetak tahun 1858 lagi, maka Serom mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengiktiraf penemuan ini dengan turut menyediakan peruntukan dan sokongan kepada pengusaha-pengusaha *oyster* dengan izin ini agar dapat terus dipelihara supaya berterusan populasinya setelah lebih 100 tahun berada di Sungai Kesang dan seterusnya sebagai sumber ekonomi baru masyarakat setempat dan tarikan pelancong.

Yang Berhormat Puan Speaker, untuk yang seterusnya Serom ingin membawa perhatian hadirin yang di dalam Dewan yang mulia ini kepada agenda *Majestic Johor* seperti yang telah disentuh di dalam Belanjawan Johor 2021. Pandemik COVID-19 telah menjadi igauan negeri kepada industri pelancongan. Serom bersetuju dengan cadangan kerajaan Johor memperuntukkan peruntukan yang agak besar kepada sektor ini dengan pelbagai inisiatif termasuk penelitian semula Pelan Induk Pelancongan Johor 2014-2023. Namun, peribahasa Melayu seperti yang diutarakan kelmarin oleh Senggarang iaitu, umpan habis, ikan tak dapat, perlu menjadi ingatan kepada semua. Serom umumnya bersetuju untuk kerajaan membangun dan menaik taraf prasarana pelancongan di negeri Johor ini. Namun, ingin melahirkan kebimbangan kepada cadangan-cadangan kerajaan kerana mengikut pemerhatian Serom sendiri bahawa ada sebahagian daripada kemudahan yang dinyatakan telah agak usang dan seperti sangat jarang digunakan hatta sebelum PKP lagi. Ada yang nampak seperti telah agak lama terbiar. Maka dicadangkan untuk pihak kerajaan melaksanakan terlebih dahulu audit kepenggunaan, *demand and supply* dengan izin, kepada semua kemudahan yang disediakan di lokasi-lokasi yang dicadangkan terlebih dahulu sebelum sebarang kerja baik pulih atau bina baru dilaksanakan.

Di sebalik cadangan pembangunan infrastruktur yang akan dibangunkan dan di baik pulih, Serom ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk membangunkan prasarana pelancongan berdasarkan trend permintaan baru dan semasa masyarakat hari ini. Contohnya, seperti prasarana pelancongan sukan. Kita di Johor bertuah kerana memiliki pasukan *canoe polo* yang saya kira telah acap kali saya sebutkan di Dewan yang mulia ini yang bukan sahaja bergelar juara kebangsaan, malah pasukan yang mewakili Malaysia dalam sukan *canoe polo* ini juga rata-ratanya bangsa Johor juga bergelar di antara pasukan terbaik Asia malah dunia. Banyak permintaan dari pasukan-pasukan antarabangsa untuk datang berlatih di Malaysia kerana faktor cuaca yang konsisten dan rekod pencapaian pasukan kita namun, membatalkan hasrat kerana tiada kemudahan yang sesuai di sini. Maka Serom mencadangkan kepada kerajaan untuk melihat potensi pelancongan sukan ini sebagai di antara sumber ekonomi baru bagi negeri Johor. Bukan sahaja *canoe polo* malah banyak lagi sukan lain yang boleh difikirkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Serom seterusnya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas penyediaan peruntukan sebanyak RM9 juta bagi baik pulih dan penambahan

infrastruktur Sekolah Agama Johor dan sekolah agama bantuan kerajaan kerana Serom sangat memahami keadaan semasa sekolah-sekolah agama ini. Cadangan kerajaan negeri untuk membina 12 buah sekolah Fasa 6 bagi tempoh 5 tahun akan datang dengan anggaran sebanyak RM85 juta adalah suatu yang baik kepada pendidikan anak-anak masa depan. Namun, Serom ingin membangkitkan beberapa perkara yang Serom fikirkan sangat penting untuk dipertimbangkan iaitu mengenai isu skim perkhidmatan, skim gaji dan bilangan guru atau staf sokongan yang sedang berkhidmat di Sekolah Agama Johor berbanding dengan pelajar. Perlu Serom tegaskan di sini bahawa beberapa perkara asas yang perlu disediakan iaitu jumlah guru yang mencukupi, kemas kini skim perkhidmatan yang masih ramai berstatus kontrak, gaji KAFA hanya RM1,500.00 sebulan serta melihat semula faedah-faedah lain berdasarkan kelayakan sebagai guru tetap ataupun kontrak. Serom juga mohon pengesahan adakah nisbah bilangan guru atau staf sokongan kepada pelajar di ambil kira bagi setiap sekolah? Contoh yang Serom perhatikan, ada sebuah sekolah dengan 600 orang murid hanya mempunyai 12 orang guru dan daripada 12 orang guru ini 3 adalah guru tetap manakala 9 adalah guru kontrak. Nisbah ini iaitu 1:50 pelajar adalah merupakan suatu nisbah yang sangat tinggi berbanding dengan nisbah-nisbah lain sistem pendidikan. Maka Serom mohon semua perkara ini diperhalusi, diambil kira malah di naik taraf.

Yang Berhormat Puan Speaker, Serom juga ingin seterusnya membawa perhatian semua di Dewan yang mulia ini kepada lanjutan isu pendidikan kesan dari pelaksanaan PKP dan PKPB yang Serom kira telah acap kali juga dibangkitkan di Dewan yang mulia pada sidang kali ini. Serom ingin menyatakan kebimbangan kepada kaedah pembelajaran pelajar-pelajar sekolah sama ada peringkat rendah dan menengah hari ini kerana kebanyakannya bergantung sepenuhnya sama ada kepada *hand phone*, komputer, *tab*, TV dengan kemudahan Internet. Semuanya memerlukan peralatan yang secara langsung menidak hak-hak mereka yang tidak berkemampuan. Serom juga melahirkan kebimbangan mengenai kualiti akademik dan sosial yang pastinya akan terjejas tanpa mengira latar belakang keluarga sama ada datang dari B40, M40 atau T20 sendiri dengan izin khususnya jika pandemik COVID-19 ini berlanjutan untuk tempoh yang lebih lama. Maka Serom ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk melihat kepada pelbagai pilihan strategi dan sistem sokongan yang ada di dalam merangka mekanisme baru sistem pendidikan. Pelbagai kategori dan kaedah pembelajaran pelajar yang terangkum di dalam apa yang disebut sebagai *Student Learning Time* atau SLT dengan diselitkan pembelajaran secara *outdoor*, misalnya boleh dirangka. Sistem penilaian pelajar juga disusun semula agar lebih *flexible* dengan izin. Serom mencadangkan agar khidmat nasihat dari pakar-pakar pendidikan mengenai teknik-teknik baru pembelajaran perlu segera diusahakan. Mungkin boleh distrategikan seperti peribahasa, belayar sambil memapan, merapat sambil belayar. Di dalam kaedah ini jika boleh diusahakan agar sesekali melakukan pekerjaan dua tiga hasrat akan tercapai.

Yang Berhormat Puan Speaker, untuk perkara yang terakhir, Serom ingin menyentuh mengenai statistik pembukaan semula pasar malam, pasar tani, pasar pagi, bazar selepas PKP dan juga PKPB yang baru ini. Merujuk kepada penjelasan secara bertulis YB EXCO, pembukaan semula berkuat kuasa 15 Jun 2020 yang lalu dan waktu operasi adalah mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh PBT serta SOP oleh MKN. Mengikut statistik pembukaan pasar yang diberikan di kawasan-kawasan PBT, 2 PBT mencatat pembukaan hanya kepada pasar malam sahaja. Ini sangat-sangat mengejutkan. Iaitu, Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) dan Majlis Daerah Tangkak, namun, pembukaan pasar pagi, pasar sehari, bazar tidak dinyatakan bagi kedua-dua PBT ini. Serom menerima maklum balas dan rungutan yang amat sangat daripada para peniaga mengenai isu ini. Serom ingin mendapatkan penjelasan dari pihak kerajaan mengenai perkara ini kerana di saat kita cuba merangsang ekonomi dalam negeri, dan membantu para peniaga meneruskan perniagaan dan kehidupan yang telah terhenti sekian lama masih ada ramai peniaga-peniaga yang masih tidak dapat meneruskan perniagaan mereka. Di saat Johor

Bahru kembali kepada zon merah tempoh hari, perniagaan pasar pagi, bazar di daerah ini masih terus berjalan seperti biasa. Namun, daerah Tangkak terus tiada peniaga yang berniaga walaupun kumulatif kes COVID-19 sekitar 14 bilangan semasa berbanding di PBT-PBT yang lain. Serom mohon penjelasan mengenai isu ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebelum Serom mengakhiri perbahasan, Serom ingin menyentuh kepada beberapa isu semasa kawasan Serom. Isu pertama...

YB Timbalan Speaker : Masa sudah tidak diizinkan. Sila gulung.

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Baik. Serom gulung. Isu pertama ialah isu sering kali berkait saban tahun ialah isu banjir yang berulang-ulang kali berlaku. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Bentayan semalam, Serom khususnya kawasan seperti Tanjung Agas. Saya sambung sikit.

YB Timbalan Speaker : Satu minit.

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Seperti mana yang dibangkitkan oleh Bentayan semalam, Serom khususnya di kawasan seperti Tanjung Agas, Parit Bunga, Kesang, Tanjung Gading Barat turut berlaku banjir dan ramai penduduk yang terpaksa dipindahkan. Ia melibatkan kerugian harta benda yang bukan sedikit. Tambahan ia berlaku ketika semasa kita semua berada di dalam tempoh PKP. Kesusahan makin bertambah berat, ibarat jatuh ditimpa tangga. Di antara punca utama yang dikenal pasti ialah terus tertangguhnya projek RTB bagi pintasan AMJ sehingga hari ini. Isu ini telah berulang kali Serom bangkitkan di Dewan ini termasuk semasa lawatan Bukit Kepong sebagai MB yang turut disertai pegawai utama kerajaan. Namun, masih ada lagi masalah zaman kerajaan BN yang belum sempat di selesaikan oleh beliau walaupun Bukit Kepong sudah hilang jawatan sebagai Menteri Besar. Dan ia masih menjadi punca kepada berlakunya banjir di kawasan terlibat.

Punca kedua yang dikenal pasti ialah kedudukan paras semasa Lebuh AMJ yang turut berubah jauh daripada kedudukan asal selepas pembinaannya menyebabkan aliran air tidak dapat terus mengalir ke laut. Punca yang ketiga ialah didapati juga parit keliling yang panjangnya sekitar 25 kilometer tidak dapat diselenggara kerana tiada peruntukan. Mengikut semakan dengan pihak JPS, peruntukan hanya sebanyak RM500,000.00 diperlukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan ini. Maka Serom mohon tindakan segera pihak kerajaan untuk menyelesaikan isu-isu yang telah sekian lama hampir 30 tahun tidak diselesaikan dan menjadi ratapan masyarakat setempat setiap kali musim hujan.

Serom juga ingin menyentuh pelbagai projek pelebaran jambatan sekitar Bukit Gambir ke Serom yang telah dimaklumkan dalam Bajet 2020 yang lalu namun sehingga hari ini tiada tanda-tanda akan dilaksanakan. Penjelasan YB EXCO mengenai perkara ini amat diharapkan dengan kadar kemalangan di jambatan terbabit dipercayai terus meningkat dengan tertangguhnya projek tersebut.

Untuk yang terakhir, Serom ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan hari ini di atas kesediaan bekerjasama dengan badan-badan profesional bagi membuka ruang kepada penjawat-penjawat awam untuk memiliki nilai tambah dengan kelayakan profesional seperti *engineer, surveyor*, akauntan bertauliah. Kesediaan ini bakal menaik taraf kualiti sumber manusia khususnya *Johor Civil Service* dengan izin, dan semua rakyat Johor amnya. Serom juga ingin mengucapkan terima kasih di atas kerajaan untuk memanjangkan bantuan khas kewangan kepada semua guru KAFA dan petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Perling, jemput.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Terima kasih, tapi sebelum saya mula ucapan saya, saya cuma hendak tanya sikit dengan Puan Speaker, adakah waktu rehat kita ditunda ataupun apa?

YB Timbalan Speaker : Maksud tunda?

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Maksudnya tak ada waktu rehat untuk hari ini?

YB Timbalan Speaker : *Sorry?*

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Waktu rehat yang biasanya 3.30 itu dah dibatalkan macam mana?

YB Timbalan Speaker : Waktu rehat memang kita boleh nak, tak nak sediakan. Memang ada hak untuk tidak mempunyai waktu rehat.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Ok, ok, kalau tak saya kena minta maaf sebab saya takut ucapan saya nanti buatkan lebih ramai rakan-rakan kita tidur. Jadi saya mulakan ...

YB Timbalan Speaker : Jadi, pendekkanlah kalau boleh.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Kalau bolehlah saya pun harap. Ok. Saya mula ucapan saya terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang Perling untuk mengambil bahagian dalam perbahasan perbelanjaan 2021 ini. Saya ucapkan selamat dan sejahtera kepada semua.

Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan setinggi-tinggi tahniah dan ucapkan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertua Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November yang lepas.

Yang Berhormat Puan Speaker, mulai 17 November yang lalu dalam tempoh seminggu sekurang-kurangnya ada 5 banjir kilat dalam kawasan DUN Perling. Antara dalam catitan pejabat Perling adalah di Lingkaran Kampung Pasir, Kampung Pasir itu sendiri, Kampung Sri Jaya, Pengkalan Rinting dan Kampung Tuah Jaya. Dan ada juga air telah melimpah ke jalan raya di sebelah Hospital Sultanah Aminah, itu dekat Sungai Chat. Antara yang paling serius yang Perling ingin sebutkan dekat sini ialah pada 19 dan 20 hari bulan. Dua hari berturut-turut berlakunya banjir kilat di Kampung Pasir pada tahap pinggang, dekat Kampung Pasir dan Kampung Tuah Jaya pada tahap dada. Itu ialah ikatan tubuh badan saya. Kalau yang lebih tinggi mungkin tahap perut ataupun bawah perut. Jadi, masing-masing lebih kurang 25 buah rumah dan ...

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker, Peraturan 45, Bilangan (xiii), "Seseorang Ahli itu tidak boleh sesekali (a) Mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tidak baik kepada seseorang Ahli." Maksudnya tadi, paras pinggang, pinggang siapa, dada, dada siapa. Terima kasih Puan Speaker. (Dewan ketawa)

YB Timbalan Speaker : Sila jaga perkataan.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Saya buat penjelasan. Ini paras pinggang saya dan paras dada saya sendiri. Saya rasa boleh buat penjelasan. Ok. Saya teruskan nanti takut Speaker tak bagi saya cakap pulak. Ok, mana eh. Maklum kita semua tahu formula kejadian banjir kilat ini ialah air pasang dengan, dengan sangat tinggi dan hujan lebat. Ini

faktor yang kita tidak terkawal, tidak kawal, tidak dapat kawal tetapi yang mengecewakan kita sebenarnya kegagalan fungsi infrastruktur yang sedia untuk, untuk menebat banjir kilat berlaku. Jadi pejabat Perling difahamkan salah satu pintu air rosak dan mengakibatkan air dari sungai terus mengalir dengan banyak ke dalam kawasan kampung ketika air pasang tinggi. Walaupun pada hari JPS telah tungkus lumus membaiki pintu air tersebut selepas berlakunya banjir pada hari pertama tetapi tidak dapat menghalang banjir berlaku kali kedua, dua hari berturut-turut banjir kilat di kawasan yang sama.

Jadi Perling difahamkan bahawa RMK-12 akan ada pam air yang baru akan dipasangkan di pintu air tersebut. Di mana pam air ini mampu untuk mengatasi masalah sisa pepejal yang sering merosakkan pam air. Jadi Perling ingin mengambil kesempatan ini untuk mewakili orang kampung menyampaikan penghargaan terhadap pembaharuan sistem pam ini. Kalau lah pam yang disebutkan itu pam itu, pembaharuan pam itu adalah berautomatik dengan adanya *sensor* di mana kalau ketinggian air mencapai sesuatu tahap yang berbahaya, pam air itu akan terus hidup dan mengepam air ke sungai adalah lebih baik. Ini boleh mengatasi masalah di mana sering kali bila air naik sahaja kena pesan pegawai yang bertugas datang ke rumah pam untuk menghidupkan pam dan ada kalanya pegawai itu kalau dia terlewat mungkin menyebabkan air mula melimpah ke arah kampung.

Cuma dekat sini ada satu persoalan sebab sistem pembetung, penebatan banjir ini kena sering berfungsi terutamanya ketika air pasang tinggi dan mengapa ada pintu air yang rosak telah berlaku dan tidak dapat dikesan awal dan adakah, ini timbul persoalan adakah kerja-kerja penyelenggaraan atau dengan izin, *maintenance* dilakukan kerap atau mengikut jadual. Dan disebabkan kecuaian ini makalah, maka berlaku banjir yang paling serius sejak tahun 2006 di kawasan lingkaran Kampung Pasir ini. Sehubungan dengan ini, Perling ingin memohon kerajaan negeri supaya memberi pampasan kepada banjir kilat akibat daripada kecuaian teknikal ini.

Satu lagi masalah yang berkenaan dengan infrastruktur penebatan air berlaku juga di rumah-rumah sebelah dengan tali air Jalan Cempedak dan Jalan Sengkuang, Kampung Pasir yang mengalami banjir kilat ketika air pasang tinggi selama 3 hari berturut-turut. Di sini pula perlukan, kemungkinan perlukan satu tebing simen yang lebih tinggi untuk menghalang air daripada melimpah terutamanya pada air pasang. Jadi saya minta MBJB melihat dan mengkaji untuk keperluan ini. Saya, Perling meminta pihak JPS dengan MBJB dapat memastikan saliran ataupun sistem tebatan banjir dalam keadaan baik dalam lingkungan masa ini, sebab setiap hujung tahun dekat kawasan Johor Selatan terutamanya dalam kawasan kita ada satu air bah besar yang dia akan pasang dengan sangat tinggi. Jadi kebiasaannya dia akan melimpah dekat jalan raya dan sebab itu kita minta pihak-pihak berkenaan JPS, MBJB boleh memantau dan memastikan sistem itu berfungsi dengan baik.

Dekat sini juga timbul satu persoalan, kita sering tanya adakah penambakan laut di muara Sungai Skudai itu membawa impak kepada saliran air kita terutamanya dekat-dekat kawasan situ. Sebab penambakan itu sudah berlaku kesan-kesannya mungkin perlukan kajian dan perlukan infrastruktur yang baru untuk menampung aliran air daripada hulu dan saya juga, Perling juga ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini memandangkan jangkaan taburan hujan yang sangat lebat yang seperti pada tahun 2006. Tambahan dengan perubahan iklim yang ekstrim yang susah kita jangkakan dan apakah persediaan kerajaan jika berlakunya banjir?

Yang Berhormat Speaker, baru tadi saya sebut pasal sisa pepejal merosakkan pam air yang sering berlaku di dalam kawasan kita. Malah sampah juga menyebabkan, sebab utama saliran-saliran air tersekat, sumbat dan menghalang air mengalir dan selepas itu air lebih senang melimpah keluar dan banjir kilat berlaku. Jadi sisa pepejal ini juga menyebabkan pencemaran sungai, jika kita berpeluang untuk menaiki bot di Sungai Skudai, kita akan mendapati lautan sampah, lautan sampah yang bot sendiri itu pun susah untuk melintas.

Jadi ada yang kita, Perling tahu sampai perangkap sampah sendiri itu pun rosak akibat daripada sampah terlalu banyak dan walaupun kita ingin soalkan apa itu kekerapan penyelenggaraan perangkap sampah tersebut tapi pada waktu yang sama sebenarnya direkodkan bertan-tan sampah dilaporkan di loji pembersihan sampah dekat Sungai Skudai, Taman Tampoi Utama.

Jika kita tidak mengendali sisa pepejal daripada puncanya dengan lebih berkesan peningkatan kekerapan pembersihan saliran juga tidak membantu dari segi memastikan air mengalir dengan lancar sebab kita bersihkan dia akan sumbat lagi. Dan ini juga tidak akan membantu dalam terutamanya, dalam pencemaran sungai. Saya ambil contoh, dekat lingkaran Kampung Pasir, sekali lagi dekat Kampung Pasir di mana sebahagian besar tiada perkhidmatan lori masuk terus untuk mengambil sampah depan pintu dekat Kampung Pasir. Mereka sebahagian besarnya ialah pembayar cukai pintu tetapi tiada perkhidmatan sebegini dan biasalah manusia ada kalanya mereka dengan senangnya ambil sampah daripada dia lebih rela untuk membuang sampah dekat saliran yang depan atau pun dekat dengan rumah daripada membuangnya pada tempat perkumpulan sampah yang tertentu di kampung. Jadi, Perling juga ingin mengambil perhatian berkenaan ketiadaan perkhidmatan lori sampah di kawasan perindustrian yang juga dikatakan penyumbang kepada pembuangan sisa pepejal secara haram yang seterusnya menyebabkan pembakaran secara terbuka yang haram juga yang menyebabkan pencemaran udara kali ini. Jadi, sehubungan dengan itu Perling ingin kerajaan mengkaji semula perkhidmatan-perkhidmatan pengutipan sisa pepejal yang disebutkan di atas. Sememangnya sistem penguat kuasa yang lebih efisien diperlukan tetapi pada waktu yang sama tanpa pengurusan sampah dari punca juga akan mensia-siakan usaha kita menjaga kebersihan alam sekitar kita.

Yang Berhormat Speaker, Perling juga ingin mengambil kesempatan ini untuk berbincang pasal sedikit pasal kes denggi yang meningkat secara mendadak terutamanya pada tahun ini. Rata-rata memang akibat daripada cuaca tetapi angka ataupun yang isu-isu lain pernah disebutkan oleh rakan seDewan sebelum ini. Perling cuma ingin sentuh berkenaan ada punca ataupun tempat pembiakan Aedes sebenarnya berasal daripada rumah yang tinggal kawasan akibat penghuninya terkandas di Singapura. Mereka terpaksa kerja dekat Singapura dan rumah itu kosong dan mungkin air ataupun ada takungan air berlaku dekat situ. Jadi dekat sini Perling ingin minta kerjasama beberapa agensi antaranya KKM, PBT, selain daripada memantau dan mempenguatkuasa kita juga ingin mengambil, menyeru supaya semua pihak mengambil perhatian terhadap kes denggi ini. Waktu ini ialah rata-rata kita maklum COVID tapi denggi juga kalau kita tidak mengambil perhatian dia juga membawa padah kepada kita. Dan kalau tidak ini akan mensia-siakan usaha *team fogging* kita yang sudah pun tidak cukup tenaga kerja pada waktu kini.

Yang Berhormat Speaker, Perling, baru-baru ini Perling pun juga sering menerima aduan berkenaan dengan masalah yang wujud hasil daripada penutupan sempadan Johor Singapura. Bukannya sahaja impak terhadap ekonomi kita yang membuatkan bandar, sebahagian bandar raya Johor Bahru sunyi selepas penutupan sempadan malah ramai ahli keluarga warganegara yang terpaksa terpisah di antara dua sempadan ini. Di sini Perling ingin menyeru supaya kerajaan kita kena pertimbangkan kelonggaran terutamanya tempoh hari untuk kuarantin kepada orang yang memasuki negara kita daripada keadaan COVID-19 yang berisiko lebih rendah dengan memperkenalkan kaedah pengawasan lain ataupun seperti tertera dalam syarat-syarat PCA, salah satu cara untuk yang mengehadkan pergerakan dalam negeri Johor sahaja.

Satu lagi, Perling ingin mengambil perhatian adalah berkenaan kos kuarantin terhadap penganggur dari Singapura juga merupakan beban pada golongan ini. Maklumlah keluarga rakan-rakan kita ini telah menganggur, tiada pendapatan tetap malah ketika balik semula ke negara perlu bayar kos yang begitu tinggi untuk kuarantin sampai ramai warganegara yang mengeluh tidak berani pulang ke negara akibat daripada kos kuarantin ini. Jadi Perling

berharap kerajaan negeri dapat maklumkan keadaan kritikal ini kepada kerajaan pusat yang ada kalanya kelihatan kurang peka dalam konteks berlaku di antara sempadan ini.

Yang Berhormat Speaker, sememangnya terjamin, terjaminnya jaminan bekalan makanan ini boleh merendahkan kos sara hidup rakyat malahan boleh membawa hasil kepada negeri. Jadi mengikut satu kertas perbincangan daripada Khazanah Research Institute yang ditulis pada tahun 2019 oleh Jomo Kwame Sundaram dan Tan Zhai Gen bersama Jarud Romadan Khalidi yang bertajuk *Achieving Food Security For All Malaysians* dengan izin, telah memberikan 4 cadangan polisi dalam mencapai Jaminan Bekalan Makanan antaranya :

1. Mempertimbangkan komitmen Malaysia untuk memenuhi keperluan negara dengan izin, ini terjemahan daripada *Reconsider Malaysians Commitment To Achieving Rice Self Sufficiency*.

2. Pilihan polisi alternatif untuk memantapkan lagi jaminan bekalan makanan dan menambah baik kebajikan petani dengan izin, *Alternative Policy Options To Strengthen National Food Security And Improve Farmers Wellbeing.*

3. Mempelbagaikan aspek jaminan bekalan makanan untuk memastikan diet yang sihat dan pelbagai untuk semua. *Multifaceted Food Security Policy To Ensure Healthy Diversified Diets For All*, dengan izin.

4. Keselamatan makanan perlu mendapat pertimbangan polisi yang lebih. *Food Safety Should Get More Greater Policy Consideration,* dengan izin.

Saya bacakan kedua-dua bahasa sebab saya takut penterjemahan saya tidak tepat. Kalau kita meneliti dari keempat-empat cadangan polisi itu. Selain memenuhi keperluan bekalan makanan juga dia perlu menekankan dari segi keselamatan dan kualiti kesihatan makanan yang kurang dibincangkan dalam ucapan Menteri Besar yang melibatkan kajian dan penyelidikan. Saya ambil contoh, negara kita cuma mampu menghasilkan 4.0 tan per hektar padi kalau kita bandingkan jauh ketinggalan dengan negara jiran kita, Indonesia yang mampu menghasilkan 5.19 tan per hektar dan Vietnam sebanyak 5.82 tan per hektar padi. Jadi cuma dengan peningkatan kuantiti dan kualiti hasil pertanian barulah seterusnya, baru boleh meningkatkan hasil penebatan melalui penyelidikan tidak boleh dielakkan. Sehubungan itu, Perling juga, Perling ingin bertanya berapakah dana yang terlibat disalurkan untuk tujuan penyelidikan untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti pertanian dalam perbelanjaan ini?

Yang Berhormat Speaker, dalam perbahasan-perbahasan rakan seDewan juga membincangkan pasal hal Agenda Digital Johor, dari mana-mana aspek pun bekalan digital Johor mestilah berasaskan infrastruktur asas. Sekarang kira sebagai utiliti asas, adalah liputan dan kualiti perkhidmatan penyambungan digital dengan izin *digital connectivity*, kalau dengan bahasa yang mudah Internet. Sama ada melalui jalur lebar dalam talian tetap ataupun tanpa wayar, *wireless,* pantas dan murah. Namun sehingga kini bukannya semua kawasan dalam kawasan penduduk berkepadatan tinggi, mendapat liputan 4G. Kalau ikut laporan daripada MCMC, cuma 96.9% yang mendapat 4G sahaja, itu pun dalam kawasan yang berkepadatan tinggi. Dekat bandar Johor Bahru, bandar raya Johor Bahru sendiri pun ada kawasan yang belum ada jalur lebar yang, jalur lebar

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat, sila gulung.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Ok, ok, dengan talian yang ada. Jadi Perling juga ingin mengetahui sama ada JENDELA adalah rancangan yang menggantikan rancangan IOT sebelum ini ke? Ramai yang membincangkan IOT yang semakin hari semakin penting dalam perkembangan teknologi. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam dunia

IOT kini cenderung menggunakan satu *bandwidth* iaitu *narrow bandwidth* untuk menerima data daripada *sensor* yang berjarak jauh. Kalau dalam fahaman Perling adalah tidak perlu infrastruktur lebih, cuma syarikat perkhidmatan sendiri, Telco kena sediakan *bandwidth* yang khas untuk tujuan menerima dan menghantar data melalui *sensor* peralatan yang biasanya memasang dengan *sim card* ke peralatan paparan kita sama ada telefon bimbit atau komputer dengan saiz data yang terlibat sekali penghantaran amatlah kecil, cumanya dalam *byte*, bukannya *kilobyte* dan bukannya *megabyte*. Jauh lebih kecil daripada gambar yang kita hantar gambar dalam *Whatsapp*. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan *narrow bandwidth* amatlah diperlukan dan penting dalam perkembangan IOT ini dan yang sepatutnya murah. Kalau dekat negara China perkhidmatan ini cuma RMB10, lebih kurang RM6 untuk setahun untuk perkhidmatan ini dan Perling minta pihak kerajaan mengambil serius dalam *narrow bandwidth* untuk perkembangan IOT kita.

Jadi Yang Berhormat Speaker, Perling juga berpendapat pada ketika ini memberi fokus kepada sektor pertanian dan digital adalah tepat pada masa dan mesti disegerakan. Cuma sektor-sektor ini melibatkan terlalu banyak teknikal. Jadi Perling ingin bertanya beberapa soalan. Satu, bagaimanakah kerajaan pusat boleh memberi kerjasama atau komitmen dengan kerajaan negeri dalam membangunkan sektor-sektor ini? Hal ini kerana banyak isu teknikal misalnya pembinaan infrastruktur penyambungan digital Internet adalah bidang kuasa kerajaan pusat. Malahan ada juga bidang perundangan dari segi perundangan dan polisi juga dari segi pusat, dan macam penyelidikan juga kebanyakan adalah institut-institut pusat. Jadi macam mana kerjasama antara ini? Yang kedua.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat, sila beri peluang kepada YB yang *last,* jadi tamatkan perbahasan kamu.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Ok. Sehingga kini adakah apa laporan-laporan yang berkenaan untuk membangunkan sektor ini. Apakah *route map*, peta jalan atau sasaran yang ingin dicapaikan untuk perkembangan kemajuan dalam sektor-sektor yang disebutkan di atas. Kalau tiada apa-apa yang disebutkan, saya bimbang apa yang disebutkan Skudai berkenaan penyempurnaan epbt akan makan masa yang panjang untuk berlaku. Yang keempat, dalam ucapan MB juga menyebut fasal penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa atau badan-badan untuk membangunkan sektor-sektor ini. Jadi kita ingin tahu sesiapa yang adakah pakar daripada bidang-bidang tertentu yang memimpin badan-badan ini? Jadi Yang Berhormat Speaker, akhir sekali, ini betul-betul, akhir sekali saya ingin beri penghargaan dan kepujian kepada adanya bahasa isyarat dalam perbahasan MB itu. Ini satu saya rasa satu kemajuan dalam Dewan ini dan saya ambil, Perling juga ambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada *front liners* yang bertungkus-lumus dan kita tidak lupa juga kepada kakitangan-kakitangan kerajaan yang kerjasama dengan kita selama ini dan tidak lupa juga staf-staf Jurutulis yang bertungkus-lumus menyediakan verbatim untuk mesyuarat kita dijalankan lancar. Dengan ini sekian saja daripada Perling.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Maharani, jemput.

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam harapan, salam sayang Malaysiaku. (Bacaan doa). Maharani mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Johor 2021. Terlebih dahulu, patik merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020, bersamaan dengan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah.

Yang Berhormat Puan Speaker, Maharani ingin menyentuh sedikit tentang penegasan-penegasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar dalam ucapan Belanjawan 2021 ini, iaitu tiada kerajaan yang mampu memberikan segalanya kepada semuanya dengan sebanyaknya, tatkala berada di dalam himpitan yang luar biasa waktu ini, dan era kerajaan tahu semua telah pun terakhir. Ini sememangnya tepat, tetapi Maharani berpendapat, tidak sewajarnya dijadikan alasan bagi kerajaan untuk mengesampingkan aspek-aspek pemberdayaan ekonomi dan sosial. Ekonomi dan sosial rakyat yang begitu teruk terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik COVID-19 ini, malah tidak cukup mengatakan pelaksanaan dan keberkesanan belanjawan ini hanya bergantung kepada bila pandemik akan berakhir. Sepantas mana sempadan Johor akan dibuka dan sekerap mana Perintah Kawalan Pergerakan akan dilaksanakan. Tetapi yang lebih penting lagi ialah sejauh mana setiap bentuk bantuan ini mencapai golongan sasar yang benar-benar terhimpit oleh situasi pandemik ini. Bagaimana bantuan diagihkan agar sampai kepada tangan mereka yang memerlukan dan sejauh mana kerajaan serta agensi-agensi pelaksana, melaksanakan tanggungjawab dengan amanah agar bantuan diagihkan secara saksama tanpa mengira perbezaan ideologi politik rakyat.

Sesungguhnya sebagai kerajaan yang memimpin, tidak terlepas daripada amanah besar ini. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Zuhruf ayat 32, (bacaan ayat al-Quran). Yang bermaksud, “Apakah mereka yang membahagi-bahagikan rahmat Tuhanmu, kami telah menentukan antara mereka penghidupan mereka, dalam kehidupan dunia, dan kami telah meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain, beberapa darjat agar sebahagian mereka dapat mempergunakan sebahagian yang lain dan rahmat Tuhanmu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan.” Menginsafi maksud ayat ini, lebih-lebih lagi dalam suasana kita bergelut dengan kesan pandemik ini, sesungguhnya kekayaan negeri adalah tidak lain untuk membantu rakyat. Diagihkan kepada mereka secara saksama, bagi meringankan beban mereka, maka kerajaan tidak boleh berlindung di sebalik pelbagai alasan sebagai justifikasi dalam kelemahan agihan bantuan kepada rakyat. Penyerahan peruntukan bantuan modal, bantuan tunai, bakul makanan dan lain-lain harus dipastikan agihannya lebih sistematik dan menepati sasaran tanpa sebarang diskriminasi.

Yang Berhormat Puan Speaker, walaupun ucapan Belanjawan 2021 ini sarat dengan pelbagai peruntukan, bantuan, rangsangan-rangsangan, rangsangan-rangsangan ekonomi, insentif dan inisiatif bagi memacu semula kemampanan dan ketahanan ekonomi, malangnya terlalu sedikit peruntukan dan perhatian diberikan bagi menangani kesan-kesan sosial akibat krisis ekonomi dan kesihatan era pandemik ini. Belanjawan 2021 sewajarnya menekankan pembinaan semula masyarakat yang lebih holistik, bukan semata-mata kemakmuran ekonomi dalam kita menghadapi cabaran demi cabaran susulan penularan wabak COVID-19 dalam tempoh hampir setahun ini. Dengan rakyat yang hilang pekerjaan, hilang punca pendapatan, ibu bapa diuji dengan anak-anak tidak dapat ke sekolah, pembelajaran dan peperiksaan terganggu, peningkatan keganasan rumah tangga, peningkatan kes-kes bunuh diri, masalah kesihatan mental dan pelbagai lagi, usah kita terlepas pandang akan aspek-aspek nilai dan jati diri yang semakin terhakis kerana krisis pandemik ini.

Maharani ingin menarik perhatian kepada kata-kata hikmah daripada Sarjana Islam tersohor, Ibnu Sinar yang mengatakan, “Kegelisahan dan kebimbangan adalah separuh daripada penyakit, ketenangan adalah separuh daripada ubatnya dan kesabaran adalah awal dari kesembuhannya.” Kata-kata ini sangat bertepatan dengan situasi kita hari ini. Ketakutan, kepanikan dan kegelisahan yang keterlaluan dalam menghadapi krisis ini memberi kesan negatif dan boleh menjejaskan proses pemulihan dalam semua aspek sosial dan ekonomi. Kita semua dan kerajaan khususnya perlu bersikap lebih positif dan melihat hikmah-hikmah di sebalik setiap ujian yang melanda negeri dan rakyat negara ini, lalu memfokuskan segenap tenaga dan upaya kita mencari solusi yang tuntas untuk semua. Penularan pandemik COVID-19 ini sebenarnya membolehkan kita menilai semula segala perbuatan, mahupun dasar yang telah kita laksanakan dan kesempatan yang ada ini harus

digunakan untuk menghentikan kepincangan yang telah menjejaskan nilai dalam masyarakat. Kita seharusnya mencurahkan tenaga untuk membangunkan kerangka pemikiran politik, ekonomi, sosial baharu demi memastikan persekitaran kondusif untuk rakyat lebih berdaya saing. Ekonomi bermaruah serta melahirkan bangsa Johor yang bermartabat, cekal dan kaya jati diri.

Maharani menyeru kerajaan turut menilai keutamaan-keutamaan dalam pelaksanaan Belanjawan 2021 ini dengan menjadikan keutamaan bagi sesebuah kerajaan di dalam memastikan rakyat sentiasa diupayakan, bukan hanya dari sudut fizikal dan material semata-mata, sebaliknya rakyat harus diperkasakan dari sudut nilai, jati diri, daya saing, emosi dan sahsiah.

Yang Berhormat Puan Speaker, Ketua Saintis bagi *World Health Organization (WHO)* Dr. Soumya Swaminathan, saya harap sebutan saya betul telah mengatakan bahawa dunia memerlukan sehingga empat hingga lima tahun untuk betul-betul mengawal COVID-19. Manakala rata-rata pakar epidemiologi berpendapat COVID-19 ini akan masih bersama-sama kita sehingga akhir 2021 nanti. Maka penjarakan sosial dan segala SOP masih terus perlu diamalkan sehingga tempoh itu. Lantas kita tidak boleh menunggu sehingga pandemik ini berakhir beberapa tahun lagi untuk kita menyediakan negeri dan rakyat ke arah ketahanan sosial, emosi, *spiritual* dan jati diri. Mengharapkan pandemik ini akan segera berlalu dan kehidupan kita semua akan kembali normal seperti sedia kala adalah *delusional* dan akan membantutkan usaha-usaha perkembangan ke arah kesejahteraan rakyat. Dalam pada Belanjawan 2021 bertujuan untuk memangkin usaha membendung penularan COVID-19 dan menyerap impak sosioekonomi penularan wabak tersebut. Maharani menyeru kita berusaha melebarkan makna norma baharu,bukan sekadar mematuhi *Standard Operation Procedure* (SOP). Bahkan, norma baharu kita ialah berinovasi mencari pendekatan-pendekatan baharu dalam memperkasa dan mengupayakan rakyat agar lebih cekal menghadapi apa jua cabaran yang mendatang. Inilah cabaran intelektual sebenar kita di era norma baharu ini. Apakah *compass* intelektual yang telah kita sediakan bagi membina kemandirian serta keyakinan rakyat selain bantuan kewangan material dan fizikal bagi memastikan mereka tidak hanya bergantung harap kepada bantuan kerajaan semata-mata malah terus gigih meningkatkan produktiviti dan nilai diri dalam mendepani cabaran.

Kita sebut tentang *re-skilling*, *multi-skilling* dan *up-skilling* rakyat ini sepatutnya bukan sekadar *re-skilling hard skills* tetapi lebih penting ialah *soft skill* mereka. Sejauh mana mereka dapat menangani masalah dan krisis kehidupan dengan lebih positif, berkeyakinan dan berdikari.

Yang Berhormat Puan Speaker, krisis global akibat penularan wabak COVID-19 bukan sahaja menyebabkan pembelajaran dan pengajaran secara konvensional tertangguh. Bahkan, menjadikan tugasan guru semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan kebiasaan baharu yang memerlukan proses Pengajaran Dan Pembelajaran (PNP) dilaksanakan secara dalam talian. Pada saat inilah, kita melihat terdapat jurang besar dalam infrastruktur pendidikan kita dan suasana pembelajaran yang terhad selama ini. Kita lihat wujud kekangan pendidikan dalam talian seperti masalah capaian Internet, ketiadaan komputer atau telefon pintar tambah pula dengan sikap ibu bapa, murid dan pelajar sendiri memerlukan kerajaan dan kita semua menyemak semula cara untuk memastikan penyampaian ilmu itu tetap diteruskan.

Kita harus memperbaharui pendekatan kita dalam mendidik anak-anak tatkala kecelaruan pandemik ini. Tidak semestinya tiada komputer atau *laptop*, pembelajaran tidak boleh diteruskan dan tidak harus dijadikan halangan sebaliknya harus menjadi motivasi kepada ibu bapa pelajar dan guru bagi mencari alternatif pembelajaran yang lebih menarik. Misalnya, pelajar yang menghadapi masalah belajar secara dalam talian perlu diberi peluang berjumpa dengan guru di sekolah bagi mendapatkan ilmu secara bersemuka yang disifatkan lebih

mudah dan jelas supaya mereka tidak tercicir dalam proses pembelajaran. Proses belajar juga masih boleh berlaku di rumah tanpa bantuan digital seperti aktiviti kemahiran hidup, *motor skills,* membaca, mengajarkan adab dan nilai positif kepada anak. Semuanya bergantung kepada iltizam dan tekad kita untuk mencipta peluang dalam cabaran ini. Paling penting kita wajib memastikan pelajar tidak hilang semangat untuk menimba ilmu begitu juga guru tidak hilang semangat untuk menyampaikan ilmu.

Yang Berhormat Puan Speaker, Maharani mengambil perhatian akan bentuk-bentuk inisiatif yang bakal dilaksanakan menerusi teras pemerkasaan Syiar Islam masih bersifat fizikal dan material berbanding penghayatan nilai dan aspek pemerkasaan kerohanian rakyat tatkala dibelenggu pandemik ini. Dalam konteks norma baharu ini, pendekatan kita dalam mengimbangkan Syiar Islam ini juga harus diperbaharui melalui inovasi agar kekal relevan dalam situasi semasa. Dalam keadaan surau-surau dan masjid dihadkan bilangan jemaahnya dan kita tidak tahu sampai bila semua SOP ini perlu dikekalkan.

Maharani menggesa kerajaan negeri menilai semula cadangan penubuhan Briged Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWAJA), untuk masjid dan surau sebaliknya peruntukan RM300,000.00 itu, sebaik-baiknya diagihkan bagi membina *content* keagamaan dalam bentuk pendigitalan sumber-sumber ilmu agama seperti khutbah *online, e-book* keagamaan, pengajian al-Quran dan Hadis secara maya. Bila ramai yang tidak dapat ke masjid, pergerakan dihadkan dan kuliah-kuliah tidak dapat diadakan, inilah yang sewajarnya menjadi norma baharu kita. Berbanding penubuhan Briged ini, pengajian dan aktiviti masjid atau surau secara maya bukan hanya dapat memanfaatkan seramai 500 orang belia sahaja, malah lebih ramai lagi rakyat pelbagai golongan mendapat faedah daripada pelaburan ini. Sesungguhnya aktiviti keilmuan dan keagamaan tidak harus dipinggirkan dalam mengaplikasikan pelbagai norma baharu dalam aspek ibadah ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, Maharani menzahirkan kebimbangan akan komitmen Belanjawan 2021 kali ini yang tidak menyediakan dana khusus dalam aspek kesihatan mental. Dalam aspek kesejahteraan wanita dan keluarga apatah lagi di kala pandemik ini, aspek kesihatan mental tidak wajib dikesampingkan memandangkan pelbagai cabaran serta tekanan hidup semasa telah menjejaskan tahap kesihatan mental dalam masyarakat. Kira-kira 60% daripada warga Malaysia dikhuatiri menghadapi masalah kesihatan mental susulan kegetiran suasana pandemik. Maka, kerajaan negeri wajar memberi perhatian dan peruntukan khusus kepada aspek ini sejajar dengan Pelan Strategik Kesihatan Mental Nasional 2019 hingga 2025 yang merangkumkan peruntukan berkaitan. Maharani mencadangkan kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JPKTD), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama hospital-hospital setiap daerah mempergiatkan saringan kesihatan mental khususnya di kalangan wanita di setiap daerah bagi mengesan masalah kesihatan mental di peringkat awal serta memupuk kesedaran mengenai kepentingan kesejahteraan minda selain membanteras stigma terhadap kesihatan mental. Jalinan kerjasama strategik antara agensi-agensi kerajaan bersama-sama NGO-NGO wanita serta komuniti wanita akar umbi di setiap daerah juga harus ditingkatkan dengan peruntukan kewangan khas bagi menangani cabaran kesihatan mental di kalangan wanita bandar dan luar bandar. Kerajaan negeri tidak harus menekankan semata-mata pembangunan dari aspek fizikal, malah, Pakej Rangsangan Pembangunan Ekonomi juga wajar diperkenalkan bagi membina masyarakat berdaya saing dan harmoni melalui penyediaan dan pembentukan komuniti yang selesa serta persekitaran kehidupan yang kondusif.

Yang Berhormat Puan Speaker, Maharani menyeru kerajaan meneliti semula kompas intelektual bagi menangani cabaran COVID-19 iaitu pentingnya kita bersiap siaga, bersedia untuk melakukan inovasi serta terbuka menerima idea mahupun pendekatan baharu apabila berhadapan dengan krisis. Sesungguhnya, krisis yang sedang kita hadapi ini bukanlah krisis konvensional, sebaliknya ini ialah peperangan dengan musuh yang tidak kelihatan.

Bukannya defisit belanjawan sahaja yang harus kita fokuskan, tetapi lebih merisaukan ialah definisi nilai jati diri, kemandirian dan harga diri di kalangan rakyat daripada segenap lapisan yang memerlukan perhatian segera dalam pelaksanaan semua aspek Belanjawan 2021 ini.

Dalam peringkat mana pun, setiap dari kita adalah pemimpin, amanah rakyat ini junjung tidak boleh dianggap remeh sebaliknya setiap perbuatan dan tindakan setiap sen daripada wang hasil negeri dan rakyat dibelanjakan akan dipertanggungjawabkan ke atas setiap daripada kita. Maka, wajiblah bagi kita melunaskan tanggungjawab ini dengan jujur, amanah, telus dan berintegriti.

Sebagai mengakhiri ucapan saya, saya akhiri dengan dua rangkap pantun. Yang pertama ini, saya mohon meminjam sedikit pembayangnya daripada pantun YB ADUN Penawar tempoh hari. Duduk bertimpuh membuat lencana, minum bersembang berteman si nyonya, gerangan siapa punya kerja, rumah yang elok ditebuk atapnya. Untuk apa daunnya lebat, kalau buah dimakan ubat, apa erti bersahabat, bila di belakang buat khianat. Semoga kita semua terus bekerja menawarkan khidmat terbaik dengan harmoni demi kesejahteraan rakyat negeri Johor khususnya. Wabillahitaufik walhidayah. Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 2 Disember 2020, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5.15 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2021)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KELIMA	RABU, 02 DISEMBER 2020	BIL. 10 TAHUN 14

HADIR
YB Speaker,
Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)
Datuk Haji Hasni bin Mohammad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur
Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan
Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia
Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna
Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP., SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Alhamdulillah, kita sudah berada hari yang kelima Mesyuarat Ketiga Belanjawan 2021 Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu, jemput.

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 1.

Memandangkan kini kerajaan melaksanakan PKPB, apakah usaha atau cadangan kerajaan untuk membantu mereka yang terpaksa pergi kerja tetapi anak-anak muda tidak dapat dihantar ke taska dan tadika?

YB Speaker : Yang Berhormat Maharani, jemput.

YB Puan Hajah Nor Hayati bin Bachok (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

Apakah tindakan kerajaan negeri dalam membantu ibu bapa yang terkesan dengan pengumuman mendadak penutupan melibatkan penutupan institusi pengajian tinggi, sekolah, tadika dan taska menyebabkan ibu bapa tidak?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Makmur Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bukit Batu dan terima kasih Yang Berhormat Maharani.

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab bersekali kerana persoalan yang sama berkaitan dengan taska.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak kerajaan mengambil maklum permasalahan yang dihadapi oleh ibu bapa penjaga yang perlu keluar bekerja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membuat perbincangan dengan Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara berkaitan isu ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab dengan pengoperasian taska seperti termaktub di bawah peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984. Bagi menangani masalah yang dihadapi oleh ibu bapa penjaga, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah mengeluarkan surat edaran kebenaran

pengoperasian taska dan pusat jagaan harian berdaftar bagi kawasan PKPB rujukan MKN/KK/500/0239 Jld. 27(6) bertarikh 9 November 2020. Surat pengoperasian tersebut telah diedarkan kepada semua taska dan pusat jagaan harian yang berdaftar di negeri Johor.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah memutuskan supaya taska dan pusat jagaan harian yang menjaga anak-anak ahli keluarga *front liners* dan ibu bapa yang perlu keluarga bekerja dalam tempoh PKPB adalah dibenarkan beroperasi dengan syarat :

1. Taska hendaklah sah tempoh pendaftaran dengan JKM.

2. Sentiasa mematuhi SOP PKP Pemulihan iaitu garis panduan pencegahan penularan COVID-19 pasca PKP bagi keselamatan warga taska dan sektor penjagaan sosial yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

3. Mendapat kebenaran daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dengan menggunakan borang yang ditetapkan.

4. Surat pengesahan dari majikan ibu bapa atau penjaga untuk bekerja di pejabat atau luar.

Seterusnya, pengusaha taska dan pengendali pusat jagaan harian hendaklah mengisi borang permohonan kebenaran pengoperasian taska dan pusat jagaan berdaftar dalam tempoh PKPB selaras Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke Pejabat Kebajikan Daerah untuk semakan dan mendapatkan ulasan dari Pegawai Kebajikan Daerah. Antara dokumen yang perlu disertakan ialah Sijil Perakuan Pendaftaran Taska, surat pengesahan daripada majikan atau penjaga untuk arahan bekerja di pejabat dan senarai nama kanak-kanak yang akan hadir ke taska disebabkan masalah penjagaan kerana ibu bapa diarahkan untuk bekerja. Borang yang telah disemak akan dihantar ke Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri untuk kelulusan. Di peringkat ibu pejabat JKM Negeri Johor melalui Bahagian Kanak-Kanak dan Bahagian Penguatkuasaan akan menyemak sama ada taska dan pusat jagaan masih dalam tempoh perakuan pendaftaran atau telah tamat tempoh. Sekiranya semua dokumen adalah lengkap dan taska masih sah tempoh pendaftaran, kelulusan adalah mengikut tarikh yang telah dipohon oleh pengusaha taska atau pengendali pusat jagaan atau pada hari berikutnya dari tempoh permohonan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 19 November 2020 iaitu hari terakhir untuk tempoh PKPB, JKM telah meluluskan 168 buah taska yang melibatkan 3,487 orang kanak-kanak dan 105 pusat jagaan harian yang melibatkan 2,098 orang kanak-kanak.

Manakala bagi tadika swasta pula, ia adalah tertakluk kepada bidang kuasa di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Dan saya dimaklumkan pada ketika PKPB, tiada tadika yang beroperasi. Namun pada ketika ini, negeri Johor telah tamat daripada tempoh PKPB kecuali bagi daerah-daerah yang diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negeri. Justeru, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri Johor di bawah Unit Pendidikan Swasta telah memaklumkan kepada semua pengusaha tadika untuk beroperasi seperti biasa mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh MKN.

Selain daripada itu untuk makluman Yang Berhormat, bagi taska dan tabika di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Masyarakat pada ketika ini, hanya taska sahaja yang dibenarkan untuk beroperasi iaitu melibatkan 56 buah taska dan bagi tabika pula, ia tidak beroperasi. Manakala bagi tadika perpaduan, ia adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara. Dan Tadika Agama Johor atau TAJ adalah di bawah seliaan Bahagian Pendidikan Islam Agama Negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Bukit Batu.

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Tuan Speaker. Seperti yang dijawab oleh Yang Berhormat EXCO, salah satu faktor penglibatan kaum wanita dalam sektor tenaga kerja kita ialah kebimbangan mereka, anak-anak mereka tidak dapat dijaga dan kekurangan taska dan tadika di Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan kepada Jabatan Perangkaan 2019, terdapat hampir 500,000 kaum wanita yang terlibat dalam sektor tenaga kerja di Johor. Tetapi berdasarkan kepada *labour force participation rate* ataupun kadar penglibatan tenaga kerja di Johor, penglibatan kaum wanita ialah 56.5%. Ini jauh lebih rendah daripada kadar lelaki iaitu 82.6%.

Maka soalan saya yang relevan, bukan sahaja masa PKPB malah pada semua masa, adalah apakah usaha yang telah dibuat oleh kerajaan ini untuk meningkatkan penglibatan kaum wanita dalam sektor tenaga kerja di Johor dan apakah usaha yang bakal dibuat untuk meningkatkan penglibatan mereka? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya rasa soalan ini ialah berkaitan dengan taska. Jadi untuk makluman Yang Berhormat bahawa pekerja, petugas-petugas taska ini ialah berdasarkan kepada permohonan. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tidak ada data untuk berapa ramai sebab ini adalah berkaitan dengan petugas taska sahaja. Terima kasih.

YB Speaker : Apa usaha Yang Berhormat? Bukannya bilangan. Apa usaha yang hendak dilaksanakan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Usaha-usaha yang kita telah buat adalah seperti yang semalam telah saya maklumkan bahawa di bawah YPKDT juga ada terdapat pelbagai program-program yang, apa tu kita telah lakukan dan terpulang kepada mereka-mereka untuk menjalankan khasnya bagi projek-projek penambahan pendapatan. Jadi, saya rasa sekiranya mereka-mereka yang berminat untuk menjalankan projek penambahan pendapatan, saya rasa itu di bawah bidang kuasa saya dan boleh juga mendaftar kepada YPKDT di mana kita boleh menggalakkan lebih banyak lagi usahawan-usahawan tempatan yang ada di negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Maharani jemput.

YB Puan Hajah Nor Hayati bin Bachok (Maharani) : Terima kasih kepada Tuan Speaker dan EXCO. Jika ditakdirkan PKPB diumumkan kembali di negeri Johor dengan situasi hari ini, apakah tindakan kerajaan negeri untuk memastikan situasi *last minute* dan kelam kabut tidak berulang setiap kali krisis ini timbul? Apakah tahap kesiapsiagaan kerajaan supaya tidak menambah beban kepada ibu bapa dan anak-anak yang terjejas ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Jawapannya ialah walaupun PKPB akan berulang di masa-masa akan datang, kami masih tetap menunggu arahan daripada pihak Kementerian kebenaran untuk membuka taska sebab ini ialah melibatkan kanak-kanak. Jadi, kita akan

sentiasa bersedia sekiranya mendapat arahan untuk dibuka taska, kita akan terus buka sepertimana yang telah kita lakukan sebelum ini.

YB Speaker : Soalan seterusnya. Yang Berhormat Parit Raja jemput.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 3.

Mohon dinyatakan inisiatif pihak kerajaan dalam menyelesaikan isu jaringan Internet yang tidak stabil di kawasan luar bandar/pedalaman negeri Johor?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Parit Raja.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat di negeri Johor menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman negeri Johor.

Di bawah Pelan Jalinan Digital Negara iaitu JENDELA yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Ogos 2020 yang lalu, bagi perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G, sejumlah 185 lokasi baru akan dibina di negeri Johor secara berperingkat. Dari jumlah itu, yang mana sebanyak 66 lokasi baru telah siap setakat bulan Oktober 2020. Manakala sebanyak 2,660 alat pemancar komunikasi sedia ada akan di naik taraf kepada teknologi 4G. Dari jumlah tersebut, sebanyak 2,079 telah siap di naik taraf setakat bulan Oktober 2020. Bagi jalur lebar talian tetap pula sebanyak 417,346 premis di negeri Johor akan disediakan akses kepada perkhidmatan berkelajuan gigabait melalui rangkaian gentian optik sebanyak 39,407 telah disediakan dengan capaian gigabait setakat bulan Oktober 2020. Kesemua inisiatif JENDELA ini akan dilaksanakan secara berperingkat dari tahun 2020 hingga 2022. Walau bagaimanapun, inisiatif pembangunan infrastruktur ini memerlukan kerjasama kepada semua pihak.

Dan untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, semenjak saya mengambil alih sebagai Pengerusi Jawatankuasa portfolio tersebut, banyak mesyuarat daripada awal lagi, pertemuan-pertemuan, perbincangan dan mesyuarat rasmi diadakan di antara saya dan juga agensi-agensi terutamanya seperti Pejabat Tanah, PBT dan ada juga mesyuarat bersama EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk bantu menyelesaikan isu-isu melibatkan pengambilan balik tanah untuk memastikan projek-projek ini berjalan dengan lancar. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Parit Raja. Soalan tambahan.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Terima kasih daripada jawapan Yang Berhormat EXCO. Jadi saya, dalam soalan tambahan ini saya mohon untuk dinyatakan apakah usaha-usaha ataupun langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kerajaan negeri dalam mempertingkatkan capaian Internet ini pada masa yang terdekat khususnya untuk membantu pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM, STPM dan saya difahamkan peperiksaan UPKK dan Darjah Khas juga akan dilaksanakan. Kerana di kawasan kampung-kampung masih lagi terdapat masalah capaian Internet. Terima kasih.

YB Speaker : Saya ingat Parit Yaani dah ada soal ni benda ni hari tu. Tak apalah, beri sikit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Saya sebutkanlah, ada 13 *tower* yang sedang pembinaan semua di luar bandar. Pertamanya di Kampung Tui, mukim Bukit Kepong Muar. Yang kedua rizab Orang Asli Penan, mukim Sembrong, yang ini lambat sikit sebab ada isu itu hari pasal tanah. Tanah ini milik PERHILITAN dan kita perlukan bawa *paper* dalam MMK untuk kelulusan pasal punca kuasa dan telah diselesaikan. Insya-Allah telah berjalan dan insya-Allah sebelum akhir tahun ini boleh siap. Seterusnya Kampung Triang Kecil, mukim Triang, daerah Mersing, Johor. Seterusnya Batu 7, dalam Endau, mukim Temerloh daerah Mersing; Ladang Vincent Alyahtama, mukim Ulu Sedili daerah Kota Tinggi; Jalan Lombong, mukim Kota Tinggi, daerah Kota Tinggi; Tanjung Balau Sedili Kechil, daerah Kota Tinggi; Kampung Pecat, Bukit Tanjung Surat, Pengerang; seterusnya Kampung Lin Ting mukim Tanjung Surat, Kota Tinggi. Seterusnya Kampung Nyior, Tanjung Surat, Kota Tinggi; seterusnya Jalan Parit Bugis, Kampung Parit Sulaiman dan seterusnya Jalan Kampung Parit Tasrip, Kampung Haji Ashaari, mukim Ayer Masin, Telok Kerang, Pontian dan terakhir Kampung Buloh Kasap, mukim Sungai Karang, Telok Kerang, Pontian, Johor.

Jadi, itu hari ada jawab pasal inisiatif yang pasal kerajaan persekutuan juga ada pusat-pusat Internet percuma di bawah Kementerian Luar Bandar ada 86 pusat yang ada. Dan, di samping itu juga kita ada Program *Johor Free Wifi* Fasa 1 yang melibatkan RM12.4 juta; Fasa 2, RM8.9 juta dan seterusnya *Johor WIFI* 2.0 bajetnya yang baru diumum oleh Yang Amat Berhormat iaitu selama 5 tahun, 2021-2025 sebanyak RM20 juta membantu rakyat mendapatkan liputan secara percuma. Terima kasih.

YB Speaker : Makin serak ya suara YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Kota Iskandar, jemput.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Sebagaimana yang kita ketahui bahawa dalam pembinaan infrastruktur telekomunikasi negeri Johor, 2 syarikat telah dilantik untuk membina infrastruktur sama ada menara *landed* ataupun *roof top* dan semasa kita sebut tadi, Yang Berhormat EXCO sebut tentang JENDELA ataupun dulu dikenali sebagai NSCP Fasa 2, di mana melibatkan pembinaan begitu banyak menara sama ada *landed* atau *roof top* yang saya sebutkan tadi. Dan, *since land is the state matter*, dengan izin, maka semasa kerajaan Pakatan Harapan, kita mewujudkan 2 jawatankuasa disebut Jawatankuasa Induk Infrastruktur Telekomunikasi Negeri Johor dan juga Majlis Komunikasi dan Multimedia Negeri Johor. Di antara peranannya adalah untuk pemudah cara dan *synchronize* menyelaraskan di antara 2 syarikat konsesi yang dilantik secara berkontrak dengan juga pelaksanaan NSCP ataupun sekarang ini dikenali sebagai JENDELA kerana selain daripada membina infrastruktur, kita juga perlu mengambil kira kejayaan JENDELA ini dari segi bayaran-bayaran yang dikenakan oleh syarikat-syarikat konsesi yang telah dilantik oleh pihak kerajaan sebelum daripada ini. Soalan saya apakah mekanisme setakat ini untuk menyelaras 2 syarikat konsesi ini bagi memastikan mereka memberi kerjasama kepada kerajaan negeri dalam memastikan bahawa matlamat untuk mencapai *coverage* Internet maksimum pada 2030 sebagaimana dinyatakan oleh NSCP dan juga JENDELA dapat direalisasikan.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat, soalan bekas EXCO Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Iskandar Puteri. Saya Yang Berhormat Speaker, sebenarnya nak menjawab...

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Speaker, saya rasa dah dua kali disebut, kalau Iskandar Puteri, saya di Parlimen. Saya Kota Iskandar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Ops, minta maaf. Kota Iskandar.

YB Speaker : Kota Iskandar. Macam nak pergi Parlimen Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Nak menjawab soalan ini adalah soalan punca kuasa Yang Berhormat Speaker. Sebenarnya, kita di Johor ini kita dah tubuhkan Majlis Digital Johor yang dipengerusikan, diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi, tentang Johor ini kita hanya boleh membantu dan memberi nasihat. Segala keputusan melibatkan *rate*, melibatkan kontrak dan sebagainya adalah bidang kuasa kerajaan persekutuan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Jadi kita tak ada kuasa untuk menentu *rate* dan juga kontrak. Dan, untuk pengetahuan juga sebenarnya baru ini dibuka untuk, dulu yang kita panggil NSCP yang kita cakap 13 *tower* tu adalah Fasa 1 eh, Yang Berhormat eh. Jadi, yang Fasa 2 ni sebenarnya baru kontrak dibuka 2 minggu lepas dan belum ada keputusan lagi untuk siapa yang dilantik, kontraktor *Telco* yang dilantik dan sebagainya. Dan, kita di negeri tak ada kuasa menentukan *rate* dan sebagainya. Tapi kita berhak memberi panduan atau juga kata orang ni menegur atau memberi pandangan kepada pihak kementerian. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya Yang Berhormat Sri Medan, jemput.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 4.

Seperti yang kita sedia maklum rumah adalah keperluan bagi penduduk di negeri Johor. Berapa jumlah rumah mampu milik di negeri Johor yang telah siap dibina bagi tahun 2020 dan adakah ianya mampu untuk menampung keperluan permintaan rakyat untuk memiliki rumah di negeri ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO. 5 minit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Medan. Soalannya, berapa unit rumah RMBJ siap pada tahun 2020? Kedua, cukup tak menampung keperluan permintaan? Hari ini saya ikut jalan bandaran, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Berdasarkan perancangan 2020 kita sasarkan sebanyak 5,157 unit. Sasaran ini berdasarkan 70% rumah kerja-kerja dibina di tapak. Maksudnya kita masukkan 5,157 kerja-kerja yang telah siap 70%, dalam pembinaan 70%. Cabaran pandemik COVID-19 pada tahun 2020 ni Yang Berhormat, hanya 2,948 unit yang siap. Saya bacakan mengikut daerah. Johor Bahru, 1,805 unit; Kulai, 670; Muar, 58; Batu Pahat, 98; Kluang ada 231; Segamat, 36; Tangkak, 50. Jumlah 2,948. Daripada jumlah yang siap sehingga 2020, 24,427 maknanya mewakili 12.07%. Saya boleh bacakan juga dari segi pecahan dan jenis dan juga nama projek tapi mengambil masa yang panjang. Saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Sri Medan secara bertulis untuk pengetahuan Yang Berhormat.

Soalan kedua cukup atau tidak, Yang Berhormat. Jumlah permintaan bagi Rumah Mampu Biaya ini bagi M40 dan B40 terlalu tinggi. Saya beri contoh berdasarkan undian yang kita jalankan secara *FB Live* untuk satu contoh di Taman Genting Indahpura, Iris Z40 Kulai, unit yang ditawarkan 135, harga RM150,000.00, jenis rumah *townhouse*. Keseluruhan permohonan, 3,946; yang melepasi syaratnya ialah 441 unitnya 135, layak 441.

Satu lagi contoh Yang Berhormat, sikit je ialah rumah Taman Perbadanan Stulang Baru. Harga RM80,000.00, jenis rumah strata, unit rumah yang ditawarkan 69 tetapi permohonan 3,538 yang melepasi syarat ialah 631. Unit ditawarkan 69. Jadi jumlah permintaannya terlalu tinggi. Jadi kita bercadang nak memperkukuhkan dan memantapkan pendekatan dan olahan baru bagi nak mempastikan 149,000 ni rumah mampu biaya yang dah dipersetujui, diluluskan disiapkan oleh pemaju. Sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Bajet 2021 ada menyebut, ada peruntukan sebanyak RM310 juta dan kita jalankan kempen transisi. Dalam masa yang sama kita nak juga RMBJ, Rumah Mampu Biaya dibina selari dengan projek perumahan yang lain Yang Berhormat.

Dan, akhir sekali, sebagai insentif bagi mereka yang berjaya dan memasuk ke rumah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan bajet, dia setuju untuk memberikan baucar RM3,000.00. Itu kalau nak kira wang pendahuluan pun Yang Berhormat dah lebih mencukupi. Itu kalau memenuhi jawapan, sebab hari ini saya ikut jalan bandaran Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Selalu jalan apa Yang Berhormat? (Dewan ketawa). Sri Medan, jemput.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat EXCO yang telah menjawab soalan saya sebentar tadi. Yang Berhormat Speaker, soal Rumah Mampu Biaya atau Rumah Mampu Milik di negeri Johor ini sebenarnya kita telah digembar-gemburkan daripada 3 atau 5 tahun yang lalu. Ada pernah katakan RM60,000.00 untuk dibina, ada RM100,000.00 kan? Jadi, kita tak perlulah untuk mengimbau perkara-perkara yang lepas, kan? Jadi apa yang saya ingin katakan di sini, saya amat yakin dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga di bawah Yang Berhormat EXCO yang mengerakkan pembinaan Rumah Mampu Biaya atau Rumah Mampu Milik ini. Tadi Yang Berhormat EXCO ada menyebut faktor yang mungkin mengekang daripada merancakkan pembinaan Rumah Mampu Biaya dan Rumah Mampu Milik adalah sebab ekonomi, yang disebabkan oleh COVID-19. Dan, kita akui daripada kekangan ini mungkin faktornya adalah pekerja-pekerja asing yang mungkin tak dapat untuk balik semula ke dalam negara kita.

YB Speaker : Soalan.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Dengan, ok baru nak masuk soalan Yang Berhormat Speaker. Jumlah belia kalau ikut daripada data terkini, 1.6 juta. Kalau kata belia kahwin antara mereka ini jadi tinggal 800,000. Kalau kata soalnya kita perlukan 30% daripada jumlah mereka yang ada untuk 5 atau 10 tahun akan datang, 480,000 unit diperlukan untuk memenuhi permintaan mereka. Jadi bagaimana dalam keadaan hari ini dengan ekonomi yang merudum, dengan pekerja asing yang tak ada, adakah pihak kerajaan mengambil perkiraan itu untuk menyusun semula berapa jumlah yang perlu dibina untuk 5 tahun yang akan datang dalam menggunakan data-data yang logik dan boleh diterima akal. Kerana, kita tak nak dengar Yang Berhormat Speaker kan, sebut tapi disebut oleh Yang Berhormat EXCO tadi 3,000 lebih yang dijangka nak dibina baru 100 lebih siap. Jadi ini sebenarnya akan menyebabkan kita sentiasa dalam keadaan retorik untuk kita war-warkan kepada pihak luar. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tadi berkaitan dengan perancangan yang realistik dengan pendekatan yang praktikal. Kita selalu dimaklumkan tentang projek 100,000 unit Rumah Mampu Biaya yang dibina. Tapi, bila kita lihat pencapaiannya daripada 2014 hingga 2020 hanya mampu dibina 24,000 sahaja. Sebab itu saya setuju pandangan Sri Medan, kita tak payah gembar-gemburkan tentang *target* kita yang besar tapi pencapaian kita yang terlalu rendah. Itu sebab, seperti yang saya maklumkan tadi, dalam tempoh 5 tahun ini, harapan kitalah melalui pendekatan kita bukan setakat dasar sahaja tetapi ialah kita perbincangan kita dengan pemaju. Sebab yang nak buat rumah ni ialah pemaju. Kita hanya meletakkan dasar tetapi pemaju yang akan bina. Tapi kalau ada kelonggaran-kelonggaran yang boleh kita berikan kepada pemaju, saya yakin selepas saya berbincang dengan pimpinan REHDA negeri Johor, mereka bersetuju. Contohnya Yang Berhormat, pelepasan unit penalti yang dikenakan RM40,000.00. terlalu berat. Di Johor Bahru tak boleh dikenakan sama dengan jumlah di kawasan Tangkak atau kawasan Ledang. Yang itu kita sedang fikirkan. Kalau jumlah RM40,000.00 di Johor Bahru sama dengan Tangkak, Mersing, Ledang agak tak praktikal perkara ni Yang Berhormat. Jadi, pada saya, saya nak tegaskan dalam Dewan ini, saya tak berani nak sebut 100,000. Kalau pencapaian kita saya jangka pada paras dalam tempoh 5 tahun ini kalau dapat 50,000 pun saya rasa satu pencapaian yang cukup baiklah. Tetapi dalam masa 5 tahun ni kita mencari, cuba mendapatkan kaedah-kaedah baru, bagaimana kita boleh capai angka 50,000 ini ataupun lebih. Belia tadi saya ingat yang kita sebutkan tadi kalau jumlah 480,000 tu Yang Berhormat Sri Medan sebut tu satu lagi angka yang cukup membimbangkan kita, keperluan rumah yang perlu disediakan oleh mereka. Jadi, saya akan melihat angka itu balik dan keperluannya akan saya sesuaikan dengan keadaan semasa Yang Berhormat. Kalau itu menjawab soalanlah, kalau tak nanti saya akan bincang balik Yang Berhormat Sri Medan.

YB Speaker : Ok, Kota Iskandar.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Ok, terima kasih Yang Berhormat Speaker, mula-mula dia tak nak bangun, dengar dia sebut seratus ribu-seratus ribu itu, terpanggil juga untuk buat penjelasan. Dalam kita merancang...

YB Speaker : Bukan penjelasan Yang Berhormat, soalan.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Inilah soalan dia. *Gold is direction*, itu sahajalah. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Speaker, kita ada tiga isu utama dalam menyediakan Rumah Mampu Biaya. Pertamanya *supply*, penawaran, keduanya adalah *distribution*, pengagihan dan ketiganya adalah *financing,* pembiayaan. Itu sebabnya EXCO yang lama dahulu, dia *spent* dia menggunakan sebahagian besar masa untuk memastikan penawaran yang utama mengikut sejarah negeri Johor adalah disediakan Rumah Mampu Biaya disediakan oleh pihak pemaju perumahan. Mengikut dasar 40% daripada rumah dibina merupakan kuota dan Rumah Mampu Biaya. Sebab apa dalam sejarah kita ada *taskforce* perumahan, seratus lebih rumah tidak dibina sebab kelemahannya berada dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor. Itu sebabnya dalam kerajaan Pakatan Harapan, dasar yang baharu yang telah dikemas kini dan dibuat penambahbaikan dilancarkan pada 1 April 2019 dan saya minta kerajaan yang sedia ada untuk melaksanakan dan buat pemantauan supaya pemaju *strictly follow*, dengan izin apa pindaan yang telah kita buat. Di antaranya Yang Berhormat Speaker:

1. Tiada Kebenaran Merancang diberikan kepada pemaju perumahan di peringkat OSC, di peringkat Kerajaan Tempatan. Sekiranya penyerahan ataupun *submission* itu, jumlah Rumah Mampu Biaya tidak mencukupi. *That means straightaway* kita tolak.

2. Kalau berlaku kes *swap*, pemaju dia tak nak bina contoh di *Leisure Farm*, dia tak nak bina di sana, bina di tempat lain, kita benarkan tetapi dalam kawasan PBT yang sama

dan kos yang perlu ditanggung adalah *actual cost*. Sebab 42,000 Rumah Mampu Biaya *actual cost* dia adalah RM80,000.00. Kalau kita kenakan denda RM40,000.00, RM40,000.00 lagi siapa nak tanggung? Tidak akan kerajaan negeri, sebab dia mesti ada konsep *cross subsidy* yang kita sebutkan selama ini.

3. Rumah Mampu Biaya yang saya masih ingat tidak akan dibina oleh pemaju di fasa yang terakhir. Itu sebabnya, kita melaksanakan penambahbaikan kepada Dasar Perumahan Rakyat Johor itu.

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat, soalan.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Soalan dia, yang kedua ini tentang pengagihan. Itu sebab dulu banyak Rumah Mampu Biaya siap tetapi tidak sampai kepada kumpulan sasaran disebabkan kuota menegak kerajaan diagihkan oleh parti-parti politik Barisan Nasional pada masa tersebut. Saya masuk EXCO lama bulan Jun, kita mansuhkan kuota KMK bagi *make sure* setiap unit Rumah Mampu Biaya itu sampai kepada kumpulan sasaran mereka. Bukan kepada ahli-ahli politik yang...

YB Speaker : Soalannya Yang Berhormat.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker, Peraturan 46.

YB Speaker : Soalan-soalan Yang Berhormat.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Soalan dia, bagaimanakah kerajaan sekarang hendak memastikan proses penambahbaikan dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor yang telah dilancarkan pada 1 April yang disebutkan tadi dibuat pemantauan dan dipatuhi oleh pihak pemaju perumahan? Sekian.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Yang Berhormat Kota Iskandar, saya setujulah Yang Berhormat, apa pun kerja yang kita hendak buat ialah pemantauan tetapi melihat angka 2018, 2019, tidak ada satu pun projek perumahan yang *take off during that time* Yang Berhormat Tuan Speaker. Tidak ada pekerja pecah tanah tetapi saya tak naklah menyalahkan mana-mana pihak. Sebab itu pemantauan itu perlu dan angka ini Yang Berhormat berdasarkan *taskforce* yang mengemukakan kepada kita. Kalau projek itu dapat 70%, itu kita kira perancangan. Saya setujulah apa yang dicadangkan dan saya tak nak menegaskan ataupun memberi keputusan ataupun memberikan jawapan yang retorik, sebab itu pendekatan kita, kita lebih praktikal. Saya sebutkan dalam ucapan yang lepas, dasar yang dibuat oleh Kerajaan PH yang lepas, kita ambil. Kita tak pernah gugurkan, malah Rumah Mampu Biaya pun kita tak tolak, Yang Berhormat Kota Iskandar. Dulu Rumah Mampu Milik tukar Rumah Mampu Biaya, kan? Skim, kuota KMK kan? Ini kalau saya nak cerita panjang lagi cerita. Ada juga rakan-rakan Yang Berhormat dulu dalam Pakatan Harapan bertanya, mana rumahnya? Siapa yang bagi? Tetapi tak eloklah untuk kita bercakap dalam Dewan ini Yang Berhormat. Saya rasakan yang terbaik ialah kita jalankan kerja yang ada dan Insya-Allah kita cuba usahakan berdasarkan cadangan Bajet 2021, Peruntukan 310 menggunakan kekuatan sumber tanah kerajaan negeri yang ada melalui GLC, menggunakan kekuatan sumber yang ada melalui pihak swasta tetapi kita kena berbincang juga dengan pihak swasta. Kita fahamlah maknanya pihak swasta ini kena masuk KM dia, bukan setakat projek biasa, projek Rumah Mampu Biaya pun mereka kena sekalikan seperti yang ditegaskan oleh Yang Berhormat. Begitu juga bila sesi hendak diluluskan, pihak PBT pun sama perlu masukkan

permohonan tersebut sekali arung. Maksudnya, kalau nak lulus projek yang lain, projek Rumah Mampu Biaya pun kita nak bersama kelulusannya. Itu jawapan Yang Berhormat.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Kota Iskandar, jemput.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

Apakah strategi kerajaan bagi memastikan Johor masih menjadi destinasi pelaburan utama dalam keadaan ekonomi meleset ekoran pandemik COVID-19 dengan kadar pengangguran yang tinggi serta kadar pertumbuhan ekonomi yang menguncup?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Bismillahirrahmanirahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Iskandar yang telah mengutarakan satu soalan, tiga dalam satu yang saya memerlukan sedikit masa untuk mengambil kesempatan berkongsi agar soalan ini tidak berlegar lagi, tidak berpusing untuk dua kali, tiga kali. Jadi biarlah saya mulakan.

Kerajaan negeri telah mengatur beberapa langkah bagi menambah nilai pelaburan di negeri ini dengan mengambil kira kesan pandemik COVID-19 terhadap pembangunan ekonomi negeri Johor. Juga, kerajaan negeri telah membentangkan sebanyak 7 ikhtiar besar yang lebih dikenali sebagai 7 Ikhtiar Makmur Johor sebagai langkah keluar dari belenggu COVID-19. Selain dari itu, kerajaan negeri juga sentiasa berbincang dengan kerajaan persekutuan bagi mencari jalan penyelesaian dalam membuka pintu sempadan Johor – Singapura bagi merancakkan kembali aktiviti-aktiviti ekonomi dan pelaburan kepentingan kedua-dua belah pihak negara.

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya kongsi antara pelan perancangan dan inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi menangani permasalahan dan seterusnya meningkatkan pelaburan negeri Johor pada masa akan datang khususnya pasca COVID-19.

1. *Ibrahim Johor Economic Council (IJEC).* Negeri Johor menjadi negeri pertama yang berjaya mewujudkan majlis ekonominya sendiri bagi menangani masalah pendapatan negeri. Majlis ekonomi yang digelar *Ibrahim Johor Economic Council* itu menggunakan terma berdaya tahan demi kemakmuran. IJEC berperanan untuk penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang untuk ekonomi negeri Johor. Majlis ekonomi ini juga akan mengesyorkan penyelesaian kepada permasalahan yang ada seperti usaha mencipta pekerjaan baharu serta bagaimana Johor dapat mengambil peluang daripada krisis atau perang dagangan di antara China dan Amerika Syarikat. Saranan dari Majlis Ekonomi berkenaan diterjemahkan kepada dasar dan hala tuju ekonomi negeri pada masa akan datang.

2. Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor Tahun 2020 hingga tahun 2030. Kerajaan telah merangka dan akan menerbitkan Pelan Pelaburan Negeri Johor 2030 bagi menetapkan hala tuju pelaburan negeri Johor bagi tempoh masa 10 tahun. Pelan ini akan menjadi sumber rujukan bagi mengenal pasti serta merancang langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi memudahkan usaha menarik pelabur ke negeri Johor. Masih mengekalkan prinsip 3H sebagai sektor sasaran iaitu Halal, *High Impact, High Tech* dan pelan ini telah ditambah nilai dengan elemen *emerging technology* dan juga industri kreatif.

3. Pembangunan Segi tiga Singapura, Johor dan Kepulauan Riau (SIJORI). Inisiatif SIJORI Capri dilihat sebagai rangsangan untuk mendorong perkembangan kerja sama ekonomi lain yang ada terutama di kalangan anggota negara-negara ASEAN dan selain dari itu, segi tiga pertumbuhan juga penting dalam mengimbangi halangan yang biasanya menghalang kerjasama ekonomi di antara negara anggota-anggota dan membantu negara anggota untuk memanfaatkan kelebihan perbandingan mereka dengan lebih baik. Kejayaan SIJORI *Growth Triangle* dilihat sebagai satu rangsangan kepada pembentukan segi tiga pertumbuhan ekonomi di rantau ini. Ianya hasil sokongan serta komitmen yang tinggi dari agensi kerajaan mahupun swasta. Kejayaan utama usaha sama strategi yang baik dari pihak kerajaan dan swasta dapat membantu mempercepatkan pencapaian keduanya, pembangunan ekonomi juga integrasi wilayah negara yang terlibat. Usaha ini dilihat dapat memberi kelebihan kepada negeri Johor dan juga negara serantau dalam usaha menarik pelabur asing susulan krisis perdagangan di antara China dan Amerika Syarikat.

4. *Johor Economic Tourism & Cultural Office (JETCO)*. Penubuhan JETCO di Republik Singapura merupakan salah satu daripada 7 Ikhtiar Makmur Johor yang diumumkan pada Jun lepas oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. JETCO akan bergiat aktif dalam usaha membawa masuk pelaburan, mempromosi sektor pelancongan dan kebudayaan dan khususnya di antara Johor dan *Singapore*. JETCO Singapura turut berperanan menjalinkan kerjasama baik dengan kementerian dan agensi kerajaan pusat serta kerajaan negeri Johor dalam usaha menjaga kebajikan rakyat Johor di Singapura. Kerajaan persekutuan telah pun meluluskan penubuhan *Johor Economic Tourism & Cultural Office* di Singapura pada 21 Oktober 2020 yang lalu.

5. Memperkasakan Jawatankuasa Induk Pelaburan Negeri Johor (JIC). Jawatankuasa Induk Pelaburan Negeri Johor akan diperkasakan dengan penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa kecil bagi tujuan penambahbaikan struktur organisasi selain dapat meningkatkan lagi produktiviti dengan pelaksanaan yang lebih efisien dalam usaha menarik pelaburan baharu dan seterusnya memelihara pelaburan yang sedia ada. Jawatankuasa tersebut akan berperanan sebagai *focal point* dan mengenal pasti, merancang dan melaksanakan usaha-usaha pra pelaburan, promosi pelaburan dan pasca pelaburan.

6. Seterusnya sesi *engagement* bersama Dewan Majlis Perniagaan Asing. Secara fizikal, sesi *inter chamber town hall* atau *roundtable* bersama dewan dan majlis perniagaan dewan negara luar yang berada di negeri Johor telah pun diadakan. Sebagai contoh, *Johor Briefing and Inter Chamber Networking* yang telah diadakan di *Fraser Place* Puteri Harbour pada 24 Ogos 2020 yang telah disertai oleh *Malaysian Dutch Business Council, American Malaysian Chambers of Commerce, British Malaysian Chambers of Commerce, The Malaysian French* Chambers of Commerce *& Industry, Malaysian Business Council, Malaysian German Chambers of Commerce & Industry (MGCC)*dan lain-lain lagi. Secara *virtual* dan maya sesi webinar bersama prospek pelabur serta wakil daripada beberapa negara sekitar rantau ASIA juga telah dilakukan secara aktif sepanjang tempoh pelaksanaan PKP dan penutupan sempadan antara bangsa. Usaha gigih ini dilihat memberi hasil yang positif dan memberangsangkan. Ianya dapat dizahirkan dengan nilai pelaburan yang sedang diusahakan yang berjumlah RM4.56 bilion.

7. *Johor Innovation Alliance (JIA).* Usaha sama strategik dan kerja sama pintar di antara agensi kerajaan dan juga swasta dan GLC antaranya adalah IRDA, IIB, IIDV, *Educity, Collaborative Research in Engineering, Science & Technology Centre (CRES), Federation of Malaysia Manufacturers* dan lain-lain lagi. JIA akan berperanan dalam mengenal pasti, merancang dan seterusnya melaksanakan usaha-usaha kerajaan

negeri untuk menerokai sektor teknologi baharu yang berpotensi serta memberi manfaat kepada kemakmuran ekonomi serta pembangunan modal insan negeri Johor.

YB Speaker : Ringkaskan Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Ianya menyokong ke arah Revolusi Industri 4.0. JIA juga akan membuat kajian serta melaksanakan usaha-usaha R&D dan inovasi serta teknologi yang berkaitan usaha melahirkan lebih ramai tenaga mahir. Usahawan teknologi dan seterusnya produk masa ke hadapan iaitu *Made in Johor* akan diperkenalkan dan juga penting di sini penerokaan teknologi *Big Data* dan *Block Chain* adalah hab bagi industri *Block Chain*. Ia ditubuhkan sebagai platform koordinasi rasional yang pertama bagi tujuan inovasi dan memanfaatkan kelebihan teknologi *block chain* dan lagi satu yang baru-baru ini, KIDEX (*Kulai Iskandar Data Exchange*) ini penting untuk kita semua tahu.

KIDEX adalah komponen pembangunan yang menampilkan industri perniagaan dan kediaman yang dibina dengan ekosistem yang mengikut tren semasa dalam teknologi digital bagi menyokong industri-industri 4.0. Ianya di bawah sokongan penuh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia serta Pihak Berkuasa Siber dan Digital Malaysia.

KIDEX akan menjadi pemangkin pertumbuhan industri data dan menjadikan Sedenak sebagai Pusat Data Serantau pada masa depan. KIDEX dijangka dapat menarik pelaburan RM17.5 bilion dan setelahnya ia mula beroperasi pada suku tahun pertama 2021. Projek ini dijangka akan menawarkan 1,600 peluang pekerjaan dan merangkumi pekerjaan yang mahir serta pekerja-pekerja separa mahir dalam teknologi maklumat bagi menyokong pengoperasian pusat ini; dan

8. Usaha yang telah dilakukan pembukaan sempadan Johor dan Singapura. Kerajaan negeri ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan persekutuan terutamanya Kementerian Dalam Negeri yang memberikan kerjasama yang amat baik dalam usaha keras dalam memastikan usaha pembukaan sempadan Johor – Singapura dapat direalisasikan. Pembukaan sempadan tersebut yang dibuka secara rasmi pada 17 Ogos yang lalu hanya membenarkan mereka keluar masuk membabitkan kemudahan skim laluan hijau timbal balik iaitu RGL dan peraturan ulang baliknya berkala iaitu PCA.

YB Speaker : Boleh ringkaskan Yang Berhormat? Ada yang berulang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tuan Speaker, secara keseluruhannya, usaha-usaha yang komprehensif adalah diperlukan untuk kita memastikan penstrukturan semula ekosistem pelaburan dan ekonomi di negeri ini. Ianya kita dapat laksanakan dan kita jayakan walaupun inisiatif berpandukan dasar dan perancangan ini dipacu oleh pihak kerajaan, kerjasama dan komitmen daripada semua pihak amatlah diperlukan dalam usaha mengembalikan kemakmuran dan kesejahteraan negeri Johor yang dicintai. Terima kasih.

YB Speaker : Saya beri pandangan, beberapa perkara yang disebut itu benda yang berulang Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah sebut, macam JETCO dan sebagainya. Lain kali benda itu diringkaskan bagi memudahkan dan bagi mengurangkan masa. OK Jementah.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan jawapan yang diberikan. Kalau kita tengok kadar pengangguran pada bulan Januari awal tahun ini ialah 511,700 iaitu pada kadar 3.2%. Dan pada bulan 8 Ogos, ia telah meningkat ke 741,600 iaitu pada kadar 4.7%. Apa yang

saya lihat, jawapan daripada YB EXCO memang itu semua usaha tetapi mungkin terlepas pandang satu lagi bidang yang saya fikir amat penting iaitu *renewable energy*, tenaga yang boleh diperbaharui, bidang tenaga yang boleh diperbaharui.

Saya masih ingat lagi semasa pentadbiran Pakatan Harapan, kita mempunyai *target* untuk meningkatkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui ke peratusan 20% pada tahun 2025. Dan di mana, menurut kajian yang kita dapati ialah dia boleh mendapat pelaburan sebanyak RM33 bilion dan boleh menghasilkan 50,000 pekerjaan yang baharu. Saya mengongsi sedikit...

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat, soalan..

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Saya perlu beri sedikit latar belakang, ulasan.

OK kita tengok *renewable energy* kalau kita bandingkan pekerjaan yang boleh dijanakan, *last scale solar* kalau berbanding dengan arang batu dan gas yang kita gunakan sekarang untuk menghasilkan elektrik, *last scale solar* 12.33%, *roof top solar* 32.86%, *bio max* 25.11%, biogas 27.38%, *waste to energy* 25%, sedangkan arang batu hanya 11.34% dan gas 1.44%

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat, soalan.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Dan salah satu apa ni *renewable energy* yang sangat penting ialah *roof top solar*. Di Malaysia sahaja kita ada, saya bagi sedikit statistik...

YB Speaker : Tak perlu, tak perlu Yang Berhormat. Soalannya soalan...

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : 3.2 *property*...

YB Speaker : Nanti soalan... soalan Yang Berhormat... Nanti itu penggulungan Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Sedikit lagi Yang Berhormat Speaker, sebab ini sangat penting. *Commercial lock* kita ada 400,000, *terrace factory* kita ada 90,000, *stand alone factory* kita ada 21,000 dan *shopping complex,* kita ada 1,000 *shopping complex* di seluruh negara. *Roof top solar* memang satu potensi yang sangat besar.

So, persoalannya ialah bila saya ucap dalam belanjawan saya, saya kata dalam kita menghadapi norma yang baharu ini oleh kerana pandemik COVID-19, kita mesti ada perubahan minda. Perubahan minda sangat penting. *So,* soalan saya ialah apakah kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat dan juga Yang Berhormat EXCO ada sebarang pelaksanaan atau pendekatan polisi dalam kita menerokai bidang tenaga yang boleh diperbaharui, *renewable energy*. Saya mohon jawapan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih YB Jementah. Kita selalu melihat kepada pekerja-pekerja tempatan yang dibuang, pernah tak kita terfikir lambakan pekerja-pekerja asing, yang tengah berlambak yang tak ada kerja sekarang ini? Itu pun satu masalah juga, yang patut kita *address*, patut kita santuni.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pekerja asing bukan saya nak *trigger* Dewan di sini, berjumlah 250,000 lebih di Johor yang mana melibatkan sektor pembinaan, pembuatan, perkhidmatan, perkilangan dan perladangan. Dan kita kena, semalam saya telah sentuh.

Maknanya kita kena selamatkan, peliharakan industri *player* ini agar mereka segar untuk tidak membagi kita masalah, macam mana kita nak mengurus pekerja-pekerja asing. Jadi kita boleh fokus kepada pekerja-pekerja tempatan.

OK menjawab daripada soalan Jementah tadi, ok tentang statistik pengangguran saya dah beri tadi saya tak nak ulang lagi. Itu, bagaimana cadangan tadi sektor-sektor yang kita perlu beri perhatian. Itu memang betul. Sebab itu kita cakap dalam jawapan saya semalam, dalam program *up-skilling, re-skilling and multi-skilling*. Kita bila nak cari peluang pekerjaan itu, pertama sekali kita kena *determine industry player* yang berkemampuan untuk menampung mereka-mereka ini semua. Jika tidak, walau benda itu baik pun kita tak dapat usahakan.

Peluang pekerjaan hasil dari pelaburan juga telah memberi sebanyak 10,167 peluang pekerjaan yang telah dijanakan dari hasil pelaburan negeri Johor dalam tahun 2020. Iskandar Malaysia telah mewujudkan sejumlah 798,000 peluang pekerjaan dan dengan 15% daripada jenis pekerjaan melibatkan tenaga kerja mahir dan profesional dalam, dan 16% pula tenaga kerja separuh mahir.

Ini adalah merangkumi 9 sektor ekonomi Iskandar Malaysia iaitu kreatif, pendidikan, kesihatan, logistik, pelancongan, kewangan, petro, oleo dan elektrikal, elektronik dan agro, juga pemproses makanan. Sektor elektrikal dan elektronik masih merupakan sektor yang menawarkan peluang pekerjaan yang terbesar sebanyak 51%. Ini yang saya cakap tadi, kita kena *match* kan dia dengan industri yang ada, dan keperluan dan kemahiran yang diperlukan, barulah kita dapat boleh membuka dan memikirkan sesuatu yang baharu untuk kita tambah baik. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Kota Iskandar. Jemput.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih EXCO yang di atas jawapan yang diberikan.

Soalan saya daripada 8 strategi disebutkan tadi, sejauh manakah 8 strategi ini telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan saya pun kebetulan tidak nampak dinyatakan sasaran, berapakah sasaran FDI kita untuk tahun 2020 dan juga mungkin untuk 2021. Kerana kalau ikut statistik daripada pusat, 2018 kita ada 24 bilion, 2019 saya difahamkan kenyataan EXCO semalam 6.5 bilion dan untuk 2020 dan 2021, kita tidak ada sasaran yang dinyatakan. Jadi soalan saya, sejauh manakah 8 strategi tadi dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan? Kalau tidak nanti dia akan jadi retorik balik semulalah.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan Koperasi dan Sumber Manusia : Soalan ini juga saya telah kongsikan semalam, iaitu 5.4 bilion yang telah kita telah dah dipersetujui iaitu *committed investment* dan baki 4,000 itu adalah baki yang dalam proses untuk kita merealisasikan dan kita berharap PKP ataupun gelombang yang ketiga tidak akan berlaku, jadi apa yang kita rancang, kita dapat teruskan. Mengikut apa inisiatif di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Ikhtiar Makmur Johor, apa yang kita rancangkan bergerak *very positive* dan kita boleh rasakan pencapaian itu akan dapat kita realisasikan. Insya-Allah. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Kemelah. Jemput.

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 6.

Berapakah bilangan lembu dan kambing ternakan dihasil oleh negeri Johor serta berikan unjuran kerajaan negeri untuk meningkat industri ternakan lembu dan kambing untuk masa akan datang?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan data banci ternakan 2019, terdapat 96,672 ekor lembu ada dalam negeri Johor. Manakala 36,659 ekor kambing diternak dalam negeri Johor. Dan pada masa yang sama, data menunjukkan berlaku penurunan dalam tempoh 8 tahun bermula daripada 2012 hingga ke 2018. Namun, terdapat sedikit kenaikan pada tahun 2019. Ini menunjukkan industri ternakan lembu masih berpotensi untuk dimajukan.

Bagi ternakan kambing, data menurun sepanjang tahun bermula pada tahun 2012 hingga 2019. Walaupun data tersebut menunjukkan penurunan, pengeluaran daging lembu dan daging kambing tetapi permintaannya meningkat sebanyak 1,057,999 metrik tan daging lembu dan 438,114 metrik tan bagi kambing berbiri pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

Permintaan tinggi terhadap daging lembu berlaku semasa hari raya korban dengan permohonan permit sembelih luar pada tahun 2020 melibatkan sebanyak 4,791 ekor pada tahun 2019 berbanding pada 2019 sebanyak 4,308 ekor sahaja.

Penurunan populasi ruminan adalah disebabkan beberapa faktor iaitu :

1. Ternakan dijual, disembelih berikutan penanaman semula perladangan kelapa sawit;

2. Perladangan swasta tidak membenarkan ternakan dipelihara secara integrasi di bawah pokok kelapa sawit;

3. Kekurangan tanah untuk penternakan dan makanan ternakan;

4. Wabak penyakit ternakan;

5. Terdapat juga operasi, penghentian operasi dan kerana ladang ditutup.

Kadar sara diri (SSR) bagi komoditi ruminan pada 2019 adalah sebanyak 23%. Kerajaan mensasarkan bagi meningkatkan kadar SSR bagi komoditi ruminan ini kepada 30% menjelang 2025. Dengan kata yang lain, kita mensasarkan pada tahun 2025 akan terdapat 99,609 ekor lembu dan 37,773 ekor kambing dan pada masa yang sama juga, sasaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk 2025 adalah untuk mencapai bebas penyakit FMD, brucellosis, tuberculosis, ND, *simonolesis* dan kekal bebas *rabies,* HPA dan ASF. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Kemelah jemput. Soalan tambahan.

YB Dr. Sulaiman bin Mohd Nor (Kemelah) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun ini antara Januari hingga April, negara mengimport lembu sebanyak 61,000 tan metrik. Di mana nilai import tersebut adalah RM801.6 juta. Dalam tempoh yang sama juga negara mengimport daging kambing sebanyak 85,000 tan metrik dengan nilai import RM445.7 juta. Pada tahun, pada Belanjawan 2019, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika itu telah mengatakan dalam Belanjawan hasrat kerajaan negeri untuk bekerjasama

dengan Kementerian Pertanian Asas Tani untuk meneliti, menjadikan daerah Muar dan daerah Segamat sebagai hab pengeluaran lembu daging terbesar negara.

Soalan saya adakah hasrat ini akan diteruskan oleh kerajaan sedia ada? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Kemelah. Berkenaan dengan cadangan untuk menjadikan kawasan Segamat, Muar untuk dijadikan hab kawasan penternakan haiwan, kerajaan negeri akan meneruskan. Apatah lagi Segamat menjadikan hab pertanian dalam negeri Johor. Pada masa yang sama kerajaan negeri berusaha untuk mengoptimumkan penggunaan TKPM-TKPM dan ladang-ladang satelit yang ada dalam negeri Johor agar ianya dapat dioptimumkan penggunaannya dan selanjutnya dapat menyumbang kepada pertambahan populasi ternakan dalam negeri Johor, di samping Belanjawan yang disediakan untuk tahun 2021 sebanyak RM4.88 juta adalah sebahagian daripada komitmen ini. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Ya, Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Tuan Speaker. Kalau kita rujuk kepada laporan Audit Negara mengenai Yayasan Pelajaran Johor, projek dia Ternakan Ruminan Sdn. Bhd. didapati kerugian terkumpul RM6.71 juta. Soalan saya, adakah Bahagian Analisa dan Pengurusan Strategik Perbendaharaan Negara Johor yang ditubuhkan, ditugaskan untuk memantau GLC sudah memantau ataupun ambil tindakan terhadap GLC ini? Dan, mengapakah setiap pertubuhan ini mempunyai begitu banyak kerugian dan bolehkah kerajaan Johor boleh dapat ambil tindakan atau pemantauan supaya prestasi syarikat ini dan ternakan dapat diperbaiki? Terima kasih.

YB Speaker : Ya, jemput EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Mengkibol, soalan yang berkenaan adalah di luar soalan yang perlu saya jawab. Namun terserah kepada Juruaudit, kerajaan negeri dan juga PAC untuk melihat perkara yang tersebut.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya Yang Berhormat Perling.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan 7.

Nyatakan bilangan unit kenderaan *fogging* yang sedia ada untuk mengawal dan membanteras denggi dalam daerah Johor Bahru.

YB Speaker : Ya, jemput EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Aktiviti kawalan vektor denggi adalah dengan menggunakan semburan kabus. Semburan kabus tersebut boleh dijalankan dengan menggunakan beberapa jenis mesin iaitu mesin *thermal,* mesin *ultra low volume* dan *mist blower*. Jumlah aset kawalan vektor denggi bagi daerah Johor Bahru adalah seperti berikut : Mesin *thermal*, 52 unit; *Mist blower*, 9 unit di mana kedua-dua ini boleh dikendalikan oleh anggota kesihatan tanpa menggunakan kenderaan. Manakala untuk mesin ULV ataupun *ultra low volume*, mesin ini perlu dibawa dengan menggunakan kenderaan semasa semburan dijalankan dan di daerah

Johor Bahru kita ada 6 unit. Jadi, oleh itu terdapat 6 buah kenderaan yang digunakan bagi aktiviti *fogging* di daerah Johor Bahru. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Perling, jemput soalan tambahan.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Terima kasih atas jawapan daripada YB EXCO. Soalan saya, soalan tambahan saya berbunyi seperti ini. Adakah unit-unit yang sedia ada ini dapat menampung kes-kes denggi yang sekarang ini makin serius di daerah Johor Bahru dan apa tindakan lanjutan daripada itu? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Speaker, terima kasih di atas soalan tambahan. Yang Berhormat Perling, sebenarnya bagi saya juga apabila membuat melihat statistik tersebut dengan jumlah kes yang tinggi di daerah Johor Bahru, saya mendapati jumlahnya amat berkurangan. Kerana kalau kita nak ingin ke medan peperangan, kita mesti mempunyai senjata yang mencukupi dan peluru yang mencukupi. Iaitu dalam konteks ini peperangan menentang denggi ini, *war against dengue*.

Jadi dalam konteks tersebut, kita telah ada dua pendekatan sebenarnya. Pendekatan jangka pendek ialah dalam usaha untuk membanteras untuk mengurangkan kes denggi ini Jabatan Kesihatan sahaja tidak boleh bertindak secara bersendirian. Jadi, dalam usaha jangka pendek ini kita membuat beberapa siri mesyuarat khususnya dengan agensi-agensi lain seperti PBT, saya rasa EXCO KPKT pun dah cukup sinonim dengan denggi kerana saya sendiri telah berjumpa dengan beliau beberapa kali kerana kita memerlukan bantuan tambahan, jadi kita kerahkan dan meminta bantuan daripada PBT-PBT yang juga mempunyai mesin-mesin *fogging* tersebut untuk membantu dalam operasi bersepadu untuk mengurangkan dalam kes-kes denggi di kawasan-kawasan *hotspot*.

Dan dalam konteks pendekatan jangka panjang ialah saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri maklum bahawa walaupun tidak diumumkan dalam Bajet 2021 tetapi menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Johor kita telah pun memaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa kita memerlukan peruntukan tambahan untuk membeli lebih banyak mesin-mesin seperti mesin ULV, *mist blower* dan *thermal* termasuk kenderaan untuk kita lebih agresif pada masa-masa akan datang untuk mengurangkan kes denggi khususnya di daerah Johor Bahru ini. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Bekok, soalan tambahan.

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya adalah ada persatuan penduduk, persatuan NGO yang prihatin mahu juga bantu Majlis untuk sembur *sanitizer* ataupun *fogging* di kawasan perumahan-perumahan mereka. Bolehkah Majlis kerjasama dengan persatuan-persatuan ini untuk sembur di kawasan mereka? Sebab NGO ini ada kemudahan, ada alat untuk sembur. Sebab dulu ada satu kes mereka di saman oleh Majlis kerana mereka sembur. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput. Sembur, sembur ya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Speaker, dalam isu denggi ni, isu *sanitizer* ini tak timbul. Tetapi kita juga sebenarnya dalam usaha untuk mengurangkan kes-kes denggi. Inilah sebenarnya memerlukan peranan dan tanggungjawab masyarakat itu sendiri. Kerana kalau kita lihat penambahan yang begitu mendadak berlaku khususnya ketika musim PKP kerana kebanyakan pada kawasan-kawasan perumahan ataupun terdapat banyak kes-kes di mana rumah tidak berpenghuni ataupun rumah ditinggalkan kerana mereka tidak dapat balik ke rumah masing-masing

apabila kerajaan telah pun mengenakan PKP di kawasan-kawasan tersebut. Jadi dalam keadaan tersebut, kawasan perumahan menjadi mempunyai semak samun dan sebagainya dan ketika itu *trend* kebanyakan masyarakat membeli makanan khususnya *for example* daripada *Panda* ataupun daripada *take away* dan sebagainya, berlaku banyak kes-kes di mana bekas-bekas makanan, botol-botol minum ini dibuang merata-rata. Dan ini juga telah pun menimbulkan keadaan di mana air mula bertakung dan mendapat kes-kes denggi di kawasan tersebut.

Peranan dan tanggungjawab masyarakat cukup penting. Kita menggalakkan masyarakat terlibat dalam kes-kes ini, tetapi sekiranya ada komuniti atau jawatankuasa yang mempunyai mesin *fogging*, mungkin ada jawatankuasa masjid dan surau, ada komuniti di peringkat taman-taman, KRT dan sebagainya mereka juga memiliki mesin-mesin *fogging* ini. tetapi sebelum bertindak disarankan kerana mesin-mesin ini ada yang mengikut speks, speks-speks tertentu di mana kepakaran untuk menguruskan mesin-mesin ini hanya pada mereka yang terlatih, contohnya anggota Bahagian Vektor daripada PBT dan Jabatan Kesihatan dan sebagainya. Jadi kita alukan tetapi berjumpa dengan mereka, mendapat khidmat nasihat daripada mereka dan sekira mendapat kebenaran, apa salahnya sama-sama turun untuk membantu membuat *fogging* di kawasan perumahan dan komuniti kita itu sendiri. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Bukit Pasir.

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 8.

Majlis Agama Islam serta Pejabat Tanah memainkan peranan penting dalam urus tadbir tanah wakaf. Berapakah keluasan tanah wakaf keseluruhan di Johor serta pecahan dan status tanah wakaf setiap daerah dan apakah perancangan kerajaan negeri Johor dalam memastikan tanah wakaf tidak terbiar?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat sahabat saya Bukit Pasir.

Untuk makluman Dewan, secara umumnya sehingga November 2020 terdapat sebanyak 4,566 tapak wakaf di seluruh negeri Johor, iaitu seluas 13,364.1677 ekar dan daerah Johor Bahru mencatatkan jumlah bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 858 tapak. Diikuti daerah Batu Pahat sejumlah 834 tapak dan daerah Muar sejumlah 606 tapak.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan sahabat saya Bukit Pasir, daripada itu adalah dimaklumkan dalam memastikan tapak-tapak wakaf ini tidak terbiar, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah melantik nazir-nazir khas di dalam negeri Johor untuk memajukan tapak-tapak wakaf yang sedia ada. Nazir-nazir khas ini telah dilantik yang terdiri daripada UTHM, UTM, Perbadanan Islam Johor (PIJ), 1Corp iaitu Wakaf UMNO JCorp dan juga pihak MARSAH. Untuk memastikan perkara ini tentang pembangunan tanah-tanah wakaf lebih realistik lagi, Majlis Agama Islam Negeri Johor juga dalam perancangan dan telah pun ditubuhkan iaitu membangunkan satu sistem maklumat tanah wakaf berasaskan GIS dengan izin, iaitu *Geographic Information System* bersama dengan UTHM dalam nak memastikan bahawa fizikal tanah, keluasan sebenar tanah, kemudahan capaian dan juga pembangunan sekitar perlu dibangunkan dalam usaha nak membangunkan tanah-tanah wakaf ini. Sistem maklumat ini bukan sahaja untuk menjalankan pengurusan dan perancangan atas tanah wakaf secara lebih cekap dan teratur. Ia juga supaya sistem ini berupaya membantu untuk mengenal pasti tanah-tanah wakaf yang sesuai dibangunkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Dewan, pembangunan tanah-tanah wakaf ini hendaklah dikenal pasti bahawa ianya di bawah Jabatan wakaf, Bahagian Wakaf. Ianya tidak sama dengan pembangunan tanah-tanah wakaf Baitulmal. Maknanya tanah wakaf Johor ini adalah di Bahagian Pembangunan Wakaf dan Pembangunan Tanah di peringkat Baitulmal adalah di bahagian Baitulmal.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pembangunan dan pengurusan tanah wakaf di peringkat daerah ditadbir urus oleh amil-amil Baitulmal di peringkat daerah. Secara keseluruhan lampiran bagi pecahan-pecahan tanah wakaf di seluruh negeri Johor, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Dewan, bagi daerah Johor Bahru, tanah-tanah pembangunan bagi masjid sejumlah 141, tanah-tanah wakaf masjid. Tanah-tanah wakaf surau berjumlah 372, sekolah agama berjumlah 177, kubur 64, kebajikan am 104, masjid dan kubur jumlah bagi Johor Bahru ialah sebanyak 858 tapak yang berjumlah 1,156.5496 ekar. Bagi daerah Muar, pembangunan tanah wakaf masjid ialah 98, surau 261, sekolah agama 83, kubur 75, kebajikan am 89, jumlah bagi daerah Muar ialah sebanyak 606 tapak, keluasan sebanyak 574.4616 ekar. Bagi daerah Batu Pahat, tapak wakaf masjid berjumlah 152, surau 316, sekolah agama 129, tanah kubur 149, kebajikan am 73, masjid dan kubur sejumlah 13, jumlah bagi daerah Batu Pahat 834 tapak, keluasan ialah 1,131.6737 ekar.

Bagi daerah Kluang, wakaf masjid 71, wakaf surau 141, sekolah agama 62, kubur 55, kebajikan am 30. Jumlah sebenar bagi tapak daerah Kluang 360 sejumlah 748.6884 ekar. Bagi daerah Pontian, tapak masjid 116, tapak surau 175, sekolah agama 83, kubur 126, kebajikan am 72. Jumlah tapak 573 keluasan sebanyak 793.6324 ekar. Bagi daerah Kota Tinggi, tapak masjid 49, tapak surau 73, sekolah agama 47, kubur 60, kebajikan am 37, ketetapan tapak 266, keluasan sebanyak 1,496.1063 ekar. Bagi daerah Segamat, tapak masjid 69, tapak surau 66, tapak sekolah agama 47, kubur 84, kebajikan am 24, jumlah keluasan tapak 289, keluasan sebanyak 673.8531 ekar. Bagi daerah Mersing, tapak masjid 23, tapak surau 19, sekolah agama 27, kubur 24, kebajikan am 30, ketetapan tapak sebanyak 123, keluasan 6,012.3543 ekar. Bagi daerah Kulai, masjid 40, surau 79, sekolah agama 33, kubur 12, kebajikan am 5, ketetapan tapak sebanyak 169, keluasan 200,024.26 ekar. Bagi daerah Tangkak, ketetapan masjid 84, surau 166, sekolah agama 86, kubur 86, kebajikan am 65, ketetapan tapak sebanyak 488, keluasan sebanyak 536,305 ekar. Jumlah keseluruhan keluasan tapak bagi negeri Johor sejumlah 13,364.677 ekar. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Ya, Bukit Pasir, jemput.

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya, kebanyakan yang saya lihat di tanah-tanah wakaf ini adalah tertumpu kepada tanah kubur, yang mana tanah kubur ini diserahkan oleh pemiliknya dalam berbentuk mempunyai tanaman seperti sawit dan sebagainya. Terdapat juga dalam masa di kawasan yang mana tanah-tanah ini diurus tadbir oleh sama ada surau ataupun masjid yang mana hasil daripada tanaman-tanaman tersebut masih dipersoalkan oleh masyarakat dan apa tindakan yang sepatutnya yang kita perlu dalam memastikan supaya urus tadbir tanah-tanah wakaf ini dalam pengurusan yang betul. Setengahnya mengatakan ada daripada pihak MPKK yang menguruskan, ada juga yang mengatakan surau ataupun masjid yang menguruskan, jadi itu soalan tambahan saya.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Dewan, bagi satu perkara sebenarnya tiada apa-apa perkara-perkara yang berkaitan seperti contoh, untuk makluman tiada kelulusan khas

bagi menentukan hujah sesuatu tanah wakaf iaitu wakaf IRSOT. Wakaf ini bermaksud penyerahan mana-mana tanah wakaf oleh mana-mana pihak berkuasa negeri, kerajaan persekutuan atau mana-mana perbadanan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut hukum syarak. Contohnya, pengurniaan tanah rizab oleh kerajaan Johor kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk tapak masjid, sekolah agama ataupun tanah kubur.

Sehubungan dengan itu, walau bagaimanapun wakaf khas memerlukan kelulusan daripada pewakaf untuk menentukan hujah tanah wakaf yang diwakafkan. Wakaf ini diwujudkan bagi maksud khairat tertentu mengikut hukum syarak. Seperti,mewakafkan tanah atau hasil manfaat daripada tanah berkenaan untuk kegunaan masjid, sekolah, surau dan lain-lain perkara. Untuk ini, saya mengambil perhatian memang ada ketetapan setengah-setengah kubur diurus tadbir oleh jawatankuasa masjid ataupun diurus tadbir oleh MPPK. Bagaimanapun dari segi pungutan-pungutan hasil,pungutan-pungutan hasil seperti katakan contoh, pungutan hasil menara sewaan di mana tapak-tapak masjid dan surau ada menggunakan tapak itu untuk bangunan bagi sewaan menara. Ianya hasil tersebut dibagi 50-50 untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker. 50 bagi Majlis Agama Islam Negeri dan 50 dimasukkan terus kepada tabung masjid dan surau. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Semerah, Yang Berhormat.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, tadi kita telah dengar bahawa ada sebanyak 834 tapak di daerah Batu Pahat seluas 1,131.6737 ekar. Jadi, boleh tak Yang Berhormat EXCO maklumkan kepada Semerah dan juga Ahli Dewan, berapakah jumlah tanah ataupun tapak yang telah dimajukan atau diuruskan pada tahun 2020 dan juga tapak yang akan dibangunkan atau dimajukan bagi tahun 2021? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih sahabat saya Semerah. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Dewan, tanah-tanah wakaf yang tidak diusahakan ataupun belum diuruskan bagi daerah-daerah. Bagi daerah Johor Bahru yang telah pun diuruskan masjid 140, surau 373, sekolah 175, kubur 84 dan am 104. Jumlah 858, telah dibangunkan642, belum dibangunkan 214. Bagi khas daerah Batu Pahat, tanah masjid 152, tanah surau 316, sekolah 129, kubur 149, am 71. Jumlah keseluruhan 832, jumlah yang telah dibangunkan sebanyak 800 tapak, yang belum dibangunkan sebanyak 30 tapak. Terima kasih.

YB Speaker : Kota Iskandar.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih di atas jawapan YB EXCO. Salah satu instrumen pembangunan tanah-tanah wakaf adalah dikenali sebagai ISTIBDAL Wakaf yang telah diputuskan di peringkat Majlis Fatwa Kebangsaan yang menyatakan sebagai hukumnya harus iaitu penukaran hal tanah wakaf dengan tanah. Yang kedua, penukaran tanah wakaf dengan bangunan yang dibangunkan bangunan baharu ataupun tanah ditukar dengan jumlah wang pampasan.

Saya difahamkan bahawa kerajaan negeri Johor melalui PIJ telah pun melaksanakan wakaf ISBTIDAL ini dan saya rasa ini adalah merupakan satu konsep di mana tanah-tanah wakaf yang tidak pro aktif dimajukan kepada projek perumahan ataupun perindustrian dan sebagainya. Tinggal lagi nilai wakaf itu dikekalkan dalam bentuk bangunan, kalau dulu nilainya adalah berdasar kepada keluasan tanah dinilai tanah tersebut dan dikekalkan dalam bentuk beberapa bangunan daripada pembangunan baharu yang dilaksana di atas tanah tersebut menyamai nilai tanah wakaf yang sebelum dibangunkan. Sejauh manakah pelaksanaan istilah wakaf bersama PIJ ini telah direalisasikan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih sahabat saya Kota Iskandar. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, status bagi tanah-tanah wakaf di Johor ini, suka saya hendak menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini iaitu ketetapannya begini, mana-mana tanah wakaf yang dipajakkan ataupun disewakan yang melebihi 3 tahun itu dianggap sebagai satu perkara yang dianggap melebihi 3 tahun dianggap sebagai tanah pajakan. Di bawah 3 tahun dianggap sebagai tanah sewa dan untuk makluman Yang Berhormat bagi Dewan yang mulia ini, keseluruhan bagi tanah-tanah wakaf yang telah pun dibangunkan atau disewa pajak yang telah diurus dari jenis penggunaan tanah. Bagi daerah Batu Pahat, jenis sewaan tanah wakaf 13, premis kediaman 3, premis perniagaan 1, menara 8, bazar waqaf4. Jumlah 27. Bagi daerah Johor Bahru, tanah wakaf 76, premis perniagaan 2, premis kediaman 35, menara 91, tanah wakaf, bazar wakaf 5. Jumlah 20.

YB Speaker : Tak perlu senaraikan Yang Berhormat, nanti boleh diberi kemudian. Menjawab soalan sahaja.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Soalan bagi yang telah dibangkitkan. Bagi sewaan-sewaan yang telah pun dikemukakan yang di bawah PIJ, bagi keseluruhan sewaan-sewaan bagi tanah wakaf bagi seluruh daerah Johor Bahru, jumlah sebanyak RM45,252.00. Bagi daerah Batu Pahat sejumlah RM45,253,33. Bagi daerah Johor Bahru sejumlah RM363,432.17. Bagi daerah Kluang sejumlah RM45,891.00. Bagi daerah Kota Tinggi RM10,762.00. Bagi daerah Kulai RM35,055.00. Bagi daerah Mersing...

YB Speaker : Tak perlu senarai Yang Berhormat, Tak perlu baca senarai itu, jawab soalan Kota Iskandar tadi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Jumlah sebenar sewaan ialah sebanyak yang dapat dipungut pada RM561,113.33. Terima kasih.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya rasanya *straight forward* sahaja. Sejauh mana pelaksanaan skim ISTIBDAL Wakaf yang dijalankan PIJ Holding dilaksanakan sehingga sekarang ini?

YB Speaker : Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akan menjawab ini dalam masa penggulungan saya. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, kita tamatkan soalan pada pagi ini, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama. Saya tangguhkan sehingga jam 11.20 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN YANG KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2021) TAHUN 2020.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Kita sambung lagi perbahasan pada tengah hari ini, saya persilakan Pasir Raja.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Makmur Johor. Pertama sekali izinkan saya mengucapkan terima kasih kerana diberi ruang dan peluang untuk Pasir Raja menyuarakan suara rakyat dan mewakili pendapat, pandangan dan mengemukakan cadangan-cadangan khusus serta turut sama mengambil bahagian di dalam ucapan perbahasan kali ini. Diharapkan agar apa yang akan dibahaskan ini, mampu memberi manfaat dan melakukan yang terbaik buat Johor dan juga rakyat. Terlebih dahulu, patik mewakili warga DUN Pasir Raja ingin merafak sembah, menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan dengan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah. Di kesempatan ini juga diucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membentangkan Belanjawan Johor 2021 yang bertemakan, "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran" pada 26 November 2020 yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti yang kita sedia maklum dunia sedang berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19 dan sehingga kini belum ditemui penawar yang betul-betul berkesan untuk menyekat penularan wabak ini. Saban hari kes kematian dilaporkan terus berlaku dan hari ini jumlah kes sudah melonjak dan melebihi 600,000 kes baharu setiap hari di seluruh dunia. Di Malaysia sahaja setakat pada tarikh 1 Disember 2020 jumlah kes mencecah ke angka 67,169 dengan 360 kematian. Bagi negeri Johor, jumlah kes 1,447, kes baharu 68 kes. Dijangka kes-kes akan meningkat lebih tinggi lagi selepas hari ini. Ini telah memberi tekanan yang paling hebat kepada sistem kesihatan negara sekali gus akan menjejaskan keadaan ekonomi negara.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita maklum apa yang sedang dialami oleh rakyat serta ketakutan dan kerisauan yang sentiasa berlegar di dalam fikiran rakyat kini. Apatah lagi, sentimen rakyat yang berpandangan pengorbanan dan usaha mereka selama tempoh PKP yang lepas telah menjadi sia-sia akibat dari beberapa perkara yang kita terlepas pandang di samping sikap segelintir golongan yang tidak mematuhi SOP yang telah diarahkan. Rakyat mengharapkan agar kerajaan sentiasa memastikan mereka berasa terbela dan kerajaan dapat menunjukkan jalan keluar bagi mereka dan negara daripada situasi yang amat menggerunkan ketika ini. Kerana itu, belanjawan kali ini bukan sahaja memerlukan pendekatan luar biasa tetapi juga mestilah berani, kreatif dan memberi inspirasi dan pengharapan kepada rakyat selari dengan tema Belanjawan 2021 iaitu "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran".

Yang Berhormat Tuan Speaker, di dalam Belanjawan Johor 2021 yang dibentangkan terdapat 3 objektif utama, iaitu menjamin ketahanan dan kelangsungan ekonomi, memperkasa dan memberdaya tahan kebajikan rakyat Johor dan menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Johor. Kesemua objektif ini menjurus kepada memberi bantuan dan pengupayaan kepada semua untuk menempuhi masa yang getir pada ketika ini. 12 agenda dalam strategi pelaksanaan telah digarap dengan baik tanpa meninggalkan mana-mana pihak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam kehidupan norma baharu hari ini teknologi digital telah memberi kemudahan kepada rakyat untuk terus melangsungkan kehidupan. Cara bekerja, cara berhubung, malah cara membeli belah juga telah berubah. Disebabkan oleh wabak pandemik COVID-19 juga sistem pendidikan negara ini berubah 100% kepada norma baharu. Sistem pendidikan di atas talian menjadi salah satu pilihan yang kita ada bagi meneruskan pembelajaran yang terkandas. Namun, tidak semua tempat mempunyai perkhidmatan Internet yang baik dan ini menyebabkan ada pelajar yang tidak dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan. Begitu juga di sekolah-

sekolah agama. Ada sekolah agama yang tiada talian telefon apatah lagi Internet sedangkan mereka telah diarah untuk bersedia menghadapi pembelajaran abad ke-21. Oleh itu, di sini Pasir Raja ingin menyatakan bahawa rangkaian jalur lebar di beberapa kawasan dalam DUN Pasir Raja adalah sangat lemah terutama di kawasan-kawasan yang jauh daripada bandar seperti FELDA Bukit Ramun yang langsung tiada pencawang, FELDA Bukit Besar, FELDA Pasir Raja, Kampung Rantau Panjang dan kawasan-kawasan sekitarnya. Besar harapan Pasir Raja agar perkara ini mendapat daripada kerajaan negeri. Semoga Agenda Johor Digital memberi manfaat kepada keseluruhan rakyat khasnya DUN Pasir Raja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengikut hasil cerapan yang dilakukan Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran bagi negeri Johor meningkat 0.5% kepada 3.2% pada suku pertama tahun ini. Berikutan impak penularan pandemik COVID-19, pengangguran di Johor dijangka meningkat sehingga 170,000 orang berikutan keadaan ekonomi negeri yang perlahan. Bila keadaan ini berlaku dan berterusan maka kadar kemiskinan juga akan bertambah. Jadi, amatlah wajar bila Belanjawan 2021 lebih memfokuskan kepada kebajikan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, inisiatif kerajaan negeri untuk melaksanakan Bantuan Bank Makanan kepada golongan miskin bandar dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11 juta di dalam usaha meringankan kesusahan masyarakat yang memerlukan amatlah bertepatan. Pasir Raja ingin mencadangkan agar barangan yang diberikan kepada golongan sasaran ini selain daripada makanan asas disertakan juga makanan basah seperti sayur, telur dan ayam. Di samping kerajaan negeri membantu yang memerlukan ini ia juga mampu membantu petani dan penternak menjana pendapatan mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di dalam usaha kerajaan negeri menjadikan sektor pertanian antara sumber hasil terbesar kerajaan negeri Johor pada masa hadapan, Pasir Raja suka untuk mengingatkan beberapa masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil di kawasan luar bandar. Kebanyakan pekebun-pekebun kecil ini mengusahakan tanaman sayuran dan juga buah-buahan. Masalah yang sering dihadapi adalah gangguan hidupan liar seperti monyet, khinzir dan gajah. Masalah monyet liar ini bukan sahaja di kawasan pendalaman sayur dan buah malah di kawasan perumahan baru dan sekolah juga terdapat monyet liar yang mengganggu penduduk dan pelajar. Pasir Raja amat mengharapkan agar ada inisiatif untuk menangani masalah ini sama ada di sediakan sangkar untuk memerangkap haiwan-haiwan ini dan bagaimana cara untuk melupuskannya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, umum mengetahui sektor pelancongan merupakan sektor yang paling terkesan dan terjejas buat masa ini dan dijangka menjadi sektor yang paling lambat dan mengambil masa panjang untuk dipulihkan. Dengan penutupan sempadan negara dan kelembapan ekonomi global membuatkan keadaan industri pelancongan semakin parah. Di bawah Agenda *Majestic Johor* kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM14 juta kepada Tourism Johor. Diharap dengan suntikan peruntukan ini dapat menaik taraf pusat-pusat pelancongan di dalam negeri Johor. Memandangkan daerah Kota Tinggi adalah daerah yang terkenal dengan daerah bersejarah, Pasir Raja ingin mencadangkan agar tempat-tempat bersejarah yang terbiar dan belum dibangunkan diberi perhatian. Di dalam DUN Pasir Raja terdapat sebuah tempat tinggalan sejarah yang terbiar dan tertinggal. Sejarah Kota Tinggi dan perkembangannya dicatatkan bermula dari tahun 1529 iaitu daerah ini mula diteroka oleh Sultan Alauddin Riayat Syah II. Pengasas kerajaan Johor yang memerintah dari tahun 1528 hingga 1564. Lokasi pertama yang diterokai Baginda dan dijadikan pusat pemerintahan kerajaan Johor Lama adalah di Pekan Tua atau Kota Kara yang terletak di Kampung Sungai Telor di dalam DUN Pasir Raja. Sejarah legenda Badang juga berlaku di dalam DUN Pasir Raja iaitu di FELDA Sungai Sayong yang juga terdapat makam tujuh di situ. Menurut sejarah orang yang meracun Sultan Alauddin Syah, Melaka dikuburkan di sini. Pasir Raja mengharapkan agar tempat-tempat sejarah ini

dipelihara dengan baik agar ianya mampu menjadi tempat tarikan pengkaji sejarah dan juga pelancong tempatan. Usaha ini dapat membantu rakyat tempatan menjana ekonomi sepanjang menjalani fasa norma baharu sementara menunggu industri pelancongan kembali pulih seperti biasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sepanjang hampir setahun kita menghadapi kemelut yang sukar ini terdapat ramai di kalangan rakyat yang semakin tersepit dengan kos sara hidup yang meningkat. Ramai yang telah dibuang kerja dan terpaksa bekerja sendiri. Bagi mereka yang menyewa rumah ada yang terpaksa balik kampung kerana tidak mampu lagi menyewa. Justeru itu, Pasir Raja sangat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang sangat prihatin terhadap perkara ini dengan mengilhamkan Agenda Prasarana Johor. Pasir Raja sangat bersetuju kerajaan negeri berhasrat untuk meningkatkan sasaran pembinaan Rumah Mampu Biaya Johor agar dapat dimiliki oleh golongan sasar iaitu B40, M40 dan juga anak muda. Di sini Pasir Raja ingin memaklumkan bahawa Pasir Raja ada memohon pembinaan penempatan baru di dalam DUN Pasir Raja. Lokasi penempatan ini terletak di Kampung Baru Sungai Telor Kota Tinggi dengan keluasan 120 ekar. Penempatan baharu ini boleh menempatkan 800 lot rumah dengan keluasan 4,000 kaki persegi setiap lot. Jarak dari bandar Kota Tinggi sejauh 12 km. Penempatan ini juga berdekatan dengan Kolej Yayasan Pelajaran Johor. Pasir Raja berharap agar permohonan ini dapat diluluskan dan disegerakan pembinaannya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, prasarana penting yang selalu dibangkitkan oleh rakyat adalah jalan raya yang menjadi penghubung antara satu tempat ke tempat yang lain. Pasir Raja ingin memohon penurapan semula jalan utama dari FELDA Bukit Besar hingga ke Orchard memandangkan jalan tersebut telah banyak yang rosak dan selalu berlaku kemalangan. Seterusnya, Pasir Raja juga memohon jalan dari Kampung Seri Delima ke Kampung Seri Aman sepanjang 4 km diturap sepenuhnya. Pasir Raja juga ingin memohon lampu jalan antara simpang Jalan Kulai ke Kampung Sri Jaya kerana sepanjang jalan tersebut tiada langsung lampu jalan. Untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku ketika hujan lebat, Pasir Raja memohon parit dan longkang di semua tempat diselenggara dengan baik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di dalam meneruskan kelangsungan hidup dalam era baharu ini yang paling terkesan adalah peniaga-peniaga kecil. Kalau dulu kita hanya dapat melihat penjaja-penjaja menjual barangan makanan ke kenderaan-kenderaan yang berhenti ketika lampu merah di negara-negara lain. Tetapi hari ini, fenomena ini telah dapat kita lihat di negara kita sendiri. Betapa berusahanya mereka untuk mendapatkan wang bagi meneruskan kehidupan. Di sini, Pasir Raja ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana menyediakan inisiatif-inisiatif kepada usahawan dan peniaga-peniaga kecil dalam negeri Johor dalam Agenda Johor Niaga. Pengecualian bayaran lesen penjaja, lesen peniaga PKS mikro, sewa premis dan gerai, sewa tapak pasar malam dan pasar pagi selama setahun berkuat kuasa 1 Januari 2021 amat meringankan beban para penjaja dan peniaga. Pasir Raja amat mengharapkan agar Pihak Berkuasa Tempatan bersikap mesra rakyat terhadap peniaga-peniaga yang berjualan di tepi jalan. Semoga dengan inisiatif-inisiatif yang diberi dapat menjadi penguat semangat kepada golongan-golongan peniaga.

Yang Berhormat Tuan Speaker, 20 Januari 2021 bermulanya persekolahan untuk tahun 2021. Bagi golongan yang kurang berkemampuan tentunya perkara ini akan menjadi satu bebanan kepada mereka. Inisiatif Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor memberi bantuan pakaian seragam sekolah kepada fakir dan miskin di sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan sekolah agama kerajaan Johor adalah sangat dihargai. Begitu juga enam subjek tuisyen secara percuma pada pelajar-pelajar tingkatan 5 dari keluarga B40 amat memberi manfaat kepada 31,478 orang pelajar. Pasir Raja mendoakan agar semua pelajar ini beroleh keputusan yang cemerlang. Di sini

juga Pasir Raja ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat di atas usaha murni melahirkan rakyat Johor yang seimbang, mempunyai siasah dan identiti murni melalui Program Modul Jauhar di bawah Taska Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dan IQFA di bawah Tabika KEMAS yang memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak yang memfokuskan pendidikan Islam dan asas fardu ain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, gelombang ketiga COVID-19 pada masa kini amatlah membimbangkan rakyat walaupun ianya berjaya dikawal dengan baik pada peringkat awal. Tiada guna untuk negara menjalani PKPB, PKPD mahupun PKPP jika masih ada di antara kita bersikap sambil lewa dan tidak mengendahkan ancaman wabak COVID-19 ini. Di sini Pasir Raja ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan *front liners* yang telah berkorban tenaga, masa dan keselamatan diri bagi memastikan kita semua di dalam keadaan selamat. Mereka bertugas dengan penuh amanah dan tanggungjawab tanpa mengira penat lelah dan juga waktu. Dan, menjadi tanggungjawab kita juga untuk mempastikan usaha memutuskan rantaian COVID-19 ini berjaya kita landaikan dan putuskan seterusnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Belanjawan Johor 2021 ini menyediakan keperluan-keperluan rakyat yang menyeluruh. Harapan Pasir Raja agar ianya dapat diterima dengan berlapang dada dan dilaksanakan dengan baik. Pasir Raja yakin kerajaan juga bersedia dengan hati terbuka menerima cadangan yang diberikan. Marilah kita bersatu hati demi kepentingan rakyat dan negeri Johor yang kita sayangi ini. Buah salak di dalam kantung, kulitnya keras isinya kelat, bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat. Pasir Raja menyokong pembentangan Belanjawan Johor 2021. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Pasir Raja. Suka untuk saya menyatakan di sini bahawa esok kita akan mula mendengar jawapan penggulungan daripada pihak kerajaan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan kita ada 11 lagi pembahas yang belum lagi membahas dan hari ini akan diselesaikan seluruhnya, insya-Allah. Jadi dengan itu saya ingin mengingatkan masa yang kita beri sebenarnya antara 15 hingga 20 minit jadi dapatlah dipatuhi itu untuk semua dapat berbahas pada hari ini. Pasir Raja tadi hanya menggunakan masa 18 minit sahaja. Terima kasih. Seterusnya saya persilakan Sedili.

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain (Sedili) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam perjuangan kepada Yang Berhormat Speaker, dan rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai pembuka bicara saya ingin menzahirkan ucapan alhamdulillah dan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya saya diberikan kesempatan sekali lagi berdiri dalam Dewan yang mulia ini mewakili rakyat DUN Sedili untuk bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Belanjawan Johor 2021.

Pada kesempatan ini, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020. Semoga Baginda Tuanku serta keluarga DiRaja akan terus diberkati dan dirahmati untuk terus menaungi negeri Johor Darul Ta'zim.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang membentangkan Belanjawan Johor 2021 bertemakan "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran" yang menekankan kepada 12 agenda penting yang merupakan strategi pelaksanaan belanjawan kali ini. Saya pasti belanjawan itu dirangka bagi negeri ini mendepani cabaran dan selepas COVID-19. Walau

bagaimanapun, saya merasakan belanjawan itu ada kekurangan terutama tempias yang dapat dinikmati secara langsung di daerah Kota Tinggi khasnya di DUN Sedili. Saya secara keseluruhan menyambut baik belanjawan itu. Terlebih dahulu Sedili ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada petugas barisan hadapan daripada berbagai bidang yang mengorbankan masa dan nyawa mereka untuk memastikan kita sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terhindar dari pandemik COVID-19. Terima kasih *front liners*. Saya bekerja untuk rakyat Sedili jadi tidak kira kerajaan mana yang memerintah kalau rakyat dan DUN Sedili dipinggirkan daripada arus pembangunan saya akan bangkitkan malah dengan kerajaan-kerajaan sebelum ini juga saya pun akan tegur. Kerajaan negeri tidak boleh mengetepikan Sedili yang berpotensi untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya memulakan ucapan ini dengan petikan karya Sasterawan Negara Dato' Dr. Osman Awang bertajuk "Sifat Orang Johor" yang berbunyi; Kurang ajarnya tetap santun. Lembutnya cukup jantan. Dajalnya masih selamba. Nakalnya bersulam jenaka. Menikam dengan pantun. Menyanggah dengan senyuman. Marahnya dalam tertawa. Merendah bukan menyembah. Meninggi bukan melonjak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ada sebab mengapa saya membuka bicara kali ini dengan puisi karya Sasterawan Negara itu, ia berkait rapat dengan cadangan pembangunan pekan Sedili yang menjadi Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa yang pernah dicadangkan sebelum ini. Rasanya sudah beberapa kali juga saya membangkitkan mengenai cadangan membangunkan pekan Sedili, mungkin ramai yang tidak tahu bahawa pekan Sedili ini sudah wujud sebelum merdeka lagi. Malah Sedili itu sendiri mempunyai nilai sejarah dan warisan kerana di sinilah Sasterawan Negara Dato' Dr. Osman Awang dilahirkan dan dibesarkan namun sehingga hari ini pekan Sedili tidak dibangunkan.

Untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, pekan Sedili itu umpama pekan koboi, sebuah pekan yang mundur, tidak mempunyai kemudahan serta infrastruktur yang baik. Pekan itu tidak mempunyai bank, stesen minyak dan tidak juga dilengkapi perhentian bas, betapa daifnya pekan Sedili ini. Menteri Besar daripada Barisan Nasional yang dulu pernah mengadakan lawatan ke pekan Sedili dan beliau berbesar hati mengumumkan supaya pekan Sedili itu dibangunkan dan dilengkapkan dengan kemudahan serta infrastruktur dan beliau telah meminta Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) untuk melaksanakan projek pembangunan itu. Cadangannya adalah untuk membangunkan pekan Sedili sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa. Jadi saya ingin bertanyakan status berhubung projek pembangunan itu dan berharap supaya kerajaan ini dapat mempertimbangkan supaya projek pembangunan pekan Sedili itu diteruskan. Ini kerana sudah tiba masa Sedili ini menerima pembangunan yang sewajarnya sekali gus dapat merancakkan lagi ekonomi setempat kerana Sedili kini menjadi tumpuan terutama pelancong domestik. Sedili bukan sahaja ada warisan sejarahnya, bukan sahaja ada tempat pelancongan menarik, di Sedili juga terletak tempat penetasan belangkas yang merupakan satu-satunya di dunia, begitu juga di sini ditempatkan Perkampungan Orang Asli Kaum Khanak juga satu-satunya di dunia.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain mahu melihat kerancakan pembangunan di pekan Sedili saya percaya Sedili secara keseluruhan amat berpotensi untuk dijadikan destinasi pelancongan yang menarik serta mampu menawarkan kepelbagaian pilihan produk kepada pelancong baik dari dalam negara mahupun dari luar negara ke Johor. Sedili ini terletak bersebelahan dengan kawasan Desaru yang kian pesat dibangunkan sebagai salah satu tarikan pelancong di negara ini. Namun, saya percaya tidak semua mampu berkunjung di situ dan ianya dapat dikunjungi oleh golongan tertentu sahaja. Dan atas sebab itu saya yakin Sedili dapat memenuhi permintaan pelancongan mampu kunjung yang tidak dapat ditawarkan di Desaru dan pada masa sama melengkapi sektor tersebut antara Desaru dengan Sedili. Pandemik COVID-19 ini juga ada hikmahnya keadaan itu menyumbang

kepada kerancakan pelancongan domestik dan turut Sedili turut dapat limpahannya. Mungkin ramai yang tidak tahu kawasan jalan antara Desaru ke Sedili Kecil ini menjadi tumpuan tempat untuk berbasikal malah ramai golongan orang kenamaan, VIP beriadah dengan berbasikal di kawasan itu sambil menyelusuri kawasan pantai di Tanjung Buluh tempat yang menjadi tumpuan pemain luncur air dan Pantai *Jason Bay*. Kedua-dua tempat itu juga kini sudah mula sesak kerana menjadi tumpuan orang ramai terutama hujung minggu dan hari cuti umum dan baru-baru ini juga menjadi *viral* kerana pengunjung terpaksa mengharungi kesesakan jalan hampir 3 jam untuk sampai ke sana.

Ia sememangnya satu kesan yang baik kepada ekonomi setempat namun ia kurang infrastruktur dan kemudahan untuk pengunjung. Justeru, saya berharap Sedili dapat turut sama menerima tempias Belanjawan Johor 2021 menerusi peruntukan di bawah *Majestic Johor* terutama di kawasan pantai seperti di *Jason Bay*, Tanjung Buluh dan kawasan sekitar yang mempunyai potensi pelancongan yang besar untuk dimajukan sekali gus, diyakini mampu merancakkan ekonomi dan dapat menyediakan peluang pekerjaan terutama kepada golongan muda. Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Dewan Negeri, jika suka berbasikal, main luncur air atau mahukan ketenangan dan lari daripada hiruk pikuk bandar, marilah berkunjung sebentar di Sedili, silakan di Sedili, segala-galanya ada di Sedili.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyambut baik perancangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk melaksanakan Agenda Johor Digital yang merupakan satu langkah untuk pembangunan ekonomi masa hadapan. Tidak dinafikan zaman sekarang baik di bandar mahupun di kampung, segala perkara semuanya dapat dilakukan di hujung jari dengan menerusi pelbagai platform digital. Di Sedili juga sudah mula merasai kecanggihan teknologi itu. Walau bagaimanapun, capaian Internet di kawasan Sedili ini kurang memuaskan. Capaiannya tidak seperti liputan di bandar, saya percaya jika kerajaan negeri mahu menjayakan Agenda Johor Digital itu dengan setiap pelosok tempat di negeri ini termasuk di kampung perlu disediakan infrastruktur yang baik. Jadi, besarlah harapan saya supaya kerajaan negeri dapat menaik taraf infrastruktur kemudahan Internet di Sedili terutama di tempat tumpuan pelancong kerana dengan capaian Internet yang laju sebagai contoh maka lebih ramai dapat memuat naik gambar-gambar tempat yang dikunjungi mereka di media sosial boleh menjadi *viral* dan secara tidak langsung dapat mempromosikan Sedili ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, usaha kerajaan negeri dalam mentransformasikan dan merancakkan lagi sektor pertanian adalah amat tepat dan pada masanya terutama bagi menjayakan Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor. Saya menyambut baik usaha itu dan melihat inisiatif tersebut dapat membantu rakyat yang berminat untuk mengambil bahagian dan dapat menjana pendapatan. Walau bagaimanapun, suka saya ingin memberi cadangan apa pun jua pelan yang bakal dirancang janganlah lupa kepada mereka yang sudah lama berkecimpung dalam sektor pertanian itu. Bantulah mereka dengan memberi kelengkapan sewajarnya seperti bekalan air yang baik, jalan yang baik serta jalinan capaian Internet yang baik supaya pada masa yang sama dapat dimajukan sektor digital itu disesuaikan dengan pertanian. Sedili percaya sekiranya perkara asas itu serba lengkap maka kita di Johor juga dan mungkin di Sedili dapat kita menjayakan industri agro pelancongan seperti di Cameron Highlands. Orang berkunjung ke sana untuk melihat dan memetik, memetik contohnya buah *strawberry* dan berbagai jenis bunga selain itu mungkin kita juga Sedili boleh menanam berbagai jenis herba tempatan, herba tempatan. Kita boleh jayakan konsep agro pelancongan itu di negeri ini seperti yang banyak dijalankan di luar negara. Merasai pengalaman memetik epal atau anggur sambil melancong sebagai contoh. Di luar negara mereka menjadikan pertanian sebagai produk pelancongan sekali gus saya yakin Sedili mempunyai kelebihan kerana ada kawasan yang sesuai dan tarikan yang dapat menjayakannya jika diberi peluang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tidak kira bagaimana membangunnya sesebuah tempat itu, jika tidak lengkap dengan kemudahan asas seperti air dan pengangkutan awam susah untuk kita menarik orang untuk berkunjung di tempat sama semula. Begitu juga di Sedili, isu air di DUN ini sudah lama dibangkitkan setiap kali Persidangan Dewan Negeri ini dari zaman Barisan Nasional kepada zaman Perikatan Harapan dan kini Perikatan Nasional masih tidak nampak bayang permasalahan itu hendak diselesaikan. Semuanya berjanji mahu menyelesaikannya tapi hakikatnya janji tinggal janji. Yang terseksanya penduduk di DUN Sedili yang sering mendapat gangguan bekalan air. Isu air ini bukan hanya melibatkan satu, dua kampung tapi keseluruhan Sedili ini iaitu melibatkan 32 kampung, 6 FELDA dan 1 kampung Orang Asli. Isu ini sudah berlarutan terlalu lama dan bila berjumpa dengan pemimpin, mereka berjanji kita akan luluskan, kita akan luluskan tapi sampai sekarang pun tidak boleh selesai. Jadi, saya meminta kepada kerajaan negeri Perikatan Nasional ini selesaikan masalah air di DUN Sedili.

Selain isu air, saya hendak bangkitkan masalah pengangkutan awam, perkhidmatan Bas Muafakat Johor dari Bandar Kota Tinggi ke pekan Tanjung Sedili, apakah statusnya? Semasa Dato' Osman Sapian menjadi Menteri Besar beliau sudah meluluskan laluan Bas Muafakat Nasional itu malah mesyuarat juga, mesyuarat juga sudah dijalankan bersama pihak PAJ, Majlis Daerah dan saya sendiri. Pada awalnya dikatakan ia dijangka boleh memulakan operasi pada September 2019 tetapi ditangguhkan. Semasa Dato' Dr. Shahruddin Jamal menjadi Menteri Besar pula difahamkan belum lagi dibawa ke mesyuarat untuk kelulusan mendapatkan bas. Saya ada menghubungi PAJ pada tahun lepas dan dimaklumkan Januari tahun ini akan mula beroperasi tetapi malangnya sehingga ke hari ini bayang Bas Muafakat Johor itu langsung tidak kelihatan. Tiada pengangkutan awam itu amat menyukarkan penduduk di kawasan terlibat memandangkan syarikat bas sebelum ini sudah memberhentikan operasinya jadi apa tindakan PAJ untuk isu ini?

Yang Berhormat Tuan Speaker, Sedili ingin membangkitkan soal pembinaan perumahan, mengapa tiada peruntukan untuk membina perumahan kos sederhana, mahupun rumah murah atau mampu milik di Kota Tinggi termasuk DUN Sedili terutama perumahan untuk generasi muda. Apakah kriteria pemilihan kawasan yang dipilih untuk membina Rumah Insan Makmur Johor (RIMJ) menerusi Belanjawan Johor 2021. Perumahan Mampu Milik ini sangat penting untuk belia luar bandar yang rata-ratanya mempunyai pendapatan tetap tetapi tidak mempunyai slip gaji kerana mereka bekerja di ladang, ada yang menjadi nelayan dan petani, sukar untuk mereka membeli rumah. Jadi, bantulah orang muda di luar bandar juga bukan hanya di bandar atau kawasan tumpuan wujudkanlah satu skim yang dapat memudahkan mereka membeli rumah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Sedili menyambut baik peruntukan dan perhatian untuk belia di negeri ini yang diberikan pada Belanjawan Johor 2021 ini. Mereka ini adalah masa depan kita, namun persoalannya bagaimana belia-belia di kampung dan di luar bandar dapat bersama-sama menikmati tempias belanjawan yang diumumkan itu. Justeru, bagi mengangkat peranan orang muda ini terutama di luar bandar supaya dapat bersama-sama menyumbang dalam kerancakan pembangunan di satu kawasan itu, Sedili ingin mencadangkan supaya jawatan penolong atau pembantu ketua kampung diwujudkan dengan golongan belia diberi peluang mengisi jawatan tersebut dan diberi elaun RM300.00. Saya percaya cadangan itu juga boleh diperluaskan kepada golongan wanita yang dapat membantu dalam hal ehwal wanita. Mereka juga dicadangkan untuk diberi elaun. Struktur organisasi seperti itu sudah diguna pakai di FELDA-FELDA sebelum ini. Justeru, Sedili yakin cadangan itu kalau dapat diangkat oleh kerajaan negeri akan dapat lebih mengiktiraf peranan belia dan wanita di kawasan luar bandar apabila masing-masing berperanan maka kampung-kampung kita pun akan lebih ceria.

Yang Berhormat Tuan Speaker, akhir kata saya sekali lagi ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Mewakili rakyat di Sedili membangkitkan pelbagai perkara termasuk memberi pembangunan seiring kepesatan kemajuan serta pembangunan negeri ini. Biar apa pun parti kita dan pendirian kita, marilah kita bersama-sama bergerak seiring sebagai bangsa Johor untuk menjayakan segala perancangan sedia ada mahupun yang sedang dirancang, sedang rancak dirancang demi untuk rakyat dan negeri Johor. Jangan berhenti tolong orang *#Sedilipeduli.* Sekian wabillahitaufiq walhidayah. Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih kepada Sedili. Walaupun banyak masalah dia sebut tetapi Sedili tetap beberapa penggal di situ, ya, tahniah. Seterusnya Kukup.

YB Datuk Md. Othman bin Yusof (Kukup) : Bismillahirahmanirahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Kukup dan rakyat di Kukup merafak sembah menjunjung kasih taat setia ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena ulang tahun baginda. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya rasa satu-satunya Dewan, Speaker yang unik saya rasa adalah di Johor ini, yang mana kalau kita tengok kan rasanya kalau kerajaan biasanya Speaker adalah daripada kalangan kerajaan tetapi di Johor ini uniknya dan menunjukkan satu toleransi di antara semua ADUN-ADUN kita, tahniah dan syabas. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Yang lebih pelik tu yang kalah dekat Kukup tu kat sini itu, lagi pelik tu. (Dewan ketawa).

YB Datuk Md. Othman bin Yusof (Kukup) : Tak apa boleh cuba lagi Tuan Speaker, insya-Allah tahun akan datang saya tak akan bertanding insya-Allah. Dan satu lagi unik di Dewan Johor ini di Dewan Negeri Johor ini saya lihat ada 3 bekas Menteri Besar dalam Dewan yang sama bersama dengan Menteri Besar yang sedia ada. Saya rasa Dewan-Dewan lain tak ada seunik di Dewan Johor ini. Dan tahniah Tuan Speaker kerana masih mengekalkan kerusi yang ada pada hari ini dan terima kasih.

Kita semua sedar di negeri Johor ini merupakan satu negeri yang maju dan industri yang boleh dikatakan kedua selepas Selangor dan daripada segi *contribution income* kepada kerajaan pusat walaupun kita tidak diberitahu berapa banyak tapi kita masih lagi boleh menganggarkan. Saya menganggarkan tidak kurang daripada antara RM10 hingga RM30 bilion yang telah disumbangkan oleh Johor kepada kerajaan pusat.

Dan apa yang menarik di sini adalah apabila per kapita yang pusat memberikan kepada negeri Johor adalah sama dengan negeri lain iaitu sebanyak lebih kurang saya difahamkan RM16.00 satu kepala ataupun per seorang. Jadi kalau kita lihat di negeri Johor ini *population* cuma ada lebih kurang 3.5 juta ataupun sekitar 3.5 juta, kita tengok kita telah mendapat lebih kurang RM200 juta daripada kerajaan pusat untuk semua pengurusan pembangunan di negeri Johor.

Dan daripada per kapita tersebut kalau kita tengok sepatutnya ianya kalau lebih adil lagi kita kena pakai peratusan apa yang terkumpul daripada setiap negeri. Kalau negeri yang banyak *contribution* kepada federal kita sepatutnya dapat lebih, cuma di sini selain daripada per kapita pada rakyat di negeri Johor sahaja dan sedangkan di negeri Johor kalau kita lihat berapa ramai *migration* daripada negeri-negeri lain. Saya rasa tidak kurang daripada 1 juta daripada negeri Sarawak, Sabah, Kelantan, Kedah sampai di negeri Johor ni pun ada Kampung Sabah, YB-YB ataupun Tuan Pengerusi ingin tahu ada Kampung Sabah di sini. Berapa banyak mereka yang tinggal di negeri Johor? Dan selain daripada itu, mereka-mereka kalau daripada negeri lain sudah pasti per kapita yang mereka agihkan oleh pusat pergi kepada negeri masing-masing. Dan mereka ini berada di negeri Johor dan semua apa yang ada infra di negeri Johor juga dipakai sama oleh mereka ini, termasuklah saya yakin tentang apa itu bantuan percuma air 10 metrik padu juga mereka ini mendapat nikmatnya.

Jadi daripada segala apa yang kita ada, infra yang kita ada negeri ini dan dikongsi pakai oleh *migration* daripada negeri lain termasuklah sebagaimana yang telah diberitahu tadi, EXCO ada menyebut tadi, tak kurang daripada 250,000 rakyat daripada negara asing juga berada di negeri Johor. Jadi kalau kita tengok di sini, memang tidak ada keseimbangan tentang apa yang federal berikan kepada kita dan dengan apa yang rakyat ada di negeri Johor.

Jadi, kita terpaksa menanggung beban dan daripada mana datangnya duit-duit untuk kita menanggung semua mereka ini adalah datangnya daripada negeri Johor, hasil daripada negeri Johor. Jadi, di sini saya ingin menyarankan kepada kerajaan negeri Johor untuk mendapatkan ihsan daripada federal supaya kita mengurangkan jurus defisit kita yang mana kali ini defisit yang pada saya amat tinggi sebanyak RM200 juta defisit kita pada kali ini dan kalau ini dapat kita bantuan daripada kerajaan pusat bagi melihat bukan hanya pada per kapita rakyat sebenar negeri Johor tetapi melihat kepada per kapita yang mereka tinggal di negeri Johor ini sepatutnya kita mendapat lebih daripada itu.

Jadi ini adalah satu perkara yang saya rasa kita kena *discuss* dengan kerajaan pusat untuk mendapatkan kita mengurangkan apa itu perbezaan ataupun ketinggian defisit kita. Dan seperkara lagi di Johor ini kalau kita tengok, apa negeri yang nombor 1 terkaya atau terbanyak sekali *contribute* kepada *federal* adalah Selangor, sebab apa Selangor ada Kuala Lumpur. Situ memang pusat ekonomi untuk negara Malaysia.

Tetapi kita di Johor ni tak kurangnya, kita ada Singapura, *directly or indirectly* sepatut kita di Johor ini kita harus bijak untuk mendapat *leverage* daripada negara Singapura dan kita percaya kalau kita bijak kita boleh mendapat *spill over* dari Singapura ke negeri Johor kita ini.

Dan sebagaimana kita tahu banyak pelabur-pelabur sebelum ini datang, salah satunya seperti *Forest City.* Dan kalau apa itu Tuan Speaker ingin tahu apa tu di *Forest City* mereka juga terlibat dalam pembangunan *robotic valley* di negara China. Dan mereka ini diberi kepercayaan oleh kerajaan negeri China untuk membangunkan 10 *square* km, satu kawasan yang besar untuk dijadikan sebagai *robotic valley* di China, di Guangzhou.

Dan mereka ini memang dah bersetuju untuk membawa *robotic technology* ini dan nak dibawa sama apa yang di sana ke Johor. Cumanya kita daripada segi yang mereka masih lagi tertangguh adalah tentang polisi negara kita. Polisi negara kita yang apabila kerajaan bertukar, polisinya bertukar. Ada yang kerajaan dulu telah meluluskan, kerajaan baru bila mengambil kuasa lepas itu membatalkan polisi yang ada, jadi ini merupakan satu perkara yang amat ditakuti oleh semua bukan hanya pelabur daripada negeri China daripada semua dunia. Mereka ini bila melihat polisi kita ini boleh dikatakan polisi yang ala-ala *flip flop* mereka takut nak melabur ke mari.

Dan mereka membawa pelaburan duit mereka ini ke Vietnam, ke Thailand, ke Indonesia. Saya juga difahamkan banyak pelabur-pelabur daripada China sekarang ini menumpukan ke Indonesia. Jadi ini satu perkara yang amat merugikan kita. Dan daripada *Country Garden* juga, *Forest City* mereka ingin bawa, hari itu mereka berbincang mereka mahu mencari tanah untuk bangunkan *agriculture.*

YB Speaker : Kenapa pergi ke Indonesia tu Yang Berhormat?

YB Datuk Md. Othman bin Yusof (Kukup) : Mungkin di sana polisi mereka lebih stabil dan insentif-insentif yang mereka bagi lebih menarik. Dan di sini insentif pada mulanya mereka dah bagi, kerajaan dah luluskan tetapi apabila berlaku pertukaran, insentif itu ditarik semula. Jadi ini perkara yang amat membimbangkan semua pelabur dan sepatutnya untuk kita menaikkan ekonomi kita polisi kita kena jitu, kita tak boleh ubah, *whatever it is,* kalau

katakan satu kerajaan telah pun bersetuju kita kena teruskan polisi itu melainkan polisi itu memang ternyata tak bagus untuk negara kita.

Tetapi mungkin kerana untuk nak dapatkan *appearance* mereka, mereka menukar polisi. Ini adalah satu perkara yang sepatutnya bukan hanya kita di negeri Johor memikirkan, di pusat. Kerajaan pusat patut lebih matang atau lebih tahu supaya polisi kita ni tak menjadi polisi yang dikatakan *flip flop*. Ini apa Tuan Speaker satu perkara yang saya ingin tekankan di sini. Banyak pelabur-pelabur yang nak datang ke mari, memang mereka akan melihat perkara ini. Jadi itulah perkara yang ingin saya katakan di sini. Dan untuk Johor, Kukup melihat kita memang mempunyai banyak potensi untuk maju ke depan daripada semua industri kita.

In fact kalau kita tengok di Singapura itu sahaja mereka dah mula, bukan mula, memang mereka dah dalam penyingkiran industri-industri yang kasar. Mereka ingin pergi ke industri yang *high tech* sebab ketandusan, apa kekurangan tanah di sana. Mereka terpaksa mengurangkan apa *excuse me*, industri-industri yang dikatakan industri *heavy industry.* Dan di sini kalau kita bijak kita boleh rebut peluang tersebut datang ke negeri Johor. Jadi ini satu perkara yang kita di Johor patut melihat *spill over* daripada Singapura.

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat Kukup banyak terlibat dengan pelaburan dan sebagainya. Dalam konteks COVID ini apa yang baru yang perlu digagaskan kepada kerajaan negeri.

YB Datuk Md. Othman bin Yusof (Kukup) : Maaf Tuan Speaker, saya tak berapa...

YB Speaker : Bila COVID ini keadaan luar biasa dalam menghadapi pelaburan-pelaburan begini, apa lagi benda yang berada di luar kotak untuk disampaikan kepada kerajaan negeri supaya kerajaan negeri dapat manfaatkannya, idea-idea barulah maksud saya.

YB Datuk Md. Othman bin Yusof (Kukup) : COVID kalau kita tengok Tuan Speaker merupakan satu virus yang memang kita tak boleh nak nafikan. Tetapi *we got to learned from the right, I mean the other country, the west,* contohnya dengan izin yang mana *we got to live with it.* Jadi cara yang kita kena mencari kaedah mungkin pelabur yang ingin datang ke mari kita tak kenakan mereka ini dengan apa tu kuarantin 14 hari, sebab ada mereka yang nak datang ke Malaysia ni, bila mereka nak datang ke Malaysia ni kena fikir. Bila mereka nak datang ke Malaysia mereka kena kuarantin14 hari.

Tetapi kalau kita boleh mendapatkan satu kaedah yang mana sebelum mereka datang ke Malaysia, mereka *do all the proper test* dekat negara masing-masing. Contoh kita di Dewan ni sebelum kita datang ke Dewan kita kena *swab test* dan kita boleh pastikan kat mana yang hospital yang kita percayai, kita kenakan *swab test* bagi mereka di negara mereka dan mereka boleh datang ke mari dan apabila kita pasti dan *business got to go on*, Yang Berhormat Tuan Speaker.

So, kalau kita jadikan COVID ini sebagai satu masalah memang kita tak tahu mungkin kalau kita tengok daripada segi mereka katakan *the vaccine* mereka dah jumpa tetapi kita tak tahu sampai bila vaksin benar-benar akan dapat digunakan untuk menentang COVID. Jadi sebagaimana yang Tuan Speaker tanyakan tadi, pada saya COVID bukan satu masalah yang besar kalau kita mempunyai satu sistem dan rakyat kita kalau nak keluar pun ke mana pun kita kena ada *bilateral,* antara *government* dan *government*, kita kena ada *swab test* dan kita boleh ke sana. Jadi ini boleh menarik pelabur dalam keadaan COVID sekarang ni pun. Mungkin di Indonesia mereka laksanakan benda yang sama dan banyak pelabur-pelabur sekarang dah ke sana.

Which is pada Kukup memang ia akan merugikan kita *in the long term* dan juga *the short term*. Dan entah daripada, selain daripada pelaburan asing ini kita tengok daripada segi

produk-produk yang akan kita keluarkan dalam kita untuk membantu IKS-IKS sekarang ini. Memang syabas kepada kerajaan negeri Johor yang mana telah menumpukan kepada digital teknologi untuk membantu rakyat dan di sini juga saya terfikir di negeri Johor perlu kita mengadakan satu badan ataupun satu *department* kita kena tengok daripada segi *design development centre.*

Daripada segi pengeluaran barang-barang di negeri Johor ini, dari segi *packaging* mereka, saya tak nampak ada *packaging* yang *proper*, saya tak nampak *packaging* yang *interesting* dekat dalam *market.* Kalau kita lihat di Jepun, kalau kita pergi di Jepun sahaja, kita tengok di sana di *airport* di Jepun, contohnya, *love letter* itu, kuih *love letter* itu mereka bungkuskan sampai dia jadi nampak macam kita *very tempting* untuk beli. Tapi di sini kita tidak, kalau kerepek tu dalam plastik, memang tulah plastik, tak ada label kita dijual.

Jadi, di sini kita di negeri Johor perlu adakan satu *design development centre* yang mana kita patut membantu IKS-IKS ini ataupun semua syarikat yang mana mereka-mereka ini nak buat *design* daripada segi *packaging* kita bantu, nak buat *packaging* yang macam mana boleh *market* kan kita bantu. Jadi ini merupakan satu ikhtiar kerajaan yang saya rasakan patut kita laksanakan. Di samping kita membantu mereka mengadakan *machinery-machinery* untuk mem *produce all those product* dan kita juga kena tekankan daripada segi *packaging-packaging* produk-produk ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Tuan Speaker pun datang daripada Tanjung Piai. Saya rasa kita pun tahu di sana banyak nelayan dan potensi di Tanjung Piai dan di sini saya ingin mengambil sikit masa untuk kita menjemput siapa-siapa *anglers* untuk datang ke Tanjung Piai tetapi Tanjung Piai pekan dia memang *the best.* Tetapi yang dapat nama Pontian, yang dapat nama YAB kitalah. Orang kalau di Johor ini kalau ikan Pontian dia punya harga ada premium, sebab ikan Pontian lebih sedap, tetapi kebanyakan ikan Pontian tu datang pun daripada Kukup juga. Lembu punya susu, sapi dapat namalah di sini.

Saya melihat Tanjung Piai potensi Tanjung Piai kita boleh jadikan Tanjung Piai sebagai sebuah *Angler's Heaven.* Daripada sudut *Angler's Heaven,* saya maksudkan syurga kepada pemancing-pemancing. Di sini kita dapat menarik kata orang tu, pelancong-pelancong daripada bukan hanya daripada negara kita tetapi kalau kita betul kita *organized* kan benda ini kita dapat menarik daripada satu dunia untuk memancing di kawasan Tanjung Piai. Kita di Johor ini beruntung sebab kita mempunyai pantai yang terbesar daripada negeri lain. Sebab kita ada pantai Barat, kita ada pantai Timur, kita ada pantai Selatan jadi kita sepatutnya mengeksploitasikan keadaan muka bumi Allah telah kurniakan kepada kita, jadikan negeri Johor ini sebagai sebuah *Angler's Heaven*. atau saya melihat di Tanjung Piai khususnya tetapi sebelum kita dapat jadikan tempat kita *Angler's Heaven*, kita perlulah, kerajaan perlulah membantu atau membuat kajian. Kita perlu mengadakan banyak tukun-tukun tiruan contohnya sebab dengan adanya tukun-tukun tiruan kita dapat membiakkan ikan-ikan. Pejabat Pertanian melepaskan benih-benih ikan contohnya. Jadi, di situ kita bukan hanya dapat membantu nelayan-nelayan yang ada tetapi juga menaikkan industri pelancongan untuk Tanjung Piai itu sendiri. Bukan itu sahaja tetapi kita kena juga membantu menaikkan undang-undang kita sebab di sana yang mereka ini mengeluarkan modal untuk membuat tukun-tukun tiruan tetapi akhirnya penjaring-penjaring menggunakan jaring mereka berdekatan dengan tukun-tukun ini. Dan apabila tukun ini diselaputi dengan jaring-jaring yang telah berhanyut itu, ada jaring di dalam kawasan tukun itu ikan tak nak datang lagi. Dan mereka ini telah pun mengeluarkan modal. Banyak mereka mengadukan kepada saya. Jadi di sini kita amat memerlukan kerajaan untuk mengeluarkan rang undang-undang yang mana di kawasan tukun-tukun yang kita bina itu tidak dibenarkan aktiviti menjaring. Dan juga, kalau kita tengok di *West, especially* negara-negara Barat, mereka ini ada dia punyai SOP ataupun mereka punya ada prosedur untuk memancing. Ikan sebesar mana dan berapa ekor ikan mereka boleh tangkap dan ini semua di *control* ataupun mereka memastikan sekian bulan apabila ikan dah berlaku, bertelur mereka tidak boleh menangkap

ikan. Jadi, *this is the way* macam mana cara untuk kita memastikan apa juga *investment* kita di situ dapat kita gunakan semaksimumnya. Jadi, di sini saya amat mengharapkan supaya dapat kerajaan membantu untuk menaikkan *Angler's Heaven* ataupun syurga memancing di kawasan Tanjung Piai.

Dan seperkara lagi Yang Berhormat Tuan Speaker, kita sering mendengar berlakunya banyak pencemaran-pencemaran di negeri, bukan hanya di negeri Selangor tetapi negeri Johor juga berlaku. Dan di sini saya amat mengharapkan kalau boleh air ini termasuk dalam kepentingan negeri. Jadi, kalau boleh kita melihat ataupun *relook* balik dalam undang-undang tentang pencemaran air. Di sini, Kukup amat menekankan kalau boleh untuk air ini kita kenakan denda yang amat berat. Saya pergi ke Jogja Yang Berhormat Tuan Speaker, saya amat terperanjat pada saya ingat di Indonesia tu ialah daripada segi *public awareness* dia, daripada segi sungai-sungai mereka kotor, tuan-tuan semua tak percaya, Tuan Speaker tak percaya pergi ke Jogja. Sungai mereka amatlah bersih, di sana. Parit-parit mereka amatlah bersih, di sana. Dan saya terfikir kalau Indonesia boleh buat, takkan Johor tak boleh buat. Takkan Malaysia tak boleh buat. Kalau nak kita ikutkan Malaysia ini kalau pada mata dunia *we are of course, we are* lebih *advanced* daripada Indonesia tetapi daripada segi sungai, daripada segi menjaga air di negeri kita ini amat berkurangan. Dan kita kerap dengar seperti Sungai Kim Kim yang baru-baru ini pembuangan sisa kimia ke dalam sungai. *This is all the irresponsible people* yang telah pun melaksanakan. Dan perkara ini kalau kita nak berhentikan, kita nak mengadakan pemantau sahaja tidak cukup tetapi ini kita perlu, kata orang tu, meningkat ataupun menambah lagi denda. Kita mungkin, kita 4 kali gandakan denda yang ada, kalau sekarang ini katakan denda RM10,000.00 mungkin kita caj RM40,000.00 atau dengan penjara. Jadi, dengan cara ini, *I think* kita boleh hentikan pencemaran air-air kita dengan lebih efektif di negeri Johor ini.

YB Speaker : Masa dah 20 minit Yang Berhormat.

YB Datuk Md. Othman bin Yusof (Kukup) : Yang Berhormat?

YB Speaker : Masa dah 20 minit.

YB Datuk Md. Othman bin Yusof (Kukup) : Ada lagi 2 *second* Yang Berhormat. (Dewan Ketawa). Tadi Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi ada kacau-kacau sikit tu ada lagilah 5 minit. Tapi oleh kerana saya menghormati rakan-rakan yang nak berucap.

YB Speaker : 1 minitlah, 1 minit Yang Berhormat.

YB Datuk Md. Othman bin Yusof (Kukup) : Dengan itu, saya amat mengharapkan Yang Berhormat supaya kita di negeri Johor ini satu rang undang-undang yang tegas kita kenakan kepada mereka yang pencemar-pencemar sungai kita. Jadi, itu yang sangat-sangat mustahak kita dilakukan di sini. Kemudian, sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Kukup. Seterusnya saya persilakan Pekan Nanas. 20 minit Yang Berhormat ya.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ya.

YB Speaker : Jalan baharu dah dapat dah. 20 minit cukup.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Selamat sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan sekalian. Pertama sekali Pekan Nanas ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan Johor 2021 setelah dah menunggu satu tahun.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Menteri Besar telah membentangkan satu bajet bertema, "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran". Dalam ucapannya telah mengatakan bahawa ekonomi Johor berada dalam suatu situasi yang amat mencabar di bawah perebakan COVID-19. Menurut Bajet 2021 hasil negeri Johor adalah sebanyak RM1,609 juta manakala anggaran perbelanjaan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM1,857 juta. Jumlah Belanjawan Johor 2021 merupakan satu belanjawan defisit sebanyak RM248 juta. Pekan Nanas bersetuju dengan pandangan Menteri Besar bahawa dalam keadaan ekonomi sekarang kerajaan harus belanja lebih daripada biasa. Tindakan ini adalah wajar di mana penambahan perbelanjaan kerajaan dan pengurangan hasil cukai pada krisis ekonomi dapat menyelesaikan masalah kekurangan permintaan pasaran, meningkatkan kemampuan rakyat untuk menjalankan aktiviti perbelanjaan untuk merangsangkan ekonomi pada masa krisis ekonomi. Keadaan kedudukan kewangan kerajaan negeri Johor berada dalam lebihan ataupun defisit. Dia bukan satu-satu tanda yang penting untuk menaik kerajaan apabila kita menghadapi cabaran wabak COVID-19. Tindakan kerajaan perlu menyalurkan bantuan untuk membantu rakyat meringan beban adalah lebih penting buat masa ini. Berbanding dengan risiko kerajaan menghadapi defisit dan prinsip ini merupakan prinsip yang saya pernah pegang apabila membawa usul untuk mengurangkan cukai tanah dalam Dewan yang lepas. Walau bagaimanapun, kerajaan perlu berhati-hati dan jangan terlalu optimistik dalam pembentangan bajet. Apabila Pekan Nanas meneliti Bajet 2021, Pekan Nanas risau anggaran pendapatan yang dibuat, cukai tidak langsung seperti cukai hiburan yang meliputi cukai tiket wayang dan juga cukai tiket taman tema mungkin terlalu optimistik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita faham hasil cukai wayang dan cukai taman tema pada tahun 2020 pasti terjejas akibat perebakan COVID. Keadaan yang sama mungkin berlarutan kerana sekarang kes COVID di negara kita masih melonjak tinggi. Oleh itu, adalah kerajaan boleh mendapati hasil cukai tiket wayang dan cukai tiket taman tema yang lebih tinggi jika berbanding dengan hasil yang kita dapati pada 2019 adalah sesuatu yang masih belum tentu dapat. Tambahan pula, Persatuan Pameran Filem Malaysia (MAFIM) telah membuat keputusan di mana semua panggung wayang di seluruh Malaysia ditutup mulai 2 November 2020 sehingga suatu tarikh yang akan diumumkan kemudian. Keputusan ini dibuat sebab PKPB yang dijangka dan jumlah filem yang ingin ditonton adalah sedikit. Panggung wayang sekarang menghadapi kerugian yang amat besar akibat kehilangan 90% pelanggan mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, 90% ini bukan suatu angka yang kecil. Adakah nilai ini akan pulih dan mencatatkan keputusan yang lebih baik berbanding dengan tahun 2019 dan 2020 masih belum dapat ditentu lagi. Manakala, cukai tiket taman tema merupakan suatu hasil yang amat bergantung kepada kedatangan pelancong memandangkan keadaan COVID masih berleluasa. Banyak negara masih berada dalam keadaan, *lock down*. Keadaan ekonomi masih lembap. Kita tidak boleh tahu bila sektor pelancongan akan pulih. Adakah anggaran pendapatan tersebut masih dapat mencapai sasarannya. Oleh itu, sebagai suatu kerajaan alternatif atau pembangkang yang konstruktif, saya faham belanja defisit adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Apabila negara kita berada dalam situasi ini tetapi kita perlu memastikan bahawa perancangan dan penilaian pada peringkat pembentangan bajet dibuat dengan lebih berhati-hati untuk mengelakkan berlaku defisit yang akan melonjak tinggi dan menjadi luar jangkaan daripada anggaran kita pada masa yang akan datang. Sebab itu, saya memohon pihak kerajaan memberi pencerahan tentang anggaran tersebut. Sekiranya ia tidak munasabah lebih baik kita membuat pindaan pada peringkat awal. Panggung wayang dan taman tema merupakan sektor yang mengalami cabaran serius akibat perebakan COVID. Pekan Nanas menyambut baik dengan usaha kerajaan mengecualikan duti hiburan bagi taman-taman tema dan pusat hiburan. Pada masa yang sama, Pekan Nanas juga ingin memohon jasa baik kerajaan untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya untuk menurunkan kadar cukai tiket wayang dan kadar cukai tiket taman tema untuk mengurangkan kos mereka supaya jika harga tiket mereka dapat diturunkan kita dapat menaikkan daya tarikan mereka khasnya apabila keadaan ekonomi sekarang masih lembap.

Yang Berhormat Tuan Speaker, objektif utama Belanjawan Johor 2021 adalah untuk menjamin ketahanan dan kelangsungan ekonomi, memperkasa dan memperdayakan daya tahan kebajikan rakyat Johor dan menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Johor. Matlamat ini dapat dijana jika kita dalam strategiknya lebih fokus kepada peningkatan produktiviti dan menyelesaikan masalah pengangguran di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tindakan penubuhan Jawatankuasa *Security* Makanan Negeri yang melibatkan pemain industri agensi kerajaan dan peruntukan RM6 juta untuk kawasan tanaman seluas 2,148 hektar untuk program Jaminan Bekalan Makanan melalui Agenda Johor Tani adalah suatu permulaan yang baik. Saya bersetuju dengan pandangan Menteri Besar di mana ini adalah masa kita menumpukan sepenuh sumber yang ada bagi menata cara-cara yang baru untuk menggapai kemakmuran bersama, yang penting ini, cara-cara baru. COVID-19 ini merupakan pandemik yang paling serius dalam sejarah manusia. Selepas berlakunya pandemik *flu Sepanyol* pada 100 tahun yang lepas. Kita tidak boleh menggunakan cara yang lama untuk menghadapi cabaran yang akan semakin meruncing pada masa yang datang. Tidak dapat dinafikan Johor mempunyai aset yang semula jadi seperti tanah yang subur dan tenaga kerja yang sedia ada. Menurut statistik Jabatan Pertanian pada tahun 2019, negeri Johor mempunyai tanah terbiar seluas 10,098 hektar dan melibatkan 4,561 lot tanah. Disebabkan kadar pengangguran semakin meningkat, kita ada banyak sumber tenaga yang sedang berusaha untuk mencari sumber rezeki buat masa ini. Oleh itu, saya bercadang kerajaan untuk menubuhkan satu *taskforce* untuk memfokuskan perhatian optimumkan semua tanah terbiar di negeri Johor. *Taskforce* boleh tanah terbiar, boleh ditubuhkan di peringkat negeri dan setiap daerah untuk mengenal pastikan setiap tanah yang berpotensi dibangunkan. Sebagai contoh, daerah Mersing ada tanah terbiar yang paling banyak di Johor sebabnya 3,786 hektar, yang melibatkan 1,142 lot tanah. *Taskforce* ini perlu mengetahui lot-lot tanah tersebut dan mengkaji cara-cara untuk mengoptimumkan tanah tersebut jika pemilik tidak dapat mengusahakan tanah tersebut adakah langkah alternatif seperti mewujudkan usaha sama pemilik tanah dengan pemain industri lain ataupun menyewakan tanah tersebut kepada orang lain yang berminat untuk mengelakkan pembaziran sumber. Apa jua cara pun boleh kita cuba, asalkan tanah tersebut tidak terbiar. *Taskforce* ini boleh menerima maklumat-maklumat dari orang awam untuk mengenal pastikan mana tanah yang terbiar untuk mengelakkan pembaziran sumber tanah. Tindakan drastik perlu diambil supaya setiap keping tanah terbiar di negeri Johor dapat digunakan dengan sempurna untuk menjana hasil dan menjana peluang pekerjaan dan meningkatkan produktiviti negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu tanah terbiar pun pernah dibangkitkan dalam sesi soal jawab dan saya juga pernah memberi cadangan kepada kerajaan untuk merujuk kepada Kanun Tanah Negara Seksyen 115, untuk mengambil tindakan terhadap tanah terbiar untuk memastikan tanah pertanian diusahakan secara berterusan. Menurut Seksyen 115, pemilik tanah pertanian tidak memulakan kerja pada tanahnya dalam tempoh 12 bulan dan menyempurnakan kerja dalam tempoh 3 tahun adalah melanggar syarat. Tanah perlu diusahakan dengan tanaman secara berterusan untuk mengelakkan pembaziran sumber. Pentadbir kuasa, Pentadbir Tanah berkuasa melucut hak tanah tersebut kepada pihak kerajaan negeri mengikut seksyen 127, 128 dan 129 Kanun Tanah Negeri jika pemilik tanah tidak mengambil tindakan yang sewajarnya selepas mendapat notis daripada Pentadbir Tanah. Ini menunjukkan dalam sistem perundangan negara kita telah memberi kuasa kepada pihak kerajaan menangani tanah terbiar supaya kerajaan dapat mengoptimumkan penggunaan tanah demi kebaikan ekonomi negara. Sebab itu ada sedikit pandangan yang berlainan kerana ada yang rasa tanah yang terbiar kebanyakan bergantung kepada inisiatif, kepada pemilik tanah tetapi daripada segi undang-undang ia juga merupakan satu tanggungjawab kepada pemilik tanah.

Pekan Nanas juga faham bahawa penguatkuasaan undang-undang tersebut merupakan suatu cabaran yang sangat besar. Oleh itu, saya juga ingin menegaskan ini penting tau kerana kalau tak nanti salah faham, nanti ada perampasan tanah ini kata ini adalah cadangan daripada Pekan Nanas. Nanti saya, orang maki saya, sampai kepala pun busuk, nanti bangunan diceroboh kerana sedangkan saya, ini bukan, ini bukan. Ini penting, saya ingin menegaskan bahawa sebarang penguatkuasaan undang-undang tersebut bukan untuk tujuan perampasan tanah. Ini penting tau, kalau tak nanti orang campak saya masuk sungai. Yang penting kita perlu memohon pemilik untuk meremedi ataupun memulihkan penggunaan tanah tersebut *or* tindakan perampasan tanah mungkin akan menyebabkan proses perundangan yang rumit dan panjang jika dibawa ke mahkamah. Yang paling penting suatu mesej mengoptimumkan tanah perlu disampaikan untuk mendorong, mendidik dan mendesak pemilik me *utilize* kan tanah mereka melalui proses penguatkuasaan Kanun Tanah Negara. Jika tidak, banyak orang masih beranggapan bahawa sekiranya mereka ada bayar cukai, tanah terbiar bukan suatu isu undang-undang. Ini adalah konsep yang tidak betul dan tanah bukan sekadar hak milik persendirian yang dikumpulkan sebagai kekayaan. Pemilik tanah juga, juga bertanggung jawab untuk mengusahakan tanah tersebut supaya mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara dan usaha membangunkan tanah terbiar, Pejabat Tanah, Jabatan Pertanian, Pihak Berkuasa Tempatan, pemain industri perlu memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan suatu persefahaman dengan pemilik tanah supaya kita dapat mewujudkan satu *win-win situation* sama ada usaha sama, pajakan, sewa ataupun apa-apa cara lain yang boleh membenarkan pemilik tanah, rakyat serta kerajaan mendapat kebaikan daripada pelaksanaan dasar tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cabaran yang kita hadapi hari ini sangat besar, kerajaan sudah tidak ada sumber tanah yang banyak seperti 50 tahun yang dulu, yang memberikan kita menerokai kawasan baru seperti melaksanakan perintah walaupun kita mungkin berazam tinggi tetapi *conditional* hari ini sudah berubah, kita perlu menggemblengkan setiap tanah terbiar yang sedia ada walaupun bertaburan, berselerak di tempat-tempat berasingan. Ini merupakan sumber yang penting yang perlu kita fokus dan tumpukan perhatian untuk meningkatkan produktiviti dan menjana peluang pekerjaan supaya kita dapat mengharungi cabaran COVID-19. Penguatkuasaan dan pemantauan secara berkala untuk mengelakkan keadaan tanah terbiar dan memaksimumkan penggunaan tanah adalah penting. Dan, saya faham pelaksanaan dasar ini memang bukan suatu kerja yang mudah dijalankan. Tapi, dalam masa yang kritikal ini kita perlu mengambil tindakan yang drastik dan kejayaan dasar ini amat bergantung kepada cara pelaksanaan yang berhati-hati, bertimbang rasa dan berperikemanusiaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kadar pengangguran Johor adalah 3% pada tahun 2018, ia menurun kepada 2.7% pada tahun 2019. Kadar pengangguran meningkat menjadi 3.2% pada suku pertama 2020 dan melambung tinggi menjadi 4.9% pada suku yang ketiga. Mengatasi masalah pengangguran perlu menjadi titik fokus dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan untuk memastikan kebajikan rakyat dan kesejahteraan masyarakat terjamin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, PERKESO ada suatu Skuad Prihatin PERKESO yang ditubuhkan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat melalui surat khabar, sosial media untuk menghulurkan bantuan kepada Ahli PERKESO yang mengalami kemalangan. Saya bercadang kerajaan menubuhkan satu Skuad Prihatin Pekerjaan melalui agensi-agensi kerajaan seperti PERKESO, Jabatan Tenaga Kerja dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengesan penganggur yang berada di negeri Johor dan mengambil inisiatif untuk membantu menawarkan pekerjaan kepada mereka. Pada masa yang kritikal ini, kerajaan bukan tunggu rakyat yang menghadapi masalah tetapi datang ke ofis untuk memohon bantuan tetapi kita perlu mencontohi cara kerja Skuad Prihatin PERKESO yang mengambil inisiatif untuk turun ke padang, menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang menghadapi masalah.

Saya faham berbagai usaha telah dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja, *Jobs Malaysia* untuk menjayakan Karnival Kerjaya di seluruh Johor. Saya juga pernah menganjurkan Karnival Kerjaya dengan usaha sama Jabatan Tenaga Kerja dan *Jobs Malaysia* di Pekan Nanas. Walau bagaimanapun, pada masa yang genting ini kita perlu lebih aktif ataupun agresif bukan sahaja hanya menganjurkan program dan menunggu mereka tampil ke depan. Masa ini adalah kita turun ke padang, tampil diri ke rakyat yang memerlukan bantuan. Oleh itu, Skuad Prihatin Pekerjaan boleh mengambil inisiatif mengkaji data-data bayaran caruman PERKESO dan EPF setiap bulan. Sesiapa yang henti membuat bayaran, mungkin mereka menghadapi kebuntuan dalam kehidupan mereka, Skuad Prihatin ini boleh menyediakan borang melalui agensi kerajaan, menyediakan *google form* untuk mengumpulkan data-data penganggur. Skuad Prihatin ini yang ditubuhkan juga boleh fokus untuk menghubungi mereka, untuk mengetahui keadaan mereka, mengatur temu janji dengan syarikat yang memerlukan tenaga kerja.

YB Speaker : Masa dan hampir-hampir 20 minit Yang Berhormat.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Sikit, sikit. Jika daerah tertentu tak ada kilang atau syarikat yang memerlukan tenaga kerja yang tinggi, skuad itu boleh mengaturkan temu duga merentasi daerah atau pun mana-mana cara yang sesuai. Pada masa ini, saya berharap kerajaan mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan satu Skuad Prihatin khasnya supaya kita boleh turun ke padang, tampil diri ke hadapan mereka untuk menghulurkan bantuan dengan lebih sistematik dan efektif.

Pekan Nanas menyambut baik dengan pelbagai mekanisme yang dirangka oleh kerajaan untuk menyalurkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan. Pada masa yang sama, sekiranya kita berjaya menawarkan peluang pekerjaan kepada penganggur dan mengurangkan kadar pengangguran secara berkesan. Saya yakin rakyat Johor akan mendapat manfaat daripada usaha tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker...

YB Speaker : 20 minit, Yang Berhormat. Tak boleh masuk, tak boleh masuk *point* baru Yang Berhormat.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ye, saya tahu. Tinggal sedikit. Cadangan terakhir.

YB Speaker : Simpulkan, simpulkan.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Cadangan terakhir. Pekan Nanas juga menyambut baik dengan usaha kerajaan untuk mengeluarkan peruntukan RM20 juta untuk Rancangan Tebatan Banjir, pengorekan sungai dan muara sungai dan meningkatkan peruntukan RM40 juta untuk menyelenggarakan parit dan saliran. Saya faham disebabkan sumber terhad tidak ada kerajaan yang mampu untuk memenuhi permintaan semua pihak khasnya apabila kita berada dalam himpitan yang luar biasa. Untuk menyelesaikan banjir kilat di seluruh negeri Johor peruntukan kerajaan mesti terhad untuk selesaikan semua masalah.

Oleh itu, pada masa yang kritikal ini saya bercadang kepada kerajaan untuk mengkaji sungai-sungai yang selalu berlaku banjir di setiap daerah sama ada sungai tersebut sesuai untuk menghasilkan pasir sungai melalui pengorekan sungai. Sekiranya pengorekan sungai boleh mendatangkan hasil melalui penjualan pasir sungai, saya cadang kepada kerajaan untuk menawarkan kerja pengorekan pasir sungai secara tender terbuka. Cara ini membolehkan lebih banyak sungai dan muara sungai dapat dikorek untuk meringankan keadaan banjir kilat. Pihak JPS mungkin dapat menjimatkan kos pengorekan sungai

ataupun dapat mengorek lebih banyak sungai. Kerajaan boleh mendapat hasil daripada jualan cukai pasir sungai melalui Pejabat Tanah dan mungkin kontraktor juga boleh mendapat menjana pendapatan melalui aktiviti tersebut. Walau bagaimanapun, Pekan Nanas sedar di mana cadangan pengeluaran pasir sungai ini berisiko untuk mengundang masalah runtuhan tebing dan kerosakan ke atas persisiran sungai.

YB Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ia hanya merupakan cadangan untuk...

YB Speaker : Selesaikan Yang Berhormat.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Masa kritikal ini dan pelaksanaan cadangan ini amat memerlukan pemantauan yang rapi daripada agensi kerajaan seperti JPS dan Pejabat Tanah. Oleh itu, jika boleh diterima saya bercadang dihadkan 1 daerah paling banyak 1 sungai untuk peringkat permulaan.

YB Speaker : Ok, tamatkan Yang Berhormat.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, tinggal masalah tempatan.

YB Speaker : Tak boleh Yang Berhormat.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ni *last*.

YB Speaker : Tak boleh Yang Berhormat, tak boleh, tak boleh masa dah cukup sangat ni 23 minit.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : 3 minit.

YB Speaker : Cukup Yang Berhormat. Cukup, cukup.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : 3 minit, 3 minit.

YB Speaker : Tak boleh, tak boleh.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ah...

YB Speaker : Minta maaf, minta maaf tidak boleh Yang Berhormat. Masa dah terlalu sempit Yang Berhormat.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Bolehlah.

YB Speaker : Masa dah pendek, saya minta maaf. Saya kena tegas sebab kita ramai lagi yang belum berucap Yang Berhormat. Ok, sekian Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Stulang. Jangan ketawa Yang Berhormat, masa 20 minit.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Sebelum memulakan perbahasan, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dan ucapan setinggi-tinggi tahniah ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020.

Yang Berhormat Speaker, penutupan atau kawalan pergerakan di sempadan Malaysia – Singapura akibat COVID telah mengakibatkan kesan yang amat serius kepada kedua-dua buah negara. Ratusan ribu rakyat Malaysia yang bergantung kepada Tambak Johor terpaksa mengharungi cabaran ekonomi, tekanan hidup, keperitan berpisah dengan keluarga, berdepan dengan pelbagai masalah kewangan, pelbagai masalah keluarga, tanpa ibu bapa, peluang pekerjaan yang tidak menentu dan sebagainya.

Angka ratusan ribu ini masih tidak merangkumi ahli-ahli keluarga mereka. Jika dikaji dari sudut ekonomi setempat Johor Bahru banyak perniagaan telah pun terjejas dan ini juga melibatkan puluhan ribu dan ratusan ribu rakyat. Saya akui juga kerajaan Johor juga setuju bahawa sempadan ini perlu dibuka secepat mungkin untuk memulihkan ekonomi tempatan yang parah. Kebanyakan ADUN-ADUN yang ada dalam Dewan yang mulia ini juga ada menunjukkan keprihatinan mereka terhadap isu Tambak Johor dan juga rakyat yang pengaruhi atas penutupan sempadan ini.

Walaupun isu rentas dan pembukaan sempadan ini merupakan bidang kuasa kerajaan persekutuan, tetapi ia melibatkan jutaan penduduk Johor dan seluruh Malaysia. Jadi, adalah mustahak untuk kita memperdebatkan isu ini di Dewan Negeri yang mulia ini. Sebelum perjalanan harian adalah Malaysia dan Singapura dipulihkan, atau sebelum Tambak Johor dibuka sepenuhnya, cadangan Stulang mengenai isu sempadan adalah berikut: yang pertama, memudahkan rakyat Malaysia yang berada di Singapura boleh pulang ke tanah air dengan lebih mudah memandangkan Singapura sekarang merupakan negara yang berisiko rendah. Sejak pelaksanaan PCA, rakyat Malaysia yang memiliki permit kerja Singapura telah pun merentas sempadan negara untuk pulang ke tanah air. Rakyat Malaysia pulang ke Malaysia melalui PCA telah dibenarkan untuk kuarantin dan mengasingkan diri sehingga keputusan ujian COVID-19 menunjukkan keputusan negatif. Penduduk Johor yang pulang dari Singapura turut dibenarkan untuk kuarantin dan mengasingkan diri di kediaman mereka di Johor, ini melalui PCA. Namun, rakyat Malaysia yang lain termasuk pemastautin tetap Singapura, pemegang kad pelajar, pemegang *long term pass* atau pemegang sosial pas hanya dapat pulang ke Malaysia sebagai pelawat biasa dan harus menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari di pusat kuarantin yang ditetapkan dengan perbelanjaan ditanggung sendiri.

Ketika pandemik ini adalah mustahak agar dasar yang dibuat sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa dan perubahan dilakukan apabila diperlukan untuk memberikan bayangan situasi sebenar dan mengurangkan impak ekonomi dan sosial kepada semua rakyat Malaysia. Ini sangat penting, perlu dikaji dari semasa ke semasa. Satu-satunya percanggahan yang ada di antara pelawat melalui PCA dan pelawat lain adalah, walaupun kedua-dua mereka balik dari negara yang sama iaitu Singapura di mana risiko negara tersebut sekarang adalah rendah mereka tidak dibenarkan mengguna PCA tetap diwajibkan menjalani langkah keselamatan kesihatan yang berlainan, kepada mereka yang menggunakan PCA. Jadi tidak terdapat sebarang justifikasi untuk 2 jenis standard yang berlainan ini. Cadangan membenarkan semua rakyat Malaysia yang pulang dari Singapura untuk melalui langkah kesihatan yang sama.

Jadi sudah tiba masanya untuk kerajaan Malaysia mengakui bahawa rakyat Malaysia pulang dari Singapura bukan golongan yang berisiko tinggi. Prosedur kini yang mewajibkan rakyat Malaysia yang pulang dari Singapura untuk menjalani kuarantin 14 hari di pusat kuarantin iaitu langkah sama seperti dikenakan ke atas pelawat asing dari negara berisiko tinggi sememangnya adalah tidak perlu dan perlu dikaji, dirombak dan dihapuskan.

Cadangan saya yang kedua, berkenaan dengan isu sempadan juga iaitu kerajaan Malaysia seharusnya membenarkan rakyat dari negara berisiko rendah untuk masuk ke Malaysia. Tidak dinafikan bahawa keluar masuk sempadan atau pintu masuk perlu dijaga dengan rapi. Walau bagaimanapun untuk memulakan pergerakan antarabangsa, kerajaan boleh

mempertimbangkan agar membenarkan rakyat dari negara berisiko rendah untuk masuk ke Malaysia. Ini sangat penting kerana kita perlu menguruskan sempadan negara pada satu tahap di mana wabak COVID boleh dikawal dan pada masa yang sama ekonomi tempatan dan antarabangsa tetap terpelihara.

WHO dan setiap negara juga ada senarai negara dengan *risk assessment level* COVID mereka. Maknanya, sama ada negara itu berisiko rendah, sederhana, tinggi atau sangat bahaya adalah diketahui umum. Kalau sempadan terlalu longgar, risiko COVID meningkat, kalau sempadan terlalu ketat, ekonomi runtuh. Jadi, saya ambil contoh adalah kalau kita memegang, kalau kita memegang seekor burung yang kita tangkap, kalau kita pegang dia terlalu kuat, burung mati. Kalau kita pegang terlalu ringan, burung terbang. Sama juga, kalau kita pegang kuat sangat burung mati, kalau pegang ringan sangat burung terbang. Jadi sama juga dengan sempadan kita ialah kita tahu COVID ini sangat bahaya. (Dewan ketawa). Jadi kita sempadan,

YB Speaker : Ini burung betul tau, bukan burung lain, burung betul. (Dewan ketawa).

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Ini semua otak kotor ni. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Teruskan Yang Berhormat.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Jadi kalau sempadan kita kalau terlalu ketat kita jaga, ekonomi terjejas. Kalau terlalu longgar pun risiko COVID meningkat. Jadi, membenarkan mereka dari negara berisiko rendah masuk pun bukan kita akan laksanakan sambil lewa sahaja. Kita boleh adakan SOP atau peraturan yang khusus untuk dipatuhi. Mengambil sikap terbuka dan mencari ikhtiar dalam hal ini merupakan satu kaedah *damage control* akibat COVID agar kita boleh bergerak ke depan.

Yang Berhormat Speaker, sebelum saya meneruskan dengan cadangan-cadangan yang lain secara tuntas, saya ingin persembahkan liku hidup yang dilalui oleh, apa yang telah dilalui oleh mereka sekarang, apabila sempadan Malaysia – Singapura ditutup atau dikawal dengan ketat. Ya, ramai yang hilang kerja, tak kira di Malaysia atau di Singapura. Ada yang tidur jalan, hidup gelandangan di Singapura, ada yang terkandas di Singapura, dah 10 bulan tak balik rumah. Ada yang terpaksa melahirkan anak di Singapura, terpaksa, dengan kos yang begitu tinggi.

Di Johor Bahru pula restoran turun lebih daripada 70%, ada yang tutup terus. Penjaja, peniaga kecil-kecilan satu hari kadang-kadang tak sampai RM50.00. Perniagaan runcit *retail business* turun 80% pun ada, sektor pelancongan lembap terus. Pemandu teksi di CIQ, kosong. Ya, ini adalah rintihan mereka ada bagi emak di Singapura, bayi di Malaysia, emak di Singapura bayi di Malaysia, bapak emak di Singapura, anak-anak semua di Malaysia, bapak emak sakit, meninggal dunia di Malaysia, anak di Singapura.

Ada yang meninggal dunia di Singapura, meninggal di Singapura tak boleh meninggal dunia di tanah air sendiri. Ada yang bapak hidup sorang, meninggal tak ada orang tahu, anak pun tak tahu, ada tadi Paloh tanya ada orang kahwin lagi. Janganlah ini macam.

YB Speaker : Dah lama sangat duduk kat Singapura tu, terpaksalah kahwin, jadi terpaksa kebumi, terpaksa juga kahwin.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yalah PKP ni banyak masalahlah seperti Johor Jaya tempoh hari pun ada sebutkan, ada laki bini sama-sama terlalu lama gaduh pula, nak cerai pula, ini pun banyak masalah. Jadi sebelum itu awal PKP wanita hamil, warga tua, anak-anak belia...

YB Speaker : Nasib baik Kempas yang tak *stranded* kat Singapura, kalau Kempas *stranded* kat Singapura. (Dewan ketawa).

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Ini mahu jaga 3, 4 ni lagi susah (Dewan ketawa). Ini lagi susah ni, bukan main. Tapi saya ok, saya seorang sahaja. (Dewan ketawa). Jadi wanita hamil, warga tua, kanak-kanak berjalan merentasi Tambak Johor balik ke JB, ini adalah kesusahan mereka.

Jadi, cadangan saya ketiga berkenaan dengan isu rentas sempadan adalah, ini saya rasa sangat penting di mana kita perlu mengadakan perbincangan sekarang supaya kita boleh teruskan apabila wabak COVID telah pun tamat. Adalah berkenaan dengan penubuhan *travel bubble* Singapura – Johor Bahru. Saya rasa ini sangat penting kita perlu rancangan terperinci di mana kita perlu menunggu semua agensi-agensi yang berkaitan, pihak swasta dan destinasi-destinasi pelancongan, agensi-agensi yang perlu untuk sama-sama membincangkannya.

Ekonomi negeri Johor amat dipengaruhi oleh perbelanjaan, berbelanja para pelancong dari Singapura dan sebaliknya. Namun segala aktiviti pelancongan telah dihentikan kini bagi menghentikan penularan wabak COVID-19 yang amat membimbangkan sebelum ini. Johor telah pun menjadi satu destinasi pilihan kebanyakan rakyat Singapura untuk sekian lama, disebabkan oleh faktor geografi Johor yang berdekatan dengan Singapura.

Atas sebab yang sama ramai penduduk Johor juga turut ke Singapura. Mengawal penularan COVID adalah satu yang cukup penting. Namun langkah-langkah bagi membenarkan aktiviti pelancongan dijalankan juga haruslah diterokai agar dasar-dasar yang tertentu dapat dilaksanakan secepat mungkin sejurus situasi pandemik ini sampai ke satu tahap yang memuaskan. Melalui usaha yang cepat dan lincah ini sebarang pembaziran peluang, sebarang pembaziran peluang dapat dielakkan dan sekali gus meningkatkan daya persaingan kita.

Setelah situasi di Johor dan Singapura bertambah baik, *travel bubble* Johor – Singapura harus dilaksanakan bagi membenarkan aktiviti pelancongan untuk disambung semula antara kedua-dua bandar, namun tetap dengan langkah-langkah keselamatan yang patut bagi membendung penyebaran wabak COVID-19. Ini harus dilakukan untuk menghidupkan semula berbagai sektor seperti pelancongan tempatan, F&B, peruncitan dan hiburan.

Permohonan haruslah dilakukan oleh agensi pelancongan, semua lawatan berpandu haruslah berserta dengan jadual yang terperinci dan padat, yang jelas menyenaraikan tarikh dan masa bagi setiap lokasi yang akan dilawat oleh kumpulan lawatan berpandu tersebut. Sebagai contoh, destinasi pelancongan terkenal, tempat penginapan, restoran dan pusat beli-belah yang akan dilawat oleh kumpulan lawatan berpandu tersebut. Selain itu, maklumat seperti nama agensi pelancongan, syarikat pengangkutan juga harus disediakan.

Setiap peserta dan pelancongan dalam satu kumpulan lawatan berpandu haruslah dapat sentiasa dihubungi dan dikesan pada bila-bila masa mereka dalam lawatan. Selain itu ujian seperti ujian COVID, prosedur pengesanan, mematuhi peraturan kesihatan, keselamatan merupakan SOP yang juga perlu dijaga.

Cadangan keempat saya adalah berkenaan sempadan juga, berkenaan dengan isu CIQ juga. Jadi bagaimana kita sebagai kerajaan sekarang perlu membuat kesediaan di CIQ, BSI dan CIQ KSAB semasa COVID ini.

YB Speaker : Azan Yang Berhormat, azan.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan).

YB Speaker : Masa ada 6 minit lagi Yang Berhormat.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Ok. Jadi, sebagai pemimpin atau kerajaan yang bervisi jauh, Stulang berpendapat baik kerajaan Johor atau kerajaan persekutuan perlu menggunakan masa COVID-19 ini dengan sebaik-baiknya dalam menangani segala isu yang berkaitan dengan sempadan Malaysia – Singapura. Jadi, bagaimana kita berfungsi dengan lebih baik apabila pandemik COVID telah pun beredar, agar kita mahu lihat Tambak Johor sesak lagi. Justeru itu, saya menyeru kepada kerajaan agar membuat persiapan menaik taraf menaikkan rancangan yang telah disyorkan sebelum ini untuk memantau isu kesesakan untuk Tambak Johor semasa tempoh PKP ini atau semasa orang yang menggunakan Tambak Johor adalah minima. Ini adalah kerana segala kerja naik taraf pada masa penggunaan minima ini akan menjimatkan kos, menjimatkan masa dan lebih selamat. Kerisauan kontraktor berkaitan kebahayaan kepada pengguna adalah minima. Kerja naik taraf sistem juga tidak akan membantutkan proses *clearance* kalau kerja cepat dan lancar maka kos adalah minima.

Jadi cadangan kelima, terakhir saya adalah saya amat setuju dengan usaha pendigitalan pentadbiran yang diketengahkan oleh Menteri Besar, lebih-lebih lagi dalam era ini di mana data adalah penting dan boleh dikecapi dengan teknologi. Saya pernah cadangkan penggunaan *big data* dan *artificial intelligence* untuk tujuan kawal selia sempadan sebelum ini. Walau pun ini adalah bidang kuasa persekutuan tetapi Stulang berpendapat Johor sebagai salah satu pintu masuk utama perlu mengambil inisiatif dalam pelaksanaan *big data* dan *AI* ini sama ada dari segi memulakan perbincangan dengan persekutuan atau memulakan kajian awalan dalam implementasi ini. Ini sangat penting, ini adalah kerana data yang dikutip cukup banyak dan sempurna. Data dari Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Jabatan JPJ, Jabatan Kesihatan, MAKIS, PDRM, KDN, PTG Johor dan sebagainya. Semua data kita ada. Jadi kita perlu buat pendigitalan dan penggunaan *big data* dan *artificial intelligence*. Sekiranya data-data tersebut boleh digabungkan dan dikongsi melalui *big data* dan *AI* dan *machine learning*, dengan izin, maka ia mampu membantu kerajaan dalam banyak keputusan dan andaian yang bijak, tepat dan produktif.

Lantaran itu, Stulang memohon agar peruntukan dana sebanyak RM100,000.00 atau satu angka yang dirasai sesuai, untuk tujuan kajian awal penggunaan *big data* dan *AI* dalam kawal selia sempadan di dalam Belanjawan Johor 2021. Jadi, supaya rakyat Malaysia dan anak Johor, kita cintai tanah air kita kata mahu lihat Johor bangkit semula dalam melawan COVID. Stulang berharap kerajaan yang ada sekarang boleh ikhlas dalam segala jua polisi dan rancangan. Kita bukan musuh kerajaan, dan saya juga amat setuju dengan cadangan Tangkak di mana bahawa Wakil Rakyat dari pihak kami boleh di undang untuk mengambil bahagian dalam Mesyuarat Tindakan Daerah kerana kita bukan musuh kerajaan ya. Isu yang kita ketengahkan bukan isu sampai kita ketengahkan pun sama ya. Kita pun ikhlas dan kita hanya ingin menyelesaikan masalah rakyat sahaja. Kita bukan musuh kerajaan, kita ikhlas dan beria-ia dalam menyelesaikan segala permasalahan rakyat ya. Terima kasih juga kepada semua agensi kerajaan dalam membantu rakyat dalam apa jua aspek semasa wabak COVID ini. Natijahnya ya, perbahasan saya kali ini menyentuh tentang isu rakyat susah atas penutupan Tambak, cadangan adalah biar rakyat yang berada di Singapura boleh balik dengan senang, mempertimbangkan pembukaan sempadan untuk negara yang berisiko rendah, melaksanakan apa juga projek yang telah dirancang di CIQ, penggunaan *big data* dan *AI* di sempadan dan *travel bubble* Johor Bahru dan Singapura. Dengan ini Stulang mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Stulang. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan ke jam 2.30 petang. Sekian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula. Kita masih ada 7 Ahli Dewan Yang Berhormat belum berbahas lagi. Jadi di sini saya nak minta kerjasama daripada semua, mengikut masa yang diberi iaitu 15 minit hingga 20 minit. Yang Berhormat Permas, jemput.

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh (Permas) : Bismillahirahmannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih Puan Speaker kerana memberi ruang pada Permas untuk mengulas pembentangan Belanjawan Negeri Johor 2021. Patik dengan ini mengambil kesempatan menzahirkan Selamat Ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim pada 22 November 2020 Miladi bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah. Patik dan seluruh DUN Permas merafak sembah serta menjunjung kasih setinggi-tingginya serta dirgahayu Tuanku di atas singgahsana takhta kerajaan negeri Johor dan naungannya. Permas terlebih dahulu ingin merakam setinggi-tinggi tahniah penghargaan kepada petugas barisan hadapan daripada pelbagai bidang yang mengorbankan masa dan nyawa mereka untuk memastikan kita sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terhindar daripada pandemik COVID-19 terima kasih Puan Speaker.

Yang Berhormat Puan Speaker, Permas telah mengambil beberapa hari untuk meneliti, menilai, menyemak pembentangan Belanjawan negeri Johor 2021. Kita maklum bahawa kita sedang berhadapan dengan saat yang getir dan mencabar yang belum pernah kita lalui sejak merdeka 1957. Kita benar-benar berada di antara cabaran demi cabaran ekonomi pandemik COVID-19, penularan wabak denggi, kejatuhan nilai ringgit, rakyat kehilangan pekerjaan, rancangan pembangunan dan lain-lain. Dalam apa jua keadaan sama ada bertatih, merangkak atau bertongkat, kita harus melangkah demi memastikan rakyat Johor terus dibela dan dilindungi. Rakyat tidak mahu mendengar apa masalah kita, mereka hanya mahu mendengar apa yang akan kita lakukan untuk menyelesaikan masalah mereka. Kita harus bersama-sama bekerja kuat menjangkau pemikiran dan ketaksuban, kepatihan demi memastikan rakyat dibela dan terbela. Patah sayap bertongkat paruh, patah paruh bertongkat siku, patah siku bertongkat dagu, patah dagu bertongkat kuku. Sebagai Wakil Rakyat kita maklum dasar-dasar yang dibuat di dalam Dewan yang mulia ini, akan memberikan impak secara langsung atau tidak langsung kepada rakyat di luar sana.

Yang Berhormat Puan Speaker, kita tidak boleh gagal melakukan tugas dan amanah ini kerana ia akan memberi kesan kepada rakyat dan kelembapan ekonomi negeri Johor yang bertuah ini. Yang Berhormat Puan Pengerusi, Permas meneliti cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan visinya Johor 2030, iaitu memacu negeri Johor ke arah negeri berdaya saing melalui pembangunan yang dinamik. Membangunkan bangsa Johor ke arah pemikiran kelas pertama secara holistik dengan penekanan kepada modal insan yang progresif, berinovasi dan bestari. Sesuatu yang perlu disokong sebulat suara oleh semua Ahli Dewan yang berada di Dewan yang mulia ini. Tidak kira dari pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang. Selain di atas, Permas juga ingin menambah kerangka Pelan Mampan Pembangunan Johor 2030 dengan diberikan penekanan, perhatian agar ia lebih komprehensif, terarah dan wibawa.

Pertama, Yang Berhormat Puan Pengerusi, Permas juga ingin bertanya mengenai cadangan mengaktifkan semula segi tiga ekonomi Singapura, Johor, Riau dengan ringkasnya SIJORI. Seingat Permas, ia pernah ditubuhkan pada tahun 1994. Permas ingin

bertanya apakah satu kajian baru telah dibuat kepada SIJORI, gagal pada ketika itu? Berapa kos perbelanjaan kerugian atau impak yang dialami pada masa lalu, sudahkan kajian risiko dibuat? Berapakah sasaran keuntungan kerjasama ini?

Yang Berhormat Puan Speaker, cadangan Permas mengapa kita tidak mengambil peluang kerjasama berpotensi antara pembangunan Iskandar Malaysia iaitu ringkas, IRDA, Lembaga kemajuan Johor Tenggara dengan ringkasnya KEJORA, Wilayah Persekutuan Pantai Timur (ECER), ia lebih baik diperhalusi dari kita mengaktifkan SIJORI. Permas melihat potensi kerjasama ini akan lebih menguntungkan rakan luar bandar di samping meningkatkan KDNK sektor pertanian dan industri makanan negeri Johor. Sebagai rekod KDNK, dalam sektor ini menyumbang kepada 16.2% bersamaan dengan RM16.25 bilion jika ini dapat diserap, nescaya KDNK ini akan dapat dipertingkat sejajar dengan matlamat visi Johor 2030.

Yang Berhormat Puan Speaker, mungkin ada yang mengatakan SIJORI ini pemangkin kepada ekonomi antarabangsa, manakala pembangunan wilayah pemangkin kepada ekonomi dalam negeri. Biar Permas mengulas sedikit, SIJORI ini sesuatu usaha sama yang belum pasti kejayaannya. Permas bukan skeptikal. Sejarah telah membuktikan terdapat banyak kegagalan dan cabaran yang tidak dapat kita selesaikan bersama dijangka pada dunia menghadapi krisis ekonomi yang tidak stabil, isu COVID-19, isu minyak serta kebanyakan negara mula mengamalkan dasar perdagangan tertutup dan berlumba-lumba mencari pelaburan serta mengamalkan dasar, dan melindungi perdagangan, pelaburan dan negara masing-masing akan mengakibatkan SIJORI ini berhadapan cabaran yang lebih sukar. Lebih-lebih lagi dalam kewangan defisit kerajaan negeri. Sebab itulah Permas melihat inilah masanya untuk kita memikirkan bagaimana tiga wilayah pembangunan ini dapat saling bahu-membahu, memajukan negeri Johor ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, Permas ingin merakamkan jutaan terima kasih dan berbesar hati kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar kerana telah memperuntukkan sebanyak RM35.2 juta bagi pembangunan wilayah Johor Tenggara (KEJORA). KEJORA pasti akan melaksanakan projek-projek pembangunan, sosioekonomi, keusahawanan, infrastruktur, pembangunan, modal insan sebagaimana hasrat kerajaan negeri. Untuk menjadikan sebuah wilayah ini hebat, kemudahan infrastruktur, jalan raya perlulah dipertingkatkan agar mobilasi perniagaan, pergerakan harian masyarakat, perdagangan dapat bergerak dengan cekap dan pantas.

Puan Pengerusi, Permas mencadangkan lebuh raya dari Pasir Gudang – Desaru dinaik taraf kepada empat lorong. Membina sebuah lebuh raya yang menghubungkan Bandar Penawar ke Mersing, ini penting kerana pada Bajet 2019, kerajaan negeri mencadangkan membina sebuah lapangan terbang di Mersing, dengan terbinanya lebuh raya ini kelak,ia akan mengembangkan jajaran perniagaan sosioekonomi dari Pasir Gudang hingga melimpah ke kepulauan di Mersing. Permas berharap cadangan ini dapat direalisasikan sebelum misi Johor 2030.

Yang Berhormat Puan Speaker, Permas ingin menarik perhatian mengenai peruntukkan yang diagihkan, yang dianggarkan sebanyak RM700 juta di bawah MARRIS. Permas berharap, pelebaran Lebuh raya Pasir Gudang dari empat lorong kepada enam lorong bermula dari Taman Rinting ke lingkaran Jalan Pasir Gudang dimasukkan juga di dalam bajet MARRIS ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalan tersebut sering rosak, berlaku kemalangan, dinaiki air jika berlaku hujan lebat sehingga kenderaan berat juga tersangkut, apatah lagi kenderaan kecil.

Yang Berhormat Puan Speaker, kedua, Bandar raya Pasir Gudang Pada 22 November 2020 yang lepas, Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah dimasyhurkan menjadi Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Saya mendapat banyak pertanyaan dari masyarakat, apakah

faedah diperolehi dengan kenaikan taraf dari Majlis Perbandaran kepada Majlis Bandaraya? Yang Berhormat Puan Speaker, Permas tidak dapat menjawab pertanyaan ini dengan baik kerana Permas tidak dilibatkan atau dipelawa sewaktu idea penaikan taraf ini dibuat. Mungkin ini adalah SOP perbandaran di mana penglibatan Wakil Rakyat tidak diperlukan dalam perbincangan kenaikan taraf ini. Justeru itu, bila ada yang bertanya apakah faedah yang akan diperolehi dengan kenaikan taraf Perbandaran kepada taraf Bandaraya. Permas hanya dapat komen mungkin cukai pintu naik, lesen perniagaan naik, gred jawatan dinaikkan kepada Datuk Bandar, itu sajalah yang mampu Permas ulas.

Walaupun bagaimana dengan pengiktirafan ini, Permas amat berduka cita kerana banyak isu-isu di Pasir Gudang ini tidak dapat diselesaikan seperti jalan berlubang, longkang tersumbat, banjir kilat, pencemaran sungai, sampah sana sini, isu penjaja kecil, isu *car wash*, penjaja tepi jalan, trak perniagaan makanan, trak gunting rambut makin sukar, masih sukar diberikan lesen perniagaan, sebaliknya pada masa pandemik COVID-19 ini, pihak penguat kuasa lebih giat dan bekerja kuat mengeluarkan saman dari memberi solusi kepada permasalahan ini. Sehingga hari ini belum pernah bersua muka dengan Yang Berbahagia Datuk Bandar Pasir Gudang, mungkin Permas yang diberikan tanggungjawab oleh rakyat perlu mengutus surat yang rasmi untuk memohon kebenaran bertemu Yang Berbahagia Datuk Bandar.

Ketiga, Program Pemulihan Sungai Kim-Kim. Permas ingin bertanya, peruntukan RM500,000.00, kerjasama empat universiti, UTM, UTHM, USIM, UTEM adakah akan digunakan untuk terus membuat kajian. Apakah hasil kajian-kajian yang lalu dan tindakan yang sedang dijalankan serta bilakah tarikh siap?

Yang Berhormat Puan Pengerusi, Permas juga ingin bertanya, Kementerian Alam Sekitar melalui Jabatan Meteorologi dan juga Jabatan Air Saliran, setiap kali hujan lebat kita sering berhadapan dengan bencana banjir. Apakah kita mempunyai sistem amaran untuk memaklumkan kepada kawan-kawan kepada kawasan-kawasan yang mudah dinaiki air agar penduduk dapat bersiap sedia menghadapi banjir atau bencana alam?

Yang Berhormat Puan Speaker, alhamdulillah sehingga hari ini kalau kita lihat semua, Permas selaku salah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang mulia ini, merasa amat bangga dengan semua cetusan idea dan pandangan dari kedua-dua pihak kerajaan dan juga pembangkang yang memberikan fokus permasalahan rakyat, semangat ini perlu diteruskan dan semoga ia dapat menjadi contoh kepada negeri lain yang lain. Insya-Allah. Akhir kata, Permas berharap Dewan yang mulia ini mengambil perhatian agar semua di atas dapat direalisasikan demi memajukan negeri bertuah dan berdaulat Johor Darul Ta'zim. Permas dengan ini menyokong peruntukkan perbelanjaan kerajaan bagi tahun 2021 atau Belanjawan Negeri Johor 2021.

Yang Berhormat Puan Pengerusi, sebelum Permas mengakhiri, izinkan Permas untuk membalas satu pantun daripada YB Penawar. Pantun ya. Saya balas pantun sebab apa hari itu YB bagi pantun kepada YB Speaker, biar saya jawab. Tuan puteri dari kayangan, turun dengan senyuman ayu, keturunan, kefahaman bukan halangan, kerana muhibah kita bersatu.

Kepada Allah kita berserah, Insya-Allah, sekian wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Penawar, jemput. Nak balas pantun ke?

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Balas tak pandai, orang Arab. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Yang

Berhormat Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Yang Berhormat-Yang Berhormat, salam muafakat bangsa Johor. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

Mewakili seluruh rakyat N38, Penawar merafak sembah menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Bersempena hari keputeraan Baginda pada 22 November yang lalu, patik dan seluruh rakyat Penawar mendoakan semoga Allah melanjutkan usia Tuanku, sentiasa berada di bawah lindungan rahmat, keberkatan Allah SWT serta dianugerahkan kesihatan yang baik untuk memimpin sekian rakyat dengan adil dan saksama. Penawar memanjatkan syukur ke hadrat Allah yang Maha Esa pada waktu ini kerana diberi kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, bagi menunaikan tanggungjawab menyampaikan hasrat rakyat DUN Penawar agar tidak ada mereka yang tertinggal, tidak ada mereka yang tersisih dari kemakmuran negeri dan kesejahteraan Johor.

Alhamdulillah. Dewan yang telah bersidang selama lima hari telah berjalan dalam suasana yang amat baik, bak kata Speaker semalam, tidak tahu mana kerajaan mana pembangkang. 56 orang ADUN dalam keadaan penuh kekeluargaan selepas tukar kerajaan, kerana kecekapan, keadilan kerajaan, Perikatan Nasional dalam mentadbir dan mengutamakan kepentingan serta kesediaan, kesejahteraan rakyat Johor. Ada burung dalam sangkar, burung lepas susah tangkapnya, buat apa kita bertengkar, bertengkar tiada untungnya. (Dewan bertepuk).

Semua ADUN sebelah kanan tersenyum lebar, bukan kerana pantun Penawar, tapi untung dapat Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang ketiga ini seorang penyabar dan pemurah. Hari pertama Persidangan Ketiga Penggal Ke-14 dah beri tambahan peruntukan 200% pada Perikatan Harapan. Ingat doktor lebih baik sebab dia kerja mengubatkan orang, rupa-rupanya kontraktor bangunan lagi cekap daripada doktor. Penawar yakin Menteri Besar Johor tahu mana bangunan yang rosak dan mana bangunan yang kukuh.

Yang Berhormat Puan Speaker, serta Ahli Dewan sekalian, perasan ataupun tidak, sidang Dewan agak unik kerana urusan mesyuarat diseliakan oleh Speaker dan Timbalan Speaker, Dewan bukan dari kerajaan. Hebat, hebat. Apa ilmu yang dipakai Timbalan Speaker? Boleh *share* dengan kami? Saya lupa nak jawab pantun daripada Maharani semalam. Hari ini macam orang Arab belajar pantunlah.

Gerangan siapa punya kerja, rumah yang elok ditebuk atapnya, kalau anai-anai dah berleluasa, nak tunggu runtuh baru disapa. Gerangan siapa yang punya kerja, rumah yang elok ditebuk atapnya, apa ditunggu pejuang sia-sia, lebih baik lari dari tanggung dosa.

Rakyat hari ini sedang memerhati, rakyat dalam keadaan susah disebabkan pandemik COVID-19, kita bantu Yang Amat Berhormat MB dan juga EXCOnya peduli perihal rakyat. Sidang Dewan kali ini jelas membuktikan bahawa kerajaan dan pembangkang boleh jadi adik beradik kerana pengalaman Yang Berhormat yang sentiasa sedar bahawa tanggungjawab kita pada pengundi bukan salah menyalah di antara kerajaan dan pembangkang, inilah pentadbiran bijak, bukan seperti si kudung yang mendapat cincin.

Tidak terlambat untuk Penawar melahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada *big boss* kami Yang Amat Berhormat Menteri Besar Datuk Ir. Hasni kerana dilantik ke posisi Menteri Besar dan seluruh EXCO kerajaan negeri. Tahniah semua, ini adalah satu pasukan Perikatan Nasional yang mampu memberikan perkhidmatan terbaik, mensejahterakan, memakmurkan rakyat dan merencana kemajuan negeri dan *track record* yang terbukti cemerlang melalui Barisan Nasional. Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil berbuat kebajikan dan memberi bantuan kepada kaum kerabat dan Allah melarang daripada melakukan kemungkaran, permusuhan dan kezaliman, Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil iktibar.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, sekali lagi Penawar ingin menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pasukannya. Dah dua kali puji ini, faham-fahamlah Yang Amat Berhormat. Belah kanan 20 peratus, belah kiri mesti lagi lebih, penyokong tegar katanya. Satu Belanjawan rakyat dirangka yang mencakupi seluruh keperluan masa. Mendepani ketidaktentuan ekonomi yang mencabar. Penawar berpandangan belanjawan kali ini adalah *game changing*, dengan izin kepada asas ekonomi negeri sedia ada. Tahniah juga kepada pasukan yang membantu penyediaan bajet ini, bukan senang nak buat belanjawan dalam keadaan dunia dan negara menghadapi kesukaran. Kerajaan terpaksa berdepan dengan bajet defisit yang tertinggi sebanyak lebih kurang RM250 juta. Sesungguhnya kepada Allah berserah, agar Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan akan berjaya mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Penawar mengambil maklum dan faham apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan Belanjawan Negeri Johor 2021. Tahun 2020 adalah garis masa yang digagas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-4 bukannya ke-7 untuk melihat Malaysia muncul sebagai sebuah negara maju dan berdaya saing. Tak sabar tunggu ketibaan tahun 2020, tapi rupanya 2020 adalah mimpi ngeri yang ditakdirkan untuk seluruh masyarakat dunia. Diserang pandemik yang tidak tahu datang dari mana. Apa yang dilaksanakan sehingga hari ini adalah kawalan dari merebak. Ini telah memberikan kesan langsung merubah sosial ekonomi rakyat. Rakyat terhimpit dan terkurung. Anak-anak bersekolah di rumah. Perniagaan terjejas. Pembangunan kawasan terbantut dan pelbagai kesan yang tidak boleh dilihat. Mereka mengharapkan wakil mereka di setiap Dewan, Dewan Negeri dan Dewan Rakyat membela nasib mereka. Penawar telah menjajar sekitar DUN yang telah dipertanggungjawabkan mendengar rintihan rakyat, peniaga kecil yang terkesan dengan COVID-19 ini. Selagi ada bantuan yang telah dimaklumkan, kita sampaikan tanpa mengira kawasan. Kita bantu semua dan syarat-syarat yang menyusahkan kita longgarkan. Dalam keadaan ini jangan menyemakkan rakyat dengan syarat-syarat yang tidak munasabah tetapi kita berikan mereka cahaya kehidupan supaya mereka mampu tersenyum. Penawar juga mengharapkan semua agensi duduk sebumbung bagi menentukan bantuan tidak bertindih.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, kita telah dibentangkan dengan angka-angka yang menakutkan. 150 juta penduduk dunia diramalkan terjerumus dalam kemelut kemiskinan melampaui, 32,000 industri kecil dan sederhana terpaksa menamatkan operasi seluruh negara dan banyak lagi. Angka-angka ini disokong pula dengan era penguncupan ekonomi yang amat memeritkan seperti pepatah Melayu, sudah jatuh ditimpa tangga.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Penawar sinonim dengan industri pelancongan. Di Penawar kita mempunyai Desaru, Batu Layar sebagai pusat peranginan pantai. Arus Desaru sebagai pusat pelancongan sukan, Desaru Theme Park sebagai pusat pelancongan taman tema. Terminal Feri Desaru Coast, semua ini merupakan sumber ekonomi masyarakat setempat. Yang lain ada ke ? Tak ada. Kesemua pembangunan yang baik dan hebat ini telah dirancang sebelum PRU yang ke-14 oleh kerajaan Barisan Nasional. Memberi impak yang besar kepada ekonomi setempat. Limpahan nikmat ini dikongsi bersama dengan pekerja-pekerja dalam sektor-sektor yang disebut tadi tinggal di sekitar Penawar. Malangnya, Yang Berhormat Timbalan Speaker, adakah kacauan, jadi masa tadi tambah 5 minit. Malangnya.

YB Timbalan Speaker : Tak boleh tambah.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Pandemik COVID-19, industri pelancongan ini adalah yang amat terkesan dan ramai pemain industri ini kehilangan pekerjaan. Mengungkapkan kembali apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri

Besar, mengakui bahawa ekonomi akan mengalami keluk pemulihan berbentuk 'K' di mana industri pelancongan akan berhadapan dengan trend yang menurun. Tapi saya yakin dan percaya, EXCO Pelancongan orang muda, tenaga muda, nafsu muda. Untuk itu, saya yakin, saya ingin bertanyakan kepada Yang Amat Berhormat, apakah bentuk perancangan khusus merancakkan semula industri pelancongan khususnya di Penawar selain daripada inisiatif-inisiatif *one-off* yang diumumkan supaya industri pelancongan tetap utuh sebagai sumber pendapatan negeri.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Penawar mahukan kerajaan negeri benar-benar serius menjadikan Pengerang khususnya, Penawar sebagai hab pelancongan utama negeri Johor. Untuk makluman Yang Berhormat sidang Dewan, di Penawar terdapat projek-projek gajah putih dan bangunan milik kerajaan yang terbiar. Ianya menjadi wajah Penawar cacat sedikit di mata pelancong luar. Apalah salahnya jika bangunan kerajaan yang terbiar difungsikan semula. Kegunaannya kepada awam sebagai contoh diberi sewa kepada persatuan belia mahupun mana-mana NGO supaya ianya dapat dipulihkan penggunaannya. Dalam masa yang sama, sebagai bandar pelancongan utama negeri Johor, walaupun belum digazetkan. Kerajaan negeri bantulah naik taraf semua kemudahan awam seperti hentian bas dan teksi Penawar. Biarlah nampak *world class* sedikit. Di samping itu pusat-pusat perniagaan yang moden, selesa dan berfokus perlu dibangunkan untuk kemudahan pelancong sekali gus memberi manfaat kepada masyarakat setempat berniaga. Di situ mesti ada *seafood, western food*, masakan Melayu, masakan Johor dan sebagainya. Kerana ianya juga adalah daya tarikan pelancong untuk berehat dan beriadah di Penawar.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, tanah kosong yang terbiar. Saya tadi tengok, pihak yang belah sini asyik sebut tanah terbiar je. Pada masa dia kerajaan, dia tahu mana terbiar tu. Tanah kosong yang terbiar juga harus dibenarkan. Digunakan untuk pusat pertanian moden agar dapat berfungsi sebagai salah satu agro pelancongan negeri. Manakala jalan utama dari Kota Tinggi ke Desaru juga hendaklah dinaikkan taraf dengan menjadikan kiri dan kanan jalan dalam keadaan yang sedap mata memandang bukan dipenuhi dengan semak dan samun.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, sehubungan dengan itu Penawar ingin menawarkan dan memohon dipertimbangkan dalam Pelan Induk Pelancongan Johor 2014-2023, Parlimen Pengerang sebagai hab pelancongan kesihatan negeri Johor cadangan bertujuan untuk memperluaskan jaringan peluang pekerjaan masyarakat tempatan. Persekitaran yang menenangkan dan mendamaikan suasana persekitaran perubatan. Akses jalan raya dan lebuh raya. Sektor pelancongan, perubatan mempunyai potensi yang tinggi dalam membantu pertumbuhan ekonomi negeri Johor dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 8% daripada tahun 2016 hingga 2018. Suka dicadangkan untuk pertimbangan di bawah agenda I. Inisiatif baucar pelancongan untuk merancakkan segmentasi penginapan serta *shopping* dan *retail* ini boleh disertakan. Kebenaran rentas negeri atau sempadan dan melonggarkan beberapa SOP yang perlu sebagai tarikan jika PKPB diteruskan hingga ke tahun depan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, perkara yang lain yang boleh dilihat sebagai menambah produk pelancongan di Penawar adalah Muzium Ketuanan Melayu. Ianya penting sebagai mengekalkan dan menjaga ketamadunan bangsa Melayu Johor. Penawar, 98% penduduknya adalah bangsa Melayu. Dengan kependudukan yang ada pada hari ini, 98% penduduk adalah orang Melayu, suka dicadangkan kepada kerajaan negeri menilai untuk memberikan status Penawar sebagai Bandar Melayu. Ianya akan memberi kesan kepada pemilikan aset-aset yang akan disyaratkan 80% projek-projek perumahan mesti dimiliki oleh orang Melayu. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan orang Melayu di Penawar.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, umum maklum dengan hadirnya Desaru Coast, RAPID, ianya memberi manfaat kepada masyarakat setempat walaupun begitu kehadirannya begitu,

kehadiran juga memberi kesan ketidakseragaman pembangunan di DUN Penawar. Pengerang berkeluasan 74,000 hektar dan dihuni oleh 151,000 orang penduduk. Dibahagi kepada 5 mukim iaitu Tanjung Surat, Pantai Timur, Pengerang, Johor Lama dan Sedili Kecil. Pengerang boleh dibahagikan kepada beberapa sektor utama iaitu pertanian yang merangkumi kawasan FELDA dan kampung tradisi. *Oil and gas,* Perbandaran baru RAPID, pelancongan di Desaru Coast, pendidikan di Bandar Penawar dan yang terbaru adalah bandar pintar. Tidak kurang dengan itu, kawasan Tanjung Pengeli di mana terletaknya Pusat Latihan Rekrut Tentera Laut Diraja Malaysia dizonkan sebagai kawasan keselamatan di dalam Pelan Tindakan Kota Tinggi 2020. Manakala, usaha menaikkan taraf Desaru sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa telah dilaksanakan. Dan turut menyokong pembangunan Pengerang adalah lebuh raya Senai Desaru telah membuka pelbagai peluang pembangunan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, walaupun begitu pembangunan yang seimbang, bandar baru yang sedia ada adalah dituntut. Keperluan pentadbiran daerah khusus untuk Pengerang bagi merancakkan pembangunan yang seimbang dan urus tadbir kerajaan yang lebih efisien dan berfokus. Penawar mencadangkan untuk kerajaan negeri mempertimbangkan supaya Pengerang dijadikan daerah baru yang ke-11 negeri Johor sejajar dengan pengisytiharan Pengerang sebagai Majlis Perbandaran. Penawar sedar, untuk menaikkan taraf Pengerang kepada daerah penuh mesti mendapat persetujuan pihak berkuasa negeri dan diwartakan di bawah Seksyen 11 Kanun Tanah Negara. Walaupun cadangan ini memerlukan penelitian dan kajian yang mendalam, Penawar optimis dengan adanya daerah baru ini, akan membantu merancakkan ekonomi setempat dan tarikan kepada pelaburan luar. Antara asas pertimbangan yang diambil kira untuk menaik taraf kepada daerah penuh adalah:

1. Keperluan kepada kemudahan infrastruktur yang dilihat amat mencukupi. Manakala penambahan penduduk secara sedikit demi sedikit akan meningkat.

2. Bagaimanapun, perlu diutamakan adalah keperluan kepada jentera pentadbiran daerah. Daerah penuh kerana Pengerang berpotensi sebagai salah satu kawasan pembangunan ekonomi di negeri Johor pada masa akan datang. Namun yang paling utama adalah, penubuhan daerah baru ini tidak akan memberi kesan kepada daerah-daerah lain yang sedia ada.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, keperluan yang besar kepada fasiliti utama seperti hospital dan UTC perlu dipertimbangkan. Penawar mohon untuk kerajaan negeri membantu mempertimbangkan permohonan ini untuk dibawa ke dalam Rancangan Malaysia Ke-8 yang bakal dibentangkan pada Mac 2021 ini. sebelum saya mengakhiri perbahasan, rupanya saya bagus Yang Berhormat Timbalan Speaker, dah nak habis. Bagus rupanya, saya ingatkan saya tak boleh habis, rupanya saya boleh habis. Tapi tak apa, saya *standby* banyak pantun Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya menghormati Yang Berhormat Timbalan Speaker seorang wanita, saya juga wanita. Sebelum saya mengakhiri perbahasan belanjawan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri berkaitan tentang dua perkara.

Pertamanya, bantuan peralatan untuk mesin oleh Yayasan Pembangunan Keluarga atau pun mana-mana agensi yang berkaitan bagi meningkatkan ekonomi keluarga. Daripada RM3,000.00 tunaikanlah RM5,000.00 ke RM10,000.00 kerana kadang-kadang mesin yang diberi itu, orang dah ada. Mesin yang diberi itu kecil tak sesuai untuk dijadikan untuk pengusaha. Orang mintak mesin sulam diberi mesin jahit tepi. Ini dua perkara yang berbeza. Jadi kita mengharapkan supaya jabatan-jabatan berkenaan cuba ambil satu, apa ini kata orang, biar sedikit orang dapat tapi matlamatnya sampai. Niat murni ini adalah bagus di peringkat dasar tetapi ianya akan terbantut di peringkat matlamat pelaksanaan. Jika kerajaan negeri tidak menyediakan *support system*. Dan yang baik dan akhirnya mesin yang

diperuntukkan tidak dipakai atau dimanfaatkan secara optimum. Untuk itu, saya mohon pihak berkenaan nyatakan apakah pelan perancangan kerajaan dalam membantu penerima mempromosikan produk atau memasarkan produk agar matlamat pemberian tersebut tercapai.

Kedua, berkaitan perkara pemberian juga iaitu pemberian haiwan. Lembu ke, kambing ke, kambing jenis apa, saya pun tidak tahu. Saya tidak pernah bela kambing. Oleh Veterinar, dasar bagus tetapi objektif nya akhirnya tidak tercapai. Lembu tidak ada, saya kalau unta, ada. Dasar bagus tetapi objektif akhirnya tidak tercapai kerana kurangnya pemantauan disebabkan kurangnya kakitangan. Penawar mencadangkan perkara ini dinilai semula, tambah kakitangan jabatan agar objektifnya tercapai. Dia bagi lembu, dia biarkan lembu itu. Lembu itu demam ke tak demam mana orang tahu. Orang fikir nak duit sahaja. Sebelum lembu itu mati, dia jual lembu itu. Jadi kita harap supaya matlamat kerajaan tercapai. Tujuan nak membantu ini untuk menambahkan ternakan supaya kita tidak beli daripada luar negara, berapa lama, berapa tahun dah program ini dijalankan. Tetapi kita masih gagal melahirkan lebih ramai pengusaha yang benar-benar berjaya. Melahirkan lebih ramai pengusaha yang benar-benar berjaya, Jabatan kena cari kaedah lain, janganlah bantuan yang diberi sekadar melepaskan batuk di tangga. Saya faham 22 bulan kelemahan orang sana.

YB Timbalan Speaker : Saya fikir Penawar faham masa sudah nak sampai.

YB Dato' Sharifah Azizah bin Dato' Syed Zain (Penawar) : Haah, saya faham Pengerusi, sekejap aje lagi. Yang Berhormat Timbalan Speaker sebagai akhirnya, saya dengan rasa rendah diri dengan penuh penghormatan dan penghargaan, mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua anggota *front liner*, anggota keselamatan, kesihatan, penghantar makanan seluruh yang terlibat, setiap hari berdepan dengan risiko COVID-19 demi menjaga kesihatan rakyat, kepada kerajaan negeri, seringlah bantu-bantu ADUN-ADUN, kerana kamilah sasaran mereka yang ditimpa musibah ini. Perikatan Nasional memimpin rakyat, memimpin dengan semangat muafakat, wahai teman bantulah rakyat, kepada Allah mohon berkat. Wahai sahabat lupakan sengketa, kita muafakat rakyat sejahtera, ayuh bersama gemilang tenaga, menjayakan misi kemakmuran bersama. Dengan kata-kata Penawar menyokong Bajet 2021 yang telah dibentangkan. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, assalammualaikum warahmatulahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Tenggaroh, jemput.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih, Puan Speaker. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertua Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 yang lalu.

Yang Berhormat Puan Speaker, Tenggaroh juga ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Johor Tahun 2021. Yang Berhormat Puan Speaker, sebelum saya meneruskan perbahasan saya mengenai Belanjawan 2021, ingin saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi pihak saya, bagi pihak Yang Berhormat Kahang, MIC negeri Johor dan juga masyarakat India negeri Johor. Kenapa? Pada tahun 2013, tahun pertama saya menjadi Wakil Rakyat dan pada masa itu YB Kahang merupakan EXCO juga. Program inklusif masyarakat India dimulakan. Peruntukan khas untuk masyarakat India dimulakan dari RM3.0 juta dan meningkat hingga ke RM8.0 juta pada Belanjawan 2018.

Akan tetapi selepas pilihan raya Belanjawan 2019 dan 2020 hanya RM3.0 juta diperuntukkan untuk masyarakat India. Tetapi sekarang, selepas peralihan kuasa peruntukan dinaikkan balik kepada RM4.0 juta. Bukan itu sahaja, satu *taskforce* masyarakat India juga diwujudkan untuk melihat isu-isu tertangguh masyarakat India. Sebagai contoh, tapak khairat kematian masyarakat India yang tertangguh ini. Ini jelas menunjukkan kerajaan mana yang lebih prihatin kepada masyarakat India di Johor. Sekali lagi terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Speaker, Belanjawan 2021 merupakan satu belanjawan yang penuh dengan cabaran, kerana keredupan ekonomi dunia dan Malaysia dan juga Johor akibat pandemik COVID-19. Kemelesetan ekonomi adalah salah satu punca utama Belanjawan 2021 kali ini merupakan belanjawan defisit. Memang ramai tidak menyoal belanjawan defisit ini akan tetapi apa yang patut dipuji ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan strategi pemulihan ekonomi negeri Johor yang akan dipacu oleh 3 agenda iaitu Jaminan Bekalan Makanan, Johor Digital dan juga penubuhan *Johor Economic Trade and Cultural Office* di Singapura. Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri atau *Johor Food Security*, dalam satu artikel National Geography ada menyebut dengan izin, *by 2050 the earth will be home to as many as 10 billion people, up from today's 7.5 billion. If massive increases in agriculture yield are not achieved, match by massive decreases in the use of water and fossil fuel, a billion or more people may face starvation.* Ini jelas menunjukkan betapa pentingnya sektor pertanian terutamanya *food security,* dalam menjana balik ekonomi negeri Johor. Untuk Tenggaroh, dalam Agenda Jaminan Bekalan Makanan, ada 2 perkara yang perlu dilihat secara penting untuk memacu ekonomi Johor.

Pertama ialah dengan izin, *optimization of land. s*eperti yang dikatakan Yang Berhormat Pekan Nenas, selalu saya tak setuju dengan dia, tetapi untuk perkara ini saya setuju dengan dia. Netherland, merupakan salah satu negara utama dalam pengeluaran makanan. Jumlah saiz tanah negara Netherland adalah lebih kurang 41,800 *square km.* Manakala jumlah saiz tanah Johor adalah lebih kurang 19,166 *square km*. Ini bermaksud Netherland adalah lebih kurang 2 kali ganda besar daripada Johor sahaja. Akan tetapi, hasil dalam sektor pengeluaran makanan untuk Netherland adalah lebih kurang 85 bilion Euro setiap tahun. Ikut saiz tanah hasil kita patut lebih kurang 40 bilion Euro, tetapi benda ni tak berlaku. Kenapa ini berlaku? Kerana kita tidak mengoptimumkan tanah dengan betul. Sebagai contoh, tanah pertanian PKPM di Johor, lebih kurang 18,000 ekar tanah digunakan untuk tujuan PKPM tetapi kesemuanya digunakan adakah kesemuanya digunakan dengan penuh? Saya rasa tahap masih tahap penggunaannya adalah dalam lingkungan 60% hingga 70% sahaja. Ini adalah salah satu contoh di mana *optimization* tidak digunakan dengan baik. Bagaimana kita boleh mengoptimumkan penggunaan tanah? Salah satu kaedah adalah adaptasi teknologi dalam pertanian bagi peningkatan produktiviti. *Precision agriculture*, dengan izin, yang merupakan konsep pertanian moden membolehkan petani mengawal aktiviti seperti pembajaan, pengairan dan makhluk perosak melalui penggunaan teknologi *Internet Of Thing*, penggunaan teknologi juga meningkatkan produktiviti dengan penggunaan tanah dan membantu petani menambahkan pendapatan. Oleh yang demikian *optimization of land*, dengan izin, sangat penting dalam agenda jaminan bekalan makanan negeri Johor.

Kedua, pengujudan *export centre*. *Export centre* ini boleh diwujudkan oleh kerajaan negeri atau jika kita tidak mempunyai dana yang besar, satu *public private initiative* dengan izin, boleh dikemukakan. Apakah fungsi *export centre* ini? *Export centre* bukan sahaja menjadi tempat pengumpulan hasil dan pengeksportan hasil tetapi ia patut mempunyai kapasiti *storage. Storage* ini bermaksud *export centre* mempunyai peti sejuk yang boleh menyimpan

hasil pertanian untuk satu tempoh yang lama dan ia masih menjaga *the freshness of food*, dengan izin, sebagai contoh, durian adalah salah satu jenis makanan *seasonal* di Johor. Tapi dengan adanya *storage system* ini, kita boleh mendapat durian sepanjang tahun. *Export centre* patut dibekalkan dengan keluasan tanah yang mencukupi untuk mereka membuat pertanian mereka sendiri, untuk menjaga *supply* mereka. Ini adalah kerana tak ada seorang akan masuk dalam *business* dengan mengharapkan *supply* daripada orang lain. Di sinilah baru dengan *government intervention,* dengan izin, semua petani-petani skala kecil atau persatuan-persatuan pertanian boleh membuat perjanjian *private* dengan *export centre* ni untuk membekalkan produk pertanian mereka. Dengan kewujudan *export centre* ini juga ia boleh meningkatkan hasil kerajaan negeri kerana di sinilah baru kerajaan negeri boleh memikirkan satu jenis cukai baru kepada *export centre* ini untuk menambah hasil negeri. Kalau tidak produk makanan akan dieksport dari Johor tapi kerajaan negeri tidak mendapat hasil kerana kita hanya boleh menambah hasil melalui cukai tanah sahaja.

Yang Berhormat Speaker, agenda *Johor Economic Trade and Culture Office* di Singapura. Singapura dah lama ada konsulat di Johor untuk menjaga kepentingan Singapura di Johor, Tapi kita tidak punyai wakil di Singapura. Dengan wujudnya JETCO di Singapura sekarang menunjukkan *the seriousness of Johor*, dengan izin. Kita selalu bercakap untuk bersaing dengan Singapura tetapi apa yang selalu berlaku ialah kita melihat Singapura dari bahagian belakang dan bukan *the way forward of Singapore.* Dengan kewujudan JETCO, ia akan mengorak langkah ke hadapan apabila kita bersaing secara positif bersama Singapura. Seperti dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tugas utama JETCO adalah untuk mempromosi prospek pelaburan ke negeri Johor. JETCO juga dengan kerjasama Invest Johor perlu meningkatkan usaha pelaburan *at an international level,* dengan izin. JETCO bukan sahaja perlu tengok pada Singapura tapi saya rasa JETCO perlu juga lihat pada Indonesia kerana ia merupakan salah satu negara yang sedang ,membangun dengan pesat. Johor tidak patut ketinggalan untuk menarik pelabur-pelabur dari Indonesia juga.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada hari ini saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai penutupan sempadan Singapura – Malaysia. Sudah lebih dari 8 bulan sempadan yang paling tersibuk di dunia ditutup. Selama berpuluh tahunnya sempadan kita menjadi lebih daripada sekadar sempadan. Ia adalah nadi denyut hidup bagi 200,000 rakyat Malaysia malah lebih daripada itu. Saya ingin memberikan konteks kepada penutupan sempadan Singapura – Malaysia ini kepada Dewan yang mulia ini, agar kita dapat sama-sama fahami dan berbincang secara demokratik mengenainya.

Pertama, penutupan sempadan ini berlaku tatkala pandemik COVID-19 sedang menular dengan liar, gelombang pertama, gelombang kedua membawa ke gelombang ketiga, penutupan sempadan adalah satu keperluan bagi membendung pandemik ini daripada terus berlarutan.

Kedua, meskipun begitu penutupan sempadan ini memberi impak yang begitu besar kepada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Ianya memberi impak yang besar kepada cara hidup, sumber pendapatan dan sosial mereka yang berkaitan.

Konteks ketiga, penutupan sempadan Malaysia – Singapura memaksa kita melihat semula dan *the notion of cross border economy*, dengan izin, mengenai kelebihan dan kekurangan kepada Malaysia dan Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan beberapa hari lalu bahawa pembukaan penuh sempadan mungkin akan terganggu akibat

kes COVID-19 yang meningkat di Johor dan Malaysia umumnya. Kita dapat melihat di sini bahawa keputusan pembukaan sempadan Malaysia – Singapura tidaklah semudah yang diinginkan. Ia amat berkait rapat dengan betapa seriusnya pandemik ini dan bagaimana usaha-usaha kita membendung COVID-19 ini berhasil. Singapura berhak untuk mengetatkan mahu pun melonggarkan prosedur berdasarkan keperluan bagi membendung pandemik ini. Namun begitu, dengan izin rakyat Malaysia dan Johor di Singapura, seakan menjadi *collateral damage* kepada usaha-usaha demikian. Berita Harian bertarikh 22 November yang lalu, bertajuk rakyat kita jadi gelandangan di Singapura merupakan satu artikel dan pendedahan yang menyayat hati. Dalam artikel tersebut telah dinyatakan bahawa disebabkan kos sara hidup tinggi di negara jiran itu, ramai rakyat Malaysia yang sebelum ini berulang alik ke Singapura terpaksa berkorban bagi menanggung keluarga kerana ada juga yang dipotong gaji bulanan oleh majikan akibat pandemik COVID-19. Maka kita harus bertanya kepada para majikan yang terlibat, tatkala pekerja-pekerja Malaysia di Singapura selama bertahun lamanya telah membanting tulang untuk meningkatkan taraf ekonomi negara itu, kini begitu kah jasa mereka dibalas? Di manakah penglibatan dan pembelaan daripada majikan-majikan Singapura kepada pekerja-pekerja Malaysia tatkala mereka amat memerlukan pembelaan?

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan persekutuan, kerajaan Singapura dan kerajaan negeri, sedang cuba sedaya upaya bagi memastikan nasib rakyat Malaysia dibela. Pembelaan dan belas kasihan haruslah holistik dan inklusif dari pelbagai pihak dan melalui pelbagai usaha. Sebab itulah Johor melalui NGO belia berkaitan, dengan kerjasama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura akan menjalankan misi bakul makanan kepada mereka yang terkandas di sana. Meskipun ada yang memperlekehkan usaha ini, namun ia adalah satu usaha permulaan yang dalam kemampuan kerajaan negeri untuk rakyat Malaysia di Singapura. Sedikit sebanyak kerajaan negeri dapat menyantuni mereka. Sementara usaha membuka semula sempadan sedang giat diusahakan dan sementara usaha-usaha lain sedang dijalankan, maka kita jangan tangguhkan apa sahaja usaha bagi membantu rakyat kita di Singapura. Meski sekecil atau sebesar mana pun, mengambil kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada NGO yang terlibat mengenai NGO Singapura yang mengambil kisah nasib pekerja Malaysia yang terkandas di sana. Saya juga menyeru kepada majikan-majikan Singapura yang secara langsung mahupun tidak secara langsung yang telah menyelesaikan pekerja Malaysia di sana dengan membiarkan mengendahkan kebajikan pekerja kita di sana. Ingatlah, *humanity knows no boundaries*, inilah masa untuk kalian memberi balik kepada pekerja-pekerja Malaysia. Berikan mereka sokongan yang sepatutnya, dan belalah mereka, dengan izin, *yes, everyone is effected by COVID-19 and business is badly but who is not effected, everyone is especially those who are from the working class and earning minimum wage, who are refused the right to come back to their families in Johor because of constraint not put forward by government, but by the employer on themselves*.

Yang Berhormat Puan Speaker, dahulu kita amat bangga dengan fenomena *cross border economy* ini, namun kita pilih untuk mengendahkan isu-isu berkaitan yang *structural* sifatnya apabila ia melibatkan ekonomi rentas sempadan. Dengan penutupan sempadan Malaysia – Singapura ini, wujud beberapa masalah ekonomi yang kita harus kaji dan selesai bersama. Seperti contoh, seperti soal gaji, pekerja Malaysia memilih untuk bekerja di Singapura kerana kadar tukar mata wang yang lebih tinggi memihak kepada Malaysia dan lebih lumayan. Namun begitu apabila sempadan di tutup, dan pekerja Malaysia yang dahulunya bekerja di Singapura dan kini perlu bekerja di Malaysia, mereka tidak lagi mendapat gaji selumayan dahulu. Mereka yang sebelum ini bekerja dalam bidang *dangerous, dirty and difficult* di Singapura mungkin perlu melakukan pekerjaan yang sama di sini tapi dengan

bayaran yang lebih rendah. Persoalannya, adakah struktur ekonomi dan *labour market* kita bersedia untuk mendepani konteks seperti ini. Bayangkan dengan keadaan ekonomi tidak menentu sekarang, patut kah kita melihat kebaikan-kebaikan *cross border* ekonomi dengan sama? Bolehkah Johor menyediakan peluang pekerjaan yang berdaya saing, yang bergaji setimpal dengan kemahiran yang dikehendaki majikan? Kenapa Johor harus memikirkan semua ini? Kerana Singapura dengan izin, *as much as we want to leverage on Singapore's economy growth, Johor must also be ready to ensure we are ready for future economic shocks.* Maksudnya ekonomi Johor harus bersedia dalam mendepani ketidaktentuan masa hadapan. Meminjam kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar, *do not let the pandemic go to waste.* Ini adalah peluang kita untuk mereka semula, memperbaharui dan mewujudkan peluang-peluang baru dengan struktur ekonomi kita, ia memerlukan penglibatan semua pihak merentasi pelbagai bidang.

Yang Amat Berhormat sendiri telah mengumumkan bahawa kerajaan sedang mempertimbangkan satu bentuk bancian isi rumah negeri Johor untuk melihat keadaan isi rumah seluruh negeri. Ini adalah, ini adalah antara contoh mengambil peluang pandemik ini untuk melihat keadaan sosioekonomi rakyat Johor secara serius. Singapura dan Johor adalah satu unit. Itu sentiasa menjadi pemahaman kita di Johor. Kita telah lama menjalin hubungan, memberikan kebaikan dan manfaat kepada satu sama lain. Oleh itu, saya percaya kita dapat mengatasi ujian ini bersama-sama.

Yang Berhormat Puan Speaker, sedikit mengenai isu pelancongan, khususnya di Mersing. Baru-baru ini, program *geopark* telah di perkenalkan di Mersing, dan saya tadi dalam sesi soal jawab ingin bertanya kepada EXCO tapi tak sampai giliran, tapi sekarang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat EXCO, apakah status cadangan untuk memperakui Mersing sebagai *Geopark Kebangsaan* dan juga calon *UNESCO Global Geopark*. Saya juga ingin sebagai rakyat Mersing dan juga rakyat Johor nak tahu kebaikan *geopark* untuk rakyat-rakyat Mersing, sebab kadang-kadang kita nak tahu, bila kita dah wujudkan *geopark* adakah ia ada kebaikan untuk rakyat. Kita tak nak nanti harga naik, cukai naik, ini merisaukan rakyat. Itu yang rakyat fikirkan dan selalu tanya kepada kita sebagai Wakil Rakyat. *So* saya harap Yang Berhormat EXCO dapat memberi penjelasan yang lebih jelas dan agar rakyat dapat menilai adakah *geopark* ni baik untuk Mersing.

Yang kedua, saya sudah tengok daripada sektor *Tourism Johor*. Kalau kita lihat di Sabah dan juga di Selangor, *tourism* di Sabah dan Selangor ini di *in corporatized.* Maksudnya lebih kurang macam *privatizes* sikit. Kenapa dia buat macam itu? Sebab dia melibatkan lebih, lebih ramai *expert* dalam bidang pelancongan terlibat sama dan urus menaikkan pelancongan. *So* saya harap kalau boleh, kerajaan negeri juga cuba memikirkan cara-cara untuk *in corporatized* sektor pelancongan ini sebab sekarang kalau kita tengok dengan COVID-19, pandemik COVID-19 sektor pelancongan yang terjejas paling banyak. Dan inilah masanya untuk kita *improvise*, tahun lepas kita patut buat, tahun ini kita patut buat Tahun Melawat Johor tidak menjadi. *So*, kali ini mungkin kita hendak buat tahun depan atau tahun seterusnya, tapi sebelum kita buat, kita buat perancangan yang betul. *When the border is open back* dengan izin, kita kena bagi *the best*. Kita kena *be the best* kerana inilah rakyat Mersing punya sektor, rakyat-rakyat pulau di Mersing. Kepulauan Mersing memang cantik dan unik. Tidak ada di, kalau saya boleh cakap saya pernah pergi ke Maldives, kepulauan Mersing lagi cantik*. I know, Maldives of Malaysia,* terima kasih.

Satu lagi isu pasal Mersing Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin bawa ialah pasal jambatan di Mersing. Seperti kata sahabat saya Yang Berhormat Endau, dia dari hari pertama jadi Wakil Rakyat, dia dah *raised* kan isu ini. Saya dari 2013 setiap ucapan perbahasan saya *raised* kan isu ini. Saya tahu trafik di Jambatan Mersing ini memang setiap kali musim perayaan, setiap kali musim cuti sekolah berlaku, dan *I* rasa kita ada dulu Wakil Rakyat terlibat dalam satu *group* aduan Mersing, dan masa cuti sekolah, cuti umum,

saya rasa kita terus *silent* dalam *group* itu sebab rakyat mula mengadu, trafik dua jam YB, kita tidak boleh lepas dua jam nak menyeberang jambatan dia ngam-ngam masa dua jam, dan kita sudah banyak kali, saya tahu ini bukan peruntukan ini bukan melalui kerajaan negeri. Memang kerajaan negeri sudah bawakan ke kerajaan persekutuan, dan saya harapkan dengan Yang Berhormat Gambir yang juga Perdana Menteri Malaysia ambil perhatian ini sebab dua suara Wakil Rakyat di sini memerlukan Mersing. Dengan sektor pelancongan pun, kita nak meningkatkan sektor pelancongan kita tak nak pelancongan datang tersangkut di Mersing masa cuti. *So* benda ini penting untuk Tenggaroh dan juga Endau. Yang Berhormat Speaker, secara kesimpulannya.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Nak gulunglah ini. Secara kesimpulannya, memetik ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tiada kerajaan yang mampu memberikan segalanya kepada semuanya, dengan sebanyaknya, tatkala berada dalam himpitan yang luar biasa waktu ini. Namun kesemua 12 agenda kebajikan, keberdayaan dan keberhasilan yang membentuk Belanjawan 2021 telah sedikit sebanyak menyentuk kesemua lapisan masyarakat dan Tenggaroh mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ucapan terima kasih saya bukan macam melepaskan batuk di tangga, kerana apabila saya melihat perbahasan rakan-rakan di barisan pembangkang, macam sukar nak mengucapkan terima kasih atas kenaikan peruntukan iaitu lebih kurang tiga kali ganda dan juga cadangan menaikkan elaun Ketua Pembangkang. Oleh itu, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan rakan-rakan EXCO dan penjawat awam negeri, saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Paloh, jemput.

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali (Paloh) : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan doa). Terlebih dahulu Paloh dan juga seluruh rakyat di kawasan ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Johor Darul Takzim, sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November yang lalu. Terima kasih juga Yang Berhormat Puan Speaker atas kesempatan untuk membahaskan Belanjawan Johor 2021 pada kali ini dan pada dasarnya dalam beberapa minggu lagi kita semua akan memasuki gerbang 2021, dan juga tahun 2020 ini telah pun menjadi satu sejarah yang paling getir dalam sejarah peradaban manusia yang terhampir ini ialah kerana bukan sahaja di Malaysia, bahkan di seluruh dunia kita berhadapan dengan COVID-19 seperti mana yang kita semua maklum. Dan juga dengan berlakunya pandemik ini maka pelbagai program rancangan tergendala atau terbantut dan juga ia mengganggu kompas sosial dan juga ekonomi rakyat sama ada di peringkat Malaysia ataupun rakyat Johor sendiri.

Orang Melayu ada menyebutkan, sekali air bah, sekali pantai berubah. Begitulah umpamanya keadaan kita pada hari ini, kita pula terpaksa sesuaikan diri dengan norma baharu dalam pada kita bersama-sama melawan pandemik COVID-19 ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, selepas daripada penularan wabak COVID-19 ini, maka perintah kawalan pergerakan telah pun dilaksanakan secara berperingkat bermula daripada bulan Mac sehinggalah ke hari ini. Ianya memberikan impak yang negatif kepada aktiviti ekonomi rakyat. Ramai orang kehilangan pekerjaan ini semua kita sedia tahu, kita sedia maklum, bahkan telah banyak kali dibangkitkan di dalam Dewan ini. Ramai orang yang hilang punca pendapatan. Kalau kita lihat laporan *World Bank* meramalkan ekonomi negara akan menguncup 3.1% pada tahun 2020 ini akibat kelembapan ekonomi dunia berikutan

penularan wabak COVID-19, ditambah dengan penguatkuasaan PKP, aktiviti ekonomi rakyat semakin terhad dan semakin mengecil, kita ini ibaratnya sudah jatuh, ditimpa lagi tangga. Antara bulan Januari sehingga Julai tahun ini, lebih kurang 15,666 orang rakyat Malaysia kehilangan pekerjaan dan terkesan berikutan pelaksanaan PKP, dan juga PKP ini di Malaysia kalau di peringkat negeri Johor ini, rakan di sebelah kita, Singapura mereka ini mengamalkan *circuit breaker measures,* dan juga sektor yang terkesan teruk adalah sektor perkhidmatan, kemudian diikuti oleh sektor pembuatan dan juga pembinaan.

Pada hemat saya, penularan wabak ini bukan sahaja memberikan impak ekonomi semata-mata, tetapi juga kita boleh sebut untuk dirakamkan dalam Dewan yang mulia ini mengakibatkan tragedi kemanusiaan, tragedi nyawa, jiwa yang tidak pernah kita bayangkan sebelum daripada ini. Kita biasa dengar orang kadang kala meninggal dunia kerana peperangan, kita juga pernah dengar orang meninggal dunia kerana sakit, tapi dalam pandemik ini, orang juga ada yang mengorbankan nyawa kerana tekanan jiwa dan mental. Kalau kita boleh lihat pada bulan Oktober yang lalu, lebih kurang kalau tidak silap saya 15 atau 16 Oktober yang lalu, kita dikejutkan apabila satu orang rakyat Malaysia dia terjun daripada apartmen di Singapura, daripada tingkat 8, umur 30-an, umur saya itu, umur 30-an kerana tekanan jiwa, mental. Apabila lebih kurang 8, 9 bulan terperangkap di Singapura. Dikatakan sehari sebelum dia membuat keputusan untuk terjun, dia ada menghubungi isteri dan keluarganya, ceria. Tapi hakikatnya jiwa dia sangat parah dan luka yang kita semua kena insafi. *Happy,* esoknya terjun bangunan dan satu nyawa telah melayang daripada warga kita, warga Malaysia.

Seperti yang semua Ahli Dewan yang mulia sedia maklum, tahun 2020 bukan sahaja memberi cabaran kepada rakyat Johor khususnya dalam konteks penularan COVID-19, tetapi kita juga berhadapan dengan *unprecedented case*, bukan sahaja wabak, sebenarnya politik kita juga telah mengalami satu pengalaman yang saya ingat kalau saya sebagai orang yang berusia 30-an ini tidak pernah lagi melalui saat ini. Kita melihat bagaimana penjajaran semula politik dalam negara, perubahan kerajaan dan akhirnya di negeri Johor juga mendapat tempiasnya, berlaku perubahan kerajaan. Buat kali pertamanya perbezaan kerusi antara kerajaan dan pembangkang di Dewan yang mulia ini dipisahkan dengan dua kerusi sahaja, dalam erti kata yang lain kerajaan memerintah negeri Johor pada hari ini disebutkan kerajaan Perikatan Nasional pada hari ini mentadbir dengan majoriti yang sangat tipis. Dua kerusi sahaja. Sebab itu apabila Bandar Penawar sebut macam, ialah kita bagi peluang lah kan, cuma sebenarnya sangat tipis, dan ia berlaku kerana krisis politik yang kita tidak sangka-sangka juga. Sebab itu saya rasa kita semua kena menginsafi perkara ini. Ibarat pepatah menyebut, “duduk di pucuk rebung, kalau kita bergerak, akan patah, kita digerakkan pun patah”.

Mungkin kalau di sini bergerak sedikit, akan berlaku sesuatu dalam politik Johor. Dan kalau di sebelah sana digerakkan pun akan berlaku perubahan juga peringkat negeri Johor. Dan juga ibarat telur sesangkak, kalau sebiji sahaja pecah barangkali yang lain juga akan turut pecah sama. Sebab itu saya suka melihat sebagai seorang Muslim, suka melihat merenung dengan satu firman tuhan di dalam al-Quran, Allah SWT sebut (bacaan surah al-Baqarah ayat 216). Betul ya ustaz. Al-Baqarah, 216 boleh semak. Barangkali ada perkara yang kamu rasa ianya tidak bagus untuk kamu tetapi sebenarnya ia baik untuk kita di sisi Allah. Dan barangkali benda itu kita rasa, bagus untuk kita tapi boleh jadi tidak baik di kesudahannya. Sebab itu saya suka untuk melihat apa yang berlaku pada hari ini, pandemik COVID-19 dan juga penjajaran politik dalam negara dan juga negeri ini melihat dua hikmah daripada apa yang berlaku yang mungkin kita boleh renung-renungkan.

Yang pertama saya akan bercakap dari segi semangat demokrasi, semak dan imbang, keberkesanan perbahasan kita di sini, dan juga peranan kita sebagai seorang Wakil Rakyat. Ia akan menyentuh juga sedikit nanti apa yang telah disebutkan dalam bajet ataupun Belanjawan Johor 2021.

Dan yang kedua nanti mungkin saya akan menyebut sedikit dari segi ekonomi. Saya melihat, walau pun banyak pihak yang mentafsirkan penjajaran politik pada hari ini dan suasana COVID-19 yang berlaku pada hari ini suatu musibah namun pada hemat saya kita harus mengambil sikap proaktif dan juga kita mesti mendepaninya dengan rasa yang positif. Orang putih pula dia kalau kata, dia kata *blessing in disguise,* dengan izin. Dalam satu perkara yang tak baik itu mungkin ada *blessing* dia. Ia memberikan kita di Johor ini sebenarnya peluang untuk memperkasakan prinsip semak dan imbang yang merupakan tunjang kepada sistem demokrasi kita. Rakan-rakan di sebelah sana kata, setiap tindakan kerajaan mestilah disokong. Dia sudah tidak jadi begitu. Pembangkang lazimnya akan membangkang, pun sudah tidak jadi begitu bila berlaku penjajaran semula politik ini. Bahkan dalam satu konteks yang lain saya mengharapkan pihak kerajaan akan melibatkan secara lebih aktif dan lebih luas peranan Wakil-Wakil Rakyat daripada pembangkang di sebelah sini untuk sama-sama dalam sebarang pembentukan sama ada belanjawan kah ia, atau pun sebarang polisi untuk kebaikan negara ataupun negeri kita Johor yang kita cintai ini. sebab itu, saya suka mengambil suatu angka, 48%. Apa benda 48% ini?. 48% ini adalah suara yang diwakili oleh ADUN-ADUN atau Wakil Rakyat-Wakil Rakyat Pembangkang pada hari ini. di sebelah sana ada 52% sahaja. Sebab itu kalau kerajaan ataupun kita di Dewan yang mulia ini memilih untuk mengesampingkan suara pembangkang dalam proses membuat sebarang dasar dan polisi yang baik untuk kerajaan, hakikatnya kita menafikan 48% suara rakyat yang kita wakili.

Saya ingin mengucapkan setinggi tinggi terima kasih, tadi YB Tenggaroh menyebut tidak ada ucapan terima kasih apabila Menteri Besar umumkan RM150,000.00 peruntukan untuk ADUN pembangkang. Saya tak rasa, tak ada yang ucap terima kasih. Saya ingat Mahkota pun ada ucap terima kasih, Parit Yaani pun ada ucap terima kasih dan saya pun nak mengulangi, terima kasih kita ucapkan. RM150,000.00 peruntukan untuk ADUN Pembangkang. Puan Speaker pun ada sebut juga terima kasih. Di negeri-negeri lain peranan pembangkang mungkin dihadkan. Ada limitasinya namun tidak bermakna negeri Johor kita mesti ikut tauladan yang mereka laksanakan. Di negeri Johor apabila keadaan begini kita ambil peluang untuk menjadi lebih demokratik, lebih profesional melayan sama ada ADUN di peringkat kerajaan ataupun pembangkang dengan layanan yang sama rata seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan Wakil Rakyat di sebelah sini bahawa *we are not enemy of the state*, dengan izin. Kita bukannya musuh kepada negeri ini. Kami adalah pembangkang yang *legal* berada di dalam institusi yang *legal*, dan berperanan secara *legal* untuk kebaikan negeri yang kita cintai ini. Sebab itu, RM150,000.00 ini kita ucap banyak-banyak terima kasih tapi kalau boleh bagi lebih, bukan minta lebih ini sebab orang bagi betis nak bagi siku Sri Medan, tak. (Dewan ketawa). Maknanya peruntukan yang diberikan kepada Wakil-Wakil Rakyat diagihkan secara sama rata supaya kita boleh memberi perkhidmatan di sebelah sini kepada 48% kawasan rakyat-rakyat yang berada di dalam kawasan-kawasan pembangkang. Paloh tak boleh nafikan, apa yang diberikan oleh kerajaan Pakatan Harapan mungkin tidak setimpal jauh daripada apa yang diberikan oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

Tetapi Paloh boleh berbangga dan kita boleh rakamkan kebanggaan kita ini bahawa itu adalah satu, dipanggil *tipping point*. Kita buka pintu untuk beri peruntukan kepada pembangkang. Dan hari ini kerajaan Perikatan Nasional menaikkan lagi bantuan itu dan kita harap bantuan itu mungkin boleh dinaikkan lagi sama rata sebelum kerajaan ini mungkin bertukar lagi pada masa akan datang. Mungkin di sebelah sini pula jadi kerajaan. Kita juga perlulah menjadi tauladan kepada negeri-negeri yang lain untuk muncul sebagai negeri yang pertama mengambil kira dan melibatkan peranan pembangkang dalam soal pentadbiran negeri juga. Kita ingin peranan kita diberikan secara lebih holistik. Pihak pembangkang boleh memainkan peranan sebagai *strategy partner* dalam proses pembangunan negeri. Bukankah, bukankah kerajaan negeri Johor ini sejarahnya telah membuktikan kita merupakan negeri Melayu pertama yang mempunyai sistem pentadbiran awam yang

tersusun dan juga negeri yang pertama pemerintahannya berpandukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor. Yang pertama lagi dalam perkara-perkara seumpamanya, maka inilah masa yang saya sebutkan tadi *blessing in disguise*. Perkara, tempoh atau pun saat yang sesuai, *moment* yang sesuai untuk kita memainkan peranan yang lebih demokratik kepada seluruh Wakil-Wakil Rakyat yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Selaras dengan prinsip urus tadbir yang baik, *good governance*, dengan izin dalam amalan demokrasi. Saya juga dengan penuh takzim dan dengan rendah diri mencadangkan di Dewan yang mulia ini, untuk menimbangkan bagi menubuhkan jawatan-jawatankuasa pilihan, *select committee,* misalnya berkaitan ekonomi, berkaitan pelaburan, berkaitan perumahan, berkaitan kerajaan tempatan dan sebagainya yang boleh kita bentuk yang dianggotai oleh Ahli-Ahli Dewan tak kira daripada pihak kerajaan ataupun pembangkang. Selain itu, Yang Berhormat Puan Speaker kalau kita *zoom in* lagi di peringkat lebih bawah lagi, lebih dasar lagi, lebih hampir lagi dengan rakyat, mengapa tidak, jika boleh Wakil-Wakil Rakyat tak kira daripada kerajaan ataupun pembangkang, khususnya pembangkanglah pada ketika ini tidak berlaku pada Wakil Rakyat pembangkang dibenarkan untuk masuk ke dalam mesyuarat JKTD, Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk mengangkat isu-isu rakyat yang mereka terima di peringkat bawah, di peringkat rakyat di kawasan masing-masing. Saya Paloh cukup yakin dan percaya perkara ini bukan mudah tetapi itulah saya katakan tadi kalau kita menginsafi semula apa yang dinyatakan oleh tuhan bahawa barangkali kita tidak berapa suka perkara ini tetapi ia baik untuk kita mengambil peluang. Jadi, *seize the moment*, dengan izin kita ambil peluang ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, sedikit berkaitan pekerjaan berteraskan keusahawanan dan juga keterkaitannya dengan digitalisasi. Penularan COVID-19 bukan sahaja merupakan *wake up call* kepada semua pihak untuk sama-sama bekerja sama dalam memastikan kebajikan rakyat terpelihara. Ia juga harus dipandang sebagai seruan untuk melaksanakan proses transformasi ekonomi dan juga pentadbiran negeri. Di seluruh dunia, setiap negara sedang melaksanakan proses transformasi untuk sesuaikan diri mereka dengan perkembangan norma baharu pada hari ini. Dan juga kita sedar ataupun tidak sedar penularan COVID-19 ini telah membawa fenomena digitalisasi. Fenomena digital. Sebagai nuansa yang mutakhir yang terkini dalam norma baru kita. Apa benda yang tidak terkait dengan digital bila berlaku pandemik ini. Semua benda terkait dengan digital. Kita bukannya berkata soal ekonomi sahaja kita perlu ada platform digital. Pendidikan juga. Nak diselesaikan masalah dari sudut pendidikan juga dengan digitalisasi pada fasa pandemik ini.

Sebab itu Yang Berhormat Puan Speaker, istilah-istilah *work from home* dan anak-anak pula hari ini dia kenal dengan *online classroom, google meet classroom,* atau pun *zoom classroom*. Ini semua dah menjadi suatu perkara yang lazim apabila berdepan dengan pandemik pada hari ini. Kita harus ambil peluang dengan menjadikan negeri Johor ini sebagai pemangkin agenda digitalisasi negara.

Sebab itu, hari ini kita lihat, kalau kita ambil contoh apa yang berlaku di Thailand, yang dilaksanakan oleh Thaksin pada ketika itu dalam kerajaan beliau, Thai Rak Thai Government sekitar 2001 sehingga 2006. Dia telah melancarkan *entrepreneurship stimulus program*, dia panggil *one tambon one product.* Kita di Malaysia ini ada juga satu daerah satu industri. Perkara ini sudah pun berjalan. Kita boleh perkembang dan perluaskan lagi perkara ini. Di mana kalau kita boleh menyediakan mikro kredit polisi memberi pinjaman, diberikan secara berkadar dengan perniagaan, kesesuaian perniagaan yang dirancang dan mungkin kalau kita nak memikirkan pembayaran semula pun boleh juga tetapi secara lebih fleksibel berdasarkan keuntungan yang diperolehi oleh usahawan yang memohon sama ada secara mingguan atau bulanan, perkara ini kita mesti laksanakan.

Saya mengimbau kembali sewaktu pertama kali masuk ke pejabat sebagai seorang EXCO, beberapa tahun yang lalu, 2 tahun yang lalu aje bukan beberapa tahun jauh sangat pun.

Apabila kita melancarkan Geran Orang Lokal. Tahun 2019 kita lancarkan geran sehingga RM20,000.00 Geran Orang Lokal. Tahun 2020, kita turunkan jumlah pemberian itu kepada RM10,000.00 sebab kita menganalisa bentuk-bentuk permohonan dan lazimnya sekitar berapa jumlah yang dipohon oleh para usahawan. Kita turunkan kepada RM10,000.00 dan kita tingkatkan *volume* penerima. Saya bukan tak baca Belanjawan ini, saya baca. Bahawa Geran Orang Lokal pada tahun ini diteruskan. Saya ucap tahniah dan terima kasih Geran Orang Lokal ini sebab diteruskan dan ditingkatkan peruntukannya daripada RM1.5 juta kepada RM3 juta. Saya yakin kalaulah kita dapat meneruskan mikro kredit polisi ini dengan memperluaskan lagi penerimanya, insya-Allah kita dapat membantu lebih ramai usahawan pada saat ekonomi yang sedang sempit ini. Masa dah habis, saya faham. Sedikit lagi. Sebab itu kita perlu memanfaatkan *platform digital*. Satu sahaja sebelum saya akhiri.

Saya teringat, sewaktu saya masuk dalam pejabat EXCO, bila waktu itu kita nak buat SUKMA. Saya rasa di sini ramai orang, orang menyedari. Saya katakan kepada agensi yang membantu MSNJ, *Sport Johor* dan sebagainya, kalau orang sebuk SUKMA Johor, kita nak *the best*, makna orang sebut SUKMA, oh SUKMA Johor itu, orang terus teringat Johor. Itu *enthusiast*, keinginan sebagai seorang EXCO lah pada ketika itu. Orang sebut Johor, kita ada, kita ada segala kelengkapan yang terbaik dan orang sebut SUKMA, orang akan ingat, oh SUKMA Johor *the best.* Jadi sebab itu pada kali ini saya mengharapkan agenda digital yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan digalas oleh keseluruhan EXCO dan seluruh jenteranya, kita harapkan supaya bila orang sebut Johor, agenda digital, dia mesti menjadi *prime,* mesti menjadi agenda yang utama, yang besar. Kalau orang sebut Selangor, orang sebut oh *Smart* Selangor. Selangor meletakkan 2025 menjadi negeri yang hebat di rantau Asia ini dari segi *Smart* Selangor. Jadi mengapa tidak, bila kita sebut Johor, orang sebut Digital Johor. *Wifi* laju sana. Bagus semuanya prasarana cantik. Dan dia punya operasi dalam kerajaan, PBT semuanya memang berasaskan digital. Jadi kalau perkara ini kita boleh angkat, boleh *pick up*, insya-Allah nama Johor akan menjadi semakin tinggi dan nama Johor akan menjadi *engine head* dengan izin, kepada pergerakan negeri-negeri lain di persekutuan kita ini. Dan saya akan akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun. Mendayung sampan ke Johor Bahru, sambil mendayung mengikat teraju, ayuhlah kita semua berganding bahu, harapan Johor makmur dan maju. Wabillahitaufik walhidayah, assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu, jemput.

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Bukit Batu untuk turut terlibat dalam perbahasan rundingan bajet petang ini. Terdahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Besar Johor kerana naikkan peruntukan ADUN Pembangkang, Yang Berhormat Tenggaroh tak ada ya. Saya nampak ini sebagai satu kemajuan prinsip demokrasi yang dimulakan oleh kerajaan Pakatan dan kini disambung oleh kerajaan Perikatan. Harap-harap tak kira siapalah saja yang jadi kerajaan pada masa yang akan datang, akan teruskan dengan usaha ini malah saya harap menambah baik lagi usaha ini.

Disebut juga oleh Menteri Besar dalam kenyataannya bahawa tambahan ini sebenarnya adalah satu pengiktirafan kepada *role* ADUN pembangkang, peranan ADUN pembangkang dalam satu sistem demokrasi terutamanya bila ADUN di sebelah sini memberi *constructive criticism*. Maka saya haraplah kerajaan hari ini boleh berbesar hati dan dengar pandangan-pandangan yang telah dihujahkan oleh Ahli-Ahli di sini baik dari sebelah *back bencher* ataupun daripada pembangkang. Ambillah pandangan kita, *criticism* kita dengan buka hati. Kalau yang kurang, kita boleh baikkan. Kalau yang baik kita tambah lagi baik. Kalau ada cadangan yang bernas, yang bagus apa salahnya kerajaan guna pakai walaupun datang dari pihak pembangkang. Saya seperti semua anak Johor juga doa dan harap Johor makmur, rakyat sejahtera Puan Speaker.

Puan Speaker, minggu lepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membentangkan Bajet 2021 kerajaan baru ini. Bagi saya ini adalah satu Bajet COVID, malah ia juga adalah satu Bajet Pasca COVID-19. Maknanya, bajet ini bukan sahaja perlu menangani isu yang bangkit akibat pandemik ini, tetapi bajet ini juga perlu cukup komprehensif untuk memulakan proses pemulihan ekonomi negeri akibat pandemik COVID. Saya tertarik dengan salah satu *impetus* ekonomi baru yang disebut oleh Menteri Besar untuk *start* dengan izin, ekonomi negeri iaitu agenda *Johor Food Security* dan juga Johor Tani. Ingin saya kongsikan 5 *point* bagi kita, pandangan saya, untuk kita boleh berjaya berhijrah dari lapangan pertanian sekarang kepada *Industry Agriculture Global*.

Isu pertama yang perlu kita tangani, isu tanah. Seperti ramai juga kawan-kawan di sini Ahli-Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu tanah, terutamanya isu tanah terbiar. Seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya petik, "*Agriculture is a game of volume*." Nombor. Kena banyak rancangan untuk pembangunan sektor ini tergantung kepada keseriusan kerajaan untuk memberi tanah yang secukupnya kepada orang yang sesuai.

Puan Speaker, Johor banyak tanah. Tapi macam mana kerajaan nak pastikan tanah-tanah terbiar itu diusahakan oleh pemain yang tulen dan dengan efektif dan efisien. Telah dinyatakan dalam Dewan ini ada hampir 10,000 hektar tanah terbiar saja di Johor. Saya nak tanya di sini, apa mekanisme yang telah dirancang oleh kerajaan untuk memastikan semua rakyat Johor tidak kira bangsa, tidak kira agama, tidak kira falsafah politiknya, latar belakangnya berhak untuk dengan izin, *a piece of the pie*, dalam skim pembangunan Johor ini. Sekarang banyak tanah telah dikurniakan atau diberi kepada penanam dalam bentuk LPS atau pajakan jangka pendek. Sebenarnya ini adalah tidak sesuai. Akses kepada tanah merupakan *pre-condition* atau syarat *preliminary* untuk menjayakan Skim Johor Tani ini. Begitu juga saya faham di Sedili kini kerajaan ada projek di Sedili, di J-Biotech. Saya difahamkan program J-Biotech ini ada hampir 1,000 hektar tanah yang masih tidak digunakan. Tapi saya ingin syorkan kepada kerajaan, semasa saya dalam kerajaan ramai yang sebenarnya tanya nak akses kepada tanah di J-Biotech, Sedili tetapi harganya terlalu tinggi. Mungkin kerajaan boleh *planning* fikirkan agar harganya boleh turun sedikit memandangkan sekarang kita cuba pulih balik ekonomi untuk menjayakan Skim Johor Tani ini.

Kedua, Puan Speaker, salah satu isu dalam sektor pertanian yang kita kena hadapi ialah isu tenaga kerja. Pertanian adalah satu sektor yang sangat *labour intensive.* Tapi sekarang kebanyakan pekerja dalam sektor ini adalah kita jujurlah adalah pekerja asing. Orang Indonesia. Maka, 2 soalan kini timbul. Pertama, adakah kita mempunyai cukup tenaga kerja untuk mendukung agenda Johor Tani ini dan adakah ini bermakna kita kena terus bergantung kepada pekerja asing, padahal ramai anak Johor yang kini menganggur dan kehilangan kerja akibat pandemik COVID ini? Menteri Besar ada sebut ada keperluannya untuk kita guna teknologi tinggi dan *smart technology* dalam sektor pertanian moden. Ya, itu memang satu cadangan yang sangat bagus. Tapi ingin saya sebut di sini, tidak mungkin atau hampir tidak mungkin ada pelabur atau orang yang buat *business* akan berani melabur berjuta-juta ringgit sekiranya status tanahnya tidak *secure*. Ini ada *link* dengan *point* saya di atas. Puan Speaker tak ada orang, siapa berani beli *machine* naik taraf infrastruktur jika status tanah itu ialah LPS atau pajakan hanya 10 tahun. *So*, saya harap kerajaan boleh ambil perhatian ini.

Ketiga, isu subsidi dan *yield*, buat masa kini sistem subsidi yang diberi oleh agensi kerajaan seperti FAMA, adalah berasas kepada *input method* seperti pemberian *fertilizer* dan *pesticide* untuk membantu petani-petani pada peringkat awal penanaman. Walaupun ada baiknya sistem subsidi ini, tapi kena akui sistem ini boleh disalah guna oleh sekumpulan orang yang ambil *fertilizer* atau *pesticide* subsidi ini tapi bukan diguna di ladang mereka tapi terus jual kepada pihak ketiga untuk *cash,* tunai. Hakikatnya pengeluaran tanaman mereka

dan *yield* mereka sangat rendah. Tidak menepati matlamat kita. Ini berbeza dengan sistem *output method* di mana kita patut utamakan pemberian subsidi untuk menggalak pengeluaran yang lebih tinggi iaitu subsidi hanya diberi bila penanam atau petani tersebut mencapai satu angka pengeluaran. *He must hit the target*. Sistem ini telah dibuat dengan berjaya di Sekinchan, di Selangor. Untuk buat perbandingan. Puratanya, di Malaysia untuk 3 hektar tanah untuk padi, purata pengeluaran adalah hampir 4,000 kilo, 4 tan. Tetapi di Sekinchan, untuk jumlah tanah yang sama dengan gunanya sistem output *method* ini *yield* mereka adalah 10,000 kg atau 10 tan. Maka, saya cadangkan kerajaan boleh meninjau satu sistem *hybrid*, di mana kita beri separuh subsidi pada permulaan dan separuh lagi bila penanam itu *hit the target*, dengan izin. Ini akan membantu mereka pada permulaan dan pada masa yang sama memberi motivasi kepada mereka untuk meningkat pengeluaran mereka kerana ada subsidi atau ganjaran pada fasa yang kedua itu.

Keempat, untuk menjayakan Johor Tani, kita juga kena perhatikan isu perparitan dan logistik. Untuk menjayakan ini, JPS juga perlu main satu peranan yang sangat penting. Kerana sistem perparitan perlu dalam keadaan yang terbaik. Kita ada keperluan untuk rancang sistem irigasi yang lengkap dan bersasar. Begitu juga dengan sektor logistik, mesti sempurna untuk memastikan barang-barang tanaman boleh dihantar dan diedarkan ke *final destination*, dengan izin, dalam masa yang tersingkat untuk memastikan bahan tanaman adalah sentiasa segar, *fresh*. Ini adalah salah satu punca kejayaan industri pertanian di Taiwan dan Jepun. Hari ini, anggur yang dipetik di Hokkaido boleh sampai di Malaysia dalam kurang daripada 48 jam. Itulah kenapa sektor pertanian di Taiwan dan Jepun begitu berjaya, Puan Speaker.

Akhir sekali, *point* kelima, isu *multiplier, chain effect*. Untuk menjayakan Johor Tani kita kena pelbagaikan lagi jenis tanaman kita. Kita tidak boleh bergantung sahaja kepada tanaman kontan atau sawit. Saya boleh beri satu contoh yang boleh menunjukkan dengan tanaman yang betul, kita boleh kembang *multiplier* dan *chain effect*. Saya beri contoh *cocoa bean.*

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, untuk tahun 2019, jumlah eksport *cocoa bean* Malaysia adalah RM1.14 bilion. RM1.14 bilion *cocoa bean* eksport keluar daripada Malaysia. Tetapi, jumlah eksport untuk produk koko maknanya benda-benda *cocoa powder* ke benda yang ada kaitan dengan koko-koko, sabun ke, adalah RM5.5 bilion. Tapi malangnya, 99% daripada *cocoa bean* yang diguna untuk kita eksport RM5.5 bilion ini adalah import dari luar negara. Kalau kita banding sekarang, RM1.14 bilion boleh sampai RM5.5 bilion, maknanya *multiply effect* dalam industri koko ini daripada *cocoa bean* kepada produk koko adalah hampir 4 kali ganda. Sangat bazir kalau kita bergantung kepada import *cocoa bean*. Bila kita boleh sendiri tanam koko, bukan sahaja di Malaysia malah di Johor.

Saya difahamkan, zaman dahulu pernah kita ada satu ladang koko yang paling besar di Malaysia terletak di Estet Sagil IOI dekat Tangkak, tapi hari ini sudah tiada. Ini hanya satu contoh sahaja, tapi saya nak *highlight* di sini, untuk kita menjadikan Johor sebagai sebuah industri *power house* dalam sektor pertanian kita kena *industrialize* sektor ini. kena ada *multiplier effect*, kena ada kilang untuk pembuatan bahan tanaman. Kita tidak boleh berhenti sahaja di kawasan makanan kontan sahaja.

Puan Speaker, pada 15 November 2020, Malaysia telah menangani *Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement (RCEP). RCEP* ini melibatkan 15 negara dan merupakan *trade block* paling besar di dunia. Jauh lebih besar daripada mana-mana *trade block* dunia termasuk EU. GTP kesemua 15 negara dalam RCEP adalah hampir USD*26* trilion. USD26 trilion bukan *million*, bukan bilion, trilion iaitu hampir 30% GDV dunia dan merangkumi 2.2 bilion orang iaitu 1/3 orang dalam dunia ini tinggal dalam zon kawasan RCEP ini. RCEP adalah satu *game changer* terutamanya kepada golongan SME di Malaysia dan Johor. Di Malaysia anggaran ada hampir 1 juta SME, Johor ada hampir 100,000. Salah satu ciri RCEP ialah yang tidak pernah nampak di dalam STL lain ialah penurunan atau

pelepasan tarif bukan sahaja untuk produk akhir, tetapi untuk bahan mentah dalam proses pembinaan yang mungkin di *cover* oleh FTA lain, tetapi buat sementara masa ini tidak lagi dikuatkuasakan lagi. *What are this meant for SME*, saya bagi satu contoh macam mana SME boleh untung daripada RCEP. Contoh,satu SME yang kita kata buat kek, kek berkualiti tinggi. Syarikat ini boleh import susu dari Australia bebas tarif, boleh ambil laici dari China bebas tarif, boleh import longan dari Thailand bebas tarif, akhirnya kek yang dia siap itu boleh jual ke Jepun, jual ke Korea juga bebas tarif di sana. Tentu lah harga yang sampai di Jepun atau Korea itu adalah lebih kompetitif berbanding dahulu. Maka soalan saya hari ini, sebab saya tak pernah dengar Menteri Besar ataupun EXCO sebut ini dalam Bajet, apakah usaha kerajaan Johor untuk memastikan Johor ini sedia mengambil kesempatan bila kita masuk era RCEP ini.

Yang Berhormat EXCO Pelaburan, bila bentang strategi pelaburan tidak pun ada sebut RCEP dan paling bimbangnya saya tidak nampak ada apa visi untuk memudahkan pelabur asing untuk pilih Johor sebagai destinasi pelaburan utama. Dalam Bajet tahun ini juga, tidak ada sentuh apa-apa insentif yang *significant* oleh kerajaan kepada pelabur asing. Pada Bajet 2020 tahun lepas, sekurang-kurangnya, ada sebut kerajaan akan menubuhkan *fast lane* di pejabat tanah untuk memudahkan pelabur menangani masalah tanah dalam masa 14 hari.

Yang Berhormat Puan Speaker, pelabur-pelabur perlu satu sistem yang kurang birokrasi, *easy to do business*. Adakah Invest Johor sanggup dan dapat menubuhkan satu *OSC (One Stop Center)* untuk menyelesaikan masalah pelabur. Di samping itu, saya juga cadangkan kerajaan beri insentif kepada pelabur-pelabur seperti tarif air dan elektrik yang lebih rendah untuk 10 tahun terdahulu dan juga bebas pembayaran cas KUJ bagi pelabur asing. Ini semua penting sebab kita bukan sahaja bersaing dengan negeri Selangor, negeri Sarawak atau Pulau Pinang untuk pelabur tetapi juga dengan negara-negara lain seperti Batam, Indonesia; Vietnam dan Thailand.

Seterusnya, saya gembira dan tahniah kepada kerajaan Johor negara menubuh JETCO di Singapura, itu adalah satu usaha yang baik yang memang dinanti-nantikan. Saya tak ada masalah, malah saya kata tahniah. Tapi saya hanya nak katakan *why stop at Singapore? Why stop at Singapore*? Hari ini *Singapore* bukan pelabur utama di Johor. Pelabur pertama di Johor ialah China. China telah melabur sekurang-kurangnya USD10 *billion* bersamaan RM40 bilion ke Iskandar sahaja, kawasan Iskandar. Bukan Johor, Iskandar sahaja. Dan dengan RCEP, China *is the main player* sebab RCEP ini tidak termasuk India dan yang paling pentingnya Amerika Syarikat tidak dalam RCEP. Maknanya, RCEP ini *main player* adalah China dan kita tidak patut letak pandangan kita kepada SIJORI Indonesia tetapi patut kita pergi China. Dan kalau cadangan saya, kita bukan buka satu di China, kita buka dua *office* di China. Satu kita buka di Shanghai. Shanghai adalah *Finance Capital* China, kebanyakan syarikat top di China ialah HQ di Shanghai.

Kedua, untuk kita mendukung agenda Digital Johor, untuk kita mendukung idea *Smart* Johor, kita perlu buka satu JETCO *office* di Shenzhen. Kenapa di Shenzen? Shenzhen adalah satu bandar yang paling pintar di Johor, eh di China. Beberapa syarikat major di dunia bertapak di Shenzhen. Contohnya, Huawei adalah bertapak di Shenzhen. Kita nampak *Ten Cent* juga bertapak di Shenzhen, kita nak bangunkan *drone* industri kita, *number one drone maker in the world,* DGI pun juga di Shenzhen. Di samping itu juga, JETCO juga memain peranan untuk tarik pelancongan, kenapa kita tidak tarik pelancong daripada China. Sekarang kalau China, orang nak datang Malaysia dia hanya tahu pergi Penang, Sabah atau Melaka. Kita patut guna *office* JETCO di China untuk tarik mereka untuk melancong di Johor juga.

Dengan izin Puan Speaker, sudah 20 minit, saya cuba pendekkan, sekejap sahaja. Syabas, status penaiktarafan, naik taraf BAKAJ kepada Lembaga Pengurusan Air Johor, *long*

overdue. Saya harap pungutan BAKAJ boleh diguna dengan baik untuk meneroka lebih banyak sumber air dan pemulihan dan penjagaan sumber yang sedia ada. Saya harap, kuasa BAKAJ boleh diperluaskan terutamanya dalam hal penguatkuasaan. Sekarang BAKAJ ada hak kompaun, denda tetapi saya harap boleh diperluaskan sehingga ada kuasa untuk tutup kilang atau ladang atau premis yang mencemar sumber air Johor.

Kedua, saya juga harap kerajaan boleh pastikan pembinaan Projek Air Layang 2 Fasa 1 adalah *on track, on schedule* untuk menampung kekurangan rizab air di Johor Selatan. 160 mld sehari adalah satu jumlah yang amat diperlukan untuk kita menuju ke *self-dependency* terutamanya bila ada krisis kurang air. Saya juga harap, kerajaan boleh terus dengan projek kerajaan Pakatan Harapan untuk membina *piping* air dari Sungai Sedili ke Loji Rawatan Air Gembut sekali gus menyelesaikan masalah di Lok Heng dan Gugusan Waha seperti yang diminta oleh Sedili tiap-tiap tahun. Saya kasihan orang Kota ini, sampai sekarang masih tidak selesai masalah ini.

Akhirnya, saya nak sentuh sedikit sahaja berkenaan dengan isu wawasan. Kerajaan negeri Johor telah memperuntukkan RM6 juta kepada Yayasan Sultanah Fatimah untuk masyarakat Cina dan RM4 juta kepada Yayasan Sultanah Rogayah kepada masyarakat India. Saya tiada masalah dengan jumlah ini, bagus, tapi saya hanya terkilan, saya tak faham mengapa duit kerajaan ini perlu disalurkan kepada Yayasan? Kenapa duit ini tidak boleh diguna oleh dan diuruskan oleh EXCO atau Menteri Besar yang sedia ada. Adakah ini bermakna kerajaan, bermakna Menteri Besar tiada kepercayaan kepada EXCO-EXCO yang kita ada ini, kita ada EXCO Cina, ada India untuk mengurus duit yang untuk komuniti masyarakat Cina dan India. Sebab dulu Pakatan Harapan, duit ini diuruskan oleh Pejabat Menteri Besar dengan rundingan dan pandangan daripada EXCO-EXCO berkenaan. Kalau isu untuk komuniti masyarakat Cina, dia akan bincang dengan EXCO Cina, untuk India dia akan bincang dengan EXCO India tapi kenapa kerajaan Perikatan Nasional nak bagi kepada Yayasan? Bila beri kepada Yayasan mungkin kurang telus dan mereka bukan orang yang Wakil Rakyat. Mereka tidak ada tanggungjawab kepada rakyat dengan penggunaan duit kerajaan. Kita beza, masa itu dalam kerajaan Pakatan Harapan.

So, akhir sekali, *last* sekali isu tempatan sahaja saya nak bawa Puan Speaker, selekoh S.

YB Timbalan Speaker : Masa sudah tak ada.

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : 1 minit sahaja Puan Speaker. Selekoh S ini, YB Kerja Raya ada di sini. Selekoh S ini di Batu 24, 25 Kulai, telah sepatutnya siap habis bina pada tahun Jun 2020. Tapi sampai hari ini, baru-baru ini pun belum siap habis. Beberapa hari lepas satu *lane*, sebenarnya dia dua *lane* eh, satu *lane* telah buka. Saya tak tahu siapa buka, saya nak minta penjelasan. Satu *lane* telah buka, ada orang guna jalan itu. Kita tak tahu adakah ia buka secara rasmi oleh kerajaan atau tidak, tetapi satu *lane* sudah buka dan nampaknya tidak begitu selamat. Harap dapat pencerahan daripada JKR adakah jalan terus di Batu 24, 25 itu telah secara sahnya telah dibuka oleh kerajaan.

Kedua, isu yang berkaitan juga, ada sebuah ada satu tanah di sebelah selekoh S itu, kini dia tak ada jalan akses sebab jalan sudah lurus. Di jalan dulu itu, S itu dia ada, dia boleh masuk ladang dia. Tapi sebab jalan sudah lurus dia tiada akses tanah, akses jalan untuk masuk tanah dia. Saya harap pihak JKR boleh beri satu rancangan, *planning* macam mana kita boleh beri akses jalan kepada peladang itu untuk dia masuk kepada tanah dia sementara jalan ini diteruskan. Saya harap sekali lagi, saya berterima kasihlah kepada Speaker kerana memberi saya peluang untuk ucap di sini. Dan saya ingin ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih. Terima kasih kepada Jurutulis, terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih kepada semua kakitangan, agensi yang telah memberi kerjasama selama ini. Saya jujur, kita pun tak *sure* adakah kita ada peluang lagi untuk berucap pada sesi yang akan datang. Mungkin.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan)

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat sudah tamatkan ucapan perbahasan?

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : 30 saat, 30 saat. Mungkin di antara kita di sini akan balik duduk dalam Dewan ini pada masa akan datang sebagai Ahli Dewan, mungkin ada yang akan jadi EXCO, mungkin ada pergi Parlimen, mungkin ada jadi Menteri, mungkin akan jadi Perdana Menteri, mungkin kita akan duduk di sana, mungkin kita akan duduk bersama tapi yang pentingnya saya ambil peluang ini untuk *I wish you all the best*. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Johor Lama, jemput.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatulahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Puan Speaker, terlebih dahulu saya merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker, kerana memberi peluang dan ruang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Johor 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Khamis yang lepas.

Yang Berhormat Puan Speaker, patik dan seluruh warga DUN Johor Lama ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim atas Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan Belanjawan Johor yang bertemakan "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran" yang di dalamnya terkandung pelbagai inisiatif dan usaha bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, memulihkan ekonomi serta membina daya tahan fiskal dan ekonomi negeri menerusi 3 asas utama yang menjadi inti pati Belanjawan kali ini demi menyantuni rakyat Johor.

Belanjawan Johor 2021 kita fahami sebagai ikhtiar, ikhtiar bagi fasa pemulihan ekonomi selepas Pakej Rangsangan Ekonomi Ehsan Johor 2020. Sebagaimana yang kita semua maklum, pandemik COVID-19 telah sekelip mata merubah ekosistem ekonomi negara serta negeri Johor yang kita cintai ini ke arah suram dan merudum. Pendekatan-pendekatan yang dahulunya bersifat komprehensif, kini dilihat tidak lagi praktikal dan bersesuaian dengan keadaan semasa. Kita telah menempuhi sesuatu keadaan yang mana belum pernah kebanyakan daripada kita mengalami sebelum ini. Namun begitu, saya yakin dengan inisiatif dan keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta barisan EXCO menangani permasalahan ekonomi ini secara bijaksana serta terus mengutamakan kebajikan rakyat. Insya-Allah, kita akan temui jalan penyelesaiannya dengan pendekatan pengurusan ekonomi yang mampan dan bersesuaian ketika ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, keprihatinan, kesedaran dan komitmen Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta barisan kepimpinan kerajaan Johor terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat sangat jelas terpampang dalam Belanjawan Johor 2021 ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kepimpinan kerajaan negeri sedar bahawa kekuatan dan pengukuhan ekonomi negeri secara bersendirian tidak akan mendatangkan hasil yang berfaedah tanpa diimbangi dengan kebajikan serta kesejahteraan rakyatnya sendiri. Apa guna sekiranya kerajaan negeri kukuh dari segi pendapatan ekonominya, tetapi keadaan ekonomi rakyatnya di luar sangat tidak stabil. Justeru itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri melalui pembentangan belanjawannya yang bersifat defisit ini

adalah menunjukkan komitmen dan kesediaan kerajaan untuk berbelanja dengan mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat sebagai keutamaan berbanding dengan hasil perolehan kerajaan. Atas sebab itu dan apa juga keadaan sekalipun, kesejahteraan rakyat sama sekali tidak boleh dipinggirkan. Meskipun kita melalui beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan yang dimulakan pada 18 Mac lalu bagi mengekang penularan wabak itu dan seterusnya PKP nanti hingga 6 Disember 2020. Dalam tempoh ini, kerajaan masih terus membela rakyat sedapat mungkin.

Selain bantuan yang disalurkan melalui pelbagai agensi kerajaan, kerajaan negeri turut memberi Bantuan Tunai Ihsan COVID-19 Johor RM250.00 dan RM500.00 amat membantu dan memberi manfaat kepada penerimanya. Johor Lama merakamkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang prihatin kepada golongan terbabit kerana mereka sebelum ini tidak menerima sebarang bantuan BSH atau BPN.

Yang Berhormat Puan Speaker, dasar kepimpinan menerusi Belanjawan Johor oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan tema “Berdaya Tahan Demi Kemakmuran” yang merangkumi 7 Ikhtiar Makmur Johor merupakan daya usaha serta kesungguhan kerajaan untuk melestarikan kesinambungan pemulihan ekonomi susulan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020 yang telah diluluskan September lalu. Pastinya akan disambut baik sepenuhnya oleh rakyat Johor. Adalah diakui dalam hayat ekonomi Johor yang mula menguncup akibat COVID-19. Kita tidak akan leka, malah akan terus memastikan supaya sasaran pemulihan ekonomi ini mencapai dan fokus kepada sasaran dan pelaksanaannya. Tidak dinafikan ramai peniaga dan usahawan IKS yang terkesan, malah hampir gulung tikar akibat kemerosotan pendapatan perniagaan mereka. Sebagai contoh, saya menerima rintihan daripada lebih 200 ahli Persatuan Kebajikan Pasar Lambak, Kota Tinggi yang bergantung hidup semata-mata dari sumber hasil perniagaan mereka berikutan penularan wabak COVID-19 di daerah Kota Tinggi, aktiviti perniagaan Pasar Lambak berkenaan terpaksa ditutup. Maka dengan itu, sumber rezeki untuk periuk nasi mereka juga turut tertutup. Adalah diharapkan rangsangan pemulihan ekonomi dari Belanjawan Johor 2021 ini dapat ditimbang tara untuk membantu golongan peniaga seumpama ini.

Johor Lama sekali lagi yakin dan percaya bahawa Belanjawan Johor 2021 bakal membawa sinar harapan murni kepada seluruh bangsa Johor. Baru-baru ini, di dalam Dewan yang mulia ini ada beberapa Ahli Dewan, Ahli Yang Berhormat dalam ucapan perbahasannya menyentuh tentang tema Belanjawan, “Berdaya Tahan Demi Kemakmuran”. Yang Berhormat-Yang Berhormat tersebut telah mempersoalkan apa itu berdaya tahan dan dikatakan ia agak tergantung. Di dalam Dewan yang mulia ini, Johor Lama ingin menjelaskan sedikit tentang apa itu berdaya tahan. Berdaya dalam kamus Dewan Bahasa membawa maksud mempunyai tenaga, berupaya, mempunyai keupayaan, mempunyai fikiran dan ikhtiar. Manakala Yang Berhormat Puan Speaker, tahan bermaksud tidak luntur, tidak runtuh, bersikap tegar dan bersifat rintangan dalam menempuhi cabaran. Jadi Berdaya Tahan Demi Kemakmuran itu membawa maksud mempunyai tenaga dan keupayaan buah fikiran dan ikhtiar dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19 agar institusi dan kemakmuran negeri Johor secara keseluruhannya dapat dipertahankan dan tidak mudah runtuh.

Yang Berhormat Puan Speaker, berdaya tahan ini sebenarnya bersifat *resistance* dengan izin, ia bersifat dinamik dan fleksibel. Iaitu ia sentiasa boleh berubah-ubah mengikut kesesuaian masa dan situasi yang dihadapi dan frasa kata ini sangat sesuai untuk kita gunakan dalam mendepani pandemik COVID-19 ini kerana pendekatan dan ikhtiar yang ingin dilakukan perlu sentiasa disesuaikan dengan situasi-situasi yang berlaku pada masanya. Ia pendekatan yang boleh mengikut situasi semasa.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebentar tadi ADUN Paloh mengatakan bahawa seeloknya kerajaan pada hari ini, Yang Amat Berhormat dapat melibatkan para pembangkang di dalam

merencanakan belanjawan dan melibatkan pembangkang di dalam pembangunan masyarakat setempat. Saya rasa, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memulakan satu langkah yang baik iaitu dengan memberikan sumbangan sebanyak RM150,000.00 kepada semua ADUN-ADUN pembangkang. Saya rasa ini adalah satu permulaan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat, kerana saya beranggapan, pendapat saya Yang Amat Berhormat beranggapan bahawa semua Ahli Pembangkang diibaratkan seperti ular yang menyusup akar. Mereka tidak akan hilang bisanya, sebab itu Yang Amat Berhormat perlu menjaga semua Wakil Rakyat khasnya daripada pembangkang. Tapi kalau nak sama rata, saya rasa tak boleh lah sebab kalau kita bagi sama rata, nanti saya pun hilang pengaruh di kalangan Yang Berhormat ADUN-ADUN. Cuma saya beranggapan, Yang Amat Berhormat belum lagi sebut tentang peruntukan RM150,000.00 itu sama ada berbentuk projek atau sebagainya. Elok juga ADUN-ADUN meminta kepada Yang Amat Berhormat supaya dijadikan peruntukan ini sebagai peruntukan terus ataupun peruntukan aktiviti. Jadi, itu lebih elok rasanya supaya kita sama-sama dapat membangunkan masyarakat negeri Johor ini dan sama-sama, pada beberapa hari nanti kita sama-sama luluskan bajet ini 100%.

Tuan-tuan Yang Berhormat. Pujian terbaik kita sebenarnya pada hari ini, kita kena letakkan pada parti-parti politik di negeri Johor kerana sentiasa menjunjung titah Ke Bawah Duli Tuanku Sultan Johor untuk tidak menimbulkan suasana ketegangan politik di negeri ini. Sehubungan itu, dalam keadaan ancaman kesejahteraan pandemik COVID ini, kemerosotan ekonomi serta pelbagai isu global, peranan ahli-ahli politik dengan tidak menimbulkan polemik dan berusaha mengekalkan permuafakatan politik sedia ada perlu terus dipelihara. Perbezaan aliran politik serta karenah prinsip perjuangan bukan menjadi benteng atau tembok untuk kita menzahirkan matlamat mengutamakan keupayaan Johor untuk terus cemerlang. Binalah agenda untuk bersama membangun Johor melalui platform parti politik masing-masing. Sudah sampai masanya jalinan kerjasama antara parti politik meskipun asalnya berlainan tari dan paluan gendang boleh sahaja dicipta irama yang baharu demi kesejahteraan dan kemakmuran bangsa Johor. Parti politik termasuk pembangkang seharusnya berganding bahu bersama kerajaan untuk menangani segala kemelut termasuk isu COVID di samping membantu apa cara yang terdaya kepada rakyat yang terkesan.

Yang Berhormat Puan Speaker, selanjutnya Johor Lama mengambil kesempatan yang terbatas ini untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri yang berusaha bersungguh-sungguh untuk menguruskan atau menyelesaikan isu yang berbangkit berkaitan dengan masalah air di Loji Lok Heng dan di Sedili. Saya amat bangga dan mengharapkan projek ini akan dapat disegerakan dalam masa yang terdekat ini. Dan juga saya sebagai, saya mewakili semua penduduk di Taman Aman dan Taman Aman di Kota Tinggi serta komunitinya di atas kesediaan kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran serta Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar menangani isu banjir di kawasan terbabit menerusi kelulusan dalam Rancangan Malaysia ke-11 nanti.

Masalah di tempat saya Yang Berhormat Puan Speaker ialah pertamanya pada hari ini saya rasa cukup cemburu dengan daerah Pengerang ataupun DUN Penawar kerana dulunya tadi Yang Berhormat ADUN Penawar ada sebut, tadi dia sebut dia nak minta jadikan dia sebagai daerah Pengerang, daerah sendiri Pengerang. Dulu Yang Berhormat Puan Speaker, sebelum dia jadi sebuah MPP, segala pengurusan-pengurusan perbelanjaan dan sebagainya untuk menjadikan MPP Pengerang sebagai satu Majlis Perbandaran, modalnya adalah dikeluarkan Majlis Daerah Kota Tinggi, Yang Berhormat Puan Speaker. Tetapi, bila dia dah kaya, dia dapat peruntukan, dia dapat jumlah pendapatan RM200 juta Puan Pengerusi, dia keluar daripada Majlis Daerah Kota Tinggi, tinggallah Majlis Daerah Kota Tinggi tercepuk aje gitulah. Dengan pendapatan tak berapa Puan Pengerusi, betul. Sekarang ini, dia begitu kaya Puan Pengerusi, datang baju pun hari ini warna-warna. Hari ini dia nak keluar pula lagi daripada daerah Kota Tinggi nak jadi daerah sendiri Puan Pengerusi. Yang tinggal di Kota Tinggi apa Puan Pengerusi? Masalah Puan Pengerusi. Air

pun daripada Sedili Puan Pengerusi, kita hantar kepada Pengerang. Tapi di Kota Tinggi tidak ada air Puan Pengerusi. Sedili itu yang membekalkan air ke Pengerang Puan Pengerusi. Kita tidak ada air. Air itu lalu di Johor Lama, lalu di Lok Heng, kita pun tak dapat Puan Pengerusi. Yang dapat daerah yang kaya Puan Pengerusi.

YB Timbalan Speaker : Potong sampai ke Johor Lama kah?

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Ah lepas ini saya potong Puan Pengerusi. Dia dapat RM200 juta dia lari Puan Pengerusi. Kita tinggal dengan masalah. Itu isu air Puan Pengerusi. Lagi satu, saya nak katakan isu gajah ini, Puan Pengerusi. Gajah pun pandai, Puan Pengerusi. Dulu dia masuk kawasan Pengerang, sekarang sampai Lok Heng sepanjang Penawar dia tak masuk lagi ke kawasan Pengerang. Sebab dia dah tahu, gajah pun tahu daerah Majlis Daerah dengan daerah Majlis Perbandaran Pengerang. Puan Pengerusi boleh tanya…

YB Timbalan Speaker : Sebab dia tahu Penawar sudah kaya kah?

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Ya betul. Puan Pengerusi tanya ADUN Panti dan ADUN Pasir Raja termasuk ADUN Sedili. Puan Speaker. ADUN Panti, ADUN Pasir Raja, Sedili dan Johor Lama. Kita ni menanggung gajah berkeliaran Puan Pengerusi. Kita menanggung, dia sampai di Lok Heng aje Puan Pengerusi, di sempadan Bandar Penawar itu. Lepas itu dia balik semula ke Sedili. Saya minta Puan Speaker, selepas ini, tak. Sebab apa saya dah minta PERHILITAN halau gajah, dia tak buat. Jadi satu cara saya rasa, naikkan Majlis Daerah Kota Tinggi ini kepada Majlis Perbandaran Kota Tinggi, (Dewan bertepuk), supaya gajah ini akan lari ke Mersing, Endau dan Tenggaroh. (Dewan ketawa). Gajah tahu Puan Pengerusi. Saya dah cuba bertahun, Puan Pengerusi.

Yang Kedua Puan Pengerusi, masalah kita ini pendatang Myanmar Puan Speaker. Kenapa tiba-tiba daerah Kota Tinggi ini jadi penempatan Myanmar, Puan Pengerusi. Dia duduk di satu tempat perumahan di Taman Aman. Dia membawa budaya dia, masalah dia, adat dia, cara dia, Puan Speaker. Dia boleh membuat kedai, dia boleh berniaga dalam keadaan sekarang, dalam keadaan COVID ini, dia tidak ikut norma-norma kita, berkumpul. Saya cadangkan Puan Pengerusi, sebab saya tengok perkampungan ini, perumahan ini hampir 99% adalah penduduk tempatan tapi dengan kehadirannya pendatang Myanmar ini yang gunakan UNCHR ini Puan Pengerusi, mereka seolah-olah jadikan perkampungan ini seperti kampung dia. Rakyat tempatan rasa marah. Rakyat tempatan rasa terhina. Pertama dia kata, kenapa kerajaan membenarkan benda ini berlaku sedangkan mereka membayar cukai, mereka membayar apa-apa semua tetapi yang menikmati adalah pelarian ini. Saya berharap, Puan Speaker supaya Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar yang bertanggungjawab menerima kemasukan mereka ini, tempatkan mereka di satu tempat yang berasingan supaya mereka hiduplah dengan budayanya di situ. Supaya dia tidak mempengaruhi. Kalau kita nak kata dia Islam, nak kata dia berbudaya baik, saya dah tengok dah Puan Pengerusi. Saya khuatir anak-anak kita terpengaruh dengan apa yang dibawa oleh mereka. Jadi Puan Pengerusi, saya rasa itu sahaja daripada Johor Lama. Banyak isu-isu yang telah dijawab secara bertulis oleh Yang Berhormat EXCO-EXCO dan Yang Berhormat Menteri Besar. Saya usap terima kasih banyak-banyak sebab benda ini lah menjadikan kekuatan saya sebagai Wakil Rakyat untuk berhadapan dengan masyarakat. Jadi akhir kata Yang Berhormat Puan Speaker, Johor Lama memohon menyokong pembentangan Belanjawan Johor 2021. Wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Jadi kita tinggal seorang Ahli Yang Berhormat sahaja iaitu Yang Berhormat dari Buluh Kasap, jemput.

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Bismillahirrahmanirrahim, (doa dan selawat). Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Makmur Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker kerana memberikan ruang dan peluang untuk saya sebagai pembahas terakhir untuk membahaskan Belanjawan Johor 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 26 November yang lalu.

Terlebih dahulu patik mewakili pengundi dan masyarakat DUN Buluh Kasap menjunjung kasih dan mempersembahkan ucap selamat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah yang lalu.

Buluh Kasap juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan yang masih terus menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sejak mula pandemik COVID-19 menular di negara ini, Mac lalu hingga hari ini dan hingga bila kita semua tak tahu. Namun, sesungguhnya jasa dan pengorbanan anda semua sangat besar nilainya dan akan dikenang sampai bila-bila.

Yang Berhormat Puan Speaker, Belanjawan Negeri Johor 2021 yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 26 November lalu dengan tema Berdaya Tahan Demi Kemakmuran telah menyentuh pelbagai sektor dan hampir keseluruhan rakyat Johor menerima tempias dari belanjawan tersebut. Ia menepati penantian dan harapan rakyat Johor yang terkesan oleh pandemik COVID-19 yang mereka hadapi sejak Mac lalu. Sebab itu Buluh Kasap mewakili rakyat Johor mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan Johor 2021 terutama mereka yang tersenarai sebagai penerima bantuan segera, termasuk bantuan *one-off* dan antara penerima-penerima bantuan *one-off* ini termasuklah RM300.00 selama 2 bulan kepada penerima e-Kasih, RM500.00 kepada penyewa premis pasar malam dan peniaga-peniaga berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan, RM300.00 bagi pemilik teksi dan sebagainya. Dan banyak lagi bantuan *one-off* yang tersenarai melalui Majlis Agama Negeri Johor, industri pelancongan dan sebagainya. Ia hampir diterima oleh seluruh rakyat Johor.

Dalam masa yang sama, Buluh Kasap berharap pihak kerajaan juga melihat kepada kumpulan imam, bilal dan noja yang tidak tersenarai dalam penerima bantuan *one-off* dalam belanjawan yang dibentangkan. Mereka mungkin bukan kumpulan *front liners*, mungkin dilihat tidak terjejas pendapatan sewaktu PKP dan pandemik dan jarang sekali mendengar mereka mengeluh dan merungut akan tanggungjawab mereka. Tetapi imam, bilal dan noja ini adalah mereka yang setiap hari mendoakan kesejahteraan rakyat, pemimpin dan negara. Jadi, Buluh Kasap berpandangan imam, bilal dan noja ini wajar dimasukkan dalam kumpulan penerima bantuan *one-off* seperti kumpulan-kumpulan lain. Moga Allah Ta'ala makbulkan doa mereka selama ini, amin.

Yang Berhormat Puan Speaker, Buluh Kasap sangat bersetuju dengan 3 agenda dan tunggak utama kepada usaha pemulihan dan ketahanan ekonomi Johor yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat dalam pembentangan Belanjawan Johor ini. Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor, Agenda Johor Digital dan JETCO di Singapura adalah satu usaha memperkasa kekuatan sedia ada di Johor. Jaminan bekalan makanan negeri Johor misalnya Puan Speaker, potensi-potensi yang ada di Johor dengan kedudukan Johor yang strategik dan tanahnya subur saya kira mampu menjadikan agenda dan harapan ini satu kenyataan. Bagi memastikan bekalan makanan Johor dilonjakkan ke satu tahap yang lebih besar jumlah pengeluaran dan hasilnya daripada setia ada serta bagi menjadikan Johor pengeluar bekalan makanan terbesar, maka Buluh Kasap berpandangan kerajaan perlu melibatkan bukan hanya pemain-pemain sedia ada tetapi perlu melibatkan dan mewujudkan pemain-pemain baru.

Tanah Johor yang subur, kedudukan yang strategik serta tanah-tanah terbiar yang banyak di Johor seharusnya dikongsi dan diusahakan sama oleh pemain-pemain baru. Ia bukan sahaja mampu membantu kerajaan mencapai agenda ini, malah mampu juga mewujudkan usahawan-usahawan baru selain usahawan-usahawan tani sedia ada. Tetapi Puan Speaker, Buluh Kasap faham dan tidak menafikan untuk mewujudkan pemain-pemain baru ini bukan satu perkara yang mudah. Kerajaan mesti memikirkan kaedah dan cara yang sesuai ke arah itu. Petani-petani atau usahawan baru ini mungkin boleh dibimbing dan dipantau selama tempoh tertentu oleh agensi-agensi berkaitan atau usahawan-usahawan tani yang telah berjaya. Atau mungkin boleh diwujudkan petani angkat dan sebagainya. Semua ini bagi memastikan petani-petani dan usahawan-usahawan baru mampu dilahirkan seterusnya membantu kerajaan menjayakan Agenda *Food Security*, dengan izin.

Yang Berhormat Puan Speaker, bagi Agenda Johor Digital, Buluh Kasap sangat setuju bila mana kerajaan mengumumkan bahawa rakyat Johor bakal mendapat manfaat daripadanya. Ia termasuk meningkatkan liputan 4G di seluruh negeri. Pelaksanaan projek *Wifi* 2.0 serta memastikan capaian Internet diperluas ke kawasan luar bandar. Ia pasti akan menggembirakan rakyat Johor terutama mereka yang menghadapi masalah capaian Internet sebelum ini. Saya ambil contoh misalnya Puan Speaker di Buluh Kasap, sebuah kampung, Kampung Gelang Cincin mempunyai sebuah sekolah rendah, sekolah agama, pusat tahfiz, penempatan FELCRA tetapi tidak mempunyai capaian Internet yang memuaskan. Ia sering mendapat rungutan guru-guru dan penduduk. Jika agenda kerajaan ini mampu sampai ke sini, ia bukan sahaja menyelesaikan masalah Internet penduduk tempatan tetapi juga menyelesaikan masalah penduduk penempatan FELCRA, ladang dan kampung-kampung berhampiran. Justeru, agenda kerajaan ini kami sokong dan kawasan-kawasan seperti ini tidak ketinggalan lagi.

Yang Berhormat Puan Speaker, Buluh Kasap merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri yang menunjukkan keprihatinan kepada penyewa-penyewa rumah PPR dan rumah sewa kerajaan atau RSK. Sudah tentu ia sangat bermakna kerana kebanyakan penyewa kedua-dua rumah ini adalah mereka yang berpendapatan rendah. Cuma dalam konteks perumahan untuk rakyat ini, Buluh Kasap ingin menyentuh berkaitan cadangan kerajaan memperkenalkan program rumah sewa beli. Yang pertama Yang Berhormat Puan Speaker, Buluh Kasap merasakan pihak kerajaan perlu meletakkan syarat yang jelas supaya mereka yang benar-benar layak sahaja akan memiliki rumah ini. Kedua, apabila melibatkan kerjasama dengan pihak bank, maka Buluh Kasap mengharapkan agar bakal penyewa ini perlu ada pengecualian-pengecualian tertentu atau pelepasan-pelepasan tertentu serta jaminan-jaminan tertentu kerana saya fikir mereka yang ingin menyewa dan membeli ini mungkin ada yang mempunyai rekod yang tidak baik dalam rekod bank. Jika ini dapat dilakukan, program sewa beli ini akan menepati matlamat dan sasaran kerajaan.

Ketiganya Yang Berhormat Puan Speaker, di Segamat ada sebuah kawasan penempatan program perumahan rakyat (PPR) iaitu PPR Batu Anam. Yang Berhormat Puan Speaker, saya sering mendapat pertanyaan daripada penduduk PPR ini. bila mereka akan diserap ke program sewa beli? Mereka maklumkan pada saya sebelum ini ada cadangan menjadikan PPR Batu Anam ini sebuah rumah sewa beli sebagai rumah sewa beli. Untuk makluman Puan Speaker juga kebanyakan penyewa ini telah menetap di sini lebih 10 tahun. Jadi soalan Buluh Kasap, adakah benar PPR Batu Anam ini dicadangkan untuk diserap atau dijadikan rumah sewa beli? Jika ya, bila agaknya pelaksanaan program tersebut? Jika tidak, Buluh Kasap ingin menyampaikan hasrat dan harapan penduduk PPR Batu Anam ini agar mereka diserap kepada cadangan kerajaan ke program rumah sewa beli. Mereka bersetuju untuk mematuhi apa saja syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan nanti.

Yang Berhormat Puan Speaker, Buluh Kasap juga ingin bertanya status terkini cadangan kerajaan untuk pembinaan rumah mampu milik di kawasan Parlimen Segamat. Iaitu yang

pertama, di Kampung Paya Lebar dan yang kedua berhampiran Taman Suria, Buluh Kasap. Puan Speaker, kita selalu sangat mendengar ada Wakil Rakyat mempersoalkan kuota menegak kerajaan atau KMK yang dilaksanakan kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Ia seolah-olah sesuatu penyalahgunaan kuasa oleh pemimpin Barisan Nasional sebelum ini. Jadi Buluh Kasap ingin penjelasan daripada EXCO yang berkenaan. Apakah rasional sebenarnya RMK ini? Yang keduanya, adakah kerajaan selepas Barisan Nasional tidak pernah menjalankan sistem kuota-kuota kepada mana-mana pihak?

Yang Berhormat Puan Speaker, berkaitan pengurusan sumber air pula, saya mewakili penduduk kawasan Buluh Kasap ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri yang telah membina sebuah loji air di Buluh Kasap bagi menyelesaikan masalah bekalan dan tekanan air di kawasan sekitar Buluh Kasap. Namun ada beberapa perkara ingin Buluh Kasap bangkitkan hari ini. Yang pertamanya Puan Speaker, loji air Buluh Kasap ini sudah siap, tekanan air menjadi kuat, maka banyak berlaku insiden paip-paip air pecah disebabkan tekanan air ini. Maka saya mohon pihak berkaitan untuk meneliti sama ada keperluan untuk menukar paip-paip lama ini.

Yang keduanya, kawasan Gemas Bahru terdapat beberapa penempatan terutama taman-taman perumahan yang masih lagi kerap mengalami gangguan bekalan air. Dan yang ketiganya pula Puan Speaker, masalah bekalan air di beberapa rumah di Kampung Kuala Paya. Untuk makluman Puan Speaker, loji air Buluh Kasap ini dibina di Kampung Kuala Paya. Tetapi, ada banyak rumah di Kuala Paya sendiri tidak menerima bekalan air, terutama di Jalan Muhammad dan Jalan Rahmat. Lebih kurang 30 buah rumah. Ia umpama air melalui depan rumah mereka tapi mereka tak dapat air. Justeru, kami telah berjumpa dengan pihak SAJ Ranhil Segamat, bincangkan perkara ini dan kami cadangkan beberapa perkara termasuk pembinaan paip-paip khas ke rumah-rumah di Jalan Muhammad dan Rahmat ini atau yang keduanya membina tangki mini di kawasan penempatan atau Kampung Kuala Paya ini. Dengan jumlah peruntukan jutaan ringgit yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat, maka Buluh Kasap merayu kepada pihak kerajaan melihat dan seterusnya mencari jalan penyelesaian kepada perkara yang Buluh Kasap bangkitkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam jawapan lisan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kelmarin, Yang Amat Berhormat ada menyebut dan memberi contoh sebuah penempatan di Jepun iaitu bandar Komamoto yang mempunyai 800,000 penduduk dan menggunakan sumber air bawah tanah 100%. Buluh Kasap sekadar ingin berkongsi, di kawasan Buluh Kasap ada sebuah kampung yang juga menggunakan sumber air asli bawah tanah. Projek ini adalah projek *Agency Remote Sensing Malaysia* atau *ARSM* di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia atau JMG. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang telah dibina di Kampung Mensudut Lama sudah lama pada tahun 2014 yang lalu. Cuma, ia tidak disalurkan ke rumah-rumah kediaman tetapi duduk mengambil air secara berpusat di pusat penapisan. Projek ini telah membolehkan penduduk kampung dan sekitarnya mendapat bekalan air dari sumber bawah tanah ini. Justeru, Buluh Kasap bersetuju jika kerajaan negeri bercadang untuk meneroka sumber air bawah tanah bagi kemudahan penduduk dan rakyat di masa akan datang. Cuma Yang Berhormat Puan Speaker, projek sumber air bawah tanah di Kampung Mensudut Lama ini sudah lebih 5 tahun digunakan. Sepatutnya ia diservis atau diselia secara berkala bagi memastikan tahap kebersihannya. Sebelum ini, air ini boleh terus diminum selamat untuk kesihatan, tetapi hari ini tidak boleh lagi kerana tidak di selenggara kerana tidak mempunyai bajet dan peruntukan. Jadi, Buluh Kasap harap kerajaan akan menyediakan peruntukan yang sepatutnya bagi memastikan penduduk di sini boleh terus menikmati bekalan air bawah tanah ini. Buluh Kasap juga memohon jika perlu pihak kerajaan atau agensi-agensi berkenaan membuat kajian dan tinjauan sama ada sesuai atau tidak sumber air bawah tanah di Kampung Mensudut Lama ini disalurkan ke rumah-rumah kediaman di kawasan ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, Buluh Kasap juga mengucapkan terima kasih bila mana dalam belanjawan ini juga ada dinyatakan peruntukan sebanyak RM7.5 juta untuk projek bekalan elektrik luar bandar termasuk di Kulai, Kota Tinggi dan Segamat. Ia akan memastikan rakyat Johor walau di mana berada dapat menikmati bantuan bekalan elektrik dengan lebih baik. Di Segamat, Buluh Kasap berharap masalah bekalan elektrik di beberapa kawasan penempatan terutama kampung-kampung akan diambil perhatian pihak kerajaan negeri termasuk KPLB. Bekalan elektrik di Kampung Balai Badang misalnya, sudah tidak mampu menampung jumlah pengguna sedia ada sehingga terdapat beberapa rumah kerap mengalami gangguan bekalan dan terdapat beberapa rumah yang langsung tidak mempunyai bekalan elektrik. Melalui pemantauan kami bersama pihak Tenaga Nasional Berhad atau TNB kawasan ini memerlukan *Compact Sub Station* atau CSUB sebagai jalan penyelesaian dengan anggaran kos bernilai hampir RM1 juta.

Yang Berhormat Puan Speaker, Belanjawan bertema Berdaya Tahan Demi Kemakmuran juga melihat bagaimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan sesuatu yang di luar jangkauan atau jangkaan semua pihak. Dengan menambahkan peruntukan semua Wakil Rakyat Pembangkang daripada RM50,000.00 kepada RM150,000.00, serta menaikkan elaun Ketua Pembangkang. Ia seharusnya dijadikan alasan kepada semua pihak untuk lebih gigih memberikan khidmat kepada rakyat. RM150,000.00 sudah pasti sangat besar nilainya dan banyak perkara boleh selesaikan.

Dalam perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat juga sebelum ini, ada beberapa Ahli Berhormat dari pihak pembangkang menyatakan hasrat mereka untuk bersama-sama dalam Mesyuarat Tindakan Daerah di kawasan masing-masing. Buluh Kasap tidak berhasrat untuk menidakkan suara mereka, cuma bagi pihak Buluh Kasap kami rasa tidak, kami fikir ia sesuatu yang tidak sesuai dilakukan waktu ini kerana memandangkan kerajaan telah melantik penyelaras DUN di setiap kawasan yang diwakili oleh ADUN bukan kerajaan. Ia adalah perkara yang telah dijalankan kerajaan terdahulu dan kerajaan yang ada hari ini meneruskan mana-mana yang difikirkan baik bagi mereka.

Yang Berhormat Puan Speaker, pandemik COVID-19 yang melanda negara dan dunia telah memberi kesan kepada semua sektor dalam kumpulan masyarakat. Dalam bab ini, Buluh Kasap sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri apabila memberikan perhatian yang sangat serius kepada Orang Muda Johor. Peruntukan yang besar berjumlah RM57.3 juta kepada Orang Muda ini seharusnya menjadi bukti bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar seorang yang sangat prihatin terhadap Orang Muda Johor. Ia sesuatu yang sangat baik yang perlu dimanfaatkan oleh lebih 1.5 juta Orang Muda Johor. Mewakili orang muda dan belia di Segamat, Buluh Kasap ingin menarik perhatian kerajaan negeri khususnya Yang Berhormat Dato' Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Belia dan Sukan berkaitan Hab Belia yang baru sahaja diserahkan kepada Majlis Belia Daerah Segamat beberapa bulan lalu.

Untuk makluman warga Dewan, Hab Belia Segamat satu-satunya Hab Belia yang ada di negeri Johor. Terima kasih kepada kerajaan negeri khasnya mantan Menteri Besar Johor yang lalu Dato' Mohamad Khaled Haji Nordin yang telah meluluskan peruntukan Hab Belia Segamat pada tahun 2017 dan siap pada tahun berikutnya. Hab Belia ini baru beroperasi, masih banyak lagi kekurangannya. Justeru, Buluh Kasap memohon agar kerajaan negeri memperkasa Hab Belia Segamat dengan menambah kemudahan-kemudahan yang ada agar Hab Belia ini dapat berperanan sepenuhnya kepada warga belia dan Orang Muda Segamat.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam sektor pendidikan pula, Buluh Kasap ingin menzahirkan rasa bangga kepada guru-guru kita yang begitu komited dalam meneruskan pengajaran dan pembelajaran dalam masa negara menghadapi pandemik COVID-19 dan

Perintah Kawalan Pergerakan. Pelbagai kaedah digunakan oleh warga pendidik ini, semuanya untuk memastikan anak-anak kita terus menerima pendidikan. Ia banyak halangan dan kekangan yang dihadapi. Namun mereka tetap gigih memikul tanggungjawab ini. Untuk itu, Buluh Kasap mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada warga pendidik dan Buluh Kasap juga mencadangkan kepada kerajaan agar guru-guru sekolah menengah, rendah dan sekolah agama ini diberikan peruntukan atau bantuan khas bagi meringankan bebanan mereka dalam membeli kertas pendua, dakwat *printer* dan lain-lain keperluan yang mereka gunakan setiap hari kepada pelajar-pelajar mereka.

Yang Berhormat Puan Speaker, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penulis Johor atau PPJ kali ke-43. Tahniah kepada penerima-penerima anugerah yang disampaikan pada malam itu. Terutamanya Encik Amiruddin bin Mat Ali Hanafiah, Ketua 1 Persatuan Penulis Johor yang dinobatkan sebagai Pejuang Sastera Johor. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mencadangkan Persatuan Penulis Johor ini bekerjasama dengan Akademik JCS. Buluh Kasap percaya kerjasama Persatuan Penulis Johor dengan Akademik JCS ini mampu melaksanakan harapan dan aspirasi kerajaan Johor dan harap satu peruntukan yang khusus diperuntukkan kepada persatuan ini melalui Akademik JCS bagi tujuan menggerakkan program-program penulisan selain daripada sebidang tanah yang diluluskan oleh kerajaan negeri pada malam itu.

Yang Berhormat Puan Speaker, belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar memperlihatkan kepada kita bagaimana keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada keseluruhan rakyat Johor dengan pemberian bantuan dan sumbangan yang besar kepada rakyat Johor. Namun Buluh Kasap teringat satu ungkapan, jangan diberi ikan, tapi berilah pancing. Apa yang Buluh Kasap maksudkan ialah *one-off* yang diberi kita ucap terima kasih, dalam masa yang sama kita minta supaya agensi-agensi berkenaan menambah jumlah peralatan kepada dan jumlah penerima. Contohnya, kalau RISDA ada, contohnya kalau pertanian ada 100 barang, tambah kepada 200. Kalau JKM ada 200 barang, tambah kepada 300 supaya lebih ramai mereka menerima peralatan dan sumbangan ini. Yang Berhormat Puan Speaker saya ringkaskan.

Perkara yang ingin saya ringkaskan tapi minta perhatian kerajaan ialah :

1. Mohon kerajaan semak sagu hati yang belum diterima oleh mantan-mantan ketua kampung yang telah tamat perkhidmatan sejak 2017 dan 2018.

2. Mohon kerajaan mengkaji semula cadangan Buluh Kasap agar sebuah galeri KTM didirikan di Segamat dengan mengekalkan sebahagian daripada landasan dan rel kereta api yang tidak lagi digunakan selepas Projek Kereta api Berkembar Gemas – Johor Bahru siap kelak.

3. Mohon kerajaan kaji semula dasar kerajaan yang hanya akan menurap jalan dalam kampung yang menghubungkan 2 atau 3 buah rumah. Sebaliknya, jika dilihat bersesuaian bolehlah dibina atau diturap walaupun menghubungkan sebuah rumah sahaja.

4. Mohon kerajaan giatkan juga kempen memerangi denggi kerana kes denggi Johor sekarang amat membimbangkan selain pandemik COVID-19. Sehingga 1 Disember 2020 jumlah kumulatif denggi tahun ini adalah seramai 11,040 orang dengan jumlah kematian 42 kematian.

5. Ada banyak kuarters dan rumah guru yang dah lama tak berpenghuni. Adakah tak jadi kesalahan untuk membenarkan orang awam menyewa rumah-rumah ini dengan syarat-syarat yang ditetapkan pihak kerajaan.

6. Tahniah kepada EXCO banyak peruntukan diberikan kepada orang susah, miskin terutama ibu tunggal. Cuma persoalan saya, tak adakah peruntukan untuk bapa tunggal? Kesian bapa tunggal. Yang Berhormat Puan Speaker, ada orang kata berilah lebih sikit *one-off*, ada yang kata *one-off* bentuk wang tunai, ada juga kata *one-off* bentuk suri rumah. (Dewan ketawa).

Yang Berhormat Puan Speaker, Buluh Kasap berpandangan supaya pihak-pihak berkenaan atau EXCO-EXCO berkenaan lihat juga keperluan-keperluan yang diperlukan oleh bapa tunggal. Mereka bukan orang senang semuanya. Memang bapa tunggal jarang kita melihat mereka...

YB Timbalan Speaker : Jadi, kena lantik seorang EXCO untuk jaga bapa tunggallah. (Dewan ketawa).

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Itu kita serah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tetapi saya fikir bapa-bapa tunggal ini pun perlu dilihat keperluan-keperluannya kerana mereka juga ada yang kesempitan, mereka juga ada yang terlantar sakit dan sebagainya.

Puan Speaker akhir sekali, Buluh Kasap ingin menyatakan perkara yang sering kali Buluh Kasap bawa dalam setiap perhimpunan di Dewan yang mulia ini iaitu isu tanah umum di kawasan Buluh Kasap. Mengikut rekod kami di Segamat lebih 10 kawasan tanah umum telah dibuka untuk permohonan sebelum ini. Sebahagiannya terletak di kawasan Buluh Kasap dan telah ditemu duga seawal 2005 dan 2006. Namun sehingga hari ini, pihak kerajaan belum pernah atau masih belum membuat sebarang keputusan. Justeru, Buluh Kasap merayu sempena bajet bertemakan "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran" ini, Buluh kasap merayu kepada pihak kerajaan khasnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar dapat menyelesaikan sebahagian daripada isu yang tertangguh sekian lama ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, sekian hujah saya dan Buluh Kasap mohon menyokong. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wasalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020 telah selesai. Esok adalah penggulungan daripada pihak kerajaan atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jadi, persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 3 Disember 2020, pada jam 9.30 pagi.

Persidangan di tangguhkan pada jam 5.12 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2021)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KEENAM	**KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**	**BIL. 10 TAHUN 14**

HADIR

YB Speaker,
Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)
Datuk Haji Hasni bin Mohammad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur
Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan
Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia
Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna
Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP., SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Alhamdulillah, kita telah sampai kepada hari yang keenam Mesyuarat Ketiga Belanjawan 2021 Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Mengkibol jemput.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 1.

Apakah rancangan untuk menubuhkan makmal dan fasiliti untuk ujian COVID-19 di CIQ?

YB Speaker : YB EXCO jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Dalam konteks persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mengkibol, kerajaan negeri menerusi Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melantik sebuah syarikat swasta pada bulan Ogos 2020 bagi menyelaras perkhidmatan saringan dan ujian COVID-19 di pintu masuk antarabangsa bagi 2 program khusus iaitu *Reciprocal Green Lane* (RGL) dan *Periodic Commuting Agreement* (PCA) di Bangunan Sultan Iskandar serta Kompleks Sultan Abu Bakar.

Syarikat tersebut bertanggungjawab menyelaras beberapa makmal swasta yang telah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan ujian terhadap sampel yang diambil di pintu masuk antarabangsa.

Penubuhan makmal di fasiliti tersebut iaitu di CIQ adalah tidak bersesuaian memandangkan sebuah makmal memerlukan standard pengurusan kualiti yang terbaik bagi menjamin keputusan sampel. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Mengkibol, soalan tambahan.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Tuan Speaker dan EXCO Kesihatan. Untuk jawapan tadi, fasiliti saringan yang akan ditambahkan. Soalan saya ialah lebih kepada makmal. Makmal, EXCO pun sudah jawab, keadaan itu mungkin tidak kesesuaian. Tapi kalau kita tengok keperluan, dia memang sangat diperlukan seperti Changi Airport, kerajaan Singapura pun sudah tubuhkan satu makmal. Maka saya minta kerajaan boleh mempertimbangkan sebab waktu dapatkan keputusan dalam waktu yang begitu singkat, adalah satu faktor yang sangat kritikal untuk pembukaan semula sempadan.

Jadi soalan saya, syarat-syarat kuarantin ditentukan oleh negara sendiri. Contohnya, UK membenarkan pelawat dari Singapura masuk UK tanpa kuarantin. Maka soalan saya,

secara saintifik bolehkah kita juga mengecualikan tempoh kuarantin kepada pelawat dari Singapura? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Speaker, soalan yang dibangkitkan ialah makmal tetapi telah pun di sampai ke isu kuarantin. Sebenarnya apa jua keputusan yang diambil untuk mengkuarantin seseorang di peringkat negara kita, keputusannya adalah diambil menerusi cadangan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan diputuskan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Dalam konteks makmal yang kita ada di negeri Johor, tujuan kita membuat, selepas membuat saringan dan juga makmal, kita memastikan bahawa syarikat yang telah pun dipilih, ini untuk memastikan mereka dapat memberi keputusan pada kadar yang segera. Dan bagi tujuan perkhidmatan di sini, syarikat ini melibatkan 10 makmal swasta dengan kapasiti sebanyak 30 ujian sehari. Dan di negeri Johor juga terdapat 1 makmal swasta yang bertanggungjawab menjalankan ujian COVID khususnya bagi skim RGL, PCA ini dengan kapasiti 1,000 orang sehari. Jadi, pihak syarikat juga sedang dalam proses untuk menambah 2 lagi makmal tambahan di Johor dengan jumlah kapasiti ujian adalah sebanyak 7,000 orang sehari.

Jadi, kalau kita lihat kepada kemasukan mereka dari dalam program RGL, PCA ini, ia tidak pun sampai kepada kuota yang telah pun ditetapkan. Jadi buat masa ini, tidak ada keperluan untuk penambahan makmal ataupun pusat saringan yang baru. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan dengan makmal ujian saringan ini, sebagaimana yang kita sedia tahu ujian saringan sekarang di mana PUS dan *close contact,* 2 kategori ini berada, dibuat di tempat yang sama. Dan sekarang di Johor ada, kita punya ada kes peningkatan, jadi bilangan *close contact* dan kluster juga akan meningkat, bilangan mereka yang balik dari Singapura juga, bilangan juga ramai.

Jadi, soalan saya adalah dari segi risiko dan masa menunggu, risiko dan masa menunggu ini, adakah kerajaan bersedia untuk menyediakan satu tempat yang sesuai, satu tempat saringan bagi *close contact* untuk menjalani ujian saringan? Maksudnya *close contact* dan PUS dipisahkan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih di atas soalan tambahan. Sebenarnya memang kita sedia maklum dan memang membimbangkan bahawa di negeri Johor terdapat banyak kluster yang timbul setiap hari. Dan kalau kita lihat kepada tindakan yang diambil menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Johor, buat masa ini jumlah orang yang disaring adalah kerana mereka secara agresif cuba untuk mencari *close contact* dan juga *surveillance* dilakukan secara agresif di peringkat akar umbi supaya kes ini tidak ada penularan. Dan jumlah saringan yang banyak diambil walaupun dalam sesuatu tempat ialah untuk memastikan bahawa tidak ada penularan.

Dan, semua saringan dibuat walaupun dalam konteks *close contact* dan PUS di tempat yang sama, tetapi standard yang diguna pakai adalah standard untuk memastikan tidak ada penularan, tidak ada apa, sampel yang diberi, keputusan yang diberikan adalah keputusan yang tepat. Dan, mungkin ada yang tertanya-tanya, ada juga gambar-gambar yang *viral*

contohnya mengapa begitu ramai orang berbaris-baris, terpaksa untuk mengambil *swab test*? Adakah keseluruhan kampung tersebut sudah pun terjebak dengan COVID-19? Bukan begitu, tetapi usaha yang diambil ialah untuk memutuskan penularan tersebut. *We don't want to take any risk*. Itulah sebabnya kadang-kadang kita terpaksa membuat saringan yang begitu ramai supaya *we don't take things for granted* dan dalam usaha itu, inilah usaha yang diambil untuk memastikan tidak ada orang terlepas, tidak ada orang terlepas dan kita nak pastikan setiap orang di kawasan tersebut tidak terjebak, tidak positif. Dan sepertimana dikatakan tadi usaha yang begitu agresif diambil.

Dalam konteks Jabatan Kesihatan Negeri Johor ini, dan itulah sebabnya jumlah yang disaring di setiap kluster tu begitu ramai, ada yang sampai 1,000 orang, 2,000 orang, 500 orang, 600 orang dan sebagainya. Kerana tujuan disaring ialah bukan kerana mereka terlibat, *sometimes they might not as close contact as well* tapi *we don't take things for granted* dan kita pastikan bahawa kita, *we swab as many people as possible* supaya benda ni tak menular. Itu saja sebabnya. Satu lagi jumlah yang disaring itu begitu ramai sekali. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Stulang jemput.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah kekangan yang mengakibatkan projek VEP dan RFID di sempadan Malaysia/Singapura masih belum mencapai angka dan kelancaran yang dirancangkan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, sistem VEP (*Vehicle Entry Permit*) merupakan satu permit dalam bentuk dokumen yang membenarkan kenderaan negara luar untuk masuk dan berada di Malaysia. Kementerian Pengangkutan telah mengumumkan bahawa sistem VEP akan diperkenalkan untuk kenderaan negara luar masuk ke Malaysia, dan telah pun diperkenalkan.

Manakala RFID adalah kepanjangan daripada *Radio Frequency Identification* merupakan teknologi yang dapat mengidentifikasikan sebuah objek menggunakan gelombang mikro yang juga berfungsi apabila kenderaan melalui tol, pengimbas *overhead* yang akan membaca frekuensi radio dari TNG, RFID tag dan caj tambahan tol. Tag tersebut akan didaftarkan dalam *Touch n Go*, *e-wallet* pengguna dan tambang tol akan ditolak daripada baki TNG, *e-wallet* tersebut.

Status projek VEP secara rasminya telah diserahkan oleh pihak vendor kepada pihak Kementerian Pengangkutan pada 22 Mac 2019. Pihak JPJ amat komited dalam persediaan untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan *Vehicle Entry Permit.* Dan untuk makluman juga, operasi *road charge* telah beroperasi dari November 2016 dan masih berjalan seperti biasa tanpa apa-apa masalah. Setakat ini mencatatkan kutipan hasil daripada *road charge* ini yang bermula November 2016 sehingga kini berjumlah Ringgit Malaysia, ni besar ni jumlahnya Yang Berhormat Tuan Speaker, RM358,060,720.00.

Pecahan adalah seperti berikut - dari 2016 sehingga 2020, jumlah kenderaan 17,722, *sorry,* 17,722,813 dan nilainya ialah seperti yang saya sebutkan tadi RM358,060,720.00.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, terkini pihak JPJ serta MOT masih dan sedang berusaha untuk mempertingkatkan urusan pendaftaran kenderaan asing dari semasa ke semasa bagi memastikan penguatkuasaan VEP dapat dilaksanakan kelak.

Untuk makluman, pihak JPJ juga telah melaksanakan pengagihan tag RFID sebagai pelengkap kepada proses pendaftaran kenderaan asing melalui 4 kaunter agihan iaitu di kawasan Hentian dan Rawat (R&R) Pandan, Gelang Patah, Lima Kedai dan kawasan *parking* Angsana. Ianya bermula sejak Januari 2019 hingga 18 Mac 2020 iaitu tarikh bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID-19.

Selama tempoh agihan tersebut, sejumlah 65,471 tag RFID telah dipasang dan didaftarkan secara sah kepada kenderaan asing. Walau bagaimanapun, bermula bulan Januari 2020, jumlah kehadiran kenderaan Singapura atau asing yang datang untuk urusan pendaftaran dan pengambilan tag RFID jatuh mendadak dan ia terkesan akibat pintu sempadan ditutup sepenuhnya dan tiada lagi pendaftaran dibuat bermula 18 Mac 2020. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Stulang jemput.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih jawapan yang diberikan oleh YB EXCO. Kita, sebagaimana kita semua sudah tahu, projek RFID dan VEP ini telah pun diputuskan dan dilaksanakan sebelum 2018 semasa kerajaan BN dan masalah pemasangan, kesukaran pemasangan tag RFID ini dan masalah ini pun sudah kita tahu walaupun sebelum COVID.

Jadi soalan saya adalah, oleh kerana pemasangan tag RFID yang belum sampai ke angka yang memuaskan, jadi berapakah kos tambahan, kos tambahan yang perlu ditanggung oleh kerajaan, agak-agaknya berapa kos tambahan akibat daripada kita belum mencapai angka dan kelancaran yang dirancangkan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Yang Berhormat Speaker, urusan ini adalah dijalankan oleh kerajaan persekutuan melalui MOT. JPJ melaksanakan sahaja. Saya tidak ada maklumat mengenai itu setakat ini. Saya akan dapatkan daripada pihak berkenaan dan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Stulang.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya Yang Berhormat Sri Medan, jemput.

YB Dato' Zulkurnain Bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 3.
Adakah kerajaan negeri Johor mempunyai data bilangan kilang haram yang terdapat di dalam negeri Johor dan apakah perancangan kerajaan negeri dalam menangani isu kilang haram ini?
YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu jemput

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Apa tindakan yang telah diambil oleh Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) terhadap kilang haram yang menjadi punca pencemaran air (air berbau pandan) baru-baru ini?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada YB Sri Medan dan juga Bukit Batu atas soalan yang berkaitan dengan kilang haram dan juga perancangan kerajaan bagi menangani kilang haram ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi negeri Johor terdapat sebanyak 2,491 buah kilang haram atau 24.5% kilang yang tidak berlesen, kosong dan juga masih dalam proses permohonannya. Saya bacakan data kilang yang lebih daripada angka 100 lah ya, dibahagi 16 kawasan PBT. Di Johor ni yang kilang banyak sekali ialah daripada 2,491 buah kilang haram. Di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri terdapat 1,694 kilang haram, mewakili 60.3% jumlah kilang haram di seluruh Johor. Johor Bahru, Majlis Bandaraya Johor Bahru ada sebanyak 190 kilang haram dan di Majlis Perbandaran Kulai ada

Yang lain-lain tu ada, Yang Berhormat saya rasa tak perlu saya bacakan keseluruhan, jadi yang nak disebutkan ni, apakah perancangan yang dibuat oleh kerajaan, saya beri contoh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, antara gerak kerja *taskforce* yang telah dibuat ialah mengenal pasti industri yang mempunyai lesen dan juga tak ada lesen. Premis yang mematuhi atau melanggar syarat lesen, dan yang tidak mematuhi pelan lulus, menghasilkan bahan kimia ataupun sisa buangan, dan premis yang mengganggu ataupun kilang yang mengganggu penduduk sekitar. Itu yang telah dibuat oleh pihak Majlis Bandaraya sebab Iskandar Puteri ini yang paling banyak sekali kilangnya. Dan satu lagi contoh yang perancangan yang telah dibuat oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat yang saya nampak ada tindakan-tindakan positif yang mendapat respons yang baik daripada pengilang kilang ini ialah program pemutihan yang dilakukan MPBP sejak tahun 2019 menyaksikan pengurangan daripada 890 kilang kepada paras 300 pada tahun 2020. Jadi, MPBP berhasrat buat program pemutihan ini sehingga 31 Mac serta menyediakan garis panduan syarat-syarat minima teknikal bagi membantu pemaju merancang permohonan lesen. Selain daripada itu juga, kerajaan bercadang untuk memberi tempoh kepada pengilang yang beroperasi tanpa lesen untuk mendapatkan lesen perniagaan yang sah. Selepas tempoh ini kilang yang tiada data dalam kerajaan akan di arahkan ditutup ataupun menjalani proses perobohan.

Dalam Mesyuarat Negara mengenai kerajaan tempatan Yang Berhormat Tuan Speaker, semua kerajaan negeri minta bahagian undang-undang di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula denda yang dikenakan pada hari ini RM5,000.00, dia cadangkan supaya naik RM100,000.00 tapi kita tak bersetuju, terutama kilang-kilang menjadi punca kepada pencemaran air, yang boleh mengganggu penduduk ya. Yang ini kita tak nak, walaupun dendanya ke paras RM1.0 juta kita pun tak setuju, kalau boleh kilang ni lesennya ditutup atau kilang ini dirobohkan. Dan alhamdulillah cadangan kita bagi semua kerajaan negeri bersetuju untuk Bahagian Undang-Undang Kerajaan Tempatan untuk mengkaji semula dan bawa balik kepada Mesyuarat Majlis Negara. Yang Berhormat itu perancangan yang telah dibuat dan mungkin juga kita boleh fikirkan kepada mereka yang memberikan maklumat terhadap operasi kilang haram ini yang mengganggu, menjejaskan mungkin bagi *award* sikit boleh membantu kita juga lah. Ramai yang akan buat aduan. Tetapi saya ingin tegaskan dalam Dewan yang mulia ini, setakat hari ini masa pandemik COVID ini kita tidak akan ambil tindakan, kecuali bagi kilang yang menjejaskan punca bekalan ataupun yang boleh mengganggu kesihatan penduduk yang melampau. Yang ini kita akan ambil tindakan. Bagi menjawab soalan daripada Bukit Batu, berkaitan dengan pencemaran air yang berbau pandan, ini kilang haram, berbau pandan, kilang ini dikenal pasti sebagai kilang kitar semula yang beroperasi secara haram. Air bau pandan disebabkan oleh bahan *tetrahydrofuran,* betul sebutan ini Yang Berhormat Pengerusi? Eh, Yang Berhormat Speaker...

YB Speaker : Masalahnya saya tak nampak ejaan itu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Tak nampak. Siapa ada doktor...

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : *Tetrahydrofuran* (THF).

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Ha, betul. Terima kasih Skudai. Tapi dia ada bunyilah ye. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Boleh pakai *google voice,* boleh.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Ok, ok. Yang digunakan bagi melarutkan bahan plastik, THF ini boleh mengakibatkan batuk dan kesesakan nafas. Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi kes yang dibangkitkan ini, pihak saya baca ringkas Yang Berhormat, Badan Kawal Selia Air (BAKAJ) telah memeriksa dan terdapat bau yang tidak normal dalam air terawat loji pada 19 Julai dan Majlis Perbandaran mengambil tindakan terhadap kilang ini menyebabkan pencemaran air di kawasan pentadbiran MPKU dan kilang ini di atas Lot 792, Jalan Kulai – Kota. Bahagian Penguat kuasa telah mengeluarkan notis kepada pemilik berdasarkan Seksyen 108, dia pengumpulan barang-barang kitar semula tanpa kebenaran, 1 kompaun telah dikeluarkan dan operasi bersepadu Bahagian Teknikal MPKU telah dijalankan pada 9 September melibatkan Bahagian Pelesenan, Pembangunan, Bahagian Perancangan, Unit Undang-Undang, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp) dan Badan Kawal Selia Air (BAKAJ). Hasil siasatan, Bahagian Perlesenan mendapati premis kilang ini tak mempunyai lesen dan telah menjalankan aktiviti perniagaan pusat kitar semula. Jadi bahagian pembangunan telah mengeluarkan notis di bawah Seksyen 71, 72 Akta Jalan Parit dan Bangunan, dan supaya boleh diruntuhkan bangunan ini dalam tempoh 14 hari, dan notis juga telah dikeluarkan di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, kerana menjalankan pemajuan tanpa kebenaran Pihak Badan Pengurusan Sisa Pepejal juga menjalankan kutipan, risikanlah, pemantauan berkala 10 November kilang ini tidak beroperasi dan pada 11 November ada kedengaran bunyi kerja-kerja pemotongan besi dalam kilang ini. Saya ingin mencadangkan, saya dah bincang dengan MPKu, kalau kita nak ambil tindakan boleh, di bawah Akta 133, di bawah Akta 172 dan Pejabat Tanah melalui tindakan penguatkuasaan boleh dilakukan dari masa ke semasa keadaan tanah yang melanggar syarat tertentu di bawah peruntukan tanah negara dan PTG Johor juga mempunyai unit penguatkuasaan tanah yang mana-mana melanggar syarat boleh ambil tindakan melalui Pentadbir Tanah Daerah dan di bawah peruntukan undang-undang, Pentadbir Tanah boleh menghantar notis dahulu kepada pemilik tanah yang melanggar syarat dan pemilik ada hak, ada hak itu untuk me *remedy* tanah tersebut. Maksudnya menjadikan syarat asal, kalau dulu tanah pertanian, kita tahu tanah pertanian dia kena jadikan syarat asal, kalau dia melanggar lagi, tindakan boleh dibuat sama ada kita dirobohkan. Sebab ini menjadi punca pencemaran air, menjejaskan loji air, dan memberikan kemudaratan kepada pengguna khususnya di kawasan-kawasan Kulai itu, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Skudai, Bukit Batu, Minta tekan *mic*

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Ok, terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO dari Rengit, sukacita saya nak katakanlah di sini saya cukup gembira ya, tertarik dengan apa yang dikatakan oleh YB EXCO, hasrat *political will* yang ada pada kerajaan ya, untuk membanteraskan isu kilang haram terutamanya terhadap kilang haram yang menjadi punca pencemaran sumber air kita di Johor. Itu juga satu pendirian yang diambil oleh kerajaan Pakatan Harapan dan diteruskan oleh kerajaan sekarang. Dan saya suka bila mendengar RM1.0 juta kompaun pun kita tak akan lepaskan mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk soalan saya itu, saya harap ya Yang Berhormat Rengit tolonglah kita guna *layman* jangan bagi dia c*hance* lah. Jangan bagi *chance* kepada syarikat, kepada kilang haram ini sebab ini adalah satu kita kata contoh, kalau orang tahu boleh cemar air dan sampai hari ini berapa bulan dah masih beroperasi, bayangkanlah di Sg. Sayong ya, di Simpang Renggam mana-mana orang berani, sekarang ada 2,500 kilang haram dan kebanyakan kilang haram tu bila dia haram sebab dia buat benda yang haramlah kalau tidak boleh dia mohon lesen sahaja. Biasa haram sebab dia cemar air, cemar udara dan pelbagai-bagai. *So,* saya harap kerajaan ada *political will* tak kiralah kerajaan mana pun, untuk kita sama-sama menangani isu ini dan saya harap kalau boleh kerajaan sekarang ni, YB EXCO pergilah jangan kasi dia *chance* tutup sahaja kilang haram ini.

YB Speaker : Tak ada soalan Yang Berhormat? Yang Berhormat. Jementah, jemput, Skudai ya, Skudai dulu*. Sorry, sorry*. Bukan soalan Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Dia nak tahu ketegasan kerajaan negeri dalam nak membendung isu yang melibatkan pencemaran air.

YB Speaker : Tak, penyoal kata tak ada soalan

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terpulang kepada Tuan Speaker.

YB Speaker : Sila, sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Kalau diizinkan, saya jawab.

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Itu soalan saya tersiratlah.(Dewan ketawa).

YB Speaker : Ok, jemput, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih, saya ambil masa ringkas. Saya bersetuju dengan pandangan Bukit Batu. Dah sampai masanya kita kena tegas dan saya dah berbincang dengan Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kulai, saya dah merujuk kepada perkara-perkara ini Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang, saya juga akan bincang dengan PTG kita tak boleh bagi peluang lagi kepada mereka-mereka yang sengaja dengan jelas mencemarkan punca air. Insya-Allahlah, selepas ini kalau ada ruang masa waktu kita ini, kita akan, bukan ada ruang perlu, untuk kita terus ambil tindakan dan saya akan panggil mesyuarat dan kita akan jemput sekali Bukit Batu bersama kita dalam membendungkan dalam isu ini. Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Beri Sri Medan dululah, Sri Medan sebab dia punya soalan tadi.

YB Dato' Zulkurnain Bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih juga kepada Yang Berhormat EXCO yang telah memberikan jawapan pada persoalan saya tadi dan saya amat bersetuju dengan apa juga jawapan dan juga tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan. Sebentar tadi Yang Berhormat EXCO ada terangkan tentang soal pemutihan ya, ada 2,491 kilang haram yang tak berlesen sahaja 24.5%. Jadi saya melihat di sini ya, selain daripada soal ekonomi yang agak merudum pada hari ini, tindakan daripada pihak kerajaan mungkin boleh memberi kesan pada dari segi ekonomi. Oleh itu saya melihat dengan kilang-kilang haram yang ada dalam negeri Johor ya, kebanyakan mereka beroperasi atas sebab mereka mendapat bekalan daripada Tenaga Nasional Berhad ataupun SAJ. Adakah pihak kerajaan ya, boleh melakukan penyelarasan antara kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan kerana bila ada *supply* daripada TNB dan

juga SAJ, jadi mereka boleh beroperasi dan kalau saya lihat di sini dengan apa yang berlaku, soal kilang-kilang haram ini, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan rakan saya Yang Berhormat Bukit Batu. 90% saya rasa pencemaran yang berlaku di sungai dan di mana-mana tempat adalah berpunca daripada kilang-kilang haram. Mereka *hit and run* dengan izin. Jadi mereka melakukan pencemaran dan mereka bila-bila boleh lepas tangan. Jadi,apa tindakan kerajaan dalam untuk kita menangani perkara ini dengan melakukan penyelarasan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain?

Kerana contoh, minta maaf Yang Berhormat Speaker. Yang pertama, di tempat saya, di kawasan Sri Medan ada juga kilang yang beroperasi iaitu kilang menternak katak. Mungkin agak pelik, makanan binatang yang dulunya bukan bahan makanan sekarang dah jadi makanan. Jadi hari ini, kilang katak itu selain daripada dia menternak katak dan mereka menjadikan memproses katak tersebut untuk dieksport. Dan tempat yang digunakan untuk menternak katak adalah tempat-tempat yang bukan tempat kawasan industri pun. Jadi,bagaimana kerajaan nak menangani perkara ini?Dan saya rasa dalam keadaan sekarang, hari ini, ekonomi pun saya sebut tadi merudum. Jadi, perlu kah kerajaan bertindak tegas dan juga bagaimana nak menangani soal pekerjaan dan juga sebagainyalah? Kalau boleh kerajaan secara berhemah dan juga mendapat kerjasama daripada semua pihak agensi kerajaan yang lain. Terima kasih.

YB Speaker : Susah nak jawab ni, sekejap dia suruh tutup sekejap tidak. Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak tanya ini, katak jenis apa ya? (Dewan ketawa).

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Nak kena jawab ke Speaker?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Dia tak sebut jelas katak apa ke.

YB Speaker : Tak apa, buat aje.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Saya ingat Yang Berhormat Speaker, katak yang saya maksudkan katak jenis binatanglah. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Katak yang binatang.

YB Tuan Jimmy Puah WeeTse (Bukit Batu) : Bukan katak politik ya. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Ok. Teruskan Yang Berhormat, ini tak ada kaitan dengan itu semua.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Ok, ok, ok. Yang Berhormat Tuan Speaker, kita kena berlaku adil.

YB Speaker : Rengit ni suka aja benda tu, biar dia panjang dan ambil 10 minit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Kilang ini, kita kena berlaku adil.

Pertama, ada kilang ini yang kita istilahkan kilang haram wujud lama. Dia dah lama wujud di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, cuma dia tak menjalankan proses pemajuan dan dalam program pemutihan yang dijalankan oleh beberapa PBT, kita syaratkan mereka ada buat zon ya, apa *buffer zone* dan seperti yang ditegaskan oleh rakan saya tadi dari Sri

Medan dalam keadaan pandemik sekarang ini, ramai kalau kita ambil tindakan yang akan diberhentikan kerja.Ini akan menjejaskan juga masa depan ramai pekerja.

Jadi, kita bawa sekali Yang Berhormat Sri Medan dalam usaha program pemutihan, kita bawa sekali agensi terutama sekali alam sekitar yang boleh kita lihat beroperasi mengikut piawaian yang ditetapkan oleh alam sekitar, kita bagi pemutihan. Tetapi kalau kita lihat kilang ini boleh menjejaskan alam sekitar,kita tak akan benarkan mereka beroperasi, kita bagi tempoh mereka untuk berpindah ke lokasi yang ditetapkan kawasan-kawasan taman industri yang telah diwartakan. Tapi kalau masih degil lagi kerana mengganggu dan menjelaskan alam sekitar kita akan ambil tindakan sama ada membuat perobohanlah.

Tapi bagi masalah keadaan-keadaan sekarang memang tak begitu sesuai untuk kita ambil tindakan. Izinkan pihak kerajaan negeri selepas ini baru kita boleh ambil tindakan, pandemik selesai. Yang Berhormat, katak tadi saya akan melawat sendirilah dengan Yang Berhormat Sri Medan, apa jenis katak.

YB Speaker : Ok juga Yang Berhormat. Panjang lagi Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Kalau mengganggu sangat keadaan, mungkin kita boleh ambil tindakan. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih.

YB Speaker : Skudai, soalan terakhir.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, soalan saya ada kaitan juga dengan soalan Sri Medan, tapi bukan berkenaan katak dan susulan pada jawapan Yang Berhormat EXCO tadi, jadi saya harap Tuan Speaker boleh izinkan saya terangkan sedikit mungkin ambil masa sikit tentang latar belakang...

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat, tak boleh Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Dia bagi latar belakang sikit supaya nanti jawapan dia lebih jitu.

YB Speaker : Tapi latar belakang Yang Berhormat ini 10 minit.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Tak kan 20 minit. Ambil masa sikit aje,

YB Speaker : Soalan, soalan tambahan Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Ok. Yang Berhormat Tuan Speaker, ini kadang kita tengok kilang haram itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO tadi, kadang dia ada latar belakang, dia ada sejarah dia dan secara amnya kita boleh lihat dia ada 2 jenis, 2 kategori yang secara umum di mana di antaranya adalah haram secara teknikal, iaitu dari segi ubah syarat guna tanah tak betul, dari segi *zoning* dia tak betul dan sebagainya.

Yang kedua ialah isu pencemaranlah, yang isu pencemaran itu kita tak boleh kompromi. Kita mesti sama ada tutup terus ataupun pindah dan denda dan sebagainya. Bagaimanapun selalunya yang kita hadapi masalah adalah berkenaan haram cara teknikal ini, di mana *zoning* dia tak betul ataupun salah guna tanah dia tak betul, sebab saya sendiri ada pengalaman pahit dalam isu ini di mana kilang itu dah wujud lama, dah lama dan seberang jalan adalah zon industri.

Seberang sini kebetulan tanahnya zon perumahan dan walaupun zon perumahan jauh juga daripada kawasan perumahan. Yang pelik lagi, di sebelah tanah dia kilang di sebelah

adalah zon industri. Apabila dia cuba nak mohon untuk *rezoning* kepada zon industri masa itu saya bantu untuk bincang dengan jabatan-jabatan yang berkenaan dan isu ini di bawa untuk *rezoning* di SPC.

YB Speaker : Ok, kita faham Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Dan masalah dia, orang yang bawa *proposal* ataupun kertas kerja untuk *rezoning* ini ditolak, dia membantah dalam SPC menyebabkan *rezoning* ini tak betul, tak boleh jalan dan saya lihat isu ini adalah birokrasi. Isu ini, selalu kita kata, mahu seribu daya, tak mahu seribu dalih dan keadaan-keadaan ini menyebabkan kilang ini pada waktu sekarang walaupun ada *order* daripada Amerika Syarikat dan sebagainya tak boleh operasi sebab lesen tak ada. Adakah pihak kerajaan ada statistik-statistik yang manakah satu haram secara teknikal dan kita bagi *fast track* kita bantu dia dan yang haram dia tutup terus, adakah kerajaan ada hasrat sebegini dan adakah data-data statistik-statistik ini dia cukup?

YB Speaker : Ok, jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Skudai. Panjang soalan tambahan. Kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita mengadakan mesyuarat SPC ini kerap. Untuk makluman, 22 hari bulan ini pun kita akan mengadakan mesyuarat. Soal guna tanah ini Yang Berhormat, kita boleh lihat semula, kaji semula. Sebab itu, seperti Yang Berhormat beri contoh, sebelah kanan zon industri, sebelah kiri zon industri, kilang yang sebelah itu yang dah beroperasi lama tidak memperolehi kelulusan untuk operasinya.

Di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar, kita dah tegaskan dari segi zon kegunaan tanah ini kita boleh sesuaikan. Dan saya nak ambil contoh di Batu Pahat, kalau format pemutihan yang dibuat berkaitan dengan teknikal soal bangunan, kemajuan dan sebagainya, boleh kita luluskan dalam SPC 22 hari bulan ini. Ini akan kita berikan garis panduan kepada seluruh kilang-kilang yang terdapat di seluruh kawasan PBT di Johor. Sebab kita perlu bangkit Yang Berhormat di ketika keadaan yang memerlukan tindakan semua pihak, kelonggaran di beberapa perkaralah.

Tapi, bagi kilang yang menyebabkan pencemaran tak ada toleransi dalam hal ini. Tentang data Yang Berhormat bangkitkan tadi saya akan dapatkan data yang berkaitan dengan teknikal, yang berkaitan dengan pencemaran dan saya akan berikan secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Soalan seterusnya.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Yang Berhormat Tuan Speaker, mohon satu lagi.

YB Speaker : Cukup, cukup,dia nanti lebih masa. Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih YB Speaker, dalam tempoh enam hari kita berbahas baru sekali saya dapat bertanya. Dulu-dulu saya menjawab, hari ini bertanya pun, baru hari ini dapat. Jadi soalan nombor 5 YB Speaker.

Berapakah kes yang direkodkan oleh JAINJ berkaitan masalah rumah tangga dan penceraian sepanjang pandemik (bulan 3 hingga sekarang)?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taalawabarakatuh. Sahabat saya Parit Yaani, berhubung perkara yang telah diutarakan iaitu kes-kes yang melibatkan masalah rumah tangga yang telah pun di rekodkan Yang Berhormat Tuan Speaker, oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor bagi sepanjang tempoh Mac hingga Oktober adalah seperti berikut: Kes-kes yang rumah tangga yang tidak bertanggungjawab jumlahnya sebanyak 415 kes, kes-kes yang melibatkan keluar rumah sebanyak 180 kes, kes-kes bagi penagihan sebanyak 118 kes, kes-kes poligami 47 kes, kes-kes bagi pengabaian nafkah sebanyak 234 kes, kes-kes bagi penderaan sebanyak 96 kes, kes-kes bagi campur tangan sebanyak 159 kes, kes-kes pelbagai sebanyak 128 kes dan kes bagi masalah kesihatan sebanyak 6 kes, kes sumbang mahram sebanyak 2 kes. Jumlah masalah krisis rumah tangga dari Mac hingga Oktober 2020 adalah sebanyak 383 kes.

Bagi masalah kes-kes penceraian di mana yang ditimbulkan oleh sahabat daripada Parit Yaani, adalah seperti berikut:Bagi data-data kes perceraian bagi negeri Johor bagi bulan Mac hingga Oktober semasa PKP bagi daerah Batu Pahat sebanyak 384 kes, bagi daerah Muar sebanyak 238 kes, bagi daerah Segamat sebanyak 102 kes, bagi daerah Johor Bahru 984 kes, bagi daerah Kluang 256 kes, bagi daerah Pontian sebanyak 250 kes, bagi daerah Kota Tinggi sebanyak 250 kes. Maaf Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi daerah Pontian sebanyak 179 kes, bagi daerah Mersing sebanyak 70 kes, bagi daerah Kulai sebanyak 102 kes, bagi daerah Tangkak sebanyak 66 kes. Jumlah perceraian dalam masa Mac hingga Oktober 2020 bagi negeri Johor sebanyak 2,625 kes. Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya, Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Soalan tambahan saya. Kita bagi keluarga Islam, agama Islam ini saya difahamkan dah memang kita pun pernah menguruskan perkara ini, iaitu tentang kursus perkahwinan. Adakah kursus perkahwinan yang dianjurkan oleh Jabatan Agama tidak berkesan sehingga menyebabkan berlakunya perceraian, itu soalan yang antara soalannyalah. Dan apakah peranan dan tindakan kaunseling di Jabatan Agama ataupun di bahagian kaunseling di bahagian kehakiman untuk memastikan bahawa kerukunan rumah tangga yang menyebabkan anak-anak terbiar dapat dipastikan kerukunan rumah tangga itu tak berlaku penceraian? Itu antara persoalan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai asas kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Parit Yaani, perkara pertama dan nak mewujudkan perkara yang melibatkan masalah kursus-kursus perkahwinan, SOP yang kita gunakan sekarang ini ialah dalam tempoh PKP ialah dengan cara *online* kursus ini. Dari segi masalah untuk nak menetapkan masalah-masalah yang dihadapi yang ditimbulkan oleh Parit Yaani, Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Negeri Johor bersama dengan Pejabat Kadi Daerah yang berkenaan akan memanggil mana-mana pasangan yang melibatkan dalam proses perceraian bagi diberikan kaunselor, itu langkah pertama.

Langkah yang kedua, dibuat oleh Bahagian Pembangunan Keluarga dan juga Pejabat Kadi Daerah ialah memanggil keluarga-keluarga yang terlibat bagi mencari rumusan dan juga kaedah-kaedah yang terbaik dalam menyelesaikan masalah yang berbangkit antara pasangan-pasangan terlibat dalam perkara proses perceraian. Dan yang ketiganya, lazimnya pada peringkat akhir kedua-dua pasangan ini akan dipertemukan untuk majlis kaunseling yang akan diuruskan sendiri oleh Bahagian Mahkamah Syariah dan juga Pejabat Kadi Daerah, terima kasih.

YB Speaker : Buluh Kasap, jemput.

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Terima kasih Tuan Speaker. Jika melihat kepada angka yang diberikan oleh YB EXCO tadi, 2,625 perceraian Mac hingga Oktober bagi negeri Johor. Kalau kita andaikan sebuah keluarga mempunyai 2 orang anak, maknanya kita ada 5,250 orang anak yang kita tidak tahu keadaannya selepas ini.

Jadi, saya setuju dengan apa yang dibangkitkan dalam soalan tambahan Parit Yaani tadi. Berkenaan dengan kursus perkahwinan. Saya fikir EXCO Agama ataupun Jabatan Agama Islam, adakah kita perlu memikirkan untuk menggubal semula silibus kepada kursus perkahwinan tadi supaya bersesuaian dengan keadaan di mana COVID-19 ini mengajar kita bagaimana keluarga terpaksa duduk di rumah bersama-sama. Dulu mungkin silibus ini tak termasuk kepada duduk bersama begitu lama. Mungkin dulu suami isteri berjauhan, kena sabar, tapi hari ini silibus kena tukar, suami isteri duduk bersama, kena bersabar. Jadi adakah...

YB Speaker : Sabar duduk bersama...

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Adakah Jabatan Agama mengkaji untuk menggubal silibus ini di masa akan datang? Terima kasih.

YB Speaker : Duduk sama susah, tak duduk sama pun susah. Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih Yang Berhormat Buluh Kasap. Memang benar Yang Berhormat Tuan Speaker. Insya-Allah selewat-lewatnya pada Mac 2021, akan ada satu silibus baru tentang asas-asas mengadakan kursus-kursus perkahwinan ini insya-Allah. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Kemelah.

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 6.

Dalam tempoh pandemik COVID-19 sehingga kini, berapa jumlah permohonan untuk industri pertanian dan industri ternakan di negeri Johor? Berapa jumlah permohonan tersebut telah dilulus?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam tempoh pandemik COVID-19 sehingga kini, di bawah Jabatan Pertanian Negeri Johor, antara program pembangunan pertanian yang telah dilaksanakan bagi membantu isi rumah adalah Program Pertanian Bandar.

Sejumlah RM400,000.00 dari sumber peruntukan kerajaan persekutuan telah disalurkan kepada Jabatan Pertanian Negeri Johor pada tahun 2020. Bantuan adalah berbentuk pembinaan, naik taraf infrastruktur dan kemudahan projek, perolehan input dan peralatan pertanian serta aktiviti pemindahan teknologi pertanian. Agihan pecahan untuk kategori komuniti adalah sebanyak RM111,400.00 melibatkan 22 komuniti. Kategori individu sebanyak RM21,800.00 melibatkan 109 peserta. Kategori sekolah sebanyak RM189,700.00 melibatkan 37 sekolah dan kategori institusi sebanyak RM70,200.00 melibatkan 14 buah institusi.

Tujuan program pembangunan ini adalah bagi membantu isi rumah bandar, meringankan kos hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan. Program ini juga adalah sebagai pelengkap kepada pembangunan bandar secara keseluruhan. Program ini melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar, dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri dan persekutuan. Penyertaan penduduk bandar yang berkaitan dengan kerajaan ataupun di bandar di dalam aktiviti pengeluaran bahan pertanian makanan boleh menambah pendapatan individu atau isi rumah dan seterusnya mengurangkan kos sara hidup di bandar.

Pada bulan Ogos 2020, kesan daripada pandemik COVID-19, Program Pertanian Bandar telah menerima sebanyak 3,569 permohonan daripada kategori komuniti dan individu. Namun yang demikian, jumlah peruntukan yang diterima pada tahun ini adalah RM800,000.00 di bawah PENJANA iaitu Pelan Jana Semula Ekonomi Negara. Berdasarkan peruntukan PENJANA RM800,000.00, hanya sejumlah 928 permohonan sahaja dapat diproses yang mana terdiri daripada 123 komuniti baru dan tambahan akan mendapat faedah dengan cadangan pecahan daerah iaitu 11 komuniti di Batu Pahat, 21 komuniti di Johor Bahru, 20 komuniti di Kluang, 9 di Kota Tinggi, 8 di Kulai, 7 di Mersing, 32 di Muar; 8 Pontian, Segamat 1, Tangkak 16 komuniti.

Bagi individu pula seramai 805 peserta baru dicadangkan untuk Batu Pahat, Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi, Kulai, Mersing, Muar, Pontian, Segamat dan Tangkak. Bagi permohonan sebanyak 2,641 masih di peringkat siasatan bagi kelayakan dan akan diproses menjelang tahun 2021.

Di samping itu, kerajaan melalui Jabatan Pertanian telah memberikan bantuan kepada petani dan usaha tani yang terkesan dengan pandemik ini terutama semasa Perintah Kawalan PKP. Sebanyak RM150,000.00 telah diluluskan oleh kerajaan negeri dan agihan berupa bahan import pertanian telah diberikan kepada petani yang terjejas. Seramai 145 tani telah mendapat manfaat.

Manakala pihak Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor telah memperuntukkan peruntukan melalui peruntukan Projek Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Rakyat Tahun 2020 dan khas projek Agro Makanan Pertubuhan Peladang (PP) berjumlah RM6,791,500.00 merangkumi peruntukan tanaman sebanyak RM3,787,000.00 untuk 176 ahli PPK, peruntukan ternakan RM1,601,000.00 untuk 86 orang ahli PPK, peruntukan ternak air sebanyak RM305,000.00 untuk 12 ahli PPK dan peruntukan pemasaran iaitu RM1,098,500.00 untuk 12 PPK.

Keduanya, kelulusan bagi projek tanaman kontan di bawah program B40 dengan jumlah, sejumlahnya adalah RM1,090,000.00 untuk 118 ahli PPK. Secara keseluruhannya di bawah LPP, bantuan peruntukan adalah sebanyak RM7,881,500.00 yang melibatkan 388 ahli PPK dan 12 buah PPK.

Manakala pihak Jabatan Veterinar Negeri Johor pula, Jabatan menerima peruntukan bagi pelbagai program pembangunan termasuk program bantuan kepada rakyat. Untuk tahun 2020, sebanyak 720 permohonan diterima daripada penternak. Sebanyak 537 permohonan iaitu 74.38% telah diluluskan untuk bantuan di bawah pelbagai program pembangunan dalam tempoh pandemik 204. Program Penternakan Rakyat (PPR) unggas dan bantuan makanan ternakan ruminan, kesemua program bantuan ini melibatkan peruntukan RM1,917,500.00.00. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Kemelah, jemput soalan tambahan.

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang panjang lebar. Sewaktu PKP yang lepas, saya mengambil peluang, ruang dan masa yang ada untuk mengerjakan tanaman sayur saya sendiri di belakang rumah saya, yang tak luas, sekangkang kera sahaja. Dan alhamdulillah sekarang ini saya dapat merasa hasilnya, dapat makan apa ni, tanaman-tanaman sendiri. Walaupun begitu pengalaman saya semasa mengurus tanaman itu saya dapati ada pokok-pokok yang ada masalah contohnya daun sup yang satu ketika waktu PKP di Segamat harganya ialah RM20.00 sekilo, sampai RM20.00 sekilo. Pokok tomato yang sebelum saya berangkat sini baru nak tumbuh 1 biji. Dah beberapa saya cuba.

Jadi, soalan saya ialah apakah peranan Jabatan Pertanian untuk memberi galakan dan bimbingan kepada mereka yang tidak meminta bantuan tetapi ingin menanam tanaman secara kecil-kecilan dan menggalakkan mereka untuk berdikari? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Kemelah. Tahniah kerana memulakan walaupun kecil-kecilan Program Agro Makanan.

Yang Berhormat Kemelah dan Ahli Dewan, saya ingin maklumkan Yang Berhormat Speaker bahawa setiap mukim dalam negeri Johor ini ada agen pengembang tanaman. Saya nak ulangi sekali lagi. Setiap mukim dalam negeri Johor ini mempunyai agen pengembangan tanaman. Maka gunakanlah sebaik-baiknya. Dia macam Tok Penghulu aje. Saya dah berjumpa mereka dan perkara soal pengembangan *extension* dalam pertanian ini adalah tugas mereka.

Yang keduanya, soal untuk memberi kepada orang yang mintak ni memang susah sikit Yang Berhormat. Tak mintak dekat rumah pun tak dapat. Jadi kena mintak. Tapi sekurang-kurangnya yang terbaik adalah ada hubungan, *repo* dengan APT-APT setiap mukim. Saya mengambil kesempatan di sini untuk Ahli Dewan sekalian, untuk soal memajukan agro makanan di masa depan, antara faktornya ialah hubungan baik, jaringan dengan jabatan-jabatan yang berkenaan. Saya ucapkan tahniah dan mengucapkan selamat maju jaya Yang Berhormat Kemelah.

YB Speaker : Ya Kota Iskandar.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih di atas jawapan EXCO. Tadi bagi yang duduk di kampung atau yang mempunyai tanah yang lebih. Macam saya ni yang duduk di Taman Universiti 22 tahun, bukan sekangkang kera langsung tak ada dah sebab kita dah *renovate*.

YB Speaker : Dalam pasu boleh Yang Berhormat... dalam pasu...

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Saya tak sampai semua dah *cover*. Jadi bersetuju kah YB EXCO untuk kita perluaskan konsep pertanian bandar ni dengan kita membenarkan agensi-agensi kerajaan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Agama Islam yang mempunyai rizab-rizab tanah dalam kawasan perumahan contohnya tapak masjid, surau dan juga rekreasi yang seumpamanya yang belum ada dana untuk dimajukan, *so* kita benarkan kawasan ini untuk disewa melalui agensi-agensi berikut bagi membolehkan rakan-rakan kita yang duduk di taman perumahan untuk mengusahakan pertanian bandar tadi macam cendawan, macam fertigasi, bahkan kalau boleh kita buat macam *showcase* di Langkawi dulu yang saya hadir, satu kontena hasilnya bersamaan dan 1 ekar tanah di lapangan. Terima kasih Tuan Speaker.

YB Speaker : Jemput YB EXCO. Semangat Yang Berhormat, semangat pertanian ni.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Semangat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan dan juga pertanyaan Kota Iskandar.

Saya nak maklumkan bahawa untuk ke hadapan ini, memang pun kita galakkan program-program tanaman komuniti. Malahan pihak daripada PBT juga telah menyediakan RM800,000.00. Kita ada RM4 juta. Jadi kita ada RM4.8 juta untuk tanaman komuniti yang kita boleh usahakan untuk kita peruntukkan kepada pengusaha-pengusaha.

Pertama Yang Berhormat Tuan Speaker, bertani ni ada untuk sara diri, cukup. Yang kedua, tambah pendapatan dan yang ketiga untuk komersil.

Selain daripada itu juga, saya amat tertarik dengan cadangan dan malahan itu adalah apa yang telah dilakukan sekarang. Pertanian komuniti ini boleh meningkatkan muafakat kerana kerjasama. Kita maklum dengan masalah rumah-rumah dalam bandar, dalam taman-taman. Mereka ada rizab hijau, tanah hijau, kawasan hijau dan *green*, dan pada masa yang sama ada surau, balai raya dan sebagainya. Yang paling pentingnya kepada kami adalah pengusahanya. Siapa pengusahanya? Yang kedua, ada tapaknya, ada muafakatnya, *no problem*. Yang penting saya nyatakan tadi, kumpulan sasaran adalah pengusaha secara komited. Yang keduanya ada tapak. Kita akan bantu bantuan seboleh-bolehnya.

Jadi, saya galakkan memang di rumah tak boleh, tetapi gunakanlah kawasan sekitar surau yang ada sepertimana yang telah berlaku seperti kalau saya boleh ambil contoh di Bandar Baru Uda, melalui KRT, NGO, Belia, Jawatankuasa Masjid dan Surau, boleh mengambil kesempatan dalam hal ini. Saya galakkan semua untuk terlibat dengan program agro makanan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya. Silakan Yang Berhormat Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Apakah status pelaksanaan Program Bandar Warisan dan ubah status bangunan Majlis Perbandaran Batu Pahat di Jalan Pegawai kepada Muzium Batu Pahat?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Selamat sejahtera, terima kasih Penggaram. Program Bandar Warisan adalah program yang dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat dengan kerjasama Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), UTM. Maklumat terkini yang diberikan oleh Bahagian Perancang Majlis Perbandaran Batu Pahat ialah Program Bandar Warisan ini tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini, ditangguhkan kerana kekangan peruntukan untuk dilaksanakan. Makluman terkini juga diberikan bahawa ia ditangguhkan dan belum mempunyai sumber-sumber peruntukan daripada pihak *federal.*

Berkenaan dengan perubahan status bangunan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) di Jalan Pegawai, kepada Muzium Batu Pahat masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Bangunan tersebut masih diguna pakai sebagai Pejabat MPBP kerana pejabat yang baru masih belum siap. Terdapat beberapa tindakan perlu dilaksanakan sebelum dapat

mengubah status bangunan tersebut kepada Muzium Batu Pahat, iaitu setelah Majlis Perbandaran Batu Pahat berpindah, sesi penyerahan bangunan kepada pihak Yayasan Warisan Johor perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Setelah itu, barulah pihak Yayasan Warisan Johor perlu mengangkat kertas permohonan kepada kerajaan negeri bagi mengujudkan Muzium Batu Pahat dan akhirnya diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk proses penyelenggaraan dan pengisian dalam bangunan Muzium Batu Pahat. Terima kasih.

YB Speaker : Semerah, jemput.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Kita faham bahawa warisan ataupun bandar warisan adalah merupakan salah satu yang kita boleh jadikan produk pelancongan dan Batu Pahat, Johor Bahru, Muar mempunyai kesenian ciri-ciri kesenian bangunan warisan yang berbeza. Jadi, adakah pihak Yayasan Warisan Johor akan bekerjasama dengan pihak PBT dan juga pihak Tourism Johor untuk mengetengahkan projek ataupun Program Bandar Warisan bukan sahaja di Batu Pahat tetapi di semua daerah lain sebagai satu produk pelancongan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan & Budaya : Terima kasih soalan, jawapannya ya. Jadi kita sentiasa membuka cadangan-cadangan daripada PBT untuk melaksanakan dan ini Batu Pahat ini adalah salah satu contoh yang terbaik. Terima kasih.

YB Speaker : Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Tuan Speaker, di sini saya nak tanya EXCO, anggaran agak makan masa berapa lama untuk mendapatkan peruntukan tersebut untuk mendirikan muzium di Batu Pahat.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Ok, terima kasih, soalan tambahan. Pembinaan Muzium Batu Pahat ini dianggarkan menelan belanja sebanyak RM9 juta dengan Jabatan Kerja Raya sebagai pelaksana. Anggaran kos RM9 juta ini adalah melibatkan bukan bangunan sahaja, melibatkan perabot-perabot keperluan dalaman itu yang menampakkan angka ini besar dan sebenarnya ada dibawa dalam mesyuarat oleh YB EXCO Perumahan isu ini secara lisan. Setelah dibawa kepada YB EXCO Perumahan dan kita dah bincangkan secara *detail* tapi belum ada keputusan dan banyak perkara lagi perlu kita telitikan dan maksud juga yang disampaikan dalam mesyuarat tersebut YB sendiri mempertikaikan macam mana nasib pengguna kat sana bila bangunan itu diguna pakai sekarang ini kebanyakan untuk urusan-urusan rakyat membayar cukai dan sebagainya dan bangunan ini bila dibuat kajian, urusan membayar cukai dan sebagainya adalah di samping bangunan tersebut dan tidak menjejaskan. Jadi tentang bila itu, saya tidak boleh memberi angka yang tepat sebab peruntukan ni kadang-kadang kita minta tahun ini, tahun depan. Kadang-kadang ikut *priority* kerajaan ya. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya saya persilakan, Mahkota, jemput.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 8.

Banyak perniagaan di Kluang tutup dan ramai kehilangan pekerjaan akibat pandemik COVID-19 dan ekonomi yang lemah. Apakah usaha kerajaan untuk mengembalikan pekerjaan kepada penduduk setempat?

YB Speaker : Yang Berhormat Parit Raja, jemput.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 9.

Mohon dinyatakan inisiatif dan peruntukan yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi mengatasi isu pengangguran yang semakin meningkat melibatkan golongan belia?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Assalammualaikum warahmatulahi wabarakatuh. Bismillahirahmannirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Mahkota dan Yang Berhormat Parit Raja bersekali, kerana ianya adalah berkaitan, iaitu berkenaan usaha inisiatif kerajaan bagi mengatasi isu pengangguran yang semakin meningkat termasuklah golongan belia. Bagi makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, beberapa inisiatif bagi membantu rakyat negeri ini untuk terus bekerja demi kelangsungan *survival* kehidupan telah pun dilaksanakan dan giat dijalankan oleh Unit SMI sebagai agensi pelaksana kerajaan negeri. Turut sama juga yang terlibat adalah pelbagai agensi-agensi termasuklah GLC dan mahu pun GLIC. Saya telah pun memberi pencerahan tuntas berkenaan inisiatif kerajaan negeri Johor bagi membantu mereka yang telah diberhentikan pekerjaan atau menganggur pada sesi ini, soal jawab yang kelmarin. Oleh itu izinkan saya kongsikan butiran tersebut kepada Ahli-Ahli Berhormat secara bertulis.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab pertanyaan Yang Berhormat Mahkota, berkaitan apakah usaha kerajaan untuk mengembalikan pekerjaan kepada penduduk setempat? Pelbagai program dan inisiatif telah dirancangkan dan akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi mengembalikan pekerjaan kepada penduduk setempat, termasuklah daerah Kluang mahupun DUN Mahkota. Untuk makluman Yang Berhormat Mahkota, pada 21 hingga 23 September tahun 2020 yang lalu, Unit SMI telah pun mengadakan Program Minggu Kerjaya Johor dengan penglibatan seramai 30 majikan dari pelbagai sektor industri yang telah menawarkan sebanyak 1,120 jawatan kosong.

Program ini telah berjalan serentak di 3 lokasi meliputi 3 zon iaitu zon utara, di Dewan Maharani Stadium Muar, zon tengah di Pejabat Tenaga Kerja, Kluang dan zon selatan di Galeria UTC, Johor Bahru. Selain itu, di dalam ucapan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Khamis lalu, telah pun dinyatakan cadangan-cadangan inisiatif mahu pun peruntukan bagi tujuan pembangunan ekonomi dan juga memberi manfaat kepada modal insan komuniti setempat.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Parit Raja mengenai inisiatif dan peruntukan yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan negeri, bagi mengatasi isu pengangguran yang semakin meningkat, yang melibatkan golongan belia. Sukacita ingin saya maklumkan, majoriti dari inisiatif atau program yang akan dilaksanakan oleh kerajaan secara amnya, terbuka dan tersasar kepada golongan belia. Secara dasarnya individu yang berumur 18 hingga 35 tahun adalah golongan yang majoriti yang terbesar yang bakal menerima manfaat dari inisiatif-inisiatif yang disebutkan sebelum ini. Apa yang penting adalah kesedaran diri belia itu sendiri dalam mencari nilai tambah untuk meneruskan kehidupan seterusnya. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Mahkota

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan saya, kita ni banyak perniagaan jenis perniagaan. Kalau yang besar-besar mungkinlah di bawah EXCO Larkin tapi ingin saya tumpukan kepada permasalahan perniagaan kecil-kecilan yang mungkin ini di bawah kerajaan tempatan. Ada berkaitan sangat. Yang Berhormat Tuan Speaker, ada 2 jenis perniagaan kecilan yang tertumpu kepada mereka-mereka yang hanya mendapat pendapatan berdasarkan cari makan pagi dan untuk hidup hingga ke petang.

YB Speaker : Kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Saya gunakan bahasa yang lain pulaklah. Kerana soalan saya tidak akan bertanyakan tajuk, tapi saya akan bercakap berdasarkan kepada 1 SMS daripada mereka yang terlibat. Iaitu peniaga-peniaga tepi jalan, peniaga-peniaga di warung-warung kecil, peniaga-peniaga yang berada di *stall-stall* di bawah PBT. "Assalamualaikum YB, saya ada masalah kewangan", saya ambil satu contoh sahaja ni, "boleh tak YB bantu sikit, YB RM2,000 atau RM3,000,. RM2,000 atau RM3,000, tolong saya YB sejak COVID ini niaga saya *slow*, banyak perlu saya bayar. Terima kasih YB". Saya menerimanya pada waktu malam, saya, mungkin yang menulis ni bahasanya tidak terkesan pada mereka yang biasa, tapi pada kesedihan sebagai Wakil Rakyat, memikirkan permasalahan salah satu contoh yang saya terima, inilah bayangan permasalahan rakyat, jadi saya minta janganlah dihalang-halang kalangan-kalangan yang kecil-kecilan ini berniaga di mana-manalah untuk waktu sekarang.

YB Speaker : Soalan.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Soalan saya, itulah soalan saya, saya minta supaya PBT ke, mana-mana pihak ke ha, dan seperti yang saya katakan semasa membahas Bajet 2021, saya katakan, di Kluang, di Mahkota, masih lagi ada pekerja-pekerja asing bekerja di restoran, bekerja di pam-pam minyak dan tempat-tempat lain yang mana peluang pekerjaan itu patut sekarang ini diberikan kepada rakyat tempatan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih sahabat saya DUN Mahkota, inilah rintihan yang semua Wakil Rakyat terima daripada setiap pelosok jadi...

YB Speaker : Termasuk Larkin sekali.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Termasuk Larkin, betul. Jadi apa yang ingin saya kongsikan di sini, sepertimana yang telah dinyatakan dalam jawaban saya berkaitan dengan modal insan sebelum ini, ianya dapat kita zahirkan dengan pelancaran dan pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk pihak berkenaan. Bagi kita membantu golongan penjaja dan peniaga kecil yang terputus mata pencarian. Kerana apa, kerana dilarang berniaga di kawasan-kawasan tertentu yang tidak mempunyai lesen perniagaan. Memang benda ini berlaku kat tempat saya pun. Jadi kerajaan negeri telah mengambil maklum dan satu usaha sama, kerjasama dengan EXCO PBT yang sedang kami bentuk untuk membantu golongan ini agar mereka dapat teruskan hidup dan teruskan perniagaan, teruskan menyambung mata pencarian mereka seharian, agar mereka diberi masa, diberi tempoh. Kita jangan gunakan terlalu drastik, dan bagi mereka kita bukan nak menghalalkan perniagaan yang haram ataupun tidak berlesen. Dan juga saya bercadang untuk mengadakan satu proses pemutihan, tapi janganlah perkataan saya proses pemutihan ini dimanipulasikan atau disalah tafsir. Jangan dianggap pemutihan itu adalah satu *enforcement,* pemutihan itu maknanya kita akan cuba

membantu mereka. Pertama kita akan membantu mereka supaya mendapatkan lesen perniagaan. Mendaftarkan mereka, saya akan bekerjasama dengan pihak SSM untuk membuat pendaftaran secara seberapa yang segera dan kita memberi satu pengurusan yang mudah kepada mereka. Dan bila mereka dah berdaftar, dan kita, saya harap pihak PBT akan dapat memberi sedikit kelonggaran ataupun kemudahan kerjasama untuk menempatkan mereka dan dibenarkan mereka berniaga dan beroperasi secara sah. Itulah harapan saya, dan insya-Allah, saya rasa EXCO PBT akan dapat membantu saya dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, masalah pengangguran akan menjadi suatu isu yang semakin meruncing dalam masa perebakan COVID. Bagi pihak kerajaan, sebenar kita boleh mendapat banyak data melalui agensi-agensi seperti EPF dan SOCSO. Dan sekiranya mereka menganggur, mereka mungkin sudah berhenti untuk membuat bayaran EPF dan SOCSO setiap bulan. Soalan saya, adakah kerajaan memanfaatkan data-data pembayaran EPF atau SOCSO ataupun apa-apa cara untuk mengumpulkan maklumat-maklumat penganggur dan saya tadi melalui jawapan daripada YB EXCO, kita dapati memang ada banyak usaha dijalankan seperti menjalankan karnival kerjaya tetapi pada masa yang kritikal ini, cara-cara yang lama sebenar berkesan tapi adakah kita bersedia untuk mengambil inisiatif yang lebih banyak ataupun lebih aktif, lebih agresif ataupun macam mana supaya kita secara inisiatif mendapat data-data daripada penganggur dan menghubungi mereka menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Pekan Nanas. Saya rasa soalan ini saya dah jawab semalam. Saya tertarik dengan perkataan agresif, aktif. Untuk pengetahuan Pekan Nanas, kita di sini *we are super active, super aggressive*. Kami bekerja tiap-tiap hari kadang tidak kira masa. Dan masalah pengangguran, masalah usahawan setiap hari kami tempuhi. Sekiranya berat mata memandang, lebih berat bahu kami memikul. Jadi, soalan pengangguran ini saya bagi satu contoh. Sekiranya, 1,000 pekerjaan yang kita usahakan, kita kumpul *industry player* untuk menawarkan, cari peluang pekerjaan, cari *industry player* yang sihat-sihat bagi tawaran 1,000 jawatan kosong, 3,000 diberhentikan. Jadi perkara ini, dia punya *ratio* itu kalau 1:3*,* kita tak akan boleh *cope.* Tapi kita cuma akan cuba untuk *mitigate*, mitigasikan dia untuk melebihkan rendah ini bergantung kepada suasana pandemik COVID-19. Sekiranya dia tidak berlarutan, saya rasa insya-Allah usaha kita akan, akhirnya akan dapat kita realisasikan. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Parit Raja. Soalan tambahan.

YB Puan Nor Rashidah Binti Ramli (Parit Raja) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih jawapan daripada YB EXCO. Jadi saya minta nyatakan adakah program-program yang baik dalam Modal Insan Johor ini seperti program Latihan Kemahiran Johor, Gerak Kerjaya Johor akan dilaksanakan di seluruh daerah dalam negeri Johor ataupun hanya tertumpu di bandar raya Johor Bahru sahaja.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Parit Raja. Soalan yang comel sangat. Untuk makluman, kerajaan negeri sentiasa memantau dan mengambil serius situasi semasa mengenai permasalahan kadar peningkatan pengangguran dan juga yang hilang pekerjaan.

Okey. Dan kita telah mengambil langkah proaktif secara holistik dalam merancangkan seterusnya melaksanakan usaha-usaha untuk membantu golongan-golongan tersebut. Sukacita saya maklumkan, jadual pelaksanaan inisiatif untuk program-program Modal Insan Johor berikutnya telah ditetapkan, ha telah ditetapkan di seluruh daerah tapi yang terdekat selepas ini adalah di Batu Pahat termasuk kawasan DUN Parit Raja Yang Berhormat. Jadi saya harap kita akan berjumpa di sana. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Penawar, jemput.

YB Dato' Sharifah Azizah Binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, pagi-pagi dah berpeluh, soalan saya nombor 10.

Pelajar-pelajar dari keluarga miskin atau keluarga B40 merupakan antara yang terkesan akibat Pandemik COVID-19. Adakah YPKDT menyediakan program yang bersesuaian kepada pelajar-pelajar ini?

YB Speaker : Pantun daripada semalam pantun ya. Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Yayasan Pelajaran Johor, kerajaan negeri Johor melalui YPKDT turut mengambil inisiatif dalam merangka program-program yang bersesuaian bagi pelajar-pelajar dari keluarga B40 melalui Program Transformasi Minda Insan yakni PRO-MIS bagi pelajar sekolah menengah dan Program Pembangunan Sahsiah Emosi dan Eksplorasi Diri iaitu PRO-SEED bagi pelajar sekolah rendah. Bagi tahun 2020 Program PRO-MIS dan PRO-SEED dilaksanakan melibatkan pelajar-pelajar dari komuniti yang terpilih. Terdiri daripada keluarga miskin atau B40. Program ini melibatkan semua daerah di negeri Johor dan seramai 220 orang peserta telah menyertai program PRO-MIS dan 220 orang peserta bagi peserta PRO-SEED. Program ini diadakan atas kesedaran kerajaan dalam meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat. Program ini bertujuan bagi memutuskan rantaian kemiskinan di kalangan keluarga berpendapatan rendah bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Penglibatan anak-anak ini bertujuan untuk menjadikan mereka sebagai agen perubahan dalam membentuk sesebuah institusi keluarga yang berkualiti. YPKDT merangka program ini dengan menggunakan kaedah *action oriented*, dengan izin. Ia dilakukan menerusi pembentukan jati diri di samping berinovasi mencari peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan dalam menaikkan taraf sosioekonomi keluarga di masa akan datang. Berikut dengan pandemik COVID-19 ini juga YPKDT turut menyampaikan sumbangan kepada peserta-peserta yang pernah menyertai program PROMIS dan PROSEED sebelum ini.

Seramai 70 orang penerima sumbangan bagi peserta PRO-MIS dan seramai 75 orang sumbangan bagi peserta PRO-SEED. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Penawar jemput. Soalan tambahan.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih EXCO. Burung siapa hinggap di dahan, izin saya beri soalan tambahan.

YB Speaker : Sila Yang Berhormat.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Yang Berhormat Tuan Speaker,

YB Speaker : Kata Arab, kata Arab tak tahu pantun.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Arab celup pandai. Selain program yang disebut oleh Yang Berhormat, adakah YPK menganjurkan program kemahiran bagi menjana pendapatan anak muda yang tidak dapat masuk ke IPTA ataupun IPTS. Dan adakah setakat beri kemahiran sahaja kepada mereka tanpa memberikan bimbingan untuk mereka terus berjaya dalam perniagaan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Yang Berhormat Tuan Speaker, pada tahun hadapan kerajaan negeri melalui YPKDT turut memberi fokus kepada anak-anak dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran di mana-mana institusi pendidikan untuk diberi kemahiran dan mampu memberi pendapatan kepada mereka. YPKDT telah mewujudkan satu program baru yang dikenali sebagai Skim Permulaan Perniagaan iaitu PEMULA. Melalui program ini, YPKDT akan bekerjasama dengan Giat MARA untuk memberikan dua jenis kursus kepada anak muda lepasan sekolah. Kursus ini akan berfokus kepada kursus dandanan rambut dan kursus mekanikal. Kursus dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan sebagai syarat kelayakan Sijil Kemahiran. Di akhirnya kita mensasarkan peserta ini akan melaksanakan perniagaan secara kecil-kecilan dengan kaedah *mobile preneur*. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Skudai, jemput.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 11.

Nyatakan keberkesanan Dasar Pengasingan Di Punca dengan menyatakan tanan (*tonnage*) sampah yang di kitar semula bagi setiap PBT mengikut kategori masing-masing setiap tahun bagi tahun 2015-September 2020 serta strategik kerajaan untuk meningkatkan kadar kitar semula di setiap PBT.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker terima kasih kepada Yang Berhormat Skudai yang tanyakan soal keberkesanan Dasar Pengasingan Di Punca dalam bentuk tan bagi setiap PBT. Dan apa strategi kerajaan untuk meningkatkan kadar kitar semula di setiap PBT. Yang Berhormat Tuan Speaker, setakat 1Jun 2016 hingga 31 Ogos 2020, sebanyak 31,289 surat ingatan mesra dan 85 notis kompaun telah dikeluarkan oleh SWCorp bagi seluruh negeri Johor. Sebanyak 201,140 premis telah diperiksa melibatkan 1,428 taman. Untuk makluman Berhormat, kempen Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca SAS, dilaksanakan pada September 2015 dan sehingga kini keseluruhannya menunjukkan peningkatan kadar 36%. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita lihat pencapaian di seluruh negara sebagai suatu perbandingan. Kadar pencapaian kitar semula di seluruh negara bagi tahun 2015, 15.7% tapi di pada tahun 2020 ini 30.67%. Trend peningkatan ini, jumlah kutipan kitar semula di negeri Johor menunjukkan bahawa pemahaman masyarakat berkaitan pengasingan sisa pepejal semakin baik dan usaha yang baik ini akan dilaksanakan secara berterusan.

Satu contoh yang saya nak sebutkan dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat ialah MBJB meningkat kadar kitar semulanya daripada 2015 kepada 2020 ini pada kadar 1,728%. Saya bacakan ya dari segi jumlah *tonnage* mengikut PBT Yang Berhormat secara ringkas dan laju. MBJB, 98 tan. MPKu, 41, MDBP 70, MBIP 89, Pasir Gudang 17 dan jumlah keseluruhannya bagi negeri Johor ialah 879 tan. Strategi yang kita buat, ataupun inisiatif

yang dijalankan sekarang ini ialah mempergiatkan lagi kempen dan taklimat berkaitan dengan pengasingan sisa pepejal di setiap peringkat seperti *world clean up day*. Aktiviti *trash to cash, waste to art,* kitar semula di sekolah-sekolah dan juga aktiviti kita *recycle.* Selain daripada itu memperbanyakkan tong kitar semula di kawasan kediaman untuk menggalakkan pembuangan bahan kitar semula dan pendedahan tentang program kitar semula *e-waste* dan pewartaan Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam dan peraturan pengurusan sisa pepejal pembersihan awam menetapkan penghasilan sisa dan pemungut sisa perlu memastikan sisa pepejal yang dibuang pengasingan terlebih dahulu serta janaan sisa yang dibuat perlu direkodkan. Itu beberapa inisiatif yang telah dijalankan di peringkat negeri dan insya-Allah untuk makluman Dewan yang mulia ini, salah satu perkara yang saya fokuskan dalam portfolio saya di bawah Kerajaan Tempatan ialah soal sampah ini Yang Berhormat. Dan kita nak jadikan sampah ini *waste to energy* dan juga *waste to wealth* untuk memastikan sampah ini kita boleh gunakan untuk tenaga dan juga untuk menjadi duit pada masa-masa yang akan datang. Itu sahaja Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ok, saya tamatkan soalan pada pagi ini, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama. Saya tangguhkan sehingga jam 11.20 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada 11.20 pagi.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2021) TAHUN 2020.

YB Speaker : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Kedua Bagi Enakmen Perbekalan 2021 Tahun 2020 disambung sekarang. Penggulungan Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa. Saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Salam perpaduan dan salam Makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu bersempena dengan sambutan hari ulang tahun, hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri Jajahan Takluk Johor Darul Takzim yang ke-62 pada 22 November 2020. Patik mengambil kesempatan ini merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih dan berdoa semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan negeri Johor kekal aman, makmur, maju dan rakyat hidupnya bermuafakat di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pertama-tamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada setiap seorang Ahli Dewan yang telah memberikan pandangan yang konstruktif, cadangan dan teguran kepada pihak kerajaan terutamanya beberapa isu di bawah portfolio saya yang meliputi perpaduan, perdagangan dan hal ehwal pengguna negeri Johor. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Haji Hasni bin Mohammad atas pembentangan Belanjawan Johor 2021 pada Khamis yang lepas.

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya berpantun sedikit. Cantiknya gelang pada ukiran, diserikan pula emas permata, berdaya tahan demi kemakmuran, inilah tema belanjawan Kita. (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Tuan Speaker, pejabat saya komited

untuk memperkasakan beberapa jentera dan menambah baik program melalui kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor dan Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna dan Negeri, KPDNHP seperti yang berikut :

1. Bersatu yang pertama, mempertingkatkan penganjuran Program *Communications For Behavior Impact* (COMBI) dan Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) melalui Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Bagi KRT yang berada di persisiran pantai Johor yang menjadi laluan masuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), Skim Rondaan Sukarelawan (SRS) akan diperkasakan dan untuk komuniti selamat, Konsep Komuniti Selamat melalui inisiatif seperti Satu Komuniti Satu Polis dan program e-Ronda.

3. Meningkatkan penyertaan kanak-kanak kaum Cina dan India di Tadika Perpaduan.

4. Menambah dan memperkasa peranan Pusat Mediasi Komuniti.

5. Bantuan bank makanan di mana KPDNHP merupakan salah satu agensi yang terlibat.

6. Jualan Makmur Johor akan diteruskan dan untuk makluman Tuan Speaker, usaha yang berikut akan dilaksanakan melalui media sosial iaitu:

    i. Membantu rakyat untuk pendaftaran syarikat melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

    ii. Meningkatkan kesedaran perniagaan secara francais.

    iii. MyIPO (Perbadanan Harta Intelek).

So, Yang Berhormat Bekok, dalam perbahasan beliau telah meminta supaya semua program perlulah melibatkan semua kaum bagi menyuntik semangat perpaduan. Dan untuk makluman Yang Berhormat, usaha telah pun bermula melalui Jabatan Perpaduan di mana program-program yang dianjurkan serta lantikan jawatankuasa (RT) perlu melibatkan semua kaum sebagaimana garis panduan yang telah diberikan.

Selain itu, Jabatan Perpaduan juga sedang meneliti cadangan yang dikemukakan oleh penyelidik daripada(UTM) Universiti Teknologi Malaysia untuk membuka tawaran melantik pengasuh-pengasuh berbangsa Cina dan India di Tadika Perpaduan sebagai langkah untuk menarik minat kaum selain Melayu, menghantar anak-anak mereka ke Tadika Perpaduan.

Dan Yang Berhormat Mengkibol turut membangkitkan isu mengenai arahan menurunkan papan tanda perniagaan oleh pihak PBT dan pihak saya telah turun padang selepas menerima aduan mengenai isu ini dan terdapat kemungkinan ada pihak yang cuba mengambil kesempatan ini untuk menimbulkan isu perkauman. Oleh sebab itu, pihak pejabat saya akan membuat penyelarasan dengan YB EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meneliti dasar-dasar dan undang-undang yang sedia ada mengenai perkara-perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sepanjang perbahasan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, ramai di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat turut membangkitkan perkara berkaitan dengan kesan-kesan sosial akibat krisis pandemik COVID-19 seperti Yang Berhormat Maharani, Yang Berhormat Johor Jaya, Yang Berhormat Yong Peng, Yang Berhormat Stulang, Yang Berhormat Paloh dan ramai lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, terdapat beberapa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang menubuhkan Pusat Mediasi Komuniti, di mana pusat ini berperanan dalam membantu masyarakat ataupun komuniti menyelesaikan masalah yang dihadapi. *Mediator* yang dilantik dalam pusat ini adalah mereka yang bertauliah, yang *qualified* dan telah diberikan latihan yang sewajarnya, untuk membantu bukan saja masalah yang dihadapi dalam komuniti tapi juga masalah keganasan dalam keluarga, tentu termasuk isu Yang Berhormat Stulang bangkitkan burung ke apa dan pihak Jabatan Perpaduan akan mengadakan kerjasama dengan Yang Berhormat EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Yang Berhormat EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar bagi membantu permasalahan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Endau dan Pasir Raja dalam perbahasannya menyentuh mengenai inisiatif bantuan bank makanan untuk golongan yang amat memerlukan. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, inisiatif ini akan diselaraskan oleh Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEN), SUK bawah Khidmat Pengurusan dan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor (KPDNHP).Dan pejabat saya akan memastikan bahawa inisiatif ini dilaksanakan sebaik mungkin dan mengambil kira pandangan yang disampaikan oleh wakil-wakil rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker kerajaan sedang dalam perancangan agar bantuan bank makanan ini dilaksanakan secara tersusun dan bersasar di mana rakyat yang benar-benar terjejas akan mendapat bantuan mengikut keperluan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Bentayan memberikan cadangan dalam menambah baik inisiatif Jualan Makmur Johor (JMJ), di mana Yang Berhormat Bentayan telah mencadangkan supaya pemberian baucar secara tunai diberikan kepada rakyat B40 yang tidak tahu penggunaan secara atas talian dan seterusnya membantu peniaga dan peruncit tempatan. Pejabat saya menerima baik cadangan tersebut dan akan meneliti kesesuaian pelaksanaannya. Dan untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, sehingga 30 hari bulan November 2020, seramai 39,500 pengguna telah berjaya mendapat manfaat daripada program ini. Baucar sebanyak RM20.00 telah pun dikreditkan kepada semua pengguna dengan jumlah sebanyak RM790,000.00 seperti yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Panti ada memberikan cadangan dan perbahasan mengenai platform e-dagang. Pejabat saya bersetuju dan menggalakkan peniaga-peniaga terutamanya dalam sektor peruncitan, untuk menjalankan perniagaan mereka secara atas talian, *online* dan pejabat saya akan meneliti perkara-perkara yang di *highlight* oleh Yang Berhormat Panti, supaya peniaga-peniaga ini tidak dikenakan caj-caj yang boleh menyebabkan mereka rugi apabila menggunakan platform e-dagang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi saya peluang untuk menggulung perbahasan Belanjawan 2021 khususnya bagi portfolio Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor. Dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat atas keprihatinan anda khususnya untuk kedua-dua sektor ini. Dan pejabat saya akan memberi perhatian sepenuhnya terhadap semua teguran, cadangan dan komen serta akan berusaha melaksanakan setiap cadangan yang sesuai yang telah dikemukakan kepada saya. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Salam sejahtera dan salam makmur Johor. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan di Mesyuarat Ketiga Belanjawan Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Patik ingin merakamkan ucapan merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November yang lalu. Semoga negeri Johor Darul Ta'zim akan terus makmur, aman di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Sukacita juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang telah membentangkan Belanjawan Negeri Johor 2021 bertemakan Berdaya Tahan Demi Kemakmuran. Belanjawan kali ini adalah bersifat dengan izin *unprecedented*. Belanjawan ini akan menentukan sama ada ekonomi kita di Johor mampu melonjak balik seperti dahulu atau sebaliknya.

Adakah masyarakat kita dapat menjalani kehidupan yang normal seperti sebelum ini, pasca COVID-19 atau kita hidup dalam fasa norma baharu. Di saat kita menentang wabak ini, ada di antara kita yang telah ditimpa kesusahan. Ada juga yang mengharapkan peluang kedua, maka belanjawan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat ini akan membawa Johor ke arah kalis masa hadapan pasca COVID-19 dan memastikan kebajikan rakyat tidak diabaikan atau lebih tepat, *no Johorean left behind.*

Yang Berhormat Tuan Speaker, 2020 kita telah dikejutkan dengan serangan musuh yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, yang bernama COVID-19. Kemunculannya di Malaysia adalah di mana sejak kemunculan kita telah banyak belajar dan menimba seribu satu pengalaman sehinggakan ia pertama kali dalam sejarah. Satu penyakit yang memaksa kita menghadapi cara hidup yang baharu atau lebih tepat norma baharu bagi mengekang COVID-19.

Menerusi persidangan kita dari26 November sehingga ke hari ini, telah saya lihat di dalam Dewan yang mulia ini pelbagai maklum balas yang diberikan sama ada dalam bentuk soalan, cadangan, sokongan mahu pun teguran yang dilontarkan oleh pihak di seberang sana,mahu pun rakan-rakan saya di pihak sini telah saya ambil maklum. Sebelum saya menjawab soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di sini saya juga ingin mengambil sedikit masa untuk kita memberikan setinggi-tinggi penghargaan kita dan terima kasih kepada barisan *front liners* kita.

Pihak Jabatan Kesihatan, pihak Polis, Angkatan Tentera Malaysia, APM, RELA dan pelbagai agensi yang memainkan peranan besar dalam menjaga kita tidak kira dari segi keselamatan, kesihatan, mahupun sebaliknya tatkala kita menghadapi pandemik COVID-19 tanpa lelah. Terima kasih saya ucapkan. Saya memahami keperitan, penat lelahnya barisan *front liners* dalam menjaga sempadan kita dan memberikan keutamaan kesihatan kita semua.

Saya melihat dengan kaca mata saya sendiri dan juga telah bersama dengan mereka. Keperitan dan penat lelah mereka ini tidak harus dipandang sebelah mata, malah mereka seharusnya diberikan penghargaan yang setimpal atas jasa mereka terhadap negeri ini. Sebagai penghargaan ke atas pengorbanan masa dan diri mereka, demi keselamatan dan kesihatan kita, dalam Belanjawan Johor 2021 menerusi agenda Johor Madani seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta secara keseluruhan tidak termasuk komitmen oleh kerajaan persekutuan kepada barisan *front liners* yang kita sanjungi.

Saya berharap peruntukan ini dapat memberi sedikit kekuatan kepada *front liners* kita untuk terus berjuang menentang COVID-19 bersama. Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam sidang dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, selain daripada mengekang COVID-19 janganlah kita lupa akan musuh yang jauh tapi lagi nyata iaitu perubahan iklim dan pencemaran alam sekitar. Dalam pembentangan Belanjawan 2021, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menekankan akan agenda Johor Madani iaitu membawa masyarakat Johor lebih maju dan alam sekitar merupakan antara tiang yang menggerakkan agenda tersebut.

Bagi konteks alam sekitar pula, belanjawan ini mempunyai visi dengan membawa Johor mendepani perubahan iklim dan peningkatan pemeliharaan hutan. Sebanyak 17 inisiatif yang diketengahkan dan 4 perkara iaitu :

1. Pemuliharaan hutan dan *biodiversity.*
2. Pemuliharaan ekosistem dan sungai.
3. Tenaga yang diperbaharui iaitu *renewal energy* dan sisa pepejal.
4. Aktiviti rendah karbon.

Apa yang saya boleh katakan adalah belanjawan ini merupakan satu wadah baharu bagi mengatasi permasalahan kesihatan mahupun alam sekitar. Belanjawan ini berbentuk satu kalis hadapan, *a future proof*, dengan izin, dalam mendepani COVID-19, perubahan iklim dan alam sekitar.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Semerah berkenaan dengan kesiapsiagaan Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Di negeri Johor, terdapat 6 buah hospital berpakar dan sebuah institusi khas yang menyediakan perkhidmatan kepakaran psikiatri. Buat masa ini, terdapat 29 orang pakar psikiatri di negeri Johor seperti taburan berikut: Hospital Permai, 11 orang; Hospital Sultanah Aminah, 5 orang; Hospital Sultan Ismail, 3 orang; Hospital Sultanah Nora Ismail Batu Pahat, 4 orang; Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar, 2 orang; Hospital Segamat, 2 orang; Hospital Enche Besar Hajah Kalsom Kluang, 2 orang. Bagi hospital tanpa pakar terdapat lawatan pakar psikiatri ke daerah tersebut seperti berikut: Hospital Mersing satu bulan sekali; Hospital Kota Tinggi, tiga kali sebulan; Hospital Kulai, dua kali sebulan; Hospital Tangkak, dua kali sebulan.

Pada tahun 2021, terdapat perancangan pertambahan pakar bagi daerah Johor Bahru, Muar dan Segamat.

Bagi kesihatan mental, di antara langkah yang diambil adalah memperkasakan masyarakat untuk lebih pro aktif mendapatkan informasi menangani masalah kesihatan mental iaitu *coping mechanism* melalui pelbagai webinar yang disediakan oleh badan kerajaan atau agensi NGO yang berkepentingan. Kerajaan negeri juga dalam, sedang mengusulkan satu cadangan untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas di mana kertas kerja berkaitan sedang dibangunkan untuk dibentangkan kepada kerajaan negeri pada tahun 2021. Cadangan namanya adalah *Healthy Mind Squad Team* (*HeMS Team*). Ia akan melibatkan jabatan kerajaan yang mempunyai perjawatan Pegawai Psikologi seperti Jabatan Kesihatan, Pendidikan, SUK Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, LPPKN dan mana-mana jabatan lain dengan Pegawai Psikologi.

Yang Berhormat Semerah juga telah pun bertanyakan berkaitan dengan vaksin. Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk maklumat, terdapat empat jawatankuasa kerja yang telah ditubuhkan di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan bekalan vaksin COVID-19 diperolehi dengan segera, selamat dan sempurna. Salah satu pelan perolehan adalah berkaitan penyimpanan vaksin tersebut. Satu mesyuarat penyelarasan berkaitan perincian pelan perolehan ini juga telah diadakan pada 2 Disember 2020 bagi tujuan

penyelarasan. Pembelian vaksin COVID-19 akan dibuat berdasarkan pertimbangan terhadap kos keseluruhan bagi memastikan vaksin yang dipilih adalah selamat, efektif, berkualiti serta memberikan pulangan nilai terbaik kepada kerajaan. Vaksin perlu didaftarkan dengan Bahagian *Regulatory* Farmasi Negara sebelum ianya boleh dibuat perolehan. Kaedah pengedaran dan penyimpanan vaksin adalah bergantung kepada jenis vaksin, kuantiti perolehan dan julat suhu penyimpanan. Ketersediaan fasiliti kesihatan untuk menyimpan vaksin yang di bawah paras sejuk beku -70 darjah Celsius dan penyediaan keperluan tambahan dari segi peralatan penyimpanan dan kelengkapan infrastruktur sedang giat diusahakan. Pengurusan rangkaian sejuk perlu dilaksanakan selari dengan garis panduan amalan pengedaran baik iaitu *good distribution practice* yang dikeluarkan oleh Bahagian Farmasi Negara agar kualiti vaksin tersebut sentiasa terjamin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu denggi sememangnya menjadi perhatian dari Jabatan Kesihatan. Penyakit demam denggi menjadi salah satu beban penyakit yang tertinggi di negeri Johor. Jabatan Kesihatan Negeri Johor sentiasa komited dalam menjalankan usaha bagi memerangi penyakit demam denggi. Kawalan penyakit demam denggi ini memerlukan kerjasama dari semua pihak terutama masyarakat setempat kerana ia sangat berkait rapat dengan tingkah laku. Kerajaan negeri Johor telah memberi komitmen yang tinggi kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor seperti yang dizahirkan dalam pelancaran Program Johor Perangi Denggi. Di samping itu, bantuan daripada agensi-agensi seperti PBT telah membantu dalam aktiviti kawalan denggi serta memberi bantuan sumber.

Sejak pelancaran Johor Perangi Denggi, kes denggi telah menurun daripada 39 kes seminggu kepada 160 kes seminggu. Dan antara usaha yang dilakukan adalah aktiviti kawalan rektor secara berterusan bagi setiap kes dan wabak sentiasa dijalankan dan aktiviti ini juga dibantu oleh agensi-agensi yang berkaitan. Antara usaha lain ialah edukasi dan mobilisasi sosial bersama *inter* agensi melalui Kempen Johor Perangi Denggi yang dilancarkan termasuk program-program seperti *One Hour Johor Clean Up*, I-PAD Program iaitu Inisiatif Pemimpin Advokasi Denggi, Komuniti Denggi *Watcher*, Kempen Rumahku Bersih Bebas Denggi, Program Gotong-Royong Mega Perangi Denggi, *Media Campaign Empowerment*, dengan izin, Program Masjid Bebas Denggi dan juga COMBI.

Selain daripada itu, pelbagai aktiviti pendidikan kesihatan juga dijalankan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai di mana sebanyak 1,165 hebahan awam dan 116 info grafik berkenaan cara pencegahan demam denggi telah pun dijalankan, 118,274 risalah dan poster telah diedarkan, tiga sesi temu bual dan 11 video telah pun dihasilkan. Pada masa yang sama juga, operasi penguatkuasaan bagi Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1976 juga telah dijalankan. Sebanyak 3,087 kompaun telah dikeluarkan dengan nilai kompaun yang ditawarkan adalah sebanyak RM1,548,500.00 dan 25 kes dibawa, didakwa di mahkamah. Dan dari segi konteks di peringkat daerah pula, Majlis Tindakan Daerah akan menjadi peneraju keseluruhan program Johor Perangi Denggi ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Yong Peng berkenaan dengan satu kes kematian denggi pada 21 September 2020 yang lalu di Taman Seri Aman, Yong Peng. Penyakit demam denggi berpunca daripada pelbagai faktor. Oleh itu, ia memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak bagi memastikan demam denggi ini dapat dikawal.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Perling dan Ahli Dewan sekalian, antara kekangan bagi pemeriksaan premis individu ialah akses ke dalam premis atas pelbagai faktor seperti penghuni bekerja, bekerja keluar di tempat lain, rumah kosong dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan terdapat premis yang tidak dapat dimasuki kerana penghuni bekerja di Singapura atau warga Singapura tidak dapat memasuki Malaysia. Pihak kesihatan akan berusaha untuk mencari pemilik atas bantuan daripada jiran-jiran dan ketua komuniti untuk memaklumkan kepada pemilik tentang keperluan bagi membersihkan

rumah. Bagi premis-premis yang masih tidak dapat dimasuki walaupun lawatan susulan telah dijalankan, Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 akan digunakan bagi tujuan pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi. Bagi tujuan ini, notis seksyen 5A serta pencarian pemilik untuk dihubungi akan dilakukan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan isu keadaan fasiliti kesihatan di hospital-hospital seluruh negeri Johor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Semerah, suka saya ingin kongsikan bagi tahun 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia telah meluluskan peruntukan pembangunan di bawah Butiran Projek 00600 Naik taraf, Ubahsuai dan Pembaikan kepada negeri Johor yang berjumlah RM13,348,074.31 yang merangkumi 90 projek. Walau bagaimanapun, hanya RM8,248,074.31 yang telah diturunkan waran pada tahun ini dengan mengambil kira projek yang boleh dilaksanakan dan dibayar dalam tahun semasa yang merangkumi 92 jumlah projek. Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2020 ini juga didapati telah meningkat sebanyak 276.08% berbanding jumlah peruntukan yang telah diluluskan pada tahun 2019.

Agihan peruntukan bagi fasiliti yang terlibat adalah seperti berikut: bagi fasiliti hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia telah meluluskan peruntukan berjumlah RM8,239,104.60 yang merangkumi 51 projek. Bagi fasiliti klinik kesihatan, peruntukan yang telah diagihkan bagi tujuan pembaikan dan naik taraf adalah berjumlah RM2,298,012.40. Saya pergi sampai ke sen secara teliti untuk Yang Berhormat Semerah ni yang melibat 9 projek. Seterusnya, peruntukan turut diagihkan kepada fasiliti klinik desa yang berjumlah RM511,921.21 melibatkan 7 klinik desa dan 7 buah klinik pergigian berjumlah RM498,003.10. Bagi menjaga kebajikan kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia yang menduduki kuarters, peruntukan bagi pembaikan kuarters turut disalurkan yang berjumlah RM646,880.00 yang melibatkan pembaikan ke atas 16 unit kuarters. Seterusnya, KKM turut meluluskan peruntukan bagi sektor sokongan bagi tujuan kelangsungan mutu perkhidmatan kepada rakyat termasuk menaik taraf makmal penyediaan *wellness up* dan lain-lain merangkumi 7 projek yang berjumlah RM1,242,353.00.

Cadangan klinik desa untuk dijadikan tempat pengambilan ubat susulan mengikut temu janji juga merupakan salah satu cara untuk mengurangkan kesesakan di kaunter farmasi. Perkhidmatan nilai tambah yang sesuai diguna pakai di kaunter klinik desa adalah cara pembekalan ubat susulan setempat di mana ubat-ubat pesakit yang telah ada temu janji untuk pengambilan bulan kedua dan seterusnya akan dibungkus dan dihantar ke klinik desa yang telah dikenal pasti, seterusnya pesakit akan mengambil ubat di klinik tersebut. Bukan sahaja pesakit di kawasan berkenaan, malahan boleh ditawarkan kepada pesakit-pesakit yang tinggal di kawasan berhampiran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Tiram melontarkan isu berkaitan dengan caj dan fasiliti-fasiliti. Untuk makluman semua, hospital Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan kajian kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan hospital setiap tahun. Data di kumpul melalui kaedah *sequel*, keputusan kajian bagi negeri Johor bagi tahun 2019 menunjukkan 96.1% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Manakala kajian pada tahun 2018 menunjukkan 97.8% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

Setiap tahun Kementerian Kesihatan Malaysia akan meluluskan pembelian peralatan perubatan bagi tujuan tambahan berdasarkan pertambahan beban kerja dan perkembangan perkhidmatan juga penggantian bagi peralatan yang telah dilupuskan. Walau bagaimanapun, kelulusan pembelian dilakukan secara berperingkat. Walaupun perjawatan tidak mencukupi bagi perkhidmatan sedia ada, bagi menangani isu kekurangan petugas, bermula sejak tahun 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mendapat jawatan secara lantikan kontrak terdiri daripada pelbagai kategori jawatan termasuk pegawai perubatan,

pegawai pergigian, farmasi, jururawat, penolong pegawai perubatan dan pegawai kesihatan sains bersekutu.

Untuk makluman caj yang dikenakan oleh hospital swasta di negara ini dikawal di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1988 melalui Jadual ke-13 di dalam Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta. Peraturan ini mengawal antara lain berkaitan fi perundingan konsultasi dan fi tatacara iaitu fi ke atas prosedur yang dilakukan ke atas pesakit. Memang terdapat had minima dan maksima yang telah ditetapkan ke atas fi perundingan tersebut. Bagi fi tatacara pula hanya kadar maksimum telah pun ditetapkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkaitan dengan isu yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Pulai Sebatang tentang ujian-ujian saringan COVID-19 secara bersasar, terutama bagi mukim atau kawasan yang mengalami peningkatan yang mendadak. Jabatan Kesihatan telah menetapkan beberapa kriteria sebagai panduan kepada anggota kesihatan di fasiliti kesihatan untuk menjalankan penilaian risiko dan ujian COVID-19 sekiranya perlu kepada pesakit yang hadir ke fasiliti kesihatan. Iaitu pelanggan yang hadir dengan gejala demam, mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko terutama zon-zon merah, sejarah berhubung dengan kes-kes positif COVID-19 atau mempunyai ahli keluarga, rakan sekerja, asrama, sekolah atau mana-mana institusi yang mempunyai kluster bergejala. Selain itu, bagi kawasan-kawasan diisytiharkan sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) keseluruhan penghuni di kawasan tersebut akan dijalankan ujian COVID-19 sebagai contoh semasa PKPD di Bandar Baru Ibrahim Majid dan Institut Kemahiran Kesihatan Malaysia.

Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Skudai bertanyakan berkenaan dengan bau pandan di sungai. Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan pemeriksaan terhadap premis-premis yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran dan masalah bau pandan dalam air mentah yang terletak dalam Lembangan Sungai Johor termasuk di kawasan perindustrian Bandar Tenggara dan kawasan perindustrian di sekitar Kulai – Kota Tinggi, sekitar Jalan Kulai – Kota Tinggi. Berdasarkan pemeriksaan terhadap keseluruhan 17 premis di kawasan tersebut, Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan sebanyak 8 tawaran kompaun berjumlah RM16,000.00 berserta 5 notis arahan pembaikan di bawah Seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling. Walau bagaimanapun, punca yang menyebabkan air berbau pandan masih belum dikenal pasti dan siasatan serta pemantauan kawasan berkenaan akan diteruskan.

Keduanya, adalah berkaitan dengan Sungai Kopok yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tiram, Jabatan Alam Sekitar memandang serius isu pencemaran sungai kerana berpotensi menyebabkan sumber air tercemar, memudaratkan ekosistem setempat dan juga menjejaskan kehidupan harian masyarakat secara umum. Bagi menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan pemeriksaan yang berterusan ke atas premis-premis industri yang beroperasi di kawasan perindustrian Tanjung Langsat termasuk yang melepaskan efluen ke Sungai Daing dengan Sungai Kopok di Kampung Perigi Acheh. Sejak tahun 2019 sehingga kini, tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas industri-industri yang tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling merangkumi 52 notis arahan, 150 kompaun, 2 penahanan kelengkapan operasi dan 10 kertas siasatan disediakan untuk tindakan pendakwaan.

Yang Berhormat Speaker, isu-isu berkaitan dengan sungai mula mendapat perhatian pelbagai pihak sejak akhir-akhir ini yang mahukan kerajaan negeri mengambil tindakan tertentu bagi memastikan permasalahan berkaitan pencemaran sungai ditangani dengan bijak dan berkesan. Sebagai contoh, isu pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim menjadi isu utama sehingga kini. Sungai Kim-Kim ini merentas kawasan utama pembangunan di Johor Bahru dan di kategorikan sebagai amat tercemar. Selain itu, isu

pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim yang berlaku pada tahun lepas masih menjadi topik perbualan masyarakat sehingga kini.

Perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permas Jaya, kerajaan persekutuan telah menjalankan kajian *Caring Capacity* Pencemaran di Pasir Gudang pada tahun 2019 dengan melibatkan kepakaran teknikal daripada Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai pelaksana dan bersama-sama melibatkan input pelbagai agensi kerajaan negeri. Kajian ini melibatkan perkongsian maklumat dan di antara kerajaan negeri dan persekutuan supaya maklumat yang sama dapat diperolehi dari semua jabatan dan agensi seterusnya hasil kajian dapat dikongsi bersama dan tindakan penyelesaian dapat diambil.

Selanjutnya, inisiatif Pelan Rehabilitasi Sungai Kim Kim telah diluluskan di bawah peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM500,000.00. Peruntukan ini akan disalurkan kepada JPS Johor dan akan melibatkan kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar Johor serta 4 buah universiti. Inisiatif ini akan melibatkan Pembangunan Pelan Taman Eko, Program Kesedaran Awam kepada komuniti setempat dan pelajar sekolah serta aspek kesihatan dan panduan kecemasan sekiranya berlaku bencana. Inisiatif ini akan dijalankan secara berterusan setiap tahun secara berfasa dan fasa pertama pada tahun 2021 akan menyebabkan peruntukan sebanyak RM500,000.00. Perancangan pemulihan Sungai Kim-Kim perlu lebih berholistik dalam mematikan keberkesanannya. Dan oleh yang demikian, inisiatif yang melibatkan kerjasama 4 buah Universiti iaitu UTM, UTHM, UTEM dan USIM ini mampu memulihkan Sungai Kim-Kim secara berperingkat.

Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Penggaram berminat dengan Program Sifar Sampah yang akan dilaksanakan oleh Perbadanan Taman Negara. Kita akan pastikan program ini tidak akan menjadi seperti program hangat-hangat tahi ayam seperti mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Penggaram dan saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Program ini akan dijalankan di Kampung Benteng, Air Masin Kukup Laut dan Pulau Kukup. Program Sifar Sampah atau *Zero* Sampah ini dilaksanakan bagi mengurangkan pencemaran sisa pepejal terapung di kawasan Pulau Kukup dan kawasan sekitarnya. Persekitaran yang bersih dan berkualiti ini juga dapat menggalakkan ekopelancongan di persekitaran kawasan Kukup, sebab itu kita mengambil serius tentang program ini.

Yang Berhormat Speaker, berkenaan dengan isu Santuari Gajah Johor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senggarang dan YB-YB daripada daerah Kota Tinggi, YB Panti, Yang Berhormat Johor Lama dan Sedili. Untuk makluman, bagi projek pembangunan *Johor Elephant Sanctuary* Fasa 2, 2019-2023 dalam tahun 2021, kerajaan persekutuan menerusi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara akan memperuntukkan sebanyak RM7 juta bagi menjalankan projek-projek seperti berikut :

1. Pembangunan sumber kemudahan pelawat.
2. Pembangunan sumber pengkayaan habitat.
3. Pembinaan halangan fizikal dan sistem pagar elektrik gajah.
4. Perolehan peralatan latihan dan kajian berkaitan gajah.
5. Program bersama masyarakat setempat dan penyediaan pelan pengurusan.

Pelaburan projek pembangunan yang besar ini menggambarkan keseriusan kerajaan dalam mengurangkan permasalahan gangguan gajah ke atas kawasan-kawasan pertanian di seluruh negeri Johor. Di samping itu, pembangunan kemudahan bagi pelawat juga akan berfungsi sebagai ekopelancongan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman fungsi *Johor Elephant Sanctuary* ialah pengurusan gajah secara *in situ* memang telah berfungsi sebaik sahaja projek JES telah diserahkan kepada jabatan pada 13 September 2020 yang lalu. Seramai 13 orang kakitangan PERHILITAN juga sudah ditempatkan setakat ini. Mereka akan menjalankan

program pengurusan gajah terutamanya yang melibatkan operasi tangkapan gajah, pemantauan kumpulan gajah, pengurusan sistem pagar elektrik gajah, menjalankan sesi *engagement* dengan *stake holders* yang terlibat serta menjalankan program kesedaran awam berkaitan dengan gajah.

Kita sedia maklum bahawa kejadian konflik antara manusia dan hidupan liar seperti gajah di kawasan pertanian adalah kerana kurangnya sumber makanan yang terdapat di dalam hutan. Selain itu, jenis pertanian utama yang ditanam seperti kelapa sawit, pisang dan kelapa merupakan makanan kegemaran gajah. Oleh itu, saya amat bersetuju dengan pendapat Senggarang agar pembukaan hutan dan habitat hidupan liar ini perlu diberhentikan atau jika ianya terpaksa juga dibuat, pelbagai usaha pemulihan habitat perlu dijalankan bagi memastikan sumber makanan hidupan liar ini terus terjamin. Jabatan PERHILITAN Negeri Johor amat prihatin dan kita akan pastikan bahawa tindakan susulan akan diambil.

Yang Berhormat Pasir Raja, membangkitkan mengenai gangguan hidupan liar seperti babi hutan, gajah dan kera. Malah ketiga-tiga spesies hidupan liar ini merekodkan gangguan yang tertinggi diterima oleh pihak PERHILITAN Negeri Johor. Walau bagaimanapun, sepanjang tahun 2019, hanya 12 aduan berkaitan konflik kera dan tiada aduan berkaitan konflik gajah diterima oleh pihak jabatan di kawasan Pasir Raja. Manakala tempoh September hingga November 2020 hanya 6 aduan gangguan kera diterima. Sehubungan itu, Jabatan PERHILITAN dengan usaha, berusaha untuk menyelesaikan dan mengurangkan populasi kera di Kawasan DUN Pasir Raja melalui tindakan berikut : menjalankan siasatan dan pemantauan bagi setiap aduan, memasang perangkap dan melupuskan kera-kera yang ditangkap, mengambil tindakan secara menembak mati kera-kera tersebut jika usaha memerangkap tidak berkesan atau gangguan melibatkan serangan ke atas manusia dan juga memberi khidmat nasihat dan perbincangan dengan masyarakat setempat.

Sebelum saya berakhir Yang Berhormat Speaker, ramai daripada kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat bertanyakan tentang Kad Sihat Johor. Suka ingin saya kongsikan bahawa Program Kad Sihat Johor masih lagi diteruskan bagi tahun 2021. Untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, secara dasarnya pelaksanaan Kad Sihat Johor ini bertujuan untuk membantu golongan kumpulan B40, B40 di negeri Johor. Pada tahun 2018, penerima Kad Sihat Johor pada fasa pertama ialah adalah disasarkan kepada golongan e-Kasih bagi setiap daerah di negeri Johor iaitu maksimum seramai 4,000 orang penerima yang telah diperuntukkan, memperuntukkan sejumlah RM1.2 juta.

Pada tahun 2020, penerima Kad Sihat Johor pada fasa kedua ini disasarkan seramai 47,600 orang penerima dengan peruntukan adalah sebanyak RM2 juta. Selain dari itu, pemilik Kad Sihat Johor ini berhak menerima rawatan kesihatan dan perubatan hospital, klinik swasta di 287 klinik panel. Di samping itu, Kad Sihat Johor yang ditawarkan bernilai RM500.00 setahun bagi keluarga, RM350.00 bagi setiap individu dengan had penggunaan RM50.00 bagi setiap rawatan.

Berdasarkan statistik penggunaan Kad Sihat Johor pada tahun 2020, jumlah keseluruhan penerima Kad Sihat adalah sebanyak 24,400 orang penerima iaitu sekitar 51.26% sahaja berbanding dengan kuota keseluruhan penerima yang diperuntukkan iaitu sebanyak 47,600 orang. Hal ini disebabkan oleh kebanyakan kuota di setiap DUN tidak dapat dipenuhi yang menyebabkan impak Kad Sihat Johor 2020 kurang menampakkan hasil. Pihak kerajaan negeri sedang meneliti mekanisme yang lebih produktif dan berkesan bagi pelaksanaan Kad Sihat Johor bagi tahun 2021. Sekiranya mekanisme yang lebih produktif dan berkesan dapat dikenal pasti, pihak kerajaan akan mengumumkan supaya pemegang Kad Sihat ini dapat menikmati manfaatnya secara berterusan di masa hadapan dan kita juga akan

memaklumkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kuota penerima Kad Sihat Johor bagi tahun 2021 adalah sebanyak 47,000 seperti mana saya katakan tadi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai EXCO yang menjaga hal ehwal masyarakat India di negeri Johor, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar menerusi Ucapan Bajet mengumumkan penambahan peruntukan bagi masyarakat India kepada RM4 juta bagi tahun 2021.

Menjawab soalan daripada YB Bekok dan YB Tiram, Yayasan Sultanah Rogayah akan meneliti segala permohonan dan akan memastikan setiap permohonan diberi perhatian termasuklah kepada kuil-kuil dan sekolah-sekolah Tamil.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kesimpulan daripada ucapan, jawapan dan cadangan yang telah saya utarakan sedikit sebanyak dapat memberi pencerahan kepada sesi sidang Dewan akan soalan dan perkara yang diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Akhir sekali, selaku EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar, saya amat berbangga dengan jabatan dan pasukan yang berada di bawah portfolio dalam keadaan pandemik COVID-19 yang tidak tahu penamatnya mereka bekerja keras tanpa mengenal penat lelah, bertungkus lumus memastikan kualiti hidup kita dan keselamatan kita terjaga. Pengorbanan mereka saya hargai. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ketua-ketua jabatan mahupun di peringkat negeri dan juga di peringkat pusat kerana sentiasa memberi kerjasama dalam segala aspek untuk memastikan kita memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya, saya telah cuba yang terbaik untuk memberi semua jawapan kepada semua isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang, tindakan susulan akan diambil oleh ketua-ketua jabatan saya. Semoga segala yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh dijernihkan, yang kurang ditambahkan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera dan salam Makmur Johor Tuan Yang DiPertua, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari pihak kerajaan mahupun barisan pembangkang dan seterusnya Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati dan dikasihi dan dimuliakan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merafak sembah, menjunjung kasih dan merakamkan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 yang lalu. Semoga ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dikurniakan kesihatan, kekuatan dan keberkatan untuk terus kekal kala bersemayam di atas singgahsana takhta pemerintahan dengan penuh kebesaran, kedaulatan dan kesejahteraan jua hendaknya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bertemu sekali lagi dalam sesi penggulungan kali ini terlebih dahulu bagi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang

Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi soal jawab mahupun sesi perbahasan kerana telah memberi input, pandangan, syor serta idea yang bernas dan tidak lupa juga teguran yang boleh diambil perhatian dan diimplementasikan ke arah kebaikan oleh kerajaan demi kemakmuran serta kesejahteraan negeri dan rakyat Johor khususnya.

Di sini izinkan saya berkongsi sepotong ayat suci al-Quran (bacaan Surah Al-Maidah Ayat 2). Petikan surah Al-Maidah ayat 2. Terjemahan petikan ayat tersebut bermaksud, " Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa. Dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sesungguh seksa Allah itu amatlah berat sekali". Sekalung tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah berjaya mewujudkan satu sesi sidang yang harmoni dengan penjagaan adab dan bahasa yang baik ketika beraksi dalam Dewan yang mulia ini. Saya memandang ke hadapan agar amalan ini dapat diteruskan dan dikekalkan pada sesi-sesi sidang yang akan datang. Sebelum saya meneruskan ucapan penggulungan saya, izinkan saya belanja serangkap pantun buat hiburan serta pedoman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan hadirin yang di Dewan yang mulia ini. Singgah di Benut membeli berangan, enak dimakan satu persatu. Berbeza ideologi bukan satu halangan, demi rakyat marilah kita bersatu padu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sepanjang sesi sidang Mesyuarat Ketiga Belanjawan 2020, Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 yang berlangsung, saya telah mengambil perhatian serius dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan sepanjang sesi sidang perbahasan bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2021 tahun 2020. Terdapat banyak perkara-perkara penting yang menjadi fokus utama kerajaan bagi mengadaptasikan situasi semasa dan seterusnya menangani serangan pandemik COVID-19. Dalam seminggu sidang perbahasan yang telah berlangsung, jelas sekali ada beberapa isu yang mendapat perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tidak kurang daripada 40 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian untuk membahaskan isu-isu berkaitan dengan Belanjawan Johor 2021 dan secara amnya isu-isu yang telah dibangkitkan adalah berkisar mengenai langkah dan usaha-usaha kerajaan dalam memelihara kebajikan serta kesejahteraan rakyat. Dan juga usaha kerajaan dalam meningkatkan aliran tunai pendapatan dan ekonomi negeri khususnya sektor pelaburan dan juga usaha kerajaan dalam sektor pembangunan usahawan dan koperasi, dan akhir sekali usaha kerajaan dalam memberi nilai tambah kepada pembangunan modal insan negeri ini agar isu berkaitan pengangguran dan pembaziran guna tenaga kerja dapat diatasi dan ditangani.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Datuk Haji Hasni Mohammad, amat peka dan prihatin terhadap kemaslahatan rakyat yang dihadapi dan sentiasa berusaha gigih dalam membantu meringankan beban dan seterusnya menyelesaikan permasalahan yang timbul. Kita faham akan situasi semasa terutamanya dalam menghadapi, mengadaptasi norma baru susulan pandemik COVID-19. Ramai pihak mahupun individu yang telah terkesan secara langsung. Ramai yang memerlukan bantuan mahupun sokongan dalam usaha untuk kembalikan bernafas dan meneruskan kelangsungan hidup yang telah terjejas. Saya yakin yang Ahli-Ahli Yang Berhormat semua turut bersependapat yang rakyat kini memerlukan wang, ilmu pengetahuan dan juga kemahiran untuk terus hidup dan kekal. Bantahan, bertahan dalam menempuh cabaran hidup dalam norma yang baru. Sehubungan itu, saya akan menstrukturkan ucapan penggulungan saya kepada tiga bahagian atau tiga kategori berdasarkan portfolio di bawah tanggungjawab saya yang kini menjadi perhatian dan topik yang hangat di ketika ini iaitu sektor pelaburan, sektor pembangunan usahawan, perniagaan serta koperasi dan akhirnya sektor pembangunan modal insan.

Saya akan cuba menjawab semua persoalan dan perkara yang berbangkit berkaitan 3 sektor yang dinyatakan tadi memandangkan ianya di bawah tanggungjawab saya serta bidang kuasa saya. Dan insya-Allah saya akan mengakhiri ucapan penggulungan saya

dengan mengulas kesimpulan peruntukan Perbekalan Belanjawan Negeri Johor bagi Tahun 2021.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti semua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, Belanjawan Johor 2021 memang telah dijangka akan menjadi belanjawan defisit susulan situasi semasa ekonomi seluruh dunia yang sedang berhadapan dan bergelut dengan keadaan luar biasa akibat penularan pandemik COVID-19. Unjuran belanjawan defisit sebanyak RM248 juta itu adalah disebabkan ketidakseimbangan hasil pendapatan negeri melalui cukai dan lain-lain lagi adalah jauh lebih rendah berbanding kos perbelanjaan yang tinggi yang terpaksa kerajaan peruntukan demi memelihara kebajikan serta keperluan rakyat selain memulihkan kembali pembangunan sosioekonomi negeri ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun membentangkan Belanjawan 2021 yang kita lihat amat realistik dan holistik bagi memacu negeri Johor menempuh cabaran mendatang khususnya pasca COVID-19. Sebanyak 12 agenda yang menjadi fokus utama yang terdiri, Johor Tani, Johor Digital, Johor Niaga, Modal Insan Johor, *Governance Johor*, *Majestic Johor*, Masyarakat Johor, Orang Muda Johor, Johor Madani, Johor Prihatin dan Johor Berkebajikan telah pun digariskan untuk diperlaksanakan pada tahun hadapan dan ianya dipandu oleh tiga objektif utama iaitu :

1. Menjamin ketahanan dan kelangsungan ekonomi
2. Memperkasakan dan memperdaya tahan kebajikan rakyat Johor
3. Menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negeri Johor

Saya yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bijaksana semuanya telah pun mengkaji dengan mendalam dan arif dengan segala isi kandungan belanjawan tersebut. Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri Johor yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak pernah mengenal erti lelah dalam mencari jalan penyelesaian segala krisis yang timbul dan seterusnya memacu kembali ekonomi negeri ini ke landasan yang asal dan yang lebih cerah. Kerajaan mengambil pendekatan serius berkenaan isu ekonomi mahupun tenaga kerja yang terkesan teruk akibat penutupan sempadan antarabangsa susulan penularan pandemik COVID-19. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mengkibol, Yang Berhormat Panti, Yang Berhormat Kukup, Yang Berhormat Stulang, Yang Berhormat Tenggaroh dan Yang Berhormat Bukit Batu dalam sesi perbahasan sebelum ini, sektor pelaburan turut tidak terkecuali dalam menerima kesan langsung yang buruk akibat pandemik COVID-19.

Saya tidak menafikan ada segelintir Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mempersoalkan malah mempertikaikan tentang status pencapaian atau nilai semasa sektor pelaburan. Adalah tidak adil bagi saya jika pertikaian dan perbandingan itu dibuat berdasarkan dua situasi dan keadaan yang berbeza iaitu julat masa atau tahun tanpa ancaman COVID-19, 2019 dibandingkan dengan julat tahun masa yang sekarang adalah faktor adalah berbeza. Saya juga tidak mahu menggunakan alasan bahawa COVID-19 adalah faktor utama penurunan kadar pelaburan tahun ini. Dan sentiasa mengamalkan sikap optimis dalam usaha menarik pelabur dan meningkatkan nilai pelaburan negeri Johor. Ini dapat dizahirkan dengan kejayaan membawa masuk nilai pelaburan sebanyak RM5.7 bilion selain daripada RM45 bilion nilai pelaburan yang sedang diusahakan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkaitan kebimbangan Yang Berhormat Bukit Batu mengenai strategi dan hala tuju sektor pelaburan negeri ini. Kebimbangan Yang Berhormat Bukit Batu akan terlerai dan terjawab apabila Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor Tahun 2030 dilancarkan pada tahun hadapan. Ini kerana semua informasi dan maklumat berkaitan Yang Berhormat perlukan ada terkandung dan diperjelaskan secara tuntas di dalam pelan tersebut. Memetik kenyataan Yang Berhormat Mengkibol mengenai cadangan agar kerajaan memberi insentif untuk menarik pelaburan baru, ianya sudah berada dalam perancangan

kerajaan di mana kerajaan negeri ini dalam usaha mempertimbangkan pemberian insentif berbentuk kemudahan rebat sewaan pejabat percuma kepada dewan atau majlis perniagaan dan pelaburan asing untuk memulakan operasi mereka di negeri ini. Ianya dilihat dapat menarik para pelabur ke negeri ini kerana mempunyai kemudahan bagi tujuan pengurusan. Namun begitu, inisiatif ini masih di peringkat kajian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menyentuh kepada sektor keusahawanan, ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian dan membangkitkan beberapa isu atau perkara berkaitan nasib para usahawan terutamanya golongan usahawan mikro dan PKS yang terjejas teruk dan hampir lumpuh susulan pelaksanaan arahan PKP, PKBB dan PKPB bagi membendung penularan pandemik COVID-19. Tidak dapat dinafikan ada di antara usahawan yang terpaksa gulung tikar kerana lagi mampu untuk meneruskan operasi perniagaan akibat mengalami kerugian yang amat tinggi dan berterusan. Kerajaan negeri ini amat peka dan prihatin dengan isu-isu yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Kota Iskandar, Yang Berhormat Machap, Yang Berhormat Endau dan Yang Berhormat Tanjung Surat, Yang Berhormat Parit Raja, Yang Berhormat Sedili, Yang Berhormat Penawar dan Yang Berhormat Paloh.

Sehubungan itu, kerajaan negeri telah pun mengumumkan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan juga peruntukan bagi membantu golongan usahawan yang terjejas ini. Antara program Geran Orang Lokal 3.0 jika sebelum ini peruntukan laksanakan program adalah sebanyak RM1.5 juta. Kerajaan negeri ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun berbesar hati menambahkan peruntukan sebanyak RM1.5 juta menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan adalah RM3 juta pada tahun 2021.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menarik pada Yang Berhormat Endau, Yang Berhormat Tanjung Surat dan Parit Raja yang menyatakan cadangan memohon pihak kerajaan untuk melanjutkan tempoh pengecualian bayaran lesen perniagaan selain dapat menyambung semula pengecualian bayaran tapak perniagaan bagi peniaga-peniaga pasar tani, pasar malam dan pasar pagi di semua kawasan PBT yang berakhir pada bulan Oktober 2020 yang lalu. Sukacita ingin maklumkan dan memetik ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Belanjawan 2021, kerajaan negeri telah pun bersetuju untuk merealisasikan apa yang telah dicadangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menyentuh sektor modal insan, saya amat tertarik dengan petikan ucapan Yang Berhormat Parit Yaani yang menyatakan terdapat peruntukan dari kerajaan negeri Johor yang tidak dibelanjakan langsung iaitu modal insan yang melibatkan peruntukan RM3 juta. Di sini saya mohon maaf menyangkal dan memperbetulkan dakwaan tersebut. Bagi makluman Yang Berhormat Parit Yaani, agensi kerajaan negeri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pembangunan sumber manusia atau modal insan negeri ini iaitu unit SMI telah pun berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif atau pun program yang mensasarkan peningkatan kemahiran mahupun, mahupun penempatan pekerjaan bagi individu yang telah diberhentikan pekerjaan dan mahupun penganggur.

Peruntukan RM3 juta telah pun diguna pakai bagi tujuan tersebut. Di sini saya kongsikan antara inisiatif yang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan tersebut. Program Minggu Kerja Johor yang telah diadakan serentak 3 buah lokasi iaitu di Muar, zon utara, Kluang, di zon tengah dan daerah Johor Bahru, zon selatan. Pelaksanaan inisiatif ini melibatkan peruntukan RM100,000.00. Kedua, program *up-skilling* dan *re-skilling* yang menawarkan 16 kursus latihan kemahiran dan sedang giat dilaksanakan melibatkan peruntukan RM2 juta dan akhir sekali dan yang ketiga, program Insan Johor. Program yang melibatkan peruntukan RM1 juta telah memberi manfaat kepada 400 orang pelatih.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya amat berbesar hati dan berbangga dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sentiasa bersedia untuk berlapang

dada mendengar idea, pandangan serta teguran daripada rakan-rakan di barisan pembangkang meskipun perbezaan ideologi politik. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun mempamerkan sikap profesional seorang pemimpin yang menghormati sistem demokrasi dengan mengiktirafkan kedudukan pembangkang Dewan Negeri Johor. Ianya telah dizahirkan dengan penambahan peruntukan ADUN Pembangkang daripada RM50,000.00 kepada RM150,000.00. Selain cadangan untuk menaikkan elaun ketua Pembangkang daripada RM3,000.00 kepada RM5,000.00. Syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah mengambil langkah bijak yang turut mendapat penghargaan seperti yang dinyatakan dalam ucapan perbahasan Yang Berhormat Parit Yaani, Yang Berhormat Bukit Kepong, Tangkak, Paloh, Bekok, Pengerang dan tidak lupa juga Yang Berhormat Skudai.

Yang Berhormat Tuan Speaker, merujuk kepada petikan ucapan perbahasan Yang Berhormat Parit Yaani, Yang Berhormat Machap, Yong Peng, Johor Jaya, Tiram¸ Pulai Sebatang dan juga Pasir Raja, tidak dapat dinafikan bahawa para petugas barisan hadapan, *front liners* yang sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi dan menangani serangan pandemik COVID-19 perlu dipandang tinggi dan diberi penghormatan. Pengorbanan mereka menghadapi risiko jangkitan yang mendatangkan bahaya mahupun kematian demi menjalankan tanggungjawab atas tugasan harian yang perlu diberi pujian dan penghormatan. Sehubungan itu, di kesempatan ini saya ingin menzahirkan penghargaan saya kepada adiwira-adiwira ini dengan menyambut baik dan sangat mengalu-alukan pemberian insentif tunai kepada lebih kurang 30,000 petugas barisan hadapan oleh kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di sini juga saya ingin memohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar dapat sekiranya dipertimbangkan cadangan saya agar insentif bantuan ini dapat dipanjangkan kepada golongan pengamal media di negeri ini. Bagi makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengamal media di negeri ini adalah antara individu yang terkesan teruk dari sudut ekonomi susulan arahan PKP, PKPB dengan gaji pokok yang rendah, majoriti daripada mereka ini bergantung kepada pendapatan tambahan yang diperolehi menerusi bayaran-bayaran elaun bahan berita yang telah disediakan dan disiarkan. Selain itu, mereka juga turut berhadapan dengan risiko jangkitan kerana terpaksa turun ke lapangan dalam usaha menggali informasi untuk dikongsikan kepada masyarakat umum. Melihat kepada pengorbanan dan sumbangan mereka ini, wajarlah mereka-mereka ini diberi pengiktirafan dan ganjaran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga turut menyambut baik dengan saranan Yang Berhormat Parit Yaani, Yang Berhormat Senggarang, Kempas yang telah mencadangkan agar dilaksanakan pemotongan gaji beberapa pihak terutamanya barisan kepimpinan tertinggi seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan EXCO bagi tujuan Tabung Khas COVID-19. Langkah ini secara tidak langsung dapat kita menzahirkan keprihatinan serta pengorbanan para pemimpin atau Wakil Rakyat di negeri ini dalam usaha membantu dan meringankan beban kemaslahatan bangsa Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri penggulungan saya izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Datuk Haji Hasni Mohammad, barisan pegawai-pegawai eksekutif negeri terdiri daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan kakitangan, Yang Berhormat Dato' Perbendaharaan Kerajaan Negeri dan kakitangan dan juga badan, UPENJ atas usaha keras dalam menyediakan Belanjawan 2021 yang bertemakan, "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran". Justeru itu, saya menyeru kepada semua sahabat Ahli-Ahli Yang Berhormat marilah kita bersama-sama menyahut seruan Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar bersolidariti demi Johor dan membuktikan kesetiaan kita terhadap negeri Johor yang dicintai.

Akhir kalam terimalah serangkap pantun dari saya sebagai penutup bicara. Tiada kata secantik bahasa, hendak ku luahkan perasaan, serangan COVID-19 semuanya terasa, Belanjawan 2021 sokong diluluskan. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih YB Pengerusi Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam makmur Johor. Terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana memberi saya peluang untuk menggulung pada hari ini. Terlebih dahulu, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih serta merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Baginda pada 22 November 2020 yang lalu. Patik ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menjunjung setinggi-tinggi kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah menitahkan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim untuk mengetuai dan memimpin segala urusan dan aktiviti melibatkan belia di negeri Johor ini. Syukur alhamdulillah, ini merupakan satu penghormatan buat setiap orang muda di negeri Johor.

Yang Berhormat Speaker, sebagai Wakil Rakyat DUN Layang-Layang saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Datuk Haji Hasni bin Mohamad atas pembentangan Belanjawan Negeri yang sangat inklusif, menyeluruh dan begitu menyelami detak hati dan suara naluri rakyat Johor. Layang-Layang yakin serta percaya bahawa usaha daripada kerajaan negeri ini berupaya membantu memulihkan ekonomi serta meringankan beban dan jerih rakyat Johor yang terkesan secara langsung mahupun tidak langsung dek musibah pandemik COVID-19 ini. Belanjawan Johor 2021 dengan tema, 'Berdaya Tahan Demi Kemakmuran' ini menyaksikan pelbagai inisiatif dan insentif khas diperuntukkan kepada OMJ atau Orang Muda Johor dan sektor pelancongan. Sebanyak RM57.3 juta diperuntukkan untuk Orang Muda Johor manakala RM14 juta pula diperuntukkan untuk sektor pelancongan. Syukur alhamdulillah, kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan. Allah SWT mengingatkan kita untuk sentiasa bersyukur seperti dalam Surah Ibrahim, ayat ke-7, "*dan ingatkanlah ketika Tuhanmu memperingatkan sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya aku akan menambah nikmat kepadamu, tetapi jika kami kufur nikmat maka sesungguhnya azabku sangat pedih"*.

Yang Berhormat Speaker, banyak perkara telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang sesi perbahasan ini, sama ada dalam bentuk cadangan idea yang bernas, sokongan, soalan mahupun teguran. Terima kasih Yang Berhormat Kempas, Sri Medan, Mahkota, Semerah, Mengkibol, Penawar, Johor Jaya, Johor Lama, Parit Raja, Pasir Raja, Panti, Tenggaroh, Buluh Kasap, Stulang, Semerah dan Yong Peng yang telah menyentuh perkara-perkara yang berhubung kait dengan portfolio saya iaitu pelancongan, belia dan sukan. Saya menghargai setiap cadangan serta teguran membina yang telah dikemukakan bagi memastikan kerajaan negeri dapat berkhidmat dengan lebih cepat dan efektif dalam menyelesaikan permasalahan rakyat dan mengundi masa depan rakyat Johor. Pantang bersiasah tidak senonoh, cabar mencabar mencari musuh, ke dalam bertikai keluar bergaduh, rakyat sengsara negeri pun runtuh. Pantang bersiasah menurutkan nafsu, berebut kuasa palu-memalu, tamakkan harta tak ingat malu, negeri rosak bertimbun seteru.

Yang Berhormat Speaker, sepanjang lima hari perbahasan, sektor pelancongan diberikan penekanan yang begitu signifikan, pastinya ini bukanlah sesuatu di luar jangkaan kerana pelancongan merupakan antara sektor yang paling terjejas akibat pandemik COVID-19 ini.

Namun, apa yang lebih penting adalah hakikat bahawa penekanan yang dibuat di dalam Dewan yang mulia ini tidak lain dan tidak bukan menterjemahkan betapa Ahli-Ahli Yang Berhormat memahami cabaran dan jerih perit yang digalas oleh penggiat industri pelancongan...

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Speaker, Peraturan Berbahas 45 (v), terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Yang Berhormat Speaker, saya menjawab soalan. Yang Berhormat Penawar tolong jangan mengganggu boleh tak?

YB Speaker : 45(v) berapa tu Yang Berhormat, 45 berapa?

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Kacaulah. Tak boleh angkat kertas tu. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Orang muda Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Terima kasih Yang Berhormat Speaker yang bijaksana, tolong jangan bagi dia *mic* lagi Yang Berhormat Speaker. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Itu hak dia Yang Berhormat. Jemput, jemput teruskan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Apa yang lebih penting adalah hakikat bahawa penekanan yang dibuat di dalam Dewan ini mencerminkan betapa Yang Berhormat sekalian prihatin terhadap apa yang berlaku dan sebab itu telah mengutarakan akan peri pentingnya sempadan Johor – Singapura dibuka semula. Percayalah di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hasni Mohammad, kerajaan negeri akan terus berusaha untuk membuka sempadan negeri secepat mungkin dengan mengambil kira cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan membawanya ke sesi-sesi perbincangan kerajaan negeri dengan Putrajaya dan kerajaan Singapura.

Yang Berhormat Speaker, dalam belanjawan yang diumumkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, *Majestic Johor* telah diangkat menjadi agenda yang sangat penting untuk negeri Johor. Cetusan idea *Majestic* Johor ini bukanlah sesuatu yang ternukil dengan tidak sengaja, ianya dipilih kerana perkataan *Majestic* itu sendiri. Sangat Johor. Ia benar-benar melambangkan negeri Johor. Satu perkataan yang hanya digunakan bagi memanifestasikan sesuatu yang amat indah dan menakjubkan dan itulah Johor negeri cantik menawan yang kaya dengan pelbagai tarikan. Subhanallah, segala puji bagi Allah SWT yang telah menganugerahkan negeri Johor dengan begitu banyak keindahan dan keajaiban alam yang sangat luar biasa. Bayangkan gunung-gunung di Johor sahaja ada 18 buah, lima di utara, lima di barat, lima di selatan dan tiga di timur. Taman negara pula ada 6 dan terdapat sejumlah 131 buah pulau di Darul Ta'zim ini, majoritinya terletak di Mersing.

Yang Berhormat Speaker, pulau-pulau di Mersing diseliputi panorama yang cukup mempesonakan, pasirnya putih bersih, air laut hijau kebiruan, manakala dasarnya cukup jernih. Sebab itu ramai yang mengatakan seperti Yang Berhormat Tenggaroh sebut *The Maldives of Malaysia,* dengan izin. Pelbagai aktiviti boleh dilakukan seperti *snorkeling, diving* dan *island hoping*. Saya percaya Yang Berhormat Johor Jaya mantan EXCO Pelancongan yang juga merupakan seorang *diver* boleh mengesahkan apa yang saya katakan ini.

Namun begitu, tidak ramai rakyat Malaysia yang berkunjung ke pulau-pulau di daerah Mersing, kebanyakan mereka menggunakan jeti di bandar Mersing untuk pergi ke Pulau Tioman, Pahang. Bayangkan...

YB Tuan Tan Hong Peng (Skudai) : Peraturan...

YB Speaker : Ya Skudai, sekejap.

YB Tuan Tan Hong Peng (Skudai) : Yang Berhormat Speaker, isu yang dibangkitkan oleh Penawar tadi...

YB Speaker : Peraturan, Peraturan berapa Yang Berhormat?

YB Tuan Tan Hong Peng (Skudai) : Peraturan 45 (v), seseorang Ahli itu tidak boleh membacakan ucapannya tetapi ia boleh membacakan cabutan-cabutan daripada kertas-kertas yang bertulis. Tadi saya lihat Yang Berhormat EXCO tadi baca, ikut aje, dia bukan cabutan. Jadi, tapi, *ruling* Yang Berhormat Speaker tadi kata itu hak dia. Tapi ini isu Peraturan, jadi saya harap...

YB Speaker : Itu bukan hak EXCO, hak Penawar tadi Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Hong Peng (Skudai) : Tak, tak maksud dia, baca jangan sampai angkat macam ni lah, tak eloklah. Sebab semalam Perling pun ditegur apabila diangkat. Saya harap perkara ini boleh ini lah...

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker, Peraturan 45 (ii), tidak boleh disampuk, ia tidak boleh disampuk melainkan jika menyalahi Peraturan Mesyuarat. Tadi Yang Berhormat Speaker maklumkan dah.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Dia tidak menyampuk, dia, dia....Yang Berhormat Skudai ada kata Peraturan-Peraturan Mesyuarat, dia tidak menyampuk...

YB Speaker : Nanti dulu, nanti dulu. Beri Sri Medan dulu.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Beri Sri Medan dululah, satu-satu.

YB Speaker : Beri Sri Medan dulu bercakap.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Dia tidak menyampuk pun.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Sekejap YB ye, satu-satu. Tadi Yang Berhormat Speaker dah maklum Peraturan 45 bilangan (v), seorang tidak boleh membacakan ucapannya tetapi ia boleh membacakan cabutan. Saya anggap dia tu cabutan tu aje sebenarnya. Tak ada apa yang salah pun ya. Saya ingat semua pun menggunakan perkara yang sama Yang Berhormat Speaker. Jadi Peraturan 45 (ii), tolong jangan sampuk. Tidak boleh disampuk melainkan jika menyalahi Peraturan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Iyalah, dia pun ada hak untuk boleh menyampuk sebab menyalahi Peraturan pada pandangan Skudai tadilah. *So,* saya nasihat beginilah pada EXCO tidak terus membaca, ikut Peraturan 45 (v) tadi tu. Tinggikan dia punya tu, tinggikan dia punya tempat untuk memudahkan membuat semakan, jemput teruskan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Siap Yang Berhormat Penawar. (Dewan ketawa). Saya pun dah tak tahu saya kat mana Yang Berhormat Speaker. (Dewan ketawa).

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker, ha ni betul-betul saya nak tegur, Peraturan 45 Bilangan (xiii) (d), lajak dan percakapannya yang mengganggui sahsiah seseorang, pasal mungkin ada satu ugutan, takut juga saya, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Ugutan (Dewan ketawa).

YB Speaker : Ini betul-betul semak dan imbang ni.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Betul-betul. Tak tahu mana kerajaan mana pembangkang, Yang Berhormat.

YB Speaker : Jemput, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Yang Berhormat Speaker, namun begitu tidak ramai Malaysia yang berkunjung ke pulau-pulau di daerah Mersing...

YB Speaker : Ok nampak *smart* Yang Berhormat, nampak *smart*.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Kebanyakan menggunakan jeti di bandar Mersing untuk pergi ke Pulai Tioman, Pahang. Bayangkan, pelancong menggunakan infrastruktur yang kita bina bagi kemudahan dan keselesaan pelancong untuk pergi ke negeri lain. Masih ramai rakyat Malaysia yang tidak tahu tentang keindahan di kepulauan Mersing.

Yang Berhormat Speaker, selain daripada kepulauan Mersing, pulau lain yang juga mempunyai potensi *ecotourism* yang cukup besar adalah Pulau Kukup. Sebanyak RM6 juta telah dibelanjakan untuk membangunkan pulau pelancongan yang penuh dengan paya bakau ini. Dengan keluasan 647 hektar, Pulau Kukup adalah antara pulau terbesar tanpa penghuni di dunia. Pulau ini mendapat pengiktirafan sebagai tanah lembap berkepentingan antarabangsa oleh Biro Persidangan Geneva. Pulau Kukup mempunyai 27 spesies bakau asli, 111 spesies ikan dan 23 spesies burung. Bukan itu sahaja, Pulau Kukup juga mensajikan suasana perkampungan nelayan, kelongnya menjadi tempat pembiakan hidupan laut dan burung-burung berterbangan di kawasan pokok bakau.

Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau berkunjung pasti terpesona. Namun begitu, sama seperti kepulauan Mersing tidak ramai rakyat Malaysia dan Johor tahu tentang fakta-fakta keindahan Pulau Kukup. Ada sebabnya saya berkongsi semua ini, tak kenal maka tak cinta. Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, sudah 6 hari kita bersidang di dalam Dewan yang tersergam indah ini. Dewan ini juga dikenali sebagai permata Kota Iskandar. Bangunan dan Dewan yang mulia ini adalah satu-satunya bangunan pentadbiran di Malaysia yang membenarkan pelancong datang untuk berziarah. Falsafah pembangunan Kota Iskandar ini menghadap paksi kiblat yang menggabungkan seni bina kerajaan Islam Uthmaniah yang beribu kota Alhambra Sepanyol dan juga Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru. Dewan ini pula juga istimewa dengan seni binanya yang menceritakan tentang Johor, al-Quran yang terletak di atas sana sebagai hikmah dan panduan kepada semua EXCO yang berada di dalam Dewan ini. Kerusi biru melambangkan warna DiRaja, *U-Shape Sitting* melambangkan cara pemerintahan moden seperti di *Westminster*, hiasan *pewter*, gambir, lada hitam, bumbung berbentuk nanas semuanya sinonim dengan Johor. Malah kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat berdiri dan bercakap di tengah Dewan ini akan ada suara gema yang unik tidak ada tempat di mana-mana Dewan ya tapi Yang Berhormat jangan bagi Penawar sebab dia nanti cakap yang bukan-bukan, Yang Berhormat Speaker.

Yang Berhormat Speaker…

YB Speaker : Jangan ada keluar Peraturan baru nanti.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Speaker, saya, Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Speaker...

YB Speaker : Peraturan berapa,Yang Berhormat?

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Peraturan 45 (xiii) (a), mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tidak baik kepada seseorang Ahli lain. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Walaupun Yang Berhormat ada masalah dengan Penawar, tidak boleh dizahirkan masalah itu Yang Berhormat. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Baik,Yang Berhormat Speaker, saya cuba tarik balik. Sama seperti Pulau Mersing dan Kukup Yang Berhormat, tidak ramai rakyat Johor, tentang, Johor tahu tentang fakta-fakta tentang Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Speaker, kurangnya promosi atau hebahan yang efektif dan strategik adalah antara puncanya produk-produk pelancongan di Johor kurang dikunjungi dan dilawati. Berdasarkan laporan *Tourism* Malaysia, kedudukan ataupun rangking pelancongan Johor merudum dari tangga ketiga dari tahun 2016 dan 2018 ke tangga ketujuh pada tahun lepas. Sebab itu, *Tourism* Johor kini memberikan tumpuan kepada promosi dan *marketing*. Fasa pertama akan lebih tertumpu kepada *domestic tourism* dan fasa kedua pula akan tertumpu kepada pelancong antarabangsa. *Tourism* Johor sedang dan akan mempromosikan ke semua jenis produk pelancongan melalui pelbagai medium seperti *Fam-trip* bersama media sosial, *Instagram*, *Facebook*, *Twitter* sehingga kita akan menyiarkan program bersiri *Travelog* yang mempromosikan, dipromosikan oleh selebriti-selebriti terkenal tanah air sebagai contoh selebriti terkenal Elizabeth Tan adalah artis jemputan bagi daerah Mersing. Sekali pandang macam Yang Berhormat Penawar.

YB Speaker : Itu tak ada masalah, yang tu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Itu pujian ya. Tapi artis yang pergi membuat promosi di Desaru ialah Alif Satar Yang Berhormat, bukan main lagi Penawar berlari dengan Alif Satar di pantai Desaru macam model *Baywatch*. Yang Berhormat Speaker, program bersiri *Travelog* ini bertajuk *Majestic* Johor, dia bakal mempamerkan produk-produk pelancongan dan insya-Allah akan ditayangkan di Astro Ria pada 11 Disember tahun ini. Antara daerah-daerah yang terlibat termasuklah Muar, Johor Bahru, Iskandar Puteri, Kluang, Tangkak, Batu Pahat, Pontian, Kulai, Kota Tinggi dan juga Desaru.

Yang Berhormat Speaker, untuk fasa kedua pembikinan video artikel-artikel tentang produk-produk pelancongan Johor akan dibangunkan dalam pelbagai bahasa seperti Mandarin, Jepun, *Korean* dan juga *Arabic*. Tujuannya supaya kita dapat mengetengahkan dan mempromosikan produk-produk pelancongan Johor ke China, Jepun, Korea dan juga Timur Tengah dengan lebih agresif. Saya juga ingin merayu kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini untuk sama-sama membantu mempromosikan produk-produk pelancongan supaya *rating* Johor diletakkan di tempat yang sepatutnya.

Yang Berhormat Speaker, *Johor Tourism Interchange* atau JTI dengan peruntukan RM500,000.00 pula akan dibangunkan bagi mentransformasikan ekonomi digital pelancongan. JTI akan menghubungkan semua pemilik produk, operator pelancongan serta penggiat industri dalam satu *Digital Market Place*. Ini akan memudahkan kita menjual produk-produk pelancongan ke seluruh dunia. Selain itu, galakan daripada Kementerian Pelancongan memperuntukkan sebanyak RM200 juta melalui *Tourism* Malaysia. Kerajaan

negeri melalui *Tourism* Johor akan bekerjasama rapat dengan MOTAC negeri dan *Tourism* Malaysia Wilayah Selatan dalam memastikan negeri Johor menerima insentif tersebut dengan jumlah yang paling maksima.

Yang Berhormat Tuan Speaker, antara inisiatif lain di bawah agenda *Majestic* Johor adalah untuk meneliti semula Pelan Pelancongan Negeri Johor 2014-2023. Tujuan penelitian semula adalah bagi memastikan hala tuju sektor pelancongan dapat dirancang dengan lebih tersusun dan mengikut trend semasa. Saya menyambut baik semua cadangan daripada Yang Berhormat Semerah, Yang Berhormat Yong Peng, Pulai Sebatang, Panti, Serom, Sedili, Kukup termasuklah Penawar. Pelan Pelancongan negeri khusus untuk *Cultural* dan *Heritage*, *Food Tourism, Sport Tourism, Medical Tourism, Edu Tourism* dan *Eco Tourism,* semuanya akan diperhalusi kembali bagi dan mengambil kira cadangan-cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Menjawab soalan Yang Berhormat Johor Jaya dan Stulang, untuk keselesaan pengunjung dan pelancong sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja menaik taraf prasarana dan infrastruktur Kompleks Sultan Abu Bakar dan Bangunan Sultan Iskandar Johor Bahru atau lebih dikenali sebagai *CIQ* JB. Kerja-kerja sudah berjalan dan dijangka siap seawal tahun hadapan.

Yang Berhormat Speaker, merujuk kepada Yang Berhormat Tenggaroh semalam, pihak kerajaan negeri juga menyambut baik akan cadangan untuk *incorporatized Tourism Johor*. Untuk makluman *Tourism* Johor kini di peringkat perbincangan dan perincian maklumat berkaitan penubuhan *Tourism Johor Incorporated*(TJI) untuk pertimbangan kerajaan negeri. Penubuhan TJI ini bertujuan untuk memperkasakan dan mendaya upayakan *Tourism* Johor. Usaha ini juga dilihat dapat membantu pejabat JETCO di Singapura. Tindakan sebegini juga akan membuka ruang dan peluang yang lebih meluas untuk *Tourism* Johor memacu sektor pelancongan negeri Johor terutamanya dalam menarik pakar-pakar pelancongan untuk berkhidmat dalam industri negeri ini.

Yang Berhormat Speaker, saya beralih kepada Agenda OMJ, Orang Muda Johor. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Haji Hasni Mohammad atas kesudian beliau untuk mendengar dan menerima cadangan anak-anak muda dalam menyediakan belanjawan tahun ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah memperuntukkan RM57 juta khas untuk orang muda Johor dalam 5 teras utama. Lebih 42 titik sentuhan yang akan memanfaatkan 1.6 juta rakyat Johor belia. Orang muda Johor sangat bertuah kerana mempunyai seorang Menteri Besar yang memahami, prihatin dan berjiwa muda sama seperti Yang Berhormat Penawar cuma dia, nafsu dia, pun macam orang muda.(Dewan ketawa). Bantuan dan undangan, undangan orang muda kepada Yang Amat Berhormat tidak pernah ditolak tidak kira dari platform *Southern Volunteers*, Dewan Muda Johor, Mahasiswa hinggalah ke Persatuan Tinju. Cadangan dan pandangan kepimpinan pemuda dan puteri, Majlis Belia Negeri Johor, Dewan Muda Johor dan Majlis Belia FELDA Johor diperhalusi satu persatu menunjukkan keprihatinan dan ketelitian beliau terhadap masa depan orang muda di Johor.

Yang Berhormat Speaker, kerajaan negeri menyambut baik titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor untuk mewujudkan *Tunku Mahkota Ismail Youth Center(TMIYC)* di setiap daerah. *TMIYC* Johor Bahru akan disempurnakan pembukaannya oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor pada pertengahan bulan ini insya-Allah. Manakala majlis pecah tanah di daerah Muar akan disempurnakan pada akhir tahun ini. *TMIYC* berperanan menjadi pusat pembangunan belia, keusahawanan, pusat aktiviti sini, sukan dan rekreasi serta program bermanfaat mengikut keperluan belia di setiap daerah.

Seterusnya, Yang Berhormat Speaker, kerajaan negeri juga merancang untuk membangun *Gym* Rakyat yang bertujuan melahirkan rakyat Johor yang mementingkan gaya hidup sihat

dengan memelihara kesihatan fizikal dan mental dalam aktiviti harian. Seterusnya, *Southern Volunteers* juga diwujudkan untuk mengkoordinasi dan menggalakkan lagi penyertaan para belia dalam aktiviti kemasyarakatan dan khidmat bakti kepada bangsa Johor. Pada pagi ini, alhamdulillah suka saya melaporkan *flag off* misi penghantaran Bakul Makanan *Southern Volunteers* bagi rakyat Johor dan Malaysia yang terkandas di Singapura telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Untuk fasa pertama 1,000 bakul makanan akan dihantar untuk rakyat Malaysia yang terkandas di Singapura, yang berada di Singapura, maaf. Usaha ini dilakukan bersama-sama pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura, Majlis *Singapore Association*, PAJ dan KPJ.

Yang Berhormat Speaker, kerajaan Johor juga beriltizam untuk melahirkan lebih ramai pemimpin-pemimpin muda yang mampu bersaing dengan mana-mana anak muda di negeri atau negara lain. Mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan belia-belia di mana-mana negara maju. Kerajaan negeri melalui IKLAS atau sekarang dikenali sebagai Institut Dato' Onn dan Dewan Muda Johor akan mengukuhkan Program Pembangunan Kepimpinan dan Bina Sahsiah bagi mempertingkatkan kepimpinan belia sekali gus melahirkan putera puteri terbaik bangsa. Penubuhan *Johor Youth Database* juga akan menjadi pangkalan data maklumat bagi 16.6 juta belia negeri Johor. Segala maklumat yang diperolehi melalui pangkalan data ini dapat membantu dalam merancang, menggubal dasar-dasar untuk anak-anak muda negeri Johor. Saya juga berterima kasih atas pengumuman Dana Galakan Persatuan Belia Negeri Johor bagi melaksanakan pelbagai program meliputi aktiviti kesukarelawan khidmat bakti masyarakat, belia, sukan dan rekreasi.

Yang Berhormat Speaker, apa yang juga menggembirakan orang muda Johor, terutamanya golongan mahasiswa adalah pemberian *one-off* sebanyak RM150.00 kepada 35,000 mahasiswa anak Johor daripada keluarga B40 yang melibatkan peruntukan RM5.2 juta. Bantuan ini diharap dapat meringankan beban kos sara hidup mahasiswa seperti menampung kos pembayaran Internet bagi pembelajaran kuliah secara *online*.

Yang Berhormat Speaker, bagi sektor sukan pula kerajaan negeri menerusi MSNJ telah merancang hala tuju atlet SUKMA Johor untuk masa depan mereka yang lebih terjamin. Antaranya dengan memperkenalkan beberapa inisiatif yang saya bentangkan tempoh hari. Antaranya pemberian insentif untuk atlet SUKMA, biasiswa program pengajian luar kampus dengan kerjasama UiTM, pemberian biasiswa dan pinjaman YPJ kepada atlet, Program Perantis Iskandar dan Program Titanium X yang akan diteruskan.

Alhamdulillah, seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam belanjawan baru-baru ini, kerajaan negeri dengan hasil usaha KPRJ dan MSNJ sudah merangka *Johor Sports Master Plan 2030*, dengan izin. Pelan induk ini akan memberikan hala tuju baharu kepada industri sukan negeri Johor. Bukan sahaja untuk gaya hidup dan pembangunan atlet semata-mata, tetapi menjadikan sukan sebagai sumber ekonomi baharu kepada kerajaan negeri Johor. Pelan ini juga akan menjadi pelan jangka panjang yang komprehensif untuk kemudahan sukan di negeri Johor dan meletakkan Johor di dalam peta dunia. Kita mahu jadikan Johor *as a sports power house of South East Asia*.

Yang Berhormat Speaker, saya mengucapkan juga jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang memperluas program aktif Johor melalui penganjuran Sukan Makmur Johor. Sukan Makmur ini telah dibuat oleh Dato' Zul dahulu, masa dia jadi EXCO. Bagi merakyatkan sukan serta menggalakkan aktiviti sukan sebagai sebahagian gaya hidup rakyat negeri Johor yang akan dilaksanakan di kesemua 56 DUN.

YB Speaker : Azan Yang Berhormat.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan azan).

YB Speaker : Jemput, jemput. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Yang Berhormat Speaker, dari segi prasarana sukan pula, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan negeri bercadang untuk membina sebuah Pusat Sukan Tempur *atau Johor Combat Sports Centre* dengan peruntukan sebanyak RM4.5 juta. Pusat ini akan dilengkapi dengan fasiliti sukan seperti tinju, silat, judo, *taekwondo* dan lawan pedang di dalam satu tempat. Ini bertujuan untuk pembangunan atlet dan menjadikan sukan tempur sebagai salah satu sukan utama di negeri Johor. Selain itu, kerajaan negeri juga akan menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi melengkapkan peralatan di pusat sukan berprestasi tinggi Nusa Duta, Johor Bahru.

Yang Berhormat Speaker, akhir sekali seperti yang kita semua sedia maklum Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita semua sedia maklum, rakyat sedang susah. 80,000 rakyat Johor dijangka hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19. Di sektor pelancongan ribuan yang sudah diberhentikan kerja dan ribuan juga sudah dipotong pendapatan bulanan. Pemandu-pemandu teksi dan pemandu-pemandu pelancong merintih dan menangis mengadu nasib. Sedih dan sayu apabila mendengar permasalahan yang terpaksa mereka hadapi untuk menerusi kehidupan. Saya merayu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari pihak kerajaan dan juga pembangkang berhentilah sebentar sengketa antara kita. Kerana rakyat memerlukan segala tenaga dan kudrat kita untuk berkhidmat dan berbakti kepada mereka.

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menambahkan peruntukan kepada kawan-kawan kita yang berada di sana. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Paloh dan juga Bukit Batu, *you are not the enemy of the state*. Yang jauh kita dekatkan, yang dekat kita rapatkan, yang rapat kita eratkan. Mungkin kah ini hikmah ujian tahun 2020. Marilah kita sama-sama terus istiqamah dalam memastikan segala usaha yang kita lakukan sebagai wakil rakyat dapat membuahkan hasil demi bangsa Johor dan negeri yang kita cintai. Marilah kita berganding bahu dalam memastikan agenda perjuangan demi bangsa Johor sentiasa didahulukan dan sama-samalah kita cuba mencari titik persamaan agar kita dapat mengharungi masa yang getir ini bersama. Ini bukan sesuatu perkara yang mudah tetapi ia juga bukan mustahil untuk dilaksanakan. Allah SWT berfirman dalam surah al-Imran, ayat 103. (Bacaan ayat). Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan lalu Allah menyatukan hati-hati kamu agar kamu menjadi saudara yang berkasih sayang. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan ke sehingga jam 2.30 petang ini. Sekian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.06 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Yang Berhormat Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Makmur Johor. Yang Berhormat Puan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk memberi ucapan

penggulungan bagi pihak kerajaan dalam Persidangan Penggal Ketiga Bagi Dewan Negeri Johor Ke-14.

Yang Berhormat Puan Speaker, pertamanya patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat pada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim sempena sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah.

Yang Berhormat Puan Speaker, alhamdulillah pada bulan Mac yang lalu, saya telah mengangkat sumpah taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan kerajaan negeri Johor dan menjadi salah seorang daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor bagi portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Insya-Allah saya akan memikul tanggungjawab ini dengan penuh amanah, berintegriti bagi memastikan segala keperluan dan kepentingan rakyat menjadi fokus utama dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah mentadbir kerajaan negeri Johor dengan penuh dedikasi ditambah pula dengan pembentangan Belanjawan Johor 2021 yang sangat inklusif, lestari dan sejahtera untuk segenap lapisan masyarakat Johor. Belanjawan ini merupakan satu anggaran perbelanjaan negeri yang tidak boleh disangkal kebaikannya dan pasti tidak boleh dinafikan manfaatnya. Dengan bertemakan "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran" yang merangkumi 3 objektif utama dan 12 agenda, saya secara peribadi amat berharap semua pihak tidak kiralah sama ada agensi kerajaan mahupun swasta, peringkat kepimpinan tertinggi sehinggalah kepimpinan di peringkat kampung dapat melaksanakan kesemua inisiatif belanjawan ini dengan jayanya. Kerana saya percaya sesuatu dasar yang baik itu jika tidak disokong dan dilaksanakan dengan baik ia tidak akan menjadi. Pentadbiran kerajaan negeri melalui kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sentiasa menekankan konsep kemakmuran bagi memastikan semua anak Johor menerima manfaat dan limpahan ekonomi di tanah permata selatan ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan ucapan Belanjawan Johor 2021 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menyentuh perkara-perkara berkaitan portfolio saya, khususnya dalam soal-soal pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat. Sememangnya banyak perkara yang telah dikemukakan semasa sesi perbahasan ini. Sama ada yang berbentuk soalan, cadangan, sokongan malah tidak kurang juga ada respons yang berbentuk teguran. Walau apa pun rupa dan ragam respons yang diberikan, saya sentiasa berlapang dada untuk menilai setiap soalan dan memberi perhatian akan segala cadangan yang sesuai demi memastikan rancangan ekonomi yang saksama lagi seimbang bagi mencapai matlamatnya serta boleh direalisasikan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Mahkota telah menyentuh mengenai Agenda Johor Prihatin dalam Belanjawan Johor 2021 mengenai Program Cari Orang Memerlukan Bantuan iaitu COMB. Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa prihatin terhadap kesusahan yang dihadapi oleh rakyat dan sentiasa bergerak menyantuni rakyat yang memerlukan dengan pelbagai kaedah. Saya juga mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Mahkota terhadap kebajikan rakyat terutamanya di kawasan Flat Haji Manan yang terletak di bandar Kluang. Pihak JKM juga telah mengambil tindakan tentang perkara ini dan sehingga kini seramai 84 penghuni di Flat Haji Manan telah menerima bantuan kewangan dari JKM seperti bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua, bantuan OKU tidak berupaya bekerja, bantuan am dan lain-lain bantuan mengikut kepada keperluan mereka. Jumlah keseluruhan bantuan disalurkan adalah sebanyak RM26,909.00.

Seterusnya, Yang Berhormat Bukit Naning telah membahaskan mengenai kerisauan peruntukan yang akan disalurkan kepada pertubuhan bukan kerajaan dalam melaksanakan Program COMB ini. Ingin saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa Program COMB hanyalah menggunakan peruntukan sedia ada daripada kerajaan persekutuan dan tidak melibatkan satu jumlah yang besar kepada agensi-agensi mahupun NGO. Pelaksanaan program ini adalah dengan kerjasama agensi-agensi di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor seperti JKM, YPKDT, Jabatan Pembangunan Wanita, KEMAS dan LPPKN. Walau bagaimanapun, saya amat menggalakkan untuk NGO-NGO turut menjadi ejen kepada kerajaan untuk mengenal pasti masyarakat yang memerlukan bantuan untuk dibantu. Sekiranya Yang Berhormat Bukit Naning ada senarai-senarai nama yang layak menerima bantuan boleh juga menghantar terus kepada saya untuk kita membuat penilaian sebelum bantuan diluluskan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Saya juga mengalu-alukan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini turut serta mengambil bahagian dalam Program COMB ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, program COMB ini bukanlah semata-mata untuk mencari mereka yang memerlukan bantuan bulanan. Mereka-mereka yang mencari ruang untuk bantuan khusus menjana pendapatan. Kursus peningkatan kemahiran juga turut menjadi fokus utama Program COMB ini. Ini bagi memastikan mereka mendapat saluran yang betul untuk menikmati manfaat dan ruang yang disediakan oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Jementah ingin mendapatkan jumlah aduan mengenai kes keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak sepanjang tempoh penularan COVID-19. Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sedia maklum mengenai statistik kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan oleh Talian Kasih bermula 18 Mac 2020 hingga 30 Oktober 2020 iaitu tempoh PKP adalah sebanyak 264 aduan. Manakala statistik kes yang dikendalikan oleh JKM Negeri Johor sebanyak 53 kes. Dimaklumkan perbezaan kes aduan di Talian Kasih dan kes keganasan rumah tangga yang dikendalikan oleh JKM Johor adalah disebabkan kebanyakan kes yang dikendalikan oleh Talian Kes adalah berbentuk mendapatkan khidmat nasihat dan aduan awal berkaitan masalah rumah tangga yang tidak memerlukan tindakan lanjut di peringkat JKM. Sementara kes di JKM Johor adalah kes yang telah di ambil tindakan lanjut yang memerlukan perintah pelindungan dari mahkamah seperti yang termaktub di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan rujukan untuk sesi kaunseling. JKM Johor telah melaksanakan beberapa tindakan dalam membantu mangsa kes keganasan rumah tangga sepanjang tempoh PKP sebagaimana termaktub di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Akta 521 yang telah diambil oleh Pegawai Pelindung JKM dan pegawai kaunselor dalam membantu mangsa keganasan rumah tangga.

Yang pertama, memberi khidmat nasihat kepada mangsa sebanyak 34 kes. Memberi perintah pelindungan sementara kepada mangsa yang memerlukan pelindungan segera sebanyak 14 kes. Membantu mangsa mendapatkan perintah pelindungan di mahkamah sebanyak 3 kes dan memberi perkhidmatan kaunseling kepada mangsa sebanyak 2 kes.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Bukit Naning telah mencadangkan agar pihak kerajaan menyalurkan bantuan kepada mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19 walaupun tidak tergolong dalam kategori e-Kasih. Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri Johor telah menunjukkan satu inisiatif khas yang dikenali sebagai Bantuan Ihsan Johor yang dikendalikan oleh Perbendaharaan Negeri Johor. Inisiatif ini diwujudkan bagi mereka yang tidak pernah menerima sebarang bantuan daripada kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri. Malah, kerajaan persekutuan juga telah membenarkan program i-Lestari dan i-Sinar yang membolehkan masyarakat terkesan dengan COVID-19 mengeluarkan caruman KWSP mereka untuk menampung sebahagian daripada keperluan kehidupan mereka.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Penggaram telah memberi cadangan kepada kerajaan negeri agar menyediakan sejumlah bajet bagi menyediakan perkhidmatan kaunseling yang lebih efektif dan menyeluruh kepada masyarakat melalui agensi-agensi sedia ada. Saya suka kongsikan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah merencana program Profesionalisme Kaunselor negeri Johor menerusi Bajet Negeri Johor 2021. Program ini bertujuan bagi mengumpulkan dan menggabungkan tenaga pakar dari kalangan kaunselor-kaunselor di negeri Johor dari pelbagai agensi dalam memperkasa perkhidmatan kaunseling di samping menangani masalah sosial. Program ini juga bertujuan mempromosi perkhidmatan kaunseling secara percuma kepada seluruh lapisan masyarakat sekali gus memupuk kesejahteraan psikologi dari segi kestabilan emosi, fikiran dan tingkah laku dalam kalangan masyarakat negeri Johor. Bagi tahun 2021 YPKDT juga akan melaksanakan *Johor Sport Programme for Community (SPAC),* program ini bertujuan menangani masalah sosial di peringkat komuniti di samping membina jati diri di kalangan belia.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Jementah ingin mengetahui apakah inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri kepada pembangunan keluarga dan golongan wanita dengan peruntukan RM2.3 juta sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa pembentangan Belanjawan Johor 2021. Sebenarnya program-program yang diperuntukkan dengan nilai RM2.3 juta ini telah pun Yang Amat Berhormat Menteri Besar nyatakan satu per satu dalam Belanjawan Johor 2021.

Justeru, saya kongsikan secara ringkas pada Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui YPKDT di dalam agenda ke-11 iaitu Johor Prihatin akan melaksanakan 6 program utama yang disokong oleh program-program sampingan seperti:

1. *Center of Suri Johor* yang berfungsi sebagai pusat latihan dan kemahiran bagi pembangunan diri dan modal insan golongan sasar. Dijangka seramai 700 orang usahawan akan mendapat manfaat dalam program ini. *Center of Suri Johor* dengan izin, akan diperkasakan dengan melaksanakan pelbagai program antaranya *Woman Income Generating Skill Project (WINGS)*, skim bantuan peralatan perniagaan dan kursus inspirasi usahawan berfokus.

2. Pesona Wanita Profesional. Tujuan inisiatif ini diperkenalkan pada tahun 2021 adalah untuk menyokong dasar wanita negara dalam usaha mengintegrasikan kaum wanita dalam semua sektor pembangunan negara selaras dengan kemampuan dan keperluan mereka bagi tujuan meningkatkan mutu kehidupan dalam bidang masing-masing serta mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita terhadap diskriminasi berasaskan gender.

3. Pembangunan Data Wanita Dalam Keluarga Negeri Johor. Pembangunan data ini adalah penting bagi memastikan data-data wanita dan keluarga terus dikemas kini untuk memudahkan kerajaan negeri mengenal pasti golongan yang perlu di bantu dan diperkasakan.

4. Program Intervensi Keluarga dan Komuniti. Program intervensi keluarga dan komuniti ini menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri dalam memperkukuhkan institusi kekeluargaan masyarakat Johor. Antara program yang akan dilaksanakan ialah Program Ikon Keluarga Sakinah, Program Kembara Keluarga Sejahtera, *Johor Support Programme for Community*, Program Modul Keluarga Sejahtera dan Modul Keluarga Sakinah Negeri Johor.

5. Program Latihan dan Promosi iaitu PLP. PLP merupakan program pembangunan Orang Kurang Upaya yang memberi fokus dalam meningkatkan kemahiran golongan OKU bagi meningkatkan pendapatan keluarga.

6. Program kesedaran kepada keluarga yang mempunyai anak-anak OKU iaitu KOKU. Program ini akan dibuat dalam bentuk *road show* yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat yang mempunyai anak-anak OKU. Mengenal potensi dan peluang-peluang anak-anak OKU dalam membantu keluarga dan masyarakat.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Johor Jaya ingin mengetahui status pelaksanaan Skim Bantuan Guaman di bawah kelolaan YPKDT. Untuk makluman, pelaksanaan Skim Bantuan Guaman Wanita Negeri Johor 2020 telah digugurkan setelah mendapat pandangan dan ulasan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor serta keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah YPKDT kali ke-19 tahun 2020. Di antara ulasan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor adalah merujuk kepada beberapa akta yang berkaitan sebagaimana berikut:

1. Seksyen 2A Akta Bantuan Guaman 1971.
2. Seksyen 12 Bahagian 4 Akta Bantuan Guaman 1971.
3. Seksyen 13 Bahagian 4 Akta Bantuan Guaman 1971.
4. Seksyen 15 Bahagian 4 Akta Bantuan Guaman 1971.
5. Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017.
6. Seksyen 2B Akta Bantuan Guaman 1971.

Justeru itu, berdasarkan peruntukan undang-undang di atas, perkara berkaitan khidmat bantuan guaman kepada masyarakat umum terutamanya berpendapatan kurang daripada RM30,000.00 setahun telah diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 dan Peraturan-Peraturannya dengan bayaran sebanyak RM10.00.

Sehubungan dengan itu, wanita negeri Johor yang memerlukan bantuan guaman bagi kes perundangan sivil dalam rumah tangga mereka hendaklah merujuk kepada Jabatan Bantuan Guaman yang melibatkan kos yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, YPKDT terus melaksanakan perkhidmatan kaunseling kepada klien-klien yang hadir ke pejabat YPKDT untuk mendapatkan khidmat nasihat. Sehingga Disember 2020, YPKDT telah mengendalikan sebanyak 57 kes kaunseling yang melibatkan isu-isu dalam perkahwinan dan kekeluargaan. Manakala melalui JKM pula, bermula Januari hingga Oktober 2020 kaunselor jabatan telah menjalankan sebanyak 970 sesi kaunseling pada klien dari pelbagai kumpulan sasar.

Di samping itu juga sebanyak 2,161 klien yang terkesan di sebabkan pandemik COVID-19 telah menjalani sesi intervensi jangka pendek dan intervensi krisis bersama kaunselor. Kaunselor juga telah menjalankan sebanyak 1,222 ujian psikologi kepada klien dan turut menjalankan 97 program psiko pendidikan yang melibatkan seramai 5,093 orang peserta.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Johor Jaya telah mencadangkan untuk menubuhkan sebuah rumah *shelter* atau rumah transit sementara untuk wanita yang mengalami masalah keluarga. Kerajaan negeri melalui JKM juga telah menubuhkan rumah *shelter* atau rumah transit sementara supaya mereka yang menghadapi masalah keganasan rumah tangga atau keganasan wanita dapat dibantu dengan segera. Di bawah kendalian jabatan, telah disediakan tempat selamat. Yang di wartakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 sejak 15 Disember 2006 dan di negeri Johor terdapat sebanyak 4 buah institusi yang telah diwartakan iaitu:

1. Rumah Seri Kenangan Johor Bahru
2. Taman Sinar Harapan Tampoi

3. Taman Sinar Harapan Jubli
4. Desa Bina Diri Mersing

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah mendapat kerjasama daripada agensi seperti pertubuhan pertolongan wanita dan juga pertubuhan pergerakan wanita Johor serta Majlis Agama Islam Johor dalam memberi pelindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Untuk makluman Yang Berhormat sekiranya mangsa tinggal di kediaman sendiri atau kediaman saudara, terdapat perundangan yang termaktub di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 Pindaan 2017 yang bertujuan untuk melindungi mangsa semasa tempoh menunggu siasatan. Di bawah peruntukan akta tersebut mangsa boleh mendapatkan perlindungan interim di bawah Seksyen 12 GAKRT 1994, perintah pelindungan di bawah Seksyen 13 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan perintah pelindungan kecemasan yang akan dibantu oleh pegawai pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat. Menurut rekod jabatan berdasarkan kes yang kebanyakannya mangsa memilih untuk tinggal di rumah kenalan dan ahli keluarga. Statistik pada tahun 2019 sebanyak 5 kes memilih tinggal sementara di rumah kenalan dan 1 kes di rumah keluarga. Pada tahun 2020 seramai 5 mangsa telah memilih untuk tinggal di rumah kenalan.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebelum menjawab kepada isu yang di bawa oleh Yang Berhormat Johor Jaya mengenai dengan status terkini dengan rancangan seterusnya dalam Bilik *Mama Friendly*, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Johor Jaya yang telah menggerakkan inisiatif penyediaan ruang penyusuan ibu kepada ibu-ibu yang bekerja dalam menggalakkan lagi aktiviti pemberian susu kepada bayi. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah bilik *Mama Friendly* yang telah disediakan sehingga November 2020 adalah sebanyak 52 bilik yang memberikan manfaat kepada lebih 209 pengguna. Program ini ternyata mendapat sambutan baik daripada masyarakat negeri Johor khasnya pada guru-guru sekolah. Program ini juga akan diteruskan pada tahun 2021 dengan diperluaskan lagi di agensi-agensi kerajaan, sektor-sektor swasta, PBT, institut-institut pengajian tinggi awam dan swasta serta pusat-pusat membeli belah.

Yang Berhormat Puan Speaker, terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Parit Raja yang mengambil berat terhadap inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk memperkasa dan mengaktifkan peranan wanita Johor. Berkenaan dengan isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Parit Raja mengenai pengkhususan wanita dalam bidang pertanian. Ingin saya maklumkan bahawa kerajaan negeri melalui YPKDT telah menyahut cabaran dengan menjayakan Projek Pembangun Ekonomi Rakyat (PROPER) pada tahun 2020 dan penglibatan seramai 56 orang melibatkan 10 daerah di negeri Johor. Daripada 56 peserta, seramai 39 orang adalah terdiri dari wanita. Ini menunjukkan YPKDT memberikan ruang atau kuota khusus dalam wanita kepada wanita dalam menjalankan projek pertanian dan ini terbukti jumlah hasil tertinggi yang telah dikeluarkan oleh komuniti adalah dari Batu Pahat dan Kluang yang mana peserta projek PROPER keseluruhannya dari kalangan wanita. Sehingga kini daerah Batu Pahat telah memperolehi hasil sebanyak RM10,140.60 dan daerah Kluang dengan hasil RM5,946.10. Berdasarkan data ini jelaslah wanita mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan kaum lelaki. Saya yakin wanita boleh.

Saya juga percaya di bawah portfolio pertanian Yang Berhormat EXCO Pertanian, Industri dan Asas Tani mempunyai peruntukan yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan tani wanita sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Belanjawan Johor 2021 mengenai Agenda Johor Tani.

Yang Berhormat Puan Speaker, mengenai bantuan bakul makanan yang diberikan oleh JKM kepada golongan sasar sebagaimana yang dibangkit oleh Yang Berhormat Pasir Raja, ingin saya maklumkan bahawa semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat bagi daerah-daerah yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, bakul makanan di berikan

adalah termasuk keperluan barangan basah. Manakala, bagi bantuan bakul makanan di luar kawasan PKPD berdasarkan kepada SOP yang telah ditetapkan oleh ibu pejabat JKM hanya menyatakan 12 item makanan kering dalam bakul makanan. Bantuan makanan basah diberikan kepada penyelarasan bersama agensi lain dan NGO. Ini adalah bagi mengelakkan barangan tersebut rosak akibat disimpan dalam tempoh melebihi 3 hari.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Buluh Kasap telah mengetengahkan cadangan untuk kerajaan turut, kerajaan negeri turut memberi fokus kepada kebajikan golongan bapa tunggal. Saya rasakan ini satu cadangan yang baik. Dan insya-Allah melalui agenda Johor Prihatin iaitu pembangunan data wanita dan keluarga negeri Johor kita akan mengenal pasti terlebih dahulu data-data kaum lelaki yang berstatus bapa tunggal. Untuk bantuan-bantuan di bawah YPKDT, terdapat pelbagai program yang boleh kita libatkan bersama golongan bapa tunggal dan sebenarnya kita tiada seberang halangan untuk libat sama bapa tunggal seperti dalam program yang sedia ada seperti *PROPER*, Bantuan Keusahawanan Johor, Pakej *Food Delivery* serta kursus-kursus bagi peningkatan pendapatan dan lain-lain yang bersesuaian. Malah, di JKM juga memberi bantuan kepada golongan bapa tunggal melalui anak-anak mereka yang bersekolah iaitu di bawah bantuan kanak-kanak. Kadar skim bantuan kanak-kanak adalah sebanyak maksimum RM450.00 sebulan iaitu RM100.00 bagi setiap anak dalam keluarga. Berdasarkan statistik JKM sehingga Disember 2020, seramai 5,719 keluarga telah menerima bantuan kanak-kanak di seluruh negeri Johor. Daripada jumlah keseluruhan, penerima bantuan kanak-kanak ini, seramai 552 adalah merupakan golongan bapa tunggal dengan perbelanjaan sebanyak RM138,000.00 sebulan dan telah memberi manfaat kepada seramai 1,656 orang kanak-kanak.

Yang Berhormat Puan Speaker, inilah sahaja yang dapat saya sampaikan untuk sesi penggulungan kali ini, terima kasih saya ucapkan sekali lagi kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan yang melibatkan jabatan di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat soalan berbangkit yang belum dijawab, pihak-pihak Yang Berhormat boleh terus berhubungan dengan pejabat saya untuk mendapatkan jawapan secara bertulis. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ketua-ketua jabatan dan kakitangan jabatan di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang sentiasa bertungkus lumus dan bersiap sedia dengan segala tugas yang dipertanggungjawabkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hari ini merupakan sambutan Hari Orang Kurang Upaya Sedunia Tahun 2020 dengan tema Membina Kesejahteraan OKU, Mendepani Perubahan. Saya berharap semua masyarakat terus mengambil berat dan ambil peduli terhadap golongan istimewa ini kerana mereka juga adalah sebahagian daripada kita. Saya juga menyarankan agar golongan OKU terus berusaha dan pandai mengambil peluang terhadap peluang dan inisiatif yang diberikan oleh kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri kepada mereka.

Akhir kata di kesempatan yang ada ini, saya dengan berbesar hati ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan iaitu kakitangan hospital kerajaan mahu pun swasta, anggota Polis, anggota RELA, Jabatan Kebajikan Masyarakat, para petugas media dan sukarelawan yang bertungkus lumus menjaga rakyat Malaysia dalam memerangi wabak COVID-19. Kita doakan agar wabak COVID-19 ini dapat dikawal dan akhirnya dapat ditangani dengan baik. Selendang satin bersandar ratu, elok beralun warna celang, PWKM prihatin rakyat dibantu, sama membantu sambil membangun Johor gemilang. Motif melur sulam kebayat, halus susunan seni aturan, bajet Johor santuni rakyat, berdaya tahan demi kemakmuran. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wasssalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon menyokong.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera, segala puji bagi Allah SWT dan selawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, terlebih dahulu Tenang ingin mengambil kesempatan ini bagi merafak sembah, menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah. Patik juga ingin merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tuanku Mahkota Johor serta keseluruhan pasukan Bola Sepak Johor Darul Ta'zim atas pencapaian cemerlang merangkul Piala Liga Super buat kali ke-7 pada tahun ini, tahniah diucapkan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Tenang ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kerana telah diberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi Perbahasan Belanjawan yang bertema, Berdaya Tahan Demi Kemakmuran. Sebelum langkah lebih lanjut, izinkan Tenang untuk menyentuh sedikit perihal Belanjawan 2021 oleh kerajaan persekutuan pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohammad Yassin, Perdana Menteri Malaysia merangkap Ahli Parlimen Pagoh dan ADUN Gambir. Pada Khamis yang lalu, kita semua telah menyaksikan Belanjawan 2021 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Seri Zafrul bin Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia telah berjaya diluluskan pada peringkat dasar di Dewan Rakyat selepas mendapat sokongan daripada majoriti Ahli-Ahli Parlimen Malaysia. Tenang ingin mengambil kesempatan dalam ucapan penggulungan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di Parlimen kerana telah bersatu hati untuk memastikan belanjawan penting negara bagi tahun hadapan berjaya diluluskan. Ucapan setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan kepada kerajaan persekutuan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya membentangkan sebuah belanjawan yang cakna dan dekat dengan hati rakyat Malaysia dan Johor amnya. Malah dengan izin Allah SWT, Tenang percaya Belanjawan 2021 juga akan diterima dengan baik dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa dan seterusnya diluluskan sekali lagi demi negara serta rakyat yang kita cintai.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Tenang juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas pembentangan Belanjawan Negeri Tahun 2021 dengan menimbangkan pelbagai sektor dan memberi perhatian yang saksama dalam suasana menghadapi wabak COVID-19 ini. Tenang juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet Belanjawan Negeri Johor 2021 dan menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan portfolio Tenang khususnya dalam soal Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur. Kepesatan ekonomi Johor yang sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara maju, berdaya saing, mampan dan dinamik perlu disokong dengan infrastruktur yang lengkap dan sistem pengangkutan awam yang moden bersepadu serta bertaraf dunia. Kerajaan negeri mempunyai hala tuju yang jelas untuk mencapai hasrat pemodenan sistem pengangkutan awam dan infrastruktur negeri. Kerajaan negeri telah merangka beberapa pelan perancangan yang melibatkan pengangkutan awam dan infrastruktur yang saling melengkapi serta disusun secara inklusif melangkaui setiap pelosok kawasan atau daerah di negeri Johor dari Tanjung Piai hingga ke Tanjung Emas di Muar. Sebagai contoh, Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor 2045 yang dirangka khas

untuk memodenkan sistem pengangkutan awam di negeri Johor dengan mengambil kira jaringan rangkaian sistem pengangkutan di seluruh negara. Secara keseluruhannya, terdapat 6 pelan rujukan yang akan dijadikan panduan dengan penempatan pelbagai sasaran yang ingin dicapai bagi fasa jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Setiap pelan pembangunan yang disediakan dan dilaksanakan perlulah selari dengan pelan yang telah dirangka atau dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan. Di sini, Tenang ingin merakamkan terima kasih atas peranan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Timur (ECER) yang turut menjadi penyumbang kepada pembangunan negeri Johor. Tenang juga memandang penting kepada peranan dan sumbangan PIPC, *Pengerang Integrated Petroleum Complex* khususnya Pengerang.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, isu-isu berbangkit yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, terima kasih diucapkan dan antaranya ialah Bas Muafakat Johor. Antara perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan yang berkaitan portfolio Tenang adalah pertama, agenda Prasarana Johor iaitu perkhidmatan Bas Muafakat Johor bagi menambah bilangan pengguna perkhidmatan bas dalam daerah negeri Johor. Berhubung soal dari Yang Berhormat Machap, pihak PAJ Pengangkutan Awam Johor tidak mempunyai sebarang halangan laluan Bas Muafakat Johor yang dicadangkan di kawasan Machap. Memandangkan antara tujuan perkhidmatan Bas Muafakat Johor ini diwujudkan adalah untuk *accessibility* dan kemudahsampaian rakyat. Sekiranya terdapat cadangan untuk laluan ini, pihak PAJ terlebih dahulu akan memperhalusi dengan membuat kajian bagi mengetahui tahap keperluan perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan ini dengan lebih lanjut melalui maklumat seperti jumlah permintaan OD, *origin destination* atau asal destinasi dan kumpulan pengguna yang inginkan perkhidmatan ini. Kajian ini penting agar kepenggunaan perkhidmatan Bas Muafakat Johor ini bukan sahaja digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah, malah digunakan secara menyeluruh oleh penduduk setempat. Walau bagaimanapun, cadangan ini perlu dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Lalu Lintas Pihak Berkuasa Tempatan dan perlu dibincangkan dan perlu perbincangan yang lebih lanjut untuk melihat impak kos kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan kawasan tersebut.

Yang Berhormat Yong Peng dan Yang Berhormat Sedili juga ada menekankan isu yang sama berkenaan laluan Bas Muafakat Johor di kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perbincangan di kawasan bersama Yang Berhormat telah dilaksanakan oleh PAJ dan semakan laluan serta kajian juga telah dijalankan bagi mendapatkan pandangan penduduk terhadap kesesuaian laluan tersebut untuk dilaksanakan. Perkara ini telah diperincikan termasuk kos pengoperasian di kawasan tersebut dan akan dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi mendapat kelulusan. Proses terkini adalah pihak Perbadanan Pengangkutan Awam Johor sedang menunggu kelulusan dari MMK berkaitan laluan yang telah dicadangkan ini.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, mengenai *e-hailing* pula, ketika pandemik yang sedang melanda seluruh negara, kerajaan amat mengambil berat mengenai isu ekonomi yang kian merudum. Tenang pasti ramai masyarakat di luar sana yang terkesan akibat penularan wabak pandemik ini terutama apabila kerajaan mengumumkan PKP dan PKPB perlu dilaksanakan. Oleh yang demikian, soalan dari Yang Berhormat Mahkota berkenaan pemandu-pemandu *e-hailing* dan teksi yang terkesan, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha dalam membantu pemandu-pemandu *e-hailing* dan teksi yang terkesan akibat COVID-19. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan kerajaan ialah pemberian Bantuan Prihatin Nasional RM500.00 kepada pemandu *e-hailing* dan RM600.00 kepada pemandu teksi yang layak, *one-off*. Kerajaan negeri juga turut mengambil perhatian melalui Bajet Belanjawan Johor 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui Agenda Johor Berkebajikan iaitu pemberian wang tunai RM100.00 kepada 20,000 pemandu *e-hailing* dan penghantar makanan di Johor serta pemberian wang tunai

RM500.00, *one-off* kepada 5,205 pemilik teksi limousin dan teksi lapangan terbang. Selain itu, mengambil kira kesesuaian pemandu untuk menjana pendapatan ketika ini, Kementerian Pengangkutan juga telah memberi kelonggaran kepada kenderaan yang telah tamat tempoh had usia untuk terus beroperasi selama setahun selagi tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM kenderaan tersebut. Langkah-langkah sementara bagi mengurangkan kesan penyakit Corona Virus yang telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 23 Oktober 2020 juga akan membantu *e-hailing* dan pemandu teksi untuk menjalankan perkhidmatan sebagai kenderaan barangan. Contohnya, seperti penghantaran *parcel* dan lain-lain.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, ada disentuh mengenai jeti haram yang sepatutnya dilesenkan bagi mendapat atau meningkatkan hasil kerajaan, Kempas ada menyentuh perkara ini. Di negeri Johor yang giat tumbuh seperti cendawan, katanya banyak jeti-jeti haram di negeri ini, untuk makluman. Pertumbuhan pembangunan negeri Johor telah menjadi penyumbang kepada permohonan jeti-jeti persendirian di Pentadbiran Tanah Johor. Pentadbiran Tanah Johor bertindak ke atas setiap permohonan yang diterima khususnya kepada aspek perundangan tanah yang berkuat kuasa. Oleh itu, terdapat beberapa mekanisme pelupusan tanah yang boleh dilaksanakan berdasarkan perundangan tanah seperti Lesen Pendudukan Sementara (LPS), perizaban dan pemberian milik. Maklumat ini saya rasa berguna kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang khususnya di kawasan masing-masing terletak di tepi Pantai dan ada isu-isu mengenai jeti sama ada jeti haram atau jeti yang telah dilesenkan. Sehubungan dengan itu, Lesen Pendudukan Sementara (LPS) ialah satu bentuk pelupusan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri iaitu satu cara di mana Pihak Berkuasa Negeri membenarkan tanah diduduki atau digunakan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 42(1) & (c) dan Seksyen 66 Kanun Tanah Negara 1965. Permohonan LPS ini boleh dikemukakan kepada Pejabat Tanah Daerah bagi diproses dan seterusnya diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Antara permohonan LPS yang diterima termasuklah bagi tujuan pembinaan jeti, selain itu kedudukan jeti dan struktur berada di perairan dan melibatkan isu keselamatan, maka kesesuaian tempoh kelulusan LPS diberikan untuk tempoh 3 tahun dan diperbaharui bagi setiap tahun di mana ianya perlu dikemukakan di Pejabat Tanah Daerah.

Di samping itu, permohonan jeti juga boleh dilupuskan dengan cara perizaban di bawah Seksyen 62 KTN 1965 bagi tujuan Rizab Pegawai Pengawal yang dinamakan sebagai mengurus, bagi mengurus, menyelia dan mengawal jeti tersebut. Kelulusan kerizaban diberikan berdasarkan keterangan konklusif bahawa tanah yang diperihalkan itu dirizabkan untuk maksud awam sama ada pembinaan itu oleh agensi kerajaan untuk maksud awam. Sama ada pembinaan itu oleh agensi kerajaan sama ada kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri dan pihak yang bertanggungjawab bagi tujuan kemudahan awam atau kepentingan negara. Khususnya, seterusnya perizaban juga boleh dilakukan untuk jeti-jeti yang digunakan bagi manfaat sosioekonomi negeri dan negara seperti jeti pelancongan, jeti perikanan, jeti di pelabuhan dan sebagainya. Lanjutan itu, satu lagi bentuk pelupusan tanah bagi tujuan jeti ini juga boleh dilaksanakan secara pemberian milik di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 yang memberi kepentingan secara eksklusif kepada pemilik tanah berdaftar. Tanggungjawab dan pengawalan terletak kepada pemilik berdaftar.

Di antara pendekatan yang boleh diambil oleh kerajaan negeri adalah bagi jeti-jeti persendirian dan komersial yang terletak di kawasan hadapan perairan negeri sama ada laut, pantai atau sungai boleh diberi milik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) dengan tempoh pajakan tidak melebihi 21 tahun dan pihak SSI boleh membuat pajakan kepada individu atau syarikat bagi tujuan jeti tertentu. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri boleh menetapkan tempoh sesuatu pajakan melebihi daripada 21 tahun. Dalam konteks Pentadbiran Tanah Johor, pemohon-pemohon bagi tujuan jeti akan dirujuk kepada beberapa jabatan teknikal seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia,

Badan Kawal Selia Air Johor, PlanMalaysia, Jabatan Alam Sekitar dan beberapa jabatan yang berkaitan. Selanjutnya, permohonan yang diterima itu akan turut dirujuk kepada pertimbangan Jawatankuasa Keselamatan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

Berdasarkan kepada rekod semasa di Pentadbir Tanah Johor terdapat sejumlah 186 pengusaha jeti di negeri Johor di mana 49 daripadanya telah pun diluluskan oleh kerajaan negeri. Sejumlah 37 permohonan masih dalam tindakan Pentadbir Tanah Johor untuk dibawa pertimbangan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Serta terdapat juga persoalan atau *query-query* bagi dokumen yang tidak lengkap dan tindakan ulasan jabatan teknikal. Manakala, selebihnya tiada permohonan rasmi yang diterima di Pentadbiran Tanah Johor.

Bagi makluman Yang Berhormat Kempas juga, pelaksanaan tindakan pemutihan jeti telah dilaksanakan di beberapa daerah di antaranya ialah daerah Batu Pahat dan Mersing. Tindakan proaktif ini adalah bagi memastikan tiada jeti-jeti haram dibina sepanjang sungai serta pemantauan penguatkuasaan atas jeti-jeti diluluskan mematuhi syarat-syarat kelulusan dan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan di atas jeti. Pendudukan secara tidak sah atas tanah kerajaan merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, ada persoalan mengenai pelabuhan kedua di Batu Pahat. Satu perjanjian penswastaan telah ditandatangani bagi pembangunan di atas Lot PTD 504 Mukim Bagan dan Lot PTD 1668 Mukim Peserai, Batu Pahat, Johor. Komponen pembangunan projek ini pada asalnya meliputi *liquid bulk*, *marine yard, contena yard*, *general* kargo terminal, tapak CIQ, ruang Polis dan terminal feri serta komponen perumahan dan kedai pejabat dengan izin, yang dalam bahasa Inggeris tadi, Puan Speaker. Walau bagaimanapun, pihak syarikat telah membuat permohonan pindaan pelan, susun atur serta perubahan komponen pembangunan yang baru kepada kerajaan negeri pada awal tahun ini. Perubahan komponen ini perlu diteliti kerana ianya melibatkan hal-hal berkaitan dengan pulangan kepada kerajaan berbanding dengan cadangan asal.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya mengakui ada beberapa isu berkaitan dengan kedudukan jeti di Jalan Syahbandar yang memang menimbulkan sedikit masalah iaitu kesesakan dan sepanjang jalan Sungai Batu Pahat juga telah dikenal pasti terdapat jeti-jeti haram yang belum didaftarkan. Untuk makluman, menurut semakan PTG, jeti-jeti yang berada di sepanjang Sungai Batu Pahat itu yang sebahagiannya terletak di atas tanah JPS, permohonan yang telah dan ada keputusan lulus dan aktif 2. Permohonan yang telah ada keputusan tolak, 12. Permohonan baru yang masih dalam tindakan PTD, 3.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sangat prihatin dengan isu-isu projek jalan dan jambatan di kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi tahun 2021, kerajaan negeri menyediakan peruntukan RM53 juta untuk projek-projek pembangunan bagi tahun depan sahaja, yang mengandungi 40 tajuk. Jadi, senarainya panjang, cuma apa yang telah ditimbulkan saya akan ulas di sini.

Yang Berhormat Parit Yaani ada menyebut berkenaan bilakah projek naik taraf Jalan Bindu akan disiapkan sepenuhnya? Untuk makluman Yang Berhormat, projek tersebut telah pun diberi lanjutan masa pertama dan kedua di mana yang pertama adalah disebabkan atas faktor kelewatan pengambilan balik tanah manakala lanjutan masa kedua diberikan atas faktor PKP yang melayakkan kontraktor memohon lanjutan masa sebanyak 114 hari. Walau bagaimanapun, projek naik taraf di Jalan Bindu sehingga kini telah pun mencapai sehingga 93% siap. Dan tarikh sebenar siap projek setelah mendapat lanjutan masa kedua ialah pada 22 Disember 2020. Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani adalah status jalan dan *traffic light* Sekolah Agama Bindu untuk makluman Yang Berhormat Parit Yaani, oh Parit Yaani tak ada. JKR Daerah Batu Pahat telah pun memohon

untuk menaik taraf lampu isyarat sedia ada daripada 3 fasa kepada 4 fasa di bawah Rancangan Johor 5 tahun, RJTS-5.

Seterusnya Yang Berhormat Timbalan Speaker, Yang Berhormat Endau ada menyebut mengenai projek pelebaran Jambatan Mersing sedia ada yang telah dibatalkan kerana ada cadangan membina Mersing *bypass* sebagai laluan alternatif di mana laluan alternatif ini akan dapat membantu mengurangkan kesesakan bandar Mersing. Laluan baru ini telah dimasukkan dalam RMK-12 yang telah dimajukan kepada Kementerian Kerja Raya. Keutamaan yang dimasukkan dalam keutamaan yang kedua dalam senarai. Walau bagaimanapun, maklumat terkini projek tersebut tidak terpilih untuk *Rolling Plan-1* dan kemungkinan akan dipilih dalam *rolling plan* seterusnya. JKR Johor telah meletakkan permohonan projek Mersing *bypass* ini sebagai keutamaan kedua namun pihak JKR pula telah mengubah sedikit perancangan mereka dengan mengutamakan hab perabot di Muar dahulu untuk dilaksanakan kerana lebih penting hasil daripada lawatan Menteri Ekonomi dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari selepas menilaikan kesan ekonomi kepada pembangunan kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Speaker, Tenang seterusnya sekali lagi tentang perkara yang dibahaskan oleh Penggaram mengenai tapak lampu isyarat di Persimpangan Kluang di Majlis Batu Pahat, Tanjung Labuh. JKR mengambil maklum isu berkenaan dan untuk makluman Yang Berhormat Penggaram, pihak pemaju belum membuat proses *Certificate Of Completion And Compliance*, CCC, dengan izin dan disebabkan itu pihak projek tersebut belum lagi dapat diserah kepada agensi yang berkenaan yang dipertanggungjawabkan.

Seterusnya mengenai status projek membina laluan baharu Jalan Kampung Rahmat merentas estet di Sri Gading, Batu Pahat, Johor. Mengikut jadual sebenar projek tersebut akan siap pada 28 September 2020. Namun pihak JKR mendapati projek ini telah berlaku kelewatan berdasarkan kepada peratus bagi kerja yang berakhir pada 23 November 2020. JKR, kemajuan kerja masih terlewat sebanyak 7.24% bagi kerja-kerja *premix*, *road furniture* dan *electrical work,* dengan izin. Setelah mengambil kira prestasi semasa ketika di tapak mendapati masalah yang dihadapi adalah kekurangan tenaga kerja. JKR memandang serius berkenaan isu kegagalan kontraktor yang tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. Oleh itu, kontraktor telah dikenakan LAD, denda kerana lewat dengan jumlah sehari sebanyak RM5,303.30.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Bukit Kepong ada menanyakan berkenaan dengan pembinaan *bypass* Bukit Pasir, pelebaran Jalan Muar – Pagoh serta naik taraf beberapa jambatan di Jalan Muar – Labis. Untuk makluman Yang Berhormat, projek jalan *bypass* Bukit Pasir sedang dalam peringkat reka bentuk terperinci oleh perunding yang dilantik. Proses tender hanya akan dibuat setelah proses pengambilan balik tanah selesai yang mana dijangka selesai pada penghujung tahun depan. Bagi projek jambatan iaitu projek menaik taraf jambatan Sungai Tui juga dalam proses reka bentuk dan projek ini dijangka akan ditender pada pertengahan tahun depan.

Yang Berhormat Mengkibol ada membahaskan status projek menaik taraf Jalan di Sri Lalang, Kluang, ianya telah pun siap. Kajian terperinci dan telah dimasukkan di dalam permohonan RMK Ke-12. Walau bagaimanapun, projek ini masih belum tersenarai untuk dilaksanakan dalam RP-1 dan pihak JKR Johor akan terus menyenaraikan projek ini sebagai keutamaan dalam *rolling plan* yang seterusnya.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Tenang teruskan lagi dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permas iaitu berkenaan cadangan kerja menaik taraf bagi melebarkan ruang Kompleks Sultan Abu Bakar. Untuk makluman, kerja-kerja menaik taraf bagi melebarkan ruang Kompleks Sultan Abu Bakar untuk menampung lebih ramai pelancong dengan anggaran kos sebanyak RM16 juta masih lagi dalam peringkat

perancangan dan semakan reka bentuk oleh pihak keselamatan dalam negeri. Walau bagaimanapun, kerja-kerja membaiki bumbung tertutup bagi mengelak tempias ketika hujan sudah hampir 60% siap dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 13 Januari tahun depan. Pihak JKR juga sedang melakukan kerja-kerja pembaikan kemudahan yang lain di Kompleks Sultan Abu Bakar dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM18.5 juta yang mana kos ini tidak termasuk kos menaik taraf terminal bas import dan eksport termasuk penambahan bumbung di kawasan *parking* bas yang berjumlah RM16 juta sebagaimana yang disebut tadi.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, untuk makluman semua Ahli Dewan ini sistem maklumat rekod-rekod jalan raya Malaysia atau *Malaysian Road Record Informal System (MARRIS)* yang digunakan bagi tujuan merekod data-data jalan raya seluruh negeri merangkumi jalan raya negeri, jalan raya perbandaran, jalan kawasan perumahan murah, lorong belakang, jalan sehala, kawasan pelancongan, jalan kampung dan jalan pertanian. Oleh yang demikian, jalan di bawah Lebuh raya Pasir Gudang ini yang ditimbulkan oleh Johor Jaya dan juga Permas tidak boleh didaftarkan di bawah MARRIS. Kerja-kerja penyelenggaraan Lebuh raya Pasir Gudang adalah terletak di bawah konsesi persekutuan. Bagaimanapun, peruntukan telah diminta bagi tahun depan untuk meningkatkan lagi struktur sebahagian daripada Lebuh raya Pasir Gudang dengan nilai sebanyak RM7.6 juta yang akan dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan itu diterima dan program naik taraf jalan dari 4 lorong kepada 6 lorong dari Seksyen 22 sepanjang 5.5 kilometer juga dalam fasa reka bentuk dan dijangka di tender pada Mei 2021.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya rasa jawapan ini agak panjang tapi saya cuba ambil yang penting termasuk juga masalah ataupun isu yang ditimbulkan oleh Kemelah iaitu mengenai bekalan elektrik di kawasan industri Segamat 2.

Tenang ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kempas dan ini ialah mengenai dengan pandangan Yang Berhormat Kempas mengenai perizaban jalan atau rizab Pihak Berkuasa Tempatan, PBT berkaitan dengan tiang-tiang elektrik. Sedia maklum bahawa TNB adalah syarikat milik kerajaan persekutuan yang mana segala keputusan yang berkaitan polisi dan dasar adalah tertakluk kepada keputusan kerajaan persekutuan, mengambil kira Akta Bekalan Elektrik 1990 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Bagi tapak pencawang elektrik yang perlu di bina bagi tujuan pembangunan dan menaik taraf infrastruktur elektrik, proses pengambilan tanah mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 perlu dilaksanakan. Ianya melibatkan pemilikan tanah individu dan swasta. Bagi tanah kerajaan, TNB perlu memohon pajakan untuk tempoh tertentu iaitu melalui Serah Balik Kurnia Semula bagi tujuan penyediaan infrastruktur bekalan elektrik bagi tujuan pembangunan. Bagi tiang-tiang dan laluan kabel sama ada atas atau di bawah tanah, TNB hanya mendapat kebenaran untuk izin lalu sahaja sepertimana termaktub dalam Akta Bekalan Elektrik 1990. Seberang kos tambahan yang akan dikenakan kepada TNB akan memberi kesan kepada kadar tarif sedia ada di mana tarif sekarang adalah antara yang terendah di dunia.

Cadangan Yang Berhormat bukan diperlekehkan sebaliknya memerlukan kajian lebih serius untuk, kerana ia melibatkan beberapa kementerian seperti Kementerian Kewangan selaku pemegang saham terbesar dalam TNB, Kementerian Tenaga Sumber Asli dan juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Yang Berhormat,

YB Timbalan Speaker : Panjang lagi YB EXCO?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan dan Infrastruktur : Saya hendak habiskan dengan, sebenarnya ada lagi tapi saya rasa saya boleh memberi jawapan ini kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat secara bertulis selepas ini.

Bagaimanapun, saya ingin mengakhiri penggulungan saya ini dengan mengulas sedikit Paloh ada menyebut bahawa mungkin nasib kita ini tidak menentu di masa akan datang, mungkin di sana, mungkin di sini kan. Tetapi apa yang kita perlu ialah kita komited kepada tugas kita. Cuma, saya mohon untuk mengakhiri dengan 2 rangkap pantun Yang Berhormat Timbalan Speaker, tapi dalam bentuk berlagu sikitlah. Tadi Yang Berhormat Speaker, memberi kebenaran, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Speaker pun memberi kebenaran. Boleh ya? (Nyanyian lagu).

Tajuk Johor, Tanjung Puteri, Selat Tebrau airnya biru. Pembangkang kini, semakin bestari, selepas berpengalaman memerintah negeri. Atas Bukit Tanjung Puteri, Taman Hiburan indah berseri. Di mana pun Tenang akan berdiri, doa-doa lah jadi Menteri. (Dewan ketawa).

Sekian sahaja Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya ada banyak lagi yang disentuh oleh Ahli Dewan, saya akan menulis surat kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memberi penjelasan. Saya akhiri penggulungan ini dengan lafaz wabilillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Tenang mohon menyokong. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih YB EXCO. Sebab nyanyian itu semua dah bersemangat sekarang. (Dewan ketawa). Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera, salam Makmur Johor. Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' PKN, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker kerana memberikan peluang kepada Rengit untuk terlibat sama dalam perbahasan Belanjawan 2021 pada petang ini yang hujan selepas mendengar nyanyian daripada Tenang tadi. Terlebih dahulu patik merafak sembah menjunjung kasih mengucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November bersamaan 09 Rabiulakhir 1422 Hijrah. Patik juga merafak sembah menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan JDT yang menjuarai Liga Super 7 kali berturut-turut. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Puan Speaker, pertamanya Rengit ingin mengucapkan, merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Bajet 2021 bertema "Berdaya Tahan Demi Kemakmuran". Seorang yang berlatar belakangkan jurutera diberi tanggungjawab menakhodai sebuah kapal yang belayar di ketika lautan bergelora, ombak besar, angin yang tak berhenti, taufan sesekali menerjah kapal yang dikemudikan. Alhamdulillah, kapal terus belayar menjuju destinasinya. Yang Amat Berhormat diberi tanggungjawab menguruskan negeri Johor ketika Johor dan negara berdepan dengan cabaran besar pandemik COVID-19. Bertekad mahu menjadikan pertanian sumber hasil negeri Johor pada masa yang akan datang. Dengan 3 strategi Pelan Jaminan Makanan, Digital Johor, JETCO, berserta 12 agenda Johor Berkebajikan, Keberdayaan dan Keberhasilan.

Yang Berhormat Puan Speaker, pertanian bukan lagi setakat perniagaan, meminjam slogan mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Pak Lah tetapi juga pertanian juga penyatuan. Yang Berhormat Puan Speaker, apa yang saya katakan kerana di Dewan ini semuanya bercakap soal pertanian. Dengan nada yang sama, harapan yang sama, tidak kira di pihak kerajaan atau rakan di sebelah sana, semuanya bersetuju supaya di segerakan Pelan Jaminan Makanan Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Speaker, yang tidak ada dalam Dewan dan juga Yang Berhormat Puan Speaker, kerana memperlihatkan profesionalisme yang cukup tinggi dalam mengendalikan urusan dan perjalanan Dewan (Dewan bertepuk). Sejak cabaran dan gelombang politik besar, besar negeri Johor ini Yang Berhormat. Saya sudah berada dalam Dewan Negeri Johor ini 17 tahun tanpa putus, mohon Allah ampunkan saya. Saya boleh katakan Yang Berhormat Speaker kita adalah antara yang terbaik di negara kita. (Dewan bertepuk). Begitu juga dengan Puan Speaker kita, daripada Penggaram yang tegas mengendalikan Dewan tanpa melihat kerajaan ataupun sahabatnya. Sekalung tahniah kepada Puan Speaker. (Dewan bertepuk).

Inilah keunikan Johor, inilah kelainan Johor seperti yang disebut oleh Kukup. Mungkin ada yang berkata, *statement* saya ini agak *cynical* sebab YB sekarang berada di peringkat kerajaan. Jadi boleh bercakap begitu, tidak. Saya ingin tegaskan di Dewan yang mulia ini sejak 2004 lagi, sejak saya menjadi Wakil Rakyat di kawasan saya, penggerak bagi program *Excel* Pendidikan Rengit, saya semuanya terdiri daripada cikgu-cikgu daripada PAS yang membantu saya ketika UMNO dan PAS masih lagi berperang. Tidak ada lagi Muafakat Nasional ketika itu. Saya ambil pendekatan bahawa sebagai Wakil Rakyat, semua kelompok adalah sama dan banyak mereka membantu saya dan suatu ketika Cabang PAS menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, minta saya dikekalkan pada pilihan raya 2008.

Yang Berhormat Puan Speaker, malah saya ingin juga beritahu dalam Dewan yang mulia ini satu ketika 2014 dan 2015, saya pernah berbincang dengan Yang Berhormat Puan Speaker, di Hotel Pelican, minum petang. Ketika itu saya masih kerajaan tentang cadangan untuk mewujudkan *select committee* di Dewan Johor. Saksinya masih ada, hidup lagi. Betul Yang Berhormat Puan Speaker? Tak nampak mengangguk dia tu. Ha, dia mengangguk. Bincang untuk wujudkan *select committee* di Dewan Undangan Negeri. Tapi usaha yang saya cuba buat ini Yang Berhormat Puan Speaker gagal kerana setengahnya mungkin tidak dapat menerima apa yang kita cadangkan. Kita perlu politik baru, perlu pendekatan baru di zaman yang menuntut keterbukaan dan juga ketelusan di semua pihak.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Perumahan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Portfolio Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini merupakan tanggungjawab yang mencabar ketika usia saya 61 tahun. Bukan senang, berat cabarannya, dugaannya, kadang-kadang Yang Berhormat Puan Speaker, tak boleh tidur. Sejak kebelakangan ini saya kerap terjaga, mimpi Bekok, Senai dan juga Tangkak. Bekok kata bila mahu lantik ini Ahli Majlis? Senai, dalam mimpi saya dia buat lukisan *mural* gambar Ahli Majlis yang tak nampak muka. Tangkak pula kata, tak apa. Kita buat saja kerja walaupun tak ada jawatan kepada Ketua Masyarakat Cina yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka. Mimpi-mimpi ini Yang Berhormat Puan Speaker, menyebabkan saya selalu jaga tengah malam.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya mula ucapan saya ini dengan serangkap pantun. Kisah burung dan juga katak. Burung Serindit di pegang lari, Katak Bayam lompat menari, tema Berdaya Tahan nama di beri, demi kemakmuran Johor lestari.

Yang Berhormat Puan Speaker, kalau melihat teks ucapan ini panjang, saya cuba ringkaskan seberapa ringkas dalam masa yang terbatas. Di bawah portfolio Perumahan Yang Berhormat Puan Speaker, dalam Belanjawan 2021 Yang Amat Berhormat mengumumkan RM310 juta untuk kita bina lebih banyak Rumah Mampu Biaya. Kita akan gunakan segala kekuatan sumber yang ada di semua peringkat, di pihak kerajaan, di pihak swasta, pihak pemaju untuk membantu menawarkan lebih banyak Rumah Mampu Biaya

bagi kelompok M40 dan juga B40. Kita menggunakan sumber tanah kerajaan negeri, menggunakan sumber kewangan yang ada. Sama ada wang, duit yang ada kaitan dengan sumbangan ataupun penalti, tidak kiralah duit daripada Tabung Infrastruktur Perumahan atau pun infra yang lain untuk membina rumah ini. Membantu pemaju dalam memberikan kelonggaran menyediakan Rumah Mampu Biaya, menjemput bersama syarikat berkaitan kerajaan untuk membina Rumah Mampu Biaya, menjemput syarikat senarai awam dengan tawaran menarik dengan soal tanah kos tanah yang kurang, yang rendah. Langkah lain yang kita buat ialah memperkukuhkan data di peringkat lapangan dan mengenal pasti projek pemaju, lokasi bilangan unit Rumah Mampu Biaya di setiap daerah.

Yang Berhormat Speaker, mudah-mudahan dalam tempoh 5 tahun ini bukan retorik, insya-Allah kita berusaha untuk membina sekurang-kurangnya 50,000 unit rumah. Yang Berhormat Puan Speaker, portfolio Perumahan juga bertekad untuk memastikan satu keluarga satu rumah. Slogan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kota Iskandar. portfolio juga dalam masa yang sama seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat dalam Bajet 2001, menyediakan baucar RM3,000.00 kepada mereka yang berjaya menduduki Rumah Mampu Biaya, pengecualian sewa PPR, RSK 1 Januari hingga 31 Disember kepada 9,000 orang. Skim Perumahan Prihatin Johor, 10 juta *Rent To Own* bersama Maybank ini akan saya ulas nanti, pembinaan Rumah Ihsan Johor 20 juta, Kajian Kualiti Hidup PPR dan RSK 1.5 juta, EXPO Harta Tanah di Johor serta memantapkan kerjasama Bahagian Perumahan dengan Persatuan Pemaju Perumahan Negeri Johor dan mengubah pendekatan pegawai dan staf Bahagian Perumahan Negeri Johor daripada pegawai penguat kuasa kepada pegawai pemasaran dan menjadi rakan pembeli dan juga pemaju.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam masa yang sama juga pihak PBT, PTG dan pemaju swasta untuk memastikan pembangunan Rumah Mampu Biaya ini dia bersekali dengan rumah projek-projek perumahan yang lain. Juga disertakan dengan kempen transisi dan di bawah kerajaan persekutuan kita akan berusaha untuk memastikan rumah mesra rakyat ini dapat diteruskan.

Di peringkat kerajaan tempatan Yang Berhormat Puan Speaker, pengecualian sewa lesen perniagaan seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar bagi semua jenis perniagaan terutamanya yang ada kaitan dengan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, peruntukan wang *one-off* kepada peniaga pasar tani dan juga pasar malam ataupun peniaga yang lain PKS Mikro, Pelan Pembangunan Bandar Warisan Johor, Batu Pahat, Johor Bahru dan juga Muar, Program Impak Bumi Hijau, Program Penanaman Seratus Ribu Pokok dengan belanja minima RM700,000.00 dengan kerjasama pihak Wakaf An-Nur dan inisiatif solar seperti yang dibangkitkan pernah disuarakan oleh Jementah, Inisiatif *Solar Supply Agreement Renewable Energy (SARE)* di semua PBT di bawah Program Rendah Karbon, kita akan mulakan kerja ini kerana kita dah diberitahu, Yang Amat Berhormat telah memutuskan dalam belanjawan ini dan pendekatan ini saya sebutkan kita menggunakan pendekatan PFI tanpa melibatkan peruntukan daripada Majlis. Satu lagi ialah inisiatif penyelarasan sisa pintar di Majlis Perbandaran Pengerang dengan peruntukan lebih daripada RM3.2 juta dan Program Pembangunan Kampung Tradisi di kawasan-kawasan PBT, Program Digitalisasi Johor yang menggunakan sumber sedia ada di PBT dan Program Naik Taraf Majlis Daerah Pontian kepada Perbandaran Pontian.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin sebutkan seperti yang disebutkan oleh Mengkibol di akhir lawatan Yang Amat Berhormat bersama saya ke Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Yang Amat Berhormat berpesan kepada pasukan penguat kuasa ataupun pasukan beruniform agar mengamalkan sikap lemah lembut dan menjadi kawan kepada semua yang ada kaitan di kawasan PBT, itu pesan Yang Amat Berhormat kepada pegawai penguat kuasa semasa lawatan. Saya harap Mengkibol dapat memahami pendekatan ini dan kita akan cuba menyelesaikan perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan perkara penguat kuasa.

Yang Berhormat Puan Speaker, Kota Iskandar ada membangkitkan tentang penalti Rumah Mampu Biaya, duit itu ke mana? Insya-Allah saya akan bincang bersama dengan Dato' PKN, Dato' PTG berapa jumlah duit yang sepatutnya masuk ke akaun Kumpulan Akaun Pembangunan Infrastruktur yang ditegur oleh pihak Audit. Program sewa beli *Rent To Own* bersama Maybank Islamic ini Yang Berhormat Puan Speaker, kita peringkat awal ini dah ada persetujuan daripada Maybank, daripada harga RM250,000.00 hingga RM700,00.00 selepas ini kita akan susun pada harga RM150,000.00. Kebaikan dalam program ini ialah, ini adalah mekanisma yang agak mudah untuk pembeli rumah mendapatkan pembiayaan bank, kita beri tempoh 5 tahun dan dalam tempoh 5 tahun ini, pihak pembeli perlu mendisiplinkan kewangan mereka dan mereka boleh membeli rumah seperti yang saya sebutkan dengan menggunakan harga yang asal. Syarat-syarat bagi menyertai program ini ialah syarat kelayakan umur 18 hingga 70 tahun, tidak mempunyai komitmen bayaran pembayaran perumahan yang lain, boleh membawa maksimum 3 penjamin dan s*core credit*, saya nak maklumkan ini ialah yang menjadi kekangan kepada banyak pembeli dari segi pembiayaan, *score credit* lemah ini akan dipertimbangkan. Kalau dalam skim biasa, konvensional biasa perkara ini agak sukar tetapi di bawah Program *Rent To Own* ini, *score credit* yang lemah akan juga dipertimbangkan dan insya-Allah doakan program ini kalau dapat kita muktamadkan kita akan mulakan program ini pada 1 Januari 2021.

Dibangkitkan juga tentang cadangan Lembaga Perumahan dan Harta Tanah Johor, saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini pada 19 Ogos 2020 pukul 2 petang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan telah mengadakan perbincangan bersama Penasihat Undang-Undang bagi semakan semula Rang Undang-Undang Lembaga Perumahan dan juga Harta Tanah 2014 dan kita bercadang Yang Berhormat Kota Iskandar untuk bawa semula perkara ini ke dalam Dewan untuk dipertimbang dan diluluskan. Saya mohon sokongan daripada Kota Iskandar bagi menjayakan pelaksanaan Lembaga Perumahan dan Harta Tanah Johor ini. Dari segi pembinaan perumahan yang dibangkitkan oleh YB Endau, terdapat dua projek di kawasan Endau iaitu 2013 Taman Nelayan ada 61 unit, Taman Dato' Ajib ada 156 unit dan untuk makluman Yang Berhormat Ëndau, Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan akan menjalankan kajian semula data permintaan bagi kawasan Endau dan juga Mersing dan bagi Yang Berhormat Bukit Kepong bertanya tentang status isu projek perumahan Johor Land. Melalui maklumat daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, pihak Johor Land sedang mengkaji kebolehlaksanaan projek ini disebabkan situasi semasa ekonomi dan permintaan pasaran di kawasan tersebut perlu dilihat semula.

Yang Berhormat Bekok bertanyakan soal pembinaan Rumah Rendah Mampu Milik di Chaah. Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 1452/2017 bertarikh 9 Ogos, telah mengambil keputusan bersetuju bagi pengambilan balik tanah (PBT) SD5218 sebagai Lot 6201, satu Mukim Chaah seluas 11.977 ekar dengan kos RM1.5 juta bagi tujuan pembinaan Rumah Mampu Milik Johor oleh PIJ Holdings Sdn. Bhd. dan sedang menunggu arahan daripada pihak kerajaan Yang Berhormat dan bagi perumahan SPNB di Chaah untuk makluman Bekok, Projek Taman Chaah Idaman telah diberhentikan pembinaannya pada tahun 2019 kerana pada ketika ianya dibina, projek ini kurang berdaya maju untuk dibangunkan atas faktor-faktor tertentu dan tiada pembeli yang telah menandatangani perjanjian jual beli pada ketika itu dan ianya ditangguhkan. Pihak SPNB sedang dalam peringkat kajian lanjutan bagi merangka pelan tindakan susulan bagi projek ini, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Puan Speaker, seterusnya pengecualian sewa ke atas Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Kerajaan Skim Bersasar sepanjang 2021, yang ini saya disebutkan berpendapatan RM4,000.00 ke bawah dan keadaan sosioekonomi COVID yang agak membimbangkan ini, kita jangka sebanyak daripada 12,115 unit rumah ini hasil bancian sebanyak 9,101 adalah penyewa yang layak dan menerima inisiatif ini, manakala 3,014 unit kediaman tidak layak disebabkan beberapa perkara. Pertama mereka *sub let*

sewa atas sewa, yang kedua mereka ceroboh, masuk tanpa kebenaran dan yang ketiga meninggalkan premis kediaman melebihi 3 bulan, tidak mengemukakan salinan dokumen, memperbaharui perjanjian dan ada kes-kes jenayah, penyalahgunaan dadah, maksiat, kecurian dan sebagainya. 3,114 ini akan tidak terlibat dalam Program Pengecualian Sewa Bersasar 2021, Yang Berhormat Puan Speaker. Bagi Program Sewa Beli PPR Batu Anam yang dibangkitkan, diajukan oleh Yang Berhormat Buluh Kasap, PPR Batu Anam adalah projek yang melibatkan 102 unit rumah di atas tanah seluas 3.6 hektar milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Projek ini dibina oleh KPKT dan telah diserahkan kepada Pejabat SUK Bahagian Perumahan pada 27 April. Sehingga kini untuk makluman Yang Berhormat Buluh Kasap, tiada cadangan daripada pihak KPKT untuk menjadikan skim sewa beli kepada penyewa-penyewa yang tersebutlah. Satu lagi ialah kuota khas dan juga kuota KMK, untuk makluman Yang Berhormat ialah kuota khas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Buluh Kasap, pembahagian dia lebih kurang sama sahaja iaitu 80% pada kuota awam, kuota khas pun 80%, kuota KMK pun 80% dan pecahan dia kuota awam Melayu 65%, kuota awam Cina 25%, kuota awam India 10% dan kuota prihatin begitu juga 65%, 25%, 10% dan kuota khas ini yang diperkenalkan melalui Mesyuarat MMK pada 12 Jun 2020 yang lepas, sama juga kuota khas ini 5% untuk kuota belia, kuota OKU pun 5% dan kuota Prihatin pun 10%. Nama sahaja diubah Yang Berhormat tetapi agihannya kita faham, setengahnya sebelum ini menggunakan saluran politik dan ini mungkin juga sebahagian juga menggunakan saluran politik, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Puan Speaker mengenai rumah veteran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Pasir mengenai kem penempatan veteran berskala besar, dia masih perlu melalui proses permohonan perumahan biasalah yang dibuat oleh pihak kerajaan. Semerah juga membangkitkan Rumah Ihsan Makmur Johor, ini kepada mereka yang susah yang daif dalam *focus group* kerajaan negeri pada tahun depan bersetuju untuk RM20 juta dengan kita jangka lebih kurang 400 unit rumah yang akan kita bina. Tentang cadangan di tanah veterinar itu Yang Berhormat mungkin kita boleh timbangkan untuk buat rumah PPR bagi membantu mereka seramai 320 yang susah di kawasan Batu Pahat. Bagi kerajaan tempatan saya cuba ringkaskan Yang Berhormat Puan Speaker, yang dibangkitkan oleh Parit Yaani, ini kisah Bukit Payung yang katanya memilukan. Projek ini dah dimulakan 1 Jun 2018 dan dijangka berakhir pada 2021. Projek ini menggunakan *land field* pelupusan sanitari dan juga WTE dan ini perkara yang cukup penting kerana di sebelah selatan kita dah selesai tapak pelupusan. Antara tanah kerajaan negeri dengan persekutuan kita dah ada *swap* tanah dan selesai. Di tengah ini, di Batu Pahat ini, kalau dapat disiapkan, insya-Allah benda ini dapat membantu dari segi pengurusan sisa pepejal kita. Cuma kelewatannya, EOT nya ialah selama 114 hari, Yang Berhormat. Parit Yaani juga membangkitkan Yang Berhormat, Parit Yaani juga membangkitkan soal penerima Inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020. Saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini, kita bagi bantuan itu semua sama, Yang Berhormat. Saya ingin bagikan jumlah dia, bagi 16 PBT ini bagi kaum Melayu 25,154, bagi kaum Cina 22,394 dan bagi kaum India 2,991 dan lain-lain kaum ialah 565 orang. Itu jumlah Yang Berhormat.

Seterusnya perkembangan laluan dan jambatan menghubungkan Taman Seri Wangsa ke Taman Seri Berkat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalan dan jambatan tersebut dibuat oleh pihak persendirian dan di atas tanah persendirian untuk kegunaan jalan pintas dari Taman Seri Wangsa ke Taman Puteri Jaya dan sebaliknya. Tuan-tuan tanah ini memberi kebenaran kepada penduduk untuk menggunakan jalan tersebut dan Majlis Perbandaran Batu Pahat pernah membantu untuk membuat tampalan sekiranya jalan tersebut berlubang dan atas dasar tanggungjawab. Dan juga atas keprihatinan Majlis Perbandaran Batu Pahat akan menyelesaikan masalah dengan membaiki tebing jambatan runtuh tersebut pada tahun hadapan dan berdasarkan semakan permohonan pemajuan di kawasan tersebut terdapat lot bersebelahan Taman Seri Wangsa yang telah lulus Kebenaran Merancang atau KM dan berpotensi untuk disambungkan ke Taman Seri Berkat

jika lot-lot bersebelahan juga mengemukakan Kebenaran Merancang untuk dibangunkan, untuk makluman Yang Berhormat Parit Yaani.

Seterusnya Yang Berhormat Timbalan Speaker, Bukit Pasir membangkitkan kajian semula pelaksanaan Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 agar tidak menghimpit masyarakat tempatan dengan pembangunan yang tidak selari dengan ciri-ciri sebuah bandar bestari. Yang Berhormat Puan Speaker, mulai 15 November 2020 hingga 15 Disember 2020, Program Pameran Publisiti telah dijalankan secara serentak di 5 lokasi, iaitu Dewan Jubli Intan Muar, Pejabat Jabatan Pembangunan dan Landskap MPM, Pejabat Daerah Muar, Pejabat Tanah Muar dan Pejabat PLAN Malaysia Johor, Kota Iskandar. Jadi, Yang Berhormat Bukit Pasir boleh menyemak dokumen perancangan ini dan semua adalah terbuka untuk memberikan sebarang komen, cadangan, pandangan, bantahan terhadap mana-mana kandungan draf RTD Muar 2030 Penggantian dan semua cadangan, bantahan diterima dalam tempoh publisiti dan juga penyertaan awam yang akan dibawa ke pertimbangan Jawatankuasa Sains dan Tempatan dan Kenegarawan sebelum RTD itu diwartakan dan seterusnya untuk pemakaian kelak.

Pembetungan seperti yang dibangkitkan oleh Kempas, saya lajukan sedikit Yang Berhormat, sistem MPJ terdiri daripada *septic tank, terminal septic tank, column opsidenal,* separa *mechanical* dan banyak lagilah Yang Berhormat, saya rasa. Untuk makluman ini, ada 185 yang diselenggarakan oleh MBJB dan mengikut, dia punya reka bentuk mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh JPP dan juga SPAN. Semua pembangunan di kawasan ini mengikut Kebenaran Merancang yang telah ditetapkan.

MBJB pada masa ini menyelenggarakan 98 loji rawatan kumbahan awam dan 37 rumah pam di kawasan pentadbiran MBJB melalui kontraktor penyelenggaraan tahunan sehinggalah dibuat penyerahan kepada agensi yang dilantik oleh pihak kerajaan. Bagaimana pun, MBJB bersedia untuk menyerahkan pengoperasian loji ini pada bila-bila masa kepada pihak yang lebih pakar agar ia lebih terurus dan sistematik.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai, mengenai *One-Stop Centre 3.0 Plus Online* ini, untuk makluman Yang Berhormat Skudai adalah pembekal sistem *vendor* yang dilantik oleh KPKT dalam pelaksanaan *OSC 3.0 Plus* merupakan panduan agensi teknikal dalaman dan luaran, pihak pemaju, perunding, profesional, orang awam dan semua yang berkepentingan dalam urusan pengeluaran permit pembinaan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Tujuan pelaksanaan sistem *OSC 3.0 Plus* ini adalah bagi mewujudkan keseragaman dari segi pelaksanaan di semua PBT dan ianya merupakan penambah baik dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dari segi aspek kawalan pemajuan merangkumi keseluruhan peringkat pembinaan. Epbt akan diteruskan untuk makluman Yang Berhormat, dan dalam usaha kita membantu diteruskan, diperkemaskan dalam usaha kita membantu pendigitalan usaha PBT di Johor.

Rentetan daripada satu lagi Yang Berhormat Timbalan Speaker, tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Yong Peng mengenai kedudukan tanah terbiar di kawasan-kawasan PBT. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah meluluskan beberapa perkara yang cukup besar mengenai kedudukan tanah-tanah yang tidak diusahakan di kawasan PBT dan kerajaan telah meluluskan yang pertamanya ialah mengenai Kebun Komuniti. Ini penglibatan komuniti dalam membuat kebun-kebun kecil untuk keperluan sara diri dan kita telah membuat *roadmap* nya, kita telah menyediakan buku panduan dan akan kita lancarkan dalam masa terdekat. Satu lagi, ialah Kebun Bandar. Yang ini banyak dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan, dan insya-Allah Yang Berhormat Puan Speaker, kertas ini pun telah diluluskan oleh pihak kerajaan, kita bersama PLAN Malaysia, Jabatan Pertanian, PBT, PTG akan mengenal pasti tanah-tanah yang kosong lebih daripada 1 ekar, tanah pemaju, tanah pesuruhjaya, tanah persekutuan ataupun tanah kerajaan negeri atau tanah GLC yang tidak diusahakan untuk kita bangunkan sebagai kebun bandar. Ini

berteraskan kepada kebun *commercial based.* Yang ini kita buat dan bukunya telah siap insya-Allah Yang Berhormat, kita akan panggil *industry player* yang terlibat untuk kita pastikan kebun-kebun kawasan yang terbiar sama ada di kawasan PBT ini dapat kita bangunkan bagi membantu pelan jaminan makanan negeri Johor.

Menjawab soalan daripada Yong Peng tentang tindakan PBT membaik pulih sistem perparitan yang kotor, rosak dan berpotensi menjadi pembiakan nyamuk. Beberapa tindakan telah dibuat oleh pihak Majlis Daerah Yong Peng untuk mengatasi masalah ini, bagi Jalan Kota 8, tindakan pembersihan telah dilaksanakan oleh MDYP atau Majlis Daerah Yong Peng. Bagi Taman Desa untuk makluman Yang Berhormat, perbincangan bersama pihak pemaju telah diadakan. Bagi Taman Damai Jaya, ia melibatkan pihak Jabatan Pengairan dan perbincangan dua pihak telah diadakan bagi mengatasi masalah-masalah banjir yang memerlukan peruntukan dan kerjasama pengadu untuk membina parit. Hasil daripada perbincangan pihak JPS akan bersetuju untuk mendalamkan kawasan di Taman Damai. Saya hendak ucapkan juga tahniah kepada Yong Peng walau pun dalam keadaan agak cabarannya besar tetapi sentiasa membangkitkan su-isu yang berkaitan dengan kawasan Yang Berhormat.

Satu lagi yang dibangkitkan oleh ADUN Tangkak, Yang Berhormat Tangkak mengenai kekosongan ketua masyarakat. Yang ini selalu Yang Berhormat Tangkak, saya selalu mimpi malam-malam yang saya sebutkan tadi, bagi sedikit masa saya untuk membantu dan nak menyelesaikan dan saya jangka benda ini boleh kita selesaikan selewat-lewatnya awal tahun depan. Saya susah juga hendak mencari formula ini, kadang-kadang menggunakan masa yang panjang untuk berbincang dengan rakan-rakan.

Satu lagi yang dibangkitkan oleh Parit Raja mengenai ruang niaga penjaja, bantuan makanan, di kawasan MPBP, di kawasan Majlis Perbandaran akan naik taraf Pasar Awam Parit Raja. Untuk makluman Parit Raja, pada tahun 2021 dan kita sedang meneliti semula penambahan ruang-ruang niaga memandangkan keluasan tapak sedia ada adalah terhad. Satu lagi tapak-tapak penjaja harian di Taman Kristal, Taman Cempaka Biru dan Taman Universiti di mana setiap tempat boleh menempatkan 20 penjaja, setakat ini tidak mengenakan apa-apa caj sewa di atas petak *parking* dan hanya mengenakan syarat bayaran sumbangan kebersihan sebanyak RM60.00 setahun dan serta permit kereta sorong sebanyak RM9.00 setahun dan ini saya akan bincang semula dengan pihak majlis untuk kalau boleh kita bantu peniaga-peniaga ini. Bagi penempatan *food truck*, MP telah menempatkan di Taman Universiti dan terdapat 4 *food truck* di kawasan penjaja. Dan untuk makluman...

YB Timbalan Speaker : YB EXCO, 3 minit lagi, boleh?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Ok, saya cuba habiskan. Kalau tidak sempat nanti saya jawab yang bertulis lah Yang Berhormat. Banyak lagi yang dikemukakan, ada yang berkaitan dengan penjaja, ada berkaitan dengan bantuan makanan yang dibangkitkan oleh Pasir Raja. Ada perkara yang dibangkitkan YB daripada Serom. Yang ini saya rasa, saya perlu jawablah sebab ini penting. Berkaitan dengan keputusan Majlis Daerah Tangkak tidak membenarkan peniaga pasar tani, pasar pagi peniaga, saya rasa satu keputusan yang agak silap dibuat oleh Majlis Daerah kerana keputusan di peringkat negeri telah memutuskan bahawa, kena buat penilaian risiko yang diputuskan oleh Pejabat Kesihatan Daerah. Majlis Daerah tidak boleh buat keputusan sendiri tanpa merujuk kepada Pejabat Kesihatan Daerah. Jadi, tidak sewajarnya ditutup dalam keadaan yang cukup mencabar pada masa ini dan saya akan minta Majlis Daerah Tangkak untuk mengkaji semula penutupan semua pasar dan kalau boleh kita buka seberapa cepat yang mungkin.

Yang Berhormat Tiram banyak bangkitkan soal infrastruktur dan juga Permas ada membangkitkan soal pemulihan Sungai Kim-Kim. Kenapa naik taraf Majlis Bandaraya? Saya nak umumkan secara ringkas, Yang Berhormat, bila naik taraf Bandaraya ini, kita dapat geran keseimbangan sebanyak RM5 juta daripada kerajaan persekutuan. Ini satu kelebihan dan isu-isu lain yang dibangkitkan tentang digital ini, yang dibangkitkan oleh Tangkak, kita akan merangka pelan supaya jalur lebar ini menjadi utiliti ke-3 kepada sebarang projek pembangunan yang akan dikemukakan kepada pihak PBT. Kita tahu, air dan juga elektrik dan kali ini perlu masukkan jalur lebar dalam sebarang projek kemajuan KM dalam setiap projek pembangunan.

Sekali lagi Yang Berhormat, tentang yang dibangkitkan oleh Johor Jaya, panjang jawapannya dia ini. Saya minta, saya akan jawab secara bertulis dan bagi Endau ini, saya ingat telah dijawab oleh Yang Berhormat EXCO Pelaburan dan akhir sekali Yang Berhormat tentang lesen-lesen ini yang dibangkitkan oleh Parit Raja juga dan juga Endau. Kita beri pengecualian ini banyak, beri insentif ini kepada 34,835 tapak pasar malam dan juga pasar pagi di seluruh Johor.

Itu sahaja Yang Berhormat Puan Speaker, saya akhiri ucapan penggulungan ini dengan pertamanya nak mengucapkan terima kasih kepada semua ADUN yang telah mengemukakan cadangan, pandangan dan insya-Allah apa juga kekurangan kita akan perbaiki dan saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada semua *front liners* di pihak PBT, di pihak Pejabat Kesihatan yang banyak membantu menghadapi cabaran pandemik COVID-19 di seluruh Johor daripada bulan Mac sehinggalah sekarang. Mudah-mudahan setiap usaha yang dapat, yang telah kita buat, akan mendapat keredhaan daripada Allah SWT. Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada EXCO Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebab pujian kepada Speaker dan juga saya berpendapat ideologi yang tidak sama tidak menghalang kita berkongsi pandangan. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Puan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun. Adalah patik dengan segala hormat takzimnya memohon ampun berdatang sembah serta dengan ingatan tulus ikhlas merafak ucapan setinggi-tinggi tahniah sempena hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020. Patik berdoa ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat-Nya mengurniakan keselamatan dan kesihatan serta dilanjutkan apalah jua kiranya akan usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta bertambah-tambah lagi dengan darjah kebesaran dan kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi menaungi patik sekalian dengan saksama, kekal memerintah di atas takhta kerajaan negeri Johor Darul Ta'zim dengan aman dan sentosa. Patik juga berdoa semoga Allah lanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor. Kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan Che Puan Khaleeda binti Bustamam, Putera-putera dan Puteri serta Kerabat DiRaja sekalian. Semoga sentiasa berada di dalam keadaan sihat wal'afiat dan selamat sejahtera. Amin, Ya Rabbulalamin.

Pertama-tama, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pemimpin utama negeri kita Yang Amat Berhormat Datuk Hasni bin Mohammad, selaku Menteri Besar Johor Darul Ta'zim yang telah mentadbir urus kerajaan Perikatan Nasional pada hari ini yang telah melakukan satu anjakan paradigma dengan melahirkan satu gagasan aspirasi rakyat yang berteraskan kepada Makmur Johor dalam pembentangan Belanjawan Johor 2021. Jauhari sahaja yang mengenal manikam.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya Ahli-Ahli Dewan yang telah menimbulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan perkara-perkara yang di bawah portfolio saya selaku Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor. Kepada Yang Berhormat sahabat saya Parit Yaani, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) telah mengagihkan sebanyak RM561,500.00 melibatkan seramai 5,615 orang anak yatim dalam jagaan keluarga yang dikategorikan sebagai fakir miskin di seluruh negeri Johor secara *one-off* yang mana setiap anak yatim menerima sumbangan tunai sebanyak RM100.00. MAIJ juga telah melaksanakan Majlis Penyampaian Bantuan Fidyah kepada anak-anak yatim dalam jagaan keluarga, kepada semua daerah pada 24 Oktober 2020 sepertimana pecahan senarai yang berikut Yang Berhormat Timbalan Speaker. Bagi daerah Johor Bahru, sejumlah 1,202 orang anak yatim dengan peruntukan RM120,200.00 , bagi daerah Batu Pahat seramai 325 orang anak yatim berjumlah RM32,500.00, bagi daerah Muar Yang Berhormat Timbalan Speaker, seramai 1,052 orang berjumlah RM105,200.00, bagi daerah Kota Tinggi seramai 270 orang berjumlah RM27,000.00, bagi daerah Segamat seramai 91 orang berjumlah RM9,100.00, bagi daerah Mersing berjumlah 407 orang, RM40,700.00, bagi daerah Pontian 576 orang, berjumlah RM57,600.00, bagi daerah Kluang 930 orang, RM64,200.00, bagi daerah Tangkak, 642 orang, RM64,200.00 dan daerah Kulai sejumlah 120 orang, RM12,000.00, jumlah besar sebanyak RM561,500.00.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, merujuk kepada sahabat saya Yang Berhormat Mahkota dan Buluh Kasap, bagi bantuan kepada golongan yang bukan penerima bantuan bulanan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) pada cadangan asal hanya 12,000 penerima dengan bajet sejumlah RM2.4 juta sahaja. Tetapi MAIJ telah menambah lagi sebanyak RM1 juta dengan penambahan seramai 5,000 penerima yang menjadikan sebanyak 17,000 penerima bantuan khas yang bukan menerima bantuan bulanan MAIJ yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan bajet dan untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Speaker dan rakan-rakan saya Ahli-Ahli Dewan, sehingga setakat hari ini, jam 11:50 pagi, seramai 6,154 orang telah pun memajukan permohonan kepada MAIJ dan saya berharap dengan apa yang disarankan oleh rakan saya dari Mahkota jika terdapat penambahan-penambahan pihak kami akan memikirkan untuk melanjutkan tarikh pendaftaran ini yang bermula dari 1 Disember hingga 14 Disember.

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Raja dan Parit Yaani, JT Lab telah memberikan taklimat berkaitan pencapaiannya dalam Mesyuarat Majlis Halal Bilangan 1/2020, JT Lab telah memaklumkan berkenaan pengiktirafan dan akreditasi yang diperolehi oleh Jabatan Standard Malaysia kepada JT Lab, Majlis Halal Negeri Johor sentiasa mengikuti dan menyokong perkembangan JT Lab selari dengan kehendak kerajaan Johor untuk menjadikan JT Lab sebagai sebuah pusat analisis dan penyelidikan komersil yang diiktiraf dunia. Sebahagian dalam ucapan Belanjawan 2021 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Kesemua fungsi kapasiti dan kepakaran yang ada pada JT Lab tersebut akan menyokong Johor sebagai hab halal global. Saya mohon jasa baik kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker dan juga rakan-rakan Ahli Dewan dan semua jabatan-jabatan kerajaan supaya menggunakan JT Lab ini sebagai fungsi untuk mendapatkan segala bentuk analisis dan saya ucap terima kasih kepada dua jabatan kerajaan iaitu Jabatan Veterinar Negeri Johor, Jabatan Pertanian dan FAMA Negeri Johor yang telah menjadikan JT Lab sebagai pusat rujukan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Yaani dan Semerah, berkenaan mengenai status terkini proses 37 buah rumah bantuan asnaf, dengan adanya penubuhan akaun amanah di Pejabat Daerah, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor telah mendapatkan juga kerjasama dengan Kumpulan Prasarana Rakyat Negeri Johor (KPRJ) dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dalam mempercepatkan proses pembinaan ini. Hasil daripada kerjasama ini proses pembinaan 37 buah rumah asnaf seperti yang ditimbulkan, seperti berikut; projek pembinaan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor bagi daerah Mersing

sebanyak 10 buah rumah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi daerah Muar, 6 buah rumah, daerah Tangkak, 4 buah rumah, daerah Batu Pahat 1 buah rumah. Bagi Pejabat Daerah Mersing, 7 buah rumah, daerah Batu Pahat 9 buah rumah. Seperti mana yang diminta oleh rakan saya Yang Berhormat Parit Yaani, untuk makluman, jumlah perumahan asnaf yang telah disiapkan dari tahun 2015 hingga 2020 adalah seperti berikut Yang Berhormat Timbalan Speaker, daerah Johor Bahru sebanyak 6 buah rumah, daerah Batu Pahat 52 buah rumah, daerah Muar 50 buah rumah, daerah Batu Pahat 69 rumah, daerah Segamat 24 rumah, daerah Kluang 34 rumah, daerah Kota Tinggi 8 buah rumah, daerah Mersing 39 buah rumah, daerah Pontian 30 buah rumah, daerah Tangkak 42 buah rumah, daerah Kulai 6 buah rumah, jumlah keseluruhan sebanyak 310 buah rumah.

Untuk makluman sahabat saya Yang Berhormat Bukit Kepong, pembinaan rumah transit Bukit Kepong yang bermula pada tahun 2017 telah menghadapi kelewatan. Apabila kontraktor utama tidak dapat menyiapkan pembinaan kompleks tersebut mengikut tempoh yang telah pun ditetapkan. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Speaker, buat masa ini tindakan amaran pertama kepada pihak juru perunding AHK Arkitek Hanan telah pun dikeluarkan. Perkembangan terkini berkaitan rumah tersebut, rumah transit ini permohonan Kebenaran Merancang akan dipohon kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi pengasingan Fasa 1 yang telah dibina iaitu surau, balai rewang dan gerai dan Fasa 2 pembinaan yang melibatkan 32 unit rumah kediaman.

Untuk makluman Yang Berhormat DUN Bukit Pasir, kerajaan Johor melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah bersetuju memberikan kebenaran kepada madrasah dan pusat-pusat tahfiz di negeri Johor memulakan sesi pembelajaran bermula pada 20 Disember 2020 sehingga tamat sesi persekolahan sebenar madrasah dan pusat tahfiz tersebut. Walau bagaimanapun, kebenaran ini hanya tertakluk kepada madrasah dan pusat tahfiz yang telah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan madrasah yang tidak berada dalam zon merah dalam tempoh PKPB seperti yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Berkenaan dengan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI), Sekolah Menengah Integrasi Teras Islam (SMITI) di negeri Johor adalah institusi swasta yang belum berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Walau bagaimanapun, pihak JAINJ telah pun mengemukakan rayuan kepada mereka ini supaya membuat pendaftaran dengan pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Penggaram, pembangunan sekolah agama Fasa 6 bagi tempoh 5 tahun akan datang tidak melibatkan Bukit Pasir, Batu Pahat. Walau bagaimanapun, apa yang telah ditimbulkan oleh Penggaram sejumlah RM41,742.00 telah diberikan peruntukan pada tahun 2019 untuk kerja-kerja baik pulih sekolah tersebut. Untuk makluman Penggaram, cadangan untuk membina bangunan baru sekolah tersebut telah dimajukan kepada pihak kerajaan di satu tanah wakaf Majlis Agama Islam Negeri Johor di Taman Maju. Pihak Unit Pembangunan JAINJ dan MAIJ akan berusaha membina bangunan tersebut melalui fasa-fasa pembinaan yang akan datang.

Kepada semua pernyataan Ahli-Ahli Dewan yang memerlukan butiran perbelanjaan baik sekolah-sekolah agama bagi tahun 2019 dan 2020, saya tak boleh baca Yang Berhormat kerana terlalu panjang, pejabat saya akan menghantar senarai-senarai kerja-kerja baik pulih sekolah agama kepada semua Ahli-Ahli Dewan dalam Dewan Undangan Negeri Johor ini insya-Allah.

Untuk makluman sahabat saya Semerah, Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Negeri Johor telah berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Ianya bermula pada tahun 2012. Lantikan guru-gurunya adalah di bawah kerajaan pusat iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia di samping bajet-

bajet pembangunan dan baik sekolah. Namun demikian, kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan tambahan kepada SRAB Johor bagi menampung kos-kos penyelenggaraan dan baik pulih kecil kepada sekolah-sekolah tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Serom dan Parit Raja, sehingga 15 November 2020, kekosongan jawatan tetap Guru Agama Kerajaan Johor iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Gred DG 29 adalah sebanyak 948 kekosongan. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Speaker, perkara ini telah diambil maklum oleh kerajaan negeri melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor (SPAJ) dan berusaha mengisi kekosongan. SPAJ dalam proses temu duga calon yang berkelayakan bagi Gred DG 29 mulai 1 November 2020 yang lalu. Namun begitu atas faktor keselamatan temu duga ini ditangguhkan sementara melihat kepada akibat pengumuman PKPB oleh kerajaan persekutuan. DG 29 ini dijangka akan disambung semula dalam masa terdekat dan mula mengisi kekosongan pada awal tahun 2021 dengan jumlah anggaran pengambilan calon baru seramai 500 orang, untuk maklumat Yang Berhormat Timbalan Speaker.

Seterusnya bagi skim perkhidmatan guru dan staf sokongan yang berkhidmat di SAKJ sentiasa diberikan perhatian dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, bagi skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG 29 bertaraf tetap, telah diselaraskan kepada gred yang setaraf dengan guru-guru di Kementerian Pendidikan Malaysia dan disyaratkan mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan. Selain itu skim gaji dan manfaat-manfaat lain yang turut diterima sama seperti kakitangan awam. Namun begitu, bagi pengisian guru secara kontrak iaitu guru KAFA seramai 2,090 orang yang berkhidmat di Sekolah Agama Kerajaan Johor di seluruh negeri Johor dapat menampung keperluan guru di Sekolah Agama Kerajaan Johor. Skim ini adalah seperti yang telah ditetapkan oleh JAKIM dan selaras dengan negeri-negeri lain. Bagi staf sokongan pula, hanya pembantu tadbir sahaja yang ditugaskan di SAKJ bersesuaian dengan skim dan keperluan semasa di peringkat pentadbiran sekolah agama.

YB Timbalan Speaker saya memulakan kelangsungan ini. Menjawab isu berkaitan nisbah guru, pada masa ini Jabatan Agama Islam Negeri Johor, menggunakan kayu ukur guru dan murid dengan nisbah 1 nisbah 3.5 secara purata bagi seluruh negeri Johor. Kepada penyataan bagi pihak Pasir Raja, pada masa ini semua sekolah agama kerajaan tidak dibekalkan talian telefon. Bagaimanapun pihak pentadbiran sekolah agama kerajaan Johor boleh mengambil inisiatif untuk memasang talian telefon di sekolah masing-masing dengan kosnya di tanggung oleh pihak berkuasa badan kebajikan sekolah yang berkenaan yang ada menerima sumbangan sebanyak RM3,000.00 hingga RM5,000.00 setahun. Saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan ini dan insya-Allah Jabatan Pendidikan Islam Negeri Johor akan mengkajikan satu kertas cadangan untuk dibawa kepada kerajaan negeri bagi dicadangkan bahawa semua sekolah-sekolah agama negeri Johor dibekalkan dengan talian telefon, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Speaker.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam usaha untuk kita menerapkan sejarah Kesultanan Islam negeri Johor, bermula pada tahun ini, pelajar tahun 1, 2 dan 3 telah memulakan pelajaran Sejarah Kesultanan Islam Negeri Johor. Kepada pelajar tahun 3, 4 dan 5 pada tahun 2021 dan darjah khas pada tahun 2022. Apabila mereka ini dewasa kelak untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Speaker, mereka ini tidak akan dibutakan sejarah oleh golongan-golongan yang cuba nak memecahbelahkan perpaduan rakyat Johor tentang Kesultanan dan Keislaman di negeri Johor ini. Selain itu, kita juga berbangga apabila Universiti Al-Azhar Mesir telah memilih negara kita Malaysia di antara 2 negara di seluruh dunia selain Indonesia untuk dijadikan sebagai Pusat Pembelajaran Bahasa Arab Universiti Al-Azhar. Di Malaysia kita lebih bersyukur Yang Berhormat Timbalan Speaker, negeri Johor telah dipilih sebagai Pusat Pembelajaran Bahasa Arab Mesir Universiti Al-Azhar yang mana pusat ini telah pun diperkenankan oleh Ke Bawah Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan dengan namanya Pusat Pembelajaran Bahasa Arab Dato Sayyid Alwee Al-Haddad

mengambil sempena nama Mufti negeri Johor yang pertama. Untuk makluman YB Parit Yaani, Tangkak dan Yong Peng, kerajaan telah mengarahkan Perbadanan Islam Johor untuk meneliti, memperhalusi dan menambah baik manfaat kepada program-program Takaful Warga Emas Negeri Johor ini. Sehubungan dengan itu, seperti mana yang telah saya nyatakan di sini jumlah permohonan yang diterima tahun 2019 mengikut DUN dalam seramai 11,200 penerima. Jumlah permohonan yang diterima bagi tahun 2020 sehingga Ogos masih lagi 11,200 dan masih dalam *pending approval* untuk dengan izin, untuk ke jumlah seramai 28,000 pemohon.

Untuk makluman YB Senggarang kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah menubuhkan 16 Pusat Kegiatan Saudara Kita (Darul Ukhuwah) yang ditempatkan di 10 daerah dalam negeri Johor. Satu Pertubuhan Kebajikan Saudara Kita telah diwujudkan di setiap daerah bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Darul Ukhuwah tersebut. Peranan Darul Ukhuwah antaranya ialah memberi bimbingan dan bantuan jika ada di kalangan saudara-saudara kita yang memerlukan pendidikan dan bimbingan dari segi agama termasuklah Orang-orang Asli yang mana setakat ini, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Dewan, seramai 86 orang guru saudara kita dan 32 orang tenaga pengajar orang asli telah dilantik bagi menjalankan sesi bimbingan kepada mereka. Sebuah Rumah Perlindungan Saudara Kita juga telah diwujudkan di Parit Raja, Batu Pahat bagi membantu saudara kita yang memerlukan perlindungan sementara dan juga bagi mereka yang mengalami masalah kesihatan dan tidak berwaris.

Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Ahli Dewan, untuk makluman YB Kemelah, Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Negeri Johor ada membuka sesi kaunseling dan khidmat nasihat kepada pasangan suami isteri dan keluarga yang mengalami masalah rumah tangga semasa COVID-19 ini dan yang berhubung kait dengan masalah-masalah ketahanan mental. Untuk makluman YB Buluh Kasap, terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan terhadap pegawai masjid, surau dan noja. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Bajet 2021, pihak JAKIM akan memberikan bantuan *one-off* kepada pegawai masjid iaitu imam, bilal dan noja sebanyak RM500.00. Walau bagaimanapun, bantuan tersebut tidak termasuk pegawai surau. Sehubungan dengan itu, Jabatan Agama Islam Negeri Johor akan memajukan permohonan kepada kerajaan negeri dan MAINJ supaya kebajikan pegawai-pegawai surau juga terbela dengan jumlah yang akan ditentukan kemudian dengan melihat kepada kemampuan kewangan.

Untuk makluman YB Semerah, terdapat sebanyak 735 buah tapak tanah perkuburan Islam dengan keluasan 3,454 ekar bagi seluruh negeri Johor. Untuk Yang berhormat, bagi menguruskan tadbir tanah-tanah perkuburan sekarang ini, dan untuk makluman YB Timbalan Speaker juga satu Jawatankuasa telah pun ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Tabung Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Negeri Johor. Dan saya merayu semua Ahli Yang Berhormat yang ada permasalahan tentang pembangunan tanah-tanah kubur di kawasan masing-masing boleh la memajukan masalah ini kepada Jawatankuasa ini, insya-Allah.

YB Timbalan Speaker : YB EXCO 3 minit lagi ya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : YB Speaker, kalau mungkin dapat tambah sikit ini mustahak Yang Berhormat Timbalan Speaker. Akhirnya, saya membuat pencerahan terhadap persoalan Rahmatan Lil Alamin yangg dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senggarang dan Briged ASWAJA yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Maharani. Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Ahli Dewan, penubuhan Briged ASWAJA ini amat penting dalam kita nak membentuk satu gagasan kumpulan yang mempertahankan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah yang menjadi teras bagi negeri Johor selama ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Ahli Dewan terdapat senarai ajaran sesat di negeri Johor daripada tahun 2000 hingga 2017, sejumlah 30 kumpulan ajaran sesat di negeri Johor iaitu bagi tahun 2000 ajaran Kardiani, ajaran Pertubuhan Bahin, ajaran al-Arqam. Pada tahun 2001 ajaran di Gunung Ledang Tangkak, ajaran Ilmu Tadalik hakikat ihsan. Bagi tahun 2005, ajaran Ayah Pin, bagi tahun 2007 ajaran Meragukan Ustaz Rajid, bagi tahun 2008 ajaran Ayah Guru gunung, bagi tahun 2009 ajaran Layar Bahtera, ajaran Umar bin Daud, ajaran Ustaz Zin, bagi tahun 2010 ajaran Kampung Temenin Kota Tinggi, ajaran Minyak Beku Batu Pahat, ajaran Haji Banuar Kulai Jaya, bagi tahun 2011, ajaran Taslim Bukit Easter Kota Tinggi, ajaran Ibrahim Kota Tinggi, ajaran Shafie Sahlan dan juga ajaran nagara. Bagi tahun 2012, ajaran Wak Jamil Taman Universiti, ajaran Panji Langit, bagi tahun 2013 ajaran Tunas Tuhan Harun, ajaran Remaja Geng 14, ajaran zikir Istigfar Istiniah, ajaran Kain Putih Kain Putih Kain Kuning, bagi tahun 2014, ajaran Militia Ibrahim, 2015, ajaran Nahri Nashi, 2016 ajaran Zikir Nafas, 2017, ajaran Yayi. Akhirnya Yang Berhormat Timbalan Speaker, senarai ajaran fahaman sesat yang telah difatwakan sesat oleh Lajnah Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor adalah seperti berikut:

1. Ajaran Kardiani
2. Ajaran Pertubuhan Bahin
3. Ajaran ilmu Tadlik iaitu Hakikat Insan
4. Ajaran Gunung Ledang Tangkak
5. Ajaran Ayah Pin
6. Ajaran Taslim
7. Ajaran Haji Banuar bin Roslan
8. Ajaran Militia Ibrahim
9. Ajaran Ilmu Makrifat
10. Zikir Nafas Rahmatan Lilalamin
11. Ajaran Yayi
12. Fahaman Histahrilk
13. Ajaran Syiah

Akhirnya, Yang Berhormat Timbalan Speaker saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah memberikan cadangan yang terbaik bagi jabatan saya. Mudah-mudahan dipanjangkan umur kita berjumpa lagi. Kalau ada sumur di ladang, izinkan kami menumpang mandi, jika ada umur yang panjang, insya-Allah kita akan berjumpa lagi dalam menyahut sidang Dewan yang akan datang. Saya menyokong usul bagi pembangunan Belanjawan Johor 2021. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam makmur Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, (Bacaan doa). Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana sekali lagi memberi berpeluang menggulung dalam sesi penggulungan perbahasan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 ini. Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah. Patik mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta seluruh keluarga Di Raja akan terus diberkati, dirahmati dalam menaungi negeri Johor dengan makmur, sejahtera dan harmoni.

Yang Berhormat Puan Speaker, pendidikan memainkan peranan penting untuk mencapai hidup yang berkualiti kerana pendidikan merupakan antara petunjuk terpenting dalam kualiti hidup manusia. Pendidikan mempunyai hubungan rapat dengan ilmu, dan ilmu dikenal pasti sebagai faktor hasil. Dengan pendidikan maka lahirlah para cerdik pandai. Hal ini secara langsungnya memperlihatkan perkaitan antara pendidikan dengan pembangunan sesebuah negara. Apabila dengan lahirnya para cerdik pandai maka segala pentadbiran dan pengurusan negara dapat diuruskan dengan baik dan para cerdik pandai inilah yang bakal menaikkan nama negara. Alhamdulillah Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sebanyak RM50.4 bilion untuk perbelanjaan KPM sebagai sebuah kementerian yang terbesar mendapat jumlah atau lebih kurang 15.6% daripada keseluruhan perbelanjaan kerajaan persekutuan. Dalam sidang Dewan penggal ini, yang diselubungi oleh wabak pandemik COVID-19 banyak persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan yang mengutarakan kebimbangan terhadap nasib pelajar-pelajar sekolah dan universiti terutamanya mereka-mereka yang menghadapi peperiksaan SPM dan STPM. Dan saya secara peribadi saya akui sedikit sebanyak memberi kesan. Walaupun bidang pendidikan ini merupakan organisasi yang terletak di bawah tanggungjawab utamanya kepada kerajaan persekutuan, namun kerajaan negeri Johor amat komited dalam menjayakan agenda pendidikan yang lestari berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dalam mencapai matlamat falsafah pendidikan negara.

Oleh itu, para pelajar di negeri Johor yang unik ini telah didedahkan dengan pelbagai modul termasuk yang telah disampaikan secara terperinci oleh YB EXCO Kesultanan Islam Johor (KIJ) yang dikelolai oleh Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Johor dan kerajaan negeri Johor juga memperkenalkan Modul Karakter Murid Johor (KRMJ) dikelolai oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang dimasukkan dalam bidang akademik yang digunakan dalam menyerap elemen-elemen teras rukun negara dan jati diri bangsa Johor. Oleh itu, kerajaan Johor berharap agar kita dapat melahirkan bangsa Johor yang berkualiti dari segi intelektual, rohani dan jasmani selaras dengan falsafah pendidikan negara.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, setelah kerajaan persekutuan mengumumkan Perintah Tempoh Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuat kuasa akibat pandemik COVID-19 dan Johor Bahru telah diisytiharkan sebagai zon merah. Kerajaan Johor melalui Jabatan Pendidikan Johor telah melakukan arahan, surat kepada semua Pengetua dan Guru Besar iaitu pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran di luar (PDPR) sepanjang penutupan sekolah semasa PKPB bertarikh 9 November 2020 bagi memastikan guru melaksanakan PDPR secara dalam talian atau medium lain yang bersesuaian. Perkara ini akan diteruskan sehingga pembukaan semula sekolah pada tahun depan. Semua murid sekolah rendah dan sebahagian daripada pelajar sekolah menengah agar memulakan sesi persekolahan secara bersemuka melalui Januari 2021.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, kerajaan negeri juga telah mengambil beberapa inisiatif bagi membantu murid seperti yang dicadangkan di dalam Belanjawan 2021, iaitu pemberian wang tunai sebanyak RM100.00 *one-off* kepada pelajar sekolah menengah dengan peruntukan sebanyak RM18.4 juta. Pandemik COVID-19 ini juga telah menidakkan pembelajaran secara konvensional iaitu secara bersemuka, *face to face*, dengan izin yang kita akui lebih efektif. Namun, banyak inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk melaksanakan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian, atau pembelajaran dan pengajaran dari rumah, TV Pendidikan yang disiarkan setiap hari iaitu di saluran TV, Radio di Malaysia melalui TV1, TV2, TV Okey, NTV9 dan Astro TV Tutor. Siaran TV Pendidikan merangkumi pelbagai aspek sekolah rendah, menengah bagi menampung defisit talian dan *gadget*. Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah menghasilkan 25 slot rakaman *video standard broadcasting* TV Pendidikan, dengan izin bagi tujuan tayangan di Saluran TV Okey, RN, RTM dengan tumpuan kepada mata pelajaran peperiksaan awam SPM dan STPM sepanjang tempoh

PKP dan 18 slot telah berjaya ditayangkan. Banyak lagi modul-modul, alternatif di atas talian yang boleh dilayari contohnya *Google Classroom* yang begitu efektif, yang diakui oleh Yang Berhormat Paloh dalam ucapan perbahasan sidang Dewan semalam. Banyak juga inisiatif Persatuan Ibu dan Bapa membiayai modul-modul atas talian yang diperkenalkan oleh pihak swasta seperti *Skor A*, dengan izin. Sebagai alternatif jangka pendek, pembekalan bahan bacaan tambahan PBT yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang berjumlah RM118,400.00 melibatkan 50 buah sekolah rendah serta 96 buah judul buku Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris boleh dimanfaatkan pihak sekolah sebagai bahan bacaan pinjaman kepada murid bagi tujuan pembelajaran tanpa peranti dan akses Internet supaya tidak berlaku defisit pembelajaran.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, pelan data 1GB *Internet Service Provider*, *ISP* mohon izin, yang dibekalkan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga 31 Disember 2020 juga membantu murid-murid memuat turun bahan-bahan yang dibekalkan guru menggunakan aplikasi *WhatsApp, telegram* dan *Microsoft gozella*, yang menggunakan data yang rendah berbanding kaedah *streaming pedagogy,* mohon izin. Bagi pelajar yang memiliki peranti sama ada dibekalkan atau dipinjam oleh ibu bapa, Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah menyediakan alternatif capaian kandungan pembelajaran dalam talian menerusi gerbang pembelajaran digital yang boleh diakses guru dan murid menggunakan ID Delima yang dibekalkan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui *www.site.google.com/view/kiosk/KBDPDigital*. Di samping itu juga, Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah menyediakan inisiatif *Youtube, Cikgutube* Johor yang mempunyai lebih 380 kandungan video mata pelajaran yang terpilih yang dihasilkan oleh guru-guru negeri Johor bagi tujuan kandungan pembelajaran kendiri boleh secara dalam talian dan boleh dilayari menerusi pautan *www.site.google.com/view/cikgutubejohor*. Kedua-dua inisiatif ini boleh diakses oleh para pelajar pada bila-bila masa sahaja pada waktu pagi atau selepas ibu bapa balik kerja di pusat-pusat Internet dan sebagainya. Inisiatif ini juga dapat menyelesaikan isu bagi menampung defisit talian dan *gadget* dialami oleh kebanyakan golongan B40.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, kerajaan negeri Johor juga melalui Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah bertindak proaktif dengan menggalakkan pihak sekolah menyediakan bahan pembelajaran dalam bentuk cetakan untuk edaran murid-murid dalam pelbagai bentuk modul berlandaskan sukatan pelajaran. Dalam melalui Revolusi Industri 4.0 pelajar mengimpikan satu ekosistem pembelajaran yang tidak lagi terhad kepada bilik darjah dan pembelajaran secara bersemuka. Sepatutnya pelajar boleh menelaah ilmu walau di mana mereka berada dan tenaga pengajar juga boleh untuk menyampaikan ilmu tanpa perlu menghadirkan diri ke bilik darjah. Kerajaan negeri juga melalui Jabatan Pendidikan Negeri Johor amat komited dalam membantu mengoptimumkan kadar boleh capaian jaringan Internet di kawasan luar bandar melalui perbincangan bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Perbincangan yang diadakan adalah untuk meningkatkan kadar capaian meluas jaringan Internet di kawasan luar bandar kepada capaian rangkaian *fiber* atau rangkaian *long term evolution*, dengan izin di samping memperkasakan pusat Internet desa atau komuniti di kawasan luar bandar serta memperluaskan kemudahan Johor Wifi bagi kemudahan akses Internet. Istilah tidak dapat belajar kerana sekolah ditutup tidak seharusnya dijadikan alasan yang besar khususnya pada revolusi Industri 4.0 kerana pelbagai alternatif yang menggunakan teknologi sebagai platform membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan tanpa perlu bertemu mata. Kerjasama antara ibu bapa dan guru juga amat penting dalam pemantauan dan sokongan kepada pelajar supaya untuk terus menuntut ilmu sama ada di sekolah mahupun di rumah. Kerajaan negeri juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga pendidik yang bertungkus lumus dalam meneruskan PDPR semasa PKP ini, anda juga dianggap sebagai *front liners* ketika ini.

Seterus, Yang Berhormat saya hendak menambah sedikit. Sejak saya mengambil alih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan saya cuba membantu menyelesaikan masalah guru, yang paling ketara iaitu masalah guru-guru yang di *posting* kan, dipanggil guru-guru duka lara yang di *posting* kan jauh daripada suami dan isteri. Dan alhamdulillah, setelah perbincangan dan mesyuarat banyak keputusan yang diambil dan sekarang banyak dimulakan dan guru-guru ini dapat berkhidmat dengan pasangan, hampir dengan pasangan masing-masing. Kalau dulu, hendak naik pangkat contohnya biasanya daripada Johor Bahru nak jadi Guru Besar terpaksa keluar daripada Johor Bahru, tetapi kita dah minimumkan masalah tersebut dan kita berharap perkara ini berterusan dan juga di kawasan pedalaman Yang Berhormat terutama kawasan-kawasan Orang Asli masalah guru tiada kuarters iaitu rumah kerajaan. Dan di kawasan perkampungan Orang Asli ini, guru-guru saya lihat tiada peluang untuk menyewa rumah-rumah di perkampungan tersebut. Oleh sebab itu, saya sendiri mengambil inisiatif pilot projek di Kampung Peta dengan sumbangan daripada, dana daripada KPRJ dan juga Pejabat Menteri Besar sebanyak RM50,000.00 dan juga RM25,000.00 daripada Ahli Parlimen untuk membina 2 buah kuarters dengan konsep gotong-royong di samping membina, kami juga menanamkan semangat setia kawan dan *team building* di kalangan guru di sana dan alhamdulillah projek berjalan sekarang, 50%.

Saya seterusnya ingin menyentuh isu Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jaya yang telah disebutkan oleh Parit Yaani yang masih belum disiapkan sejak mula dibina akhir tahun 2013. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil tindakan untuk mengeluarkan notis penamatan pengambilan kerja kontraktor. Notis untuk tujuan penamatan kerja kontraktor masih dalam semakan Penasihat Undang-Undang dan proses lantikan kontraktor penyelamat dijangka selesai pada bulan Mei 2021 dan jangkaan sekolah dapat beroperasi sepenuhnya bermula pada awal 2023. Dan selepas itu juga, Parit Raja ada menyatakan kebimbangan tentang masalah baik pulih struktur bangunan yang telah mengalami kerosakan di Sekolah Kebangsaan Parit Raja, perkara ini telah diambil maklum dan telah dipanjangkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya untuk tindakan selanjutnya.

Yang Berhormat Speaker, sebenarnya saya sendiri buat kunjungan kepada semua projek-projek di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Di Malaysia, projek-projek sakit kategori sakit dan saya sendiri telah mempengerusikan dan banyak dibantu oleh agensi-agensi kerajaan untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah tertangguh. Dan alhamdulillah selepas tersebut, banyaklah kita selesaikan masalah-masalah sekolah yang mengalami masalahnya.

Seterusnya, saya ingin menyentuh masalah yang diutarakan oleh Endau tentang keperluan penambahan sekolah menengah kebangsaan. Untuk makluman Yang Berhormat, keperluan pembinaan sekolah di suatu kawasan adalah mengambil kira kepadatan penduduk dan juga permintaan oleh masyarakat setempat serta bilangan *enrolment* murid di sekolah berhampiran. Walau bagaimanapun, kelulusan pembinaan sekolah di kawasan tersebut tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan. Kapasiti Sekolah Menengah Kebangsaan Hussien masih mencukupi untuk menampung bilangan kepadatan penduduk di DUN Endau.

Dan seterusnya, bagi mengatasi jurang liputan ini, liputan Internet dengan lebih efektif, pelbagai program peringkat nasional telah diperkenalkan seperti *National Fiberization and Connectivity Plan* iaitu dulu dinamakan NFCP dan kini telah dijenamakan sebagai Pelan Jalinan Digital Negara, (JENDELA) setelah bertukar kerajaan yang akan menjadi platform penambahbaikan komunikasi digital negara. Pada 26 November yang lalu, Menteri Besar Johor telah mengumumkan Agenda Johor Digital semasa ucapan Belanjawan 2021. Kerajaan negeri Johor sangat komited dalam membangunkan aktiviti ekonomi digital. Pada 29 Ogos yang lalu pula Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Pelan Tindakan

Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang menjadi platform penambahbaikan komunikasi digital negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, 2021 hingga 2025. Pelan Tindakan JENDELA telah dibangunkan secara kolektif oleh pemain industri dan pihak kerajaan melalui sesi Makmal Infrastruktur Digital Negara yang dianjurkan oleh SKMM dari 13 Julai hingga 14 Ogos 2020 bagi memperingkatkan tahap kesalinghubungan dan kualiti pengalaman, perkhidmatan komunikasi di seluruh negara. Pihak kerajaan melalui pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah bersedia maklum dan sentiasa prihatin akan masalah liputan di kawasan luar bandar atau pedalaman negeri Johor serta negeri-negeri lain. Di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) oleh SKMM di Johor banyak infrastruktur komunikasi telah dibangunkan di luar bandar seperti pembangunan di 156 buah menara telekomunikasi, menaik taraf 506 menara sedia ada kepada perkhidmatan 3G dan 4G, menyediakan lebih 134,000 premis bagi capaian jalur lebar talian tetap, pembinaan 86 pusat Internet dengan program pembangunan insan dan lain-lain. Dianggarkan pelaburan bagi pelaksanaan JENDELA di negeri Johor adalah sebanyak RM2.5 bilion yang sebahagian besarnya melalui pelaburan langsung oleh para pemain industri dan selebihnya melalui pihak kerajaan. Pelan Tindakan JENDELA yang akan dilaksanakan dalam 2 fasa telah dibangunkan secara kolektif oleh pemain industri dan pihak kerajaan berdasarkan aspirasi nasional bagi mencapai 100% dengan izin, liputan 4G di kawasan berpenduduk dengan kelajuan 100mbps dengan izin, serta akses kelajuan jalur lebar talian tetap berkelajuan *gigabyte* 1,000 *megabyte per second* yang seterusnya akan menjadi asas kukuh bagi peralihan kepada teknologi 5G.

Dalam fasa 1 JENDELA juga melibatkan pembinaan sebanyak 107 menara komunikasi baharu serta penaiktarafan 393 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada kepada perkhidmatan 4G di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat oleh SKMM. Manakala penambahan sebanyak 65 menara baharu dan 1,960 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan dinaik taraf melalui pelaburan langsung. Pelan tindakan JENDELA ini adalah usaha semua pihak dan kejayaan pelaksanaannya memerlukan kerjasama daripada semua pihak kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Fasa Kedua JENDELA yang akan bermula 2022 ke atas adalah peralihan kepada teknologi 5G yang akan disusuli selepas platform yang dilaksanakan di Fasa 1 diperkukuhkan. Namun sedemikian, pada 20 November 2020, Menteri Komunikasi Dan Multimedia Malaysia telah mengumumkan rancangan Malaysia untuk mula menggunakan rangkaian 5G tahun ini telah ditangguhkan bagi memberi keutamaan pelan JENDELA yang pada asal rangkaian 5G dijadualkan mula beroperasi di Malaysia pada suku ketiga 2020, tetapi kerajaan yang berubah telah menukar perancangan untuk penuhkan rangkaian 4G terlebih dahulu sebelum memulakan 5G. Ini dijangka dilaksanakan pada penghujung tahun 2022.

Antara punca yang ditangguhkan oleh kementerian adalah disebabkan beberapa faktor. Yang pertamanya, kesediaan rakyat untuk menggunakan rangkaian 5G. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, jalur lebar 5G memerlukan telefon pintar yang lebih canggih seperti *Iphone 12, Samsung Galaxy S20* dan *Huawei 40*. Telefon-telefon yang macam saya pakai dan juga Yang Berhormat banyak kita pakai ini tidak sesuai untuk liputan 5G dan itu sebab. Yang keduanya, tentang masalah kawal selia dan seterusnya jurang *charge* 4G dengan 5G.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Perling ada mengutarakan tentang perkara *Internet Of Things (IOT).* Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Sains Teknologi dan ICT dipertanggungjawabkan bagi pelaksanaan pembangunan dan pengoperasian segala bentuk infrastruktur dan inisiatif ICT bagi kerajaan dan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Bahagian ini juga berperanan dalam membangunkan kompetensi ICT di kalangan penjawat awam negeri Johor. Bahagian ini juga tidak ketinggalan dalam memanfaatkan teknologi IR 40 untuk kegunaan kerajaan negeri. Pembangunan teknologi IOT ini telah diadaptasikan dalam pemantauan Pusat Data Kerajaan. Pusat Data yang beroperasi 24 jam sehari 365 hari setahun tanpa berhenti ini di pantau menggunakan teknologi IOT dalam Sistem

Pemantauan Persekitaran (EMS). Sistem Pemantauan Persekitaran akan menghantar maklumat berkaitan suhu pusat data, kelembapan. Selain dari IOT, bahagian ini juga menggunakan teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang lain dalam pelaksanaan ICT untuk kerajaan negeri Johor.

Antaranya menggunakan pengkomputeran awan persendirian iaitu dipanggil *cloud computing* bagi Pusat Data dan Pusat Pemulihan Data Kerajaan (DRC). Ini bagi memastikan perkhidmatan elektronik kerajaan berada di tahap ketersediaan yang tinggi. Kerajaan negeri juga bakal dapat mengadaptasikan teknologi *Robotics Process Automation* (RPA) dengan izin, yang disediakan di dalam aplikasi HRMIS yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Golongan mahasiswa, adalah golongan yang diharapkan satu hari nanti sebagai golongan yang akan mengepalai dan memacu dan memandu rakyat negeri Johor ke arah kesejahteraan ekonomi, fizikal, rohani, jasmani terarah kepada kecemerlangan dalam kemakmuran semua. Oleh sebab itu, kerajaan negeri sentiasa memperuntukkan jumlah kewangan yang sewajarnya mengikut kemampuan pendapatan kerajaan negeri secara total. Semasa wabak bermula COVID-19, kerajaan negeri telah menyalurkan dana RM1.08 juta kepada 4,926 orang mahasiswa keluarga B40 dalam Skim Pakej Rangsangan Prihatin Negeri Johor.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Mahasiswa Universiti dan Persatuan Mahasiswa Negeri Johor di IPTA dan IPTS kerajaan Johor. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah bersetuju melalui peruntukannya yang sedia ada menambah lagi wang sebanyak RM1 juta kepada 500 orang mahasiswa melalui kaedah penyampaian dan pelaksanaan yang sama, iaitu lebih kurang RM200.00 setiap pelajar. Dalam Belanjawan 2021 yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerajaan terus menyalurkan pinjaman pelajaran IPT sebayak RM14.7 juta, RM300,000.00 Biasiswa Sultan Ibrahim, RM150,000.00 Tabung Pendidikan Sarjana PDT, RM500,000.00 kepada Persatuan Mahasiswa Johor dan RM500,000.00 Program Duta Mahasiswa Johor.

Bagi memartabatkan warisan dan budaya negeri Johor yang kaya dari segi sejarah, peradaban termasuk seni dan budaya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah merasmikan sebuah Pelan Induk Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa 2020 hingga 2024 selama 5 tahun pada 8 Oktober 2020 di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar. Pelan induk untuk 5 tahun ini mempunyai 9 teras strategik iaitu, 4 Teras Strategik Asas iaitu Institusi Islam dan Kesultanan Melayu Johor, Kepimpinan Melayu Johor, Warisan Budaya Johor dan Bahasa dan Persuratan Melayu Johor. 5 Teras lagi strategi penggerak pula iaitu Ekonomi Melayu, Pelancongan Warisan Dan Budaya, Pendidikan dan Pengislahan Awam dan Pustaka Warisan Digital dan Iltizam Politik. Gabungan antara Teras Strategik Asas dan Teras Strategik Penggerak berupaya membawa negeri Johor menjadikan negeri yang mempunyai dasar dan pelan tindakan jangka panjang bagi memartabatkan Tamadun Melayu dan mengangkat ke taraf antarabangsa. Bagi menjayakan pelaksanaan pelan induk ini dengan lebih berimpak tinggi dan menjamin ketelitiannya selari dengan aspirasi Johor menjadi Pusat Tamadun Antarabangsa, konsep projek berjenama diperkenalkan.

YB Timbalan Speaker : Dua minit lagi ya, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Projek berjenama bermaksud projek dalam ekosistem lengkap bertujuan mengangkat satu aspek Tamadun Melayu Johor melalui satu projek khas yang boleh dilaksanakan secara jangka pendek dan sederhana. Projek berjenama perlu mempunyai penggerak utama mewakili agensi kerajaan berkaitan dan disokong oleh beberapa agensi awam, swasta dan bukan kerajaan. 12 Projek Berjenama diperkenalkan, iaitu Kampung Tradisi Tamadun Melayu Johor, Kota Budaya Berkembar, Johor Kreatif, *Johorpedia*, Zapin Johor, Digital Warisan

Johor, Galeri Seni Muzium Daerah, Kursi Tamadun Melayu Johor, Intelek Awam Johor, Sarjana Johor, Budirelawan Dan Warisan Alami Johor. Impak daripada pandemik COVID-19 yang melanda negeri pada tahun ini, beberapa pendekatan idea telah diusahakan untuk meneruskan kelangsungan aktiviti seni dan budaya disesuaikan dengan SOP yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Majoriti aktiviti telah disesuaikan dengan kaedah di atas talian melalui *Facebook, Instagram* dan *YouTube*. Beberapa contoh yang terbaik adalah Pertandingan Nyanyian Lagu Asli, Pertandingan Memperaga Busana Tradisi Johor, Program Sajian Warisan Johor dan Pertandingan Video Pendek Tari Zapin Johor. Seminar dan kursus-kursus yang berkaitan juga terpaksa dijalankan di dalam kumpulan yang terlalu kecil. Kesemua inisiatif ini menggambarkan usaha kerajaan negeri memperkasa warisan dan budaya tidak terhenti walaupun menghadapi cabaran baharu terlalu berbeza dan di luar jangka.

Sebelum mengakhiri penggulungan saya pada hari ini Yang Berhormat Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih saya setinggi-tingginya kepada semua barisan hadapan negara yang telah mengorbankan masa dan nyawa mereka untuk memastikan kita selamat daripada ancaman COVID-19. Yang Berhormat Puan Speaker, orang pantun, saya pun nak pantun pendek ajelah. Jangan nyanyi lah, nyanyi tak laku karang, dah hujan. Burung terbang ke Kuala Sedili, kalau tercalon, menang, kita jumpa lagi. Sekian, saya mengakhiri penggulungan saya dengan wabillahi taufiq walhidayah. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Dan Kemajuan Luar Bandar dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membuat penggulungan pada hari Ahad, 6 Disember 2020.

Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Ahad, 6 Disember 2020 jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5.08 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2021)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KETUJUH	**AHAD, 06 DISEMBER 2020**	**BIL. 10 TAHUN 14**

HADIR
YB Speaker,
Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)
Datuk Haji Hasni bin Mohammad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar
Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya
Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar
Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur
Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan
Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia
Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna
Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP., SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., PIS., PSI.

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Alhamdulillah kita berada di hari yang ketujuh Mesyuarat Ketiga (Belanjawan 2021) Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

YB Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 1.

Merujuk kepada kekalutan ekonomi mutakhir ini, tidak dinafikan bahawa sektor ekonomi di negeri Johor juga turut terjejas terutama peniaga-peniaga kecil di seluruh negeri Johor. Sejauh manakah Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) memainkan peranan membantu PKS di negeri Johor.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, Bismillahirahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan YB Parit Yaani. Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB) sebagai agensi pelaksana utama usaha-usaha pembangunan usahawan di negeri Johor sentiasa mengambil langkah proaktif dan holistik dalam memberi bantuan, latihan serta bimbingan bagi membantu usahawan-usahawan mikro dan PKS negeri ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak PUJB Sdn Bhd adalah seperti berikut bermula dengan e-Bazar Makmur Johor, Hari Bertemu Pelanggan, Geran Orang Lokal, Program 3P iaitu Geran *Food Truck*, Program Latihan Usahawan Johor, *PUJB Business Talk* menerusi *FB PUJB*, *Johor e-Market Place*, Pusat Data dan Aplikasi Holistik Digital Negeri Johor, Misi jejak PKS Johor, Projek Pembangunan Ekonomi Komuniti, Anugerah Keusahawanan Johor, Program Pemasaran Usahawan Johor, Padanan Perniagaan, *X-Cross* Usahawan Johor dan lain-lain. Jadi, yang saya sebut tadi, ada yang telah disempurnakan dan ada yang sedang dalam *on going,* dalam perjalanan dan yang ada juga akan kita laksanakan. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Parit Yaani, soalan tambahan.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, soalan tambahan saya berdasarkan kepada kemelut ekonomi yang kita sedia maklum banyak di kalangan SME ataupun pengusaha-pengusaha kecil, penjaja-penjaja kecil tutup perniagaan mereka. Saya ingin dapatkan maklumat, berapa banyak peniaga-peniaga kecil yang direkodkan yang di bawah makluman PKS, ada yang juga di bawah makluman PUJB telah tutup perniagaannya. Dan, berapa ramai staf yang terlibat dan apakah bentuk-bentuk bantuan selain yang telah disebutkan tadi untuk memastikan yang

terlibat, berhenti dan juga ataupun diberhentikan itu dapat menyara keluarga mereka, kerana kita sedia maklum antara yang terlibat yang menjadi gelandangan pada hari ini adalah mereka yang kehilangan pekerjaan kerana masalah COVID dan juga pemberhentian secara tiba-tiba. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Parit Yaani. Soalan tadi berbunyi peniaga-peniaga kecil, sederhana, semua terdiri dalam golongan PKS. Ia juganya dalam situasi ada syarikat yang berdaftar dan ada juga syarikat yang tidak berdaftar. Jadi, kita tidak mempunyai data-data syarikat yang tidak berdaftar.

Untuk makluman YB Parit Yaani, jumlah syarikat yang ditutup iaitu syarikat milik tunggal, perkongsian dan peniaga-peniaga kecil daripada bulan Mac hingga Oktober sebanyak 2,520 itu dalam rekod kami, yang mana kita dapat daripada SSM. Daerah yang tertinggi sekali adalah Johor Bahru sebanyak 1,215. Bagi pendaftaran syarikat yang baru pula, jumlah pendaftaran syarikat yang baru lebih besar tinggi, lebih besar banyak daripada yang tertutup sebanyak 59,000 di negeri Johor, juga termasuk yang saya sebut tadi, milik tunggal, perkongsian dan sendirian berhad. Jadi, dalam masa pandemik COVID-19 kita telah berjaya membawa mereka, membimbing mereka secara bantuan yang kita bagi dan pertumbuhan angka syarikat-syarikat yang berjaya ditubuhkan amat baik. Jadi, ini bukanlah satu proses pemutihan tetapi ia nampak keberkesanan usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak PUJB.

Jadi, bagi peniaga-peniaga kecil yang tak berdaftar telah saya sebutkan pada tempoh hari, kita akan buat satu pendekatan dengan pihak, saya pun dah berbincang dengan pihak YB EXCO KPKT, PBT, untuk kita memutihkan mereka. Memutihkan mereka tu dengan erti kata bukan kita nak gunakan *enforcement* untuk *clear* kan mereka*,* kita nak menghalalkan mereka dan kita pertama sekali kita akan minta diberi sedikit kelonggaran untuk memberi mereka sedikit masa dalam masa keadaan sekarang ni sehingga dalam masa yang terdekat dan mereka ini akan didaftarkan dan akan diberi tempat untuk mereka berniaga. Inilah sahaja cara yang kita dapat membantu mereka untuk menyara hidup mereka, jadi mereka tidak terpinggir dan kita dengan itu juga kita dapat mengurangkan penjaja-penjaja yang tidak berlesen di tepi jalan. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Kota Iskandar, soalan tambahan.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan jawapan diberikan YB EXCO. Sebagaimana kita tahu bahawa industri PKS memberikan sumbangan besar dan signifikan kepada KDNK negara dan daripada belanjawan, kita dinyatakan bahawa kerajaan memperuntukkan sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar termasuk pinjaman RM100 juta, Geran Lokal RM3 juta dan yang lain-lain. Soalan saya adalah daripada keputusan Mesyuarat Majlis Ekonomi Ibrahim Johor ataupun IJEC dicadangkan supaya kerajaan negeri memohon bantuan RM1 bilion bagi menggerakkan industri PKS dan juga sektor pembuatan, sejauh manakah permohonan ini dipertimbangkan oleh kerajaan persekutuan?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih soalan tadi tu, untuk makluman YB memang dalam usaha kerajaan negeri untuk mendapatkan bantuan PENJANA daripada *federal*, kita pun baru-baru ini kita ada bermesyuarat dengan Menteri, Menteri bersama dengan rombongan daripada pihak-pihak institusi kewangan begitu juga TEKUN, Bank Rakyat dan kita membentangkan dan menzahirkan apa yang kita perlu dan berapa jumlah yang kita perlu untuk kita

membantu peniaga-peniaga dan PKS-PKS di negeri Johor. Dan, antara perkara yang kita sentuh peranan, peranan Bank Rakyat, alhamdulillah memberikan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk membantu negeri dan memberi pinjaman kepada PKS di negeri Johor. Dan, perkara ini pun dah, dah hampir selesai perbincangan itu cuma dia punya mekanisme dia sahaja untuk akan kita perincikan dan kita juga sedang menyentuh *cost of fund*, dia punya *spread margin of financing* dan benda-benda perkara macam ini kita ambil kira dan juga jangka masa pinjaman agar dia tidak membebankan kepada peminjam dan kita harap peminjam-peminjam pun juga akan diberi kemudahan, kemudahan dengan sokongan pihak *Credit Guarantee Corporation* agar kurang birokrasi. Jadi, benda ini dalam masa terdekat akan dapat kita laksanakan. Insya-Allah, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Johor Lama.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 2.

Mohon kerajaan negeri membantu peniaga-peniaga pasar lambak, pasar malam, bazar dan sebagainya yang terjejas teruk akibat COVID-19. Mohon disediakan pampasan atau alternatif lain agar dapat membantu peniaga-peniaga untuk terus bertahan.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat Parit Raja. Pasir Raja, *sorry*, minta maaf.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 3.

Adakah kerajaan negeri mempertimbangkan untuk mewujudkan inisiatif siri kedua bagi membantu para peniaga kecil khususnya yang terjejas dengan PKPB kali ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera, salam makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Lama, Yang Berhormat Pasir Raja atas soalan, izinkan saya jawab bersekali. Soalannya lebih memfokuskan apakah bantuan, pampasan automatik, inisiatif siri kedua kepada peniaga pasar malam, pasar pagi, peniaga kecil ataupun peniaga IKS.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bermula pada tahun ini, tahun 2020 bila berlakunya pandemik COVID-19 kerajaan negeri telah membagi insentif, pengecualian lesen dan juga premis sepanjang tahun 2020 ni yang melibatkan 57,250 peniaga dengan implikasi kewangannya RM13,078,765.00. Bagi tahun hadapan seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat dalam pembentangan Bajet 2021, beberapa insentif bantuan *one-off* akan disampaikan kepada peniaga-peniaga kecil yang jelas kita tahu, mereka dalam kepayahan, kesusahan menghadapi pandemik COVID-19 ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun hadapan akan diberi pengecualian bagi lesen melibatkan penjaja, peniaga PKS dan yang lain-lain, kalau boleh saya bacakan secara ringkas YB Speaker, penjaja ini ada 24,616 orang di seluruh Johor dan peniaga PKS ada 11,149, bilangan kedua-duanya adalah 35,765 pengecualian lesen ini akan membawa implikasi dan kehilangan hasil RM51 juta. Bagi premis yang dikecualikan bayaran sewanya, premis PBT ni ada 6,364 yang melibatkan kehilangan hasil ataupun implikasi RM8.2 juta, pasar awam, 4,328, implikasi kewangan atau kehilangan hasil RM2.7 juta, pasar pagi 5,858 melibatkan kehilangan hasil...

YB Speaker : Semangat sikit, Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : RM1.058 juta.

YB Speaker : Yang Berhormat, semangat sikit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Pasar malam..

YB Speaker : Selalu Rengit ni dia semangat tapi hari ini dia *slow* aje. Ada masalah ke Yang Berhormat? (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Saya bukan, nanti kena tegur Speaker panjang sangat. Ikut jalan *highway*, saya ingat hari ni nak ikut jalan bandaran. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Bukan isu panjang, isu semangat sikit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Ok, 29,800, 29,017 orang yang melibatkan kehilangan hasil RM3.1 juta, Yang Berhormat. Jadi, implikasi kewangan lebih kurang RM15 juta, hasil RM5 juta lebih kurang RM21 juta. Dan, insentif kedua yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat ialah dari segi bantuan *one-off* kepada peniaga-peniaga ini Yang Berhormat, satu orang akan dapat RM500.00 walaupun dia meniaga dekati pasar malam. Saya beri contoh, pasar malam Parit Sulong, pasar malam Semerah, pasar malam Batu Pahat, dia cuma boleh dapat bantuan *one-off* sekali sahaja. Kalau kira sekali tu banyak dia dapat, boleh jadi RM3,000.00. Yang itu, kita bagi sekali sahaja bantuan *one off* ini. Antara langkah-langkah lain Yang Berhormat Tuan Speaker yang akan kita ambil dalam membantu dan mengusahakan agar peniaga-peniaga ini dapat kita bantu dalam keadaan kegetiran ialah termasuklah mereka yang belum ada lesen Yang Berhormat. Kita akan bagi kemudahan ruang petak niaga kepada peniaga kecil dan *food truck*. Saya dah berbincang dengan semua YDP minta bagi kemudahan kepada semua peniaga-peniaga ini termasuk peniaga yang ada lesen dan yang tak ada lesen berniaga di kawasan-kawasan petak yang boleh kita fikirkan boleh membantu. Tapi jangan melibatkan dari segi kesesakan lalu lintas. Sebab ini perlu, keadaan ini perlu untuk kita bantu.

Kita akan ambil, kita dah bincang dengan Majlis dan insya-Allah, kita bagi lesen ini kepada peniaga-peniaga yang tak dapat lesen ini segera dalam tempoh satu hari. Dan insya-Allah benda ini akan saya pantau.

Dan, satu lagi yang penting ini membenarkan gerai-gerai di depan rumah kita buat kepada peniaga-peniaga yang terjejas, yang kehilangan kerja boleh buat gerai mereka di depan rumah tapi dengan syarat tidak mengganggu lalu lintas, itu yang paling penting. Dan selepas berniaga, gerai ini perlu dibuka. Kita tak nak lepas niaga, gerai ni bersepah di merata tempat, yang ini kita tak nak Yang Berhormat. Jadi, apa pun dalam hal ini kita cuba bantu peniaga dan insya-Allah kerajaan negeri Johor akan sentiasa komited dalam usaha nak membantu peniaga kecil, peniaga PKS dalam mendepani pandemik COVID-19. Yang Berhormat Tuan Speaker, itu jawapan yang dapat saya sampaikan.

YB Speaker : Ha, itu baru Rengit yang sebenar. Jemput, soalan tambahan.

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan saya. Untuk mengelakkan daripada pihak-pihak lain mengambil kesempatan daripada program-program khas ini, kita tengok terlalu meluas dan merata dan nampak seolah-olah nantinya akan terjadi seperti tidak, tanpa kawalan kepada khasnya kepada peniaga pasar lambak dan peniaga-peniaga kecil. Adakah pihak PBT atau Majlis mempunyai mekanisme terancang untuk mengelakkan daripada perkara-perkara ini berlaku

dan siapa patutnya memantau ataupun membantu pihak Majlis? Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam keadaan cabaran pandemik COVID ini, peniaga walaupun kita tengok dia berniaga ramai orang pun tak datang Yang Berhormat. Yang ini sebagai satu galakan supaya mereka dapat menambah masa meniaga mereka. Kalau pasar malam, pasar pagi ke dia terhad, jadi kita boleh benarkan mereka meniaga seperti yang saya sebut. Hasratnya yang utama, mereka boleh panjangkan masa meniaga untuk mendapatkan tambahan pendapatan. Syarat utamanya, yang penting ialah mereka perlu menjaga kebersihan tapak. Kedua, mereka mesti menjaga soal keselamatan lalu lintas. Itu dua perkara yang menjadi perkara penting dalam kita nak menentukan, nak memberikan petak perniagaan kepada mereka.

Mekanisme yang nak disebutkan pihak PBT akan bekerjasamalah dengan persatuan-persatuan dan juga mungkin Wakil Rakyat yang boleh membantu dalam hal ini, supaya mereka yang benar-benar yang kita lihat dalam keadaan tertekan, terdesak ataupun mereka menghadapi kesusahan ini yang kita bantu. Maksud saya, PBT, persatuan dan juga Wakil Rakyat boleh membantu dan mungkin kita akan wujudkan jawatankuasa di peringkat PBT untuk menyusun dan memantau, merancang, menyusun dan juga memantau program yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya Pasir Raja, soalan tambahan.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Soalan tambahan saya, apakah peranan KPDNHEP dalam membantu peniaga dan penjaja serta pengguna dalam fasa COVID-19 dan sejauh manakah KPDNHEP memainkan peranannya? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Saya jawab bagi pihak KPDNHEP boleh?

YB Speaker : Boleh YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Tak apa, terima kasih kepada Pasir Raja. Saya ingat, insya-Allah Yang Berhormat Tuan Speaker, kita akan pastikan kerja, usaha-usaha ini dapat kita selaraskan dengan KPDNHEP ya lebih kurang bunyi dia, kalau tersalah sebutlah, yang penting dari segi kawalan harga, kualiti barang dan juga kawalan harga. Saya akan bincang dengan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna untuk melihat perkara ini supaya peniaga dapat menjual barang mengikut harga yang sepatutnya, penerima dapat menerima, membeli barang dalam kualiti yang baik yang terkawal. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Buluh Kasap, jemput soalan tambahan.

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya cuma ingin menarik perhatian tentang gerai-gerai yang berniaga di tepi jalan ataupun dalam rizab JKR. Sejak kebelakangan ini, pihak Majlis tidak mengeluarkan lesen kepada peniaga-peniaga yang berniaga di tepi jalan walaupun sebelum ini mereka telah lama berniaga dengan syarat mereka perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JKR. Jadi adakah, persoalan saya, adakah kenyataan Yang Berhormat EXCO tadi yang

memberikan kemudahan atau pengecualian lesen kepada peniaga-peniaga ini termasuk juga mereka yang sebelum ini berniaga di kawasan rizab jalan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, peniaga di tepi jalan ini kita bagi dua, satu yang kekal, yang membina bangunan kekal ya, ataupun separuh kekal. Yang kita galakkan ini mereka yang hanya memasang meja, payung, itu boleh, tapi kalau yang kekal ini, dia dari segi peraturannya kena lihat dari segi JKR punya kawasan rizab JKR dan biasanya kita akan merujuk kepada JKR untuk mendapatkan kepastian sama ada kawasan ini boleh gunakan. Tapi yang kita nak sebut, kita nak galakan ini mereka boleh berniaga kat tepi jalan, tidak mengganggu lalu lintas, tidak menjejaskan kebersihan ya, kita boleh bagi lesen tapi syaratnya tak adalah bangunan kekal, separuh kekal. Ya, itu yang saya maksudkan dalam program yang akan kita beri kelonggaran kepada peniaga-peniaga di kawasan PBT di negeri Johor ini Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Pekan Nanas, jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 4.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menggalakkan pekebun kelapa sawit untuk membuat permohonan sijil MSPO?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, kemampanan pada masa ini merupakan salah satu aspek penting yang harus dititikberatkan dalam pembangunan sesuatu industri. Memandangkan kepada kepentingan ini, setiap produk yang dikeluarkan perlu dihasilkan secara mampan agar boleh diterima di semua peringkat dunia. Amalan pertanian yang belum mampan juga penting untuk kesinambungan produktiviti ekosistem pertanian. Sebagai contoh, tanaman sawit merupakan komoditi pertanian terbesar di Malaysia dan ianya perlu dihasilkan secara mampan bagi memastikan penerimaan oleh pasaran dunia. Justeru, industri sawit pada masa ini telah bekerjasama dalam mewujudkan pelbagai piawaian yang mengandungi elemen kemampanan.

Oleh yang demikian, pihak Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah ditugaskan untuk menggubal satu piawaian untuk diwartakan sebagai piawaian Malaysia ataupun MS. Piawaian ini dinamakan Minyak Sawit Mampan Malaysia ataupun *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)* dan MSPO telah dibangunkan bersama dengan komuniti sawit negara, pakar-pakar kelestarian dan SIRIM Berhad. Piawaian MSPO telah diwartakan pada 5 September 2013. Sehubungan dengan itu, seluruh pihak pengeluar minyak sawit di Malaysia yang merangkumi sektor pengilangan, perladangan dan pekebun kecil sawit mestilah dipersijilkan dengan Skim Persijilan MSPO.

Pelbagai langkah telah diambil oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia dalam memastikan semua pekebun kecil sawit memohon dan seterusnya dipersijilkan dengan persijilan MSPO. Antara langkah yang telah diambil adalah dengan melipat gandakan usaha untuk bersemuka dengan pekebun-pekebun kecil melalui pelaksanaan program latihan dan taklimat MSPO di seluruh daerah dalam negeri Johor. Ianya dipertanggungjawabkan kepada pejabat MPOB di cawangan di daerah-daerah dan setiap mukim terdapat Pegawai Tunas

MPOB atau duta kecil MPOB yang berperanan untuk memberi khidmat nasihat kepada pekebun-pekebun kecil dan terdapat 86 Pegawai Tunas MPOB di seluruh negeri Johor.

Melalui program latihan MSPO, pekebun kecil akan diberi penerangan yang lebih jelas mengenai keperluan MSPO dan seterusnya berdaftar dengan MPOB untuk melaksanakan MSPO. Bagi memastikan pekebun kecil mendapat maklumat yang mencukupi untuk mematuhi keperluan yang terkandung dalam MSPO, MPOB bekerjasama erat dengan pelbagai jabatan dan agensi lain seperti Jabatan PERHILITAN, Jabatan Pertanian, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor dalam memberi penerangan kepada pekebun kecil dalam setiap sesi latihan yang dianjurkan oleh MPOB. Kerjasama dengan agensi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA turut diadakan khusus untuk pekebun kecil tersusun ataupun PKT di bawah agensi-agensi tersebut.

Dalam mematuhi keperluan yang terkandung MSPO, terdapat pelbagai kesukaran yang dihadapi oleh pekebun kecil dalam melaksanakan MSPO terutamanya isu berkaitan syarat nyata tanah. Maka dengan itu, MPOB bekerjasama rapat dengan Pejabat Tanah dan Galian Johor dalam membantu pekebun-pekebun kecil yang terjejas untuk memudahkan mereka mendapatkan penukaran syarat nyata tanah. Bagi tujuan itu, kerajaan negeri Johor sebelum ini telah menyediakan pelbagai inisiatif seperti *Approval Over Submission* ataupun *AOS* dan pengurangan kadar bayaran denda sehingga 50% bagi menarik minat pekebun kecil untuk mendaftarkan MSPO. Dan dalam pada masa yang sama mematuhi Akta Kanun Tanah Negara 1965. Tambahan lagi, sebagaimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan Johor 2021 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kerajaan akan melaksanakan bagi inisiatif pengurangan 50% daripada denda ubah syarat melalui program pemutihan *Approval Over Submission* pertanian kepada pertanian yang akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2021 hingga 31 Mac 2021. Seramai 16,857 pekebun kecil akan mendapat manfaat dengan pengurangan denda sebanyak RM8.2 juta daripada kerajaan negeri.

Inisiatif ini dapat membantu pekebun yang mengusahakan tanah di bawah 10 ekar untuk memperoleh lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan persijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)*. Bagi menggalakkan pekebun kecil mendapat MSPO, kerajaan telah menyediakan insentif MSPO khusus untuk pekebun kecil bagi menampung kos pelaksanaan persijilan MSPO. Bagi pekebun kecil persendirian, kos persijilan MSPO adalah percuma dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan pada kadar RM135.00 untuk sehektar. Bagi negeri Johor, kerajaan telah menanggung sebanyak RM3.2 juta bagi menampung kos tersebut. Insentif yang disediakan oleh kerajaan ini adalah merangkumi pembiayaan terhadap kos latihan berkaitan MSPO, kos pengauditan, kos rak simpanan bahan kimia, kos peralatan perlindungan diri (PPE) dan kos penukaran syarat nyata tanah. Bagi pekebun kecil tersusun pula, insentif RM55.00 per hektar disediakan oleh kerajaan untuk melaksanakan MSPO di kebun-kebun mereka.

Kerajaan amat komited dalam memastikan semua pengusaha sawit di Malaysia dipersijilkan MSPO termasuklah pekebun kecil. Oleh itu, kerajaan sedang melancarkan program promosi mandatori MSPO khusus untuk pekebun kecil secara bersepadu melalui medium media massa dan juga media sosial di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya Pekan Nanas, jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, tindakan kompaun untuk pengusaha kelapa sawit yang belum membuat permohonan MSPO akan bermula 1 Julai 2021 dan mulai Januari 2022 pengusaha yang belum memulakan persijilan MSPO akan diambil tindakan penggantungan lesen dan tidak boleh menjual hasil mereka. Oleh itu, kita dapati bahawa ubah syarat untuk kegunaan kebun kelapa sawit adalah mandatori dan semakin mendesak mengikut dasar kerajaan berbanding dengan tanaman

lain. Sebab itu, Pekan Nanas menyambut baik dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan denda ubah syarat sebanyak 50% kepada pemilik tanah yang membuat ubah syarat tanah, tapi memandangkan...

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat, soalan.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Keperluan untuk mengubah syarat dalam bidang pekebun kelapa sawit. Persoalan saya, adakah kerajaan ataupun Jabatan Pertanian bersedia untuk berunding dengan Pejabat Tanah lagi untuk memohon menghapus kirakan semua denda yang akan bangkit apabila mengubah syarat tanah kepada kelapa sawit memandangkan keperluan untuk mengubah syarat tanah kepada kelapa sawit adalah semakin mendesak dan minta tarif.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, hasrat untuk mempersijilkan pengusaha-pengusaha kebun sawit, hasil sawit ini dengan sijil MSPO adalah demi kebaikan pengusaha dan industri sawit itu sendiri. Masalah yang kita dapati, respons daripada pengusaha-pengusaha untuk tidak mendaftar dan mengusahakan untuk pendaftaran ini bukan hanya kerana denda semata-mata. Tetapi adalah persepsi dan usaha ambil tahu pihak yang berkenaan. Justeru itu, kerajaan telah menyediakan kemudahan untuk 50% dan malahan saya ingin maklumkan, saya dimaklumkan oleh bahagian PTG Negeri Johor. Ubah Syarat digalakkan untuk kepada tanaman atas tanah pada waktu ini. Kerana kita hendak supaya mereka mengusahakan sepertimana yang ada dalam syarat nyata dalam hak milik. Jadi dalam hal ini Yang Berhormat Tuan Speaker, yang penting adalah kesedaran pengusaha, sebab itu kerajaan mengambil inisiatif melalui organisasi ke organisasi, LPP nya, Persatuan Pekebun-Pekebun Kecilnya untuk mempastikan pengusaha-pengusaha ini terus berusaha untuk mendapatkan sijil MSPO dan pada masa yang sama sepertimana Yang Berhormat Tuan Speaker maklum dan Ahli Dewan yang maklum bahawa keperluan pensijilan MSPO ini adalah amat penting untuk kemampanan industri ini. Justeru, dalam hal ini sehingga kini tidak ada hasrat untuk menghapuskan 50% denda. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya. Yang Berhormat Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 5.

Bolehkah pihak kerajaan membenarkan pelajar Malaysia yang menuntut pelajaran di Singapura khususnya umur 12 ke bawah supaya mereka dapat di kuarantin di rumah setelah mendapati keputusan *swab test* negatif?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Di Rumah atau *Home Surveillance Order* telah dikuatkuasakan mengikut Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) pada 10 Jun 2020. Walau bagaimanapun, bermula 24 Julai 2020 arahan kuarantin di stesen kuarantin telah pun dikuatkuasakan semula oleh pihak kerajaan akibat ketidakpatuhan PUS terhadap arahan *Home Surveillance Order* yang telah pun diberikan. Jadi, bermula 24 Julai, kesemua pengembara yang tiba di pintu masuk antarabangsa adalah diwajibkan menjalani kuarantin selama 14 hari di stesen kuarantin yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Terima kasih.

YB Speaker : Ya Johor Jaya, jemput. Soalan tambahan.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan asal saya adalah berkenaan bagi mereka iaitu pelajar yang mereka belajar di Singapura adakah mereka boleh dibenarkan *home quarantine* sebab apa yang kita tahu bagi mereka yang berumur 12 ke bawah, mereka mungkin tidak dapat kuarantin di kuarantin stesen dan ibu bapa mereka memang bimbang atas keselamatan mereka sekiranya mereka berada sendiri di *quarantine centre.* Dan soalan tambahannya, itu adalah soalan asal saya dan soalan tambahan saya adalah seperti apa yang kita tahu bagi rakyat Malaysia yang mereka memegang *working permit,* mereka dapat pulang ke Malaysia melalui program PCA. Walau bagaimanapun, bagi mereka iaitu SPR *Singapore,* PR mereka turut merupakan rakyat Malaysia mereka tidak dapat menikmati kemudahan ini. *So*, adakah rancangan pihak kerajaan supaya mereka SPR ini pun dapat pulang ke Malaysia melalui program PCA ini kerana mereka, ada yang mereka rasa tidak adil bagi mereka tidak dapat menikmati program ini. Dan selain daripada itu ada tak kategori, mana-mana kategori yang mereka dibenarkan atau *exempted quarantine for example,* ambil contoh wanita yang hamil atau mereka yang mempunyai depresi. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Ini soalan 3 dalam 1 ini sebenarnya. Tak apalah Johor Jaya punya pasal. Yang Berhormat Speaker, seperti saya katakan tadi bahawa secara dasarnya, tidak ada *Home Surveillance Order* walaupun ianya adalah kanak-kanak ataupun dewasa. Tetapi selalunya dalam *general rule* kita ada *exemption, exemption* atau *general rule*. Jadi, apabila dalam beberapa kategori yang tertentu dan perlu adanya *home surveillance,* maka sebarang permohonan untuk kuarantin di rumah boleh dimohon. Dan ia perlu di *email* kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, mungkin saya boleh sebut *email address* kepada Yang Berhormat Johor Jaya iaitu *email* nya ialah kepada hso@moh.gov.my saya ulang balik hso@moh.gov.my dan berserta dengan dokumen-dokumen dan bukti-bukti berkaitan untuk pertimbangan selanjutnya oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Jadi, dalam konteks pelajar umur 12 tahun ataupun *under age* contohnya yang mengembara seorang diri untuk memasuki negara kita, ibu bapa ataupun penjaga bolehlah mengemukakan permohonan tersebut kepada *email* yang saya nyatakan tadi dan ia akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Speaker, memang ada kes-kes yang tertentu di mana kita memberi pelepasan untuk *home surveillance* contohnya dalam kes-kes mereka yang mempunyai penyakit kronik contohnya. Apabila kita dapat membuktikan bahawa seseorang itu ada *depression* ataupun penyakit sawan contohnya dan di mana ini akan menyukarkan orang tersebut untuk duduk berseorangan dalam *quarantine centre* jadi dalam kes-kes seperti ini permohonan boleh dibuat begitu juga kepada kategori ibu mengandung ataupun ibu yang selepas bersalin yang memasuki tanah air kita, mereka juga boleh membuat permohonan dan ia akan dipertimbangkan seperti saya katakan tadi, *case by case, case basis* dan pernah mendapat pelepasan bagi mereka tersebut. Begitu juga apabila seorang kanak-kanak berumur, bawah umur ingin memasuki kepada negara kita, ibu bapa juga ataupun penjaga boleh menawarkan untuk menemani kanak-kanak tersebut di *quarantine centre. They offer themselves* untuk menduduki dalam *quarantine centre* sekiranya tidak mendapat *home surveillance* punya pelepasan. Dalam kes-kes seperti ini begitu juga permohonan boleh dibuat untuk ibu bapa menawarkan diri untuk menemani anak dalam *quarantine centre* tersebut. Dan dalam kes-kes seperti itu akan ada satu caj yang akan dikenakan kepada ibu bapa.

Yang Berhormat Speaker, soalan yang berkaitan dengan RGL dan PCA yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Johor Jaya, iaitu *Periodic Commuting Arrangement* dan *Reciprocal Green Lane.* Untuk maklum Ahli Dewan yang mulia ini, program ini telah bermula pada 14 Ogos 2020. Dan, untuk makluman Dewan ini daripada tarikh tersebut

sehingga 5 Disember sebanyak 15,009 orang telah pun memasuki negara kita menggunakan PCA, *Periodic Commuting Arrangement* ini dan seramai daripada 14 Ogos sehingga 5 Disember seramai 2,541 orang telah pun menggunakan *Reciprocal Green Lane (RGL)* untuk memasuki ke negara kita. Jadi, dalam RGL *so far* tidak ada kes positif tetapi dalam PCA setakat hari ini kita mengesan 3 kes positif. Jadi, untuk makluman Dewan yang mulia ini program PCA dan RGL ini adalah perbincangan di antara kerajaan dengan kerajaan Malaysia dengan kerajaan Singapura. Jadi apabila mereka menetapkan dasar PCA ini, memang ramai yang pelik tetapi apa yang sebenarnya berlaku adalah mereka yang ada *work permit* sahaja, *work permit* sahaja yang melayakkan diri mereka untuk memohon di bawah kategori PCA ini. Jadi, dalam konteks tersebut sekiranya, walaupun ada permit kerja tetapi kalau mereka adalah PR Singapura, ianya tidak melayakkan mereka untuk memohon. Seperti saya katakan tadi, memang kita mendapat banyak permintaan dan permohonan khususnya rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura tetapi mereka bukan *under work permit* tetapi mereka adalah PR. Jadi dalam pada masa ini, kerajaan juga telah membuat beberapa mesyuarat dan kita dalam mempertimbangkan supaya mereka yang ada *work permit* juga dibenarkan untuk memasuki dalam program PCA ini tetapi belum ada keputusan, tetapi saya rasa dan dalam sedikit masa lagi satu keputusan baik akan dicapai. Terima kasih.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya Stulang, jemput.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih YB EXCO. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pengecualian-pengecualian untuk kes-kes yang diutarakan YB EXCO adalah *case by case basis*. Jadi apa yang kita tekankan di sini adalah sebenarnya ramai rakyat Malaysia, ramai rakyat Malaysia yang telah pun berada di Singapura lebih daripada 90 hari. Untuk kategori PCA, mereka yang sudah berada di Singapura selama 90 hari boleh balik ke Malaysia tanpa menjalani kuarantin di pusat kuarantin. Jadi, sudah ada ramai rakyat Malaysia yang sudah berada di Singapura lebih daripada 90 hari. Kemudian di Singapura sekarang merupakan kawasan ataupun negara yang berisiko rendah, jadi ramai meminta agar dasar dibuat dari peringkat KKM, peringkat persekutuan untuk terus memberi kelonggaran agar mereka yang balik daripada Singapura baik mereka *under* PCA, pemastautin tetap Singapura, *long term pass, student pass* ataupun *social visit pass* dan sebagainya yang sudah berada di Singapura 90 hari bila masuk ke Malaysia dibenarkan untuk kuarantin di rumah. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Speaker, terima kasih atas soalan tambahan Stulang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara orang yang paling agresif *advocate* supaya sempada Malaysia – Singapura dibuka adalah tak lain dan tidak bukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sendiri. Dalam setiap mesyuarat dengan peringkat pusat dan sebagainya kerajaan Johor merayu, bukan sahaja merayu membuat segala permohonan dan juga mengemukakan SOP-SOP tertentu supaya *border* di antara Malaysia – *Singapore* ini di buka. Tetapi seperti saya katakan tadi, bahawa keputusan ini bukan sahaja di peringkat negeri, walaupun di peringkat negeri kita memang inginkan, ok kita memang inginkan *border* di antara Malaysia – Singapura ini dibuka supaya *things will become as usual* dan membolehkan rakyat kita yang terkandas ataupun lama tak kembali untuk kembali dan sebagainya.

Dan, menurut dalam konteks kesihatan juga kita telah pun mencadangkan berbagai SOP kepada peringkat pusat. Jadi, itu adalah *stand* kita sebenarnya, *stand* kita. Tetapi *as of now* dengan izin, *as of now* memang seperti saya katakan tadi dalam konteks PCA itu sendiri apabila ada perbincangan kerajaan Malaysia dengan Singapura untuk *introduce this kind of*

programme seramai lebih 15,000 orang sudah pun memasuki Malaysia. Mereka yang bekerja di Singapura yang tak dapat jumpa dengan keluarga dah masuk, dah menghabiskan cuti mereka dengan keluarga dah pun kembali dan sebagainya. Jadi, ini adalah antara dua negara, di antara dua negara mungkin sepertimana yang dikatakan Stulang tadi, hari ini keadaan di Singapura normal tetapi mungkin pandangan di sebelah sana pula menganggap bahawa keadaan di sini mungkin tidak begitu normal. Ada sahaja kes-kes baru yang timbul dan sebagainya.

Jadi, kita kena meyakinkan kedua-dua pihak apabila timbul satu keadaan bahawa kedua-dua kerajaan yakin bahawa *things are normal* rakyat yang memasuki negara ke sana dan ke sini juga adalah selamat dan sebagainya maka akan timbul satu keadaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Stulang, bahawa kita akan menggalakkan lebih ramai orang untuk keluar dan masuk. *In fact,* dalam keadaan sekarang juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar menerusi kerajaan negeri juga telah mencadangkan DCA dan sebagainya. Supaya kategori-kategori lain dibenarkan memasuki. Tetapi ini juga bergantung kepada agensi-agensi pusat, kementerian-kementerian luar, Kementerian Kesihatan kedua-dua buah negara untuk membuat pertimbangan. Tetapi saya ingin meyakinkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat *as far as* kerajaan negeri *is concern,* kita memang *aggressively advocate* supaya *things back to normal, border* dapat dibuka dan juga ini akan membawa kebaikan bukan sahaja dalam konteks kebajikan masyarakat tetapi dalam konteks ekonomi kedua-dua buah negara dan negeri. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat. Jementah.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO berkenaan jawapan yang diberikan. Berkenaan dengan perkara ini, saya pernah membuat satu permohonan untuk satu wanita yang hamil, lebih kurang 7 bulan dan dia mempunyai simptom *syncope attack* yang telah dikenal pastikan oleh, dia duduk di Singapura dan telah dikenal pastikan oleh doktor di Singapura dan dia juga mengalami kedudukan bayi yang tidak stabil. Dia membuat permohonan kepada *HSO team,* pasukan HSO tetapi ditolak dan selepas saya membuat rayuan bagi pihak beliau juga ditolak. Dan, dia akan *deliver* pada bulan 1. *So*, persoalannya ialah bolehkah kerajaan mempertimbangkan untuk mereka, khususnya wanita yang hamil yang mempunyai kesusahan sebab suaminya perlu bekerja, tidak dapat mengiringi wanita hamil itu balik ke Johor bersama-sama. *So,* dia tidak ada cara yang lain. *So,* saya minta pihak kerajaan untuk sama ada boleh pertimbangkan khususnya untuk wanita yang hamil kalau mungkin sudah hamil lebih kurang 6 bulan, 7 bulan mereka nak balik ke Johor, boleh, boleh dikecualikan tak, boleh dipertimbangkan bukan *case by case,* mungkin mempertimbangkan mereka untuk menjalankan kuarantin di rumah, adakah pihak kerajaan boleh mempertimbangkan perkara ini?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Macam KKM lah. Jemput, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Sebenarnya, seperti yang saya katakan tadi, buat masa ini ialah *case by case.* Tidak ada dasar yang menyeluruh yang mengatakan sekiranya seseorang wanita itu mengandung, boleh automatik, tidaklah begitu, kerana setiap orang dia punya kedudukan kesihatannya berbeza. Ada yang walaupun mereka mengandung tetapi ditempatkan di stesen kuarantin mereka *is ok* tetapi walaupun mereka ditempatkan di stesen kuarantin saya ingin memberi keyakinan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, kes yang mempunyai *something,* macam kes-kes mengandung dan

sebagainya sekiranya telah pun dimaklumkan kepada *quarantine centre,* Kementerian Kesihatan dalam konteks staf-staf Kementerian ini akan membuat lawatan yang lebih kerap dengan pihak mereka yang mempunyai masalah kesihatan dan sebagainya kalau banding dengan orang yang normal dan kita sekiranya ada apa sahaja komplikasi yang timbul ketika mereka di kuarantin, mereka akan segera dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut dan ini pernah berlaku, ini pernah berlaku bukannya kerana mereka di kuarantin, kita biarkan mereka begitu sahaja.

Jadi, kalau dalam kes Yang Berhormat, sekiranya ada kes-kes yang *complicated*, yang perlukan perhatian mungkin boleh menghubungi saya sendiri, saya sedia untuk membantu, kita akan cuba tengok bagaimana untuk membantu mereka yang ada komplikasi dalam kes-kes yang dinyatakan oleh YB tadi. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Parit Raja, jemput.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 6.

Golongan OKU atau rentan antara yang terjejas akibat wabak pandemik ini. Minta dinyatakan peranan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dalam membantu golongan ini agar memastikan golongan ini mampu untuk menjana pendapatan dalam keadaan norma baharu ketika ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh, salam sejahtera, Salam Makmur Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Parit Raja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab soalan Yang Berhormat Parit Raja, YPKDT memandang serius keperluan OKU di negeri ini. YPKDT telah mewujudkan satu bahagian di bawah organisasi jabatan yang memfokuskan pembangunan OKU iaitu Unit Pembangunan OKU. Unit ini bertindak menyantuni golongan OKU dalam membantu mereka menjana pendapatan apabila golongan ini terus terkesan berikutan pandemik COVID-19 ini.

Bagi tahun 2020, YPKDT telah melaksanakan Program Latihan dan Promosi bagi golongan OKU. Inisiatif ini yang dilaksanakan bagi membantu golongan ini mampu untuk menjana pendapatan mereka sendiri dengan memberikan latihan kemahiran dalam bidang pembuatan makanan iaitu *bakery* dan bahulu.

Pada tahun ini, seramai 50 orang OKU yang telah menyertai PLP ini yang melibatkan dari pelbagai jenis OKU. Dari jumlah ini seramai 30 orang OKU yang telah dikenal pasti berpotensi dalam bidang ini dan seramai 15 orang OKU yang telah berjaya menerima bantuan peralatan bagi membantu mempertingkatkan lagi hasil produk mereka yang sedia ada dan seterusnya dapat membantu meringankan, meningkatkan pendapatan mereka. YPDKT juga turut memanjangkan cadangan pelaksanaan Program PLP ini bagi tahun 2021, agar manfaat daripada program ini dapat diberikan kepada lebih ramai lagi OKU di negeri Johor yang tidak berpeluang bekerja tapi masih mampu untuk menjana pendapatan mereka dengan adanya kemahiran tertentu. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Parit Raja, jemput soalan tambahan.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Soalan tambahan. Terima kasih YB EXCO dan tahniah di atas segala usaha dan inisiatif yang baik dari pihak YPKDT. Namun

saya ingin tahu, adakah terdapat penglibatan agensi lain yang menyediakan program untuk golongan OKU dan apakah program-program yang dilaksanakan untuk mereka yang turut terkesan dengan pandemik COVID-19 ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Parit Raja selain dari YPKDT, kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga turut membantu golongan OKU. Antara program yang dilaksanakan pertama, Bantuan Geran Pelancaran dengan kadar maksimum RM3,000.00 sekali gus, bantuan kepada OKU berkelayakan dan ingin memulakan perusahaan atau perniagaan mengikut syarat seperti berikut:

1. Warganegara dan bermastautin di Malaysia, kumpulan sasar JKM, tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan, mana-mana kes yang berkeperluan layak dipertimbangkan dengan kelulusan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

2. Bengkel *Disability Equality Training* dengan izin, JKM Johor telah melaksanakan bengkel ini kepada majikan, agensi kerajaan dan swasta dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman berkaitan ketidakupayaan dan halangan yang dihadapi oleh OKU terutamanya apabila bekerja dengan mereka. Bengkel ini adalah untuk memahami ketidakupayaan ke arah eksklusif.

3. Perkhidmatan *Job Coach* iaitu bagi membantu OKU mendapatkan pekerjaan dan pengekalan dalam pekerjaan sekurang-kurangnya untuk tempoh 6 bulan. Pada tahun 2020, Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Perkhidmatan *Job Coach* telah berjaya mendapatkan pekerjaan kepada 23 OKU.

4. Program Penubuhan *Independent Living Centre dengan izin, ILC.* Pewujudan *ILC* adalah untuk membantu OKU bagi supaya dapat berdikari dan mampu melaksanakan aktiviti kehidupan harian tanpa bantuan atau dengan bantuan yang minimum dengan menyediakan 4 perkhidmatan iaitu Program Latihan Berdikari, Pembantu Peribadi, Kaunseling Rakan Sebaya, Sokongan Informasi dan Advokasi.

   Pada tahun 2020, negeri Johor telah menubuhkan sebuah *ILC* di bawah kelolaan Persatuan *Down Syndrome* Negeri Johor dengan peruntukan kerajaan persekutuan sebanyak RM360,000.00 setahun.

Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Johor Jaya, jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Terima kasih YB EXCO, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Speaker Tuan Speaker, soalan tambahan saya mempunyai satu dasar iaitu 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya iaitu OKU. Soalan tambahan saya, bagaimana pelaksanaan dasar tersebut di pihak kerajaan negeri Johor?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Untuk makluman, terima kasih Yang Berhormat Johor Jaya. Untuk menjawab soalan itu, saya ingin maklumkan seperti mana yang telah saya katakan tadi, ialah kita berdasarkan kepada kekuatan ataupun peluang yang ada di OKU, sebab berpandukan kepada kategori-kategori sama ada seperti pembelajaran fizikal, mental, penglihatan, pendengaran dan juga pelbagai.

Jadi, kami, saya sentiasa melihat supaya apa yang dilancarkan ini akan mengikut kesesuaian yang ada pada kategori OKU tersebut. Jadi, saya mengharapkan supaya lebih ramai lagi, insya-Allah, pada tahun hadapan kita akan pergiatkan lagi perkhidmatan *Job Coach* ini supaya lebih ramai mereka-mereka ini akan mampu untuk bekerja. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Buluh Kasap.

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. saya cuma nak membangkitkan tentang rungutan daripada beberapa orang OKU yang sebelum ini menerima sumbangan atau peruntukan setiap bulanan. Tapi, sejak kebelakangan ini mereka sudah tidak menerima bantuan ini dan dengan alasan oleh pihak JKM ialah tidak, mereka ada perkembangan positif. Tetapi ialah bila kita OKU ni, apa perkembangan positifnya, contoh saya jumpa satu OKU yang kemalangan kakinya sudah tidak *balanced,* kurang 2 inci, mana ada perkembangan? Jadi, apakah sebenarnya syarat atau alasan tambahan JKM sehingga menolak permohonan mereka ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih YB. Untuk menjawab soalan itu, sebenarnya setiap tahun pihak OKU ataupun penerima-penerima bulanan daripada JKM harus memperbaharui, apa tu, memperbaharui setiap kali, setiap tahun kena memperbaharui permasalahan atau memperbaharui semula apa yang kita katakan untuk melihat, mengenal pasti sama ada mereka itu layak atau tidak. Kadang-kadang walaupun tadi Yang Berhormat kata, kaki dia cacat, kurang 2 inci dan sebagainya tetapi kita juga melihat kepada keperluan atau pendapatan isi keluarga tersebut. Jadi, saya juga mengharapkan supaya, insya-Allah pada tahun hadapan dalam pelaksanaan COMB, Cari Orang Memerlukan Bantuan, insya-Allah, kita akan lebih menepati segala kehendak-kehendak yang diperlukan oleh masyarakat di luar sana. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, soalan seterusnya Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

Sepanjang mengharungi cabaran COVID-19, apakah Jabatan Agama Islam ada membuat kajian semula untuk kelayakan untuk memohon Baitulmal?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaraktuh. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Pasir Raja, Majlis Agama Islam Negeri Johor mempunyai garis panduan dalam menentukan kelayakan seseorang sama ada tergolong dalam fakir miskin atau tidak, yang dinamakan Garis Panduan Had Al Kifayah atau kadar kecukupan individu. Sepanjang tempoh berhadapan cabaran COVID-19 ini, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor tidak ketinggalan dalam menyalurkan bantuan kepada mereka yang terjejas akibat COVID-19 ini. Buat masa ini, tiada kajian semula bagi menentukan kelayakan permohonan bantuan, Majlis Agama Islam Negeri Johor kekal mengguna pakai garis panduan sedia ada iaitu Had Al Kifayah dalam menentukan kelayakan pemohon bantuan. Saya mengucapkan terima kasih atas cadangan ini dan insya-Allah, saya akan bawakan kepada Bahagian Baitulmal dan Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk menilai semula kadar-kadar, kaedah bantuan bagi yang memohon bantuan Baitulmal ini kerana sekarang ini kadar kemiskinan kita sudah pun berbeza Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau dulu RM900.00 sekarang kadar kemiskinan bagi negeri Johor ialah RM2,005.00.

Insya-Allah, perkara ini saya akan bawa ke Bahagian Bantuan Baitulmal Negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Pasir Raja.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Terima kasih YB EXCO atas jawapan. Apa yang saya ingin bangkitkan ialah persoalan saya, bagaimanakah pihak Jabatan Agama Islam untuk memastikan seseorang pemohon itu memang benar-benar layak dan siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan beliau ini layak kerana sekarang ini dalam musim COVID ni, terlalu ramai yang mengatakan mereka layak tetapi sebenarnya semua orang nak kan bantuan. Jadi, adakah pejabat Jabatan Agama Islam mengutarakan beberapa orang untuk mengenal pasti orang yang memohon itu layak ataupun tidak? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai yang sepatutnya menerima dan menguruskan bantuan di peringkat daerah ialah Pegawai Amil di peringkat daerah. Sekarang ini kita ada Pegawai-Pegawai Amil di peringkat daerah di semua daerah di negeri Johor. Apa pun untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan juga Ahli Dewan, pada masa COVID-19 ini, pihak Jabatan, Majlis Agama Islam Negeri Johor tidak ketinggalan dalam menyalurkan bantuan kepada mereka yang terjejas akibat COVID-19 ini.

Sebagai contoh, bilangan tunai sebanyak RM1,000.00 kepada individu yang disahkan positif COVID-19. Jumlah penerima sebanyak 200 orang dan jumlahnya adalah RM200,000.00. Bantuan tunai kepada 1,000 orang bantuan tunai sebanyak RM1,000.00 seorang kepada keluarga atau waris pesakit COVID-19 yang meninggal dunia. Jumlah setakat ini sebanyak 10 penerima, sebanyak RM10,000.00. Bantuan barang keperluan makanan asasi berjumlah RM100.00 untuk seisi rumah bagi keluarga yang hilang pendapatan harian atau tidak dibayar gaji jumlah penerima sebanyak 20,000 orang dan jumlah bayaran sebanyak RM2 juta. Bantuan tunai sebanyak RM100.00 seorang kepada penerima bantuan sara hidup dan bantuan perubatan serta mualaf Majlis Agama Islam Negeri Johor 25,000 penerima sejumlah RM2,500,000.00. Bantuan barang keperluan asas berjumlah RM100.00 untuk seisi rumah kepada seluruh masyarakat Orang Asli di seluruh negeri Johor sebanyak 4,280 penerima berjumlah RM428,000.00. Bantuan Ihsan Johor secara *one-off* sebanyak RM500.00 kepada peniaga-peniaga kecil asnaf di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam Negeri Johor berjumlah 200 penerima, sebanyak RM100,000.00. Bantuan barang keperluan asas untuk pelajar yang tinggal di asrama, di madrasah-madrasah yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri Johor sebanyak RM100.00, 300 penerima berjumlah RM30,000.00. Bantuan tunai sebanyak RM200.00 seorang kepada pelajar-pelajar negeri Johor yang sedang melanjutkan pelajaran di Mesir yang terlibat dengan PKP di luar negara, 780 penerima berjumlah RM157,000.00. Bantuan tunai sebanyak RM300.00 seorang kepada pelajar-pelajar negeri Johor yang sedang melanjutkan pelajaran di Jordan yang terlibat dengan PKP di luar negara, 70 penerima berjumlah RM21,000.00. Sumbangan kepada kegunaan aset perubatan dan bukan perubatan serta lain-lain keperluan menangani COVID-19 melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor di semua hospital yang terlibat sebanyak RM6,000.00. Hospital yang terlibat semuanya kita telah sumbangkan sebanyak RM600,000.00.

YB Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Lagi dua sahaja. Bantuan keperluan asas berjumlah RM100.00 untuk seisi rumah kepada mereka yang berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU) di seluruh negeri Johor, 200 penerima, RM20,000.00.

Bantuan tunai sebanyak RM100.00 disalurkan kepada penerima bantuan sara hidup, bantuan perubatan berjumlah sebanyak 19,515 penerima, RM1,955,100.00.

Dan akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, bantuan khas barang keperluan harian bukan makanan seperti lampin pakai buang, susu dan lain-lain kepada penduduk Kampung Parit Ibrahim Majid yang dikenakan Perintah PKPD, 822 penerima sejumlah RM35,000.00. Yang Berhormat bolehlah menyalurkan terus kepada saya jika ada perkara-perkara yang berkaitan permasalahan dari segi bantuan ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya Semerah jemput.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO banyak insentif yang diberikan oleh pihak Baitulmal. Soalan saya ialah berapa masa yang diambil untuk setiap permohonan dan masa diambil untuk setiap permohonan yang telah diluluskan...

YB Speaker : Yang Berhormat merujuk kepada soalan tu Yang Berhormat...

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Ya soalan..

YB Speaker : Ini tentang kajian ini sebenarnya.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Sepatutnya mengharungi cabaran, apakah Jabatan Agama Islam ada membuat kajian semula untuk kelayakan memohon. Betul, memang dia layak memohon tetapi bila dah mohon, kita nak tahu masa yang diambil, masa tu penting kalau banyak permohonan jadi kita nak tanya dekat sini, berapa masa diambil untuk meluluskan permohonan dan masa diambil untuk pembayaran selepas permohonan diluluskan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih Yang Berhormat Semerah. Seperti mana yang telah saya umumkan bahawa dengan cara dan kaedah baharu yang telah saya keluarkan arahan kepada semua pegawai-pegawai MAIJ daerah, tempoh permohonan jawapan kepada pemohon-pemohon yang disalurkan kepada MAIJ daerah hendaklah diberi jawapan dalam tempoh 14 hingga 21 hari Yang Berhormat Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Kemelah jemput.

YB Dr. Sulaiman Bin Mohd Nor (Kemelah) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 8.

Berapakah peratus litupan (*coverage*) capaian Internet ikut mukim di negeri Johor mengikut kategori wayar (*wired*) dan tanpa wayar (*wireless*) sehingga kini? Apakah usaha kerajaan negeri, dengan kerjasama kerajaan pusat untuk meluaskan litupan dan meningkat kelajuan capaian?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Media (SKMM) sentiasa memberi tumpuan

kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi dan usaha kerajaan tersebut.

Dan soalan ini ada dua Yang Berhormat Speaker. Yang pertama Ini dia tanya pasal berapakah peratus liputan (*coverage)* capaian Internet ikut mukim di negeri Johor mengikut kategori wayar dan tanpa wayar sehingga kini dan apakah usaha kerajaan negeri dalam kerjasama kerajaan pusat untuk meluaskan liputan dan meningkatkan gangguan capaian. Jadi yang kedua tu, Yang Berhormat Speaker, saya dah jawab dalam soalan tambahan yang lepas, saya jawab yang pertama dulu.

Berikut adalah merupakan peratus liputan, pertama saya jawab liputan 4G mudah alih dahulu. Maaf Yang Berhormat Speaker, saya memang tak dapat daripada data lengkap, data mengikut mukim yang diberikan adalah mengikut daerah. Mukim memang tak ada, kajian ikut mukim. Jadi ikut daerah, peratus keseluruhan negeri Johor, peratus *average* ya, negeri Johor adalah 98.28% dan mengikut daerah, Batu Pahat, 98.6%; Johor Bahru, 99.96%; Kluang, 96.68%; Kota Tinggi, 94.43%; Kulaijaya, 99.36%; Ledang, 97.69%; Mersing, 88.4%; Muar, 97.39%; Pontian, 97.49% dan Segamat, 96.24%. Dan bagi jalur lebar tetap pula dikira mulai kuantiti premis. Keseluruhan negeri Johor, premis yang tersedia ada, 616,038. Batu Pahat, 57,934; Johor Bahru, 360,592; Kluang, 38,568; Kota Tinggi, 26,311; Kulaijaya, 40,247; Ledang, 13,923; Mersing, 6,510; Muar, 32,761; Pontian, 18,769 dan akhir sekali Segamat, 20,423. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Ya Kemelah jemput soalan tambahan.

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada YB yang telah menjawab soalan. Walaupun saya rasa saya minta ialah peratusan sebabnya apabila menjawab bagi *wired* dia hanya menyebut *household*. Jadi, kita nak tahu berapa sasarannya dan berapa yang telah ada lah. Walau bagaimanapun, kalau kita lihat secara umumnya, memang luar bandar memang agak terkebelakang dan memang *disadvantage* ya, dengan izin. Saya ambil sebagai contoh, saya yang duduk di luar bandar jauh dari pekan, satu ketika saya terpaksa membayar RM137.00 untuk dua *meg line*. Itu yang mampu disediakan oleh TM. RM137.00 untuk dua *megabit per second*. Tahun 2019 kerajaan Pakatan telah menurunkan, menyemak semula kadar dua *meg*, jadi sekarang saya membayar RM73.00. Itu masih lagi pada tahap RM35.00 apa ni untuk satu *meg* ya, jauh beza dengan mereka yang berada di bandar yang boleh dapat RM80.00, RM90.00 untuk 20 *meg* atau 30 *meg per line*. Soalan saya ialah bila kita nak supaya orang luar bandar ni mendapat kelebihan kalau tidak pun dikurangkan kos tetapi menikmati kelajuan sebagaimana yang di bandar. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Speaker. Dalam jawapan yang lepas, saya ada jawab dalam soalan-soalan tambahan. Jadi sebab itulah fasa yang berikutnya dalam, dulu dipanggil MSCP. MSCP pun fasa 1, semua *tower-tower* yang kita buat untuk *coverage* sebanyak 13 semua di kawasan luar bandar, 13. Dan untuk yang berikutnya pun, kita punya *tower-tower coverage* pun semua majoritinya di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, itulah inisiatif yang kerajaan buat dan semalam juga dalam ucapan, minggu lepas hari Khamis dalam ucapan penggulungan saya ada menyatakan secara *detail* tentang inisiatif kerajaan pusat untuk menaik taraf kawasan dan memberi fokus lebih kepada kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, saya telah memberi secara *detail* pada masa tersebut dan naik taraf itu Yang Berhormat yang saya boleh nyatakan dan projek ini 2021, 2020 sehingga 2021, tahun depan akhir, insya-Allah. Dan saya dah cakap juga kepada Menteri untuk menangguhkan daripada 4G kepada, daripada 5G dia fokus kepada 4G dengan inisiatif untuk jalur lebar tetap ni menukarkan *copper-copper* kepada *fiber* optik. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Ya Kota Iskandar.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga YB EXCO yang memberikan jawapan. *Coverage* Internet, dengan izin, tidak boleh lari daripada projek MSCP yang kedua ataupun JENDELA. Dan, sebelum ini saya pernah bertanya dalam soalan tambahan tentang bagaimana kerajaan mengadakan penyelarasan kepada dua syarikat konsesi yang terlibat dalam pembinaan infrastruktur komunikasi dalam negara kita dan dalam *handsard* oleh YB EXCO bahawa tiada bayaran dikenakan oleh dua konsesi tersebut. Saya minta supaya kenyataan ini merupakan kenyataan yang bertanggungjawab dan tidak sama sekali *misleading* dalam Dewan yang mulia ini. Kerana dalam jawapan lisan yang saya terima pagi ini pun, disebutkan di antara pakej yang saya cadangkan dulu, kerjasama dengan pihak TNB tidak dapat dilaksanakan khusus dalam menyediakan infrastruktur perkhidmatan 5G disebabkan bayaran yang dikenakan oleh pihak KUJ yang dinyatakan dalam jawapan bertulis.

Maka oleh itu, saya nak bertanya kembali, adakah Yang Berhormat EXCO masih kekal dengan menyatakan bahawa dalam Dewan yang mulia tidak ada bayaran yang dikenakan oleh dua konsesi yang saya sebut semalam, sebelum ini dalam soalan tambahan sebelum ini ataupun membetulkan kenyataan itu bahawa memang terdapat bayaran dikenakan oleh konsesi tersebut yang oleh itu, Pakatan Harapan dahulu kita menubuhkan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Induk Infrastruktur Telekomunikasi Negeri Johor dan juga Majlis Komunikasi dan Multimedia Negeri Johor bagi berperanan pemudah cara dan juga menyelaras bayaran-bayaran yang dikenakan oleh kedua-dua konsesi tersebut.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara ini sebenarnya bukan ada atau tak ada, belum ada kata putus lagi Yang Berhormat. Kita dalam proses *negotiation* dan kita faham sebenarnya kebetulan, komunikasi ini adalah bukannya keputusan penuh kepada kerajaan negeri sahaja, melibatkan kerajaan pusat. Dan cerita pasal TNB tersebut yang mempunyai, tersebut masih belum ada keputusan, bukan kita cakap ada atau tak ada, dalam proses *negotiation*, itu maksud saya Yang Berhormat. Keputusan belum ada lagi dan kita dalam fokus dalam masih lagi dalam proses perbincangan untuk menyelesaikan masalah KUJ dengan TNB. Dan pihak negeri, kita cuba membantu sedaya upaya Yang Berhormat. Terima kasih.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Speaker, jawapan saya masih belum dijawab. Sebab dalam soalan sebelum ini, Yang Berhormat Speaker menyatakan bahawa semua bayaran adalah tertakluk kepada budi bicara persekutuan di bawah *Malaysian Standard Accessing Pricing (MSAP)*. Persoalan dia, ada atau tidak bayaran dikenakan dari pihak kerajaan negeri oleh pihak konsesi yang tidak termaktub dan tidak termasuk di dalam MSAP.

YB Speaker : Ya atau tidak Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Belum ada keputusan ya atau tidak, saya cakap belum keputusan. Kalau ada keputusan, kita akan cakap ya atau tidak Yang Berhormat.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Speaker, macam mana kata belum ada keputusan, konsesi ini telah berjalan bukan semalam. Konsesi ini telah jalan beberapa tahun dahulu. Sudah ada bayaran ke atau tidak dikenakan kepada pengamal telekomunikasi ataupun *Telco* dalam negeri Johor oleh dua konsesi tersebut yang mana

bayaran tersebut tidak termasuk sebahagian atau *part and partial,* dengan izin, daripada MSAP.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Ok Yang Berhormat, untuk itu saya akan dapatkan maklumat lebih lengkap dan saya akan menjawab secara bertulis Yang Berhormat. Terima kasih.

YB Speaker : Pekan Nanas, soalan tambahan.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, adakah penyediaan kelengkapan *Unifi* menjadi suatu syarat mandatori dalam proses memohon projek pembinaan harta tanah baharu dan berapakah masa minimum bagi pemilik harta tanah baharu untuk berjaya untuk membuat permohonan *Unifi*? Sekian terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO, jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Saya tak faham soalan ini, ulang balik.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Adakah penyediaan kelengkapan *Unifi* akan menjadi suatu syarat yang mandatori, mesti dijalankan dalam apa-apa projek harta tanah baru dan adakah masa yang minimum ditetapkan oleh kerajaan supaya pemilik harta tanah baru ini dia boleh mendapat perkhidmatan *Unifi* bila mereka membuat permohonan?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat terima kasih soalan, setakat ini belum ada keputusan dan ini di bawah PBT sebenarnya Yang Berhormat bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan kita belum ada keputusan, tak tahu PBT, EXCO kalau ada maklumat boleh bantu?

YB Speaker : Bertulis sahaja, bertulis.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Sebab apa Yang Berhormat, sesuatu pembangunan dia melalui Kerajaan Tempatan permohonan untuk dapatkan Kebenaran Merancang. Jadi, saya menjaga, memang menjaga *coverage* ini tetapi tentang *enforcement* ini adalah di bawah Kerajaan Tempatan. Dan, sebab itu saya cakap maklumat ini saya kena rujuk dekat EXCO Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, jika ada apa-apa maklumat itu boleh secara bertulis Yang Berhormat, ok. Soalan yang seterusnya, Yang Berhormat Tiram, jemput.

YB Tuan Gopalakrishnan A/L Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 9.

Jalan raya simpang ke Kota Tinggi ke Bukit Tiram di bawah jejantas terlalu teruk, banyak kali sudah dibawa ke perhatian. Keadaan ini akan membawa kemalangan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirahmanirahhim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan Tiram adalah berkaitan dengan ingin tahu bilakah JKR atau kerajaan negeri atau pihak agensi hendak memperbaiki simpang di Bukit Tiram yang teruk katanya.

Untuk makluman Tiram, JKR telah mengemukakan peruntukan untuk memohon, peruntukan sebanyak RM500,000.00 bagi membaiki persimpangan ini. Persimpangan ini adalah dalam jalan persekutuan, jadi kita mohon untuk dibaiki. Insya-Allah kalau di terima, awal tahun depan kita akan terus laksanakan tugas sebelum Tiram ataupun yang lain hendak mengemukakan soalan tambahan, saya rasa kalau soalan-soalan kecil macam ini, *sorry* bukan kecil penting macam ini tetapi soalan yang bukan berkaitan dasar, W*hatsApp* saya sahaja ataupun tulis surat insya-Allah saya akan terus hantar kepada JD. Kita ada 10 JD Yang Berhormat dan mereka sangat cekap, hari ini hantar, esok dia dah siasat dah. Maksudnya kalau hari ini hantar, dia dah ada dalam rekod mereka, makna rekod-rekod sebelum ini pun dah menunjukkan sekiranya YB boleh pergi sana dan ambil gambar berdiri di tepi masalah itu hantar kepada saya akan menjadi bukti yang kuat untuk JD ambil tindakan dan saya akan pastikan peruntukan dimohon akan dilaksanakan seberapa segera. Dan, kita tidak mahu masalah-masalah seperti jalan teruk ini akan menyebabkan kemalangan jalan raya yang meragut nyawa. Terima kasih Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya Tiram. Jemput soalan tambahan.

YB Tuan Gopalakrishnan A/L Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Speaker, soalan tambahan. Sebenarnya keadaan jalan ini bukan di apa yang saya maksudkan tadi sahaja. Saya sudah bawa perkara ini saya ingat ada lebih kurang dua ataupun tiga kali mengenai jalan ini, yang persimpangan ini. Tidak dibuat-buat juga sebab itu saya bawa ke hadapan di sini. Dan juga, lagi satu Yang Berhormat EXCO, saya hendak tahu sudah 2 setengah tahun dekat kawasan DUN Tiram, saya berpusing-pusing banyak tempat belum dibaiki, jalannya teruk bukan sebelum saya bukan semasa saya, sebelum saya pun sudah ada. Saya hendak tanya sahaja adakah jawatankuasa memantau? Sebab kadang-kadang ada orang aduan, kadang-kadang tak ada buat aduan tetapi masalahnya masih ada di sana. Ini puncanya berlaku kemalangan dan macam-macam. Saya hendak tanya, soalan saya ialah adakah jawatankuasa pemantauan selepas buat jalan, ataupun memeriksalah keadaan di sana? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Soalan tambahan ini dia melebar ke isu lain. Tetapi, kalau berkaitan dengan simpang Tiram ini memang peruntukan akan telah diminta *actually* dan akan dilaksanakan. Dan, YB Tiram menyebut perkara ini telah dua kali ditimbulkan, sebab itu saya mohon kepada Tiram dan juga yang lain, sekiranya ada masalah seperti ini, terus dikemukakan kepada saya. Tidak perlu dibawa ke Dewan, sebab kalau dibawa ke Dewan ini terlalu banyak isu-isunya sehingga tak dapat di *monitor*. Jadi, saya harap selepas ini saya akan *personally* akan pergi ke simpang Tiram ini dan untuk memastikan tindakan akan diambil segera. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya. Yang Berhormat Endau, jemput.

YB Puan Hajah Alwiyah Binti Talib (Endau) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 10.

Apakah status pembinaan terminal bas di pekan Endau memandangkan perhentian bas yang ada kini sangat daif dan tidak selamat?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih atas soalan daripada YB Endau. Mersing merupakan destinasi pelancongan utama negara pada masa akan datang dan dikenali sebagai hari ini kita dah mula kenal Pulau Rawa sebagai *Maldives* di Malaysia dan Mersing bakal menjadi *Geopark*

ketiga selepas Jerai dan Lembah Kinta. Sehubungan dengan itu, penyediaan awal dari segi infrastruktur, jalan, jeti malah mungkin lapang terbang perlu di buat daripada sekarang perancangannya.

Untuk menjawab persoalan ini, berdasarkan maklumat dari pihak Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Mersing bahawa proses pelantikan perunding bagi pembinaan terminal bas di pekan Endau akan dilaksanakan oleh Majlis Daerah Mersing pada 20 Disember 2020. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya, Endau. Soalan tambahan? Ok. Seterusnya Yang Berhormat Yong Peng. Jemput.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan Yong Peng nombor 11.

Apabila hujan lebat kawasan-kawasan ladang kelapa sawit dan pertanian terutama sekitar Jalan Labis dan Jalan Paloh akan dinaiki air, apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO. 5 minit Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, pola perubahan iklim dan *climate change* yang berlaku di Malaysia pada waktu ini sedikit sebanyak turut menyumbang ketidakstabilan aktiviti pertanian termasuk di negeri Johor. Graviti taburan hujan yang tinggi dan berpanjangan mengakibatkan kawasan rendah kerap mengalami bencana banjir. Fenomena ini sememangnya memberi kesan kepada petani. Akibat kerosakan, kemusnahan tanaman yang sememangnya turut memberi kesan kepada pengeluaran dan pendapatan pertanian.

Pihak kerajaan khasnya JPS seboleh-boleh mungkin akan berusaha agar kawasan-kawasan yang terlibat dengan banjir berkurang dari masa ke semasa. Keadaan pelaksanaan adalah dengan melibatkan kerja-kerja pelebaran dan mendalamkan sungai. Pembinaan sistem saliran dan juga melaksanakan projek-projek tebatan banjir. Namun, bagi kawasan ladang sawit dan pertanian yang mempunyai hak milik dan tuan tanah, mereka seharusnya melakukan sesuatu dan bertanggungjawab ke atas kawasan hak milik masing-masing. Kerajaan hanya boleh membantu bagi menyediakan saliran utama di kawasan berdekatan supaya pengaliran air berjalan lebih lancar, manakala dalam kawasan ladang atau kebun ianya perlu dilaksanakan oleh pemilik itu sendiri. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Ha, Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih jawapan dari YB EXCO. Berkenaan sebab impak, impak kenaikan air di kawasan pertanian ini, petani-petani ada impak tentang pendapatan mereka. Adakah pihak kerajaan akan beri apa-apa ganti rugi untuk bencana ini? Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat, 1 minit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan telah memperuntukkan RM100,000.00 untuk program ini. Iaitu untuk bantuan bencana dan boleh dipohon tambahan sekiranya perlu berdasarkan justifikasi bencana. Kadar bantuan kepada pengusaha buah-buahan dan sayur-sayuran adalah minima RM500.00 dan maksima RM2,000.00 per hektar dalam had bantuan maksimum 2 hingga 4 hektar. Bantuan berupa bahan *input* pertanian akan di

berikan kepada pengusaha-pengusaha yang membuat permohonan sahaja berdasarkan penilaian kawasan yang telah dibuat pertanian daerah bersama-sama dokumen yang lengkap. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jam dah menunjukkan pukul 11.00. Saya tamatkan soalan setakat ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

YB Speaker : Saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 11.15 pagi. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada 11.30 pagi.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2021) TAHUN 2020.

YB Speaker : Bismilahirahmanirahhim. Assalamualaikum warahmatullah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Kedua Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020 disambung sekarang.

Jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar. Jemput.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, pertamanya patik merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim, sempena sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Tuanku pada 22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442H yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh secara positif perihal sektor pertanian dan pembangunan luar bandar dalam negeri Johor, dalam Dewan ini. Rata-rata dan majoritinya menyambut baik dan menerima realiti tentang peri pentingnya sektor pertanian dan industri makanan yang menjadi sektor paling stabil ketika negara menghadapi krisis ekonomi. Dan, sekali gus menjadikan ianya sebagai satu punca pendapatan baru kepada kerajaan di samping memastikan kestabilan pembekalan makanan kepada semua. Dan, berdasarkan kepada minat dan keterujaan yang ditunjukkan, menambah semangat dan iltizam saya dan kerajaan untuk memajukan sektor pertanian melalui portfolio ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam membicarakan soal pertanian saya ingin memaklumkan bahawa ianya terbahagi kepada dua iaitu tanaman komoditi dan tanaman pertanian agro makanan. Di negeri Johor, daripada 51.11% tanah pertanian yang sedia ada, 63.96% adalah diusahakan untuk tanaman komoditi. Manakala hanya 36.04% di usahakan dengan aktiviti tanaman agro makanan.

Pada masa yang sama juga saya ingin menekankan bahawa untuk menjayakan agenda sekuriti makanan yang mana menekankan tentang tahap kesediaan, kepenggunaan, kebolehcapaian dan kestabilan makan satu perkara yang kita tidak pernah dan tidak boleh lupakan adalah tentang untung nasib hero-hero yang tidak di dendang iaitu petani, penternak dan nelayan yang membekalkan makanan untuk kita sehari-hari. Ini bermakna kerajaan menekankan dan memberi tumpuan yang tidak kurang untuk memperkasa para petani, penternak dan nelayan agar taraf kehidupan mereka sentiasa meningkat daripada masa ke semasa. Ini juga bermakna kita memastikan para petani mendapat pendapatan yang menarik dan stabil dan sekali gus menjadikan profesion agro makanan yang menarik dan lebih seksi dengan izin, dari kaca mata masyarakat terutama orang muda. Komitmen dan iltizam oleh kerajaan seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini telah menyediakan peruntukan yang cukup besar dan tidak pernah disediakan sebelum ini oleh kerajaan pusat dan negeri. Iaitu RM27.65 juta untuk tahun 2021 untuk sektor pertanian, perikanan dan veterinar dan RM35 juta untuk tempoh 2 tahun iaitu 2021 dan 2022.

Ianya merangkumi pembangunan semua aktiviti dalam rantaian nilai sektor pertanian dan agro makanan negeri untuk dimanfaatkan kepada aktivis agro makanan sama ada kecil, sederhana mahupun besar. Saya bersetuju apa yang di utarakan oleh Yang Berhormat Sri Medan tentang persepsi orang muda yang berfikiran bahawa aktiviti pertanian yang menguntungkan hanya melibatkan aktiviti pertanian yang melibatkan komoditi sahaja. Kerana ianya lebih dilihat muda, kurang membebankan dan mendapat pendapatan yang stabil tetapi tidak selalu. Realitinya ini telah dilihat, kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan orang-orang ramai yang juga petani bahawa dengan keluasan yang sama aktiviti Taman Agro Makanan lebih memberi pulangan yang lumayan berbanding dengan perusahaan pertanian komersial.

Yang Berhormat Tuan Speaker, misi yang terbesar kepada kita adalah untuk menyediakan platform pasaran yang lebih luas agar petani-petani lebih berkeyakinan tentang pasaran hasil tanaman mereka. Perkara ini juga merupakan satu elemen penting dalam rantaian nilai sektor pertanian yang harus diperkasakan. Dalam hal ini kerajaan negeri akan terus menggembleng usaha-usaha agensi seperti FAMA dan organisasi seperti Pertubuhan Peladang Kawasan yang mempunyai 28 Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di kawasan masing-masing sebagai pusat pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian para petani. Kepentingan akan PPHP ini sentiasa ditekankan oleh kerajaan negeri dan atas sebab itu dengan komitmen awal ini kerajaan memperuntukkan RM500,000.00 untuk menaik taraf prasarana 2 PPHP yang dijanjikan oleh dengan PPHP Kluang dan Benut. Selain daripada itu kerajaan juga amat menggalakkan *contract farming* atau pertanian kontrak, yang mana model ini melibatkan pengusaha-pengusaha besar dan pengusaha-pengusaha kecil. Ini adalah untuk mempastikan para petani atau pengusaha dapat lebih menumpukan soal pengeluaran hasil daripada pencukai akibat memikirkan soal pasaran hasil pengeluaran mereka. Pada masa yang sama, ia akan memberi manfaat kepada pengusaha-pengusaha besar untuk mendapatkan bekalan yang lebih konsisten untuk memenuhi permintaan yang mereka ada.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain itu juga model ini juga akan mengurangkan masalah yang dialami pengusaha besar dalam soal memperluaskan kawasan tanaman mereka dan juga masalah kekurangan pekerja. Ini bermakna kolaborasi antara pengusaha kecil dan pengusaha besar yang lebih mengetuai permintaan dan pengedaran akan memberi persekitaran yang lebih sihat dalam sektor pertanian keseluruhan. Yang Berhormat Parit Yaani telah menyebut tentang soal kos operasi yang tinggi. Yang melibatkan kos *input* pertanian dan makanan ternakan. Kerajaan pada masa ini sememangnya amat menggalakkan penggunaan baja bukan kimia dalam aktiviti pertanian. Sementara unsur

mekanisasi dan mengurangkan kos operasi dan sekali gus mengurangkan beban kerja petani.

Selain daripada itu ianya juga akan meningkatkan bekalan terhadap permintaan hasil agro makanan tanpa bahan kimia di kalangan pengguna. Kerajaan tidak akan memaksa petani dan orang ramai untuk mengusahakan sesuatu yang memberi pulangan yang minimum namun, ianya bergantung kepada tujuan pengusahaan itu sama ada untuk sara diri, tambah pendapatan ataupun perniagaan komersial. Berkenaan dengan kemudahan infrastruktur agro makanan yang tidak mencukupi, tidak semua sektor dalam pertanian memerlukan bekalan air terawat ataupun elektrik. Berhubung dengan ketiadaan sinergi dan mekanisme pelaksanaan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Parit Yaani, saya ingin menyatakan bahawa buat masa ini sinergi dan integrasi antara Jabatan di peringkat pusat dan negeri adalah dalam keadaan yang amat baik. Sebagai bukti, Jabatan ini di peringkat pusat dan negeri telah berjaya mengusahakan peruntukan yang besar untuk kemajuan sektor pertanian, dan agro makanan di negeri ini dan pada masa hadapan. Dan Jabatan ini, dan agensi di bawah sektor pertanian ini, juga terlibat dalam Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri Johor. Ia ditambah dengan iltizam kerajaan negeri untuk memperkasa sektor agro makanan.

Yang Berhormat Tuan Speaker dalam konteks penyelidikan pula, MARDI negeri Johor bagi tahun 2020 telah memperuntukkan sebanyak RM2.24 juta bagi melaksanakan projek penyelidikan yang merangkumi penyelidikan pelbagai agro makanan seperti buah-buahan sebanyak RM730,000.00, sayur-sayuran RM20,000.00, tanaman industri RM50,000.00, ternakan RM1.2 juta dan pembangunan usahawan sebanyak RM50,000.00.

Sementara itu, Jabatan Perikanan pula telah memperuntukkan RM1.48 juta dari kerajaan pusat untuk kajian pembangunan induk dan baka melalui pembiakbakaan selektif dan penilaian di lapangan, pembangunan teknologi pembenihan spesies alternatif, penyelidikan teknologi ternakan, penyelidikan makanan ikan, penyelidikan kerang-kerangan, kajian sosial ekonomi *green collar job* sektor pertanian dan penilaian strategi *blue economy* dalam perikanan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Jabatan Pertanian Negeri Johor, mempunyai 8 projek dengan keluasan 452.38 hektar dengan bilangan pengusaha seramai 77 orang. Dan sehingga kini dari siasatan yang dibuat, seramai 8 orang telah melanggar syarat. Iaitu 3 di TKPM Pagoh, 1 peserta di Institut Pertanian Ayer Hitam dan 4 orang peserta di TKPM Sedili. Untuk makluman juga, kesemua mereka telah menarik diri dan dikeluarkan daripada TKPM dan telah digantikan dengan peserta yang baru.

Yang Berhormat Tuan Speaker, manakala TKPM daripada Jabatan Veterinar pula, terdapat 36 TKPM dan padang ragut yang jumlah keluasan seluas 3,829.725 hektar yang melibatkan 186 orang peserta. Tempoh sewaan adalah 20 tahun setiap peserta dan perjanjian akan diperbaharui setiap 3 tahun mengikut pemantauan dan penilaian. Daripada 186 peserta ini, melalui pemantauan dan proses pemutihan terdapat 61 orang tidak aktif dan 8 orang membuat pelanggaran syarat seperti melakukan penanaman sawit dan sayur-sayuran. Penilaian terhadap pengoptimum sumber-sumber tanah pertanian sedia ada akan sentiasa dilakukan agar ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Yang Berhormat Parit Yaani juga menyentuh tentang isu nelayan yang mengambil kesempatan mengambil elaun untuk ke laut. Berkenaan isu ini, pihak Jabatan telah

mengenal pasti sebanyak 739 lesen sampan yang tidak aktif sepanjang 3 tahun. Berpandukan tatacara pengendalian piawai semua pemilik lesen akan diberi tunjuk sebab dan sekiranya tiada jawapan diterima dalam masa 14 hari daripada tarikh surat tunjuk sebab tersebut, maka pembatalan akan dibuat dan tindakan pemutihan lesen ini akan dilaksanakan berterusan oleh Jabatan Perikanan setiap tahun.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah di atas inisiatif Yang Berhormat Endau, yang mana melibatkan agensi-agensi sektor pertanian dalam pembangunan setempat. Insya-Allah, kerajaan negeri akan membantu menjayakan inisiatif projek ekonomi desa tersebut. Berhubung dengan isu yang membangkitkan mengenai kos bekalan elektrik kepada pengusaha agro makanan, dimaklumkan bahawa tarif ini telah pun ditetapkan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad kerana faktor jenis penggunaan bangunan, seperti pusat pengumpulan hasil ladang, pam dan pam elektrik. Walau bagaimanapun, saya percaya tidak ada aktiviti pertanian yang menggunakan bekalan elektrik sepenuhnya. Berkenaan dengan pemberian insentif atau bantuan kewangan kepada nelayan di musim tengkujuh, kerajaan hanya menyediakan skim subsidi hasil, diesel dan petrol, insentif tangkapan ikan dan elaun sara hidup nelayan. Pada masa yang sama kerajaan juga menyediakan Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, memang benar 58.8% tanaman nanas adalah di negeri Johor. Untuk makluman sidang Dewan Yang Berhormat, Yang Berhormat Mahkota, peruntukan RM19 juta yang diperuntukkan untuk negeri Johor sahaja, bukan untuk 1 Malaysia. Ini merangkumi aktiviti pengeluasan tanaman, segala bentuk bantuan, *input* dan juga pembangunan benih dalam negeri. Saya rasa kita harus bersyukur atas berita ini dan ianya sebenarnya adalah berita baik untuk pengusaha industri nanas di negeri Johor khususnya. Lembaga Perindustrian Nanas (LPNM) negeri Johor telah membelanjakan RM6.6 juta untuk program pengeluasan nanas di negeri ini pada tahun 2020. Manakala pencapaian keluasan sehingga kini adalah 1,022 hektar berbanding 800 hektar sebagai sasaran dengan tambahan peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi daripada kerajaan pusat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berhubung dengan konsep mentor-mentee, sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Mahkota, sukacita saya maklumkan bahawa LPNM telah pun memperkenalkan *contract farming* tanaman nanas iaitu Projek Kluster Nanas Lestari (PKNL) di Tanah Abang, Mersing melibatkan 300 ekar tanah milik SSI. Ianya melibatkan kerjasama Syarikat Kulim Pineapple Farm sebagai *anchor company*. Yang mana peserta-pesertanya pula terdiri daripada kalangan petani muda yang mengusahakan 5 ekar setiap peserta. Walaupun proses tuaian belum tamat, saya nak maklumkan, namun berdasarkan hasil tuaian semasa, peserta di jangka akan mampu membayar balik pinjaman mereka daripada Agro Bank sebanyak RM50,000.00 sekali gus atau secara pukal. Ini sekali gus memperlihatkan para peserta akan menikmati pendapatan lebih RM5,000.00 sebulan. Sudah pasti ianya adalah satu contoh yang baik bagi dikembangluaskan lagi di tempat-tempat lain berdasarkan kesediaan tanah dan kumpulan sasaran yang bersesuaian. Untuk itu juga, LPNM telah menjalinkan kerjasama dengan FELDA untuk mengusahakan tanah-tanah FELDA yang belum diusahakan. Dan untuk makluman, sebagai permulaan ianya akan dilaksanakan FELDA Redong dengan keluasan 20 ekar dan FELDA Lenga sebanyak 70 ekar. Dalam hal ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pengerusi LPNM negeri Johor iaitu Yang Berhormat daripada Bukit Kepong.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan Program Pembangunan Peneroka (PPP) di kawasan FELDA. Sebagaimana Yang Berhormat Mahkota maklum, peruntukan

RM1.0 bilion telah disediakan seperti mana yang telah diumumkan menerusi kertas putih FELDA. Program ini adalah untuk warga peneroka FELDA di seluruh negara, serta institusi seperti Koperasi FELDA untuk menjalankan aktiviti ekonomi pertanian dan ternakan. Ia akan mengurangkan kebergantungan kepada warga peneroka terhadap hasil pendapatan tanaman komoditi iaitu sawit atau getah dengan mempelbagaikan sumber pendapatan sampingan. Untuk tahun 2020, FELDA telah membelanjakan RM3,555,922.10 untuk pelaksanaan program ini. Ke hadapan, FELDA dijangka akan menerima geran daripada pihak kerajaan sebanyak RM250 juta bagi setiap tahun. Di negeri Johor terdapat bilangan peneroka sebanyak 27,642 orang peneroka. Maka anggaran nilai peruntukan yang boleh disalurkan FELDA adalah sebanyak RM110,568,000.00. Projek akan dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) melibatkan 2 wilayah iaitu wilayah selatan, Johor Bahru dan wilayah Segamat. Tempoh pelaksanaan adalah 4 tahun dari tahun 2019 hingga 2022. Kaedah pelaksanaan PPP adalah seperti berikut iaitu Model A, projek plasma dan koperasi di bawah pengurusan Agro Bank dan program Model B, projek plasma dan projek koperasi di bawah kelolaan FELDA. Had kelulusan bagi permohonan projek adalah seperti berikut. Projek plasma, geran terus sebanyak RM2,000.00 seorang peneroka diberi dalam bentuk bekalan material dan perkhidmatan dan untuk projek koperasi geran terus berdasarkan setiap peneroka pada setiap perancangan dengan kiraan RM2,000.00 setiap peneroka. Model baru PPP dengan penglibatan Agro Bank sebagai agen pengurusan mensasarkan penglibatan sekurang-kurangnya 100 koperasi dan 500 orang peserta plasma bagi melaksanakan projek Fasa 1 dengan peruntukan sebanyak RM100 juta. Peringkat awal projek ini akan dijalankan 3 aktiviti pertanian iaitu nanas, halia dan cili fertigasi di sektor pertanian dan akan dikembangkan lagi. Pihak Agro Bank akan menyediakan operator bagi setiap tanaman dan setiap peserta layak memilih sendiri operator yang mereka ingin kerjasama. Setiap peneroka mempunyai had kelayakan maksima sebanyak RM20,000.00.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dimaklumkan juga bahawa berhubung dengan penglibatan atau kartel-kartel yang memegang hampir keseluruhan aktiviti pertanian di seluruh Malaysia seperti yang didakwa Yang Berhormat Mahkota, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan negeri Johor tidak pernah membiayai kartel-kartel yang dimaksudkan dan mengetepikan pengusaha-pengusaha kecil di sektor pertanian, khususnya penternakan. Malahan melalui rekod sebanyak 3,352 pengusaha industri daging dan tenusu lembu, kerbau dan kambing dalam negeri Johor yang diberi perhatian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, penggalakan pengusahaan tanaman agro makanan bukan bermakna kerajaan menggalakkan pencerobohan tanah yang sedia ada. Petani atau pengusaha akan ditakrifkan sebagai penceroboh oleh kerajaan jika mereka mengusahakan tapak pertanian hak milik individu lain atau milik kerajaan tanpa kebenaran. Yang penting mereka mesti mendapatkan kebenaran daripada pihak yang berkenaan atau empunya tanah. Justeru, dalam urusan memulakan pengusahaan atau pengembangan urusan tanaman ia boleh sahaja dibuat dengan menukar aktiviti tanaman di tanah-tanah komoditi yang dirasakan tidak dan kurang produktif.

Berhubung dengan pensijilan *myGAP* dan *myOrganic* sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jementah untuk makluman sidang Dewan, antara syarat untuk mendapatkan pensijilan tersebut adalah dengan mempunyai tanah yang sah hak miliknya atau sewaan atau pajakan yang masih sah tempoh sewaan dan pajakannya. Ini adalah penting untuk urusan pengesanan keluaran hasil para petani. Yang menjadikan hasil mereka menerima pengiktirafan dan ditambah nilai serta diiktiraf selamat. Sepanjang 2020, sebanyak 144 ladang telah diberikan pensijilan tersebut di seluruh negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berhubung dengan bekalan air bersih di kawasan Kampung Minyak Beku, Batu Pahat, untuk makluman Ahli Dewan dan Yang Berhormat Senggarang, kawasan Kampung Petani dan sekitarnya adalah sebahagian Projek Bekalan Air Luar Bandar yang akan ditenderkan pada tahun 2021 oleh KPLB Negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan elaun Ketua Kampung sedia ada, elaun mereka sebenarnya dihentikan sehingga Julai 2020 berikutan penjenamaan semula MPKK kepada JPKK. Namun, untuk makluman Yang Berhormat Kempas, kerajaan negeri tidak pernah berniat dan menghentikan bayaran elaun kepada Ketua-ketua Kampung yang sedia ada. Kerajaan negeri masih meneruskan pembayaran elaun Ketua Kampung sehingga Disember 2020. Sementara itu KPLB melalui suratnya bertarikh 9 Oktober 2020 juga telah bersetuju untuk meneruskan elaun pembayaran Ketua Kampung sedia ada dari Ogos 2020 hingga Disember 2020. Untuk rekod, Ketua Kampung telah dibayar sehingga November sebanyak RM400.00 daripada kerajaan negeri dan bukan RM200.00 seperti yang didakwa dan juga ditambah sebanyak RM500.00 daripada KPLB.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan perlunya padanan bank makanan dengan data-data pengusaha tani dalam negeri Johor yang disarankan oleh Bukit Naning, Jabatan Pertanian sedar akan pentingnya pangkalan data. Dalam sektor pertanian bagi petani dan pengusaha. Melalui Agri-Geo Portal yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian yang mana datanya disalurkan oleh Agen Pengembang Tanaman (APT) di seluruh negeri. Pengusaha di bawah bimbingan jabatan didaftarkan bagi tujuan pemantauan prestasi projek pertanian seperti jenis tanaman, keluasan projek, kuantiti dan hasil dan nilai. Data petani dan pengusaha pertanian juga akan digunakan sebagai panduan bagi aktiviti-aktiviti pengembangan pertanian termasuk khidmat nasihat teknikal. Amalan pertanian baik melalui bimbingan ke arah pensijilan *myGAP* dan *myOrganic* serta penilaian terhadap mereka yang menerima bantuan kerajaan. Dengan itu, Jabatan dapat membantu petani meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian seterusnya dapat bersaing dalam pasaran yang lebih luas dan menguntungkan. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Naning juga, sebenarnya tempe juga adalah makanan sumber protein yang berasaskan daripada hasil agro makanan yang berpotensi besar untuk diusahakan secara komersial.

Berkenaan dengan permasalahan sumber air di kawasan Bukit Naning, untuk makluman buat masa ini projek BLB sedia ada sedang dilaksanakan di DUN Bukit Naning. Dan, insya-Allah akan memberi manfaat kepada 800 isi rumah dan dijangka siap pada tahun 2021.

Yang Berhormat Tuan Speaker, rata-rata Ahli Yang Berhormat menekankan soal pengagihan bantuan-bantuan dan insentif yang sedia ada disediakan kepada kumpulan sasaran. Sukacita dimaklumkan segala peruntukan yang diperuntukkan kerajaan adalah untuk semua aktiviti atau pemain sektor agro makanan merangkumi petani kecil, sederhana dan besar yang terlibat dalam seluruh aktiviti rantaian nilai sektor agro makanan dalam negeri ini. Maka, mereka semua adalah layak untuk memohon. Dan kelulusan adalah kepada mereka yang paling layak untuk menerima. Pihak kerajaan mengambil maklum tentang penekanan soal ketelusan serta keadilan agar seboleh-bolehnya pengusaha-pengusaha tulen yang memerlukan insentif dan bantuan diutamakan. Kerajaan juga mengambil kira ingatan daripada Yang Berhormat Mengkibol bahawa kerajaan tidak harus terus hanya memberikan pelbagai jenis bantuan tunai yang mungkin tidak dapat menjana pendapatan. Dan sudah pasti, ia akan menjadi panduan.

Sepertimana yang saya nyatakan dalam Dewan sebelum ini, untuk masa ke hadapan kerajaan akan menekankan soal Agenda *Food Safety*, dengan izin, ataupun keselamatan

makanan penggunaan industri IR 4.0 dengan izin, penggunaan mekanisasi dan automasi dan meningkatkan adaptasi dan penerima gunaan teknologi. Penekanan berkenaan kualiti benih, *balance of trade* atau keseimbangan dagangan dan matlamat pembangunan mampan dengan mengutamakan pertanian lestari dengan mengambil kira kesan dari kepada alam sekitarnya.

Berkenaan dengan projek pertanian moden yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mengkibol, pusat pertanian moden ini telah dilancarkan pada tahun 2004. Membabitkan keluasan keseluruhan 3,655. 2 hektar yang dimiliki oleh Suruhanjaya Tanah Persekutuan dan di bawah pengawasan terus Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Malaysia. Ianya dibahagikan kepada komponen yang digunakan oleh Institut Veterinar Malaysia dan Pusat Ternakan Haiwan sebagai pusat latihan dan pengeluaran tenusu seluas 566 hektar. Pusat Pertanian Ayer Hitam 81.7 hektar, Pusat Pengumpulan FAMA 4.86 hektar, Pejabat Pentadbiran Pertanian Moden 5.286 hektar dan bakinya seluas 2,997.2 hektar dipajak kepada peserta untuk tempoh antara 10 hingga 30 tahun bagi mengusahakan pelbagai tanaman, ternakan, ikan hiasan dan agro pelancongan. Sukacita dimaklumkan walaupun ia berada dalam negeri Johor, namun segala pentadbiran, dan pemantauan serta perjalanannya adalah diuruskan oleh pihak kementerian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berhubung dengan perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Machap, tentang pencemaran bau dan kacau ganggu lalat, ladang yang telah melakukan pencemaran tersebut telah diberikan notis penutupan ladang kerana beroperasi tanpa lesen yang sah. Berdasarkan pemantauan terkini daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada bulan November yang lalu, tiada sebarang aktiviti ternakan yang dijalankan di tapak tersebut dan berhubung dengan penggunaan baja tinja ayam di ladang kelapa sawit yang dilaporkan, ianya adalah di luar bidang kuasa Jabatan Veterinar. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan sentiasa mengingatkan dan memberi amaran keras kepada pengusaha ladang unggas untuk merawat tinja dan tidak membekalkan tinja ayam yang tidak dirawat kepada mana-mana pihak di masa yang akan datang. Seterusnya, berdasarkan makluman dan rekod Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Kluang, sehingga kini tiada permohonan ladang unggas baru di kawasan Simpang Renggam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu banjir adalah isu yang sering dibangkitkan oleh majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berkenaan dengan masalah banjir di persisiran Sungai Batu Pahat yang dikenal pasti luas dan panjang dan memerlukan kerja penggalian dan naik taraf yang melibatkan peruntukan yang besar, maka pihak Jabatan mencadangkan agar pengorekan dan penaiktarafan Sungai Batu Pahat dipohon daripada kerajaan pusat. Merujuk kepada 3 *hot spot* banjir kilat yang sering berlaku di kawasan DUN Skudai, seperti mana di Kampung Laut, kawasan Jalan Makmur 19 hingga 24, dan Taman Damai Jaya, ianya adalah kawasan rendah yang mudah mengalami banjir. Kawasan Taman Damai Jaya adalah asalnya kawasan lembangan banjir yang mudah mengalami banjir. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Jabatan telah mengenal pasti antara langkah-langkah yang boleh dijalankan adalah dengan pembinaan benteng sungai dan pemasangan pam untuk mengepam air daripada kawasan banjir yang mana kira-kiranya memerlukan peruntukan yang besar kerana melibatkan kos pembinaan dan kos operasi apabila ianya siap. Dalam pada itu, di tempat di mana rizab sungai tidak mencukupi, proses pengambilan tanah perlu dilaksanakan.

Mengenai Kampung Poh Chee Ling pula kawasan ini didapati seolah-olah satu lot besar yang tidak mempunyai sistem saliran yang sempurna. Walaupun pihak PBT telah membina longkang-longkang tepi jalan dan JPS telah menyambung longkang tersebut hingga ke

Sungai Skudai, ia masih belum dapat mengatasi masalah banjir kerana tiada saliran sempurna di kawasan kampung. Walaupun kedua-dua agensi tersebut telah menjalankan penyelenggaraan di jajaran sungai yang telah dibina, longkang yang dibina, agensi juga berpendapat bahawa kolam, perangkap kelodak yang disyaratkan dibina dalam kawasan kem dapat dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Semerah yang mengetengahkan perkara projek Johor Barat yang mana projek tersebut telah membangunkan sektor pertanian di kawasan barat negeri Johor Darul Ta'zim ini. namun, peruntukan RM40 juta yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk menyelenggara saliran pertanian yang panjangnya yang hampir 5,900 kilometer sudah pasti tidak mampu untuk menyelenggara kawasan Johor Barat yang mempunyai 4,900 kilometer. Kerana peruntukan tersebut akan bukan sahaja diguna untuk penyelenggaraan parit semata-mata tetapi juga meliputi penyelenggaraan lain termasuk penyelenggaraan parit bukan saliran pertanian, termasuk kerja-kerja pembuangan sampah di dalam sungai, membaiki benteng pantai yang pecah dan longkang utama. Sukacita, dimaklumkan bahawa perkara ini juga telah dimaklumkan kepada kementerian berkenaan di kerajaan pusat untuk dipertimbangkan.

Mengenai status bangunan FAMA di Parit Sidek, Jalan Muar – Batu Pahat. Untuk makluman Yang Berhormat Semerah, kompleks ini sebenarnya dibina pada tahun 2007 di atas tanah seluar 2 ekar dan digunakan pada tahun 2009 bermatlamatkan untuk mewujudkan sebagai pusat pengumpulan ladang dan pemasaran tebu untuk pasaran setempat dan eksport ke Singapura. Pengoperasian kompleks ini telah disewakan kepada Syarikat Pure King, sebuah syarikat yang berpengalaman dan mempunyai pasaran yang luas pada tahun 2019. Namun ia hanya bertahan sehingga 2014 kerana syarikat berkenaan berpindah ke premisnya sendiri. Kompleks tersebut telah ditinggalkan kosong sehinggalah sekarang ini disebabkan berlaku pemendapan tanah di sektor sub stesen TNB dan bahagian apron bangunan selain kes *vandalisme* dan kecurian yang berlaku. FAMA akan membaik pulih kerosakan sedia ada bermula awal 2021 dan apabila siap FAMA akan menawarkan sewaan kepada usahawan industri asas tani yang berkemajuan maju. Proses temu duga usahawan akan dijalankan dalam tahun yang sama.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan masalah banjir yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Bentayan, pihak JPS Johor telah memohon peruntukan supaya 1 pelan induk saliran PISMA bagi bandar Maharani, Muar. Pelan induk ini boleh mencadangkan sistem yang sesuai di kawasan tersebut. Di harap permohonan ini mendapat berita baik daripada kerajaan persekutuan. Manakala berkenaan cadangan menyelenggara 2 kali setahun yang dicadangkan Yang Berhormat Bentayan adalah mungkin di luar kemampuan peruntukan Jabatan kerana ia melibatkan 1,300 kilometer saliran di daerah Muar sahaja, namun penyelenggaraan tambahan akan dibuat mengikut keperluan dan keutamaan daripada masa ke semasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tanjung Surat, yang berhasrat untuk menaikkan taraf prasarana pelancongan di pantai Batu Layar. Pihak KEJORA mengambil maklum perkara ini dan kekangan besar yang dihadapi adalah kebanyakan kawasan pantai Batu Layar adalah merupakan tanah milik persendirian.

Berkenaan dengan kemajuan Program Evolusi Hijau sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangkak pula, yang diwujudkan oleh kerajaan yang lalu, kerajaan masa ini sebahagian besarnya meneruskan hasrat program tersebut. Namun, kerajaan masa kini

telah menambah nilai program dan menggariskan hala tuju yang selari dengan kerajaan pusat dan pada masa yang sama mengambil kira potensi dan hasrat kerajaan negeri dalam sektor agro makanan masa kini yang lebih komprehensif.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan masalah nelayan yang tidak berlesen di Kampung Perigi Acheh yang dibawa oleh Yang Berhormat Tiram, Jabatan Perikanan sedang melakukan proses pemutihan lesen sampan sedia ada. Setelah selesai proses pemutihan, maka permohonan lesen baharu akan dipertimbangkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, manakala berkenaan dengan isu video yang tular berkenaan masalah pemasaran nanas di Ayer Baloi, Pontian di awal musim COVID-19 yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Pulai Sebatang. Video tersebut telah dimuat naik oleh bukan pekebun nanas tersebut. Namun, isu pemasaran tersebut telah diselesaikan oleh LPNM, FAMA dengan LPP serta-merta.

Saya ingin maklumkan bahawa, ini adalah satu contoh klasik bahawa perlunya hubungan baik dan jalinan hubungan pekebun dengan agensi-agensi yang lain. Di peringkat daerah dan negeri supaya masalah-masalah seperti tersebut dapat diselesaikan dengan baik dan cepat. Alhamdulillah, pekebun terbabit telah memohon maaf kepada agensi atas ketularan video tersebut. Dan, mereka mengucapkan terima kasih atas bantuan pasaran yang telah disediakan.

Manakala berkenaan dengan Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) sebagaimana yang telah dibangkitkan juga, saya ingin memaklumkan bahawa telah wujud 28 PPHP oleh pertubuhan peladang kawasan termasuk di daerah Segamat dan daerah Kota Tinggi. Sehingga 2020, saya nak maklumkan urus niaga di PPHP yang sedia ada adalah berjumlah RM8.8 juta dengan kapasiti 1,246 metrik tan hasil pertanian. Pada masa yang sama, kini terdapat dua buah ladang peladang yang beroperasi dalam skala yang besar iaitu Pasar Peladang Skudai milik PPK Johor Bahru Timur yang melibatkan 65 orang pengusaha peladang dan Pasar Peladang Pontian milik PPK Pontian Selatan yang melibatkan 25 orang usahawan peladang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Serom berkenaan potensi perusahaan industri perikanan laut dalam. Jabatan Perikanan Malaysia memang mengalu-alukan semua pihak untuk menerokai perikanan laut dalam terutama di zon C2 dan C3.

Pengusaha-pengusaha yang berminat dan mempunyai modal pemula yang kukuh bolehlah mengemukakan kertas kerja kepada jabatan. Pihak kerajaan persekutuan telah memperuntukkan peruntukan sebayak RM150 juta untuk Program Pemodenan *Vessel* Dan Mekanisasi Tangkapan bagi tahun 2021. Berkenaan dengan penemuan spesies tiram baharu, *oyster* dengan izin, di sekitar Tanjung Agas dan Sungai Muar serta muara Sungai Kesang dari jenis tiram putih yang telah diberi nama saintifiknya sebagai *Crassostrea Saidi*. Pejabat Perikanan Negeri Johor sedar akan potensi ternakan tiram di negeri Johor, terutamanya di daerah Muar. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini pengeluaran tiram di Muar adalah tiram dari alam semula jadi atau pun liar. Jabatan Perikanan Negeri Johor mengalu-alukan semua pihak yang berminat untuk mengusahakan ternakan tiram ini.

Berhubung dengan isu keasidan tanah di kawasan sawah di dalam DUN Serom, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Bahagian Biosekuriti Tanaman, Jabatan Pertanian Negeri Johor telah menjalankan percubaan rawatan bendang dengan menggunakan rawatan *humic acid*

di Sawah Kampung Telok Rimba sejak 2 musim yang lalu. Untuk musim yang pertama, ianya bermula bulan Julai yang lepas dan kini telah memasuki musim kedua yang bermula pada pertengahan November yang lepas. Dan ini adalah satu percubaan bahan bukan kimia dalam usaha untuk memperbaiki keasidan tanah dan penambahbaikan pengurusan sawah yang menjurus kepada hasil yang lebih tinggi di seluruh negeri Johor. Ini juga adalah usaha untuk memperkasa sawah-sawah di luar kawasan jelapang dalam negeri Johor yang menjadi salah satu komitmen negeri Johor kepada pesawah-pesawah dalam negeri Johor.

Tentang banjir yang berlaku di Tanjung Agas, Parit Bunga, Kesang, Tanjung Gading Barat yang saya jangka dimaksudkan adalah berlaku pada Jun 2020. Untuk makluman Yang Berhormat Serom dan Ahli Dewan sekalian, pelantikan kontraktor bagi projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Kesang telah ditamatkan. Selepas ditamatkan, beberapa prosedur tertentu untuk melantik kontraktor baharu perlu dipatuhi. Untuk itu, pintasan yang melalui Lebuh Raya AMJ terlewat daripada masa yang sepatutnya. Beberapa tindakan tertangguh akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan bukannya sengaja diabaikan. Tender projek akan dijalankan pada akhir Januari 2021 dan pada Julai 2021 projek dijangka dapat bermula di laluan AMJ tersebut. Penyelenggaraan Parit Keliling juga telah siap dilaksanakan pada November 2020. Isu yang dibangkitkan Yang Berhormat adalah berkaitan dengan banjir pada Jun 2020. Pada masa tersebut, sememangnya kerja tidak dilaksanakan kerana jabatan kerajaan beroperasi pada pertengahan bulan Mei 2020. Selepas jabatan kerajaan boleh menjalankan urusan, proses pelantikan kontraktor telah dibuat dan kerja mula berjalan pada awal Julai 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bersimpati terhadap penduduk Kampung Pasir dan sekitarnya sepertimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Perling. Kemasukan air ke kawasan Kampung Pasir dan sekitarnya pada 22 November 2020 adalah kerana pengikat ataupun dengan izin *hinges* pintu kawalan yang berada di situ telah patah disebabkan oleh tekanan dari air pasang. Pembaikan telah disiapkan pada hari yang sama dan setelah air pasang kembali rendah. Kini, pintu kawalan tersebut telah beroperasi dengan baik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada masa sama, operasi pam terpaksa dihentikan beberapa kali kerana *pump impeller* dengan izin tersangkut dengan sampah-sampah yang banyak. Sampah yang dibuang oleh penduduk di kawasan tersebut begitu banyak sehingga mengganggu operasi pam. Pihak JPS terpaksa melantik kontraktor untuk menjalankan kerja pembuangan sampah-sampah di kawasan pam tersebut. Pada masa sama, pihak JPS juga terpaksa mengganti pam sedia ada dengan pam yang lain kerana masalah *impeller* tersebut. Mudah-mudahan kejadian tersebut menjadi iktibar kepada penduduk setempat untuk sama-sama menjaga kebersihan sungai agar masalah tersebut tidak berulang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan perkara yang telah dicadangkan, pemberian insentif hasil yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Batu, saya ingin memaklumkan bahawa insentif tersebut memang telah diberikan kepada pesawah-pesawah di seluruh negara. Selain daripada insentif *input*, sejumlah RM2,400.00 oleh Lembaga Pertubuhan Peladang untuk setiap hektar. Pesawah juga disediakan insentif *output* ataupun hasil sebanyak RM390.00 satu tan metrik hasil padi yang mereka usahakan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagaimana yang ditekankan oleh Yang Berhormat Kukup dan Sedili, saya bersetuju dan menyokong penuh saranan untuk memperkasa program *agro tourism* sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Kita harapkan kejayaan projek-projek ini, yang mana banyak bergantung kepada pengusaha-pengusaha yang boleh menjadikan perusahaan mereka sebagai tarikan. Kerajaan negeri

sentiasa mengalu-alukan pelabur-pelabur luar yang datang dengan dana dan kepakaran untuk melabur di bidang agro makanan negeri Johor dengan teknologi IOT dan IR 4.0 dan terutamanya mereka yang telah mengenal pasti tanah-tanah dan tapak untuk dijalankan pengusahaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah menunjukkan minat dan keterujaan mereka ke atas agenda Johor Tani dan agenda Sekuriti Makanan Negeri Johor Darul Ta'zim. Rata-rata saya berpendapat bahawa majoritinya adalah menyokong inisiatif ini, terima kasih banyak-banyak. Dan, saya mengambil positif teguran-teguran sinis yang dibuat dan ia menguatkan lagi iltizam kerajaan untuk menjadikan Agenda Sekuriti Makanan Negeri Johor menjadi realiti. Bukan sahaja menambahkan pendapatan pengusaha tani, malahan juga menjadi sumber pendapatan baharu kepada kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita berkata bahawa, bukan setakat *survival* industri ini, tetapi juga sebagai satu lonjakan dalam sektor industri agro makanan. Saya mengambil maklum tentang keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang perkara-perkara berikut iaitu, tentang ketelusan urusan bantuan, tentang keadilan kepada yang layak, tentang usaha mengurangkan birokrasi, makluman dan sebaran yang meluas, tentang meningkatkan keberkesanan kakitangan, tentang integrasi dan kerjasama baik antara agensi, tentang meningkatkan hubungan antara kerajaan dan pemain-pemain industri, tentang pengoptimuman penggunaan tanah yang terbiar dan tentang pengusahaan pelbagai bantuan bukan sahaja bentuk geran tetapi juga geran padanan dan pelbagai pinjaman untuk para pemain sektor agro makanan di negeri Johor. Sasaran di peringkat kerajaan yang hakiki adalah pewujudan *Agriculture Export Centre* dengan kerjasama kerajaan persekutuan, pihak swasta dan pihak pelabur strategi dalam negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam masa yang sama pembangunan luar bandar tetap diutamakan, terutama dalam konteks pembangunan sosioekonomi masyarakat desa. Perkembangan sektor pertanian dan penekanan kerajaan terhadap sektor tersebut diharap dapat dimanfaatkan oleh penduduk desa yang sebahagian besarnya adalah para petani. Saya bersama agensi-agensi luar bandar yang ada dalam negeri ini akan terus berusaha untuk memfokuskan strategi-strategi bagi pembangunan luar bandar, bukan hanya daripada aspek fizikal sahaja, malahan merangkumi soal sosioekonomi, pembangunan modal insan dan lain-lainnya. Kepada kami, kita membangunkan potensi, kita memperkemaskan prasarana. Saya mohon maaf jika tidak dapat memenuhi kepuasan semua pihak. Saya mohon maaf jika ada yang tidak tersentuh. Saya memohon maaf di atas segala-galanya. Yang baik daripada Allah SWT, yang buruk adalah kerana kejahilan saya. Saya mohon maaf. Saya menyokong usul ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar. Seterusnya, saya jemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Pertamanya, segala puji bagi Allah SWT tuhan sekalian alam, kepada Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga dan sahabat Baginda, para tabi'e dan tabi'in, ulama dan semua umat manusia. Semoga memperoleh keberkatan ihsan Allah SWT pada hari pengadilan kelak.

Alhamdulillah, selepas beberapa hari kita bersidang, insya-Allah hari ini adalah merupakan hari terakhir kita bersidang pada sesi kali yang ke-14 ini. Dalam tempoh tersebut, pelbagai perkara telah dibangkitkan dan dibahaskan, sama ada oleh Wakil Rakyat daripada kerajaan Perikatan Nasional mahupun pihak pembangkang Pakatan Harapan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan dan cadangan untuk bersama-sama memajukan negeri Johor yang kita cintai ini.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, kesemua isu yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini akan diberi perhatian dan diambil tindakan sebaik mungkin oleh kerajaan negeri Johor. Memang menjadi visi dan misi serta agenda kerajaan negeri Johor bahawa kepentingan rakyat menjadi keutamaan. Agenda pembangunan rakyat sentiasa diutamakan dalam setiap tindakan dan keputusan yang dibuat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan jadual yang telah ditetapkan, kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat datang ke Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar, untuk menghadiri Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor. Pada hemat saya ia bukanlah sekadar rutin biasa untuk memenuhi kalendar tahunan. Ia ada satu amanah besar yang diletakkan oleh rakyat di bahu kita semua. Justeru, menjadi suatu kewajipan dan tanggung jawab yang perlu kita laksanakan atas nama demokrasi. Dalam konteks ini, terdapat 3 perkara yang sering kita raikan dan bahaskan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu amalan Sistem Demokrasi, Sistem Raja Berperlembagaan dan Agenda Pembangunan Ekonomi. Tanpa amalan Sistem Demokrasi dan Sistem Raja Berperlembagaan, kita tidak boleh bersidang dengan tertib dan konstruktif. Apatah lagi untuk berbahas mengenai hal ehwal ekonomi yang merupakan agenda utama rakyat yang paling mustahak untuk dituntaskan.

Sebagai penggubal undang-undang di Dewan Undangan Negeri, kita semua perlu mendalami dan menghayati perlembagaan negeri yang dinamakan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, yang diasaskan oleh Almarhum Sultan Abu Bakar pada 14 April 1895. Di sinilah sistem pemerintahan beraja menjadi tunggak utama dalam Kesultanan Johor Moden. Di samping itu, menerusi sistem demokrasi, Perikatan Nasional telah mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri Johor mulai bulan Mac 2020. Ini bermakna hampir setahun kita mentadbir, sedikit sebanyak kita telah menghayati kefahaman mengenai pembentukan sebuah kerajaan dan sistem demokrasi yang diamalkan di samping mengukuhkan iltizam mengekalkan kedaulatan Sistem Raja Berperlembagaan di Johor.

Dalam pada itu, saya ingin menarik perhatian sidang Dewan tentang keunikan dan keistimewaan politik Johor. Buat pertama kali dalam sejarah, negeri Johor mempunyai Speaker dan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri yang berlainan parti dan ideologi politik. Mereka bukan anggota parti yang memerintah, namun begitu atas *tag line* "Muafakat Itu Berkat", kita dapat menyaksikan sistem demokrasi berjalan dengan licin dan lancar. Natijahnya, kemuafakatan politik bangsa Johor kelihatan lebih matang dan terbuka. Dalam beberapa hari Persidangan Dewan Negeri berlangsung, saya amat berterima kasih atas pandangan dan teguran yang diberikan. Ini adalah ruang demokrasi yang sebenar. Kita berbahas dengan setulusnya, dengan mengemukakan sebaik-baik idea dan sematang-matang pemikiran. Pada hemat saya, pihak pembangkang ada pelengkap dan berperanan sebagai *check and balance* kepada kewujudan sebuah kerajaan. Dengan izin Yang Berhormat Tuan Speaker, *we are here to uplift our democracy, achieving better democracy is a never ending task.* Atas pemikiran inilah kita mahu memberi keabsahan kepada barisan pembangkang dengan menaikkan peruntukan sebanyak RM150,000.00. Kenaikan ini adalah bertujuan untuk menjayakan pengurusan dan program kebajikan tanpa sebarang

halangan di kawasan yang diwakili oleh pihak pembangkang. Kerajaan negeri menyedari bahawa isu yang berkaitan dengan COVID-19 semakin serius di negeri Johor. Sehubungan dengan itu, peruntukan tambahan sebanyak RM50,000.00 diberikan secara *one-off* kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri Johor. (Dewan bertepuk). Dalam konteks ini, tiada sesiapa pun layak untuk mengiktiraf diri mereka sebagai hero atau pahlawan dalam memperkasakan sistem demokrasi. Saya berpendapat bahawa sesiapa pun yang menjadi kerajaan adalah menjadi tugas hakiki mereka untuk memperkuatkan demokrasi dan *always stand guided by its' idea*, dengan izin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti di peringkat nasional, negeri Johor mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas. Justeru, Johor berpandangan sebarang campur tangan ke dalam pasaran jika ianya tidak perlu dan tidak munasabah, tidak harus dilakukan secara melulu. Johor, juga harus akur apa sahaja implikasi, *free an open economy*, Johor harus terima dan hadapi seadanya dan sebaiknya.

Dalam konteks kebajikan rakyat, Johor harus mengimbangi antara 2 aspek penting, kewujudan sumber dan ke mana sumber-sumber yang ada harus dibelanjakan. Membelanjakan sumber dan memberikannya kepada golongan sasar yang paling memerlukan, merupakan satu cabaran kepada kita. Ini kerana jumlah golongan sasar dan jenis bantuan mahu pun sokongan yang diperlukan juga turut berubah dan berbeza-beza. Secara jujurnya, semua pihak terkesan akibat penularan wabak COVID-19 ini. Ia bukan sahaja melibatkan golongan B40 dan M40. Namun apakah bantuan, dasar dan polisi kita akan terus menyokong golongan-golongan ini? Tanpa data dan tanpa kefahaman yang jelas mengenai kemiskinan, kita akan membuat keputusan yang salah. Dalam keadaan yang amat mencabar sekarang, *we cannot afford to let that happen.* Kerajaan negeri juga menginsafi tentang peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan rakyat. Hal ini disebabkan penutupan pelbagai sektor ekonomi akibat penularan COVID-19, tambahan pula penutupan sempadan meningkatkan jumlah pengangguran. Justeru, kerajaan negeri menggerakkan pusat-pusat latihan untuk memperbanyakkan program latihan dan latihan semula dalam kalangan generasi muda. Menyedari hakikat ini, usaha luar daripada kebiasaan harus menjadi amalan kita. Kefahaman mengenai ekonomi tidak harus lagi sama seperti sebelum wabak COVID-19 melanda. Kita tidak boleh melihat ekonomi, dasar-dasar mengenai pelaburan dan lain-lain sebagai *business as usual. The economy is a routine exercise*, Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan izin, *the economy under it's current context is no longer fixed and certain*. Sebagai contoh, kita perlu menganalisis kewujudan *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP),* yang baharu sahaja dimeterai. Kita juga perlu memantau kesan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang masih lagi belum reda. Meskipun Presiden Amerika Syarikat yang baharu, Presiden Joe Biden sudah dipilih. Kedua-dua episod ini membuatkan ekonomi kita semakin dinamik dan mencabar.

Namun begitu, kita jangan cepat berputus asa. Allah SWT bagi anugerah minda untuk kita terus berfikir, peluang masih ada asalkan setiap dasar ekonomi kita sentiasa berfokus. Oleh itu selepas saya mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Johor, saya telah memperkenalkan 7 Ikhtiar Makmur Johor sebagai *exit plan* daripada belenggu COVID-19. Setakat ini Agenda Jaminan Bekalan Makanan Johor, Agenda Johor Digital dan Penubuhan *Johor Economic Tourism and Culture Office* di Singapura merupakan 3 ikhtiar yang sedang diberikan fokus sebagai pencetus ekonomi baru pasca COVID-19. Selain daripada itu, kerajaan negeri Johor juga berusaha untuk menjayakan gagasan pemikiran ekonomi, *Ibrahim Johor Economic Counsel.* Pelan segi tiga pertumbuhan Singapura – Johor – Kepulauan Riau, (SIJOKEPRI), Pelan Jajaran Ekonomi Baru, dan Pelan Pembangunan

Mampan Johor 2030. Kesemua 7 ikhtiar ini, adalah merupakan hasil usaha dan perancangan strategik kerajaan negeri bagi merancakkan dan memulihkan ekonomi Johor. Jelasnya ianya merupakan satu gagasan ketrangkuman pelan keluar, atau *exit plan* untuk negeri dan bangsa Johor. Saya pernah katakan sebelum ini kita harus berfokus kerana sumber terhad, konteks ekonomi tidak menentu dan rakyat pula amat berharap kepada kita sekarang. Ketiga-tiga pencetus ekonomi di atas akan dipacu oleh *Private Public Partnership.* Penglibatan sektor swasta amatlah diperlukan bagi memacu keberhasilan ketiga-tiga pencetus tersebut. Dalam pada itu, kerajaan negeri akan bertindak sebagai pemudah cara dan pembimbing agar segala yang bakal dilakukan itu akan membuahkan kebaikan kepada rakyat dan menyumbang kepada hasil kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Serom juga telah mencadangkan bagi mewartakan kawasan atau zon rancangan industri perikanan laut dalam, sepertimana yang disebut oleh Pengerusi Pertanian Asas Tani. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, ikhtiar ini termasuk dalam agenda penubuhan segi tiga pertumbuhan Johor – Singapura – Kepulauan Riau (SIJOKEPRI). SIJOKEPRI merupakan kawasan pembangunan wilayah yang amat strategik bagi tujuan penjanaan ekonomi serantau, dengan mengoptimumkan kedudukan strategik aliran pelaburan asing, hubungan logistik, sumber semula jadi dan tenaga kerja serta ketersediaan dalam bidang teknologi iaitu kemahiran dan pengetahuan. Oleh yang demikian, cadangan Yang Berhormat Serom bagi kawasan pewartaan atau zon rancangan industri perikanan laut dalam akan diteliti oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Perikatan Nasional sentiasa mengamalkan pendekatan terbuka. Perikatan Nasional sentiasa terbuka dan amat mengalu-alukan pandangan daripada semua pihak termasuk daripada pimpinan Pakatan Harapan. Kita menganggap pemimpin Pakatan Harapan bukan orang asing dalam kerajaan negeri Johor. Para pemimpin Pakatan Harapan adalah rakan strategik dalam memaju dan memakmurkan negeri Johor. Sebagai rakan strategik, kita amat menghargai pandangan walaupun mungkin wujud perbezaan dari segi pemikiran dan ideologi. Namun dalam hati nurani kita, kita mahu destinasi akhir kita adalah sama iaitu membawa Johor Darul Ta'zim, negeri yang kita cintai ini lebih membangun demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyatnya. Johor Darul Ta'zim ini adalah milik kita. Milik kita semua bangsa Johor. Jadi, marilah sama-sama kita jaga dan majukan Johor Darul Ta'zim. Inilah maruah kita, inilah tanah air kita. Di sinilah kita akan disemadikan. Marilah kita jayakan pembangunan negeri ini demi rasa kecintaan yang tinggi terhadap nusa dan bumi bertuah yang amat bersejarah ini. Sejarah menyaksikan bagaimana kepimpinan Kesultanan Johor Moden yang bermula tahun 1855 telah mengorak langkah dengan kudrat, keringat dan air mata dan meninggalkan legasi kegemilangannya. Pembangunan dan pemodenan Johor untuk kita sama-sama teruskan kelangsungannya untuk masa kini dan kita wariskan pula kepada generasi masa depan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana kita mewarisi sistem pentadbiran moden yang telah diasaskan oleh Almarhum Sultan Abu Bakar dan Almarhum Sultan Ibrahim. Pemodenan Johor ditandai dengan dasar mewajibkan pendidikan dalam kalangan kanak-kanak berusia 7 tahun yang dikuatkuasakan menerusi Enakmen Pendidikan 1902. Kesannya, dasar pendidikan itu telah melahirkan ramai pemimpin di Johor. Sehubungan dengan itu, kerajaan Johor beriltizam untuk menjadikan Johor terus maju bertunjangkan idea dan pemikiran daripada tokoh-tokoh pemimpin Johor. Kita berhasrat untuk menjemput tokoh-tokoh Johor untuk bertandang di Johor Bahru untuk memperkasakan kepimpinan bangsa Johor.

Oleh yang demikian, Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS) yang akan diberi jenama baru iaitu Institut Dato' Onn tidak lama lagi, akan bertujuan untuk memperkasa dan melaksanakan Program Hikmah Johor bagi mengiktiraf sumbangan besar pemimpin dari Johor. Program ini juga bertujuan untuk menggembleng idea dan pengalaman mantan-mantan Menteri Besar Johor dalam membangunkan negeri Johor Darul Ta'zim. Pengalaman mereka sangat berharga untuk dikongsi dan dimanfaatkan bersama bangsa Johor terutama dalam kalangan golongan anak muda. Justeru, selain menyediakan platform untuk berkongsi idea dan pengalaman menerusi program yang akan dirancang, semua mantan Menteri Besar Johor akan disediakan seorang pegawai khas yang boleh membantu mereka dalam memudah cara pelbagai perkara yang berkaitan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030, merupakan satu dokumen rujukan yang inklusif dan komprehensif yang dirangka dengan mengambil kira kepentingan dan kesejahteraan rakyat sebagai agenda utama dalam Rancangan Pembangunan Negeri. Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 merupakan pelan hala tuju yang dijangka dapat memacu pembangunan Johor secara progresif dan dinamik dengan berpaksikan visi Negeri Berprestasi Tinggi Bangsa Johor Bestari. Secara keseluruhannya pelan ini mempunyai 8 teras yang dijadikan dasar kerajaan negeri dalam melaksanakan strategi pembangunan yang menyokong 3 tunjang utama iaitu, Mampan Ekonomi, Mampan Fizikal dan Mampan Sosial. Saya yakin suatu anjakan paradigma mampu dilakukan dalam mencorakkan masa depan Johor yang gemilang bagi tempoh sedekat akan datang. Untuk menjadikan negeri Johor sebagai negeri berprestasi tinggi dan ianya cukup serasi dengan gagasan yang kita bawa iaitu Makmur Johor.

Pada hari ini kita amat bertuah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia akan hadir bagi melancarkan secara rasmi Buku Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030. Ribuan terima kasih Yang Amat Berhormat Tan Sri. (Dewan Bertepuk).

Yang Berhormat Tuan Speaker, Belanjawan Johor 2021 yang telah dibentangkan pada 26 November yang lalu, sebenarnya dirangka khusus bagi membantu seluruh rakyat Johor terutamanya dalam mendepani dan menangani situasi pandemik COVID-19. Saya akui, proses melaksanakan semua titik fokus dalam Belanjawan Johor 2021 bukanlah suatu yang mudah. Pelaksanaan pelbagai inisiatif dijangka semakin mencabar rentetan daripada ketidaktentuan pertumbuhan ekonomi negara dan global. Khususnya dalam bidang kesihatan, ekonomi dan pelancongan. Negara kita Malaysia dan khususnya Johor tidak terkecuali menerima impak tersebut. Justeru, pembentangan Belanjawan Johor 2021 dirangka dan dihasilkan berdasarkan penilaian terhadap keperluan, keutamaan dan kehendak semasa rakyat Johor.

Semasa dalam sesi perbahasan, Ahli Yang Berhormat Bukit Kepong, Kota Iskandar, Kukup dan Pekan Nanas pernah membangkitkan isu Belanjawan Johor yang defisit. Saya ingin menjelaskan walaupun Belanjawan Johor 2021 merupakan belanjawan defisit yang berjumlah RM248.1 juta, namun, saya ingin memaklumkan bahawa ia digubal berdasarkan konsep *counter cyclical measures*. Dalam konteks ini, kerajaan negeri Johor akan menangguhkan usaha-usaha konsolidasi fiskal pada masa akan datang, sehingga ekonomi negeri kembali pulih sepenuhnya. Walau bagaimanapun, saya ingin tegaskan bahawa kerajaan negeri Johor mempunyai kekuatan rizab negeri yang cukup bagi menampung jumlah defisit ini. Kekuatan dalaman ini adalah dalam bentuk lebihan terkumpul dalam Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM1.67 bilion. Iaitu, lebih daripada mencukupi untuk melaksanakan kesemua inisiatif termasuk perbelanjaan mengurus jabatan bagi tahun 2021. Namun, lebihan ini juga perlu diurus dengan cekap dan berkesan serta berhemah supaya

mampu untuk menampung perbelanjaan belanjawan tahun-tahun mendatang yang lebih mencabar.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam sesi perbahasan juga Yang Berhormat Mengkibol dan Bekok pula telah mencadangkan agar kerajaan negeri Johor menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji keberkesanan Belanjawan Johor 2021. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat) telah mewujudkan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi kesemua inisiatif Belanjawan Johor 2021. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga akan memperluaskan peranan dan tanggungjawab Timbalan Setiausaha Kerajaan (Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan) bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Belanjawan Johor 2021. Dengan adanya KPI ini, setiap Pengerusi Jawatankuasa Negeri akan mengambil tanggungjawab terhadap pelbagai inisiatif-inisiatif di bawah portfolio masing-masing dan akan membentangkan kesemua *output* dan *outcome* kepada saya sendiri dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan, insya-Allah. Kerajaan negeri Johor beriltizam untuk melaporkan kesemua pencapaian bagi setiap inisiatif dalam Belanjawan Johor 2021 secara berkala demi kemajuan negeri dan kesejahteraan Johor. Langkah ini mampu merealisasikan sistem pentadbiran yang dinamik, telus, adil, cekap dan berkesan dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan negeri sepertimana yang dirancang. Justeru KPI dinilai keberkesanannya bukan sahaja dari segi pengurusan tetapi juga impak kepada rakyat.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa segala persoalan yang tidak dijawab dalam ucapan penggulungan ini akan dibincangkan dengan teliti bersama-sama Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pemantauan dan Kesejahteraan). Selain itu, saya juga telah memberi jawapan bertulis kepada persoalan yang dibangkitkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengenai saranan pemotongan elaun Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk dimasukkan dalam Tabung Bencana Negeri Johor sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani, Jementah dan Kempas, saya berpendapat, kita harus lebih realistik dan perlu memikirkan kesan jangka panjang apabila sesuatu keputusan dibuat. Janganlah kita seperti, yang tinggi tampak jauh, yang dekat julung bersua. Maksudnya dalam sesuatu usaha pemimpinlah yang bertanggungjawab dan dialah yang akan mendapat pujian atau celaan. Saya tidak mahu kelak ekoran keputusan yang dibuat barisan kepimpinan saya dipersalahkan. Kita bukan lari dari tanggungjawab tetapi belajar dari teladan. Saya menghargai cadangan yang telah disampaikan namun, sumbangan untuk Tabung Bencana Negeri Johor hendaklah tidak bermotifkan untuk menarik simpati rakyat mahupun retorik semata-mata. Saya berharap janganlah politikkan isu pemotongan gaji dan elaun ini. Pada hemat saya, keikhlasan dalam menderma atau berinfak adalah lebih baik daripada terpaksa menderma. Biarlah tangan kanan yang memberi tanpa diketahui oleh tangan kiri. Untuk makluman semua, Ahli Yang Berhormat, sehingga kini jumlah kutipan Tabung Bencana Negeri Johor adalah sebanyak RM32.3 juta. Daripada jumlah itu, sebanyak RM28.8 juta telah dibelanjakan untuk pembelian peralatan bagi pasukan barisan hadapan atau *front liners,* bantuan makanan kepada mangsa COVID-19, peralatan di pusat kuarantin dan sebagainya. Dengan kesempatan ini saya menyeru kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, Badan-Badan Bukan Kerajaan dan syarikat swasta serta individu untuk terus menyumbang ke dalam akaun Tabung Bencana Negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti yang saya maklumkan sebelum ini kerajaan negeri Johor amat komited dan mempunyai pendirian yang teguh dalam terus memperjuangkan pembukaan sempadan antara Johor dengan Singapura. Namun begitu, saya berharap

semua pihak terutamanya rakyat Johor, bahawa isu sempadan ini merupakan perkara yang melibatkan hubungan antara dua buah negara iaitu melibatkan kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Johor sentiasa bertindak proaktif dalam isu ini termasuk mengambil beberapa pendekatan bagi memastikan rakyat kita khususnya yang tinggal di Johor dapat kembali bekerja di Singapura.

Kerajaan negeri Johor sedar, dan memahami kegusaran yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Tanjung Surat, Panti, Pasir Raja, Sri Medan, Tenggaroh, Kukup, Parit Yaani, Kota Iskandar, Jementah, Mengkibol dan Perling. Bahawa, ekonomi rentas sempadan antara Johor dan Singapura amat penting dalam merangsang, merancakkan dan memulihkan ekonomi Johor. Justeru, pada bulan Jun 2020 kerajaan negeri Johor telah mencadangkan satu SOP untuk peraturan keluar masuk antara Malaysia dan Singapura melalui pintu masuk antarabangsa iaitu Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KESAB) kepada kerajaan persekutuan. SOP cadangan ini telah disemak dan diteliti oleh pihak Kementerian Luar, Kementerian Kesihatan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Imigresen dan jabatan-jabatan berkepentingan yang telah dibawa dalam rundingan dengan kerajaan Singapura. Hasilnya Malaysia dan Singapura telah bersetuju melaksanakan dua skim iaitu, *Periodical Commuting Arrangement (PCA)*, bagi tujuan bekerja dan *Reciprocal Green Lane (RGL)* bagi tujuan perniagaan. Pelaksanaan kedua-dua skim ini mendapat sambutan yang baik. Sehingga 14 November 2020, bilangan yang menggunakan skim ini adalah seramai 14,768 orang. Kejayaan dan sambutan baik yang diterima susulan daripada pelaksanaan bagi kedua-dua skim ini telah membuktikan bahawa inisiatif yang diusahakan oleh kerajaan negeri Johor bersama-sama kerajaan persekutuan berupaya memberikan manfaat kepada warga Malaysia yang bekerja di Singapura.

Rentetan daripada kejayaan pelaksanaan kedua-dua skim ini, kerajaan negeri Johor sedang berusaha untuk memohon pembukaan semula sempadan Malaysia dan Singapura bagi tujuan ulang-alik harian iaitu *Daily Commuting Arrangement (DCA)*. Kerajaan negeri Johor telah mengesyorkan SOP bagi skim DCA kepada Kementerian Luar Negeri pada 26 Oktober 2020 dan 9 November 2020. Sekiranya boleh dilaksanakan, maka SOP tersebut akan dibentangkan dalam Sidang Khas, Majlis Keselamatan Negara sebelum dibawa berunding dengan kerajaan Singapura. Pada peringkat permulaan, pengenalan SOP DCA ini, memberi fokus kepada kategori pekerja dan kategori pelajar. Pekerja, pelajar dan ibu bapa bagi pelajar boleh keluar dan masuk ke Johor dan Singapura. Bagi memastikan skim DCA ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, kerajaan negeri Johor telah menyediakan kapasiti antara 10,000 hingga 30,000 ujian *swab* dapat dilakukan setiap hari. Hasil kerjasama dengan makmal-makmal persendirian yang diakreditasi oleh Institut Penyelidikan Perubatan. Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, isu pembukaan sempadan antara Johor dan Singapura merupakan bidang kuasa kerajaan persekutuan. Namun, kerajaan negeri Johor amat prihatin dan insaf terhadap kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya. Usaha-usaha ini juga membuktikan bahawa kerajaan negeri Johor sentiasa berusaha dan komited dalam memastikan usaha pembukaan sempadan dapat direalisasikan tanpa mengetepikan kepentingan kesihatan dan keselamatan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada pagi yang mulia ini, sukacita saya memaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah bersetuju untuk memberi geran khas berjumlah RM30 juta untuk meringankan bebanan kumpulan rentan yang terjejas dengan COVID-19 di negeri Johor. (Dewan bertepuk). Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat Bukit Gambir tak boleh bagi, Perdana Menteri boleh. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, penglibatan ADUN Pembangkang dalam Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah, ingin saya maklumkan, bahawa kepada Ahli Yang Berhormat Penggaram, Skudai, Tangkak, Paloh dan Serom, yang telah membangkitkan isu penyertaan ADUN Pembangkang dalam Mesyuarat Tindakan Pembangunan Daerah. Kerajaan negeri Johor menyambut baik di atas keprihatinan dan keikhlasan Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada barisan pembangkang dalam memberikan pandangan dan cadangan penambahbaikan bagi memastikan agenda kebajikan dan ekonomi rakyat menjadi keutamaan. Tambahan lagi dalam keadaan pandemik COVID-19 ini yang masih belum ada penghujungnya. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, punca kuasa pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah ini berpandukan kepada Arahan No. 1/2020. Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara Jabatan Perdana Menteri Malaysia, yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. JTPD ini menggantikan Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah. Antara fungsi Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah adalah untuk memantau dan menilai impak pelaksanaan program dan projek pembangunan, menyelaras isu-isu pembangunan serta program pembasmian kemiskinan e-Kasih. Selaras dengan Arahan No.1 2020 sebagai punca kuasa penubuhan JTPD, tiada arahan bagi menjemput ADUN Pembangkang hadir ke dalam mesyuarat tersebut. Arahan ini juga diguna pakai semasa Pakatan Harapan mentadbir kerajaan negeri yang lepas.

Perenggan 5 di dalam arahan yang sama telah menjelaskan bahawa sebarang perubahan terhadap keanggotaan Majlis dan Jawatankuasa perlu dipersetujukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ini bukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Anggota pentadbiran yang terlibat di dalam Majlis dan Jawatankuasa di bawah Arahan No.1 2020 akan sentiasa memastikan pelaksanaan urusan kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pada masa yang sama, saya ingin tegaskan bahawa segala isu dan masalah berbangkit akan diselesaikan melalui platform ini tanpa mengira perbezaan fahaman politik. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri Johor bersedia untuk mempertimbangkan perkara ini dan akan mengangkat cadangan tersebut ke peringkat kerajaan persekutuan. Insya-Allah.

Kini di Johor kita amat bergantung kepadanya kerana pendekatan, cara dan budaya politik kita amat serasi dengan *tagline* ‘Muafakat Itu Berkat’. Hal ini diserlahkan dengan kesantunan dan kebernasan berbahas di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ini ditambah dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Tuan Speaker dalam mengendalikan persidangan Dewan dengan tersusun dan menyantuni semua Ahli-Ahli Dewan untuk terlibat dalam perbahasan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin memberi maklum balas ke atas cadangan Yang Berhormat Jementah, Skudai, Mengkibol, Bekok dan Paloh untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan di peringkat Dewan Undangan Negeri berkaitan isu-isu atau perkara-perkara tertentu. Saya tiada halangan dengan cadangan tersebut kerana ia merupakan salah satu cara atau kaedah dalam mendapatkan hasil terbaik yang dapat memenuhi kepentingan dan kesejahteraan rakyat negeri ini. Bagi tujuan penubuhan itu, perkara tersebut akan dipertimbangkan dan perlu dilaksanakan berpandukan Perlembagaan Negeri iaitu Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama kerajaan negeri mengambil inisiatif untuk melantik sepuluh orang Pegawai Penyelidik yang berperanan untuk membantu Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri termasuk daripada pembangkang. Pegawai Penyelidik ini akan menjalankan penyelidikan berkaitan pengurusan Dewan Undangan Negeri sekali gus menambah baik pentadbiran Dewan dan perbahasan yang lebih dinamik.

Kerajaan negeri Johor amat mengalu-alukan sekali gus menyokong Projek Pembangunan Wilayah-Wilayah Koridor Ekonomi seperti Iskandar Malaysia dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dalam merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di sesebuah wilayah atau kawasan. Projek dan program pembangunan Iskandar Malaysia lebih tertumpu di tiga buah daerah iaitu Johor Bahru, Kulai dan Pontian menerusi pelbagai pelaburan dalam sektor yang dikenal pasti. Manakala wilayah Timur negeri Johor iaitu Mersing juga menjadi sebahagian wilayah dalam Program Pembangunan ECER. Wilayah Ekonomi Pantai Timur sehingga kini telah berjaya menarik minat pelabur dalam sektor pelancongan dan pertanian dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.61 bilion di daerah Mersing sahaja. Susulan kejayaan itu, ECER merancang untuk memperluaskan kawasannya menerusi pelaksanaan Pelan Induk ECER 2.0 yang melibatkan daerah Segamat seperti mana yang diumumkan oleh kerajaan persekutuan sebelum ini. Kawasan ini dirancang oleh kerajaan negeri untuk memfokus kepada sektor pertanian sekali gus menjayakan inisiatif Agenda Jaminan Bekalan Makanan. Oleh yang demikian, kerajaan Johor mohon supaya proses pengisytiharan Segamat sebagai wilayah baru ECER dapat dijalankan dengan segera di peringkat kerajaan persekutuan. Saya percaya dengan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, proses memasukkan daerah Segamat ke dalam pembangunan koridor ECER itu dapat memacu pertumbuhan ekonomi di daerah tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat Buluh Kasap, Tangkak, Skudai, Jementah, Mengkibol, Pekan Nenas, Bukit Batu, Penawar dan Yong Peng turut membangkitkan isu tanah terbiar dan mempersoal tindakan kerajaan terhadap tanah-tanah yang melanggar syarat. Kerajaan negeri Johor sangat mengalu-alukan pelbagai pandangan dan cadangan yang dikemukakan berhubung dengan cara untuk mengatasi isu tanah-tanah terbiar. Saya juga ingin berkongsi isu yang sama kerana sepatutnya kawasan tanah yang ada diusahakan sebaiknya yang memberi manfaat dalam meningkat tahap sosioekonomi rakyat seperti yang ditekankan dalam titik fokus pembangunan sektor pertanian, saya berpendapat bahawa penggunaan aset semula jadi seperti tanah secara optimum adalah penting bagi menghasilkan impak yang signifikan kepada jumlah pengeluaran produk pertanian di Johor. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Johor melihat isu tanah terbiar ini secara kolektif dan mengambil kira faktor-faktor utama mengapa berlakunya isu-isu tanah terbiar. Antara faktor-faktor yang dikenal pasti adalah kedudukan tanah yang jauh daripada tempat kediaman, tanah yang dimiliki oleh ramai pemilik dalam satu geran, ketiga faktor lokaliti dan rupa bentuk muka bumi tanah. Keempat, kemampuan pemilik tanah menyediakan modal permulaan bagi mengusahakan tanah dan pelbagai faktor lain. Dengan mengambil kira hala tuju kerajaan negeri Johor yang menekankan Agenda Jaminan Bekalan Makanan, maka kawasan tanah terbiar atau tanah pertanian boleh di masukkan dalam program zon pelaburan makanan, zon tanaman makanan dan juga Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan.

Kerajaan negeri Johor juga mengambil maklum dan akan membuat tindakan lanjut ke atas perkara di atas agar projek pertanian berskala besar di kawasan-kawasan tanah yang telah melanggar syarat nyata tanah dengan menanam tanaman komoditi seperti ladang kelapa sawit. Untuk makluman sidang dewan, pada tahun 2020 inisiatif bagi menangani program pembangunan tanah terbiar sebanyak RM725,000.00 telah disalurkan melalui peruntukan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Ia bertujuan untuk membangunkan tanah terbiar sebanyak 59.48 hektar yang memberi manfaat kepada 21 orang pemohon. Bagi menjayakan usaha ini, kerajaan negeri akan memperkasakan pembangunan tanah-tanah terbiar dengan pelaksanaan Agenda Jaminan Bekalan Makanan termasuk Program Kebun Komuniti dan Kebun Bandar. Inisiatif-inisiatif ini selaras dengan usaha kerajaan negeri untuk menjadikan sektor pertanian sebagai pencetus sumber ekonomi baru.

YB Speaker : Yang Berhormat. Silakan.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat Kukup, Buluh Kasap, Tanjung Surat, Jementah dan Senggarang pula membangkitkan isu pencemaran air dan kaedah pemantauan yang dilaksanakan bagi memastikan kualiti air sentiasa berada dalam keadaan baik dan loji-loji rawatan air berada dalam keadaan beroperasi tanpa gangguan, kaedah pencegahan telah pun dilaksanakan oleh kerajaan negeri dengan pemasangan stesen pemantauan kualiti air bagi memudahkan kaedah mengesan kehadiran bahan-bahan pencemaran termasuk ammonia, ferum, nitrat, minyak dan kekeruhan sebelum air berkenaan dirawat di loji-loji rawatan air. Jelasnya kita perlu belajar dari pengalaman negeri lain yang selalu keputusan bekalan air disebabkan pencemaran air sungai. Sejak tahun 2017 Badan Kawal Seliaan Air Johor (BAKAJ) telah memasang tiga unit alat pemantauan kualiti air di lembangan sungai Johor iaitu di Sungai Sayong, Sungai Semanggar dan Sungai Johor. Pemasangan peralatan ini telah membantu pengawalan pencemaran di sungai Johor. Kesannya laporan henti operasi loji oleh pihak Ranhill SAJ juga semakin berkurangan. Malah pada tahun 2020 tiada laporan berkaitan di sepanjang Sungai Johor direkodkan oleh Ranhill SAJ. Sekali gus pengoperasian pengurusan operasi loji dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan demi kesejahteraan rakyat Johor. Susulan keberkesanan alat pemantauan kualiti air ini, pihak BAKAJ bercadang untuk memasang tiga lagi unit alat pemantauan di Sungai Ulu Benut, Sungai Skudai dan Sungai Muar. Kerajaan negeri berazam untuk memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, BAKAJ turut menggunakan kaedah *geospatial technology* yang digabungkan dengan sistem *light detection* and *ranging*. Sistem ini kemudiannya digabungkan dengan *Geographic Information System*. Sekiranya punca pencemaran dikenal pasti, tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap pihak yang melakukan pencemaran di bawah Seksyen 7A Enakmen Air 1921 pindaan 2014 yang memperuntukkan denda sehingga RM500,000.00. Manakala nilai kompaun yang boleh dikenakan maksimum sehingga RM250,000.00.

Saya ingin juga merujuk pada persoalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senggarang berkaitan pengurangan kutipan hasil hutan hanya sekitar RM7 juta setahun. Kita telah mengenal pasti pengurangan kutipan hasil tersebut dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya pengurangan kawasan Hutan Simpan Kekal yang dibuka untuk tujuan pembalakan. Lanjutan daripada keputusan kerajaan negeri dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 5 November 2014 yang membekukan kelulusan baru kuota pembalakan dalam Hutan Simpan Kekal. Ia diikuti dengan keputusan kerajaan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 1 April 2020 membatalkan keseluruhan baki kawasan membalak yang telah diluluskan oleh Lembaga Tawaran Membalak. Pengurangan hasil hutan juga dipengaruhi oleh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat wabak pandemik COVID-19 yang bermula pada awal tahun 2020. Justeru aktiviti pembalakan termasuk pengeluaran kayu tidak dibenarkan di samping faktor cuaca hujan yang menyebabkan pengeluaran kayu dari kawasan lesen tidak dapat dijalankan.

Untuk makluman Ahli Dewan, sejak bulan Jun 2020 hingga kini. Jabatan Perhutanan telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada agensi penguatkuasaan bagi menyemak dakwaan tersebut iaitu pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Johor serta ibu pejabat SPRM Putrajaya. Di samping siasatan yang dijalankan sendiri oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Unit Integriti Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Hasilnya kerajaan negeri mendapati kesemua dakwaan itu didapati tidak berasas dan berunsur fitnah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengenai pembangunan pekan Sedili yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sedili. Pihak Kumpulan Prasarana Rakyat Johor telah menyediakan kertas kajian cadangan bertarikh 4 Julai 2017 bersama-sama dengan Majlis Daerah Kota Tinggi. Suatu penyelarasan dan tindakan kerja dijalankan dengan menubuhkan kumpulan kemajuan pembangunan pekan Sedili yang melibatkan beberapa agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Johor di bawah pimpinan saya sentiasa komited untuk membangunkan seluruh pelosok negeri Johor khususnya kawasan-kawasan tumpuan yang melibatkan sektor pelaburan, pelancongan, pembangunan ekonomi serta pembangunan sosial. Memandangkan Sedili kaya dengan nilai sejarah intelektualnya, Pihak Berkuasa Tempatan boleh bekerjasama dengan beberapa pihak termasuk Persatuan Penulis Johor bagi menghasilkan karya bermutu bagi mengangkat lagi nama Sedili dan Kota Tinggi sebagai daerah bersejarah. Apatah lagi salah seorang daripada Tokoh Sasterawan Negara, Allahyarham Dato' Dr. Usman Awang turut berasal dari Sedili.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas sokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seluruh penjawat awam kerajaan negeri Johor. Saya dan barisan EXCO serta penjawat awam Johor berikrar akan terus berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan negeri Johor. Marilah kita sama-sama berganding bahu ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing. Untuk menjadikan Johor semakin makmur dan sama-sama mengharungi dan menangani pasca pandemik COVID-19. Marilah kita melangkah sederap dan berusaha bersama-sama agar dapat mengembalikan semula kemakmuran negeri Johor serta membawa pembangunan yang berpaksikan kesejahteraan rakyat bangsa Johor. Sebagai penggulungan dalam Belanjawan Johor 2021, saya ingin mengingatkan semua bahawa terdapat 12 Agenda Kebajikan, Keberdayaan dan Keberhasilan Utama selain 3 pencetus ekonomi baharu yang merangkumi Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor atau *Johor Food Security*, Agenda Johor Digital dan penubuhan *Johor Economic Tourism And Culture Office* di Singapura. Saya berharap semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berfikir dengan lebih rasional dan terbuka. Kita boleh berkongsi idea dan mencapai persefahaman dalam penentuan dasar yang berimpak kepada kesejahteraan rakyat dan bukan untuk individu yang sering memandang serong terhadap usaha-usaha kerajaan hari ini.

Marilah kita mengetepikan segala perbezaan dalam memastikan kita berupaya menyumbang untuk meningkatkan tahap Johor sebagai negeri terbaik di negara ini dan sekali gus berjaya mengekang gelombang pandemik COVID-19 yang berlaku pada hari ini. Dengan berkat dua *tagline* Kesultanan Johor Moden yang berasaskan Fasal 61, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor iaitu "Kepada Allah Berserah" dan "Muafakat Itu Berkat", insya-Allah negeri Johor akan berjaya mengharungi cabaran semasa dan mencapai kejayaan gemilang masa depan. Sesungguhnya Johor tetap nombor *#01*, yang menyumbang kepada peradaban tinggi bangsa Johor di peringkat nasional dan global. Sebagai penutup penggulungan ini, izinkan saya menitipkan pantun berikut, negeri Johor paling selatan, negeri indah tidak terperi, bangsa Johor kukuh ingatan, Muafakat Johor jadi penyeri. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih, tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih saya bagi pihak Dewan mengucapkan ribuan terima kasih atas

sokongan untuk memperkasakan Dewan. Selepas ini, Majlis Pelancaran Buku Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Selepas ini di ruang legar Dewan Johor, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dijemput hadir. Saya tangguhkan persidangan ini sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.13 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Speaker : Bismillahirahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2021 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YB Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini, ialah jumlah wang sebanyak RM1,401,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Bagi Maksud Bekalan B.01, peruntukan sebanyak RM1,401,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM933,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota-anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM468,000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM152,229,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.01, peruntukan sebanyak RM1,401,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM933,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota-anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM468,000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

YB Pengerusi : Sebentar, ambil nafas Yang Berhormat.

YAB Menteri Besar : Maaf saya Tuan Pengerusi.

YB Pengerusi : *Cool, cool,* relaks. (Dewan ketawa) Balik semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan peruntukan sebanyak RM152,229,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kerajaan bagi memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat negeri Johor, peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut : Bahagian Pengurusan, RM32,302,000.00; Pelbagai Perkhidmatan, RM38,568,000.00; Menteri Besar Johor, RM14,498,000.00; Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, RM7,641,000.00; Dewan Negeri Johor, RM19,814,000.00; Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ), RM 5,434,000.00; Audit Dalam, RM1,261,000.00; Pemberian Kepada Agensi, RM17,500,000.00; Kem Sultan Ibrahim, RM15,211,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM30,571,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM30,571,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut : Bahagian Sains Teknologi dan ICT, RM18,421,000.00; Kebudayaan, RM12,150,000.00. Terima kasih.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM23,230,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM23,230,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut : Bahagian Kerajaan Tempatan sejumlah RM13,261,000.00; Bahagian Perumahan, RM 8,168,000.00; Pejabat Landskap, RM1,801,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM7,000,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, peruntukan berjumlah RM7,000,000.00 disediakan di bawah

Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran di bawah Bahagian Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM27,596,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM27,596,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut : Rakan Muda Dan Sukan, RM25,500,000.00; Tourism Johor, RM 2,096,000.00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM11,183,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM11,183,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sebanyak RM9,582,000.00; Invest Johor, RM1,601,000.00. Terima kasih.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM15,838,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.04, Perbendaharaan Negeri itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.04, peruntukan sebanyak RM15,838,000.00 diperlukan bagi pengurusan dan pentadbiran Perbendaharaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7,351,000.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan emolumen, RM2,976,000.00 untuk Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, RM210,000.00 untuk pemilikan aset, RM301,000.00 untuk perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan baki RM5,000,000.00 untuk perbelanjaan Pulang Balik Hasil dan Hapus Kira.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM20,814,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.07, Jabatan Pertanian itu; RM76,038,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran itu; RM11,991,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.07, peruntukan sebanyak RM20,814,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan Jabatan Pertanian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM15,753,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota-anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM5,061,000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

Di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM76,038,000.00. Sebanyak RM28,880,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen. RM46,244,000.00 diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan termasuk pengendalian dan penyelenggaraan sungai-sungai, RM470,000.00 disediakan untuk pemilikan aset jabatan dan RM444,000.00 pula disediakan untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap termasuk bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

Di bawah maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Peruntukan sebanyak RM11,991,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuklah emolumen kakitangan dan bagi melaksanakan tugas-tugas pengurusan yang berkaitan dengan haiwan serta meningkat kemajuan industri ternakan di seluruh negeri ini.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM6,530,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor itu, RM4,871,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.13, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.12, peruntukan sejumlah RM6,530,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan Pejabat Kebun Bunga Kebun Bunga DiRaja Johor. Peruntukan sebanyak RM4,871,000.00 di bawah Maksud Bekalan B.13 pula adalah untuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa bagi melaksanakan tugas-tugas pengawalan pembangunan fizikal, penyelarasan perancangan fizikal serta penyediaan rancangan-rancangan tempatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM17,678,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.19, Jabatan Perhutanan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di Maksud Bekalan B.19, peruntukan sebanyak RM17,678,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Perhutanan. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM14,093,000.00 adalah perbelanjaan emolumen manakala baki sebanyak RM3,585,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk perkhidmatan dan bekalan jabatan, aset serta pemberian dan kenaan bayaran tetap.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM260,048,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.21, Jabatan Agama Islam itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam, peruntukan sebanyak RM260,048,000.00 diperlukan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan agama Islam di dalam usaha-usaha meninggikan syiar Islam termasuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan di bawah Pendidikan Agama Islam serta bantuan kepada sekolah-sekolah Arab dan sekolah agama rakyat KAFA. Peruntukan diperlukan bagi tiap-tiap,bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut, Jabatan Agama Islam, pentadbiran am sebanyak RM59,382,000.00. Pendidikan Agama Islam, RM200,666,000,00.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM34,727,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat, peruntukan yang diperlukan pada tahun 2021 ialah sebanyak RM34,727,000.00. Dari jumlah tersebut sebanyak RM4,939,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM2,640,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. RM180,000.00 untuk pemilikan aset dan baki sebanyak RM26,968,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap yang merupakan bantuan-bantuan dan sumbangan kebajikan kepada individu dan juga masyarakat. Ini termasuklah bantuan kepada penduduk-penduduk miskin dan bantuan malapetaka seperti banjir.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM83,855,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.24, Jabatan Kerja Raya itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2021 ialah berjumlah RM83,855,000.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM53,494,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM28,824,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. RM440,000.00 untuk pemilikan aset. RM1,077,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap manakala baki sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain Jabatan. Terima kasih.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM5,513,000 bagi Kepala Perbelanjaan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan & Budaya : Yang Berhormat Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor, peruntukan yang diperlukan ialah berjumlah RM5,513,000.00. dari jumlah tersebut sebanyak RM2,920,000.00 adalah perbelanjaan emolumen, manakala baki sebanyak RM2,593,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk perkhidmatan dan bekalan jabatan, aset, dan kenaan bayaran tetap. Terima kasih.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM860,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.28, Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.28 pula, peruntukan sebanyak, peruntukan sebanyak RM860,000.00 diperlukan untuk Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun. Jumlah tersebut diperlukan bagi caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang-Kumpulan Wang di bawah Seksyen 10 yang lain.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM11,861,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah itu; RM2,854,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.32 Jabatan Mufti itu; RM2,513,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.33 Jabatan Pendakwaan Syariah itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, peruntukan sebanyak RM11,861,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah bagi tahun 2021. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM6,677,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen sebanyak RM4,062,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. Sebanyak RM1,034,000.00 untuk perbelanjaan pemilikan aset dan sebanyak RM88,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap.

Di bawah Maksud Bekalan B.32, peruntukan sebanyak RM2,854,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Mufti.

Di bawah Maksud Bekalan B.33, peruntukan sebanyak RM2,513,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Pendakwaan Syariah.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM5,044,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru itu; RM6,055,000.00, bagi Kepala Perbelanjaan B.42, Pejabat Daerah Muar itu; RM5,542,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat itu; RM 4,764,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.44, Pejabat Daerah Pontian itu; RM4,951,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.45, Pejabat Daerah Segamat itu; RM4,540,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.46, Pejabat Daerah Kluang itu; RM4,846,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi itu; RM3,962,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.48, Pejabat Daerah Mersing itu; RM3,553,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.49, Pejabat Daerah Kulai itu; RM3,437,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.50, Pejabat Daerah Tangkak itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru itu diperuntukkan sebanyak RM5,044,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar diperuntukkan sebanyak RM6,055,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM5,542,000.00.00. Di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM4,764,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM4,951,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM4,540,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM4,846,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM3,962,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulai diperuntukkan sebanyak RM3,553,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Tangkak diperuntukkan sebanyak RM3,437,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat daerah di seluruh negeri Johor

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM30,854,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.51, Pejabat Tanah dan Galian itu; RM7,131,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru itu; RM5,283,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.53, Pejabat Tanah Muar itu; RM6,295,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat itu; RM3,719,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.55, Pejabat Tanah Pontian itu; RM5,151,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.56, Pejabat Tanah Segamat itu; RM4,895,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.57, Pejabat Tanah Kluang itu; RM4,988,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi itu; RM3,559,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.59, Pejabat Tanah Mersing itu; RM3,346,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.60, Pejabat Tanah Kulai itu; RM3,603,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.61, Pejabat Tanah Tangkak itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah Dan Galian diperuntukkan sebanyak RM30,854,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM7,131,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM5,283,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM6,295,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM3,719,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah

Segamat diperuntukkan sebanyak RM5,151,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM4,895,000. Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM4,988,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM3,559,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulai diperuntukkan sebanyak RM3,346,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Tangkak diperuntukkan sebanyak RM3,603,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negeri Johor.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 Jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 1.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan, maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah Diperundang-Undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:-

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Jurutulis : ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TAHUN 2021.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangkan anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2021 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2020 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Yang Berhormat Tuan Speaker, peruntukan yang diperlukan untuk Peranggaran Pembangunan Tahun 2021 adalah berjumlah RM850,000,000 di bawah Empat (4) Jawatankuasa seperti berikut:-

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor – RM632,040,000.00.

2. Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor – RM43,000,000.00.

3. Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor – RM65,960,000.00.

4. Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor – RM109,000,000.00.

Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM270,000,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor itu; RM280,330,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.71, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) itu; RM81,710,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.72, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Di bawah Maksud Pembangunan 70, Pejabat Menteri Besar Johor, peruntukan sebanyak RM270,000,000.00 disediakan bagi Tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM206,000,000.00 diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja pembangunan termasuk Pembangunan Fizikal, Pembangunan Sosial dan Pembangunan Kerja-kerja Kecil. Sebanyak RM14,000,000.00 pula disediakan untuk perbelanjaan Pengambilan Balik Tanah bagi tujuan Projek-projek Pembangunan Kemudahan Awam

manakala selebihnya sebanyak RM50,000,000.00 disediakan bagi Projek-projek Khas Daerah di seluruh negeri Johor.

Di bawah Maksud Pembangunan 71, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), peruntukan sebanyak RM280,330,000.00 disediakan untuk Tahun 2021. Sebanyak RM37,800,000.00 disediakan bagi Projek Pembangunan Ekonomi dan Inklusif. Sejumlah RM63,000,000.00 pula diperuntukkan bagi Projek-projek Pembangunan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Selain daripada itu, RM16,350,000.00 disediakan bagi projek-projek di bawah Pertanian dan Industri Asas Tani. Untuk Pembangunan Modal Insan, Keluarga dan Masyarakat, diperuntukkan sejumlah RM13,327,000.00. Bagi pelaksanaan projek-projek berkaitan Pengurusan Sumber dan Alam Sekitar, disediakan sejumlah RM71,107,000.00, manakala RM17,446,000.00 disediakan bagi pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi. RM15,000,000.00 pula disediakan bagi program pembangunan Belia dan Sukan. Bagi penggalakan aktiviti pelancongan di negeri Johor, peruntukan sejumlah RM18,300,000.00 disediakan. Akhir sekali sebanyak RM28,000,000.00 disediakan untuk Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Di bawah Maksud Pembangunan 72, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), peruntukan sebanyak RM81,710,000 disediakan untuk Tahun 2021. Sebanyak RM50,120,000.00 disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan, baik pulih dan naik taraf kuarters kerajaan dan bangunan negeri, bangunan-bangunan milik kerajaan negeri di luar negeri Johor dan bangunan-bangunan kerajaan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri, Kota Iskandar serta Masjid Kota Iskandar. Di samping itu juga, sebanyak RM7,000,000.00 disediakan bagi bayaran-bayaran yang berkaitan dengan Kota Iskandar. Sebanyak RM9,565,000.00 pula disediakan bagi pembinaan bangunan-bangunan kerajaan negeri, RM15,000,000.00 disediakan bagi Kerja-kerja Kecil dan akhir sekali sebanyak RM25,000.00 disediakan bagi Kenderaan Penguatkuasaan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli Yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM65,960,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.73, Jabatan Agama Islam itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Di bawah Maksud Pembangunan 73, Jabatan Agama Islam, peruntukan sebanyak RM65,960,000.00 disediakan untuk Tahun 2021. Sejumlah RM4,800,000.00 disediakan untuk Pusat Islam Iskandar, Johor dan RM44,798,000.00 pula untuk pembangunan Sekolah-sekolah Agama di seluruh Negeri Johor serta Pejabat Pendidikan Islam Negeri Johor. Peruntukan sejumlah RM4,160,000.00 disediakan bagi kenderaan penguatkuasaan dan jentera, kelengkapan masjid-masjid kerajaan, pelaksanaan kerja-kerja yang dirancangkan bagi membina Rumah Pegawai, Guru-guru Agama dan Kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Peruntukan sejumlah RM1,900,000.00 lagi adalah bagi Kelengkapan dan Kemudahan di Makam DiRaja dan Tanah-tanah Perkuburan. Peruntukan sebanyak RM10,302,000.00 pula adalah untuk membina dan memperelok masjid-masjid Johor, Bangunan-bangunan Pejabat Agama Islam Negeri Johor, Bangunan-bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor dan Bangunan-bangunan Jabatan Mufti Johor.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli Yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM109,000,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.74, Jabatan Kerja Raya itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan 74, Jabatan Kerja Raya, peruntukan sebanyak RM109,000,000.00 disediakan untuk Tahun 2021. Sebanyak RM53,439,700.00 diperlukan untuk kerja-kerja pembinaan, menaik taraf serta memperelok jalan dan jambatan negeri dan sebanyak RM2,535,000.00 untuk melebar jalan-jalan negeri, membina tembok tepi sungai dan rancangan mengelak banjir.

Peruntukan sejumlah RM2,732,100.00 juga disediakan untuk menaik taraf sistem mekanikal dan elektrikal di bangunan-bangunan kerajaan dan RM2,670,000.00 diperuntukkan untuk kerja-kerja kecil yang lain. Sejumlah RM3,520,000.00 disediakan untuk kerja-kerja pembinaan, menaik taraf dan ubahsuai bangunan-bangunan kerajaan di negeri Johor. Bagi menaik taraf bangunan-bangunan utama kerajaan serta kemudahan dan keperluan bangunan, sejumlah RM4,508,000.00 pula disediakan sebagai peruntukan.

Sejumlah RM37,022,300.00 diperuntukkan untuk bangunan-bangunan negeri, manakala RM1,882,900.00 adalah untuk Bangunan Yayasan Warisan Johor. Akhir sekali RM690,000.00 disediakan untuk Kenderaan dan Jentera.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli Yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM43,000,000.00. bagi Kepala Perbelanjaan P.75, Jabatan Pengairan dan Saliran itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.75, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan sebanyak RM43,000,000.00 disediakan untuk melaksanakan projek-projek bagi tahun 2021. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM7,308,000.00 adalah bagi jentera, kenderaan, loji dan pintu air serta kelengkapan dan sebanyak RM1,650,000.00 disediakan untuk premis dan bangunan Jabatan. Sebanyak RM2,285,000.00 pula disediakan untuk kajian dan reka bentuk projek. Di samping itu, sebanyak RM23,225,000.00 disediakan bagi rancangan tebatan banjir, saliran mesra alam, zon pantai dan lembangan sungai. Sebanyak RM6,260,000.00 disediakan bagi pengurusan sumber air dan hidrologi. Pembangunan infrastruktur pengairan, saliran pertanian dan asas tani serta muara sungai di seluruh negeri Johor, dan akhir sekali sebanyak RM2,272,000.00 disediakan bagi pengurusan keselamatan empangan serta lintasan dan jalan ladang.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud penganggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2020 itu telah pun selesai ditimbangkan, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta merta kepada Dewan Negeri.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2020. Dari itu saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu peruntukan wang berjumlah RM850,000,000.00 yang dicadangkan bagi anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2021 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini dan dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM850,000,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2021 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 3) TAHUN 2020.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2020 dibacakan kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2020 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga, dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Tambahan peruntukan ini merupakan peruntukan tambahan ketiga bagi perbelanjaan bekalan tahun 2020.

Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM17,230,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 4 Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM15,005,000.00.

2. Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, RM1,129,000.00.

3. Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, RM216,000.00.

4. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, RM880,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan ini.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2020 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YB Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM173,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Pengurusan, peruntukan tambahan sebanyak RM173,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan membayar balik bayaran Bantuan Khas COVID-19 yang telah didahulukan oleh Pejabat Kewangan Negeri.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM1,129,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Tuan Pengerusi bagi Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar diperuntukkan sebanyak RM1,129,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen dan elaun tetap bagi 39 anggota Jabatan yang baru.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM880,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat, diperuntukkan sebanyak RM880,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran Bantuan Am Negeri kepada penerima bantuan bagi bulan November dan Disember 2020.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM13,000,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.28, sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.28, sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun, peruntukan tambahan sebanyak RM13,000,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan di dalam Kumpulan Wang Amanah Perubatan Johor, bagi menampung bayaran bil-bil berkaitan perubatan dan perjalanan pesakit kakitangan awam, pesara negeri serta Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor untuk tahun 2020 dan tahun 2021.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM216,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.33, Jabatan Pendakwaan Syariah itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.33, Jabatan Pendakwaan Syariah diperuntukkan sebanyak RM216,000.00 diperlukan untuk menampung pembiayaan emolumen dan juga elaun tetap kepada anggota-anggota Jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM364,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.44, Pejabat Daerah Pontian itu; RM621,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.45, Pejabat Daerah Segamat itu; RM187,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.49, Pejabat Daerah Kulai itu; RM148,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.55, Pejabat Tanah Pontian itu; RM221,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.56, Pejabat Tanah Segamat

itu; RM82,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi itu; RM209,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.59, Pejabat Tanah Mersing itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Jadual ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian, peruntukan tambahan sebanyak RM364,000 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen dan elaun tetap kepada anggota-anggota Jabatan yang melibatkan perubahan gaji dan kelulusan kenaikan pangkat.

Bagi Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat, peruntukan tambahan sebanyak RM621,000.00 iaitu RM536,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen dan elaun tetap kepada anggota-anggota Jabatan, RM51,000.00 untuk menampung bayaran caruman KWSP majikan disebabkan pertambahan kakitangan dan sebanyak RM34,000.00 untuk menampung perbelanjaan bayaran Bantuan Kewangan COVID-19.

Bagi Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulai, peruntukan tambahan sebanyak RM187,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen dan elaun tanggung kerja yang telah diluluskan tahun ini.

Bagi Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian, peruntukan tambahan sebanyak RM148,000.00 iaitu RM93,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen disebabkan pertambahan kakitangan baru dan kenaikan pangkat kakitangan serta sebanyak RM55,000.00 diperlukan untuk menampung bayaran imbuhan tahunan dan bantuan kewangan kakitangan.

Bagi Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat, peruntukan tambahan sebanyak RM221,000.00 iaitu RM156,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen dan elaun tetap kepada anggota-anggota Jabatan, RM18,000.00 untuk menampung bayaran caruman KWSP majikan disebabkan pertambahan kakitangan dan sebanyak RM47,000.00 untuk menampung bayaran imbuhan tahunan dan bantuan kewangan kakitangan.

Bagi Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, peruntukan tambahan sebanyak RM82,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen dan elaun tetap kepada anggota-anggota Jabatan yang baru.

Bagi Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing, peruntukan tambahan sebanyak RM209,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 1

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa, Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan, maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2020 dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah Diperundang-Undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2020.

RUNDINGAN MENGENAI PENGECUALIAN CUKAI HARTA RUMAH KOS RENDAH DAN PENGURANGAN CUKAI HARTA BAGI KATEGORI BANGUNAN PERUMAHAN KOMERSIAL DAN PERINDUSTRIAN.

YB Speaker : Rundingan daripada YB Pekan Nanas telah diterima oleh Jurutulis Dewan Negeri di bawah Peraturan Tetap Bilangan 30(2), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, walau bagaimanapun pada hari ini, YB Pekan Nanas ada mengemukakan pindaan terhadap rundingan asal yang dikemukakan. Pindaan yang dibuat adalah dengan menggugurkan perkara mengenai pengecualian cukai harta bagi kategori bangunan perumahan komersial dan perindustrian. Manakala perkara pengecualian cukai bagi harta rumah kos rendah pada tahun 2021 adalah diteruskan. Saya telah meneliti pindaan bertulis yang telah dikemukakan dan mendapati ia telah memenuhi Peraturan Tetap Bilangan 39, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor. Oleh yang demikian, saya meluluskan pindaan tersebut yang dibawa dalam Persidangan hari ini. Suka saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat hanya diberi masa 15 minit untuk membawa rundingan itu. Jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kerana menerima pindaan yang telah dibuat terhadap rundingan yang pada asalnya di hantar mengikut Peraturan Tetap Fasal 30(2) dan pindaan tersebut dibuat kerana usul yang asal saya bawa pada asalnya mengandungi dua perkara yang berlainan iaitu pertama, pengecualian cukai harta untuk rumah kos rendah dan kedua, pengurangan cukai harta bagi kategori bangunan, perumahan, komersial dan perindustrian. Pada mulanya, kami berhasrat supaya dua perkara ini boleh dijangka undi belah bahagi secara berasingan supaya mungkin kedua-dua perkara ini dapat diterima atau pun sekurang-kurangnya satu daripada usul tersebut mungkin dapat diterima. Malah, kami telah dimaklumkan mengikut Peraturan bahawa satu usul hanya boleh melibatkan satu kali pengundian. Sebab itu, saya dan Kota Iskandar membuat pindaan supaya hanya satu perkara fokus dibahaskan dalam rundingan ini. Selepas pindaan usul dibuat, rundingan yang dibangkitkan untuk perbahasan Dewan hari ini adalah menghapus kirakan cukai harta rumah kos rendah pada tahun 2021.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, kerana menerima pindaan rundingan ini dan memberi peluang untuk saya membawa rundingan ini dalam Dewan yang mulia ini. Dan saya berharap, semua ahli Dewan dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya terhadap usul ini supaya kita dapat meringankan beban rakyat dengan mengurangkan cukai harta kepada rumah kos rendah pada masa ini. Usul ini dibangkitkan dalam Dewan ini adalah berpunca kepada keadaan ekonomi negara kita yang sedang menghadapi ancaman yang serius akibat pandemik COVID-19.

Ekonomi kita merudum. Kadar pengangguran melambung tinggi dan disebabkan ekonomi dan peluang pekerjaan rakyat di negeri Johor turut bergantung kepada pembukaan sempadan Johor – Singapura. Cabaran yang dihadapi negeri Johor adalah amat besar, berbanding dengan negeri lain. Banyak perniagaan merosot, kuasa belanja rakyat menurun. Keadaan ekonomi sekarang yang kita hadapi adalah suatu keadaan *depression*. Memandangkan keadaan ini, usul yang dibangkitkan adalah bertujuan memohon persetujuan semua Ahli Dewan untuk membuat keputusan yang bijaksana dan matang untuk meringankan beban rakyat. Dan pemilik rumah kos rendah merupakan golongan B40 yang sedang menghadapi himpitan ekonomi yang terdesak. Kebanyakan daripada mereka kais pagi, makan pagi, kais petang, makan petang. Tidak ada simpanan yang mencukupi dalam bank yang membolehkan mereka menghadapi apa-apa jua perubahan dalam kehidupan mereka. Menurut laporan Bank Negara Malaysia, 75% rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan wang sekurang-kurangnya RM1,000.00. Apabila hilang sumber pendapatan, ataupun sumber rezeki terjejas sedikit pun, mereka akan menghadapi pelbagai masalah. Di antara mereka ada yang sampai tidak dapat membayar bil elektrik dan air setiap bulan. Oleh itu, pengecualian cukai harta rumah kos rendah pada tahun 2021 adalah amat menepati masa untuk meringankan beban hidup mereka. Untuk makluman semua Ahli Dewan yang dihormati, kerajaan negeri Selangor telah mengecualikan cukai harta rumah kos rendah sejak tahun 2016. Saya amat berharap, semua Ahli Dewan boleh bersetuju dan melaksanakan dasar yang sama untuk menghulurkan bantuan, fokus kepada golongan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sejak akhir-akhir ini, Pekan Nanas juga mendapati beberapa Pihak Berkuasa Tempatan sedang menyediakan senarai nilaian baharu seperti di kawasan Johor Bahru, Pontian, Kluang, Batu Pahat dan sebagainya. Apabila senarai nilaian baharu disediakan, banyak penduduk sudah mula risau dan tanya sama ada mereka akan menghadapi masalah kenaikan cukai harta pada masa yang akan datang. Oleh itu, saya juga berharap, kerajaan boleh menangguhkan segala kenaikan cukai harta walaupun senarai nilaian baharu telah siap disediakan buat masa pandemik COVID-19 berleluasa.

Akhir kata, saya menyeru semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini bersolidariti demi Johor yang kita cintai. Jangan disebabkan usul ini dibawa oleh pihak pembangkang, ia ditolak untuk menunjukkan kekuatan parti pemerintah. Pada masa yang sama, jika usul ini diterima ia pun bukan bermakna bahawa parti pembangkang menang, kedudukan kerajaan Perikatan Nasional di Johor seumpama telur di hujung tanduk. Jika usul ini diterima dan diluluskan, ini merupakan satu kejayaan rakyat yang dicipta dalam sejarah Dewan yang mulia ini. Apabila negara kita menghadapi ancaman COVID-19, ini merupakan satu masa untuk menunjukkan bahawa walaupun kita ada ideologi yang berbeza, fahaman politik yang berlainan, kita cukup matang dan bijaksana untuk mencapai satu persefahaman yang boleh membawa manfaat kepada rakyat yang kita cintai. Oleh itu, saya sekali lagi memohon jasa baik semua Ahli Dewan untuk menyokong usul pengecualian cukai harta rumah kos rendah pada tahun 2021. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ada sokongan Yang Berhormat?

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih.

YB Speaker : Ucap sokong, tak sokong ini?.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Saya, Kota Iskandar menyokong.

YB Speaker : Ok. Oleh kerana rundingan itu telah disokong, saya membenarkan rundingan itu dibahas oleh dua orang ADUN Kerajaan dan dua orang ADUN Pembangkang. Masa diberi 5 hingga 10 minit. Jemput ADUN kerajaan dahulu, ADUN kerajaan dulu.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu Johor Lama ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang dan ruang kepada Johor Lama untuk membahaskan rundingan yang dibawa oleh Pekan Nanas berkaitan dengan isu cukai harta yang dikenakan oleh PBT. Antara inti pati awal, sebenarnya rundingan ini adalah untuk pengecualian cukai harta bagi rumah kos rendah dan pengurangan cukai harta bagi kategori bangunan-bangunan komersial dan sebagainya. Yang disebut oleh Pekan Nanas ialah pengecualian bukan berbentuk pengurangan. Jadi Yang Berhormat, rundingan yang dibawa Pekan Nanas ini kedengarannya sedap dan seolah seperti memperjuangkan rakyat dalam masa kita menghadapi pandemik COVID-19 ini. Jadi di Dewan yang mulia ini, Johor Lama ingin mengupas dan membentangkan beberapa fakta yang mana ianya akan membuktikan kenapa pengecualian cukai harta oleh PBT pada tempoh pandemik ini adalah bukan satu tindakan yang wajar dan rasional untuk dilaksanakan oleh Pihak Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Mengikut pengecualian kepada cukai harta rumah kos rendah tahun 2021, tidak boleh dilaksanakan kerana bertentangan dengan Seksyen 134 dan 135, Akta 171. Walau bagaimanapun, Kerajaan Tempatan dengan kelulusan pihak berkuasa negeri boleh menetapkan suatu kadar yang bersesuaian bagi cukai harta rumah kos rendah bagi tahun 2021 berdasarkan kepada Seksyen 127 Akta 171.

Pada hari Khamis yang lepas Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat telah membentangkan Belanjawan Johor 2021 yang mana belanjawan tersebut walaupun bersifat defisit dengan jumlah sebanyak RM248.14 juta, tetapi dengan segala inisiatif yang ditawarkan kepada rakyat Johor pada ketika kita menghadapi pandemik ini, ia adalah sangat membantu rakyat di luar sana untuk bernafas.

Ketika belanjawan ini dibentangkan, ramai di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bertanyakan, di manakah kerajaan mendapat sumbangan atau tabungan bagi menampung kewangan untuk belanjawan ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada program dan sumbangan yang dilaksanakan oleh PBT negeri melalui Yayasan PBT, PBT Negeri Johor juga telah melaksanakan tanggungjawabnya sebagaimana yang terdapat dalam Belanjawan 2021 di bawah Agenda Johor Niaga, di bawah perenggan 128 inisiatif kedua yang berbunyi, bagi meringankan beban para penjaja dan peniaga kerajaan negeri akan melaksanakan pengecualian bayaran lesen penjaja, lesen peniaga, PKS Mikro, sewa premis dan gerai, sewa tapak pasar malam dan pasar bagi selama setahun berkuat kuasa Januari 2021. Melalui inisiatif ketiga di bawah Johor Niaga juga menyatakan bahawa kerajaan negeri akan menggalakkan perniagaan kecil-kecilan yang mana PBT dan PUJB akan memainkan peranan untuk menyediakan ruang dan peluang berniaga yang bersesuaian kepada peniaga kecil dan pengusaha *food truck.*

Yang Berhormat Tuan Speaker, Johor Lama berpendapat segala inisiatif dan program yang disebutkan tadi pasti akan memberi manfaat kepada kumpulan sasar yang menerimanya yang mana Johor Lama percaya kebanyakan daripada mereka tergolong dalam kumpulan B40. Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, Johor Lama berpendapat bahawa, PBT telah pun memainkan peranannya yang cukup besar dalam membantu kerajaan, membantu rakyat yang terkesan ini tanpa perlu mengorbankan sumber pendapatan utamanya iaitu hasil kutipan daripada cukai hartanya. Pengurangan atau pengecualian cukai harta akan menyebabkan PBT tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan. Kos yang ditanggung oleh PBT ketika ini adalah lebih tinggi berbanding jumlah cukai harta yang dibayar oleh pemilik harta. Sebagai contoh saya ambil kawasan yang hampir dengan saya. Yang pertama saya tengok, saya buat kajian di kawasan Bandar Mas, di kawasan Majlis Perbandaran Pengerang. Di kawasan rumah bercampur di mana ramai ataupun penduduknya adalah di kalangan penduduk rumah kos rendah. Jumlah pegangan 658 unit. Cukai harta yang dikutip ialah RM90,472.00. Yang MPP tanggung angkat sampah sahaja RM118,440.00. Potong rumput di bahu jalan, kutipan sampah, pembersihan-pembersihan dan sebagainya RM357,000.00. Jadi, kalau kita campurkan kos yang ditanggung oleh PBT ialah RM475,000.00 berbanding dengan kutipan hanya RM90,000.00 bermakna RM385,000.00 adalah ditanggung oleh PBT.

Contoh kedua, di kampung, di rumah kos rendah taman Teluk Ramunia. Jumlah pegangan 24 unit, jumlah cukai harta RM1,493.00. Kos ditanggung seperti angkat sampah dan sebagainya ialah berjumlah RM6,328.00. Jadi, beginilah jumlah kos yang ditanggung oleh pihak PBT terhadap rumah kos rendah. Merujuk kepada Seksyen 136, Akta 171 jika jumlah cukai harta yang dikenakan bagi sesuatu pegangan kurang daripada RM5.00 setahun. Maka cukai harta tidak perlu dibayar Yang Berhormat Tuan Speaker. Jadi, untuk menjelaskan lagi keadaan, Johor Lama ingin memberikan satu lagi contoh di Majlis Daerah Kota Tinggi yang mempunyai 3,456 unit rumah kos rendah di mana kalau pengecualian yang diminta oleh Pekan Nanas, maka PBT Majlis Daerah Kota Tinggi akan kehilangan RM260,000.00 Yang Berhormat Tuan Speaker, dan ini pasti akan menjejaskan operasi MDKT dan merencatkan pembangunan daerah Kota Tinggi jika ianya dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini, kebanyakan PBT negeri Johor ini tidak menaikkan kadar cukai hartanya selama 5 hingga 7 tahun. Seterusnya pada tahun 2019 kerajaan pada ketika itu telah bersetuju untuk 15 PBT kecuali MP Kulai melaksanakan penyelarasan semula memandangkan senarai nilaian dan kadar cukai baru telah melebihi lima tahun. Dan pada tahun ini, pelaksanaan kerja-kerja

penyelarasan semula cukai harta telah dikaji semula memandangkan berlakunya penularan pandemik COVID-19. Ini bermakna Yang Berhormat Tuan Speaker, bahawa PBT negeri Johor telah pun membuat keputusan untuk mengekalkan kadar yang sama untuk tahun 2021 walaupun pihak PBT berpeluang untuk mengenakan suatu kadar yang baru. Di sini Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak PBT telah berkorban dengan hanya mengekalkan kadar cukai hartanya seperti sedia ada dan untuk Pekan Nanas mencadangkan pengecualian cukai harta adalah sangat tidak wajar jika dibandingkan dengan segala usaha, inisiatif dan sumbangan bantuan yang dilakukan oleh PBT negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cukai harta adalah sumber pendapatan utama kepada setiap PBT, namun begitu bukan semua PBT yang memperolehi pendapatan yang mencukupi daripada hasil kutipan cukai ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pembangunan yang berlaku di negeri Johor ini bukanlah bersifat menyeluruh, terdapat PBT yang mana di dalam kawasan pentadbirannya tidak terdapat kawasan industri yang mana boleh menghasilkan perolehan cukai harta yang banyak. PBT-PBT ini banyak bergantung kepada hasil daripada cukai harta kediaman yang juga kebanyakannya terdiri daripada rumah-rumah kos rendah dan juga hasil bukan cukai lainnya seperti lesen premis perniagaan dan sebagainya. Terdapat PBT sedia ada yang tidak berkemampuan dan bergantung dengan bantuan daripada kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah Kerajaan Tempatan yang menanggung sendiri kos operasinya berdasarkan hasil perolehan pendapatannya.

YB Speaker : 30 saat lagi Yang Berhormat. 30 saat lagi.

YB Tuan Haji Rosleli Bin Jahari (Johor Lama) : Dengan bahasa ringkasnya PBT ini menjalankan operasinya dengan menggaji staf dan pekerjanya bergantung kepada pendapatannya sendiri.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Dalam kita mengharungi ketidaktentuan harapan akibat daripada pandemik COVID-19 ini, janganlah kita bertindak seperti menggali lubang untuk menutup lubang yang mana bukan sahaja akan menyelesaikan masalah tetapi lebih memburukkan lagi keadaan. Janganlah kerana mahu menambak tebing sungai untuk mengelakkan bencana banjir kita terus-terusan menarah bukit dan gunung sehingga rata. Ketahuilah bukit dan gunung itu bersifat sebagai pasak kepada bumi. Runtuh pasak maka hancurlah bumi ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini Johor Lama mengakhiri ucapan dan menolak pengundian pengecualian cukai harta yang dibawa oleh Yang Berhormat Pekan Nanas. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Seterusnya ADUN Pembangkang seorang.

YB Tuan Sr. Dzulkefly Bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum Kota Iskandar menyampaikan hujah-hujah sokongan kepada rundingan yang dikemukakan oleh Pekan Nanas, izinkan Kota Iskandar menerangkan tiga konsep utama dalam penentuan cukai harta. Pertama asas taksiran kadar. Johor adalah satu-satunya negeri yang mengguna pakai asas taksiran kadar berdasarkan kepada nilai tambah ataupun *improve value* dengan izin. Walhal negeri-negeri lain berdasarkan kepada nilai tahunan ataupun *annual value*. Nilai tambah adalah bersamaan dengan nilai pasaran semasa manakala nilai tahunan ataupun *annual value* berdasarkan kepada nilai sewaan sebulan dalam masa 12 bulan.

Yang kedua asas senarai nilaian, *valuation list* dengan izin. Senarai nilai ini menurut Seksyen 137, Ceraian 3, Akta Kerajaan Tempatan, perlu disediakan setiap lima tahun sekali. Kenapa Yang Berhormat Tuan Speaker supaya cukai dikenakan berasaskan kepada keadilan lima tahun sekali akan berubah keadaan pasaran, akhirnya rakyat pemilik hartanah membayar cukai yang lebih ketika harga pasaran tinggi dan sebaliknya membayar cukai yang rendah pada harga pasaran yang lebih rendah.

Yang ketiga adalah kadar cukai harta iaitu jumlah cukai harta yang dibayar boleh diperolehi jumlahnya berdasarkan kepada dengan mendarabkan kadar cukai harta dengan nilai tambah tersebut. Dan pada saya kadar cukai harta ini mengikut rekod berbeza mengikut kategori rumah dan juga daripada satu PBT dengan PBT yang lain dan juga kadar cukai harta ini boleh dijadikan fungsi sebagai pengimbang oleh pihak kerajaan sekiranya senarai nilaian yang baru yang dikemukakan terdapat kenaikan harga yang mendadak supaya akhirnya cukai pintu ataupun cukai harta yang dibayar oleh tuan tanah berada dalam kenaikan yang tidak drastik ataupun mendadak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kota Iskandar menyokong rundingan yang dikemukakan oleh Pekan Nanas berdasarkan kepada enam hujah. Pertama, kediaman adalah merupakan keperluan asasi ataupun *necessity* kepada rakyat kepada kehidupan manusia dan rumah kos rendah adalah merupakan rumah bersubsidi yang dikhususkan kepada golongan sasaran B40 ataupun yang berpendapatan rendah. Yang Berhormat Tuan Speaker, contoh di Taman Universiti di tempat saya. Rumah kos rendah *standard* RM150,000.00 cukai setahun adalah RM255. Walaupun jumlah dia kecil kepada kita, tetapi besar maknanya kepada golongan B40.

Yang kedua, sebelum yang kedua, yang pertama tadi, kumpulan B40 ni adalah merupakan golongan yang paling ataupun mudah terkesan dengan impak penularan pandemik COVID-19. Yang kedua, pada dasarnya pemilik hartanah di negeri Johor membayar cukai harta pada bayaran angka yang lebih tinggi daripada sepatutnya. Kenapa saya kata begitu ya Yang Berhormat Tuan Speaker, kerana kebanyakan PBT tidak menyediakan senarai nilaian mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 5 tahun sekali*. Average* sekarang ini PBT buat aras nilaian berdasarkan kepada 2013. Sepatutnya senarai nilaian yang baru dibuat 2018 bukannya 2020. Keadaan pasaran 2018 dengan 2020 adalah berbeza. Maknanya sekarang lebih tinggi daripada 2018. Kalau kita jadikan asas nilaian tahun ini makna kita akan mengenakan kadar jumlah yang lebih tinggi daripada sepatutnya.

Yang ketiga, Yang Berhormat Tuan Speaker, selari dengan cadangan daripada Pekan Nanas tadi, terdapat 15 PBT yang disebutkan oleh rakan kita tadi bahawa sedang dalam proses melakukan penilaian semula ataupun senarai nilaian baru maka saya setuju dengan cadangan Pekan Nanas supaya penguatkuasaan itu ditangguhkan kepada suatu masa yang lebih sesuai dan jika sekiranya kerajaan negeri dan PBT masih *insist* untuk menguatkuasakan pada tahun hadapan maka sila gunakan kadar cukai yang saya sebut tadi sebagai pengimbang untuk memastikan kenaikan cukai harta itu pada jumlah yang lebih munasabah dan juga berpatutan.

Yang keempat, saya nak *rebuttal* dengan izin apa yang disebutkan oleh rakan kita Johor Lama tadi. Yang dimaksudkan oleh Pekan Nanas adalah pengecualian cukai harta kepada rumah kos rendah bukannya kediaman keseluruhan dan kalau kita lihat purata jumlah kutipan cukai harta oleh PBT untuk kos rendah berbanding dengan keseluruhan cukai harta yang dikutip maklumat yang saya dapat tak sampai pun 2% ke 3% daripada jumlah kutipan

cukai harta keseluruhannya. Oleh itu, saya menyatakan impak kewangan yang dialami oleh PBT-PBT adalah sangat minimum. Dan, juga saya nak sentuh tadi bahawa tidak pun disebut oleh Pekan Nenas adakah pengurangan ini disyorkan kepada kesemua 16 PBT. Tidak, saya tak dengar pun. Maknanya kerajaan negeri dan PBT boleh membuat pertimbangan bersesuaian dengan kedudukan kewangan setiap PBT berkenaan. Mana yang mampu kita cuba usahakan supaya usul atau rundingan yang murni ini dapat direalisasikan.

Yang kelima, Yang Berhormat Tuan Speaker, pada masa ekonomi baik sebelum datangnya COVID-19, cukai harta ni sebagaimana disebut daripada rakan saya daripada Johor Lama tadi mewakili hampir 55% ke 57% daripada hasil pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan. Iaitu mereka ini adalah pembayar cukai yang setia, kalau tak dibayar Yang Berhormat Tuan Speaker harta-harta mudah alih mereka boleh disita. Maknanya mereka ini mahu tak mahu terpaksa menjadi pembayar cukai yang tegar kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Itu sebabnya bila keadaan sebaliknya mestilah pihak kerajaan ataupun PBT mempunyai sikap rahmah ataupun kasihan belas kepada mereka yang berpendapatan rendah, yang mudah terkesan dengan COVID-19 supaya mereka boleh melangsungkan kehidupan mereka sebagaimana kita. Kalau dilihat daripada aspek rahmah di dalam konsep dibawa oleh Rasulullahlah SAW di dalam Suratul Anbia ayat 107. (Bacaan surah), "*Tidaklah kami utuskan kamu wahai Muhammad melainkan untuk merahmat kepada sekalian alam*". Makna rahmat di sini bermakna adil, belas kasihan, bertolak ansur dan juga berkasih sayang. Maknanya tuan-tuan, sekiranya pihak kerajaan menerima usul ataupun rundingan ini, maka pengecualian bayaran cukai harta bagi rumah kos rendah ini boleh dianggap sebagai satu token ataupun penghargaan ke atas kesetiaan pemilik hartanah rumah kos rendah selama ini yang menyumbang pendapatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang terakhir Yang Berhormat Tuan Speaker. Usul yang dikemukakan oleh Pekan Nanas sebagaimana saya sebut tadi tidak pun menyentuh ataupun menyebut perlu dilaksanakan kepada 16 PBT yang terdapat di negeri Johor. Akhirnya saya mengesyorkan supaya sokongan Yang Berhormat Ahli Dewan yang mulai ini sangat penting bagi kita memberi isyarat yang jelas dan terang bahawa kerajaan Johor sangat prihatin terhadap jasa pembayar cukai harta selama ini dan juga sangat prihatin kepada nasib dan juga kesusahan yang menimpa mereka khusus dalam menghadapi impak daripada penularan pandemik COVID-19. Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Pergi ke pasar membeli ikan, ikan dibeli bersama singkong, setakat ini hujah diberikan, Kota Iskandar mohon menyokong. Wabilahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Kota Iskandar. ADUN daripada kerajaan. Jemput.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Berselawat). Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya paling susah, apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Pekan Nanas tadi. Bila dia merayu-rayu tu kan. Pertamanya, saya rasa pelik...

YB Speaker : Tu belum Johor Jaya lagi tu kan. Baru Pekan Nanas. (Dewan ketawa).

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kerana beri ruang kepada saya untuk berbahas bagi pihak kerajaan. Pertamanya, saya agak terkejut dengan pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pekan Nanas. Sebelum ini saya sediakan hampir sepuluh helai peluru untuk saya apa, bahaskan

pada sidang kali ini. Tapi bila dia pinda kepada satu aje pengecualian rumah kos rendah, jadi peluru tu tinggal satu aje. Tapi saya yakin, satu peluru tu satu musuh. Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker,

YB Speaker : Bukan musuh, rakan strategik.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Terima kasih kerana mengingatkan saya. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya daripada segi tajuk rundingan ini kita perlu tahun untuk membezakan. Rundingan mengenai pengecualian cukai harta rumah kos rendah. Pengecualian dengan mengurangkan kadar harga, mengurangkan cukai tu beza. Yang YB Pekan Nanas ni cakap itu pengecualian.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin, izinkan saya untuk kongsi dengan Tuan Speaker dan rakan-rakan Yang Berhormat. Saya ingin merujuk kepada Akta 171. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, di bawah Seksyen 134, berdasarkan rundingan yang dibawa oleh Pekan Nanas, dia menyebut pengecualian untuk rumah kos rendah. Kalau ikut daripada Seksyen 134, ia tidak boleh dilakukan berdasarkan kepada Seksyen ini. Pengecualian hanya menetapkan untuk 4 perkara.

1. Sebagai tempat awam, jadi pengecualian itu boleh dibuat.

2. Sebagai tanah perkuburan.

3. Sekolah awam.

4. Tempat awam bagi maksud khairat atau bagi sains sastera atau seni halus.

Yang Berhormat Tuan Speaker, jelas Seksyen 134, ianya boleh dibaca bersama Seksyen 135. Apabila sesuatu pegangan atau sesuatu bahagian daripadanya digunakan semata mata bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan dan bukan untuk mendapat keuntungan wang Pihak Berkuasa Negeri, menurut budi bicaranya, mengecualikan pegangan atau bahagian pegangan itu daripada pembayaran semua atau mana-mana kadar atau boleh mengurangkan apa-apa kadar yang dikenakan ke atas pegangan atau bahagian pegangan tersebut. Jelas Yang Berhormat Speaker ya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang telah termaktub di dalam Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976, di bawah Seksyen 134 dan 135, jelas membuktikan bahawa kerajaan negeri tidak mempunyai punca kuasa ke atas rundingan yang di bawa oleh Yang Berhormat Pekan Nanas. Kerajaan negeri tidak boleh menurunkan cukai dan hanya boleh mengenakan kadar cukai seperti yang termaktub di bawah Seksyen 127 iaitu yang menyebut, Pihak Berkuasa Tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dari semasa ke semasa sebagaimana difikirkan perlu mengenakan sama ada secara berasingan atau sebagai suatu kadar yang disatukan, kadar atau kadar tahunan dalam sesuatu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan bagi maksud Akta ini atau bagi maksud lain yang mana adalah kewajipan Pihak Berkuasa Tempatan itu menyempurnakannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Kesimpulannya Yang Berhormat Tuan Speaker, memang bila rundingan daripada Yang Berhormat Pekan Nanas ini memang agak susahlah. Di luar sana persepsi tu dah pelbagai dah. Dia kata apa, kerajaan tidak memahami masalah rakyat, kerajaan itu dan kerajaan ini. Kata kita kawan? Tapi cara rundingan tu saja jolok untuk kita jadi tebuan. Sebab itu Yang

Berhormat Speaker, bagi pihak kami, janganlah dijadikan rundingan ini sebagai satu agenda politik kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan atau apa agenda tersurat. Ini bukan masanya. Kan kita dah janji hari tu. Masa kita berbahas. Saya ingat semua Yang Berhormat pembangkang berbahas dan kita di pihak kerajaan pun kita berbahas. Kita adalah rakan strategik seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Bukan saya yang sebut, Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Oklah. Terima kasih. Terima kasih kerana selalu ingatkan saya. Bila dah petang ini, dia selalu agak tersasul. Tapi saya doalah, supaya tersasul tu akhirnya memberi manfaat kepada kita semua. Yang kat luar ini sebenarnya Yang Berhormat Tuan Speaker, kita kena fahami, bukan kita sogok dengan perkara-perkara yang tidak benar, tidak mustahil dan saya yakin untuk 5 tahun yang akan datang pun sebenarnya akan dibawa perkara yang sama. Tadi Yang Berhormat Kota Iskandar ada kata 5 tahun sekali, 7 tahun sekali. Ya, saya tahu. Saya siapkan saya punya teks ini, saya ingat daripada pukul 10 pagi semalam sampai pukul 11 malam. Atas sebab apa? Kerana nak menjawab rundingan tu, punyalah cukup banyak. Komersial ada, rupanya cuma satu aje yang tinggal.

Pada tahun, Kota Iskandar kalau boleh saya maklumkan di sini, saya tak pernah sesekali nak pertikaikan apa yang kerajaan dulu buat ke, PH ke. Hari ini PN, kita akan bergerak ke depan. Pada tahun 2019, kalau Yang Berhormat Kota Iskandar pun tahu kan, dalam MMK bersetuju supaya 15 PBT melaksanakan penilaian semula bagi pegangan cukai di kawasan masing-masing. 2019 bukan zaman kita tau Yang Berhormat Kota Iskandar. Pada masa itu kerajaan Pakatan Harapan. Kenapa tak dibawa rundingan sebelum ini? Saja kan menyakat kita kan? Dulu lain sekarang lain ke? Sama aje. Ini minta maaf. Saya mengandaikan pada ketika itu mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebelum ini dia dalam keadaan ekonomi kita baik. Mungkin tak mengambil kira apa yang berlaku pada hari ini. Dan sememangnya apa yang berlaku ini di luar kawalan kita semua. Jadi, tak perlulah kita nak persoal zaman PH ke, zaman PN ke apa kan. Yang penting kita nak teruskan pentadbiran yang baik untuk rakyat negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Lagipun Tuan Speaker, kita akui pada Oktober 2020 dalam MMK pun sama. Kerajaan yang pada hari ini juga bersetuju melaksanakan penilaian semua PBT diteruskan. Itu pun Yang Berhormat Tuan Speaker, tarikh penguatkuasaan tertakluk kepada keputusan kerajaan dari masa ke semasa. Lagi-lagi dalam suasana COVID-19 ini kan, seperti yang disebut oleh Pekan Nanas, Kota Iskandar, insya-Allah saya yakinlah, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pasti tidak akan ada kezaliman dalam negeri Johor. Insya-Allah. (Dewan bertepuk). Dan saya pun tahu, Yang Berhormat Pekan Nanas sendiri pun tahu, perkara ini dah termaktub dah. 5 hingga 7 tahun sekali kena apa, kita buat penyelarasan semula. Sudah gaharu cendana pula, dah tahu nak minta turun pula.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ringkaskanlah. Tinggal lagi 2 minit. Saya menyokong penuh apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Johor Lama. Johor Lama ada katakan PBT banyak beri sumbangan melalui Yayasan. Yayasan PBT ini ada 16, saya ingat lebih daripada RM11 juta. RM11 juta dibelanjakan untuk membantu rakyat. Bukan kata yang menerima nikmat itu Yang Berhormat pembangkang, kerajaan, bukan saja yang pembayar cukai, yang terima nikmat itu sebenarnya pun di kalangan bukan pembayar cukai. Kalau hari ini, kalau fungsi PBT itu kita hanya letak untuk membantu pembayar-pembayar cukai,

saya ingat dalam keadaan negeri Johor pada hari ini dengan COVID-19 ramai rakyat yang sengsara.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mencadangkanlah kepada Yang Berhormat Pekan Nanas. Tadi saya dah sebut dah Seksyen 134, 135, saya ingin mencadangkan dengan punca kuasa yang ada, sebarang penggubalan Seksyen 134 di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976, untuk dimasukkan pengecualian tambahan daripada 4 yang saya sebutkan tadi, adalah di bawah bidang kuasa Parlimen. Yang Berhormat Speaker, mungkin YB Pekan Nanas bolehlah mencadangkan kepada mana-mana Ahli Parlimen, Yang Berhormat Simpang Jeram pun ada. Saya nak sebut di sebelah kiri saya, saya agak menakutkan. Boleh cadangkan dengan Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen, beritahu dia, guballah, tambah satu lagi pengecualian rumah kos rendah. Dan insya-Allah, kita pun tak ada masalah. Kerana kita tahu ini bukan bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi kita tak mampu untuk lakukan.

Yang Berhormat Speaker, saya cadangkan agar rundingan ini tidak perlulah untuk diundi dan tidak sewajarnya, tidak sepatutnya untuk kita bahaskan di Dewan yang mulia ini. Saya menyeru kepada rakan-rakan sebelah pembangkang, janganlah sampai bila kata rundingan ini kita bahaskan di Dewan Negeri Johor, akan menjadikan pelbagai persepsi yang negatif di luar sana. Yakinlah, kerajaan pada hari ini akan sentiasa dengan rakyat negeri Johor. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Ya, terima kasih Sri Medan. Jemput wakil daripada pembangkang, yang terakhir.

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Simpang Jeram) : Bismillahirrahmannirrahim. Tuan Speaker, izinkan saya untuk bangun, mungkin pembahas yang terakhir dalam sesi ini. Sebagai menyokong rundingan rakan saya Pekan Nanas, yang saya rasa satu rundingan yang bersifat pro rakyat. Jangan bimbang, tenang-tenang saja politik ini. Kita semasa berada di sana kita melakukan yang terbaik untuk rakyat. Dan, bila kita berada di sini kita menyuarakan seterusnya apa yang kita rasa tidak berkesempatan untuk dilakukan semasa kami menjadi kerajaan. Kerajaan hari ini boleh bertukar bila-bila masa. *Time will tell*.

Saya ingin menyatakan bahawa rakan saya tadi yang terakhir, Yang Berhormat Sri Medan, *don't mislead.* Sebab punca kuasa untuk kita bersetuju ataupun tidak untuk menaikkan cukai ini adalah *it's a state matter* dengan izin. Jadi, sebagai kerajaan yang ada pada hari ini, saya meneliti dengan cermat pembentangan belanjawan dan juga penggulungan Yang Amat Berhormat Benut, rakan lama saya. Saya rasa tidak ada masalah. *There is small matter*, perkara kecil. Hanya lebih kurang 2% sahaja daripada keseluruhan kutipan cukai itu yang akan dinikmati oleh keseluruhan rakyat. Bukan untuk bermain politik, tapi *just a fact*. Kalau bukalah peti-peti undi kita ini, termasuk kawasan saya yang bertanding, rumah-rumah kos rendah ini Yang Amat Berhormat, kebanyakan pengundi setia kepada UMNO, Barisan Nasional. Jadi, apalah salahnya untuk demi rakyat yang walaupun mereka esok tidak mengundi kami, tetapi kami ingin merakamkan pada sidang DUN pada kali ini untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar *consider the best for the* rakyat. (Dewan bertepuk). Itu penting. Dalam COVID ini, ramai yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ramai lagi yang di antara kita ini bila berlakunya COVID, kita sebagai Wakil Rakyat yang datang, mereka ini adalah merupakan golongan yang *living from hand to mouth*, dengan izin. Tak ada pendapatan pada hari ini, mereka tidak boleh hidup. Oleh itu, mereka inilah yang mendiami rumah-rumah kos rendah ini. Oleh itu, *non political*. Kalau mereka dapat, mereka yang beruntung. Mengundi pada hari pilihan raya nanti itu hak mereka.

Demokrasi. Tapi tugas kami pada hari ini adalah untuk menyokong apa yang dikatakan oleh rundingan Pekan Nanas, rundingan yang saya anggap sebagai pro rakyat yang mesti diberikan perhatian oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Speaker, 10 minit saya dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di sini, kami sibuk di Parlimen. Izinkan saya untuk memberikan sedikit komentar tentang belanjawan yang saya teliti secara objektif di bentang oleh Yang Amat Berhormat Benut dan kita semua. Dan, kita punya satu iltizam dengan bajet ini kita mampu untuk sampaikan pada peringkat akar umbi. Dan, saya mohon kepada YAB Benut supaya dengan bajet ini kita pastikan tidak ada *snap election.* Tidak ada pilihan raya tahun depan. Kalau kita berjumpa dengan semua Ke Bawah Duli Tuanku-Tuanku dalam negara kita ini, semua Tuanku-Tuanku bertitah kalau boleh mahu kerajaan yang stabil, mahu sebuah kerajaan yang kukuh dan kalau boleh kita elak pilihan raya kerana COVID yang akan mengancam kita semua. Oleh itu, Menteri Besar boleh berjumpa dengan Tuanku Johor dan nyatakan bahawa kami Ahli-Ahli Dewan dengan belanjawan yang dibentangkan kita bersedia untuk bersama dan *no snap election,* itu bagus untuk kita semua. Apatah lagi darurat. Jangan diadakan darurat. Kita rapi COVID, *we must leave this COVID.* Kita tak mampu lagi nak *lock down*, tak mampu untuk kurung orang di rumah, ekonomi kita semakin buruk, tidak ada darurat, kita hadapi COVID, suburkan demokrasi dan kita bersama memulihkan ekonomi di Johor ini khasnya. Dengan belanjawan yang telah pun dibentangkan. Kalau Yang Amat Berhormat hilang rakan dalam masa terdekat boleh berunding dengan kami di pihak Pakatan Harapan. Kami adalah merupakan rakan-rakan yang setia. Kami menang dengan mandat rakyat dan kami tidak bawak lari kerusi kami ke sana ke sini. *Anything will happen next week* dengan izin di Perak. Satu senario baru di Perak sudah jatuh kerajaan.

YB Speaker : Azan Yang Berhormat.

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Simpang Jeram) : Ok Tuan Speaker, kita mahu sebuah kerajaan yang kukuh, yang stabil, kerajaan yang mampu untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat. Tetapi senario politik yang ada pada hari ini tidak menentu. Apa yang berlaku di Perak pada minggu hadapan akan mengubah kembali landskap negara kita. Tetapi saya yakin dan percaya dengan *the great grand collusion* parti-parti politik yang boleh berjanji setia untuk rakyat, untuk kita hadapi kepentingan rakyat, kita PH, Pakatan Harapan boleh memikirkannya. Dan saya yakin dan percaya bahawa termasuk di negeri Johor ini iaitu saya rasa Yang Berhormat semalam secara tidaklah bergurau orang politik dengan cakap politik saya telah memberikan satu pandangan sepatutnya ada usul percaya kepada UMNO untuk Menteri Besar kita. Tetapi nampaknya tidak ada. Boleh menang atau tidak, kalah atau tidak itu bagi saya bukan itu perkara penting, kerana bagi saya keabsahan politik. *The legitimacy of this government must be proven in this house*, bagi saya. Dan, kalau siapa pun yang menjadi Menteri Besar kami tidak ada masalah kerana sumpah kami sebagai Ahli Parlimen, sumpah kita sebagai Ahli Dewan Negeri adalah untuk mempertahankan demokrasi, mempertahan perlembagaan dan mempertahankan kedudukan Raja-Raja Melayu tapi keabsahan itu penting kerana saya mahu dengan adanya satu *collusion* yang padu ini yang berteraskan kepada integriti dan kepercayaan. Dah cuba dah kerajaan PN 98% Melayu, 2-3% saja bukan Melayu. Tumbang di Perak mungkin tumbang di *federal*, kalau tumbang di *federal* mungkin Simpang Jeram dengan Gambir boleh bincang balik. Apa yang mungkin boleh berlaku, *in politic nothing.*

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Tuan Speaker,

YB Speaker : Peraturan berapa Yang Berhormat.

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Simpang Jeram) : Saya dah minta izin, tadi mungkin saya terkeluar sikit daripada ucapan ini jadi...

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Peraturan 45(vi).

YB Speaker : Yang Berhormat...

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang ni baru azan Yang Berhormat. Sama-sama duduk.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan).

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Simpang Jeram) : Saya rasa, saya akhiri ucapan saya dengan terima kasih dan saya menyokong rundingan daripada Pekan Nanas.

YB Tuan Haji Aminohuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Yaani menyokong mohon melalui Peraturan Tetap 116, mohon Dewan berundi belah bahagi atas rundingan Pekan Nanas, sekian terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana ada permintaan daripada Parit Yaani untuk berbelah bahagi, jadi sebelum undi belah bahagi dijalankan, sekiranya ada Ahli-Ahli Yang Berhormat berada di luar, saya kira semua dah masukkan tak apalah kita bagi masa satu minit bagi membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat masuk ke Dewan Negeri sebelum pintu Dewan dikunci bagi membolehkan undi bahagi dijalankan. Satu minit saya ingat semua dah adakan. Satu minitlah.

Dan, minta Jurutulis dan dua Penolong Jurutulis menjadi penghitung bagi unit penghitung undi bagi blok kerajaan dan blok pembangkang. Bersedia. Semua dah adakan. Ok, boleh kunci. Ok, persilakan dah satu minit. Silakan Jurutulis dan pembantu-pembantunya untuk membuat kiraan. Di situ ada 3 ya, Yang Bersetuju, Yang Tidak Bersetuju dan Yang Tidak Berundi. Tidak berundi itu bermakna yang berkecuali dan yang keempat Tidak Hadir. Kita ada tigalah ya pilihan ya. Yang Bersetuju, Yang Tidak Bersetuju dan Yang Tidak Berundi.

YB Datuk Md Othman bin Yusof (Kukup) : Yang Berhormat Tuan Speaker,

YB Speaker : Ya, saya.

YB Datuk Md Othman bin Yusof (Kukup) : Boleh saya bagi pandangan sikit, walaupun kita di sini, katakan kita semua bersetuju tetapi tetap punca kuasa bagi perkara ini bukan dari dalam Dewan Negeri...

YB Speaker : Itu telah dihujahkan Yang Berhormat. Telah dihujahkan tadi tu.

YB Datuk Md Othman bin Yusof (Kukup) : Tetapi ialah hujah tu betul. Tetapi punca kuasa sebenar bukan pada kita.

YB Speaker : Tapi saya rasa tidak *fair* pulak kalau kita bagi lagi peluang Yang Berhormat. Cukuplah perbahasan tadi.

YB Datuk Md Othman bin Yusof (Kukup) : Tak, ini apa yang saya nak sangkalkan di sini, kalau pun kita setuju tetapi Parlimen tak bersetuju, apa makna kita buat undian di sini. *So* di sini yang saya nak tanyakan.

YB Speaker : Perbahasan dah selesai Yang Berhormat.

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : *Interpretation*, Akta. Ini kita bukan tempat untuk kita bincang *interpretation...*

YB Speaker : Dah habis perbahasan tu, saya tak benarkan.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenar di negeri Terengganu dan Selangor sudah ada buat dasar macam ni. Kalau kita nak cakap ini bukan di bawah kuasa dan kerajaan negeri ada sikit dan sebenar. Kita juga boleh kurangkan kadar cukai kepada sifar. Terima kasih.

YB Speaker : Pekan Nanas, duduk. Pekan Nanas saya minta duduk.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Pekan Nanas.

YB Speaker : Saya jelaskan, saya jelaskan ya, semua ya. Perbahasan itu dah habis. Ini masa mengundi. Mana ada tengah mengundi buat perbahasan. Tertiblah Yang Berhormat, sedang mengundi kita berbahas macam mana. Masa mengundi, mengundilah masa berbahas, bahaslah ya. *So* saya tidak benarkan sebarang perbahasan. Kita dalam sidang lagi ni.

Ok, alhamdulillah kita dah dapat keputusan. Ahli-Ahli Yang Berhormat undi belah bahagi ini telah dijalankan. Yang Bersetuju seramai 27 orang, Yang Tidak Bersetuju seramai 29 orang, Yang Tidak Berundi, seramai kosong orang, Yang Tidak Hadir, kosong. Oleh kerana itu maka yang mengundi Tidak Bersetuju lebih ramai daripada Yang Bersetuju maka rundingan itu tidak dipersetujukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan YB Parit Yaani telah menarik balik rundingan mengenai Pemilihan Ahli Dewan Negara di bawah Peraturan Tetap Bil. 33(2), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor melalui suratnya bertarikh 19 November 2020. Jurutulis Dewan Negeri juga telah memaklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat melalui surat bertarikh 30 November 2020 berhubung perkara ini. Rundingan tersebut adalah disifatkan telah ditarik balik dan ingatan mengenainya hendaklah dimasukkan ke dalam Minit Mesyuarat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan tersebut. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, dah hujung ini, jadi saya semua orang berpantun saya nak berpantun yang *last*. Penawar dengar baik-baik. Tarian Johor tarian zapin, tarian Kelantan ulit mayang, kalau hendak jadi pemimpin, selain bijak perlu sembahyang.

Sungguh cantik bunga di taman, bunga raya ditanam di sebelah, pemimpin amanah serta beriman, rakyat dipimpin ke jalan Allah. Hijau menguning padi di sawah, tunduk berisi bagai nak rebah, pendirian kukuh tidak goyah, menghadapi cabaran tidak gelabah. Jadi, tiga-tiga ini ditujukan kepada kita bersamalah sebagai pemimpin.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Dewan ini ditangguhkan saya dan seluruh Ahli Dewan Negeri Johor ingin merakamkan ucapan penghargaan setinggi-tinggi terima kasih kepada barisan *front liners* yang sentiasa bersiap siaga dalam menjalankan amanah tanpa mengenal penat dan lelah menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat negeri dan negara ini semenjak menularnya COVID-19 pada bulan Mac yang lalu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mohon ampun dan maaf jika ada sebarang kesilapan dan kesalahan. Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4.35 petang.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Cik Hajah Shubanah binti Yusuf, SIJ., PIS.

Penolong Jurutulis
Encik Hasnul Atmam bin Othman
Puan Farrah Diana binti Mohammad

Koordinator
Puan Hajah Norela binti Osman

Pembantu Penerbitan
Puan Malina binti Mohd Nasir
Puan Noraisah binti Mohd Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)
Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd Norazri bin Kasim
Encik Mohd Sapri bin Manan
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah
Encik Muhammad Khairul bin Arop

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)
Puan Hajah Zalinah binti Ali
Puan Hajah Saniah binti Kassim
Puan Hajah Rumiah binti Semirono
Puan Zahiti binti Muhammad Hamdi
Puan Hajah Azlin binti Bahrin
Puan Junaidah binti Paing
Puan Hajah Fareza binti Musa
Puan Hajah Haironisha binti Zainal Abidin
Puan Hairun Nurul Ain binti Zainal Abidin
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Puan Shuriati binti Abdul Hajar
Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Puan Norlydialina binti Isnin
Puan Norazilawati binti Masri
Puan Raihanah binti Ismail
Puan Siti Rohani binti Ahmad Suhaimi
Puan Haslizah binti Asmani

Rakaman
Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md Sidi
Encik Khairul Anuar bin Umar Usman

Juruaudio Video
Encik Noorazhan bin Mohd Salleh
Encik Ismail bin Abu Bakar

UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR
26 NOVEMBER 2020 – 06 DISEMBER 2020